



2 Julai 2012
P.U. (A) 205

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012



DISIARKAN OLEH
JABATAN PEGUAM NEGARA

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1955

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012

SUSUNAN ATURAN

Aturan

1. Nama, pemakaian, tafsiran dan borang
- 1A. Mahkamah atau Hakim hendaklah mengambil berat keadilan
2. Kesan kerana ketidakpatuhan
3. Masa
4. Penyatuan prosiding
5. Cara permulaan prosiding
6. Writ saman: Peruntukan am
7. Saman pemula: Peruntukan am
8. *(Tiada Aturan 8)*
9. *(Tiada Aturan 9)*
10. Penyampaian proses pemula: Peruntukan am
11. Penyampaian proses di luar bidang kuasa
12. Kemasukan kehadiran kepada writ
13. Keingkaran kehadiran kepada writ
14. Penghakiman terus
- 14A. Pelupusan kes mengenai perkara undang-undang
15. Kausa tuntutan, tuntutan balas dan pihak-pihak
16. Prosiding pihak ketiga dan prosiding yang serupa
17. Interplider
18. Pliding
19. Keingkaran pliding
20. Pindaan
21. Penarikan balik dan pemberhentian
22. *(Tiada Aturan 22)*
- 22A. Pembayaran interim

Aturan

- 22B. Tawaran untuk selesai
23. Jaminan kos
24. Pendedahan dan pemeriksaan dokumen
25. *(Tiada Aturan 25)*
26. Interogatori
27. Pengakuan
28. Prosedur saman pemula
29. Injunksi interlokutori, pemeliharaan harta interim
30. Penerima
31. Jualan harta tak alih atas perintah mahkamah
32. Permohonan dan prosiding dalam Kamar
33. Cara perbicaraan
34. Pengurusan kes sebelum bicara
35. Prosiding semasa perbicaraan
- 35A. *(Tiada Aturan 35A)*
36. Perbicaraan di hadapan dan siasatan oleh pendaftar
37. Taksiran ganti rugi
38. Keterangan: Am
39. Keterangan melalui deposisi: Pemeriksa Mahkamah
40. Pakar Mahkamah
- 40A. Pakar bagi pihak-pihak
41. Affidavit
42. Penghakiman dan perintah
43. Akaun dan siasatan
44. Prosiding di bawah penghakiman dan perintah yang saksama
45. Penguatkuasaan penghakiman dan perintah
46. Writ pelaksanaan: Am
47. Writ penyitaan dan penjualan
48. Pemeriksaan penghutang penghakiman
49. Prosiding orang digarnis
50. Perintah gadaian, perintah pemberhentian
51. Penerima: Pelaksanaan berekuiti

Aturan

- 51A. Pembahagian mengikut kadar
- 52. Pengkomitan
- 53. Permohonan semakan kehakiman
- 54. *(Tiada Aturan 54)*
- 55. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi daripada Mahkamah Rendah
- 55A. Rayuan kepada Mahkamah Tinggi di bawah undang-undang bertulis
- 56. Rayuan daripada Pendaftar Mahkamah Tinggi kepada Hakim dalam Kamar
- 57. Pemindahan prosiding
- 58. *(Tiada Aturan 58)*
- 59. Kos
- 60. Pejabat Pendaftaran
- 61. Persidangan, cuti dan waktu pejabat
- 62. Penyampaian dokumen
- 63. Kertas, percetakan, notis dan salinan
- 63A. Penfailan elektronik
- 64. Penukaran peguam
- 65. Penyampaian proses negara asing
- 66. Mendapatkan keterangan untuk mahkamah negara asing
- 67. Penguatkuasaan penghakiman bersalingan
- 68. *(Tiada Aturan 68)*
- 69. Prosiding timbang tara
- 70. Prosiding admiralti
- 71. Prosiding probet tidak bertikaian
- 72. Prosiding probet bertikaian
- 73. Prosiding oleh dan terhadap kerajaan
- 74. Akta Penghutang 1957
- 75. Akta Distres 1951
- 76. Ketidakupayaan
- 77. Pekongsi
- 78. Tindakan kerana fitnah
- 79. Tindakan pemberi pinjam wang

Aturan

80. Tindakan pentadbiran dan yang seumpamanya
81. Tindakan bagi pelaksanaan spesifik, penghakiman terus
82. Tindakan pemegang debentur daftar penerima
83. Tindakan gadaian
84. Prosiding yang berhubungan dengan budak
85. Akta Bil Jualan 1950
- 85A. Proceedings arising out of hire-purchase agreements
86. Akta Pewarisan (Peruntukan-Peruntukan Keluarga) 1971
- 86A. Akta Kerja 1955
87. Akta Cap Dagangan 1976
88. Akta Syarikat 1965
89. Prosiding terus untuk mendapatkan pemilikan tanah
90. Penyerahsimpanan ke dalam Mahkamah dan pembayaran kepada Syerif
91. Fi Mahkamah
92. Pelbagai
93. Tatacara tuntutan kecil
94. Peruntukan pemansuhan, kecualian dan peralihan

AKTA MAHKAMAH KEHAKIMAN 1964

AKTA KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH 1955

KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH 2012

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 17 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] dan seksyen 4 Akta Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1955 [*Akta 55*], dan dengan persetujuan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya dan Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak, Jawatankuasa Kaedah-Kaedah dan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah membuat kaedah-kaedah yang berikut:

ATURAN 1

NAMA, PEMAKAIAN, TAFSIRAN DAN BORANG

Nama dan permulaan kuat kuasa (A. 1, k. 1)

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012**.

(2) Kaedah-Kaedah ini, kecuali Aturan 91, mula berkuat kuasa pada 1 Ogos 2012.

(3) Aturan 91 mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Kaedah-Kaedah dan Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Pemakaian (A. 1, k. 2)

2. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi semua prosiding dalam—

(a) Mahkamah Majistret;

(b) Mahkamah Sesyen; dan

(c) Mahkamah Tinggi.

(2) Kaedah-Kaedah ini tidaklah mempunyai kuat kuasa berhubung dengan prosiding yang berkenaan dengannya kaedah-kaedah telahpun atau boleh dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis bagi maksud tertentu dalam prosiding itu atau berhubung dengan mana-mana prosiding jenayah.

(3) Jika sebelum permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini, sebutan yang dibuat dalam mana-mana undang-undang bertulis kepada mana-mana Kaedah-Kaedah Mahkamah sebutan itu hendaklah kepada Kaedah-Kaedah ini.

3. *(Tiada kaedah 3)*

Takrif (A. 1, k. 4)

4. (1) Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta” ertinya Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*] atau Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*] atau kedua-duanya;

“bailif” termasuklah Pendaftar, mana-mana kerani atau pegawai Mahkamah yang lain yang dipertanggungjawabkan dengan menjalankan tugas seorang bailiff;

“Borang” ertinya suatu borang yang dinyatakan dalam Lampiran A kepada Kaedah-Kaedah ini, dan suatu borang yang dirujuk dengan menggunakan suatu nombor ertinya borang yang dinomborkan sedemikian dalam Lampiran A;

“buku kausa” ertinya buku yang disimpan di Pejabat Pendaftaran atau apa-apa data yang disimpan secara elektronik yang nombornya, dan apa-apa butir-butir lain yang berhubung dengan, suatu kausa atau perkara dicatatkan;

“dikeluarkan”, berhubung dengan suatu dokumen, ertinya bahawa seorang pegawai Mahkamah yang berkenaan telah mengecapkan meterai Mahkamah di atasnya;

“dokumen” ertinya apa-apa jua yang maklumat mengenai apa-apa perihalan direkodkan dan termasuklah suatu tuntutan, saman, permohonan, penghakiman, perintah, affidavit, pernyataan saksi atau apa-apa dokumen lain yang digunakan dalam suatu prosiding Mahkamah;

“folio” ertinya 100 patah perkataan, setiap angka itu dikira sebagai satu perkataan;

“hadir” termasuklah kehadiran oleh mana-mana orang dengan menggunakan elektronik, mekanikal atau cara lain yang dibenarkan oleh Mahkamah;

“Hakim” ertinya seorang Hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah Tinggi dan termasuklah, jika dia diberi kuasa untuk bertindak, seorang Hakim Mahkamah Sesyen, seorang Majistret atau seorang Pendaftar, mengikut kehendak keadaan;

“Kerajaan” ertinya Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau keduanya;

“Mahkamah Rendah” mempunyai erti yang sama sebagaimana yang diberikan kepadanya di bawah Akta Mahkamah Kehakiman 1964;

“pegawai” ertinya seorang pegawai Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret dan termasuklah Pendaftar, jurubahasa Mahkamah, bailif, kerani, penghantar saman atau pegawai lain yang ditempatkan di suatu Mahkamah;

“peguam” ertinya seorang peguam bela dan peguam cara sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 3 Akta Profesion Undang-Undang 1976 [*Akta 166*];

“Pejabat Pendaftaran” ertinya Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret;

“pemfailan”, berhubung dengan suatu dokumen, ertinya penyerahan, melalui pos atau selainnya, kepada pejabat Mahkamah;

“Pendaftar” ertinya—

- (a) Ketua Pendaftar atau Timbalan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan;
- (b) Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya atau Pendaftar Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak;
- (c) mana-mana Timbalan Pendaftar atau Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi; atau
- (d) mana-mana Pendaftar Mahkamah Rendah di bawah Akta Mahkamah Rendah 1948;

“Pengawal” ertinya Pengawal Pertukaran Wang Asing sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 [*Akta 17*];

“pliding” tidak termasuk suatu notis permohonan atau suatu tindakan permulaan;

“prosiding” ertinya apa-apa prosiding sama ada dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar dan termasuklah suatu permohonan pada mana-mana peringkat prosiding yang disifatkan telah bermula apabila tindakan difailkan;

“salin”, berhubung dengan suatu dokumen, ertinya apa-apa yang ke atasnya maklumat yang direkodkan dalam dokumen itu telah disalin, dengan apa jua cara sekalipun dan sama ada secara langsung atau tidak langsung;

“Syarif” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi;

“tandatangan” berhubung dengan menandatangani apa-apa dokumen oleh Pendaftar, termasuklah pembubuhan suatu tandatangan faksimile;

“tindakan pemberi pinjam wang” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya oleh Aturan 79:

“wilayah-wilayah terjadual” ertinya wilayah-wilayah sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

(2) Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, “Mahkamah” merujuk kepada Mahkamah Majistret, atau mana-mana satu atau lebih Majistret itu, Mahkamah Sesyen, atau mana-mana satu atau lebih Hakim itu, Mahkamah Tinggi atau mana-mana satu atau lebih Hakim atau Pesuruhjaya Kehakiman Mahkamah itu, sama ada bersidang dalam Mahkamah atau dalam Kamar; tetapi peruntukan yang tersebut di atas tidak boleh dikira sebagai menjejaskan mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan, khususnya, Aturan 32, kaedah 9, yang menurut kuasanya autoriti dan bidang kuasa Pendaftar Mahkamah ditakrifkan dan dikawal selia.

Pentafsiran bagi sebutan mengenai Aturan, kaedah (A. 1, k. 5)

5. (1) Melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini mengenai suatu Aturan, kaedah atau lampiran yang dinyatakan adalah suatu sebutan kepada Aturan atau kaedah dalam, atau lampiran itu kepada Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa sebutan mengenai suatu kaedah, perenggan atau subperenggan yang dinyatakan adalah suatu sebutan kepada kaedah dalam Aturan itu, perenggan dalam kaedah itu, atau subperenggan itu, yang di dalamnya sebutan itu terdapat.

(2) Apa-apa sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini mengenai apa-apa jua yang dilakukan di bawah suatu kaedah dalam Kaedah-Kaedah ini termasuk suatu sebutan kepada perkara yang sama dilakukan sebelum permulaan kuat kuasa kaedah itu di bawah mana-mana kaedah-kaedah mahkamah yang bersamaan yang terhenti berkuat kuasa pada permulaan kuat kuasa kaedah tersebut.

(3) Kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain, apa-apa sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini kepada mana-mana undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan sebagai suatu sebutan kepada undang-undang bertulis itu sebagaimana yang dipinda, diperluaskan atau dipakai oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Pentafsiran sebutan kepada Akta, Ordinan, Enakmen bagi Sarawak dan Sabah (A. 1, k. 5A)

5A. Jika sebutan ada dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini kepada mana-mana peruntukan dalam Akta, Ordinan atau Enakmen atau undang-undang bertulis lain yang berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia, maka sebutan itu hendaklah digantikan kepada Akta, Ordinan atau Enakmen atau undang-undang bertulis lain yang bersamaan yang berkuat kuasa di Sarawak atau Sabah, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pentafsiran sebutan kepada tindakan untuk milikan harta tak alih (A. 1, k. 6)

6. Kecuali jika konteksnya menghendaki makna yang lain, sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini mengenai suatu tindakan atau tuntutan untuk milikan harta tak alih hendaklah ditafsirkan sebagai termasuklah sebutan kepada prosiding terhadap Kerajaan untuk suatu perintah yang mengisytiharkan bahawa plaintif adalah berhak ke atas harta tak alih itu terhadap Kerajaan atau ke atas pemilikannya.

Borang (A. 1, k. 7)

7. Borang dalam Lampiran A hendaklah digunakan jika berkenaan dengan apa-apa perubahan mengikut kehendak hal keadaan kes tertentu itu.

Pemakaian Aturan tertentu (A. 1, r. 8)

8. Aturan 30, 31, 43, 44, 50, 51, 51A, 53, 56, 66, 67, 69, 70, 71, 72, 80, 82, 83, 86, 87, 88 dan 89 adalah terpakai di Mahkamah Tinggi sahaja.

ATURAN 1A
MAHKAMAH ATAU HAKIM HENDAKLAH MEMBERI PERHATIAN
TERHADAP KEADILAN

Perhatian hendaklah terhadap keadilan (A. 1A)

1A. Dalam mentadbir Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah atau seorang Hakim hendaklah memberi perhatian pada kepentingan utama keadilan dan tidak hanya kepada ketidakpatuhan teknikal dengan Kaedah-Kaedah ini.

ATURAN 2
KESAN KERANA KETIDAKPATUHAN

Ketidakpatuhan Kaedah-Kaedah (A. 2, k. 1)

1. (1) Jika, pada memulakan atau bertujuan untuk memulakan apa-apa prosiding atau pada mana-mana peringkat dalam perjalanan atau yang berkaitan dengan apa-apa prosiding, telah berlakunya, oleh sebab apa-apa perkara yang dilakukan atau tidak dilakukan, yang tidak mematuhi kehendak Kaedah-Kaedah ini, ketidakpatuhan itu akan dikira sebagai suatu ketidakteraturan dan tidaklah membatalkan prosiding itu, apa-apa langkah yang diambil dalam prosiding itu, atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah di dalamnya.

(2) Kaedah-Kaedah ini adalah suatu kanun prosedur dan tertakluk kepada objektif utama bagi membolehkan Mahkamah menguruskan kes dengan adil. Pihak-pihak itu dikehendaki untuk membantu Mahkamah bagi mencapai objektif utama ini.

(3) Mahkamah atau Hakim boleh, atas alasan bahawa telah berlakunya suatu ketidakpatuhan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1), dan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkan adil oleh Mahkamah atau Hakim, dengan mengambil kira objektif utama Kaedah-Kaedah ini, menjalankan budi bicaranya di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk membenarkan apa-apa pindaan, sekiranya ada, untuk dibuat dan membuat apa-apa perintah, sekiranya ada, dalam menguruskan prosiding itu secara umum sebagaimana yang difikirkan patut oleh Mahkamah atau Hakim untuk membetulkan ketidakteraturan itu.

Permohonan untuk mengetepikan kerana ketidakteraturan (A. 2, k. 2)

2. (1) Suatu permohonan untuk mengetepikan apa-apa prosiding, apa-apa langkah yang diambil dalam mana-mana prosiding atau apa-apa dokumen, penghakiman atau perintah di dalamnya kerana ketidakpatuhan dengan Kaedah-Kaedah ini tidak boleh dibenarkan melainkan jika permohonan itu dibuat dalam suatu masa yang munasabah dan sebelum pihak yang memohon itu telah mengambil apa-apa langkah baru selepas menyedari ketidakteraturan dan ketidakpatuhan itu telah menyebabkan salah laksana keadilan yang substansial atau menyebabkan prejudis yang tidak boleh dibetulkan sama ada melalui pindaan atau suatu perintah yang bersesuaian bagi kos.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini boleh, selepas notis ketidakteraturan diberikan kepada pihak yang satu lagi, dibuat melalui notis permohonan dan alasan bantahan hendaklah dinyatakan di dalamnya.

Bantahan awal untuk ketidakpatuhan kaedah-kaedah tidaklah dibenarkan (A. 2, k. 3)

3. Mahkamah atau Hakim tidak boleh membenarkan apa-apa bantahan awal oleh mana-mana pihak kepada apa-apa kausa atau perkara atau prosiding hanya atas alasan ketidakpatuhan mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini melainkan jika Mahkamah atau Hakim berpendapat bahawa ketidakpatuhan itu telah menyebabkan suatu salah laksana keadilan yang substansial atau menyebabkan prejudis yang tidak boleh dibetulkan sama ada melalui pindaan atau suatu perintah yang bersesuaian bagi kos atau kedua-duanya.

ATURAN 3**MASA****“Bulan” ertinya bulan kalendar (A.3, k.1)**

1. Tanpa menjejaskan Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [*Akta 388*], perkataan "bulan", jika terdapat dalam mana-mana perintah penghakiman, arahan atau dokumen lain yang menjadi sebahagian daripada mana-mana prosiding di Mahkamah, ertinya suatu bulan kalendar, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain.

Perhitungan tempoh masa (A. 3, k. 2)

2. (1) Apa-apa tempoh masa yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan untuk melakukan apa-apa perbuatan hendaklah dihitung mengikut peruntukan yang berikut dalam kaedah ini.

(2) Jika perbuatan itu dikehendaki dilakukan dalam suatu tempoh yang dinyatakan selepas atau mulai dari suatu tarikh dinyatakan, tempoh itu akan bermula selepas sahaja tarikh itu.

(3) Jika perbuatan itu dikehendaki dilakukan dalam atau tidak kurang daripada suatu tempoh dinyatakan sebelum suatu tarikh yang dinyatakan, tempoh itu akan berakhir sebelum sahaja tarikh itu.

(4) Jika suatu perbuatan dikehendaki dilakukan dalam bilangan hari genap yang dinyatakan sebelum atau selepas suatu tarikh yang dinyatakan, sekurang-kurangnya bilangan hari itu mestilah bertindan antara hari perbuatan itu dilakukan dengan tarikh itu.

(5) Jika, selain daripada perenggan ini, tempoh yang berkenaan, iaitu suatu tempoh tujuh hari atau kurang, akan termasuk hari sebelum hari kelepasan mingguan atau hari kelepasan am, hari itu hendaklah dikecualikan.

Cuti Mahkamah tidak termasuk dalam masa untuk penyampaian pliding (A. 3, k. 3)

3. *(Tiada kaedah 3)*

Masa tamat pada hari kelepasan mingguan (A. 3, k. 4)

4. Jika masa yang ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini, atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan, untuk melakukan apa-apa perbuatan di Pejabat Pendaftaran tamat pada hari kelepasan mingguan atau hari lain yang Pejabat Pendaftaran itu tutup, dan oleh sebab itu perbuatan itu tidak dapat dilakukan pada hari tersebut, perbuatan itu adalah mengikut masa sekiranya dilakukan pada keesokan harinya apabila Pejabat Pendaftaran dibuka.

Lanjutan masa (A. 3, k. 5)

5. (1) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah melanjutkan atau menyingkatkan tempoh yang di dalamnya seseorang itu dikehendaki atau diberi kuasa oleh Kaedah-Kaedah ini atau oleh mana-mana penghakiman, perintah atau arahan, untuk melakukan apa-apa perbuatan dalam mana-mana prosiding.

(2) Mahkamah boleh melanjutkan apa-apa tempoh yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1) walaupun permohonan minta lanjutan tidak dibuat sehinggalah selepas tamatnya tempoh itu.

(3) Tempoh yang di dalamnya seseorang itu dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini, atau oleh mana-mana perintah atau arahan, untuk menyampaikan, memfailkan atau meminda apa-apa pliding atau dokumen lain boleh dilanjutkan dengan izin secara bertulis tanpa perintah Mahkamah dibuat bagi maksud itu.

Notis niat untuk meneruskan selepas lewat setahun (A. 3, k. 6)

6. *(Tiada kaedah 6)*

ATURAN 4

PENYATUAN PROSIDING

Penyatuan kausa atau perkara (A. 4, k. 1)

1. (1) Jika dua atau lebih kausa atau perkara belum selesai, dan sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa—

(a) beberapa persoalan undang-undang atau fakta yang sama berbangkit dalam kedua-dua atau kesemua kausa atau perkara itu;

(b) hak untuk mendapatkan relief yang dituntut di dalamnya adalah berkenaan dengan atau berbangkit daripada transaksi atau siri transaksi yang sama; atau

- (c) kerana sesuatu sebab yang lain adalah wajar dibuat suatu perintah di bawah kaedah ini,

Mahkamah boleh memerintahkan kausa atau perkara itu disatukan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil atau boleh memerintahkan kausa atau perkara itu dibicarakan pada masa yang sama atau satu selepas sahaja satu yang lain atau boleh memerintahkan mana-mana kausa atau perkara untuk digantungkan sehingga selepas penentuan mana-mana kausa atau perkara yang lain itu.

(2) Suatu perintah untuk penyatuan hendaklah dibuat dalam Borang 1 dan hendaklah mengarahkan bahawa kausa atau perkara yang dalamnya permohonan itu dibuat hendaklah diteruskan sebagai atau di bawah mana-mana kausa atau perkara yang lain dan tajuk bagi mana-mana kausa atau perkara yang lain itu hendaklah dipinda dengan menambahkan kepadanya tajuk kausa atau perkara yang dalamnya permohonan itu dibuat.

(3) Apabila apa-apa perintah dibuat, fail kausa atau perkara yang dalamnya permohonan itu dibuat hendaklah dipindahkan kepada dan ditambahkan kepada fail kausa atau perkara yang lain itu, dan salinan perintah itu hendaklah ditinggalkan di tempat fail itu dipindahkan, dan memorandum pemindahan hendaklah dimasukkan dalam buku kausa bersetentangan dengan kausa atau perkara yang disatukan itu.

ATURAN 5

CARA PERMULAAN PROSIDING

Cara memulakan prosiding sivil (A. 5, k. 1)

1. Tertakluk kepada Aturan 94, kaedah 4, prosiding hendaklah dimulakan sama ada melalui writ atau melalui saman pemula.

Prosiding yang hendak dimulakan melalui writ (A. 5, k. 2)

2. Prosiding yang dalamnya suatu pertikaian fakta yang substansial yang mungkin berbangkit hendaklah dimulakan melalui writ.

Prosiding yang hendak dimulakan melalui saman pemula (A. 5, k. 3)

3. Prosiding yang suatu permohonan akan dibuat kepada Mahkamah atau seorang Hakim itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis hendaklah dimulakan melalui saman pemula.

Prosiding yang boleh dimulakan melalui writ atau saman pemula (A. 5, k. 4)

4. (1) Prosiding—

(a) yang di dalamnya persoalan tunggal atau persoalan pokok yang menjadi isu adalah atau mungkin menjadi salah satu pentafsiran mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa surat cara yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau apa-apa surat ikatan, wasiat, kontrak atau dokumen lain, atau apa-apa persoalan undang-undang yang lain; atau

(b) yang di dalamnya tidak mungkin ada apa-apa pertikaian fakta yang substansial,

adalah sesuai untuk dimulakan melalui saman pemula melainkan jika plaintif berniat dalam prosiding itu untuk memohon penghakiman di bawah Aturan 14 atau Aturan 81 atau untuk apa-apa sebab lain yang mengambil kira prosiding itu lebih sesuai dimulakan melalui writ.

Prosiding hendaklah dimulakan melalui usul atau petisyen (A. 5, k. 5)

5. *(Tiada kaedah 5)*

Hak mendakwa secara sendiri (A. 5, k. 6)

6. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan Aturan 76, kaedah 2, mana-mana orang, sama ada atau tidak dia membawa guaman sebagai pemegang amanah atau wakil diri atau dalam apa-apa kapasiti wakilan lain, boleh memulakan dan meneruskan prosiding di Mahkamah melalui seorang peguam atau secara sendiri.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan secara nyata oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, suatu pertubuhan perbadanan tidak boleh memulakan atau meneruskan apa-apa prosiding melainkan melalui seorang peguam.

ATURAN 6

WRIT SAMAN: PERUNTUKAN AM

Borang writ (A. 6, k. 1)

1. Tiap-tiap writ hendaklah dalam Borang 2.

Pengendorsan atas writ (A. 6, k. 2)

2. (1) Sebelum suatu writ dikeluarkan, writ itu hendaklah diendorskan—

- (a) dengan suatu pernyataan tuntutan, yang hendaklah mematuhi kehendak Aturan 18, atau, sekiranya pernyataan tuntutan tidak diendorskan atas writ, dengan suatu pernyataan yang tepat jenis tuntutan yang dibuat atau relief atau remedi yang dikehendaki dalam tindakan yang dimulakan;
- (b) jika plaintif membawa guaman atas kapasiti seorang wakil, dengan suatu pernyataan kapasiti itu yang dia membawa guaman;
- (c) jika seorang defendan dibawa guaman dalam suatu kapasiti seorang wakil, dengan suatu pernyataan kapasiti itu yang dia dibawa guaman;
- (d) jika plaintif membawa guaman melalui seorang peguam, dengan alamat plaintif dan nama atau firma peguam itu dan suatu alamat perniagaan peguam itu yang terletak dalam bidang kuasa;
- (e) jika plaintif membawa guaman secara sendiri—

- (i) dengan alamat tempat kediamannya dan, sekiranya tempat kediamannya tidak terletak dalam bidang kuasa itu atau jika dia tidak mempunyai tempat kediaman, alamat suatu tempat yang terletak dalam bidang kuasa atau ke tempat yang dokumen untuknya boleh disampaikan atau dihantarkan; dan
 - (ii) dengan pekerjaannya; dan
- (f) dengan bilangan hari yang dalamnya suatu kehadiran dikehendaki untuk dimasukkan di bawah Aturan 12, kaedah 4.

Pengendorsan kepada kapasiti (A. 6, k. 3)

3. *(Tiada kaedah 3)*

Pengendorsan peguam dan alamat (A. 6, k. 4)

4. *(Tiada kaedah 4)*

Writ serentak (A. 6, k. 5)

5. (1) Satu atau lebih writ serentak boleh atas permintaan plaintif dikeluarkan pada masa writ asal dikeluarkan atau pada bila-bila masa selepas itu sebelum writ asal itu terhenti menjadi sah.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu writ untuk penyampaian dalam bidang kuasa boleh dikeluarkan sebagai suatu writ serentak dengan satu, notis yang akan disampaikan di luar bidang kuasa, dan suatu writ, notis yang akan disampaikan di luar bidang kuasa, boleh dikeluarkan sebagai suatu writ serentak dengan satu untuk penyampaian dalam bidang kuasa.

(3) Suatu writ serentak ialah suatu salinan sah writ asal yang mempunyai perbezaan hanya, sekiranya ada, sebagaimana perlu dengan memberi perhatian berat maksud yang untuknya writ itu dikeluarkan.

(4) Suatu writ serentak hendaklah ditandakan oleh Pendaftar dengan perkataan “Serentak”, dan dia hendaklah menandatangani dan meletakkan tarikh pada hari pengeluaran writ serentak itu.

Pengeluaran writ (A. 6, k. 6)

6. (1) *(Tiada perenggan (1))*

(2) Seorang plaintif atau peguamnya hendaklah, semasa menyerahkan suatu writ untuk pemeteraian, meninggalkan dengan Pendaftar writ asal dan satu salinan writ asal beserta dengan salinan sebanyak bilangan defendan yang hendak disampaikan itu.

(3) Pendaftar hendaklah memberikan satu nombor siri kepada writ dan hendaklah menandatangani, memeteraikan dan meletakkan tarikh pada writ itu maka writ itu adalah disifatkan telah dikeluarkan.

(4) Writ asal hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran dan suatu kemasukannya hendaklah dibuat dalam buku kausa.

Jangka masa dan pembaharuan writ (A. 6, k. 7)

7. (1) Bagi maksud penyampaian, suatu writ (selain writ serentak) adalah sah dalam enam bulan yang mula-mulanya bermula dari tarikh pengeluarannya, dan suatu writ serentak adalah sah dalam mula-mulanya bagi tempoh kesahan writ asal yang belum tamat tempohnya pada tarikh keluaran writ serentak itu.

(2) Tertakluk kepada perenggan (2A), jika usaha untuk menyampaikan suatu writ ke atas seorang defendan tidak berjaya, Mahkamah boleh melalui perintah melanjutkan kesahan writ dua kali, (di Sabah dan Sarawak tiga kali dan dalam tindakan admiralti lima kali), yang tidak melebihi enam bulan pada bila-bila satu masa, yang bermula dengan hari kemudian yang berikutnya yang padanya writ itu akan selainnya luput, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

(2A) Suatu permohonan bagi pembaharuan writ mestilah dibuat sebelum tamat tempoh writ, secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit yang menunjukkan bahawa usaha telah dibuat untuk menyampaikannya kepada defendan dalam satu bulan dari tarikh writ itu dikeluarkan dan bahawa usaha telah dibuat kemudiannya untuk melaksanakan penyampaian.

(3) Sebelum suatu writ, kesahannya telah dilanjutkan di bawah kaedah ini, disampaikan, writ itu mestilah ditandakan dengan suatu cap rasmi dalam Borang 3 yang menunjukkan tempoh yang untuknya kesahan writ itu telah dilanjutkan.

(4) Jika kesahan sesuatu writ dilanjutkan melalui perintah yang dibuat di bawah kaedah ini, perintah itu hendaklah berfungsi berhubung dengan apa-apa writ lain (sama ada asal atau serentak) yang dikeluarkan dalam tindakan yang sama yang belum lagi disampaikan, supaya dapat melanjutkan kesahan writ yang satu lagi sehingga tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam perintah.

(5) Suatu nota pembaharuan hendaklah dicatatkan dalam buku kausa.

ATURAN 7

SAMAN PEMULA: PERUNTUKAN AM

Pemakaian (A. 7, k. 1)

1. *(Tiada kaedah 1)*

Borang saman pemula (A.7, k. 2)

2. (1) Tiap-tiap saman pemula hendaklah dalam Borang 5 atau 6 yang mana-mana sesuai.

(1A) Tiap-tiap saman pemula hendaklah menyatakan dalam huraian mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan mana-mana peruntukan apa-apa undang-undang bertulis di bawah yang manakah Mahkamah sedang usulkan.

(2) Pihak yang mengambil suatu saman pemula, selain suatu saman pemula secara *ex parte*, hendaklah diperihalkan sebagai seorang plaintif, dan pihak lain hendaklah diperihalkan sebagai defendan.

(3) Pihak yang membuat suatu saman pemula secara *ex parte* hendaklah diperihalkan sebagai pemohon.

Kandungan saman pemula (A. 7, k. 3)

3. (1) Tiap-tiap saman pemula hendaklah memasukkan suatu pernyataan persoalan yang ke atasnya plaintif meminta penentuan atau arahan Mahkamah atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu pernyataan tepat mengenai relief atau remedi yang dituntut dalam prosiding yang dimulakan melalui saman pemula dengan butir-butir yang cukup untuk mengenal pasti kausa atau kausa-kausa tindakan yang berkenaan dengannya yang plaintif menuntut relief atau remedi itu.

(2) Aturan 6, kaedah 2, kecuali subperenggan (1)(a) dan (b) hendaklah terpakai berhubung dengan suatu saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

Saman serentak (A. 7, k. 4)

4. (Tiada kaedah 4)

Pengeluaran saman pemula (A. 7, k. 5)

5. Aturan 6, kaedah 6, hendaklah terpakai berhubung dengan suatu saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

Jangka masa dan pembaharuan saman pemula (A. 7, k. 6)

6. Aturan 6, kaedah 7, hendaklah terpakai berhubung dengan suatu saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

Saman pemula secara *ex parte* (A. 7, k. 7)

7. (1) Kaedah 2, 3(1) dan 5 hendaklah, setakat yang terpakai, terpakai bagi saman pemula secara *ex parte*; tetapi, kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu, Aturan ini tidaklah terpakai bagi suatu saman pemula secara *ex parte*.

(2) Aturan 6, kaedah 6(3) hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan suatu saman pemula secara *ex parte* sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

ATURAN 8

USUL PEMULA DAN USUL LAIN:PERUNTUKAN AM

(Tiada Aturan 8)

ATURAN 9

PETISYEN: PERUNTUKAN AM

(Tiada Aturan 9)

ATURAN 10

PENYAMPAIAN PROSES PEMULA: PERUNTUKAN AM

Peruntukan am (A. 10, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis dan Kaedah-Kaedah ini, suatu writ hendaklah disampaikan secara kediri kepada setiap defendan atau dengan menghantarkannya kepada setiap defendan melalui pos berdaftar Akuan Terima yang dialamatkan ke alamat akhirnya yang diketahui dan setakat yang dapat dilaksanakan, percubaan penyampaian yang pertama mestilah dibuat tidak lewat dari satu bulan dari tarikh writ itu dikeluarkan.

(2) Jika seorang peguam kepada defendan mengendorskan ke atas writ suatu pernyataan bahawa dia menerima penyampaian writ bagi pihak defendan itu, writ itu

hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan itu dan juga telah disampaikan pada tarikh yang pengendorsan itu dibuat.

(3) Jika suatu writ tidak disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan tetapi dia memasukkan kehadiran dalam tindakan yang dimulakan melalui writ, writ itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan dan juga telah disampaikan pada tarikh yang dia memasukkan kehadiran itu.

(4) Jika suatu writ telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan melainkan mengikut perenggan (2) atau (3), maka tertakluk kepada Aturan 11, kaedah 5, melainkan jika selepas penyampaian writ itu orang yang menyampaikan writ itu mengendorskan padanya butir-butir yang berikut, iaitu, hari dalam minggu dan tarikh ia disampaikan, di mana ia disampaikan, orang yang kepadanya ia disampaikan, dan, jika dia bukan defendan, atas kapasiti yang dia disampaikan, plaintif dalam tindakan yang dimulakan dengan writ tidak berhak untuk memasukkan penghakiman muktamad atau interlokutori terhadap defendan kerana ingkar kehadiran atau ingkar membuat pembelaan, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Penyampaian writ kepada ejen prinsipal di luar negeri (A. 10, k. 2)

2. (1) Jika Mahkamah berpuas hati atas suatu permohonan secara *ex parte* bahawa—

- (a) suatu kontrak telah dibuat dalam bidang kuasa dengan atau melalui seorang ejen yang sama ada seorang individu yang bermastautin atau yang menjalankan perniagaan dalam bidang kuasa atau melalui suatu pertubuhan perbadanan yang mempunyai pejabat berdaftar atau tempat perniagaan dalam bidang kuasa;
- (b) prinsipal yang baginya ejen itu bertindak pada masa kontrak itu dibuat dan pada masa permohonan itu bukanlah seorang individu atau suatu pertubuhan perbadanan; dan

- (c) pada masa permohonan itu sama ada kuasa ejen itu belum lagi ditentukan atau dia masih lagi mengadakan hubungan perniagaan dengan prinsipalnya,

Mahkamah boleh membenarkan penyampaian suatu writ memulakan suatu tindakan yang berhubungan dengan kontrak itu supaya dilaksanakan ke atas ejen dan bukan ke atas prinsipal.

(2) Suatu perintah di bawah kaedah ini yang membenarkan penyampaian suatu writ kepada ejen defendan mestilah menghadkan masa yang dalamnya defendan memasukkan suatu kehadiran.

(3) Jika suatu perintah dibuat di bawah kaedah ini yang membenarkan penyampaian suatu writ kepada ejen defendan, suatu salinan perintah itu dan writ hendaklah dihantar melalui pos kepada defendan di alamatnya di luar bidang kuasa.

Penyampaian writ menurut kontrak (A. 10, k. 3)

3. (1) Jika—

- (a) suatu kontrak mengandungi suatu terma yang kesannya bahawa Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan apa-apa tindakan berkenaan dengan suatu kontrak atau, selain daripada apa-apa terma yang sedemikian, Mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan menentukan apa-apa tindakan yang sedemikian; dan
- (b) kontrak itu memperuntukkan bahawa, dalam keadaan apa-apa tindakan berkenaan dengan kontrak itu dimulakan, proses yang dengannya dimulakan bolehlah disampaikan kepada defendan, atau mana-mana orang lain bagi pihaknya sebagaimana yang dinyatakan dalam kontrak itu, mengikut cara atau tempat (sama ada di dalam atau di luar bidang kuasa) sebagaimana yang boleh dinyatakan,

maka, sekiranya suatu tindakan berkenaan dengan kontrak itu dimulakan di Mahkamah dan writ yang melaluinya dimulakan disampaikan mengikut kontrak, writ itu hendaklah, tertakluk kepada perenggan (2), disifatkan telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan.

(2) Suatu notis writ yang disampaikan di luar bidang kuasa mengikut suatu kontrak tidak boleh disifatkan telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada defendan mengikut perenggan (1) melainkan jika kebenaran untuk menyampaikan notis itu di luar bidang kuasa telah diberikan di bawah Aturan 11, kaedah 1 atau 2.

**Penyampaian writ dalam tindakan tertentu bagi milikan harta tak alih
(A. 10, k. 4)**

4. Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan untuk milikan harta tak alih, Mahkamah boleh—

- (a) sekiranya berpuas hati atas suatu permohonan secara *ex parte* bahawa tiada orang yang mempunyai milikan ke atas harta tak alih itu dan bahawa penyampaian itu tidak dapat dilaksanakan ke atas mana-mana defendan, membenarkan penyampaian kepada defendan itu supaya dilaksanakan dengan menampalkan suatu salinan writ pada beberapa bahagian yang mudah dilihat pada harta tak alih itu; atau
- (b) sekiranya berpuas hati atas suatu permohonan bahawa tiada orang yang mempunyai milikan ke atas harta tak alih itu dan bahawa penyampaian tidak dapat dilaksanakan ke atas mana-mana defendan, memerintahkan bahawa penyampaian telah pun dilaksanakan dengan menampalkan satu salinan writ pada beberapa bahagian yang mudah dilihat pada harta tak alih itu hendaklah dikira sebagai penyampaian yang sempurna kepada defendan.

Penyampaian saman pemula (A. 10, k. 5)

5. Kaedah 1 hingga 4 (kecuali kaedah 1(3) dan (4)) hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu berhubung dengan suatu saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

ATURAN 11

PENYAMPAIAN PROSES DI LUAR BIDANG KUASA

Kes prinsipal yang penyampaian notis writ di luar bidang kuasa dibenarkan (A. 11 k. 1)

1. (1) Jika writ tidak mengandungi apa-apa tuntutan untuk ganti rugi, kehilangan nyawa atau kecederaan diri yang berbangkit daripada—

- (a) suatu pelanggaran antara kapal dengan kapal;
- (b) penjalanan atau peninggalan untuk menjalankan suatu manuver dalam hal satu atau lebih kapal daripada dua atau lebih kapal; atau
- (c) ketidakpatuhan pada bahagian satu atau lebih daripada dua atau lebih kapal, dengan peraturan-peraturan pelanggaran yang dibuat di bawah seksyen 252 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952,

penyampaian suatu notis writ di luar bidang kuasa adalah dibenarkan dengan kebenaran Mahkamah dalam hal yang berikut:

- (A) sekiranya keseluruhan hal perkara tindakan yang dimulakan melalui writ itu ialah harta tak alih yang terletak dalam bidang kuasa (sama ada dengan atau tanpa sewa atau untung), atau pengkalan testimoni yang berhubungan dengan harta tak alih yang terletak sedemikian;
- (B) sekiranya suatu perbuatan, surat ikatan, wasiat, kontrak, obligasi atau liabiliti menyentuh harta tak alih yang terletak dalam bidang

kuasa adalah diminta untuk ditafsirkan, diperbetulkan, diketepikan atau dikuatkuasakan dalam tindakan yang dimulakan melalui writ:

- (C) sekiranya dalam tindakan yang dimulakan melalui writ itu relief adalah diminta terhadap seseorang yang berdomisil atau biasanya bermastautin atau menjalankan perniagaan dalam bidang kuasa;
- (D) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu ialah untuk pentadbiran harta pusaka seseorang yang mati berdomisil dalam bidang kuasa atau sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ adalah untuk apa-apa relief atau remedi yang mungkin dapat diperoleh dalam mana-mana tindakan sedemikian seperti yang disebut terdahulu;
- (E) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu ialah untuk pelaksanaan, tentang harta yang terletak dalam bidang kuasa, iaitu amanah suatu surat cara bertulis, yang menjadi amanah yang patut dilaksanakan mengikut undang-undang dan yang orang yang hendak disampaikan dengan writ itu ialah seorang pemegang amanah atau sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu ialah untuk apa-apa relief atau remedi yang mungkin dapat diperoleh dalam mana-mana tindakan sedemikian seperti yang disebut terdahulu;
- (F) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu dibawa terhadap defendan untuk menguatkuasakan, menghapuskan, membubarkan, mengunikaikan atau selainnya menyentuh suatu kontrak, atau untuk mendapatkan semula ganti rugi atau memperoleh relief lain berkenaan dengan kemungkiran suatu kontrak, yang menjadi (dalam salah satu hal) suatu kontrak yang—

- (i) telah dibuat dalam bidang kuasa;
 - (ii) telah dibuat oleh atau melalui seorang ejen yang berdagang atau bermastautin dalam bidang kuasa bagi pihak seorang prinsipal yang berdagang atau bermastautin di luar bidang kuasa; atau
 - (iii) adalah melalui termanya, atau melalui implikasi, yang ditadbir oleh undang-undang Malaysia;
- (G) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu dibawa terhadap defendan berkenaan dengan suatu kemungkiran yang dibuat dalam bidang kuasa terhadap suatu kontrak yang dibuat di dalam atau di luar bidang kuasa, dan tidak kira apa jua fakta, sekiranya sedemikianlah halnya, bahawa kemungkiran itu telah didahului atau disertai dengan suatu kemungkiran yang dibuat di luar bidang kuasa yang menyebabkan mustahil pelaksanaan sebahagian besar kontrak yang sepatutnya dilaksanakan dalam bidang kuasa;
- (H) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu berasaskan pada suatu tort yang dibuat dalam bidang kuasa;
- (I) sekiranya dalam tindakan yang dimulakan melalui writ itu suatu injuksi diminta yang memerintahkan defendan supaya melakukan atau menahan diri daripada melakukan apa-apa jua dalam bidang kuasa, sama ada atau tidak ganti rugi juga dituntut berkenaan dengan suatu kegagalan untuk melakukan perkara itu atau perlakuan perkara itu;
- (J) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu dibawa dengan sepatutnya terhadap seseorang yang disampaikan writ dengan sempurnanya dalam bidang kuasa, seseorang di luar

bidang kuasa adalah suatu pihak yang perlu atau patut dalam tindakan itu;

- (K) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu adalah sama ada dengan suatu penggadaian harta yang terletak dalam bidang kuasa, selain harta tak alih, dan meminta untuk dijualkan harta itu, halang tebus gadaian itu atau penyerahan oleh penggadai milikan harta itu tetapi bukan suatu perintah untuk membayar apa-apa wang yang kena dibayar di bawah gadaian itu atau oleh seorang penggadai harta yang terletak sedemikian, selain harta tak alih, dan meminta untuk gadaian ditebuskan, pemindahhakan semula harta itu atau penyerahan oleh pemegang gadaian milikan harta itu tetapi bukannya suatu penghakiman diri;
- (L) sekiranya tindakan yang dimulakan melalui writ itu dibawa di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pengangkutan udara;
- (M) sekiranya tuntutan dibawa untuk menguatkuasakan apa-apa penghakiman atau award arbitral.

Penyampaian di luar bidang kuasa dalam tindakan kontrak tertentu (A. 11, k. 2)

2. Jika ternyata kepada Mahkamah bahawa suatu kontrak mengandungi terma yang bermaksud bahawa Mahkamah hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa tindakan berkenaan dengan kontrak itu, Mahkamah boleh memberikan kebenaran untuk penyampaian di luar bidang kuasa notis writ yang melaluinya tindakan berkenaan dengan kontrak itu dimulakan.

Kebenaran untuk menyampaikan notis writ (A. 11, k. 3)

3. Suatu notis writ untuk penyampaian di luar bidang kuasa hendaklah dalam Borang 7.

Permohonan untuk, dan pemberian, kebenaran untuk menyampaikan notis writ di luar bidang kuasa (A. 11, k. 4)

4. (1) Suatu permohonan minta diberikan kebenaran di bawah kaedah 1 atau 2 hendaklah disokong dengan suatu affidavit dalam Borang 8 yang menyatakan alasan-alasan yang berasaskannya permohonan itu dibuat dan bahawa mengikut kepercayaan deponen, plaintif ada kausa tindakan yang baik, dan menunjukkan tempatnya atau negara yang defendan itu berada, atau mungkin dapat dijumpai.

(2) Tiada kebenaran sedemikian boleh diberikan melainkan jika ternyata dengan secukupnya kepada Mahkamah bahawa hal itu adalah suatu hal yang patut untuk penyampaian di luar bidang kuasa di bawah Aturan ini.

(3) Perintah dalam Borang 9 yang memberikan, di bawah kaedah 1 atau 2, kebenaran untuk menyampaikan suatu notis writ di luar bidang kuasa hendaklah menghadkan masa yang defendan yang hendak disampaikan writ itu mesti memasukkan kehadiran.

Penyampaian notis writ di seberang laut: Am (A. 11, k. 5)

5. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, Aturan 10, kaedah 1, dan Aturan 62, kaedah 5 hendaklah terpakai berhubung dengan penyampaian notis suatu writ walaupun notis itu hendak disampaikan di luar bidang kuasa.

(2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini atau dalam mana-mana perintah atau arahan Mahkamah yang dibuat menurut kaedah 5(1) boleh membenarkan atau menghendaki perlakuan di suatu negara di mana penyampaian writ hendak dilaksanakan apa-apa jua yang berlawanan dengan undang-undang negara itu.

(3) Suatu notis writ yang hendak disampaikan di luar bidang kuasa tidak perlu disampaikan secara kediri kepada orang yang dikehendaki disampaikan itu asalkan notis writ itu disampaikan kepadanya mengikut undang-undang negara di mana penyampaian writ itu dilaksanakan.

(4) Jika suatu perakuan di bawah peruntukan yang berikut dalam kaedah ini dikemukakan berhubung dengan penyampaian notis suatu writ mengikut kaedah 6 atau 7, Aturan 10, kaedah 1(4) tidaklah terpakai.

(5) Suatu perakuan rasmi yang menyatakan bahawa suatu notis writ yang berkenaan dengannya kaedah 6 dipatuhi kepada seseorang secara kediri, atau mengikut undang-undang negara di mana penyampaian itu dilaksanakan, pada suatu tarikh yang dinyatakan, iaitu suatu perakuan—

- (a) oleh pihak berkuasa konsular dalam negara itu;
- (b) oleh kerajaan atau pihak berkuasa kehakiman negara itu; atau
- (c) oleh mana-mana pihak berkuasa lain yang ditetapkan berkenaan dengan negara itu di bawah Konvensyen Hague,

hendaklah menjadi keterangan fakta yang dinyatakan sedemikian.

(6) Suatu perakuan rasmi oleh Menteri yang menyatakan bahawa notis suatu writ telah disampaikan dengan sempurnanya pada suatu tarikh yang dinyatakan mengikut suatu permintaan yang dibuat di bawah kaedah 7 hendaklah menjadi keterangan fakta itu.

(7) Suatu dokumen yang berupa sebagai suatu perakuan yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (5) atau (6) hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai suatu perakuan yang sedemikian itu.

(8) Jika defendan berada di Singapura atau Brunei, notis suatu writ itu bolehlah dihantar melalui pos atau selainnya oleh Pendaftar kepada Majistret, Pendaftar, atau pegawai berkenaan yang lain mana-mana Mahkamah yang menjalankan bidang kuasa sivil dalam kawasan di mana orang yang hendak disampaikan notis itu dikatakan berada atau sedang menjalankan perniagaan untuk penyampaian kepada defendan, dan sekiranya ia dikembalikan dengan suatu pengendorsan penyampaian dan

dengan suatu affidavit tentang penyampaian itu, notis itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurna.

Penyampaian notis writ di seberang laut melalui kerajaan asing, pihak berkuasa kehakiman dan konsul Malaysia atau oleh plaintif (A. 11, k. 6)

6. (1) Jika, mengikut Kaedah-Kaedah ini, notis suatu writ hendak disampaikan kepada defendan di mana-mana negara yang berkenaan dengannya yang ada Konvensyen Prosedur Sivil yang memperuntukkan mengenai penyampaian proses Mahkamah di negara itu, maka notis itu bolehlah disampaikan—

(a) melalui pihak berkuasa kehakiman negara itu; atau

(b) tertakluk kepada mana-mana peruntukan Konvensyen Prosedur Sivil tentang kerakyatan orang yang boleh disampaikan sedemikian—

(i) melalui pihak konsular Malaysia di negara itu; atau

(ii) oleh plaintif atau ejennya.

(2) Jika, mengikut Kaedah-Kaedah ini notis suatu writ hendaklah disampaikan kepada defendan di mana-mana negara yang berkenaan dengannya tidak ada suatu Konvensyen Prosedur Sivil yang memperuntukkan mengenai penyampaian proses Mahkamah di negara itu, notis itu bolehlah disampaikan—

(a) melalui kerajaan negara itu, jika Kerajaan itu sanggup melaksanakan penyampaian; atau

(b) kecuali jika penyampaian melalui suatu pihak berkuasa konsular atau oleh plaintif atau ejennya dilarang oleh undang-undang negara itu—

- (i) melalui pihak berkuasa konsular Malaysia di negara itu; atau
- (ii) oleh plaintif atau ejennya.

(3) Jika seseorang berniat hendak menyampaikan notis suatu writ di mana-mana negara—

- (a) melalui pihak berkuasa kehakiman di negara itu di bawah perenggan (1);
- (b) melalui pihak berkuasa konsular Malaysia di bawah perenggan (1) atau (2); atau
- (c) melalui kerajaan negara itu di bawah perenggan 2,

orang itu hendaklah menyerah simpan di Pejabat Pendaftaran suatu permintaan dalam Borang 10 untuk penyampaian notis suatu writ mengikut cara itu, beserta dengan suatu salinan notis dan suatu salinan tambahannya bagi setiap orang yang hendak disampaikan.

(4) Tiap-tiap salinan notis yang diserahkan simpan di bawah perenggan (3) hendaklah disertakan dengan suatu terjemahannya dalam bahasa rasmi negara yang penyampaian itu hendak dilaksanakan atau, sekiranya di negara itu ada lebih daripada satu bahasa rasmi, dalam mana-mana satu bahasa itu yang sesuai dengan tempat di negara di mana penyampaian itu hendak dilaksanakan:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai berhubung dengan suatu salinan notis yang hendak disampaikan di suatu negara yang bahasa rasminya ialah bahasa Inggeris atau bahasa Inggeris ialah satu daripada bahasa rasmi, atau yang hendak disampaikan di mana-mana negara oleh pihak berkuasa konsular Malaysia kepada warganegara Malaysia, melainkan jika penyampaian itu hendak dilaksanakan di

bawah perenggan (1) dan Konvensyen Prosedur Sivil berkenaan dengan negara itu dengan nyatanya berkehendakkan salinan itu disertakan dengan suatu terjemahan.

(5) Tiap-tiap terjemahan yang diserahkan simpan di bawah perenggan (4) hendaklah diperakui oleh orang yang membuatnya sebagai terjemahan yang betul; dan perakuan itu mestilah mengandungi suatu pernyataan mengenai nama penuh orang itu, alamatnya dan kelayakannya untuk membuat terjemahan.

(6) Dokumen yang diserahkan simpan dengan sepenuhnya di bawah perenggan (3) hendaklah dihantar oleh Pendaftar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dengan suatu permintaan bahawa Ketua Setiausaha itu mengaturkan bagi penyampaian writ itu mengikut cara yang disebut dalam perenggan (3) atau, jika cara alternatif ada dinyatakan, dengan apa-apa cara yang paling mudah.

Penyampaian notis writ dalam tindakan tertentu di bawah undang-undang bertulis tertentu (A. 11, k. 7)

7. (1) Jika seseorang yang kepadanya kebenaran telah diberikan di bawah kaedah 1 untuk menyampaikan notis suatu writ kepada suatu Pihak Pejanji Tinggi kepada Konvensyen Warsaw, yang menjadi suatu writ yang memulakan tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan pengangkutan yang diakujanjikan oleh Pihak itu, berniat untuk hendak menyampaikan notis kepada Pihak itu, dia hendaklah menyerahkan simpan di Pejabat Pendaftaran—

- (a) suatu permintaan untuk penyampaian yang diaturkan oleh Menteri;
- (b) salinan notis itu; dan
- (c) kecuali jika bahasa rasmi Pihak Pejanji Tinggi itu ialah atau salah satu daripada bahasa rasmi ialah bahasa Inggeris, suatu terjemahan notis itu dalam bahasa rasmi atau salah satu daripada bahasa rasmi Pihak Pejanji Tinggi itu.

(2) Kaedah 6(5) hendaklah terpakai berhubung dengan suatu terjemahan yang diserahkan simpan di bawah perenggan (1) sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu terjemahan yang diserahkan di bawah kaedah 6(4).

(3) Dokumen yang diserahkan simpan di bawah kaedah ini hendaklah dihantar oleh Pendaftar kepada Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri dengan suatu permintaan bahawa Ketua Setiausaha itu mengaturkan bagi penyampaian notis itu kepada Pihak Pejanji Tinggi atau kerajaan yang dipersoalkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Akujanji untuk membayar belanja penyampaian yang dilakukan oleh Menteri (A. 11, k. 8)

8. Tiap-tiap permintaan yang diserahkan simpan di bawah kaedah 6(3) atau kaedah 7 mestilah mengandungi suatu akujanji oleh orang yang membuat permintaan itu untuk bertanggungjawab secara sendiri bagi semua perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri berkenaan dengan penyampaian yang diminta itu dan, apabila menerima pemberitahuan yang wajar tentang amaun perbelanjaan itu, membayar amaun itu kepada pejabat Menteri dan mengemukakan resit pembayaran itu kepada pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran.

Penyampaian saman pemula (A. 11, k. 9)

9. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), penyampaian di luar bidang kuasa suatu saman pemula adalah dibenarkan dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Jika apa-apa prosiding yang dimulakan melalui saman pemula boleh dimulakan melalui writ, penyampaian di luar bidang kuasa saman pemula adalah dibenarkan seperti yang disebut terdahulu hanya sekiranya penyampaian notis suatu writ di luar bidang kuasa itu boleh dibenarkan sekiranya prosiding itu telah dimulakan melalui writ.

(3) *(Tiada perenggan (3))*

(4) Penyampaian di luar bidang kuasa apa-apa notis permohonan atau perintah yang dikeluarkan, diberikan atau dibuat dalam mana-mana prosiding adalah dibenarkan dengan kebenaran Mahkamah.

(5) Kaedah 4(1) dan (2) hendaklah, setakat yang terpakai, terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk diberikan kebenaran di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan permohonan untuk diberikan kebenaran di bawah kaedah 1 atau 2.

(6) *(Tiada perenggan 6)*

(7) Kaedah 5 dan 8 hendaklah terpakai berhubung dengan penyampaian apa-apa dokumen di luar bidang kuasa jika kebenaran telah diberikan di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu writ.

ATURAN 12

KEMASUKAN KEHADIRAN KEPADA WRIT

Cara memasukkan kehadiran (A. 12, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan Aturan 76, kaedah 2, seorang defendan dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ boleh, sama ada atau tidak dia dibawa guaman sebagai pemegang amanah atau wakil diri atau atas apa-apa kapasiti wakilan lain, memasukkan suatu kehadiran dan membela tindakan itu melalui seorang peguam atau secara sendiri.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyatanya oleh mana-mana undang-undang bertulis atau apa-apa Arahan amalan pada masa kini yang dikeluarkan oleh Pendaftar, defendan dalam suatu tindakan yang merupakan suatu pertubuhan perbadanan tidak boleh memasukkan kehadiran atau membela tindakan itu melainkan melalui seorang peguam.

(3) Suatu kehadiran dimasukkan dengan melengkapkan sebaiknya suatu memorandum kehadiran, sebagaimana yang ditakrifkan dalam kaedah 2, dan suatu

salinan memorandum kehadiran itu, dan menyerahkan memorandum kehadiran itu dan salinannya ke Pejabat Pendaftaran.

(4) Sekiranya dua atau lebih defendan dalam suatu tindakan memasukkan kehadiran melalui peguam yang sama dan pada masa yang sama, hanya satu memorandum kehadiran perlu diisi dan diserahkan kepada defendan itu.

Memorandum kehadiran (A. 12, k. 2)

2. (1) Satu memorandum kehadiran ialah suatu permintaan kepada Pejabat Pendaftaran untuk memasukkan kehadiran bagi seseorang defendan atau defendan-defendan sebagaimana yang dinyatakan dalam memorandum itu.

(2) Satu memorandum kehadiran hendaklah dalam Borang 11 dan kedua-dua memorandum kehadiran itu dan salinannya yang dikehendaki untuk memasukkan kehadiran hendaklah ditandatangani oleh peguam yang melaluinya defendan itu hadir atau, sekiranya defendan itu hadir sendiri, oleh defendan itu.

(3) Satu memorandum kehadiran hendaklah menyatakan—

(a) dalam hal seorang defendan yang hadir sendiri, alamat tempat kediamannya dan, sekiranya tempat kediamannya tidak terletak dalam bidang kuasa atau sekiranya dia tidak mempunyai tempat kediaman, alamat suatu tempat dalam bidang kuasa di mana atau ke mana dokumen untuknya boleh diserahkan atau dihantar; dan

(b) dalam hal defendan yang hadir melalui seorang peguam, alamat perniagaan peguamnya dalam bidang kuasa, dan jika defendan memasukkan kehadiran secara sendiri, alamat dalam bidang kuasa yang dinyatakan di bawah subperenggan (a) hendaklah menjadi alamat penyampaiannya, tetapi selainnya alamat perniagaan peguamnya hendaklah menjadi alamat penyampaiannya.

(4) Sekiranya memorandum kehadiran tidak menyatakan alamat penyampaian defendan atau Mahkamah berpuas hati bahawa mana-mana alamat yang dinyatakan dalam memorandum kehadiran itu tidak benar, Mahkamah boleh, atas permohonan plaintif mengetepikan kehadiran itu atau memerintahkan defendan untuk memberikan alamat atau suatu alamat penyampaian yang benar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan boleh dalam mana-mana hal mengarahkan bahawa kehadiran itu hendaklah berkuat kuasa bagi maksud Aturan 10, kaedah 1(3) dan Aturan 62, kaedah 10.

Prosedur penerimaan memorandum kehadiran (A. 12, k. 3)

3. (1) Apabila menerima memorandum kehadiran itu dan salinannya, pegawai Pejabat Pendaftaran hendaklah dalam semua hal mengecapkan cap rasmi kepada salinan memorandum kehadiran itu yang menunjukkan tarikh yang padanya dia menerima dokumen itu dan mengembalikan salinan memorandum itu.

(2) Jika defendan memasukkan kehadiran, dia hendaklah pada tarikh dia memasukkan kehadiran itu menghantar satu salinan memorandum kehadiran melalui pos kepada plaintif, sekiranya plaintif itu membawa guaman secara sendiri, tetapi selainnya kepada peguam plaintif, di alamat penyampaian plaintif.

Masa yang dihadkan untuk hadir (A. 12, k. 4)

4. Sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini mengenai masa yang dihadkan untuk hadir adalah sebutan—

(a) dalam hal suatu writ yang disampaikan, sama ada dalam bidang kuasa tempatan Mahkamah Tinggi Malaya atau di luar bidang kuasa tempatan tetapi dalam bidang kuasa Malaya, empat belas hari selepas penyampaian writ itu atau, jika masa itu telah dilanjutkan oleh atau menurut Kaedah-Kaedah ini, mengikut masa yang telah dilanjutkan sedemikian; dan

(b) dalam hal suatu writ yang disampaikan di Sabah dan Sarawak, empat belas hari selepas penyampaian writ itu atau dalam hal seorang defendan yang tempat kediamannya atau sekiranya suatu persatuan perbadanan

yang pejabat perniagaan berdaftaranya tidak berada dalam Bahagian atau Residensi yang dalamnya terletak Pejabat Pendaftaran yang daripadanya writ saman itu telah dikeluarkan, dua puluh hari selepas penyampaian writ atau jika masa telah dilanjutkan oleh atau oleh kuasa Kaedah-Kaedah ini, pada masa sebagaimana yang dilanjutkan; dan

- (c) dalam suatu hal suatu writ disampaikan di luar bidang kuasa, empat belas hari selepas penyampaian writ sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan 10, kaedah 2 atau Aturan 11, kaedah 2 atau mengikut masa yang telah dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Mahkamah.

Kehadiran lewat (A. 12, k. 5)

5. (1) Seseorang defendan tidak boleh memasukkan kehadiran dalam suatu tindakan selepas penghakiman telah dimasukkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh perenggan (1), tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana writ atau perintah di bawahnya boleh ditafsirkan sebagai menghalang seorang defendan daripada memasukkan kehadiran dalam sesuatu tindakan selepas masa yang dihadkan untuk hadir, tetapi sekiranya defendan memasukkan kehadiran selepas masa itu, dia tidak berhak, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, menyampaikan pembelaan atau melakukan apa-apa perkara lain lebih lewat daripada sekiranya dia telah hadir dalam tempoh masa itu.

Kehadiran bersyarat (A. 12, k. 6)

6. *(Tiada kaedah 6)*

Permohonan untuk mengetepikan writ (A. 12, k. 7)

7. *(Tiada kaedah 7)*

Kehadiran kepada saman pemula (A. 12, k. 8)

8. *(Tiada kaedah 8)*

Kehadiran tidaklah menjadi suatu penepian (A. 12, k. 9)

9. Kehadiran seorang defendan dalam suatu tindakan tidak boleh dianggap sebagai penepian olehnya mengenai apa-apa ketidakteraturan dalam writ penyampaian sedemikian atau dalam apa-apa perintah yang memberi kebenaran untuk menyampaikan writ di luar bidang kuasa atau melanjutkan kesahan writ itu bagi maksud penyampaian.

Pertikaian tentang bidang kuasa (A. 12, k. 10)

10. (1) Seseorang defendan yang berniat untuk mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah dalam prosiding atas sebab apa-apa ketidakteraturan yang disebut dalam kaedah 9 atau atas apa-apa alasan lain hendaklah memasukkan kehadiran dan, dalam masa yang dihadkan bagi penyampaian pembelaan, memohon kepada Mahkamah bagi—

- (a) suatu perintah mengetepikan writ atau penyampaian writ ke atas defendan;
- (b) suatu perintah mengisytiharkan bahawa writ itu tidak disampaikan dengan sempurnanya ke atas defendan;
- (c) pelepasan daripada apa-apa perintah yang memberi kebenaran untuk menyampaikan writ ke atas defendan di luar bidang kuasa;
- (d) pelepasan daripada apa-apa perintah yang melanjutkan kesahan writ bagi maksud penyampaian;
- (e) perlindungan atau pelepasan apa-apa harta defendan yang disita atau diugut dengan penyitaan dalam prosiding itu;
- (f) pelepasan daripada apa-apa perintah yang dibuat untuk menghalang urusan mengenai apa-apa harta defendan;

(g) suatu deklarası bahawa dalam hal keadaan kes itu Mahkamah tidak mempunyai bidang kuasa ke atas defendan berkenaan dengan hal perkara tuntutan atau relief atau remedi yang dipohon dalam tindakan itu; atau

(h) apa-apa relief lain mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Seorang defendan yang berniat untuk menghujahkan bahawa Mahkamah tidak sepatutnya mempunyai bidang kuasa ke atas tindakan atas alasan bahawa Malaysia bukanlah forum yang sepatutnya bagi pertikaian itu hendaklah memasukkan kehadiran dan, dalam masa yang dihadkan bagi penyampaian pembelaan, memohon kepada Mahkamah bagi suatu perintah menggantung prosiding itu.

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang disokong dengan suatu affidavit yang menentusahkan fakta yang menjadi asas kepada permohonan itu dan suatu salinan affidavit itu hendaklah disampaikan dengan notis permohonan.

(4) Pada pendengaran suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2), Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh memberi apa-apa arahan bagi pelupusannya, sebagaimana yang difikirkan sesuai, termasuklah arahan bagi perbicaraan itu sebagai suatu isu permulaan.

(5) Seorang defendan yang membuat permohonan di bawah perenggan (1) tidak boleh dikira sebagai telah patuh kepada bidang kuasa Mahkamah dengan alasan bahawa dia telah memasukkan kehadiran dan sekiranya Mahkamah tidak membuat arahan mengenai permohonan atau menolaknya, perenggan (6) hendaklah terpakai seolah-olah defendan tidak pernah membuat apa-apa permohonan sedemikian.

(6) Kecuali jika defendan membuat suatu permohonan mengikut perenggan (1), kehadiran defendan hendaklah, melainkan jika kehadiran itu ditarik balik dengan kebenaran Mahkamah di bawah Aturan 21, kaedah 1, dikira sebagai suatu kepatuhan oleh defendan kepada bidang kuasa Mahkamah dalam prosiding itu.

(7) Aturan 18, kaedah 2(1) tidaklah terpakai kepada mana-mana defendan yang membuat permohonan di bawah kaedah 1, melainkan jika permohonan itu ditolak dan, dalam hal sedemikian, defendan hendaklah menyampaikan pembelaannya dalam empat belas hari selepas penolakan permohonan itu atau dalam tempoh lain sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah.

Permohonan oleh defendan jika writ tidak disampaikan (A. 12, k. 11)

11. (1) Mana-mana orang yang dinamakan sebagai defendan dalam suatu writ yang tidak disampaikan ke atasnya boleh disampaikan kepada plaintif suatu notis yang berkehendakkan plaintif dalam tempoh yang tertentu yang tidak kurang daripada empat belas hari selepas penyampaian notis untuk menyampaikan writ itu kepada defendan atau untuk memberhentikan tindakan terhadapnya.

(2) Jika plaintif gagal untuk mematuhi notis di bawah perenggan (1) dalam masa yang dinyatakan, Mahkamah boleh, atas permohonan defendan melalui notis permohonan, memerintahkan tindakan itu ditolak atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

(3) Suatu notis permohonan di bawah perenggan (2) hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang mengesahkan fakta yang menjadi asas kepada permohonan itu dan menyatakan bahawa defendan berniat untuk mempersoalkan prosiding itu dan sesalinan affidavit mestilah disampaikan dengan notis permohonan itu.

(4) Jika plaintif menyampaikan writ sebagai mematuhi perenggan (1) atau suatu perintah di bawah perenggan (2), defendan hendaklah memasukkan kehadiran dalam masa yang dihadkan untuk berbuat demikian.

Tiada kehadiran kepada saman pemula (A. 12, k. 12)

12. Tiada kehadiran dikehendaki bagi suatu saman pemula.

ATURAN 13
KEINGKARAN KEHADIRAN KEPADA WRIT

Tuntutan untuk tuntutan jumlah tertentu (A. 13, k. 1)

1. (1) Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan terhadap seseorang defendan untuk tuntutan jumlah tertentu sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir, memasukkan penghakiman muktamad terhadap defendan tersebut untuk sejumlah wang yang tidak melebihi jumlah wang yang dituntut melalui writ itu berkenaan dengan tuntutan itu dan untuk kos, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

(2) Suatu tuntutan tidaklah terhalang daripada dikira bagi maksud kaedah ini sebagai suatu tuntutan jumlah tertentu semata-mata oleh sebab sebahagian daripada tuntutan itu ialah untuk bunga yang terakru selepas tarikh writ itu pada kadar yang tidak dinyatakan, tetapi apa-apa bunga itu hendaklah dihitung dari tarikh writ itu hingga ke tarikh kemasukan penghakiman pada kadar sebagaimana yang dinyatakan di bawah Aturan 42, kaedah 12.

Tuntutan untuk ganti rugi jumlah tidak tertentu (A. 13, k. 2)

2. Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan terhadap seorang defendan untuk ganti rugi jumlah tidak tertentu sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir, memasukkan penghakiman interlokutori terhadap defendan untuk ganti rugi yang akan ditaksirkan dan kos, serta meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

Tuntutan dalam detinu (A. 13, k. 3)

3. Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan terhadap seorang defendan yang berhubungan dengan penahanan harta alih sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir, menurut pilihannya memasukkan sama ada—

- (a) penghakiman interlocutori terhadap defendan untuk penyerahan harta itu atau nilainya yang akan ditaksirkan dan kos; atau
- (b) penghakiman interlocutori untuk nilai harta itu yang akan ditaksirkan dan kos,

dan meneruskan tindakan terhadap defendan lain, sekiranya ada.

Tuntutan untuk milikan harta tak alih (A. 13, k. 4)

4. (1) Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan terhadap seorang defendan untuk milikan harta tak alih sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal memasukkan kehadiran plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir dan apabila peguamnya mengemukakan suatu perakuan, atau (sekiranya dia membawa guaman secara sendiri) suatu affidavit, menyatakan bahawa dia tidak menuntut apa-apa relief dalam tindakan itu daripada jenis yang dinyatakan dalam Aturan 83, kaedah 1, memasukkan penghakiman untuk milikan harta tak alih itu terhadap defendan dan kos, serta meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang defendan, penghakiman yang dimasukkan di bawah kaedah ini tidak boleh dikuatkuasakan terhadap mana-mana defendan melainkan jika penghakiman untuk milikan harta tak alih itu telah dimasukkan terhadap kesemua defendan itu.

Tuntutan bercampur (A. 13, k. 5)

5. Jika suatu writ yang dikeluarkan terhadap mana-mana defendan diendorskan dengan dua atau lebih tuntutan yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah yang tersebut di atas, dan tiada tuntutan lain, maka, sekiranya defendan itu gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir, memasukkan penghakiman yang sedemikian berkenaan dengan mana-mana tuntutan sedemikian terhadap defendan sebagaimana dia berhak memasukkannya di bawah Kaedah-Kaedah ini jika itulah sahaja tuntutan yang diendorskan pada writ itu, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

Tuntutan lain (A. 13, k. 6)

6. (1) Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan daripada perihalan yang tidak dinyatakan dalam kaedah 1 hingga 4, maka, sekiranya mana-mana defendan gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir dan apabila memfailkan affidavit membuktikan penyampaian writ yang wajar kepada defendan itu dan, jika pernyataan tuntutan itu tidak diendorskan pada writ itu atau disampaikan bersama-sama writ itu, apabila menyampaikan suatu pernyataan tuntutan kepadanya, meneruskan tindakan itu seolah-olah defendan itu telah memasukkan kehadiran.

(2) Jika suatu writ yang dikeluarkan terhadap seorang defendan diendorskan seperti yang disebut terdahulu, tetapi oleh sebab defendan telah menunaikan tuntutan atau mematuhi kehendak tuntutan itu atau oleh apa-apa sebab lain yang seumpamanya telah menjadi tidak perlu bagi plaintif untuk meneruskan tindakan itu, maka, sekiranya defendan gagal memasukkan kehadiran, plaintif boleh, selepas masa yang dihadkan untuk hadir, dengan kebenaran Mahkamah memasukkan penghakiman terhadap defendan tersebut dengan kos.

(3) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran memasukkan penghakiman di bawah perenggan (2) hendaklah melalui notis permohonan yang mestilah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dan walau apapun apa-apa jua dalam Aturan 62, kaedah 10, disampaikan kepada defendan yang terhadapnya penghakiman itu diminta untuk dimasukkan.

Bukti penyampaian writ (A. 13, k. 7)

7. (1) Suatu penghakiman tidak boleh dimasukkan terhadap seseorang defendan di bawah Aturan ini melainkan jika—

- (a) plaintif mengemukakan suatu perakuan ketidakhadiran dalam Borang 12; dan
- (b) sama ada suatu affidavit difailkan oleh atau bagi pihak plaintif membuktikan penyampaian writ yang wajar kepada defendan,

atau plaintif mengemukakan writ yang telah diendorskan oleh peguam defendan dengan suatu pernyataan bahawa dia menerima penyampaian writ itu bagi pihak defendan.

(2) Jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah untuk suatu perintah yang menyentuh suatu pihak yang telah gagal memasukkan kehadiran, Mahkamah boleh menghendaki supaya dipuaskan hatinya dengan apa jua cara yang difikirkannya patut bahawa pihak itu telah ingkar kehadiran.

Mengetepikan penghakiman (A. 13, k. 8)

8. Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang difikirkannya adil, mengetepikan atau mengubah apa-apa penghakiman yang telah dimasukkan menurut Aturan ini.

ATURAN 14

PENGHAKIMAN TERUS

Permohonan oleh plaintif untuk penghakiman terus (A. 14, k. 1)

1. (1) Jika dalam suatu tindakan yang baginya kaedah ini terpakai suatu pernyataan tuntutan telah disampaikan kepada defendan dan defendan itu telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, plaintif boleh, atas alasan bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan kepada suatu tuntutan yang termasuk dalam writ, atau kepada suatu bahagian tertentu suatu tuntutan itu, atau tidak mempunyai pembelaan mengenai suatu tuntutan itu atau sebahagian daripadanya kecuali tentang amaun apa-apa ganti rugi yang dituntut, memohon kepada Mahkamah untuk penghakiman terhadap defendan itu.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), kaedah ini terpakai bagi tiap-tiap tindakan selain—

(a) suatu tuntutan oleh plaintif untuk libel, slander, pendakwaan niat jahat, penahanan salah, godaan atau kemungkiran janji perkahwinan; atau

(b) suatu tuntutan oleh plaintif yang berasaskan pada pengataan fraud.

(3) Aturan ini tidaklah terpakai bagi tindakan yang baginya Aturan 81 terpakai.

Cara bagaimana permohonan di bawah kaedah 1 hendak dibuat (A. 14, k. 2)

2. (1) Permohonan di bawah kaedah 1 mestilah disokong dengan suatu affidavit dalam Borang 13 menentusahkan fakta yang menjadi asas tuntutan, atau sebahagian daripada sesuatu tuntutan, yang permohonan berkaitan itu diasaskan dan menyatakan bahawa mengikut kepercayaan deponen tidak ada pembelaan terhadap tuntutan atau sebahagian daripada tuntutan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau tiada pembelaan kecuali tentang amaun ganti rugi yang dituntut.

(2) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, sesuatu affidavit bagi maksud kaedah ini boleh mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan dengan sumber dan alasannya.

(3) Notis permohonan itu, sesalinan affidavit sokongan dan sesalinan apa-apa ekshibit yang disebut di dalamnya mestilah disampaikan kepada defendan dalam empat belas hari dari tarikh penerimaan notis permohonan yang dimeterai oleh pemohon.

(4) Aturan 32, kaedah 13(2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* terpakai kepada semua affidavit berkenaan dengan suatu permohonan di bawah kaedah ini.

Penghakiman memihak plaintif (A. 14, k. 3)

3. (1) Melainkan jika semasa pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah 1 sama ada Mahkamah menolak permohonan itu atau defendan memuaskan hati Mahkamah mengenai tuntutan itu, atau sebahagian daripada tuntutan, yang permohonan itu berkaitan bahawa ada isu atau persoalan yang dipertikaikan yang patut dibicarakan atau kerana sesuatu sebab yang lain patut diadakan pembicaraan mengenai tuntutan itu atau sebahagiannya, Mahkamah boleh memberikan apa-apa penghakiman

memihak plaintif terhadap defendan itu atas tuntutan itu atau sebahagiannya sebagaimana yang adil dengan memberi perhatian berat jenis remedi atau relief yang dituntut.

(2) Mahkamah boleh melalui perintah, dan tertakluk kepada apa-apa syarat, sekiranya ada, sebagaimana yang adil, menggantungkan pelaksanaan apa-apa penghakiman yang diberikan terhadap defendan di bawah kaedah ini sehingga selepas pembicaraan apa-apa tuntutan balas yang dibuat atau dibangkitkan oleh defendan dalam tindakan itu.

Kebenaran membela (A. 14, k. 4)

4. (1) Defendan boleh menunjukkan sebab menentang suatu permohonan di bawah kaedah 1 melalui afidavit atau selainnya hingga memuaskan hati Mahkamah.

(2) Kaedah 2(2) adalah terpakai bagi maksud kaedah ini sebagaimana ia terpakai bagi maksud kaedah itu.

(3) Mahkamah boleh memberikan kebenaran kepada defendan yang permohonan sedemikian dibuat terhadapnya untuk membela tindakan berkenaan dengan tuntutan itu, atau sebahagian daripada suatu tuntutan, yang permohonan itu berkaitan sama ada tidak bersyarat atau atas apa-apa terma tentang pemberian jaminan atau masa atau cara pembicaraan atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Pada pendengaran permohonan sedemikian Mahkamah boleh memerintahkan defendan supaya menunjukkan sebab atau, jika defendan itu suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha, atau pegawai lain yang serupa dalam pertubuhan perbadanan itu, atau mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak atas mana-mana sifat yang sedemikian—

(a) untuk mengemukakan apa-apa dokumen; dan

- (b) sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa ada hal keadaan khas yang menyebabkannya wajar yang dia patut berbuat demikian, untuk hadir dan diperiksa atas sumpah.

Permohonan untuk penghakiman terus atas tuntutan balas (A. 14, k. 5)

5. (1) Jika defendan dalam suatu tindakan yang dimulakan oleh writ telah menyampaikan suatu tuntutan balas kepada plaintif, maka, tertakluk kepada perenggan (3), defendan boleh, atas alasan bahawa plaintif tidak mempunyai apa-apa pembelaan mengenai tuntutan yang dibuat dalam tuntutan balas itu, atau mengenai suatu bahagian tertentu daripada tuntutan itu, memohon kepada Mahkamah untuk penghakiman terhadap plaintif atas tuntutan itu atau sebahagiannya.

(2) Kaedah 2, 3 dan 4 hendaklah terpakai berhubung dengan permohonan di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan permohonan di bawah kaedah 1 tetapi dengan ubah suaian yang berikut, iaitu—

- (a) sebutan mengenai plaintif dan defendan hendaklah masing-masing ditafsirkan sebagai sebutan mengenai defendan dan plaintif;
- (b) perkataan “apa-apa tuntutan balas yang dibuat atau dibangkitkan oleh defendan dalam” dalam kaedah 3(2) hendaklah ditinggalkan; dan
- (c) sebutan dalam kaedah 4(3) kepada tindakan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tuntutan balas yang permohonan di bawah kaedah ini berkaitan.

(3) Kaedah ini tidaklah terpakai bagi tuntutan balas yang termasuk mana-mana tuntutan seperti yang disebutkan dalam kaedah 1(2).

Arahan (A. 14, k. 6)

6. (1) Jika Mahkamah—

- (a) memerintahkan bahawa defendan atau plaintif diberikan kebenaran (sama ada bersyarat atau tidak bersyarat) untuk membela tindakan atau tuntutan balas, mengikut mana yang berkenaan, mengenai dengan sesuatu tuntutan atau suatu bahagian daripada sesuatu tuntutan; atau
- (b) memberi penghakiman memihak plaintif atau defendan atas sesuatu tuntutan atau bahagian daripada sesuatu tuntutan tetapi juga memerintahkan bahawa pelaksanaan penghakiman itu digantung sementara menanti keputusan pembicaraan sesuatu tuntutan balas atau tindakan, mengikut mana-mana yang berkenaan,

Mahkamah boleh memberi arahan tentang perjalanan selanjutnya tindakan itu dan Aturan 34 hendaklah terpakai seolah-olah permohonan di bawah kaedah 1 atau kaedah 5 Aturan ini, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Khususnya, dan sekiranya pihak-pihak itu bersetuju, Mahkamah boleh mengarahkan bahawa tuntutan yang berkenaan itu dan apa-apa tuntutan lain dalam tindakan itu dibicarakan oleh Pendaftar di bawah Kaedah-Kaedah ini yang berhubungan dengan pembicaraan kausa atau perkara atau persoalan atau isu oleh Pendaftar.

Kos (A. 14, k. 7)

7. (1) Jika plaintif membuat permohonan di bawah kaedah 1 di mana kes itu tidak termasuk dalam Aturan ini atau jika ternyata kepada Mahkamah bahawa plaintif mengetahui bahawa defendan bergantung kepada penghujahan yang akan memberi hak kepadanya mendapat kebenaran tidak bersyarat untuk membela, maka, tanpa menjejaskan Aturan 59, dan, khususnya, kaedah 4(1) Aturan itu, Mahkamah boleh menolak permohonan itu dengan kos dan boleh menghendaki supaya kos itu dibayar olehnya dengan serta-merta.

(2) Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa yang sama untuk menolak permohonan di bawah kaedah 5 sebagaimana ia berkuasa di bawah perenggan (1)

untuk menolak permohonan di bawah kaedah 1, dan perenggan itu hendaklah terpakai dengan sewajarnya dengan ubah suaian yang perlu.

Hak untuk meneruskan baki tindakan atau baki tuntutan balas (A. 14, k. 8)

8. (1) Jika atas permohonan di bawah kaedah 1 plaintif mendapat penghakiman atas suatu tuntutan atau suatu bahagian daripada suatu tuntutan terhadap mana-mana defendan, dia boleh meneruskan tindakan berkenaan dengan mana-mana tuntutan lain atau berkenaan dengan tuntutan yang selebihnya atau terhadap mana-mana defendan lain.

(2) Jika atas permohonan di bawah kaedah 5 defendan mendapat penghakiman atas suatu tuntutan atau suatu bahagian daripada suatu tuntutan yang dibuat dalam tuntutan balas terhadap plaintif, dia boleh meneruskan tuntutan balas berkenaan dengan mana-mana tuntutan lain atau berkenaan dengan tuntutan yang selebihnya atau terhadap mana-mana defendan lain dalam tuntutan balas itu.

Penghakiman minta diserahkan harta alih (A. 14, k. 9)

9. Jika tuntutan yang dimaksudkan dalam permohonan di bawah kaedah 1 atau kaedah 5 ialah untuk hantar serah suatu harta alih tertentu dan Mahkamah memberi penghakiman di bawah Aturan ini memihak pemohon itu, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa yang sama untuk memerintahkan pihak yang terhadapnya penghakiman diberi untuk menyerahkan harta itu tanpa memberikan dia pilihan untuk memegangsimpannya apabila dibayar nilai tertaksir bagi harta itu seolah-olah penghakiman itu telah diberi selepas perbicaraan.

Relief terhadap pelucuthakan (A. 14, k. 10)

10. Seseorang penyewa hendaklah mempunyai hak yang sama untuk memohon relief selepas penghakiman untuk milikan harta tak alih atas alasan pelucuthakan kerana tidak membayar sewa telah diberi di bawah Aturan ini seolah-olah penghakiman itu telah diberi selepas perbicaraan.

Mengetepikan penghakiman (A. 14, k. 11)

11. Apa-apa penghakiman yang diberi terhadap seorang defendan yang tidak hadir di pendengaran sesuatu permohonan di bawah kaedah 1 atau kaedah 5 boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah atas apa-apa terma yang difikirkannya adil.

ATURAN 14A

PELUPUSAN KES MENGENAI PERKARA UNDANG-UNDANG

Penentuan persoalan undang-undang atau pentafsiran (A. 14A, k. 1)

1. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan sesuatu pihak atau atas usulnya sendiri, menentukan apa-apa persoalan undang-undang atau pentafsiran apa-apa dokumen yang berbangkit dalam mana-mana kausa atau perkara pada mana-mana peringkat prosiding jika ternyata pada Mahkamah bahawa—

(a) persoalan itu adalah sesuai bagi penentuan tanpa perbicaraan penuh tindakan itu; dan

(b) penentuan itu akan menentukan secara muktamad keseluruhan kausa atau perkara atau apa-apa tuntutan atau isu dalamnya.

(2) Apabila diputuskan sedemikian Mahkamah boleh membuang kausa atau perkara itu atau membuat apa-apa perintah atau penghakiman sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Mahkamah tidak boleh menentukan apa-apa persoalan di bawah Aturan ini melainkan jika pihak-pihak telah diberi peluang untuk didengar mengenai persoalan itu.

(4) Bidang kuasa Mahkamah di bawah Aturan ini boleh dijalankan oleh Pendaftar.

(5) Tiada apa-apa jua dalam Aturan ini boleh mengehendkan kuasa Mahkamah di bawah Aturan 18, kaedah 19 atau mana-mana peruntukan lain kaedah-kaedah ini.

Cara permohonan di bawah kaedah 1 boleh dibuat (A. 14A, k. 2)

2. Sesuatu permohonan di bawah kaedah 1 boleh dibuat melalui notis permohonan atau, walau apa pun Aturan 32, kaedah 1, boleh dibuat secara lisan dalam perjalanan mana-mana permohonan interlokutori kepada Mahkamah.

ATURAN 15

KAUSA TUNTUTAN, TUNTUTAN BALAS DAN PIHAK-PIHAK

Percantuman kausa tindakan (A. 15, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada kaedah 5(1), seorang plaintif boleh dalam satu tindakan menuntut relief terhadap defendan yang sama berkenaan dengan lebih daripada satu kausa tindakan—

(a) sekiranya plaintif menuntut, dan defendan dikatakan bertanggung, dalam kapasiti yang sama berkenaan dengan semua kausa tindakan;

(b) sekiranya plaintif menuntut atau defendan dikatakan bertanggung dalam kapasiti sebagai wasi atau pentadbir harta pusaka berkenaan dengan satu atau lebih kausa tindakan dan dalam kapasitinya sendiri tetapi dengan sebutan kepada harta pusaka yang sama berkenaan dengan semua yang lain; atau

(c) dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan secara *ex parte* yang disokong dengan affidavit sebelum mengeluarkan writ atau saman pemula dan affidavit mestilah menyatakan alasan permohonan itu.

Tuntutan balas terhadap plaintif (A. 15, k. 2)

2. (1) Tertakluk kepada kaedah 5(2), seorang defendan dalam mana-mana tindakan yang mengatakan bahawa dia mempunyai apa-apa tuntutan atau berhak

mendapat apa-apa relief atau remedi terhadap plaintif dalam tindakan berkenaan dengan apa-apa perkara (bila-bila masa dan bagaimana jua berbangkit) boleh, sebagai ganti membawa suatu tindakan yang berasingan, membuat tuntutan balas berkenaan dengan perkara itu; dan jika dia berbuat sedemikian dia hendaklah menambah tuntutan balas itu pada pembelaannya.

(2) Kaedah 1 hendaklah terpakai berhubung dengan suatu tuntutan balas seolah-olah tuntutan balas itu adalah tindakan yang berasingan dan seolah-olah orang yang membuat tuntutan balas itu ialah plaintif dan orang yang terhadapnya tuntutan itu dibuat ialah defendan.

(3) Suatu tuntutan balas boleh diteruskan walaupun penghakiman diberikan kepada plaintif dalam tindakan itu atau tindakan itu digantungkan, diberhentikan atau dibuang.

(4) Jika seorang defendan membuktikan suatu tuntutan balas terhadap tuntutan plaintif dan terdapat bakian bagi faedah mana-mana satu pihak, Mahkamah boleh memberikan penghakiman bagi bakian itu, maka, bagaimanapun, bahawa peruntukan ini tidaklah dikira sebagai menjejaskan budi bicara Mahkamah berkenaan dengan kos.

Tuntutan balas terhadap pihak tambahan (A. 15, k. 3)

3. (1) Jika seorang defendan dalam suatu tindakan yang membuat tuntutan balas terhadap plaintif mengatakan bahawa mana-mana orang lain (sama ada suatu pihak dalam tindakan itu ataupun tidak) adalah bertanggungjawab kepadanya bersama dengan plaintif berkenaan dengan hal perkara tuntutan balas itu, atau menuntut terhadap mana-mana orang lain apa-apa relief yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal perkara asal tindakan itu, maka, tertakluk kepada kaedah 5(2), dia boleh mencantumkan orang yang lain itu sebagai pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat.

(2) Jika seorang defendan mencantumkan seseorang itu sebagai satu pihak yang terhadapnya dia membuat tuntutan balas, dia hendaklah menambahkan nama

orang itu kepada tajuk tindakan itu dan menyampaikan kepadanya satu salinan tuntutan balas itu; dan orang yang kepadanya salinan tuntutan balas disampaikan di bawah perenggan ini hendaklah, sekiranya dia belum lagi menjadi satu pihak dalam tindakan itu, akan menjadi pihak dalam tindakan itu mulai dari masa penyampaian tuntutan balas dengan mempunyai hak yang sama berkenaan dengan pembelaannya dalam tuntutan balas itu dan selainnya seolah-olah dia telah dibawa guaman mengikut cara biasa oleh pihak yang membuat tuntutan balas itu.

(3) Seorang defendan yang dikehendaki oleh perenggan (2) untuk menyampaikan salinan tuntutan balas yang dibuat olehnya kepada mana-mana orang yang sebelum penyampaian tuntutan balas itu telah pun menjadi pihak dalam tindakan itu hendaklah berbuat demikian dalam tempoh yang, mengikut Aturan 18, kaedah 2, dia mestilah menyampaikan kepada plaintif pembelaan yang kepadanya tuntutan balas itu ditambahkan.

(4) Jika mengikut perenggan (2) sesalinan tuntutan balas dikehendaki disampaikan kepada orang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu, Aturan 10 (kecuali kaedah 1(4)), Aturan 11 hingga 13 dan Aturan 70, kaedah 3, hendaklah, tertakluk kepada perenggan (3), terpakai berhubung dengan tuntutan balas dan prosiding yang berbangkit daripadanya seolah-olah—

- (a) tuntutan balas itu ialah suatu writ dan prosiding yang berbangkit daripadanya itu ialah suatu tindakan; dan
- (b) pihak yang membuat tuntutan balas itu ialah plaintif dan pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat ialah defendan dalam tindakan itu.

(5) Sesalinan tuntutan balas yang dikehendaki disampaikan kepada orang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu hendaklah diendorskan dengan notis, dalam Borang 14, yang dialamatkan kepada orang itu—

- (a) menyatakan kesan Aturan 12, kaedah 1, sebagaimana terpakai oleh perenggan (4); dan
- (b) menyatakan bahawa dia boleh memasukkan kehadiran dalam Borang 15 dan menerangkan bagaimana dia boleh berbuat demikian.

Percantuman pihak (A. 15, k. 4)

4. (1) Tertakluk kepada kaedah 5(1), dua atau lebih orang boleh dicantumkan sekali dalam satu tindakan sebagai plaintif atau sebagai defendan dengan kebenaran Mahkamah atau yang—

- (a) sekiranya tindakan yang berasingan dibawa oleh atau terhadap setiap seorang antara mereka, mengikut mana-mana yang berkenaan, beberapa persoalan undang-undang atau fakta yang sama akan berbangkit dalam semua tindakan itu; dan
- (b) semua hak kepada relief yang dituntut dalam tindakan itu (sama ada ia bersama, berasingan atau alternatif) adalah berkenaan dengan atau berbangkit daripada transaksi atau siri transaksi yang sama.

(2) Jika plaintif dalam mana-mana tindakan menuntut apa-apa relief yang kepadanya mana-mana orang lain adalah berhak secara bersesama dengannya, maka semua orang yang berhak sedemikian hendaklah, tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis dan melainkan Mahkamah memberikan kebenaran sebaliknya, menjadi pihak dalam tindakan itu dan mana-mana antara mereka yang tidak bersetuju supaya dicantumkan sebagai plaintif hendaklah, tertakluk kepada apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah atas permohonan untuk kebenaran di bawah perenggan ini, dijadikan defendan. Perenggan ini tidaklah terpakai bagi tindakan probet.

(3) Jika relief dituntut dalam suatu tindakan terhadap seorang defendan yang bertanggung secara bersesama dengan beberapa orang lain dan juga bertanggung secara berasingan, orang lain itu tidak perlu dijadikan defendan dalam tindakan itu; tetapi jika orang adalah secara bersesama, tetapi tidak secara berasingan, bertanggung di bawah suatu kontrak dan relief dituntut terhadap beberapa orang dan bukan kesemua orang itu dalam sesuatu tindakan berkenaan dengan kontrak itu, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana defendan dalam tindakan itu, melalui perintah menggantungkan prosiding dalam tindakan itu sehingga orang lain yang bertanggung sedemikian ditambahkan sebagai defendan.

Mahkamah boleh memerintahkan perbicaraan yang berasingan (A. 15, k. 5)

5. (1) Sekiranya tuntutan berkenaan dengan dua atau lebih kausa tindakan dimasukkan oleh plaintif dalam tindakan yang sama atau oleh defendan dalam suatu tuntutan balas, atau sekiranya dua atau lebih plaintif atau defendan menjadi pihak dalam tindakan yang sama, dan ternyata kepada Mahkamah bahawa percantuman kausa tindakan atau pihak-pihak itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menghalang atau melengahkan perbicaraan itu atau selainnya menyusahkan, Mahkamah boleh memerintahkan perbicaraan yang berasingan atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang suai manfaat.

(2) Sekiranya ternyata atas permohonan mana-mana pihak yang tuntutan balas dibuat terhadapnya bahawa hal perkara tuntutan balas itu kerana apa-apa jua sebab sepatutnya diselesaikan melalui tindakan yang berasingan, Mahkamah boleh memerintahkan tuntutan balas itu dibatalkan atau boleh memerintahkannya dibicarakan secara berasingan atau membuat apa-apa perintah lain yang suai manfaat.

Salah cantum dan ketidakcantuman pihak-pihak (A. 15, k. 6)

6. (1) Suatu kausa atau perkara tidak boleh dikecewakan semata-mata oleh sebab tersalah cantum atau ketidakcantuman mana-mana pihak, dan Mahkamah boleh dalam mana-mana kausa atau perkara menentukan isu atau persoalan yang dipertikaikan setakat yang ia menjejaskan hak dan kepentingan orang yang menjadi pihak dalam kausa atau perkara itu.

(2) Tertakluk kepada kaedah ini, pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara, Mahkamah boleh atas apa-apa terma yang difikirkannya adil dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan—

(a) memerintahkan mana-mana orang yang telah dijadikan satu pihak dengan tidak sepatutnya atau tidak perlu atau yang kerana apa-apa jua sebab telah terhenti menjadi pihak yang sepatutnya atau perlu, berhenti menjadi satu pihak;

(b) memerintahkan mana-mana orang yang berikut supaya ditambahkan sebagai satu pihak, iaitu—

(i) mana-mana orang yang sepatutnya telah dicantumkan sebagai satu pihak atau yang kehadirannya di hadapan Mahkamah adalah perlu untuk memastikan bahawa segala perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu boleh diputuskan dengan berkesan dan selengkapnya dan dihakimi ke atasnya; atau

(ii) mana-mana orang yang antara mereka dengan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara mungkin wujud suatu persoalan atau isu yang berbangkit daripada atau berhubungan dengan atau berkaitan dengan apa-apa relief atau remedi yang dituntut dalam kausa atau perkara yang, pada pendapat Mahkamah, adalah adil dan sesuai diputuskan antara dia dengan pihak itu dan juga di antara pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Suatu permohonan oleh mana-mana orang untuk suatu perintah di bawah perenggan (2) yang menambahkan dia sebagai satu pihak hendaklah, kecuali dengan kebenaran Mahkamah, disokong dengan affidavit yang menunjukkan kepentingannya dalam perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu atau, mengikut mana-

mana yang berkenaan, persoalan atau isu yang hendak diputuskan antara dia dengan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(4) Seseorang tidak boleh ditambahkan sebagai plaintif tanpa persetujuannya yang ditandakan secara bertulis atau dengan apa-apa cara lain sebagaimana yang dibenarkan.

Prosiding terhadap harta pusaka (A. 15, k. 6A)

6A. (1) Jika mana-mana orang yang terhadapnya suatu tindakan boleh diambil telah mati tetapi kausa tindakan masih menakat, tindakan itu boleh, sekiranya tiada pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat, dibawa terhadap harta pusaka si mati.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu tindakan yang dibawa terhadap “wakil diri kepada A. B. si mati” hendaklah dikira, bagi maksud perenggan itu, sebagai telah dibawa terhadap harta pusaknya.

(3) Suatu tindakan yang berupa sebagai telah dimulakan terhadap seseorang hendaklah dikira, sekiranya dia sudah mati semasa permulaannya, sebagai telah dimulakan terhadap harta pusaknya mengikut perenggan (1), sama ada atau tidak pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat sebelum permulaannya.

(4) Dalam mana-mana tindakan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1) atau (3)—

(a) plaintif hendaklah, sepanjang tempoh kesahan untuk penyampaian saman, memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah melantik seseorang untuk mewakili harta pusaka si mati bagi maksud prosiding itu atau, sekiranya pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat untuk suatu perintah bahawa wakil diri si mati dijadikan satu pihak dalam prosiding itu, dan dalam mana-mana hal untuk suatu perintah prosiding itu diteruskan terhadap orang yang dilantik itu atau, mengikut mana-mana yang

berkenaan, terhadap wakil diri, seolah-olah dia telah menggantikan harta pusaka itu;

(b) Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat prosiding dan atas apa-apa terma yang difikirkannya adil dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan, membuat apa-apa perintah sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (a) dan membenarkan apa-apa pindaan, sekiranya ada, dibuat dan membuat apa-apa perintah lain yang Mahkamah fikirkan perlu untuk memastikan bahawa semua perkara yang dipertikaikan dalam prosiding itu boleh diputuskan dengan berkesan dan selengkapnya dan dihakimi ke atasnya.

(5) Sebelum membuat suatu perintah di bawah perenggan (4), Mahkamah boleh menghendaki notis diberikan kepada mana-mana penanggung insurans si mati yang mempunyai kepentingan dalam prosiding itu dan juga kepada mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5A) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (4) melantik Pegawai Pentadbir Pusaka untuk mewakili harta pusaka si mati, pelantikan itu hendaklah dihadkan kepada dia menerima penyampaian writ atau saman pemula yang melaluinya tindakan itu telah dimulakan melainkan jika, sama ada semasa membuat suatu perintah atau atas permohonan berikutnya, Mahkamah itu, dengan izin Pegawai Pentadbir Pusaka, mengarahkan bahawa pelantikan itu hendaklah meliputi pengambilan langkah selanjutnya dalam prosiding itu.

(6) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (4), kaedah 7(4) dan 8 (3) dan (4) hendaklah terpakai seolah-olah perintah itu telah dibuat di bawah kaedah 7 atas permohonan plaintif.

(7) Jika tiada pemberian probet atau kuasa mentadbir telah dibuat, apa-apa penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam prosiding itu hendaklah mengikat harta pusaka itu setakat yang sama seperti ia tetap terikat sekiranya pemberian telah dibuat dan seorang wakil diri si mati telah menjadi satu pihak dalam prosiding itu.

Perubahan pihak oleh sebab kematian (A. 15, k. 7)

7. (1) Jika suatu pihak dalam suatu tindakan mati atau menjadi bankrap tetapi kausa tindakan menakat, tindakan itu hendaklah tidak terhenti oleh sebab kematian atau kebankrapan itu.

(2) Jika pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara kepentingan atau keliabiltian mana-mana pihak diserahkan atau dipindahkan atau diturunkan kepada beberapa orang lain, Mahkamah boleh, sekiranya difikirkannya perlu untuk memastikan bahawa semua perkara yang dipertikaikan dalam kausa atau perkara itu boleh diputuskan dengan berkesan dan selengkapnya dan dihakimi ke atasnya, memerintahkan bahawa orang lain itu dijadikan satu pihak dalam kausa atau perkara itu dan prosiding itu diteruskan seolah-olah dia telah menggantikan pihak yang disebut mula-mula itu. Suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah perenggan ini boleh dibuat secara *ex parte*.

(3) Suatu perintah boleh dibuat di bawah kaedah ini untuk seseorang dijadikan satu pihak dalam kausa atau perkara walaupun dia telah menjadi pihak kepada suatu pihak yang lain dalam rekod, atau di sebelah pihak yang sama tetapi atas kapasiti yang berlainan; tetapi—

(a) sekiranya dia telah menjadi pihak kepada suatu pihak yang lain, perintah itu hendaklah dikira sebagai mengandungi suatu arahan bahawa dia hendaklah terhenti menjadi pihak kepada suatu pihak yang lain itu; dan

(b) sekiranya dia telah menjadi pihak di sebelah pihak yang sama tetapi atas suatu kapasiti lain, perintah itu boleh mengandungi

suatu arahan bahawa dia hendaklah terhenti menjadi pihak dalam kapasiti yang lain itu.

(4) Orang yang atas permohonannya suatu perintah dibuat di bawah kaedah ini hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menyampaikan perintah itu kepada tiap-tiap orang lain yang menjadi pihak dalam kausa atau perkara itu atau yang menjadi atau terhenti menjadi pihak mengikut perintah itu, dan menyampaikan perintah itu kepada mana-mana orang yang menjadi defendan satu salinan writ atau saman pemula yang melalui kausa atau perkara itu telah dimulakan.

(5) Apa-apa permohonan kepada Mahkamah oleh seseorang yang disampaikan dengan suatu perintah yang dibuat secara *ex parte* di bawah kaedah ini bagi melepaskan atau mengubah perintah itu hendaklah dibuat dalam empat belas hari selepas penyampaian perintah itu kepada orang itu.

Peruntukan yang berbangkit semasa membuat perintah di bawah kaedah 6 atau 7 (A. 15, k. 8)

8. (1) Jika suatu perintah dibuat di bawah kaedah 6, writ yang melalui tindakan dalam persoalan telah bermula hendaklah dipinda dengan sewajarnya dan hendaklah diendorskan dengan—

(a) suatu sebutan kepada perintah yang menurutnya pindaan itu dibuat; dan

(b) tarikh pindaan itu dibuat,

dan pindaan itu hendaklah dibuat dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu atau, sekiranya tiada tempoh dinyatakan sedemikian, dalam empat belas hari selepas perintah itu dibuat.

(2) Jika melalui suatu perintah di bawah kaedah 6 seseorang hendak dijadikan defendan, kaedah-kaedah tentang penyampaian writ saman hendaklah terpakai dengan sewajarnya bagi penyampaian writ yang dipinda itu kepadanya.

(3) Jika melalui suatu perintah di bawah kaedah 6 atau 7 seseorang hendak dijadikan defendan, kaedah-kaedah tentang kemasukan kehadiran hendaklah terpakai dengan sewajarnya mengenai kemasukan kehadiran olehnya, tertakluk, dalam hal seseorang yang hendak dijadikan defendan melalui suatu perintah di bawah kaedah 7, kepada ubah suaian bahawa masa yang dihadkan untuk hadir hendaklah bermula pada tarikh perintah itu disampaikan kepadanya di bawah kaedah 7(4) atau, sekiranya perintah itu tidak dikehendaki disampaikan kepadanya, pada tarikh perintah itu dimeterai dengan meterai Mahkamah. Kemasukan kehadiran hendaklah dalam Borang 16.

(4) Jika melalui suatu perintah di bawah kaedah 6 atau 7 seseorang hendak ditambahkan sebagai satu pihak atau dijadikan satu pihak menggantikan suatu pihak yang lain, orang itu tidak boleh menjadi satu pihak sehingga—

- (a) jika perintah itu dibuat di bawah kaedah 6, writ itu telah dipinda berhubung dengan dirinya di bawah kaedah ini dan (sekiranya dia seorang defendan) telah disampaikan kepadanya; atau
- (b) jika perintah itu dibuat di bawah kaedah 7, perintah itu telah disampaikan kepadanya di bawah kaedah 7(4) atau, sekiranya perintah itu tidak dikehendaki disampaikan kepadanya, perintah itu telah dimeterai dengan meterai Mahkamah,

dan jika mengikut peruntukan tersebut di atas seseorang menjadi satu pihak menggantikan suatu pihak yang lain, semua perkara yang dilakukan semasa berlangsungnya prosiding sebelum membuat perintah itu hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan pihak yang baru itu sebagaimana ia berkuat kuasa berhubung dengan pihak yang terdahulu, kecuali bahawa kemasukan kehadiran oleh pihak terdahulu itu tidak mengecualikan kemasukan kehadiran oleh pihak yang baru dalam Borang 16.

(5) Perenggan (1) hingga (4) hendaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan yang dimulakan melalui saman pemula sebagaimana ia terpakai kepada suatu tindakan yang dimulakan melalui writ.

Kegagalan meneruskan tindakan selepas kematian pihak (A. 15, k. 9)

9. (1) Sekiranya selepas kematian plaintif atau defendan dalam apa-apa tindakan kausa tindakan menakat, tetapi tiada perintah di bawah kaedah 7 dibuat menggantikan mana-mana orang yang kausa tindakan itu terletak padanya sebagai plaintif atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, wakil diri bagi defendan yang mati, defendan itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, wakil itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah bahawa, melainkan jika tindakan itu diteruskan dalam apa-apa jua masa yang dinyatakan dalam perintah itu, tindakan itu hendaklah dibatalkan terhadap plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang telah mati; tetapi jika plaintif yang mati, Mahkamah tidak boleh membuat perintah di bawah kaedah ini melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa notis yang wajar mengenai permohonan itu telah diberikan kepada wakil diri, sekiranya ada, bagi plaintif yang mati dan kepada mana-mana orang lain yang berkepentingan yang, pada pendapat Mahkamah, hendaklah diberitahu.

(2) Jika dalam apa-apa tindakan suatu tuntutan balas dibuat oleh defendan, kaedah ini hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas seolah-olah tuntutan balas itu adalah tindakan yang berasingan dan seolah-olah defendan yang membuat tuntutan balas itu ialah plaintif dan orang yang terhadapnya tindakan itu dibuat ialah seorang defendan.

Tindakan untuk milikan harta tak alih (A. 15, k. 10)

10. (1) Tanpa menjejaskan kaedah 6, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding dalam suatu tindakan untuk milikan harta tak alih memerintahkan mana-mana orang yang tidak menjadi satu pihak dalam tindakan itu yang harta tak alih itu dalam milikannya (sama ada dalam milikan sebenar atau oleh seorang penyewa) ditambahkan sebagai defendan.

(2) Suatu permohonan oleh mana-mana orang untuk suatu perintah di bawah kaedah ini boleh dibuat melalui notis permohonan secara *ex parte*, disokong dengan affidavit yang menunjukkan bahawa harta tak alih dalam persoalan itu adalah dalam milikannya dan sekiranya oleh seorang penyewa, menamakan orang itu.

(3) Seseorang yang ditambah sebagai defendan melalui suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah menyampaikan satu salinan perintah itu kepada plaintif dan hendaklah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu dalam apa-apa tempoh, sekiranya ada, yang dinyatakan dalam perintah itu atau, sekiranya tiada tempoh dinyatakan sedemikian, dalam tujuh hari selepas perintah itu dibuat dan kaedah-kaedah tentang kemasukan kehadiran hendaklah terpakai dengan sewajarnya kepada kemasukan kehadiran olehnya.

Tindakan relator (A. 15, k. 11)

11. Sebelum nama mana-mana orang digunakan dalam apa-apa tindakan sebagai seorang relator, orang itu hendaklah memberikan kebenaran bertulis membenarkan namanya digunakan kepada peguamnya dan kebenaran itu hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

Prosiding perwakilan (A. 15, k. 12)

12. (1) Jika berbilang orang mempunyai kepentingan yang sama dalam mana-mana prosiding, yang bukannya prosiding yang dinyatakan dalam kaedah 13, prosiding itu boleh dimulakan dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, diteruskan oleh atau terhadap salah seorang atau lebih daripada mereka sebagai mewakili semua atau sebagai mewakili semua kecuali seorang atau lebih daripada mereka itu.

(2) Pada mana-mana peringkat prosiding di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh, atas permohonan plaintif, dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut, melantik salah seorang atau lebih defendan atau orang lain sebagai mewakili mereka yang defendan itu dibawa guaman untuk mewakili semua, atau semua kecuali seorang atau lebih, daripada orang itu dalam prosiding itu dan jika, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan ini, Mahkamah melantik

seseorang yang tidak dinamakan sebagai defendan, Mahkamah hendaklah membuat perintah di bawah kaedah 6 untuk menambahkan orang itu sebagai defendan.

(3) Suatu penghakiman atau perintah yang diberikan dalam prosiding di bawah kaedah ini mengikat semua orang sebagai mewakili mereka yang plaintif membawa guaman atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, defendan itu dibawa guaman, tetapi tidak boleh dikuatkuasakan terhadap mana-mana orang yang tidak menjadi satu pihak dalam prosiding itu kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(4) Suatu permohonan minta diberikan kebenaran di bawah perenggan (3) mestilah disampaikan secara kediri kepada orang yang terhadapnya penghakiman atau perintah itu hendak dikuatkuasakan.

(5) Walaupun suatu penghakiman atau perintah yang kepadanya apa-apa permohonan itu berkaitan adalah mengikat orang yang terhadapnya permohonan itu dibuat, orang itu boleh mempertikaikan liabiliti bagi menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu terhadapnya atas alasan bahawa oleh sebab fakta dan perkara yang khusus dengan kesnya dia adalah berhak dikecualikan daripada liabiliti itu.

(6) Mahkamah yang mendengar suatu permohonan untuk pemberian kebenaran di bawah perenggan (3) boleh memerintahkan persoalan sama ada penghakiman atau perintah itu boleh dikuatkuasakan terhadap orang yang terhadapnya permohonan itu dibuat supaya dibicarakan dan diputuskan mengikut apa-apa cara yang apa-apa isu atau persoalan dalam mana-mana tindakan boleh dibicarakan dan diputuskan.

Perwakilan orang berkepentingan yang tidak dapat dipastikan (A. 15, k. 13)

13. (1) Dalam apa-apa prosiding mengenai—

(a) kuasa mentadbir harta pusaka si mati;

(b) harta yang tertakluk kepada amanah; atau

(c) pentafsiran suatu surat cara bertulis, termasuk statut,

Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa adalah suai manfaat berbuat demikian, dan bahawa satu atau lebih daripada syarat-syarat yang dinyatakan dalam perenggan (2) adalah dipenuhi, boleh melantik seorang atau lebih untuk mewakili mana-mana orang (termasuk orang belum dilahirkan) atau golongan orang yang berkepentingan atau mungkin berkepentingan (sama ada masa kini atau bagi apa-apa kepentingan masa depan, kontinjen atau tidak pasti) dalam prosiding atau yang terjejas oleh prosiding itu.

(2) Syarat-syarat bagi menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) adalah seperti berikut:

- (a) bahawa orang, golongan orang atau beberapa anggota daripada golongan orang itu, tidak dapat dipastikan atau tidak dapat dipastikan dengan mudahnya;
- (b) bahawa orang, golongan orang atau beberapa anggota daripada golongan orang itu, sungguhpun pasti, tidak dapat dijumpai;
- (c) bahawa, sungguhpun orang atau golongan orang dan anggota golongan orang itu dapat dipastikan dan dijumpai, ternyatalah suai manfaat kepada Mahkamah (mengutamakan segala hal keadaan, termasuk amaun wang yang dipertaruhkan dan takat kesulitan akan perkara yang hendak ditentukan) menjalankan kuasa itu bagi maksud menjimatkan perbelanjaan.

(3) Jika dalam apa-apa prosiding yang perenggan (1) terpakai bagi Mahkamah menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan itu, suatu penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat oleh Mahkamah apabila orang itu atau orang yang dilantik pada menjalankan kuasa itu berada di hadapan Mahkamah hendaklah terikat kepada orang atau golongan orang yang diwakili oleh orang atau orang yang dilantik sedemikian.

(4) Jika, dalam mana-mana prosiding yang sedemikian, kompromi ada dicadangkan dan beberapa orang yang berkepentingan dalam prosiding itu, atau yang mungkin terjejas oleh, kompromi itu bukannya pihak dalam prosiding itu (termasuk orang belum dilahirkan atau tidak pasti) tetapi—

- (a) ada beberapa orang lain yang mempunyai kepentingan yang sama di hadapan Mahkamah yang bersetuju dengan kompromi itu atau bagi pihak orang itu Mahkamah mengizinkan kompromi itu; atau
- (b) orang tidak hadir yang diwakili oleh seseorang yang dilantik di bawah perenggan (1) yang bersetuju sedemikian,

Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa kompromi itu akan memberi faedah kepada orang tidak hadir dan bahawa adalah suai manfaat menjalankan kuasa ini, boleh meluluskan kompromi itu dan memerintahkan supaya kompromi mengikat orang tidak hadir, dan mereka hendaklah terikat dengan wajarnya kecuali jika perintah itu telah didapatkan dengan cara fraud atau ketidakdedahan fakta material.

Notis tindakan kepada bukan pihak (A. 15, k. 13A)

13A. (1) Pada mana-mana peringkat dalam suatu tindakan yang kaedah ini terpakai, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak atau usulnya sendiri, mengarahkan bahawa suatu notis tindakan disampaikan kepada mana-mana orang yang bukannya pihak dalam tindakan itu tetapi yang akan atau mungkin terjejas oleh apa-apa penghakiman yang diberikan dalam tindakan itu.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini boleh dibuat melalui notis permohonan secara *ex parte* yang disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan alasan permohonannya.

(3) Tiap-tiap notis tindakan di bawah kaedah ini hendaklah dalam Borang 17 dan salinan yang disampaikan itu hendaklah suatu salinan yang dimeterai bersama dengan suatu salinan saman dan pliding lain yang disampaikan dalam tindakan itu.

(4) Seseorang boleh, dalam empat belas hari dari penyampaian suatu notis kepadanya di bawah kaedah ini, memasukkan suatu kehadiran dan hendaklah kemudiannya menjadi suatu pihak kepada tindakan itu, tetapi keingkaran kehadiran itu dan tertakluk kepada perenggan (5) dia terikat dengan apa-apa penghakiman yang diberikan dalam tindakan itu seolah-olah dia adalah pihak kepada tindakan itu.

(5) Sekiranya pada bila-bila masa selepas penyampaian apa-apa notis kepada mana-mana orang writ atau saman pemula itu dipinda sebahagian besarnya sehingga mengubah relief yang dituntut, Mahkamah boleh mengarahkan bahawa penghakiman itu tidak mengikat orang itu melainkan jika suatu saman dikeluarkan dan disampaikan kepadanya di bawah kaedah ini.

(6) Kaedah ini terpakai kepada apa-apa tindakan yang berhubung dengan—

(a) harta pusaka orang yang mati; atau

(b) apa-apa harta yang tertakluk kepada amanah.

Perwakilan benefisiari oleh pemegang amanah (A. 15, k. 14)

14. (1) Apa-apa prosiding, termasuk prosiding untuk menguatkuasakan jaminan melalui halang tebus atau selainnya, boleh dibawa oleh atau terhadap pemegang amanah, wasi atau pentadbir pusaka dalam kapasiti mereka sedemikian tanpa mencantumkan mana-mana orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam amanah atau harta pusaka itu, dan apa-apa penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam prosiding itu mengikat orang itu melainkan jika Mahkamah dalam prosiding yang sama atau yang lain memerintahkan selainnya atas alasan bahawa pemegang amanah, wasi atau pentadbir pusaka tidak boleh atau tidak pada hakikatnya mewakili kepentingan orang itu dalam prosiding yang mula-mula dinyatakan.

(2) Perenggan (1) tidaklah menjejaskan kuasa Mahkamah untuk memerintahkan mana-mana orang yang mempunyai kepentingan untuk dijadikan satu pihak dalam prosiding itu atau membuat suatu perintah di bawah kaedah 13.

Perwakilan orang yang mati yang berkepentingan dalam prosiding (A. 15, k. 15)

15. (1) Jika dalam mana-mana prosiding ternyata kepada Mahkamah bahawa orang yang mati berkepentingan dalam perkara dalam persoalan dalam prosiding itu dan bahawa dia tidak ada wakil diri, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu, meneruskan tanpa kehadiran orang yang mewakili harta pusaka orang yang mati atau boleh melalui perintah melantik seseorang untuk mewakili harta pusaka itu bagi maksud prosiding tersebut; dan apa-apa perintah yang sedemikian, dan apa-apa penghakiman atau perintah yang diberikan atau yang dibuat kemudiannya dalam prosiding itu, hendaklah mengikat harta pusaka orang yang mati itu setakat yang sama sebagaimana ia akan terikat kiranya wakil diri orang itu menjadi satu pihak dalam prosiding itu.

(2) Sebelum membuat suatu perintah di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh menghendaki suatu notis permohonan bagi perintah itu diberikan kepada, sekiranya ada, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam harta pusaka sebagaimana yang difikirkannya patut.

Penghakiman deklaratori (A. 15, k. 16)

16. Tiada tindakan atau prosiding lain boleh terbuka kepada bantahan atas alasan bahawa cuma suatu penghakiman atau perintah deklaratori diminta dengan demikian itu, dan Mahkamah boleh membuat deklarasi hak yang mengikat sama ada atau tidak relief berbangkit dituntut atau boleh dituntut.

Penjalanan prosiding (A. 15, k. 17)

17. Mahkamah boleh menyerahkan penjalanan apa-apa tindakan, siasatan atau prosiding lain kepada mana-mana orang sebagaimana yang difikirkannya patut.

Petisyen untuk membawa guaman, membela atau meneruskan tindakan sebagai orang papa (A. 15, k. 18)

18. *(Tiada kaedah 18)*

Tiada fi Mahkamah boleh dikenakan (A. 15, k. 19)

19. *(Tiada kaedah 19)*

Peguaam si papa tidak boleh mengambil fi (A. 15, k. 20)

20. *(Tiada kaedah 20)*

Kebenaran Mahkamah atau Hakim memberhentikan, menyelesaikan atau berkompromi (A. 15, k. 21)

21. *(Tiada kaedah 21)*

Saman pemula ditandatangani oleh peguaam (A. 15, k. 22)

22. *(Tiada kaedah 22)*

Kos (A. 15, k. 23)

23. *(Tiada kaedah 23)*

Fi peguaam daripada apa-apa wang yang diterima oleh si papa (A. 15, k. 24)

24. *(Tiada kaedah 24)*

Rayuan sebagai si papa (A. 15, k. 25)

25. *(Tiada kaedah 25)*

Pelucutan keistimewaan sebagai si papa (A. 15, k. 26)

26. *(Tiada kaedah 26)*

ATURAN 16

PROSIDING PIHAK KETIGA DAN PROSIDING YANG SERUPA

Notis pihak ketiga (A. 16, k. 1)

1. (1) Jika dalam apa-apa tindakan seorang defendan yang telah memasukkan kehadiran—

(a) menuntut terhadap seseorang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu apa-apa sumbangan atau tanggung rugi;

- (b) menuntut terhadap mana-mana orang apa-apa relief atau remedi yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal perkara asal bagi tindakan itu dan sebahagian besarnya sama dengan beberapa remedi atau relief yang dituntut oleh plaintif; atau
- (c) menghendaki bahawa apa-apa persoalan atau isu yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal perkara asal bagi tindakan itu patut ditentukan bukan sahaja antara plaintif dan defendan tetapi juga antara salah seorang atau kedua-dua mereka dan seseorang yang belum lagi menjadi pihak dalam tindakan itu,

maka, tertakluk kepada perenggan (2), defendan boleh mengeluarkan suatu notis dalam Borang 18 atau 19, mengikut mana yang sesuai (yang disebut sebagai “notis pihak ketiga” dalam Aturan ini), mengandungi suatu pernyataan jenis tuntutan yang dibuat terhadapnya dan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sama ada tentang jenis dan alasan tuntutan yang dibuat olehnya atau tentang persoalan atau isu yang hendak ditentukan.

(2) Seorang defendan dalam sesuatu tindakan tidak boleh mengeluarkan suatu notis pihak ketiga tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika dia mengeluarkan notis itu sebelum menyampaikan pembelaannya kepada plaintif.

(3) Jika notis pihak ketiga disampaikan kepada orang yang terhadapnya notis itu dikeluarkan, dia hendaklah mulai dari masa penyampaian itu menjadi pihak dalam tindakan itu (yang disebut sebagai “pihak ketiga” dalam Aturan ini), dengan hak yang sama berkenaan dengan pembelaannya terhadap apa-apa tuntutan yang dibuat terhadapnya dalam notis itu dan selainnya seolah-olah dia telah dibawa guaman dengan sewajarnya mengikut cara biasa oleh defendan yang mengeluarkan notis itu.

**Permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga
(A. 16, r. 2)**

2. (1) Suatu permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan notis pihak ketiga boleh dibuat melalui notis permohonan secara *ex parte* dalam Borang 20 tetapi Mahkamah boleh mengarahkan permohonan itu disampaikan.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran untuk mengeluarkan suatu notis pihak ketiga hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan—

- (a) jenis tuntutan yang dibuat oleh plaintif dalam tindakan itu;
- (b) peringkat prosiding yang telah tercapai dalam tindakan itu;
- (c) jenis tuntutan yang dibuat oleh pemohon atau butir-butir persoalan atau isu yang hendak ditentukan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan fakta yang berasaskan kepadanya notis pihak ketiga itu dicadangkan; dan
- (d) nama dan alamat orang yang terhadapnya notis pihak ketiga itu hendak dikeluarkan.

**Pengeluaran, penyampaian dan kemasukan kehadiran dalam notis pihak ketiga
(A. 16, k. 3)**

3. (1) Perintah yang memberikan kebenaran untuk mengeluarkan suatu notis pihak ketiga boleh mengandungi arahan tentang tempoh notis itu hendak dikeluarkan.

(2) Satu salinan writ atau saman pemula yang melaluinya tindakan itu dimulakan dan juga pliding, sekiranya ada, yang disampaikan dalam tindakan itu hendaklah disampaikan sekali dengan tiap-tiap notis pihak ketiga.

(3) Tertakluk kepada perenggan (1) dan (2), Aturan 6, kaedah 6(3), Aturan 10 (kecuali kaedah 1(4)), Aturan 11, Aturan 12 dan Aturan 70, kaedah 3 hendaklah

terpakai berhubung dengan notis pihak ketiga dan prosiding yang dimulakan dengan sedemikian itu seolah-olah—

- (a) notis pihak ketiga itu ialah suatu writ dan prosiding yang dimulakan dengan sedemikian itu adalah suatu tindakan; dan
- (b) defendan yang mengeluarkan notis pihak ketiga ialah plaintif dan orang yang terhadapnya notis itu dikeluarkan ialah defendan dalam tindakan itu.

Arahan pihak ketiga (A. 16, k. 4)

4. (1) Sekiranya pihak ketiga memasukkan kehadiran dalam Borang 21, defendan yang mengeluarkan notis pihak ketiga hendaklah, melalui suatu notis permohonan yang akan disampaikan kepada semua pihak lain dalam tindakan itu, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan arahan.

(2) Sekiranya tiada permohonan disampaikan kepada pihak ketiga di bawah perenggan (1), pihak ketiga itu boleh, tidak lebih awal dari tujuh hari selepas memasukkan kehadiran, melalui suatu notis permohonan dalam Borang 22 yang akan disampaikan kepada semua pihak lain dalam tindakan itu, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan arahan atau suatu perintah untuk mengetepikan notis pihak ketiga itu.

(3) Atas suatu permohonan untuk mendapatkan arahan di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh—

- (a) sekiranya liabiliti pihak ketiga kepada defendan yang mengeluarkan notis pihak ketiga dibuktikan semasa pendengaran, memerintahkan apa-apa penghakiman sebagaimana yang dikehendaki menurut jenis kes itu dicatatkan terhadap pihak ketiga dengan memihak kepada defendan;

- (b) memerintahkan apa-apa tuntutan, persoalan atau isu yang dinyatakan dalam notis pihak ketiga supaya dibicarakan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah; atau
- (c) menolak permohonan itu dan menamatkan prosiding mengenai notis pihak ketiga itu,

dan boleh berbuat demikian sama ada sebelum atau selepas apa-apa penghakiman dalam tindakan itu telah ditandatangani oleh plaintif terhadap defendan.

(4) Atas suatu permohonan untuk mendapatkan arahan di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh memberikan kebenaran kepada pihak ketiga untuk membela tindakan itu, sama ada berseorangan atau bersesama dengan mana-mana defendan, atas apa-apa terma yang difikirkan adil, atau untuk hadir di perbincaraan dan untuk mengambil apa-apa bahagian dalamnya sebagaimana yang difikirkan adil, dan pada amnya boleh membuat apa-apa perintah dan memberi apa-apa arahan yang ternyata patut oleh Mahkamah kerana telah menentukan dan menguatkuasakan dengan cara yang paling sesuai sekali hak dan liabiliti pihak itu dan takatnya yang pihak ketiga itu terikat dengan apa-apa penghakiman atau keputusan dalam tindakan itu.

(5) Apa-apa perintah yang dibuat atau arahan yang diberikan di bawah kaedah ini hendaklah dalam Borang 23 dan boleh diubah atau dihapuskan oleh Mahkamah pada bila-bila masa.

Keingkaran pihak ketiga (A. 16, k. 5)

5. (1) Sekiranya pihak ketiga tidak memasukkan kehadiran atau, setelah diperintahkan menyampaikan pembelaan, gagal untuk berbuat sedemikian—

- (a) dia hendaklah disifatkan mengaku tentang apa-apa tuntutan yang dinyatakan dalam notis pihak ketiga dan hendaklah terikat dengan apa-apa penghakiman (termasuk penghakiman dengan persetujuan) atau keputusan dalam tindakan itu setakat yang

relevan dengan apa-apa tuntutan, persoalan atau isu yang dinyatakan dalam notis itu; dan

- (b) defendan yang mengeluarkan notis pihak ketiga itu boleh, sekiranya penghakiman ingkar diberikan terhadapnya dalam tindakan itu, pada bila-bila masa selepas penunaian penghakiman itu dan, dengan kebenaran Mahkamah, sebelum penunaianya, memasukkan penghakiman terhadap pihak ketiga berkenaan dengan apa-apa sumbangan atau tanggung rugi yang dituntut dalam notis itu, dan, dengan kebenaran Mahkamah, berkenaan dengan apa-apa relief atau remedi lain yang dituntut dalamnya.

(2) Sekiranya suatu pihak ketiga atau defendan yang kepadanya notis pihak ketiga itu telah dikeluarkan melakukan keingkaran dalam menyampaikan apa-apa pliding yang dia diperintahkan menyampaikannya, Mahkamah boleh, atas permohonan melalui notis permohonan oleh defendan atau pihak ketiga itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, memerintahkan penghakiman sedemikian dicatatkan memihak pemohon sebagaimana dia berhak atas pliding itu atau Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang ternyata perlu oleh Mahkamah untuk melakukan keadilan antara pihak itu.

(3) Mahkamah boleh mengetepikan atau mengubah suatu penghakiman yang telah dicatatkan di bawah subperenggan (1)(b) atau perenggan (2) atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya adil.

Mengetepikan prosiding pihak ketiga (A. 16, k. 6)

6. Prosiding notis pihak ketiga boleh, pada mana-mana peringkat prosiding itu, diketepikan oleh Mahkamah.

Penghakiman antara defendan dan pihak ketiga (A. 16, k. 7)

7. (1) Jika dalam apa-apa tindakan seorang defendan telah menyampaikan suatu notis pihak ketiga, Mahkamah boleh pada atau selepas perbicaraan tindakan itu atau, sekiranya tindakan itu diputuskan melainkan melalui perbicaraan, atas suatu

permohonan, memerintahkan apa-apa penghakiman sebagaimana yang dikehendaki menurut sifat kes itu dicatatkan memihak kepada defendan terhadap pihak ketiga atau memihak kepada pihak ketiga terhadap defendan.

(2) Jika dalam suatu tindakan penghakiman diberikan terhadap defendan dan penghakiman diberikan memihak kepada defendan terhadap pihak ketiga, pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan terhadap pihak ketiga tanpa kebenaran Mahkamah sehingga penghakiman terhadap defendan itu telah ditunaikan.

Tuntutan dan isu antara defendan dengan suatu pihak lain (A. 16, k. 8)

8. (1) Jika dalam apa-apa tindakan seorang defendan yang telah memasukkan kehadiran—

- (a) menuntut terhadap seseorang yang telah pun menjadi pihak dalam tindakan itu apa-apa sumbangan atau tanggung rugi;
- (b) menuntut terhadap mana-mana orang apa-apa relief atau remedi berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal perkara asal bagi tindakan itu dan sebahagian besarnya sama dengan beberapa remedi atau relief yang dituntut oleh plaintif; atau
- (c) berkehendakkan supaya apa-apa persoalan atau isu yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan hal perkara asal bagi tindakan itu patut ditentukan bukan sahaja antara plaintif dengan defendan itu sendiri tetapi juga antara salah seorang atau kedua-dua mereka dan beberapa orang yang lain yang telah menjadi pihak dalam tindakan itu,

maka, tertakluk kepada perenggan (2), defendan itu boleh, tanpa kebenaran, mengeluarkan dan menyampaikan kepada orang itu suatu notis yang mengandungi pernyataan tentang jenis dan alasan tuntutannya atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, tentang persoalan atau isu yang hendak ditentukan itu.

(2) Jika defendan membuat suatu tuntutan yang sedemikian seperti yang dinyatakan dalam perenggan (1) dan tuntutan itu boleh dibuat olehnya melalui tuntutan balas dalam tindakan itu, perenggan (1) tidaklah terpakai berhubung dengan tuntutan itu.

(3) Tiada kehadiran bagi suatu notis yang sedemikian diperlukan sekiranya orang yang kepadanya notis itu disampaikan telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu atau adalah seorang plaintif dalam tindakan itu, dan prosedur yang sama hendaklah diterima pakai bagi memutuskan antara defendan yang olehnya, dan orang yang kepadanya, suatu notis yang sedemikian disampaikan tentang tuntutan, persoalan atau isu yang dinyatakan dalam notis itu sebagaimana yang sesuai di bawah Aturan ini sekiranya orang yang disampaikan notis itu ialah pihak ketiga dan (jika dia telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu atau dia ialah plaintif) telah memasukkan suatu kehadiran mengenai notis itu.

(4) Kaedah 4(2) hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan prosiding mengenai notis yang dikeluarkan di bawah kaedah ini seolah-olah perkataan “tujuh hari selepas memasukkan kehadiran” telah digantikan dengan perkataan “empat belas hari selepas penyampaian notis itu kepadanya”.

Tuntutan pihak ketiga dan yang kemudian (A. 16, k. 9)

9. (1) Jika seorang defendan telah menyampaikan suatu notis pihak ketiga dan pihak ketiga itu membuat suatu tuntutan atau kehendak yang sedemikian seperti yang dinyatakan dalam kaedah 1 atau kaedah 8, Aturan ini hendaklah, dengan ubah suaian yang dinyatakan dalam perenggan (2) dan apa-apa ubah suaian lain yang perlu, terpakai seolah-olah pihak ketiga itu ialah defendan dan begitulah juga jika mana-mana orang seterusnya, mengikut kaedah ini, Aturan ini terpakai seolah-olah dia ialah pihak ketiga yang membuat suatu tuntutan atau kehendak yang sedemikian.

(2) Ubah suaian yang disebut dalam perenggan (1) ialah bahawa perenggan (3) hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan pengeluaran suatu notis di bawah kaedah 1 oleh pihak ketiga sebagai penggantikan kaedah 1(2).

(3) Pihak ketiga tidak boleh mengeluarkan suatu notis di bawah kaedah 1 tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika dia mengeluarkan notis itu sebelum tamatnya empat belas hari selepas masa yang dihadkan untuk hadir oleh notis yang dikeluarkan terhadapnya.

Tawaran memberi sumbangan (A. 16, k. 10)

10. Sekiranya, sebelum perbicaraan suatu tindakan, suatu pihak dalam tindakan yang, sama ada sebagai pihak ketiga atau sebagai salah seorang daripada dua atau lebih pelaku tort yang bertanggung berkeenaan dengan ganti rugi yang sama, tetap terus bertanggung dalam tindakan itu kepada suatu pihak yang lain untuk menyumbangkan kepada apa-apa hutang atau ganti rugi yang boleh didapatkan kembali terhadap pihak yang satu lagi dalam tindakan itu, membuat (tanpa menjejaskan pembelaannya) suatu tawaran bertulis kepada pihak yang satu lagi untuk menyumbangkan setakat yang dinyatakan kepada hutang atau ganti rugi itu, maka, walaupun dia merizabkan hak untuk membawa tawaran itu kepada perhatian Hakim di perbicaraan itu, tawaran itu tidak boleh dibawa kepada perhatian Hakim sehingga selepas semua persoalan liabiliti dan amaun hutang atau ganti rugi itu telah diputuskan.

Tuntutan balas oleh defendan (A. 16, k. 11)

11. Jika dalam apa-apa tindakan suatu tuntutan balas dibuat oleh seorang defendan, peruntukan yang tersebut di atas dalam Aturan ini hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas itu seolah-olah hal perkara tuntutan balas itu ialah hal perkara asal bagi tindakan itu, dan seolah-olah orang yang membuat tuntutan balas itu ialah plaintif dan orang yang terhadapnya tuntutan itu dibuat ialah defendan.

ATURAN 17
INTERPLIDER

Hak mendapat relief dengan cara interplider (A. 17, k. 1)

1. (1) Jika—

(a) seseorang mempunyai liabiliti berkeenaan dengan suatu hutang atau berkeenaan dengan apa-apa wang, barangan atau catel dan dia,

atau dijangka akan, dibawa guaman mengenai atau berkenaan dengan hutang atau wang itu atau barangan atau catel itu oleh dua atau lebih orang yang membuat tuntutan bertentangan berkenaan dengannya; atau

- (b) suatu tuntutan dibuat bagi mendapatkan apa-apa wang, barangan atau catel yang diambil atau diniatkan untuk diambil oleh Syerif dalam pelaksanaan di bawah mana-mana proses, atau mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barangan atau catel itu, oleh seseorang selain orang yang terhadapnya proses itu dikeluarkan,

orang yang di bawah liabiliti atau, tertakluk kepada kaedah 2, Syerif itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk meminta relief dengan cara interplider.

(2) Sebutan dalam Aturan ini mengenai Syerif hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan kepada mana-mana pegawai lain yang dipertanggungjawabkan dengan pelaksanaan proses oleh atau di bawah kuasa Mahkamah.

Tuntutan untuk barangan yang diambil dalam pelaksanaan (A. 17, k. 2)

2. (1) Mana-mana orang yang membuat suatu tuntutan untuk atau berkenaan dengan apa-apa wang, barangan atau harta alih lain yang diambil atau dicadangkan hendak diambil dalam pelaksanaan di bawah proses Mahkamah, atau untuk mendapatkan hasil atau nilai apa-apa barangan atau harta sedemikian, hendaklah memberi notis tuntutannya dalam Borang 24 kepada Syerif yang dipertanggungjawabkan bagi pelaksanaan proses itu dan hendaklah memasukkan dalam notisnya suatu pernyataan tentang alamatnya, dan alamat itu mestilah menjadi alamat penyampaian.

(2) Apabila menerima tuntutan yang dibuat di bawah kaedah ini, Syerif hendaklah serta-merta memberi notis mengenai tuntutan itu dalam Borang 25 kepada pemiutang pelaksanaan dan pemiutang pelaksanaan itu hendaklah, dalam empat hari selepas menerima notis itu, memberi notis dalam Borang 26 kepada Syerif memberitahunya sama ada dia mengaku atau mempertikaikan tuntutan itu. Seorang

pemiutang pelaksanaan yang memberi notis mengikut perenggan ini yang mengaku suatu tuntutan hendaklah bertanggung kepada Syerif sahaja bagi apa-apa fi dan perbelanjaan yang dilakukan oleh Syerif sebelum penerimaan notis itu.

(3) Jika—

(a) Syerif menerima suatu notis daripada pemiutang pelaksanaan di bawah perenggan (2) yang mempertikaikan suatu tuntutan, atau pemiutang pelaksanaan gagal, dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan itu, untuk memberi notis yang dikehendaki itu; dan

(b) tuntutan di bawah kaedah ini tidak ditarik balik,

Syerif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan relief di bawah Aturan ini.

(4) Syerif yang menerima suatu notis daripada pemiutang pelaksanaan di bawah perenggan (2) yang mengakui tentang suatu tuntutan di bawah kaedah ini hendaklah menarik diri daripada milikan wang, barangan atau harta alih lain yang dituntut.

Cara permohonan (A. 17, k. 3)

3. (1) Suatu permohonan minta relief di bawah Aturan ini hendaklah dibuat melalui saman pemula melainkan jika dibuat dalam suatu tindakan belum selesai, yang dalam hal yang demikian permohonan itu hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan dalam Borang 27 atau 28, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), suatu saman pemula di bawah kaedah ini hendaklah disokong dengan keterangan bahawa pemohon itu—

(a) tidak menuntut apa-apa kepentingan dalam hal perkara yang dipertikaikan selain caj atau kos;

- (b) tidak berpakat sulit dengan mana-mana pihak menuntut dalam hal perkara itu; dan
- (c) sanggup membayar atau memindahkan hal perkara itu ke dalam Mahkamah atau menyelesaikannya sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(3) Jika pemohon itu seorang Syerif, dia tidak boleh memberikan apa-apa keterangan yang disebutkan dalam perenggan (2) melainkan jika diarahkan oleh Mahkamah untuk berbuat demikian.

Penyampaian saman dan notis permohonan (A. 17, k. 4)

4. (1) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, saman pemula atau notis permohonan yang diperintahkan di bawah kaedah 3 hendaklah disampaikan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari kembalian.

(2) Saman pemula yang disebut dalam perenggan (1) mestilah disampaikan secara kediri.

(3) Notis permohonan yang disebut dalam perenggan (1) tidak perlu disampaikan secara kediri melainkan jika diperintahkan oleh Mahkamah.

(4) Notis permohonan yang disebut dalam perenggan (1) hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang 29.

Kuasa Mahkamah untuk mendengar saman pemula atau notis permohonan (A. 17, k. 5)

5. (1) Jika semasa pendengaran saman pemula atau notis permohonan di bawah Aturan ini semua orang yang membuat tuntutan bertentangan dalam hal perkara yang dipertikaikan (“pihak menuntut”) itu hadir, Mahkamah boleh memerintahkan—

- (a) bahawa mana-mana pihak menuntut dijadikan seorang defendan dalam mana-mana tindakan belum selesai berkenaan dengan hal

perkara yang dipertikaikan sebagai menggantikan atau sebagai tambahan kepada pemohon yang memohon relief di bawah Aturan ini; atau

(b) bahawa suatu isu antara pihak menuntut itu dinyatakan dan dibicarakan dan boleh mengarahkan bahawa mana satu antara pihak menuntut itu dijadikan plaintif dan mana yang menjadi defendan.

(2) Jika—

(a) pemohon atas suatu saman pemula atau notis permohonan di bawah Aturan ini seorang Syerif;

(b) semua pihak menuntut bersetuju atau mana-mana antara mereka itu meminta sedemikian; atau

(c) persoalan yang menjadi isu antara pihak menuntut ialah persoalan undang-undang dan faktanya tidak dipertikaikan,

Mahkamah boleh menentukan secara terus persoalan yang menjadi isu antara pihak menuntut itu dan membuat suatu perintah dengan sewajarnya atas apa-apa terma sebagaimana yang adil.

(3) Jika seorang pihak menuntut, setelah saman pemula atau notis permohonan untuk relief di bawah Aturan ini disampaikan dengan sempurnanya, tidak hadir semasa pendengaran saman pemula atau notis permohonan itu atau, setelah hadir, gagal atau enggan mematuhi suatu perintah yang dibuat dalam prosiding itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah mengisytiharkan pihak menuntut itu dan semua orang yang menuntut di bawahnya, tersekat selama-lamanya daripada meneruskan tuntutan mereka terhadap pemohon untuk apa-apa relief dan semua orang yang menuntut di bawahnya, tetapi suatu perintah itu tidaklah menjejaskan hak pihak menuntut antara sesama mereka.

Kuasa untuk memerintahkan penjualan barangan yang diambil dalam pelaksanaan (A. 17, k. 6)

6. Jika suatu permohonan minta relief di bawah Aturan ini dibuat oleh Syerif yang telah mengambil milikan atas apa-apa barangan atau harta alih lain dalam pelaksanaan di bawah mana-mana proses, dan suatu pihak menuntut mengatakan bahawa dia berhak, di bawah bil jualan atau selainnya, ke atas barangan atau harta itu sebagai jaminan hutang, Mahkamah boleh memerintahkan barangan atau harta itu atau mana-mana bahagiannya dijual dan boleh mengarahkan hasil jualan itu digunakan mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma sebagaimana yang adil dan sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Kuasa untuk menggantungkan prosiding (A. 17, k. 7)

7. Jika seorang defendan dalam suatu tindakan memohon relief di bawah Aturan ini dalam tindakan itu, Mahkamah boleh melalui perintah menggantungkan segala prosiding selanjutnya dalam tindakan itu.

Menarik balik atau menerima masuk (A. 17, k. 7A)

7A. Jika sebelum pendengaran suatu saman pemula atau suatu notis permohonan di bawah Aturan ini—

- (a) pihak menuntut menfailkan suatu notis bahawa dia menarik balik tuntutan dan pada masa yang sama memberikan notis menarik balik kepada pemiutang pelaksanaan; atau
- (b) pemiutang pelaksanaan memfailkan suatu penerimaan masuk hakmilik pihak menuntut dan pada masa yang sama memberikan notis penerimaan masuk itu kepada pihak menuntut,

harta yang disita atau hasil jualan harta yang disita itu atau apa-apa wang yang dibayar ke dalam Mahkamah dalam prosiding interplider hendaklah diuruskan seolah-olah tuntutan itu tidak pernah dibuat atau seolah-olah pelaksanaan itu telah ditarik balik, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah tentang kos, fi, caj dan perbelanjaan sebagaimana yang adil.

Kuasa lain (A. 17, k. 8)

8. Tertakluk kepada kaedah-kaedah yang tersebut di atas dalam Aturan ini, Mahkamah boleh dalam atau bagi maksud mana-mana prosiding interplider membuat apa-apa perintah tentang kos atau apa-apa perkara lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

Satu perintah dalam beberapa kausa atau perkara (A. 17, k. 9)

9. Jika Mahkamah menimbangkan adalah perlu atau suai manfaat membuat suatu perintah dalam mana-mana prosiding interplider dalam beberapa kausa atau perkara yang belum selesai di hadapan Hakim yang berlainan, Mahkamah boleh membuat suatu perintah yang sedemikian; dan perintah itu hendaklah berhak dikemukakan dalam semua kausa atau perkara itu dan hendaklah mengikat semua pihak-pihak dalamnya.

Penzahiran (A.17, k. 10)

10. Aturan 24 dan 26 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan isu interplider sebagaimana ia terpakai berhubung dengan apa-apa kausa atau perkara lain.

Perbicaraan isu interplider (A. 17, k. 11)

11. (1) Aturan 35 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi perbicaraan suatu isu interplider sebagaimana ia terpakai bagi perbicaraan suatu tindakan.

(2) Mahkamah boleh memberikan apa-apa penghakiman atau membuat apa-apa perintah yang kesudahannya dapat menyelesaikan semua persoalan yang berbangkit dalam prosiding interplider itu.

(3) Penghakiman hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang 30.

ATURAN 18

PLIDING

Penyampaian pernyataan tuntutan (A. 18, k. 1)

1. Melainkan jika Mahkamah memberikan kebenaran yang berlawanan atau suatu kenyataan tuntutan diendorskan pada writ itu, plaintif hendaklah menyampaikan pernyataan tuntutan itu kepada defendan atau, sekiranya ada dua atau lebih defendan, kepada setiap defendan, dan hendaklah berbuat sedemikian sama ada semasa writ itu disampaikan kepada defendan itu atau pada bila-bila masa selepas penyampaian writ tetapi sebelum tamatnya empat belas hari selepas defendan itu memasukkan kehadiran.

Penyampaian pembelaan (A. 18, k. 2)

2. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), seorang defendan yang memasukkan suatu kehadiran dalam, dan berniat untuk membela, suatu tindakan hendaklah, melainkan jika Mahkamah memberikan kebenaran yang berlawanan, menyampaikan pembelaan kepada plaintif sebelum tamatnya empat belas hari selepas masa yang dihadkan untuk kehadiran atau selepas pernyataan tuntutan itu disampaikan kepadanya, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(2) Sekiranya suatu notis permohonan di bawah Aturan 14, kaedah 1 disampaikan kepada defendan sebelum dia menyampaikan pembelaannya, perenggan (1) tidaklah mempunyai kuat kuasa berhubung dengan dirinya melainkan jika melalui perintah yang dibuat atas notis permohonan itu, dia diberikan kebenaran untuk membela tindakan itu dan, dalam hal itu, hendaklah mempunyai kuat kuasa seolah-olah saman itu berkehendakkan dia menyampaikan pembelaannya dalam empat belas hari selepas membuat perintah itu atau dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya.

Penyampaian jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas (A. 18, k. 3)

3. (1) Plaintif yang kepadanya defendan menyampaikan pembelaan hendaklah menyampaikan suatu jawapan kepada defendan itu sekiranya diperlukan untuk mematuhi kaedah 8; dan sekiranya tiada jawapan disampaikan, kaedah 14(1) akan terpakai.

(2) Plaintiff yang kepadanya defendan menyampaikan tuntutan balas hendaklah, sekiranya dia berniat untuk membelanya, menyampaikan kepada defendan itu suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu.

(3) Jika plaintiff menyampaikan jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas kepada mana-mana defendan, dia hendaklah memasukkannya ke dalam dokumen yang sama.

(4) Jawapan kepada apa-apa pembelaan hendaklah disampaikan oleh plaintiff sebelum tamatnya empat belas hari selepas pembelaan itu disampaikan kepadanya, dan pembelaan kepada tuntutan balas hendaklah disampaikan oleh plaintiff sebelum tamatnya empat belas hari selepas tuntutan balas yang dimaksudkan olehnya itu disampaikan kepadanya.

Pliding yang berikutan daripada jawapan (A. 18, k. 4)

4. Pliding yang berikutan daripada suatu jawapan atau suatu pembelaan kepada suatu tuntutan balas tidak boleh disampaikan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

Penyampaian pliding semasa cuti Mahkamah (A. 18, k. 5)

5. *(Tiada kaedah 5)*

Pliding: Kehendak formal (A. 18, k. 6)

6. (1) Tiap-tiap pliding dalam suatu tindakan hendaklah mengandungi pada muka depannya—

(a) tahun yang writ dalam tindakan itu telah dikeluarkan dan nombor tindakan itu;

(b) tajuk tindakan itu; dan

(c) perihalan pliding itu.

(2) Tiap-tiap pliding hendaklah, sekiranya perlu, dibahagikan kepada beberapa perenggan yang dinomborkan secara berturutan, setiap pengataan setakat yang sesuai terkandung dalam perenggan yang berasingan.

(3) Tarikh, kira-kira dan nombor lain hendaklah dinyatakan dalam pliding dengan angka dan bukan dengan perkataan.

(4) Tiap-tiap pliding sesuatu pihak hendaklah diendorskan—

(a) jika pihak itu membawa guaman atau membela secara sendiri, dengan nama dan alamatnya;

(b) dalam apa-apa hal lain, dengan nama atau firma dan alamat perniagaan peguam yang menyampaikan pliding itu.

(5) Tiap-tiap pliding sesuatu pihak hendaklah ditandatangani oleh peguam pihak itu atau oleh pihak itu, sekiranya dia membawa guaman atau membela secara sendiri.

Fakta, bukan keterangan, yang hendak dirayu (A. 18, k. 7)

7. (1) Tertakluk kepada peruntukan kaedah ini dan kaedah 10, 11 dan 12, tiap-tiap pliding hendaklah mengandungi, dan hanya mengandungi, suatu pernyataan dalam bentuk ringkas tentang fakta material yang bersandarkannya pihak itu membuat pliding bagi tuntutan atau pembelaannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tetapi bukannya keterangan yang melaluinya fakta itu hendak dibuktikan, dan pernyataan itu hendaklah ringkas sebagaimana sifat kes membenarkan.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), kesan apa-apa dokumen atau yang berupa sebagai apa-apa perbualan yang disebut dalam pliding itu hendaklah, sekiranya material, dinyatakan secara ringkas, dan perkataan yang setepatnya dalam dokumen atau perbualan itu tidak boleh dinyatakan, kecuali setakat yang perkataan itu sendiri adalah material.

(3) Suatu pihak tidak perlu merayu apa-apa fakta sekiranya fakta itu dianggap oleh undang-undang sebagai benar atau beban bagi membuktikan sebaliknya fakta itu terletak pada pihak yang satu lagi, melainkan jika pihak yang satu lagi itu telah menafikan dengan khususnya fakta itu dalam plidingnya.

(4) Suatu pernyataan bahawa suatu perkara telah dilakukan atau bahawa suatu kejadian telah berlaku, menjadi suatu perkara atau kejadian yang perlakuan atau kejadiannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, menjadi suatu syarat terdahulu yang diperlukan bagi kes sesuatu pihak hendaklah disiratkan dalam plidingnya.

Perkara yang hendak dirayu dengan khususnya (A. 18, k. 8)

8. (1) Suatu pihak hendaklah dalam apa-apa pliding yang berikutan daripada suatu pernyataan tuntutan merayu dengan khususnya apa-apa perkara, misalnya, pelaksanaan, pelepasan, apa-apa statut had masa yang relevan, fraud atau apa-apa fakta yang menunjukkan kepenyalahan undang-undang—

- (a) yang dikatakannya menjadikan apa-apa tuntutan atau pembelaan pihak lawan tidak dapat dipertahankan;
- (b) yang, sekiranya tidak dirayu dengan khususnya, mungkin menyebabkan pihak lawan tidak menyangkakannya; atau
- (c) yang menimbulkan isu fakta yang tidak berbangkit daripada pliding yang sebelumnya.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), seorang defendan dalam suatu tindakan untuk mendapatkan kembali harta tak alih hendaklah merayu dengan khususnya tiap-tiap alasan pembelaan yang dia bersandarkan kepadanya, dan suatu rayuan yang menyatakan bahawa dia mempunyai milikan ke atas harta tak alih itu melalui dirinya sendiri atau penyewanya tidaklah cukup.

Perkara boleh dirayu bila-bila masa yang berbangkit (A. 18, k. 9)

9. Tertakluk kepada kaedah 7(1), 10 dan 15 (2), suatu pihak boleh dalam apa-apa pliding merayu apa-apa perkara yang telah berbangkit pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau sejak pengeluaran writ.

Penyimpangan (A. 18, k. 10)

10. (1) Suatu pihak tidak boleh dalam apa-apa pliding membuat suatu pengatahan fakta atau membangkitkan apa-apa alasan atau tuntutan baru yang tidak konsisten dengan pliding yang dibuatnya dahulu.

(2) Perenggan (1) tidak boleh dikira sebagai menjejaskan hak suatu pihak untuk meminda, atau memohon kebenaran untuk meminda, plidingnya yang terdahulu agar dapat merayu pengatahan atau tuntutan itu sebagai alternatif.

Perkara undang-undang boleh dirayu (A. 18, k. 11)

11. Suatu pihak boleh melalui plidingnya membangkitkan apa-apa perkara undang-undang.

Butir-butir pliding (A. 18, k. 12)

12. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), tiap-tiap pliding hendaklah mengandungi butir-butir yang perlu mengenai apa-apa tuntutan, pembelaan atau perkara lain yang dirayu termasuk, tanpa menjejaskan keluasan makna perkataan yang tersebut di atas—

(a) butir-butir apa-apa salah nyataan, fraud, pecah amanah, keingkaran sengaja atau pengaruh tidak wajar yang pihak yang membuat pliding itu bersandarkan kepadanya; dan

(b) jika suatu pihak yang membuat pliding mengatakan apa-apa keadaan akal fikiran mana-mana orang, sama ada apa-apa kecelaruan atau ketidakupayaan akal fikiran atau apa-apa niat jahat, niat fraud atau keadaan akal fikiran lain kecuali

pengetahuan, butir-butir fakta yang pihak itu bersandarkan kepadanya.

(1A) Tiada pihak boleh menyatakan kuantiti apa-apa tuntutan atau tuntutan balas bagi ganti rugi am.

(2) Jika perlu memberikan butir-butir hutang, perbelanjaan atau ganti rugi dan butir-butir itu melebihi tiga folio, butir-butir itu hendaklah dinyatakan dalam dokumen berasingan yang disebut dalam pliding dan pliding itu hendaklah menyatakan sama ada dokumen itu telah pun disampaikan dan, sekiranya sudah, bila, atau dokumen itu akan disampaikan bersekali dengan pliding.

(3) Mahkamah boleh memerintahkan suatu pihak menyampaikan kepada mana-mana pihak lain butir-butir mengenai apa-apa tuntutan, pembelaan atau perkara lain yang dinyatakan dalam plidingnya, atau dalam mana-mana afidavitnya yang dijadikan sebagai pliding, atau suatu pernyataan tentang jenis kes yang dia bersandarkan kepadanya, dan perintah itu boleh dibuat atas apa-apa terma sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil.

(4) Jika suatu pihak mengatakan sebagai suatu fakta bahawa seseorang mempunyai pengetahuan atau menyedari tentang sesuatu fakta, perkara atau benda, maka, tanpa menjejaskan keluasan perenggan (3), Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, memerintahkan pihak itu untuk menyampaikan kepada mana-mana pihak lain—

(a) jika dia mengatakan orang itu tahu, butir-butir fakta yang dia bersandarkan kepadanya; dan

(b) sekiranya dia mengatakan orang itu sedar, butir-butir tentang kesedaran itu.

(5) Suatu perintah di bawah kaedah ini tidak boleh dibuat sebelum penyampaian pembelaan melainkan jika, pada pendapat Mahkamah, perintah itu perlu

atau wajar untuk membolehkan defendan membuat pliding atau kerana sesuatu sebab khas yang lain.

(6) Jika pemohon yang memohon suatu perintah di bawah kaedah ini tidak memohon melalui surat bagi butir-butir yang dikehendaknya, Mahkamah boleh enggan membuat perintah itu melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa ada sebab yang mencukupi bagi permohonan itu tidak dibuat melalui surat.

(7) Butir-butir yang diminta atau diperintahkan dan dibekalkan itu hendaklah disampaikan mengikut Borang 31.

Pengakuan dan penafian (A. 18, k. 13)

13. (1) Tertakluk kepada perenggan (4), apa-apa pengatahan fakta yang dibuat oleh suatu pihak dalam plidingnya adalah disifatkan sebagai diakui oleh pihak lawan melainkan jika pengakuan fakta itu disangkal oleh pihak dalam plidingnya atau percantuman isu di bawah kaedah 14 berkuat kuasa sebagai suatu penafian terhadap pengatahan fakta itu.

(2) Penyangkalan boleh dibuat sama ada melalui penafian atau melalui pernyataan tidak mengaku dan sama ada dengan nyatanya atau melalui implikasi perlu.

(3) Tertakluk kepada perenggan (4), tiap-tiap pengatahan fakta yang dibuat dalam suatu pernyataan tuntutan atau tuntutan balas yang pihak kepadanya ia disampaikan tidak berniat hendak mengaku mestilah disangkalkan dengan khususnya dalam pembelaannya atau pembelaannya kepada suatu tuntutan balas, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan suatu penafian secara am pengatahan itu atau suatu pernyataan tidak mengaku secara am mengenai pengatahan itu tidaklah menjadi sangkalan yang cukup mengenai pengatahan itu.

(4) Apa-apa pengatahan bahawa suatu pihak telah menanggung ganti rugi dan apa-apa pengatahan tentang amaun ganti rugi itu adalah disifatkan sebagai disangkalkan melainkan jika diakui dengan khususnya.

Penafian melalui pencantuman isu (A. 18, k. 14)

14. (1) Sekiranya tiada jawapan kepada suatu pembelaan, terdapatlah suatu pencantuman isu tersirat ke atas pembelaan itu.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3)—

(a) terdapatnya pada penutupan pliding suatu pencantuman isu yang tersirat atas pliding yang disampaikan akhir sekali; dan

(b) suatu pihak boleh dalam plidingnya dengan nyata mencantumkan isu pada pliding yang berikut sebelumnya itu.

(3) Tidak boleh diadakan pencantuman isu, tersirat atau nyata, pada suatu pernyataan tuntutan atau tuntutan balas.

(4) Pencantuman isu berkuat kuasa sebagai penafian bagi tiap-tiap pengataan fakta yang material yang dibuat dalam pliding yang dalamnya ada pencantuman isu yang tersirat atau nyata melainkan jika, dalam hal pencantuman isu nyata, apa-apa pengataan yang sedemikian dikecualikan daripada pencantuman dan dinyatakan sebagai diakui, yang dalam hal yang demikian pencantuman isu nyata itu berkuat kuasa sebagai penafian bagi tiap-tiap pengataan lain yang sedemikian itu.

Pernyataan tuntutan (A. 18, k. 15)

15. (1) Suatu pernyataan tuntutan hendaklah menyatakan dengan khususnya relief atau remedi yang dituntut oleh plaintif; tetapi kos tidak perlu dituntut dengan khususnya.

(2) Suatu pernyataan tuntutan tidak boleh mengandungi apa-apa pengataan atau tuntutan berkenaan dengan kausa tindakan melainkan jika kausa tindakan itu ada dinyatakan dalam writ atau berbangkit daripada fakta yang sama seperti, atau termasuk atau menjadi sebahagian daripada, fakta yang menyebabkan berbangkitnya kausa tindakan yang dinyatakan sedemikian; tetapi, tertakluk kepada itu, plaintif boleh dalam pernyataan tuntutannya mengubah, mengubah suai atau memperluaskan mana-mana

tuntutan yang dibuat olehnya dalam pengendorsan writ itu tanpa meminda pengendorsan itu.

Pembelaan tawaran (A. 18, k. 16)

16. (1) Jika dalam apa-apa tindakan suatu pembelaan tawaran sebelum tindakan itu dirayu, defendan hendaklah membayar peguam plantif amaun yang dikatakan telah ditawarkan, dan tawaran itu tidak boleh digunakan sebagai pembelaan melainkan jika dan sehingga bayaran itu telah dibuat.

(2) Seorang plaintif yang terhadapnya suatu tuntutan balas dibuat dan mana-mana defendan lain kepada tuntutan balas itu boleh membayar wang kepada peguam defendan yang membuat tuntutan balas itu mengikut kaedah 1, dan kaedah itu hendaklah terpakai dengan sewajarnya dengan ubah suaian yang perlu.

Pembelaan penolakan (A. 18, k. 17)

17. Jika tuntutan oleh defendan terhadap sejumlah wang (sama ada suatu amaun tertentu atau tidak) dijadikan sandaran sebagai pembelaan bagi keseluruhan atau sebahagian daripada tuntutan yang dibuat oleh plaintif, tuntutan itu boleh dimasukkan ke dalam pembelaan itu dan ditolak daripada tuntutan plaintif itu, sama ada atau tidak tuntutan itu juga ditambahkan sebagai tuntutan balas.

Tuntutan balas dan pembelaan kepada tuntutan balas (A. 18, k. 18)

18. Tanpa menjejaskan pemakaian am Aturan ini bagi suatu tuntutan balas dan pembelaan kepada suatu tuntutan balas atau kepada mana-mana peruntutannya yang terpakai bagi salah satu pliding itu dengan khususnya—

- (a) kaedah 15(1) hendaklah terpakai bagi suatu tuntutan balas seolah-olah tuntutan balas itu suatu pernyataan tuntutan dan menjadikan defendan itu seorang plaintif; dan
- (b) kaedah 8(2), 16 dan 17 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi suatu pembelaan kepada suatu tuntutan balas sebagaimana ia terpakai bagi pembelaan.

Pembatalan pliding dan pengendorsan (A. 18, k. 19)

19. (1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding memerintahkan supaya dibatalkan atau dipinda mana-mana pliding atau pengendorsan, apa-apa writ dalam tindakan itu, atau apa-apa jua dalam mana-mana pliding atau dalam pengendorsan, atas alasan bahawa—

- (a) ia mendedahkan kausa tindakan atau pembelaan yang tidak munasabah, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) ia mengaibkan, remeh atau menyusahkan;
- (c) ia boleh menjejaskan, menghalang atau melengahkan perbicaraan tindakan itu dengan adil; atau
- (d) ia selainnya adalah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah,

dan boleh memerintahkan tindakan itu digantung atau ditolak atau penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Tiada keterangan boleh diterima atas suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(a).

(3) Kaedah ini hendaklah, setakat mana yang boleh dipakai, terpakai bagi suatu saman pemula seolah-olah saman itu adalah suatu pliding.

Penutupan pliding (A. 18, k. 20)

20. (1) Pliding dalam suatu tindakan adalah disifatkan tertutup—

- (a) pada tamatnya empat belas hari selepas penyampaian jawapan atau, sekiranya tidak ada jawapan tetapi hanya pembelaan kepada suatu tuntutan balas, selepas penyampaian pembelaan kepada tuntutan balas itu; atau

(b) sekiranya jawapan dan pembelaan kepada tuntutan balas itu tidak disampaikan, apabila tamatnya empat belas hari selepas penyampaian pembelaan itu.

(2) Pliding dalam suatu tindakan disifatkan tertutup pada masa yang diperuntukkan oleh perenggan (1) walaupun apa-apa permintaan atau perintah mendapatkan butiran telah dibuat tetapi belum lagi dipatuhi pada masa itu.

Pemfailan pliding (A. 18, k. 21)

21. Tiap-tiap pliding hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

Perbicaraan tanpa pliding (A. 18, k. 22)

22. (1) Jika dalam suatu tindakan yang baginya kaedah ini terpakai seorang defendan telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, plaintif atau defendan itu boleh memohon kepada Mahkamah melalui notis permohonan untuk mendapatkan suatu perintah bahawa tindakan itu hendaklah dibicarakan tanpa pliding atau pliding lanjutan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Sekiranya, semasa pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah ini, Mahkamah berpuas hati bahawa isu yang dipertikaikan antara pihak-pihak itu boleh ditakrifkan tanpa pliding atau pliding lanjutan, atau bahawa kerana apa-apa jua sebab lain tindakan itu boleh dibicarakan dengan sempurnanya tanpa pliding atau pliding lanjutan, mengikut mana-mana yang berkenaan, Mahkamah hendaklah memerintahkan tindakan itu dibicarakan sedemikian, dan boleh mengarahkan pihak-pihak itu menyediakan suatu pernyataan mengenai isu yang dipertikaikan atau, sekiranya pihak-pihak itu tidak dapat bersetuju dengan pernyataan yang sedemikian itu, boleh menyelesaikan sendiri pernyataan itu.

(3) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah perenggan (2) atau jika ia menolak permohonan untuk suatu perintah yang sedemikian, ia boleh memberi apa-apa arahan tentang penjalanan tindakan itu seterusnya sebagaimana yang sesuai dan Aturan 34 hendaklah terpakai.

Kecualian bagi pembelaan di bawah Undang-Undang Perkapalan Saudagar (A. 18, k. 23)

23. Tiada apa-apa jua dalam Aturan 70, kaedah 35 hingga 38, hendaklah diambil kira sebagai mengehendkan hak mana-mana pemunya kapal atau orang lain untuk menjawab dengan cara pembelaan pada mana-mana peruntukan Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 atau Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 yang mengehendkan amaun liabiliti berkaitan dengan suatu kapal atau harta lain.

**ATURAN 19
KEINGKARAN PLIDING**

Keingkarannya menyampaikan pernyataan tuntutan (A. 19, k. 1)

1. Jika plaintif dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk menyampaikan suatu pernyataan tuntutan kepada defendan dan dia gagal menyampaikan pernyataan itu kepadanya, defendan itu boleh; selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pernyataan tuntutan, memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah menolak tindakan itu, dan Mahkamah boleh melalui perintah menolak tindakan itu atau membuat apa-apa perintah lain atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

Keingkarannya pembelaan: Tuntutan untuk tuntutan jumlah tertentu (A. 19, k. 2)

2. (1) Jika tuntutan plaintif terhadap seseorang defendan adalah untuk tuntutan jumlah tertentu sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal menyampaikan pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-kaedah ini bagi penyampaian pembelaan itu, memasukkan penghakiman muktamad terhadap defendan itu untuk sejumlah wang yang tidak melebihi apa yang dituntut melalui writ itu berkenaan dengan tuntutan dan untuk kos, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

(2) Aturan 13, kaedah 1(2), hendaklah terpakai bagi maksud kaedah ini sebagaimana ia terpakai bagi maksud kaedah itu.

Keingkaran pembelaan: Tuntutan untuk ganti rugi jumlah tidak tertentu (A. 19, k. 3)

3. Jika tuntutan plaintif terhadap seseorang defendan adalah untuk ganti rugi jumlah tidak tertentu sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal menyampaikan pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan itu, memasukkan penghakiman interlokutori terhadap defendan bagi ganti rugi untuk ditaksirkan dan kos, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

Keingkaran pembelaan: Tuntutan dalam detinu (A. 19, k. 4)

4. Jika tuntutan plaintif terhadap seseorang defendan adalah berhubung dengan penahanan harta sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal menyampaikan suatu pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan, memasukkan sama ada—

- (a) penghakiman interlokutori terhadap defendan itu untuk penghantarserahan harta atau nilainya yang akan ditaksirkan dan kos; atau
- (b) penghakiman interlokutori untuk nilai harta yang akan ditaksirkan dan kos,

dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

Keingkaran pembelaan: Tuntutan untuk pemilikan harta tak alih (A. 19, k. 5)

5. (1) Jika tuntutan plaintif terhadap seseorang defendan adalah untuk milikan harta tak alih sahaja, maka, sekiranya defendan itu gagal menyampaikan pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan, dan setelah dikemukakan suatu perakuan oleh peguamnya, atau (sekiranya dia membawa guaman secara sendiri) suatu affidavit, menyatakan bahawa dia tidak menuntut apa-apa relief dalam tindakan itu daripada jenis yang dinyatakan dalam Aturan 83, kaedah 1, memasukkan penghakiman

untuk milikan harta tak alih itu terhadap defendan dan untuk kos, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

(2) Jika terdapat lebih daripada seorang defendan, penghakiman yang dimasukkan di bawah kaedah ini tidak boleh dikuatkuasakan terhadap mana-mana defendan melainkan jika penghakiman untuk milikan harta tak alih itu telah dimasukkan terhadap semua defendan itu.

Keingkaran pembelaan: Tuntutan bercampur (A. 19, k. 6)

6. Jika plaintif membuat dua atau lebih tuntutan terhadap defendan yang dinyatakan dalam kaedah 2 hingga 5, dan tiada tuntutan lain, maka, sekiranya defendan itu gagal menyampaikan pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan, memasukkan terhadap defendan itu penghakiman yang sedemikian berkenaan dengan mana-mana tuntutan sedemikian sebagaimana dia berhak memasukkannya di bawah kaedah-kaedah tersebut sekiranya itulah sahaja tuntutan yang dibuat, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain, sekiranya ada.

Keingkaran pembelaan: Tuntutan lain (A. 19, k. 7)

7. (1) Jika plaintif membuat terhadap seseorang defendan atau defendan-defendan suatu tuntutan yang perihalnya tidak dinyatakan dalam kaedah 2 hingga 5, maka, sekiranya defendan atau semua defendan (jika ada lebih daripada seorang) gagal untuk menyampaikan pembelaan kepada plaintif, plaintif itu boleh, selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman, dan semasa pendengaran permohonan itu Mahkamah hendaklah memberikan apa-apa penghakiman sebagaimana plaintif ternyata berhak kepadanya atas pernyataan tuntutannya itu.

(2) Jika plaintif membuat suatu tuntutan yang dinyatakan dalam perenggan (1) terhadap lebih daripada seorang defendan, maka, sekiranya seorang daripada defendan itu melakukan keingkaran sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan itu, plaintif boleh—

- (a) sekiranya tuntutannya terhadap defendan yang ingkar itu boleh diasingkan daripada tuntutannya terhadap defendan yang lain, memohon di bawah perenggan itu untuk mendapatkan penghakiman terhadap defendan, dan meneruskan tindakan terhadap defendan yang lain; atau
- (b) menetapkan tindakan melalui notis permohonan bagi mendapatkan penghakiman terhadap defendan yang ingkar pada masa tindakan itu ditetapkan untuk perbicaraan, atau ditetapkan melalui notis permohonan untuk mendapatkan penghakiman, terhadap defendan yang lain.

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah melalui notis permohonan.

Keingkaran pembelaan kepada tuntutan balas (A. 19, k. 8)

8. Seorang defendan yang menuntut balas terhadap plaintif hendaklah dikira bagi maksud kaedah 2 hingga 7 seolah-olah dia seorang plaintif yang telah membuat tuntutan terhadap defendan dalam tuntutan balas itu dan, dengan sewajarnya, jika plaintif atau mana-mana pihak lain yang terhadapnya tuntutan balas dibuat gagal untuk menyampaikan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu, kaedah-kaedah itu hendaklah terpakai seolah-olah tuntutan balas itu adalah suatu pernyataan tuntutan, pembelaan kepada tuntutan balas itu adalah suatu pembelaan dan pihak-pihak yang membuat tuntutan balas itu dan yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat masing-masingnya plaintif dan defendan, dan seolah-olah sebutan mengenai tempoh yang ditetapkan di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaan adalah sebutan mengenai tempoh yang ditetapkan sedemikian bagi penyampaian pembelaan kepada tuntutan balas itu.

Mengetepikan penghakiman (A. 19, k. 9)

9. Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, mengetepikan atau mengubah apa-apa penghakiman yang dimasukkan menurut Aturan ini.

ATURAN 20
PINDAAN

Pindaan writ tanpa kebenaran (A. 20, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (3), plaintif boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, meminda writ sekali pada bila-bila masa sebelum pliding dalam tindakan yang dimulakan melalui writ itu disifatkan tertutup.

(2) Jika suatu writ dipinda di bawah kaedah ini selepas penyampaiannya, maka, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya atas suatu permohonan yang dibuat secara *ex parte*, writ terpinda itu hendaklah disampaikan kepada setiap defendan dalam tindakan itu.

(3) Kaedah ini tidaklah terpakai berhubung dengan pindaan yang mengandungi—

- (a) penambahan, peninggalan atau penggantian suatu pihak dalam tindakan atau pengubahan kapasiti yang suatu pihak dalam tindakan itu membawa guaman atau dibawa guaman;
- (b) penambahan atau penggantian suatu kausa tindakan baru; atau
- (c) tanpa menjejaskan kaedah 3(1), suatu pindaan kepada pernyataan tuntutan, sekiranya ada, yang diendorskan pada writ,

melainkan jika pindaan itu dibuat sebelum penyampaian writ itu kepada mana-mana pihak dalam tindakan.

Pindaan kehadiran (A. 20, k. 2)

2. Defendan tidak boleh meminda memorandum kehadirannya tanpa kebenaran Mahkamah.

Pindaan pliding tanpa kebenaran (A. 20, k. 3)

3. (1) Suatu pihak boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, meminda mana-mana plidingnya sekali pada bila-bila masa sebelum pliding itu disifatkan tertutup dan, jika dia berbuat sedemikian, dia hendaklah menyampaikan pliding terpinda itu kepada pihak lawan.

(2) Jika suatu pernyataan tuntutan terpinda disampaikan kepada defendan—

(a) defendan itu, sekiranya dia telah menyampaikan pembelaan kepada plaintif, boleh meminda pembelaannya; dan

(b) tempoh untuk penyampaian pembelaannya atau pembelaan terpindanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah sama ada tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pembelaannya atau suatu tempoh empat belas hari selepas pernyataan tuntutan terpinda itu disampaikan kepadanya, mengikut mana-mana yang terkemudian.

(3) Jika suatu pembelaan terpinda disampaikan kepada plaintif oleh defendan—

(a) plaintif itu, sekiranya dia telah menyampaikan jawapan kepada defendan itu, boleh meminda jawapannya; dan

(b) tempoh untuk penyampaian jawapannya atau jawapan terpindanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah empat belas hari selepas pembelaan terpinda itu disampaikan kepadanya.

Dalam perenggan (2) dan (3), sebutan mengenai pembelaan dan jawapan, masing-masing, termasuklah sebutan mengenai tuntutan balas dan pembelaan kepada tuntutan balas.

(4) Jika suatu tuntutan balas terpinda disampaikan oleh defendan kepada suatu pihak, selain plaintif, yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat, perenggan (2) hendaklah terpakai seolah-olah tuntutan balas itu adalah suatu pernyataan tuntutan dan seolah-olah pihak yang olehnya tuntutan balas itu dibuat ialah plaintif dan pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat ialah defendan.

(5) Jika suatu pihak telah merayu terhadap sesuatu pliding yang kemudiannya dipinda dan disampaikan kepadanya di bawah perenggan (1), maka, sekiranya pihak itu tidak meminda plidingnya di bawah perenggan (1) hingga (5), dia hendaklah dikira bersandarkan kepadanya sebagai menjawab pliding terpinda itu, dan Aturan 18, kaedah 14(2) hendaklah berkuat kuasa dalam hal yang sedemikian itu seolah-olah pliding terpinda itu telah disampaikan pada masa pliding itu, sebelum pindaannya di bawah perenggan (1), disampaikan.

**Permohonan tidak membenarkan pindaan yang dibuat tanpa kebenaran
(A. 20, k. 4)**

4. (1) Dalam empat belas hari selepas penyampaian kepada suatu pihak suatu writ yang dipinda di bawah kaedah 1(1) atau suatu pliding yang dipinda di bawah kaedah 3(1), pihak itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk tidak membenarkan pindaan itu.

(2) Jika Mahkamah yang mendengar suatu permohonan di bawah kaedah ini berpuas hati bahawa sekiranya suatu permohonan minta kebenaran untuk membuat pindaan dalam persoalan telah dibuat di bawah kaedah 5 pada tarikh pindaan itu telah dibuat di bawah kaedah 1(1) atau kaedah 3(1) kebenaran untuk membuat pindaan itu atau sebahagian daripada pindaan itu mungkin ditolak, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya pindaan atau sebahagian daripada pindaan itu dipotong.

(3) Apa-apa perintah yang dibuat atas permohonan di bawah kaedah ini bolehlah dibuat atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil.

Pindaan kepada writ atau pliding dengan kebenaran (A. 20, k. 5)

5. (1) Tertakluk kepada Aturan 15, kaedah 6, 6A, 7 dan 8 dan peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding membenarkan plaintif meminda writnya, atau mana-mana pihak meminda plidingnya, atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara, sekiranya ada, sebagaimana yang diarahkannya.

(2) Jika suatu permohonan kepada Mahkamah untuk kebenaran membuat pindaan yang dinyatakan dalam perenggan (3), (4) atau (5) dibuat selepas apa-apa tempoh had masa yang relevan yang berkuat kuasa pada tarikh pengeluaran writ itu telah tamat, Mahkamah boleh bagaimanapun memberikan kebenaran sedemikian mengikut hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan itu sekiranya difikirkannya adil untuk berbuat demikian.

(3) Suatu pindaan untuk memperbetulkan nama suatu pihak boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun dikatakan bahawa kesan pindaan itu ialah untuk menggantikan suatu pihak baru sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa kesilapan yang hendak diperbetulkan itu adalah kesilapan yang tulen dan tidak mengelirukan atau hingga menyebabkan apa-apa keraguan yang munasabah tentang identiti orang yang berniat hendak membawa guaman atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, berniat hendak dibawa guaman.

(4) Suatu pindaan untuk mengubah kapasiti yang suatu pihak itu membawa guaman (sama ada sebagai plaintif atau sebagai defendan melalui tuntutan balas) boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) sekiranya kapasiti yang, sekiranya pindaan itu dibuat, pihak yang akan membawa guaman adalah seorang yang pada tarikh pengeluaran writ atau pembuatan tuntutan balas itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dia mungkin telah membawa guaman.

(5) Suatu pindaan boleh dibenarkan di bawah perenggan (2) walaupun kesan pindaan itu ialah untuk menambahkan atau menggantikan suatu kausa tindakan yang baru jika kausa tindakan yang baru itu berbangkit daripada fakta yang sama atau sebahagian besarnya adalah fakta yang sama sebagai kausa tindakan yang berkenaan

dengannya relief telah dituntut dalam tindakan itu oleh pihak yang memohon kebenaran untuk membuat pindaan itu.

Meminda writ dan pliding semasa cuti Mahkamah (A. 20, k. 6)

6. *(Tiada kaedah 6)*

Pindaan kepada proses pemula yang lain (A. 20, k. 7)

7. Kaedah 5 hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan suatu saman pemula sebagaimana ia berkuat kuasa berhubung dengan suatu writ.

Pindaan dokumen lain yang tertentu (A. 20, k. 8)

8. (1) Bagi maksud menentukan persoalan sebenar yang menjadi kontroversi antara pihak dalam mana-mana prosiding, atau memperbetulkan apa-apa kecacatan atau ralat dalam mana-mana prosiding, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding dan sama ada atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak dalam prosiding itu memerintahkan apa-apa dokumen dalam prosiding itu dipinda atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang adil dan mengikut apa-apa cara, sekiranya ada, sebagaimana yang boleh diarahkannya.

(2) Kaedah ini tidak berkuat kuasa berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah.

Kegagalan meminda selepas perintah (A. 20, k. 9)

9. Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah Aturan ini memberikan kebenaran kepada mana-mana pihak untuk meminda suatu writ, pliding atau dokumen lain, maka, sekiranya pihak itu tidak meminda dokumen itu mengikut perintah itu sebelum tamatnya tempoh yang dinyatakan bagi maksud dalam perintah itu atau, sekiranya tiada tempoh dinyatakan sedemikian, dalam tempoh empat belas hari selepas perintah itu dibuat, perintah itu hendaklah terhenti berkuat kuasa, tanpa menjejaskan, bagaimanapun, kuasa Mahkamah untuk melanjutkan tempoh itu.

Cara meminda writ (A. 20, k. 10)

10. (1) Jika pindaan yang dibenarkan di bawah mana-mana kaedah dalam Aturan ini dibuat dalam writ, pliding atau dokumen lain adalah terlalu banyak atau atas sebab sifat atau panjangnya yang untuk membuat perubahan bertulis kepada dokumen itu bagi memberikan kesan kepadanya akan menjadikan dokumen itu sukar atau tidak mudah dibaca, suatu dokumen yang baru, yang dipinda sebagaimana yang dibenarkan, hendaklah disediakan dan, dalam hal suatu writ, dikeluarkan semula, tetapi, kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu dan tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan di bawah kaedah 5 atau 8, pindaan yang dibenarkan sedemikian bolehlah dikuatkuasakan dengan membuat secara bertulis perubahan yang perlu kepada dokumen itu, dan dalam hal suatu writ, menyebabkannya dimeteraikan semula dan difailkan satu salinannya.

(2) Suatu writ, pliding atau dokumen lain yang telah dipinda di bawah Aturan ini hendaklah diendorskan dengan suatu pernyataan bahawa ia telah pun dipinda, dengan menyatakan tarikh ia dipinda dan siapakah yang membuat perintah, sekiranya ada, yang membenarkan pindaan itu dibuat dan tarikhnya atau, sekiranya tiada perintah yang sedemikian itu dibuat, nombor kaedah Aturan ini yang menurutnya pindaan itu telah dibuat.

Pindaan penghakiman dan perintah (A. 20, k. 11)

11. Kesilapan perkeranian dalam penghakiman atau perintah, atau ralat yang berbangkit di dalamnya daripada apa-apa keciciran atau peninggalan tidak sengaja, boleh pada bila-bila masa diperbetulkan oleh Mahkamah melalui suatu notis permohonan tanpa rayuan.

Pindaan pliding dengan persetujuan (A. 20, k. 12)

12. (1) Walau apapun peruntukan Aturan ini, apa-apa pliding dalam mana-mana kausa atau perkara boleh, dengan persetujuan bertulis oleh semua pihak, dipinda sebelum tarikh permulaan perbicaraan.

(2) Pliding yang dipinda di bawah perenggan (1) hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftar dan disampaikan kepada semua pihak dalam empat belas hari dari pindaan.

(3) Kaedah ini tidak berkuat kuasa berhubung dengan suatu pindaan yang mengandungi penambahan, peninggalan atau penggantian suatu pihak.

ATURAN 21

PENARIKAN BALIK DAN PEMBERHENTIAN

Penarikan balik kehadiran (A. 21, k. 1)

1. Suatu pihak yang telah memasukkan suatu kehadiran dalam suatu tindakan boleh menarik balik kehadiran itu pada bila-bila masa dengan kebenaran Mahkamah.

Pemberhentian tindakan tanpa kebenaran (A. 21, k. 2)

2. (1) Plaintiff dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ boleh, tanpa kebenaran Mahkamah, memberhentikan tindakan atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat oleh plaintiff, terhadap mana-mana atau semua defendan pada bila-bila masa tidak lewat daripada empat belas hari selepas penyampaian pembelaan kepadanya atau, sekiranya terdapat dua atau lebih defendan, pembelaan yang akhir sekali disampaikan, dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 32 bagi maksud itu kepada defendan yang berkenaan.

(2) Seorang defendan boleh, tanpa kebenaran Mahkamah—

(a) menarik balik pembelaannya atau mana-mana bahagian daripadanya pada bila-bila masa; atau

(b) memberhentikan suatu tuntutan balas, atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat olehnya di dalam tuntutan balas itu, sebagai tindakan terhadap mana-mana atau semua pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat, pada bila-bila masa tidak lewat daripada empat belas hari selepas—

- (i) pembelaan kepada tuntutan balas disampaikan kepadanya; atau
- (ii) sekiranya tuntutan balas itu dibuat terhadap dua atau lebih pihak, pembelaan kepada tuntutan balas yang akhir sekali disampaikan kepadanya,

dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 32 bagi maksud itu kepada plaintif atau mana-mana pihak lain yang berkenaan.

(3) Jika terdapat dua atau lebih defendan dalam suatu tindakan dan tidak semua defendan itu menyampaikan pembelaan kepada plaintif, dan tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk penyampaian pembelaannya oleh mana-mana defendan itu tamat selepas tarikh terakhir yang mana-mana defendan lain menyampaikan pembelaannya, perenggan (1) hendaklah berkuat kuasa seolah-olah sebutan di dalamnya mengenai penyampaian pembelaan yang akhir sekali disampaikan itu adalah sebutan mengenai tamatnya tempoh itu. Perenggan ini hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu tindakan dengan sebutan mengenai pembelaan, kepada plaintif dan perenggan (1) digantikan dengan sebutan mengenai pembelaan kepada tuntutan balas, masing-masing kepada defendan dan perenggan (2).

(4) Sekiranya semua pihak dalam suatu tindakan bersetuju, tindakan itu boleh ditarik balik tanpa kebenaran Mahkamah pada bila-bila masa sebelum perbicaraan dengan mengemukakan kepada Mahkamah suatu persetujuan bertulis untuk tindakan menarik balik yang ditandatangani dengan sepenuhnya oleh semua pihak.

Pemberhentian tindakan dengan kebenaran (A. 21, k. 3)

3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah 2, suatu pihak tidak boleh memberhentikan suatu tindakan (sama ada yang dimulakan oleh writ atau selainnya) atau tuntutan balas, atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat oleh pihak itu dalam tindakan, tanpa kebenaran Mahkamah, dan Mahkamah yang

mendengar suatu permohonan bagi pemberian kebenaran itu boleh memerintahkan tindakan atau tuntutan balas diberhentikan, atau mana-mana tuntutan tertentu dibuat untuk dibuang, terhadap mana-mana atau semua pihak yang terhadapnya tuntutan itu dibawa atau dibuat atas apa-apa terma tentang kos, pembawaan suatu tindakan selanjutnya atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Kesan pemberhentian (A. 21, k. 4)

4. Tertakluk kepada apa-apa terma yang dikenakan oleh Mahkamah dalam memberikan kebenaran di bawah kaedah 3, fakta bahawa sesuatu pihak telah memberhentikan suatu tindakan atau tuntutan balas atau menarik balik suatu tuntutan tertentu yang dibuat olehnya di dalam tindakan atau tuntutan balas itu tidak boleh dijadikan suatu pembelaan kepada tindakan kemudiannya bagi kausa tindakan yang sama, atau bagi kausa tindakan yang sebahagian besarnya adalah sama.

Penggantungan tindakan yang kemudian sehingga kos dibayar (A. 21, k. 5)

5. (1) Jika suatu pihak telah memberhentikan suatu tindakan atau tuntutan balas atau menarik balik mana-mana tuntutan tertentu yang dibuat olehnya dalam tindakan atau tuntutan balas itu dan dia bertanggung membayar apa-apa jua kos tindakan atau tuntutan balas mana-mana pihak lain atau kos yang dikenakan kepada mana-mana pihak lain disebabkan tuntutan itu ditarik balik, maka, sekiranya sebelum kos itu dibayar, dia kemudiannya membawa suatu tindakan bagi kausa tindakan yang sama atau bagi kausa tindakan yang sebahagian besarnya adalah sama, Mahkamah boleh memerintahkan prosiding dalam tindakan itu digantung sehinggalah kos itu dibayar.

(2) Suatu permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah ini boleh dibuat melalui suatu notis permohonan.

Penarikan balik notis permohonan (A. 21, k. 6)

6. Suatu pihak yang telah mengambil keluar suatu notis permohonan dalam suatu kausa atau perkara tidak boleh menariknya balik tanpa kebenaran Mahkamah.

ATURAN 22

PEMBAYARAN KE DALAM DAN DARIPADA MAHKAMAH

(Tiada Aturan 22)

ATURAN 22A

PEMBAYARAN INTERIM

Tafsiran. (A. 22A, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

"pembayaran interim", berhubung dengan seorang defendan, ertinya suatu pembayaran pada akaun bagi mana-mana ganti rugi, hutang atau jumlah wang lain (tidak termasuk kos) yang dia boleh dipertanggungjawabkan membayar kepada atau bagi faedah plaintif; dan apa-apa sebutan mengenai plaintif atau defendan termasuk suatu sebutan mengenai mana-mana orang yang, bagi maksud prosiding, bertindak sebagai sahabat wakil plaintif atau penjaga defendan.

Permohonan bagi pembayaran interim (A. 22A, k. 2)

2. (1) Plaintif boleh, pada bila-bila masa selepas writ disampaikan kepada defendan dan masa yang dihadkan baginya untuk mengakuterima penyampaian telah tamat, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah yang menghendaki defendan itu membuat suatu pembayaran interim.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan dalam Borang 33 tetapi boleh dimasukkan dalam suatu permohonan bagi penghakiman terus di bawah Aturan 14.

(3) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang hendaklah—

- (a) menentusahkan amaun ganti rugi, hutang atau jumlah wang lain yang berhubungan dengan permohonan itu dan alasan bagi permohonan itu;
- (b) mengekshibitkan apa-apa keterangan dokumentar yang disandar oleh plaintif bagi menyokong permohonan itu; dan
- (c) sekiranya tuntutan plaintif dibuat di bawah Bahagian III Akta Undang-Undang Sivil 1956 [*Akta 67*], mengandungi butiran penuh mengenai orang yang baginya dan bagi pihaknya tindakan itu dibawa dan jenis tuntutan yang berkenaan dengannya ganti rugi dipohon untuk didapatkan kembali.

(4) Notis permohonan dan suatu salinan affidavit sokongan dan apa-apa dokumen yang diekshibitkan dengannya hendaklah disampaikan kepada defendan yang terhadapnya perintah itu dipohon tidak kurang daripada empat belas hari genap sebelum hari kembalian.

(5) Walau apa pun pembuatan atau keengganan untuk suatu perintah bagi suatu pembayaran interim, suatu permohonan kedua atau selanjutnya boleh dibuat apabila kausa ditunjukkan.

Perintah bagi pembayaran interim berkenaan dengan ganti rugi (A. 22A, k. 3)

3. (1) Sekiranya, atas pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah 2 dalam suatu tindakan untuk ganti rugi, Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) defendan yang terhadapnya perintah dipohon telah mengaku liabiliti bagi ganti rugi plaintif;

- (b) plaintif telah mendapat penghakiman terhadap defendan bagi ganti rugi yang dikehendaki ditaksirkan; atau
- (c) sekiranya tindakan diteruskan untuk perbicaraan, plaintif akan mendapat penghakiman bagi ganti rugi substansial terhadap defendan atau, jika terdapat dua atau lebih defendan, terhadap mana-mana daripada mereka,

Mahkamah boleh, sekiranya difikirkannya patut dan tertakluk kepada perenggan (2), memerintahkan defendan membuat suatu pembayaran interim bagi apa-apa amaun yang difikirkannya adil, tidak melebihi suatu kadar ganti rugi yang munasabah yang pada pendapat Mahkamah adalah berkemungkinan didapatkan kembali oleh plaintif setelah mengambil kira apa-apa kecuaiian sertaan yang relevan dan apa-apa tolakan, tuntutan silang atau tuntutan balas yang padanya defendan itu berhak untuk bersandar.

(2) Suatu perintah tidak boleh dibuat di bawah perenggan (1) dalam suatu tindakan bagi kecederaan diri sekiranya Mahkamah mendapati defendan bukanlah orang yang termasuk dalam satu daripada kategori yang berikut:

- (a) seseorang yang diinsuranskan berkenaan dengan tuntutan plaintif;
- (b) suatu pihak berkuasa awam; atau
- (c) seseorang yang kemampuannya dan sumber pendapatannya adalah sedemikian yang membolehkannya membuat pembayaran interim.

Perintah bagi pembayaran interim berkenaan dengan jumlah wang selain ganti rugi (A. 22A, k. 4)

4. Sekiranya, atas pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah 2, Mahkamah berpuas hati bahawa—

- (a) plaintif telah mendapat suatu perintah supaya suatu akaun diambil antara dirinya dan defendan dan bagi apa-apa amaun yang diperakui kena dibayar apabila mengambil akaun itu yang kena dijelaskan;
- (b) tindakan plaintif termasuklah suatu tuntutan bagi milikan tanah dan, sekiranya tindakan itu dibicarakan, defendan akan dipertanggungjawabkan untuk membayar kepada plaintif sejumlah wang berkenaan dengan penggunaan dan pendudukan tanah oleh defendan sementara menunggu tindakan diselesaikan, walaupun sekiranya suatu penghakiman atau perintah muktamad diberi atau dibuat memihak kepada defendan; atau
- (c) sekiranya tindakan dibicarakan, plaintif akan mendapat penghakiman terhadap defendan bagi sejumlah wang yang substansial selain apa-apa ganti rugi atau kos,

Mahkamah boleh, sekiranya difikirkannya patut, dan tanpa menjejaskan apa-apa penghujahan pihak-pihak tentang sifat atau ciri-ciri jumlah wang yang kena dibayar oleh defendan, memerintahkan defendan membuat suatu pembayaran interim apa-apa amaun yang difikirkannya adil, setelah mengambil kira apa-apa tolakan, tuntutan silang atau tuntutan balas yang padanya defendan berhak untuk bersandar.

Cara pembayaran (A. 22A, k. 5)

5. (1) Amaun apa-apa pembayaran interim yang diperintahkan untuk dibuat hendaklah dibayar kepada plaintif melainkan jika perintah itu memperuntukkan baginya dibayar ke dalam Mahkamah, dan jika amaun itu dibayar ke dalam Mahkamah, Mahkamah boleh, atas permohonan plaintif, memerintahkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripadanya dibayar kepadanya pada sesuatu masa atau masa-masa yang Mahkamah fikirkan sesuai.

(2) Suatu permohonan di bawah perenggan terdahulu bagi wang dalam Mahkamah yang dikehendaki dibayar keluar hendaklah disampaikan kepada pihak yang satu lagi.

(3) Suatu pembayaran interim boleh diperintahkan dibuat sekaligus atau secara apa-apa ansuran sebagaimana yang Mahkamah fikirkan sesuai.

(4) Jika suatu pembayaran diperintahkan berkenaan dengan penggunaan dan pendudukan tanah oleh defendan, perintah itu boleh memperuntukkan pembayaran berkala dibuat sementara menunggu tindakan itu diselesaikan.

Arahan mengenai permohonan di bawah kaedah 2 (A. 22A, k. 6)

6. Jika suatu permohonan dibuat di bawah kaedah 2, Mahkamah boleh memberi arahan tentang penjalanan tindakan itu selanjutnya, dan, setakat yang terpakai, Aturan 34 hendaklah terpakai.

Ketidakdedahan pembayaran interim (A. 22A, k. 7)

7. Hakikat bahawa suatu perintah telah dibuat di bawah kaedah 3 atau 4 tidak boleh dirayu dan, melainkan jika defendan bersetuju atau Mahkamah mengarahkan sedemikian, tidak ada komunikasi mengenai hakikat tersebut atau hakikat bahawa suatu pembayaran interim telah dibuat, sama ada secara sukarela atau menurut suatu perintah, hendaklah dibuat kepada Mahkamah pada perbicaraan itu, atau pendengaran, mengenai apa-apa persoalan atau isu tentang liabiliti atau ganti rugi sehingga semua persoalan mengenai liabiliti dan amaun telah ditentukan.

Pembayaran ke dalam Mahkamah sebagai penyelesaian (A. 22A, k. 8)

8. *(Tiada kaedah 8)*

Pelarasan atas penghakiman atau perintah muktamad atau atas pemberhentian (A. 22A, k. 9)

9. Jika defendan telah diperintahkan untuk membuat suatu pembayaran interim atau sebenarnya telah membuat suatu pembayaran interim, sama ada secara sukarela atau menurut suatu perintah, Mahkamah boleh, apabila memberi atau membuat penghakiman atau perintah muktamad, atau memberi kebenaran kepada plaintif untuk memberhentikan tindakannya atau menarik balik tuntutan yang berkenaan dengannya pembayaran interim itu telah dibuat, atau pada mana-mana peringkat lain prosiding itu

atas permohonan mana-mana pihak, membuat apa-apa perintah berkenaan dengan pembayaran interim itu sebagaimana yang adil, dan khususnya—

- (a) suatu perintah untuk pembayaran balik oleh plaintif bagi semua atau sebahagian daripada pembayaran interim itu, dengan atau tanpa bunga; tetapi jika bunga diperintahkan, ia tidak boleh melebihi lima puluh peratus kadar sebagaimana yang dinyatakan di bawah Aturan 42, kaedah 12;
- (b) suatu perintah bagi pembayaran diubah atau dilepaskan; atau
- (c) suatu perintah bagi pembayaran oleh mana-mana defendan lain mana-mana bahagian pembayaran interim itu yang defendan yang membuatnya berhak untuk mendapatkan kembali daripadanya secara sumbangan atau tanggung rugi atau berkenaan dengan apa-apa remedi atau relief yang berhubungan atau berkaitan dengan tuntutan plaintif.

Tuntutan balas dan prosiding lain (A. 22A, k. 10)

10. Kaedah-kaedah terdahulu dalam Aturan ini hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, bagi apa-apa tuntutan balas jika satu pihak memohon perintah bagi suatu pembayaran interim dibuat oleh pihak yang lain.

Tiada perintah terhadap Kerajaan (A. 22A, k. 11)

11. Suatu perintah bagi pembayaran interim tidak boleh dibuat terhadap Kerajaan.

ATURAN 22B

TAWARAN UNTUK SELESAI

Tawaran untuk selesai (A. 22B, k. 1)

1. Suatu pihak dalam mana-mana prosiding boleh menyampaikan kepada mana-mana pihak lain suatu tawaran untuk selesai dalam Borang 34.

Masa (A. 22B, k. 2)

2. Suatu tawaran untuk selesai boleh dibuat pada bila-bila masa sebelum Mahkamah melupuskan perkara itu.

Masa untuk penerimaan dan penarikan balik (A. 22B, k. 3)

3. (1) Jika suatu tawaran untuk selesai menyatakan suatu masa yang tawaran itu boleh diterima dan tawaran itu tidak diterima atau ditarik balik dalam masa itu, tawaran itu hendaklah disifatkan sebagai ditarik balik apabila masa itu tamat.

(2) Jika suatu tawaran untuk selesai tidak menyatakan suatu masa untuk penerimaan, tawaran itu boleh diterima pada bila-bila masa sebelum Mahkamah melupuskan perkara itu.

(3) Notis menarik balik tawaran hendaklah dalam Borang 35.

Kaedah tanpa prejudis (A. 22B, k. 4)

4. Suatu tawaran untuk selesai adalah disifatkan menjadi suatu tawaran untuk kompromi yang dibuat tanpa prejudis kecuali kepada kos.

Ketidakedahan (A. 22B, k. 5)

5. (1) Suatu tawaran untuk selesai tidak boleh difailkan dan suatu pernyataan fakta bahawa tawaran itu telah dibuat tidak boleh terkandung dalam mana-mana pliding atau affidavit.

(2) Jika suatu tawaran untuk selesai tidak diterima, apa-apa komunikasi berkenaan dengan tawaran itu tidak boleh dibuat kepada Mahkamah semasa pendengaran prosiding sehingga semua persoalan liabiliti dan relief yang diberikan, selain kos, telah ditentukan.

Cara penerimaan (A. 22B, k. 6)

6. (1) Suatu tawaran untuk selesai hendaklah diterima dengan menyampaikan suatu penerimaan tawaran dalam Borang 36 kepada pihak yang membuat tawaran.

(2) Jika suatu tawaran diterima, Mahkamah boleh menggabungkan apa-apa terma dalam tawaran itu dalam suatu penghakiman.

Pihak di bawah ketidakupayaan (A. 22B, k. 7)

7. Suatu pihak di bawah ketidakupayaan boleh membuat, menarik balik atau menerima suatu tawaran untuk selesai, tetapi tiada penerimaan suatu tawaran yang dibuat olehnya dan tiada penerimaan olehnya terhadap suatu tawaran yang dibuat oleh pihak lain yang mengikat ke atasnya sehingga penyelesaian telah diluluskan sebagaimana yang diperuntukkan dalam Aturan 76, kaedah 10.

Pematuhan dengan suatu tawaran untuk selesai (A. 22B, k. 8)

8. Jika suatu pihak kepada tawaran untuk selesai yang telah diterima gagal mematuhi mana-mana terma dalam tawaran yang diterima, pihak yang satu lagi boleh—

- (a) membuat suatu permohonan kepada Hakim untuk penghakiman bagi terma kepada tawaran yang diterima; atau
- (b) meneruskan prosiding seolah-olah tidak pernah ada penerimaan tawaran untuk selesai.

Kos (A. 22B, k. 9)

9. (1) Jika suatu tawaran untuk selesai yang telah diterima tidak memperuntukkan kos, setiap pihak hendaklah menanggung kosnya sendiri.

(2) Jika suatu tawaran untuk selesai dibuat oleh defendan—

- (a) tidak ditarik balik dan belum tamat sebelum pelupusan tuntutan itu; dan
- (b) tidak diterima oleh plaintif, dan plaintif mendapat penghakiman yang kurang menguntungkan daripada terma tawaran untuk selesai,

plaintif berhak kepada kos pada tarikh tawaran disampaikan dan defendan berhak kepada kos dari tarikh itu.

(3) Apa-apa kepentingan yang diawardkan berkenaan dengan tempoh sebelum penyampaian tawaran untuk selesai akan dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menentukan sama ada penghakiman plaintif adalah lebih menguntungkan daripada terma tawaran untuk selesai.

(4) Apa-apa kepentingan yang diawardkan berkenaan dengan tempoh selepas penyampaian tawaran untuk selesai tidak akan dipertimbangkan oleh Mahkamah dalam menentukan sama ada penghakiman plaintif adalah lebih menguntungkan daripada terma tawaran untuk selesai.

Liabiliti bersama dan berasingan (A. 22B, k. 10)

10. Jika ada dua atau lebih defendan, plaintif boleh menawarkan untuk selesai dengan mana-mana defendan dan mana-mana defendan boleh menawarkan untuk selesai dengan plaintif, tetapi jika defendan dikatakan bertanggung secara bersama atau bertanggung secara bersama dan berasingan kepada plaintif berkenaan dengan suatu tuntutan dan hak untuk sumbangan atau tanggung rugi boleh wujud antara defendan-defendan, kos lanjutan yang ditetapkan oleh kaedah 9 tidak terpakai kepada suatu tawaran untuk selesai melainkan jika—

(a) dalam hal suatu tawaran dibuat oleh plaintif, tawaran itu dibuat kepada semua defendan, dan adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan terhadap semua defendan; atau

(b) dalam hal suatu tawaran dibuat kepada plaintif—

(i) tawaran itu adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan plaintif terhadap semua defendan dan untuk membayar kos mana-mana defendan yang tidak turut serta dalam membuat tawaran itu; atau

- (ii) tawaran itu dibuat oleh semua defendan dan adalah suatu tawaran untuk menyelesaikan tuntutan terhadap semua defendan, dan, melalui terma tawaran, mereka adalah bertanggung secara bersama dan berasingan kepada plaintif bagi keseluruhan tawaran.

Tawaran untuk sumbangan (A. 22B, k. 11)

11. (1) Jika dua atau lebih defendan dikatakan bertanggung secara bersama atau bertanggung secara bersama dan berasingan kepada plaintif berkenaan dengan suatu tuntutan, mana-mana defendan boleh membuat kepada mana-mana defendan lain suatu tawaran untuk sumbangan dalam Borang 37 bagi penyelesaian tuntutan itu.

(2) Mahkamah boleh mengambil kira suatu tawaran untuk sumbangan dalam menentukan sama ada defendan lain harus diperintahkan—

- (a) untuk membayar kos defendan yang membuat tawaran itu; atau
- (b) untuk menanggung rugi defendan yang membuat tawaran itu bagi apa-apa kos yang dia bertanggung untuk bayar kepada plaintif,

atau untuk membuat kedua-duanya.

(3) Kaedah 2 hingga 10 hendaklah terpakai kepada suatu tawaran untuk sumbangan seolah-olah tawaran itu adalah suatu tawaran untuk selesai.

Tuntutan balas dan tuntutan pihak ketiga (A. 22B, k. 12)

12. Kaedah 1 hingga 11 hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, bagi tuntutan balas dan tuntutan pihak ketiga.

ATURAN 23
JAMINAN KOS

Jaminan kos tindakan (A. 23, k. 1)

1. (1) Jika, atas permohonan seorang defendan bagi suatu tindakan atau prosiding lain dalam Mahkamah, ternyata kepada Mahkamah—

- (a) bahawa plaintif biasanya bermastautin di luar bidang kuasa;
- (b) bahawa plaintif (yang bukannya seorang plaintif yang membawa guaman atas kapasiti wakil) adalah seorang plaintif namaan yang membawa guaman untuk faedah seseorang lain dan bahawa ada sebab untuk mempercayai yang dia tidak berupaya membayar kos defendan sekiranya diperintahkan berbuat demikian;
- (c) tertakluk kepada perenggan (2), bahawa alamat plaintif itu tidak dinyatakan dalam writ atau saman pemula atau telah dinyatakan dengan salah di dalamnya; atau
- (d) bahawa plaintif itu telah menukarkan alamatnya semasa berlangsungnya prosiding dengan tujuan untuk mengelakkan akibat litigasi,

maka, sekiranya, dengan memberi perhatian berat kepada semua hal keadaan kes, Mahkamah fikirannya adil untuk berbuat demikian, Mahkamah boleh memerintahkan plaintif untuk memberikan apa-apa jaminan kos kepada defendan dalam tindakan itu atau prosiding lain sebagaimana yang difikirannya adil.

(2) Mahkamah tidak boleh menghendaki seorang plaintif untuk memberikan jaminan semata-mata oleh sebab subperenggan (1)(c) sekiranya dia memuaskan hati Mahkamah bahawa kegagalan menyatakan alamatnya atau pernyataan silap mengenainya telah dibuat dengan ikhlas dan tanpa niat untuk memperdaya.

(2A) Jika, atas permohonan seorang defendan bagi suatu tindakan atau prosiding lain dalam Mahkamah, ternyata kepada Mahkamah bahawa—

- (a) suatu pihak, yang bukan suatu pihak bagi suatu tindakan atau prosiding (yang disebut sebagai “bukan pihak”), telah memberikan hak tuntutan kepada plaintif dengan pandangan untuk mengelakkan liabiliti kosnya;
- (b) bukan pihak yang telah menyumbangkan atau bersetuju untuk menyumbangkan kepada kos plaintif sebagai balasan kepada suatu perkongsian mana-mana wang atau harta yang plaintif boleh mendapat kembali dalam tindakan atau prosiding,

dan bukan pihak adalah orang yang terhadapnya suatu perintah kos boleh dibuat, maka, sekiranya, dengan memberi perhatian berat kepada segala hal keadaan kes itu, Mahkamah memikirkan adil baginya untuk berbuat demikian, Mahkamah boleh memerintahkan bukan pihak itu untuk memberikan apa-apa jaminan kos kepada defendan dalam tindakan itu atau prosiding lain sebagaimana Mahkamah memikirkannya adil.

(2B) Suatu permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah perenggan (2A) hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan, yang hendaklah disampaikan kepada bukan pihak secara kediri dan kepada tiap-tiap pihak dalam prosiding.

(2C) Sesalinan affidavit sokongan hendaklah disampaikan dengan notis permohonan kepada tiap-tiap orang yang notis permohonan itu dikehendaki disampaikan.

(3) Sebutan dalam perenggan yang tersebut di atas mengenai seorang plaintif dan defendan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan kepada orang (tidak kira bagaimana jua pun diperihalkan dalam rekod) yang berkedudukan sebagai plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam prosiding dalam persoalan, termasuk prosiding suatu tuntutan balas.

Cara memberikan jaminan (A. 23, k. 2)

2. Jika suatu perintah dibuat menghendaki mana-mana pihak untuk memberikan jaminan kos, jaminan itu hendaklah diberikan dalam apa-apa cara, pada bila-bila masa, dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan.

Kecualian bagi undang-undang bertulis (A. 23, k. 3)

3. Aturan ini tidaklah menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang memberi kuasa kepada Mahkamah untuk menghendaki jaminan diberikan untuk kos bagi mana-mana prosiding.

ATURAN 24

PENZAHIRAN DAN PEMERIKSAAN DOKUMEN

Penzahiran bersama dokumen (A. 24, k. 1)

1. *(Tiada kaedah 1)*

Penzahiran oleh pihak tanpa perintah (A. 24, k. 2)

2. *(Tiada kaedah 2)*

Perintah untuk penzahiran (A. 24, k. 3)

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan kaedah ini dan kaedah 4 dan 8, Mahkamah boleh pada bila-bila masa memerintahkan mana-mana pihak kepada suatu kausa atau perkara (sama ada dimulakan melalui writ, saman pemula atau selainnya) untuk memberikan penzahiran dengan membuat dan menyampaikan kepada mana-mana pihak lain satu senarai dokumen yang berada atau pernah berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya dan boleh pada masa yang sama atau kemudiannya memerintahkannya supaya membuat dan memfailkan suatu affidavit menentusahkan suatu senarai yang sedemikian dan menyampaikan satu salinan affidavit itu kepada pihak lain itu.

(2) *(Tiada perenggan 2)*

(3) *(Tiada perenggan 3)*

(4) Dokumen yang suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara boleh diperintahkan untuk dizahirkan di bawah perenggan (1) adalah seperti berikut:

- (a) dokumen yang pihak itu bersandar atau yang akan bersandar padanya; dan
- (b) dokumen yang akan—
 - (i) menjejaskan kesnya sendiri;
 - (ii) menjejaskan kes pihak lain; atau
 - (iii) menyokong kes pihak lain.

Perintah untuk memutuskan isu sebelum penzahiran (A. 24, k. 4)

4. Jika atas suatu permohonan minta suatu perintah di bawah kaedah 3, ternyata kepada Mahkamah bahawa apa-apa isu atau persoalan dalam kausa atau perkara itu patut ditentukan sebelum apa-apa penzahiran dokumen dibuat oleh pihak-pihak, Mahkamah boleh memerintah untuk isu atau persoalan itu ditentukan dahulu dan memberikan apa-apa arahan lain yang sedemikian sebagaimana yang perlu.

Bentuk senarai dan afidavit (A. 24, k. 5)

5. (1) Suatu senarai dokumen yang dibuat dengan mematuhi kaedah 3 hendaklah dalam Borang 38, dan hendaklah menyebut satu persatu dokumen itu mengikut susunan yang mudah dan dengan ringkas yang mungkin tetapi dengan memperihalkan setiap satu daripadanya atau, dalam hal ikatan dokumen yang sama sifatnya, setiap ikatan, dengan secukupnya untuk membolehkan dokumen atau ikatan itu dapat dikenal pasti.

(2) Sekiranya dihasratkan hendak menuntut bahawa apa-apa dokumen adalah terlindung daripada dikemukakan, tuntutan itu hendaklah dibuat dalam senarai dokumen dengan pernyataan yang mencukupi mengenai alasan perlindungan itu.

(3) Suatu affidavit yang dibuat seperti yang disebut terdahulu yang menentusahkan senarai dokumen hendaklah dalam Borang 39.

(4) Melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak, suatu pihak yang menyediakan senarai dokumennya hendaklah menyebabkan supaya diikat dan dinomborkan muka surat segala dokumen yang didedahkan dalam Jadual 1 Bahagian 1 yang dihuraikan sebagai "Senarai Dokumen" dan hendaklah menfailkan dan menyampaikan salinan dokumen itu kepada semua pihak dalam tindakan yang atasnya dokumen itu hendaklah disifatkan telah diperiksa.

(5) Ketidakpatuhan perenggan (4) hendaklah menghalang pihak yang disebut terdahulu daripada mengemukakan dokumen itu pada perbicaraan, kecuali dan melainkan dengan kebenaran Mahkamah.

Defendan berhak ke atas salinan senarai defendan bersama (A. 24, k. 6)

6. (1) Seorang defendan yang telah membuat pliding dalam suatu tindakan adalah berhak untuk mendapatkan suatu salinan mana-mana senarai dokumen yang disampaikan di bawah mana-mana kaedah yang tersebut di atas dalam Aturan ini kepada plaintif oleh mana-mana defendan lain kepada tindakan itu; dan seorang plaintif yang terhadapnya suatu tuntutan balas dibuat dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ adalah berhak untuk mendapatkan suatu salinan mana-mana senarai dokumen yang disampaikan di bawah mana-mana kaedah itu kepada pihak yang membuat tuntutan balas oleh mana-mana defendan lain kepada tuntutan balas itu.

(2) Suatu pihak yang dikehendaki mengikut perenggan (1) untuk membekalkan sesalinan senarai dokumen hendaklah membekalkannya dengan percuma apabila permintaan dibuat oleh pihak yang berhak ke atasnya.

(3) Jika dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui saman pemula, Mahkamah membuat suatu perintah di bawah kaedah 3 menghendaki seorang defendan kepada tindakan itu untuk menyampaikan satu senarai dokumen kepada plaintif, Mahkamah boleh juga memerintahkannya supaya membekalkan sesalinan senarai itu kepada mana-mana defendan lain kepada tindakan itu.

(4) Dalam kaedah ini, "senarai dokumen" termasuklah suatu affidavit yang menentusahkan suatu senarai dokumen.

Perintah untuk penzahiran dokumen tertentu (A. 24, k. 7)

7. (1) Tertakluk kepada kaedah 8, Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas permohonan mana-mana pihak kepada suatu kausa atau perkara, membuat suatu perintah menghendaki mana-mana pihak lain supaya membuat satu affidavit menyatakan sama ada apa-apa dokumen yang dinyatakan atau diperihalkan dalam permohonan itu atau mana-mana kelas dokumen yang dinyatakan atau diperihalkan sedemikian berada, atau pernah pada bila-bila masa berada, dalam milikan, jagaan atau kuasanya, dan sekiranya ketika itu tidak berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya bila dia melepaskannya dan apa yang telah terjadi padanya.

(2) Suatu perintah boleh dibuat terhadap suatu pihak di bawah kaedah ini walaupun dia mungkin telah membuat atau dikehendaki membuat suatu senarai dokumen atau affidavit di bawah kaedah 3.

(3) Suatu permohonan minta suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah disokong dengan suatu affidavit menyatakan kepercayaan deponen bahawa pihak yang daripadanya penzahiran diminta di bawah kaedah ini ada, atau pada suatu masa tertentu ada, dalam milikan, jagaan atau kuasanya dokumen itu, atau kelas dokumen, yang dinyatakan atau diperihalkan dalam permohonan itu, dan bahawa termasuk di dalam satu daripada perihalan yang berikut:

(a) suatu dokumen yang pihak itu bersandar atau yang akan bersandar padanya;

(b) dokumen yang akan—

(i) menjejaskan kesnya sendiri;

(ii) menjejaskan kes pihak lain; atau

(iii) menyokong kes pihak lain; dan

(c) suatu dokumen yang boleh membawa pihak yang mencari penzahiran suatu dokumen itu kepada suatu siri siasatan yang mengakibatkannya memperoleh maklumat yang boleh—

(i) menjejaskan kesnya sendiri;

(ii) menjejaskan kes pihak lain; atau

(iii) menyokong kes pihak lain.

(4) Suatu perintah di bawah kaedah ini tidaklah dibuat dalam mana-mana kausa atau perkara berkenaan dengan mana-mana pihak sebelum suatu perintah di bawah kaedah 3 telah diperoleh pertamanya berkenaan dengan pihak itu, melainkan jika, pada pendapat Mahkamah, perintah tersebut adalah diperlukan atau dihasratkan.

Penzahiran terhadap orang lain (A. 24, k. 7A)

7A. (1) Suatu permohonan untuk minta perintah bagi penzahiran dokumen sebelum permulaan prosiding hendaklah dibuat melalui saman pemula dan orang yang terhadapnya perintah yang diminta itu hendaklah dijadikan defendan kepada saman pemula.

(2) Suatu permohonan selepas permulaan prosiding untuk minta suatu perintah bagi penzahiran dokumen oleh seorang yang bukan suatu pihak kepada prosiding hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan, yang hendaklah disampaikan kepada orang itu secara kediri dan kepada tiap-tiap pihak kepada prosiding.

(3) Suatu saman pemula di bawah perenggan (1) atau suatu notis permohonan di bawah perenggan (2) hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang hendaklah—

- (a) dalam hal suatu saman pemula di bawah perenggan (1), menyatakan alasan untuk permohonan, fakta material mengenai prosiding yang diniatkan dan sama ada orang itu yang terhadapnya perintah itu diminta adalah berkemungkinan menjadi pihak kepada prosiding selanjutnya dalam Mahkamah; dan
- (b) dalam apa-apa hal, menyatakan atau memperihalkan dokumen berkenaan dengan yang perintah diminta dan ditunjukkan, sekiranya praktikal dengan sebutan kepada mana-mana pliding yang disampaikan atau diniatkan untuk disampaikan dalam prosiding, bahawa dokumen adalah relevan kepada suatu isu yang berbangkit atau berkemungkinan berbangkit daripada tuntutan yang dibuat atau berkemungkinan dibuat dalam prosiding atau identiti pihak yang berkemungkinan kepada prosiding, atau kedua-duanya, dan orang itu yang terhadapnya perintah itu diminta adalah berkemungkinan untuk berada atau pernah berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya.

(4) Sesalinan affidavit sokongan hendaklah disampaikan dengan saman pemula atau notis permohonan kepada tiap-tiap orang yang saman pemula atau notis permohonan itu berkehendakkan disampaikan.

(5) Suatu perintah untuk penzahiran dokumen sebelum permulaan prosiding atau penzahiran dokumen oleh seseorang yang bukan suatu pihak kepada prosiding boleh dibuat oleh Mahkamah bagi maksud atau dengan pandangan untuk mengenal pasti pihak yang mungkin kepada prosiding dalam apa-apa hal keadaan jika Mahkamah fikirannya adil untuk membuat suatu perintah itu, dan pada apa-apa terma yang difikirkannya adil.

(6) Suatu perintah bagi penzahiran dokumen bolehlah—

- (a) dibuat dengan bersyarat kepada pemohon yang memberikan jaminan kos kepada orang yang terhadapnya jaminan itu dibuat

atau pada apa-apa terma lain, sekiranya ada, sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil; dan

- (b) menghendaki orang itu yang terhadapnya perintah itu dibuat untuk membuat suatu affidavit yang menyatakan sama ada dokumen yang dinyatakan atau diperihalkan dalam perintah adalah, atau pada bila-bila masa pernah berada, dalam milikan, jagaan atau kuasa dan, sekiranya tidak maka dalam milikannya, jagaan atau kuasa, apabila dia terpisah dengannya dan apa yang terjadi kepadanya.

(7) Seseorang hendaklah tidak dipaksa dengan apa-apa perintah untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dia tidak dapat dipaksa untuk mengemukakan—

- (a) dalam hal suatu saman pemula di bawah perenggan (1), sekiranya prosiding selanjutnya telah pun bermula; atau
- (b) dalam hal suatu notis permohonan di bawah perenggan (2), sekiranya dia telah disampaikan dengan sapina untuk mengemukakan dokumen pada perbicaraan.

(8) Bagi maksud kaedah 10 dan 11, suatu permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dikira sebagai suatu kausa atau perkara antara pemohon dan orang itu yang terhadapnya perintah diminta.

(9) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, jika suatu permohonan itu dibuat mengikut kaedah ini untuk suatu perintah, orang yang terhadapnya perintah itu diminta hendaklah berhak untuk kos permohonannya, dan mematuhi apa-apa perintah yang dibuat kemudiannya mengikut asas tanggung rugi.

Penzahiran diperintahkan hanya sekiranya perlu (A. 24, k. 8)

8. Semasa pendengaran suatu permohonan minta perintah di bawah kaedah 3, 7 atau 7A, Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa penzahiran tidak perlu, atau tidak perlu pada peringkat kausa atau perkara itu, boleh menolak atau menangguhkan permohonan itu dan hendaklah dalam mana-mana hal enggan untuk membuat suatu perintah sekiranya dan setakat yang pada pendapatnya bahawa penzahiran itu tidaklah diperlukan sama ada untuk menyelesaikan secara adil kausa atau perkara itu atau untuk menjimatkan kos.

Tanggungjawab untuk penzahiran diteruskan sepanjang prosiding (A. 24, k. 8A)

8A. Selepas membuat apa-apa perintah di bawah kaedah 3 atau 7, pihak yang dikehendaki untuk memberikan penzahiran di bawah apa-apa perintah hendaklah kekal di bawah suatu tanggungjawab untuk terus memberikan penzahiran semua dokumen yang termasuk dalam lingkungan perintah itu sehingga prosiding yang perintah itu dibuat telah ditutup.

Pemeriksaan dokumen yang disebut dalam senarai (A. 24, k. 9)

9. Suatu pihak yang telah menyampaikan satu senarai dokumen kepada mana-mana pihak lain dalam mematuhi kaedah 3 hendaklah membenarkan pihak yang satu lagi memeriksa dokumen yang disebut dalam senarai itu (selain apa-apa yang dibantah untuk dikemukakan) dan membuat salinan daripadanya dan, sewajarnya dia hendaklah, apabila menyampaikan senarai itu kepada pihak yang satu lagi, menyampaikan juga kepadanya satu notis dalam Borang 40 yang menyatakan satu masa dalam tujuh hari selepas penyampaian notis itu yang dokumen itu boleh diperiksa di suatu tempat yang dinyatakan dalam notis itu.

Pemeriksaan dokumen yang disebut dalam pliding dan affidavit (A. 24, k. 10)

10. (1) Mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara adalah berhak pada bila-bila masa untuk menyampaikan suatu notis dalam Borang 41 kepada mana-mana pihak lain yang dalam pliding atau affidavitnya sebutan dibuat kepada mana-mana dokumen yang menghendakinya untuk mengemukakan dokumen itu untuk pemeriksaan pihak yang memberikan notis itu dan membenarkannya membuat salinan dokumen itu.

(2) Pihak yang kepadanya suatu notis disampaikan di bawah perenggan (1) mestilah, dalam empat hari selepas penyampaian notis itu, menyampaikan kepada pihak yang memberikan notis itu, suatu notis dalam Borang 42 menyatakan satu masa dalam tujuh hari selepas penyampaian notis itu yang dokumen itu, atau beberapa daripada dokumen itu yang dia tidak membantah untuk mengemukakan, boleh diperiksa di suatu tempat yang dinyatakan dalam notis, dan menyatakan dokumen yang dia membantah untuk mengemukakan dan atas alasan apa dia berbuat demikian.

Perintah untuk pengemukaan bagi pemeriksaan (A. 24, k. 11)

11. (1) Sekiranya suatu pihak yang dikehendaki oleh kaedah 9 untuk menyampaikan suatu notis sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya atau yang disampaikan dengan suatu notis di bawah kaedah 10(1)—

- (a) gagal untuk menyampaikan suatu notis di bawah kaedah 9 atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, kaedah 10(2);
- (b) membantah untuk mengemukakan apa-apa dokumen untuk pemeriksaan; atau
- (c) menawarkan untuk memeriksa pada suatu masa atau di suatu tempat yang, pada pendapat Mahkamah, tidak munasabah untuk menawarkan pemeriksaan ketika itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, di tempat itu,

maka, tertakluk kepada kaedah 13(1), Mahkamah boleh, atas permohonan pihak yang berhak untuk diperiksa, membuat suatu perintah dalam Borang 43 bagi pengemukaan dokumen yang dalam persoalan untuk pemeriksaan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat, dan mengikut apa-apa cara, sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1) tetapi tertakluk kepada kaedah 13(1), Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara, memerintahkan mana-mana pihak lain untuk membenarkan pihak yang memohon itu memeriksa apa-apa dokumen dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak yang satu lagi itu

yang berhubungan dengan apa-apa perkara yang dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu.

(3) Suatu permohonan minta suatu perintah di bawah perenggan (2) hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan atau memperihalkan dokumen yang pemeriksaannya diminta dan menyatakan kepercayaan deponen bahawa dokumen itu berada dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak yang satu lagi itu dan bahawa dokumen itu adalah berhubungan dengan suatu perkara dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu.

Perintah bagi pengemukaan dokumen kepada Mahkamah (A. 24, k. 12)

12. (1) Pada mana-mana peringkat prosiding dalam apa-apa kausa atau perkara Mahkamah boleh, tertakluk kepada kaedah 13(1), memerintahkan mana-mana pihak untuk mengemukakan kepada Mahkamah apa-apa dokumen dalam milikannya, jagaannya atau kuasanya yang berhubungan dengan mana-mana perkara dalam persoalan dalam kausa atau perkara itu yang termasuk di dalam satu daripada perihalan berikut:

- (a) dokumen yang pihak itu bersandar atau yang akan bersandarkan padanya; dan
- (b) dokumen yang akan—
 - (i) menjejaskan kes suatu pihak; atau
 - (ii) menyokong kes suatu pihak; dan
- (c) dokumen yang boleh membawa kepada suatu siri siasatan yang mengakibatkannya memperoleh maklumat yang boleh—
 - (i) menjejaskan kes suatu pihak; atau
 - (ii) menyokong kes suatu pihak.

(2) Mahkamah boleh berurusan dengan dokumen apabila dikemukakan menurut suatu perintah yang dibuat di bawah perenggan (1) dalam apa-apa cara yang difikirkannya patut.

Pengemukaan diperintahkan hanya sekiranya perlu (A. 24, k. 13)

13. (1) Suatu perintah bagi pengemukaan apa-apa dokumen untuk pemeriksaan atau kepada Mahkamah tidak boleh dibuat di bawah mana-mana kaedah yang tersebut di atas melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa perintah itu adalah perlu sama ada untuk menyelesaikan secara adil kausa atau perkara itu atau untuk menjimatkan kos.

(2) Jika atas suatu permohonan di bawah Aturan ini bagi pengemukaan apa-apa dokumen untuk pemeriksaan atau kepada Mahkamah, perlindungan daripada apa-apa pengemukaan dokumen itu yang dituntut atau bantahan dibuat untuk apa-apa pengemukaan atas apa-apa alasan lain, Mahkamah boleh memeriksa dokumen itu bagi maksud memutuskan sama ada tuntutan atau bantahan itu sah.

Pengemukaan buku perniagaan (A. 24, k. 14)

14. (1) Jika pengemukaan apa-apa buku perniagaan untuk pemeriksaan dipohon di bawah mana-mana kaedah yang tersebut di atas, Mahkamah boleh, sebagai ganti memerintahkan pengemukaan buku asal untuk pemeriksaan, memerintahkan sesalinan bagi apa-apa catatan di dalamnya dibekalkan dan ditentusahkan dengan suatu affidavit beberapa orang yang telah memeriksa salinan itu dengan membandingkannya dengan buku asal.

(2) Apa-apa affidavit yang sedemikian hendaklah menyatakan sama ada atau tidak terdapat apa-apa dan apakah padaman, tulisan antara barisan atau pengubahan dalam buku asal itu.

(3) Walau apapun sesalinan daripada apa-apa catatan dalam mana-mana buku telah dibekalkan di bawah kaedah ini, Mahkamah boleh memerintahkan pengemukaan buku yang daripadanya salinan itu telah dibuat.

Pendedahan tertakluk kepada undang-undang (A. 24, k. 15)

15. Peruntukan yang tersebut di atas dalam Aturan ini adalah tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis atau mana-mana rukun undang-undang yang membenarkan atau menghendaki penahanan apa-apa dokumen atas alasan bahawa pendedahannya akan memudaratkan kepentingan awam.

Kegagalan untuk mematuhi kehendak penzahiran (A. 24, k. 16)

16. (1) Sekiranya mana-mana pihak yang dikehendaki oleh mana-mana kaedah yang tersebut di atas, atau oleh mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya, untuk membuat penzahiran dokumen atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen bagi maksud pemeriksaan atau apa-apa maksud lain gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan kaedah itu atau perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka, tanpa menjejaskan, dalam hal suatu kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan itu, kepada kaedah 11(1), Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil termasuk, khususnya, suatu perintah bahawa tindakan itu ditolak atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu perintah bahawa pembelaan itu dibatalkan dan penghakiman dimasukkan dengan sewajarnya.

(2) *(Tiada perenggan 2)*

(3) *(Tiada perenggan 3)*

(4) *(Tiada perenggan 4)*

(5) Suatu pihak yang dikehendaki oleh mana-mana kaedah di bawah Aturan ini, atau oleh mana-mana perintah yang dibuat di bawahnya, untuk membuat suatu penzahiran dokumen atau untuk mengemukakan apa-apa dokumen bagi maksud pemeriksaan atau apa-apa maksud lain, tetapi yang gagal untuk mematuhi mana-mana peruntukan kaedah itu atau perintah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh bersandarkan kepada dokumen itu dengan kebenaran daripada Mahkamah.

Pembatalan dan perubahan perintah (A. 24, k. 17)

17. Apa-apa perintah yang dibuat di bawah Aturan ini (termasuklah suatu perintah yang dibuat atas rayuan) boleh, atas sebab yang cukup ditunjukkan, dibatalkan atau diubah melalui suatu perintah atau arahan kemudiannya oleh Mahkamah yang dibuat atau diberikan pada masa atau sebelum perbicaraan kausa atau perkara yang berkaitan dengannya yang perintah asal itu telah dibuat.

ATURAN 25
SAMAN MINTA ARAHAN

(Tiada Aturan 25)

ATURAN 26
INTEROGATORI

Penzahiran melalui interogatori (A. 26, k. 1)

1. (1) Suatu pihak dalam mana-mana kausa atau perkara boleh memohon dalam Borang 44 kepada Mahkamah untuk suatu perintah—

(a) yang memberikannya kebenaran untuk menyampaikan kepada mana-mana pihak lain interogatori yang berhubungan dengan apa-apa perkara dalam persoalan antara pemohon dengan pihak lain itu dalam kausa atau perkara itu; dan

(b) yang menghendaki pihak yang lain itu untuk menjawab interogatori atas affidavit dalam suatu tempoh masa yang khusus yang tidak kurang daripada empat belas hari dari tarikh penyampaian interogatori itu.

(2) Sesalinan interogatori yang dicadangkan dalam Borang 45 hendaklah disampaikan bersama dengan permohonan minta kebenaran itu.

(3) Pada pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah ini, Mahkamah hendaklah memberikan kebenaran hanya kepada mana-mana interogatori yang difikirkannya perlu sama ada untuk menyelesaikan secara adil kausa atau perkara itu atau untuk menjimatkan kos; dan dalam memutuskan sama ada untuk memberikan kebenaran, Mahkamah hendaklah mengambil kira apa-apa tawaran yang dibuat oleh pihak yang diinterogatorikan itu untuk memberi butir-butir atau untuk membuat pengakuan atau untuk mengemukakan dokumen yang berhubungan dengan apa-apa perkara dalam persoalan.

(4) Suatu interogatori yang dicadangkan yang tidak berhubung dengan suatu perkara yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) tidak dibenarkan walaupun ia mungkin boleh diterima masuk dalam pemeriksaan balas seorang saksi secara lisan.

(5) Sekiranya suatu perintah dibuat, ia hendaklah dalam Borang 46 dan hendaklah disampaikan oleh pemohon kepada pihak yang terhadapnya perintah itu dibuat.

(6) Interogatori hendaklah dijawab melalui affidavit dalam Borang 47 dan affidavit itu hendaklah difailkan dan satu salinannya disampaikan kepada pihak yang menginterogatori dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

Penzahiran melalui interogatori tanpa kebenaran Mahkamah (A. 26, k. 2)

2. Suatu pihak dalam mana-mana kausa atau perkara boleh pada bila-bila masa sebelum penutupan pliding tanpa kebenaran Mahkamah menyerahkan interogatori yang berhubungan dengan apa-apa perkara dalam persoalan antara pihak-pihak itu.

Interogatori jika pihak ialah suatu kumpulan orang (A. 26, k. 3)

3. Jika satu pihak dalam suatu kausa atau perkara ialah suatu kumpulan orang, sama ada diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang menjadi suatu badan yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk membawa guaman atau dibawa guaman sama ada atas namanya sendiri atau atas nama seorang pegawai atau orang lain, Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak lain, membuat suatu perintah

membenarkannya untuk menyampaikan interogatori kepada pegawai atau anggota perbadanan itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Pernyataan tentang pihak yang dikehendaki menjawab (A. 26, k. 4)

4. Jika interogatori akan disampaikan kepada dua atau lebih pihak atau dikehendaki dijawab oleh seorang ejen atau pekhidmat suatu pihak, satu nota pada penghujung interogatori itu hendaklah menyatakan interogatori yang mana setiap pihak atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, seorang ejen atau pekhidmat dikehendaki untuk menjawab, dan menyatakan ejen atau pekhidmat yang mana satu.

Bantahan untuk menjawab atas alasan perlindungan (A. 26, k. 5)

5. Jika seseorang membantah untuk menjawab apa-apa interogatori atas alasan perlindungan, dia boleh memasukkan bantahan itu dalam afidavitnya.

Jawapan tidak lengkap (A. 26, k. 6)

6. (1) Sekiranya mana-mana orang yang kepadanya interogatori telah disampaikan menjawab mana-mana daripadanya dengan tidak lengkap, Mahkamah boleh membuat satu perintah menghendaknya untuk memberi jawapan lebih lanjut, sama ada melalui afidavit atau pemeriksaan lisan sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Jika mana-mana orang, yang kepadanya interogatori tanpa perintah telah disampaikan, menjawab mana-mana daripadanya dengan tidak lengkap, pihak yang menyampaikan interogatori boleh meminta jawapan lebih lanjut dan butir-butir yang lebih baik daripada jawapan yang diberikan.

Kegagalan mematuhi perintah (A. 26, k. 7)

7. (1) Sekiranya suatu pihak yang terhadapnya satu perintah dibuat di bawah kaedah 1 atau 6 gagal untuk mematuhi perintah itu, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil termasuk, khususnya, suatu perintah bahawa tindakan itu ditolak atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu perintah bahawa pembelaan itu hendaklah dibatalkan dan penghakiman dimasukkan sewajarnya.

(2) Sekiranya suatu pihak yang terhadapnya suatu perintah dibuat di bawah kaedah 1 atau 6 gagal untuk mematuhi perintah itu, maka, tanpa menjejaskan perenggan (1), dia bolehlah dikomitkan.

(3) Penyampaian kepada peguam suatu pihak akan suatu perintah untuk menjawab interogatori yang dibuat terhadap pihak itu hendaklah menjadi penyampaian yang cukup untuk mengasaskan permohonan pengkomitan terhadap pihak yang mengingkari perintah itu, tetapi pihak itu boleh dalam menjawab permohonan itu menunjukkan bahawa dia tidak menyedari atau mengetahui tentang perintah itu.

(4) Seorang peguam yang suatu perintah untuk menjawab interogatori yang dibuat terhadap kliennya disampaikan kepadanya dan yang gagal tanpa sebab yang munasabah untuk memberikan notis mengenainya kepada kliennya bolehlah dikomitkan.

Penggunaan jawapan kepada interogatori dalam perbicaraan (A. 26, k. 8)

8. Suatu pihak boleh mengemukakan sebagai keterangan dalam perbicaraan suatu kausa atau perkara, atau apa-apa isu di dalamnya, hanya beberapa daripada jawapan kepada interogatori, atau hanya sebahagian sahaja daripada suatu jawapan itu, tanpa mengemukakan sebagai keterangan jawapan lain atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, keseluruhan jawapan itu, tetapi Mahkamah boleh melihat keseluruhan jawapan dan jika Mahkamah berpendapat bahawa apa-apa jawapan lain atau bahagian lain daripada suatu jawapan adalah sebegitu berkait dengan suatu jawapan atau sebahagian daripadanya yang digunakan sebagai keterangan hinggakan yang tertentu itu tidak patut digunakan sedemikian tanpa yang satu lagi, Mahkamah boleh mengarahkan untuk jawapan atau bahagian yang satu lagi hendaklah dikemukakan sebagai keterangan.

Pembatalan dan perubahan perintah (A. 26, k. 9)

9. Apa-apa perintah yang dibuat di bawah Aturan ini (termasuk suatu perintah yang dibuat atas rayuan) boleh, apabila ditunjukkan sebab yang mencukupi, dibatalkan atau diubah melalui suatu perintah atau arahan kemudiannya oleh Mahkamah yang

dibuat atau diberikan pada masa atau sebelum perbicaraan kausa atau perkara yang berkaitan dengan perintah asal telah dibuat.

ATURAN 27
PENGAKUAN

Pengakuan kes oleh pihak lain (A. 27, k. 1)

1. Tanpa menjejaskan Aturan 18, kaedah 13, suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara boleh memberikan notis, melalui plidingnya atau selainnya secara bertulis, bahawa dia mengaku tentang kebenaran keseluruhan atau mana-mana bahagian kes mana-mana pihak lain.

Notis mengakui fakta (A. 27, k. 2)

2. (1) Suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara tidak boleh lewat daripada empat belas hari selepas kausa atau perkara itu ditetapkan untuk perbicaraan menyampaikan kepada mana-mana pihak lain suatu notis menghendaknya untuk mengaku, bagi maksud kausa atau perkara itu sahaja, fakta yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Suatu pengakuan yang dibuat sebagai mematuhi satu notis di bawah kaedah ini tidak boleh digunakan terhadap pihak yang telah membuat pengakuan itu dalam mana-mana kausa atau perkara selain kausa atau perkara yang bagi maksudnya ia telah dibuat atau memihak kepada mana-mana orang selain orang yang telah memberikan notis itu, dan Mahkamah boleh pada bila-bila masa membenarkan suatu pihak meminda atau menarik balik pengakuan yang dibuat sedemikian olehnya itu atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Suatu notis mengakui fakta di bawah perenggan (1) hendaklah dalam Borang 48 dan suatu pengakuan fakta di bawah perenggan (2) dalam Borang 49.

Penghakiman atas pengakuan fakta (A. 27, k. 3)

3. (1) Jika pengakuan fakta dibuat oleh satu pihak kepada suatu kausa atau perkara sama ada melalui plidingnya atau selainnya, mana-mana pihak lain kepada

kausa atau perkara itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa penghakiman atau perintah sebagaimana yang berhak didapatinya berdasarkan pengakuan itu, tanpa menunggu penentuan apa-apa persoalan lain antara pihak-pihak, dan Mahkamah boleh memberikan apa-apa penghakiman, atau membuat apa-apa perintah, atas permohonan itu sebagaimana yang difikirkannya adil.

(2) Suatu permohonan minta suatu penghakiman atau perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Penerimamasukan dan pengemukaan dokumen yang dinyatakan dalam senarai dokumen (A. 27, k. 4)

4. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan tanpa menjejaskan hak suatu pihak untuk membantah penerimamasukan keterangan mana-mana dokumen, suatu pihak yang kepadanya suatu senarai dokumen disampaikan menurut mana-mana peruntukan atau perintah yang dibuat di bawah Aturan 24 hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, disifatkan mengakui—

- (a) bahawa mana-mana dokumen yang diperihalkan dalam senarai itu sebagai dokumen asal adalah suatu dokumen yang sedemikian dan yang telah dicetak, ditulis, ditandatangani atau disempurnakan masing-masing berupa sebagai yang telah dikatakan itu; dan
- (b) bahawa mana-mana dokumen yang diperihalkan di dalamnya sebagai satu salinan adalah satu salinan yang benar.

Perenggan ini tidak terpakai kepada suatu dokumen yang kesahannya dinafikan oleh pihak itu dalam plidingnya.

(2) Sekiranya sebelum tamat empat belas hari selepas pemeriksaan dokumen yang dinyatakan dalam senarai dokumen atau selepas masa yang dihadkan bagi pemeriksaan dokumen itu habis tempohnya, mengikut mana-mana yang terkemudian, pihak yang kepadanya senarai itu disampaikan menyampaikan kepada pihak yang mempunyai senarai itu suatu notis yang menyatakan, berhubung dengan mana-mana

dokumen yang dinyatakan dalamnya, bahawa dia tidak mengaku tentang kesahan dokumen itu dan menghendaki ia dibuktikan dalam perbicaraan, dia tidak boleh disifatkan membuat apa-apa penerimamasukan berhubung dengan dokumen itu di bawah perenggan (1).

(3) Suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara yang menyampaikan senarai dokumen kepada mana-mana pihak lain menurut mana-mana peruntukan Aturan 24 atau apa-apa perintah yang dibuat di bawahnya hendaklah disifatkan telah disampaikan oleh pihak yang satu lagi itu dengan satu notis menghendakinya untuk mengemukakan dalam perbicaraan kausa atau perkara mana-mana dokumen yang dinyatakan dalam senarai yang berada dalam milikan, jagaan atau kuasanya.

(4) Peruntukan yang tersebut di atas dalam kaedah ini terpakai berhubung dengan apa-apa-afidavit yang dibuat dalam mematuhi suatu perintah di bawah Aturan 24, kaedah 7, sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu senarai dokumen yang disampaikan menurut mana-mana peruntukan Aturan itu atau apa-apa perintah yang dibuat di bawahnya.

Notis untuk menerimamasuk atau mengemukakan dokumen (A. 27, k. 5)

5. (1) Kecuali jika kaedah 4(1) terpakai, suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara boleh, dalam empat belas hari selepas kausa atau perkara itu ditetapkan untuk perbicaraan, menyampaikan kepada mana-mana pihak lain suatu notis menghendakinya untuk mengaku kesahan dokumen yang dinyatakan dalam notis itu.

(2) Sekiranya suatu pihak yang kepadanya suatu notis di bawah perenggan (1) disampaikan berhasrat untuk mencabar kesahan mana-mana dokumen yang dinyatakan di dalamnya dia hendaklah, dalam empat belas hari selepas penyampaian notis itu, menyampaikan kepada pihak yang telah memberikan dokumen itu suatu notis yang menyatakan bahawa dia tidak mengaku kesahan dokumen itu dan menghendaki dokumen itu dibuktikan dalam perbicaraan.

(3) Suatu pihak yang gagal untuk memberi suatu notis tidak mengaku mengikut perenggan (2) berhubung dengan mana-mana dokumen adalah disifatkan

telah mengaku kesahan dokumen itu melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(4) Kecuali jika kaedah 4(3) terpakai, suatu pihak kepada suatu kausa atau perkara boleh menyampaikan kepada mana-mana pihak lain suatu notis menghendaknya untuk mengemukakan dokumen yang dinyatakan dalam notis itu dalam perbicaraan kausa atau perkara itu.

(5) Suatu notis mengakui, notis tidak mengaku dan notis mengemukakan dokumen hendaklah masing-masing dalam Borang 50, 51 dan 52.

ATURAN 28 PROSEDUR SAMAN PEMULA

Permohonan (A. 28, k. 1)

1. Aturan ini terpakai kepada saman pemula.

Menetapkan masa untuk kehadiran pihak-pihak di hadapan Mahkamah (A. 28, k. 2)

2. *(Tiada kaedah 2)*

Notis pendengaran pertama (A. 28, k. 3)

3. *(Tiada kaedah 3)*

Pendengaran saman pemula (A. 28, k. 3A)

3A. Suatu saman pemula hendaklah didengar dalam Kamar, tertakluk kepada apa-apa peruntukan nyata dalam Kaedah-Kaedah ini, mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa arahan daripada Mahkamah atau apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Pertikaian bidang kuasa (A. 28, k. 3B)

3B. (1) Seorang defendan yang ingin mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah dalam prosiding atas sebab apa-apa ketidakteraturan dalam saman pemula atau

penyampaian saman pemula itu atau dalam mana-mana perintah yang memberikan kebenaran untuk menyampaikan saman pemula di luar bidang kuasa atau melanjutkan kesahan saman pemula bagi maksud penyampaian atau apa-apa alasan lain hendaklah, dalam dua puluh satu hari selepas penyampaian saman pemula dan affidavit sokongan ke atasnya, memohon kepada Mahkamah untuk—

- (a) suatu perintah yang mengetepikan saman pemula atau penyampaian saman pemula ke atasnya;
- (b) suatu perintah yang mengisytiharkan bahawa saman pemula tidak disampaikan kepadanya dengan sempurna;
- (c) pembatalan apa-apa perintah yang memberikan kebenaran untuk menyampaikan saman pemula ke atasnya di luar bidang kuasa;
- (d) pembatalan apa-apa perintah yang melanjutkan kesahan saman pemula bagi maksud penyampaian;
- (e) perlindungan atau pelepasan apa-apa harta defendan yang disita atau diugut dengan penyitaan dalam prosiding;
- (f) pembatalan mana-mana perintah yang menghalang apa-apa urusan dengan apa-apa harta defendan;
- (g) suatu pengisytiharan bahawa dalam hal keadaan Mahkamah tidak ada bidang kuasa ke atas defendan berkenaan dengan hal perkara tuntutan atau relief atau remedi yang diminta dalam tindakan itu; atau
- (h) apa-apa relief lain sebagaimana yang sesuai.

(2) Seorang defendan yang ingin menghujahkan bahawa Mahkamah tidak sepatutnya ada bidang kuasa terhadap tindakan bahawa Malaysia bukanlah forum yang

sesuai untuk pertikaian hendaklah, dalam dua puluh satu hari selepas penyampaian saman pemula dan affidavit sokongan ke atasnya, memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah menggantungkan prosiding.

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan yang disokong dengan suatu affidavit yang menentusahkan fakta yang ke atasnya permohonan itu diasaskan dan suatu salinan affidavit hendaklah disampaikan dengan notis permohonan.

(4) Pada pendengaran suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2), Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut dan boleh memberikan apa-apa arahan bagi penyelesaian permohonan itu sebagaimana yang sesuai, termasuklah arahan untuk perbicaraan permohonan itu sebagai suatu isu permulaan.

Affidavit sokongan (A. 28, k. 3C)

3C. (1) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis, jika plaintif berniat untuk mengemukakan keterangan untuk menyokong suatu saman pemula, dia hendaklah berbuat demikian melalui affidavit dan hendaklah memfailkan affidavit dan menyampaikan satu salinan affidavit itu kepada tiap-tiap defendan tidak lewat daripada tujuh hari selepas penyampaian saman pemula itu.

(2) Melainkan jika diperuntukkan selainnya dalam mana-mana undang-undang bertulis, dalam hal suatu saman pemula secara *ex parte*, pemohon hendaklah memfailkan affidavit sokongan pada masa memfailkan saman pemula.

(3) Jika defendan berniat untuk mengemukakan keterangan dengan sebutan kepada saman pemula yang disampaikan kepadanya, dia hendaklah berbuat demikian melalui affidavit dan affidavit itu hendaklah difailkan dan satu salinan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada plaintif tidak lewat daripada dua puluh satu hari selepas disampaikan dengan satu salinan affidavit oleh plaintif di bawah perenggan (1).

(4) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu pihak yang berniat untuk menjawab suatu affidavit yang disampaikan kepadanya hendaklah memfailkan affidavitnya dan menyampaikan affidavit itu kepada pihak yang satu lagi dalam empat belas hari dari tarikh affidavit yang dia berniat untuk menjawab disampaikan kepadanya.

Arahan oleh Mahkamah (A. 28, k. 4)

4. (1) Mahkamah yang mendengar suatu saman pemula boleh, sekiranya liabiliti defendan kepada plaintif berkenaan dengan apa-apa tuntutan yang dibuat oleh plaintif dibuktikan, membuat apa-apa perintah yang memihak plaintif sebagaimana yang boleh dikehendaki oleh sifat kes itu, tetapi jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah perenggan ini terhadap seorang defendan yang tidak hadir semasa pendengaran itu, Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa adalah adil untuk berbuat demikian, boleh mendengar semula saman pemula itu.

(2) Melainkan jika pada pendengaran pertama suatu saman pemula Mahkamah telah menyelesaikan saman pemula secara bersekali atau memerintahkan kausa atau perkara yang dimulakan melaluinya dipindahkan ke suatu Mahkamah Rendah atau membuat suatu perintah di bawah kaedah 8, Mahkamah hendaklah memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan selanjutnya prosiding itu sebagaimana yang difikirkannya paling padan bagi menjamin penyelesaiannya dengan adil, cepat dan ekonomi.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (2), Mahkamah hendaklah, dengan seberapa awal pada suatu peringkat prosiding ke atas saman pemula itu yang ternyata kepadanya sebagai praktik, menimbangkan sama ada terdapat atau mungkin ada suatu pertikaian tentang fakta dan sama ada penyelesaian prosiding itu dengan cara adil, cepat dan ekonomi sewajarnya dapat dijamin sebaik-baiknya dengan mendengar saman pemula atas keterangan lisan atau sebahagian besarnya keterangan lisan dan, sekiranya difikirkannya patut, boleh memerintahkan bahawa tiada keterangan lanjut hendaklah difailkan dan bahawa saman pemula itu hendaklah didengar atas keterangan lisan atau sebahagiannya atas keterangan lisan dan

sebahagiannya atas keterangan afidavit, dengan atau tanpa pemeriksaan balas mana-mana deponen, sebagaimana yang Mahkamah boleh mengarahkan.

(4) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (2), dan tertakluk kepada perenggan (3), Mahkamah boleh memberikan arahan tentang pemfailan keterangan dan kehadiran deponen untuk pemeriksaan balas dan apa-apa arahan lain.

Penangguhan saman pemula (A. 28, k. 5)

5. Pendengaran suatu saman pemula oleh Mahkamah boleh, sekiranya perlu, ditangguhkan dari semasa ke semasa kepada suatu tarikh tertentu, sebagaimana yang sesuai, dan kuasa Mahkamah di bawah kaedah 4 boleh dijalankan pada mana-mana pendengaran sambungan.

Permohonan yang menjejaskan pihak yang ingkar kehadiran (A. 28, k.6)

6. *(Tiada kaedah 6)*

Tuntutan balas oleh defendan (A. 28, k. 7)

7. (1) Seorang defendan dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui saman pemula yang mengatakan bahawa dia mempunyai apa-apa tuntutan atau berhak kepada apa-apa relief atau remedi terhadap plaintif berkenaan dengan apa-apa perkara, bila-bila masa dan bagaimana jua berbangkit, boleh membuat suatu tuntutan balas dalam tindakan berkenaan dengan perkara itu sebagai ganti membawa suatu tindakan yang berasingan.

(2) Seorang defendan yang ingin membuat suatu tuntutan balas di bawah kaedah ini hendaklah mendengar untuk kali pertama atau mana-mana pendengaran sambungan saman pemula oleh Mahkamah, tetapi, dalam mana-mana hal, dengan seberapa awal pada suatu peringkat prosiding sebagaimana yang praktik, memberitahu Mahkamah akan jenis tuntutannya dan, tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah perenggan (3), tuntutan itu hendaklah dibuat dalam apa-apa cara sebagaimana yang Mahkamah boleh mengarahkan di bawah kaedah 4 atau 8.

(3) Sekiranya ternyata pada permohonan seorang plaintif yang terhadapnya suatu tuntutan balas dibuat di bawah kaedah ini bahawa hal perkara tuntutan balas itu patut untuk apa-apa sebab diselesaikan melalui suatu tindakan yang berasingan, Mahkamah boleh memerintahkan tuntutan balas itu dibatalkan atau boleh memerintahkannya untuk dibicarakan secara berasingan atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang suai manfaat.

Penerusan prosiding seolah-olah kausa atau perkara dimulakan melalui writ (A. 28, k. 8)

8. (1) Jika, dalam hal suatu kausa atau perkara yang dimulakan melalui saman pemula, ternyata kepada Mahkamah pada mana-mana peringkat prosiding bahawa prosiding itu patut kerana apa-apa sebab diteruskan seolah-olah kausa atau perkara itu telah dimulakan melalui writ, ia boleh memerintahkan untuk prosiding itu diteruskan seolah-olah kausa atau perkara itu telah dimulakan sedemikian dan boleh, khususnya, memerintahkan bahawa pliding hendaklah diserahkan atau bahawa mana-mana affidavit hendaklah dijadikan sebagai pliding, dengan atau tanpa kebebasan kepada mana-mana pihak untuk menambah kepadanya atau untuk memohon bagi mendapatkan butir-butir mengenainya.

(2) Jika Mahkamah memutuskan untuk membuat suatu perintah yang disebut dalam kaedah (1), Aturan 34 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu.

(3) Kaedah ini terpakai walaupun kausa atau perkara dalam persoalan tidak dapat dimulakan melalui writ.

(4) Apa-apa sebutan dalam Kaedah-Kaedah ini dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ hendaklah, melainkan jika konteksnya menghendaki selainnya, ditafsirkan sebagai termasuk suatu sebutan kepada suatu kausa atau perkara prosiding yang diperintahkan di bawah kaedah ini untuk diteruskan seolah-olah kausa atau perkara itu telah dimulakan sedemikian.

Perintah bagi pendengaran atau perbicaraan (A. 28, k. 9)

9. (1) Kecuali jika Mahkamah menyelesaikan suatu kausa atau perkara yang dimulakan melalui saman pemula atau memerintahkannya supaya dipindahkan ke suatu Mahkamah Rendah atau membuat suatu perintah berhubung dengannya di bawah kaedah 8 atau peruntukan lain di bawah Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah hendaklah, setelah berpuas hati bahawa kausa atau perkara itu sedia untuk penentuan, membuat suatu perintah bagi pendengaran atau perbicaraannya mengikut kaedah ini.

Kegagalan menjalankan prosiding dengan segera (A. 28, k. 10)

10. (1) Sekiranya plaintif dalam suatu kausa atau perkara yang dimulakan melalui saman pemula membuat keingkaran dalam mematuhi mana-mana perintah atau arahan Mahkamah tentang perjalanan prosiding itu, atau sekiranya Mahkamah berpuas hati bahawa plaintif dalam suatu kausa atau perkara yang dimulakan sedemikian tidak menjalankan prosiding itu dengan penyegeraan yang wajar, Mahkamah boleh memerintahkan kausa atau perkara itu ditolak atau boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang adil.

(2) Perenggan (1) hendaklah terpakai, dengan apa-apa ubah suaian yang perlu, berhubung dengan seorang defendan yang membuat tuntutan balas di bawah kaedah 7 sebagaimana ia terpakai berhubung dengan seorang plaintif.

(3) Jika, oleh sebab suatu perintah yang dibuat di bawah kaedah 8, prosiding dalam suatu kausa atau perkara yang dimulakan melalui saman pemula adalah diteruskan seolah-olah kausa atau perkara itu telah dimulakan melalui writ, perenggan (1) dan (2) tidaklah terpakai berhubung dengan kausa atau perkara itu selepas membuat perintah.

Pengguguran tindakan (A. 28, k. 11)

11. Aturan 34, kaedah 12, hendaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan yang dimulakan melalui saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu tindakan yang dimulakan melalui writ.

ATURAN 29

INJUNKSI INTERLOKUTORI, PEMELIHARAAN HARTA INTERIM

Permohonan untuk injunksi (A. 29, k. 1)

1. (1) Suatu permohonan untuk diberikan injunksi boleh dibuat oleh mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara sebelum atau selepas perbicaraan kausa atau perkara itu, sama ada atau tidak suatu tuntutan untuk mendapatkan injunksi telah dimasukkan dalam proses pemula pihak itu, tuntutan balas atau notis pihak ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Permohonan itu boleh dibuat melalui suatu notis permohonan yang disokong dengan suatu affidavit dan jika satu kes itu terdesak, boleh dibuat secara *ex parte*.

(2A) Affidavit sokongan suatu permohonan yang dibuat secara *ex parte* mestilah mengandungi suatu pernyataan yang jelas dan ringkas dan padat mengenai—

- (a) fakta yang membangkitkan tuntutan itu;
- (b) fakta yang membangkitkan permohonan injunksi interim;
- (c) fakta yang disandarkan untuk memberi justifikasi permohonan secara *ex parte*, termasuk butir-butir apa-apa notis yang diberikan kepada pihak yang satu lagi atau, sekiranya notis telah diberikan, sebab untuk tidak memberikan notis;
- (d) apa-apa jawapan oleh pihak yang satu lagi (atau yang mungkin ditegaskannya) kepada tuntutan atau permohonan itu;
- (e) apa-apa fakta yang boleh membawa Mahkamah untuk tidak memberikan permohonan secara *ex parte* atau tidak langsung;

- (f) apa-apa permohonan yang serupa yang dibuat kepada Hakim yang lain, dan perintah itu dibuat ke atas permohonan itu; dan
- (g) relief yang tepat diminta.

(2B) Melainkan jika dibatalkan atau diketepikan terdahulu, injunksi interim yang diperoleh ke atas permohonan secara *ex parte* hendaklah luput secara automatik dua puluh satu hari dari tarikh injunksi interim itu diberikan.

(2BA) Suatu injunksi interim secara *ex parte* mestilah disampaikan dalam tujuh hari dari tarikh perintah itu, dan Mahkamah apabila memberikan perintah itu mestilah menetapkan tarikh untuk mendengar permohonan itu secara *inter partes* dalam empat belas hari dari tarikh perintah itu.

(2C) Mahkamah tidak boleh memberikan injunksi ke atas permohonan secara *ex parte* sekiranya kesannya adalah untuk memberhentikan pengadaaan atau perkembangan mesyuarat suatu pertubuhan perbadanan, pertubuhan, persatuan, kesatuan, organisasi, kelab atau mana-mana kumpulan orang lain bagaimana sekalipun ditubuhkan atau dinamakan.

(3) Plaintiff tidak boleh membuat permohonan yang sedemikian sebelum pengeluaran proses pemula kecuali jika kes itu terdesak, dan dalam hal yang sedemikian—

- (a) injunksi yang dipohon itu boleh diberikan atas terma sedemikian, sekiranya ada, sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut; dan
- (b) sekiranya proses pemula tidak dikeluarkan dalam dua hari dari pemberian injunksi itu, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana Mahkamah fikirkan patut, Mahkamah hendaklah, atas permohonan oleh defendan, melepaskan injunksi itu.

(4) Suatu perintah untuk injunksi interim hendaklah dalam Borang 53.

Penahanan, pemeliharaan hal perkara kausa atau perkara (A. 29, k. 2)

2. (1) Atas permohonan mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh membuat perintah bagi penahanan, penjagaan atau pemeliharaan mana-mana harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu, atau mengenainya apa-apa persoalan mungkin berbangkit di dalamnya, atau bagi pemeriksaan mana-mana harta tersebut dalam milik pihak kepada kausa atau perkara itu.

(2) Bagi maksud membolehkan apa-apa perintah di bawah perenggan (1) dilaksanakan, Mahkamah boleh melalui perintah memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Jika hak mana-mana pihak ke atas suatu kumpulan wang tertentu adalah dipertikaikan dalam suatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh, atas permohonan suatu pihak dalam kausa atau perkara itu, memerintahkan supaya kumpulan wang dibayar ke dalam Mahkamah atau selainnya dijamin.

(4) Suatu perintah di bawah kaedah ini boleh dibuat atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana Mahkamah fikirkan adil.

(5) Suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan.

(6) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu permohonan oleh seorang defendan untuk mendapatkan suatu perintah yang sedemikian tidak boleh dibuat sebelum dia memasukkan suatu kehadiran.

Kuasa untuk memerintahkan sampel diambil (A. 29, k. 3)

3. (1) Jika Mahkamah menimbangkan bahawa perlu atau suai manfaat bagi maksud memperoleh maklumat atau keterangan penuh dalam mana-mana kausa atau perkara, Mahkamah boleh, atas permohonan suatu pihak kepada kausa atau perkara itu, dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya adil, melalui perintah memberi kuasa atau menghendaki—

- (a) apa-apa sampel diambil mengenai apa-apa harta yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu atau yang mengenainya apa-apa persoalan mungkin berbangkit di dalamnya;
- (b) apa-apa pemerhatian yang dibuat ke atas harta itu; atau
- (c) apa-apa ujikaji yang hendak dicuba ke atas atau dengan harta itu.

(2) Bagi maksud membolehkan mana-mana perintah di bawah perenggan (1) dilaksanakan, Mahkamah boleh melalui perintah itu memberi kuasa kepada mana-mana orang untuk memasuki mana-mana harta tak alih dalam milikan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(3) Kaedah 2(5) dan (6) hendaklah terpakai berhubung dengan permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah itu.

Penjualan harta mudah musnah (A. 29, k. 4)

4. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak dalam kausa atau perkara, membuat suatu perintah bagi penjualan oleh mana-mana orang, dalam apa-apa cara dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu mengenai mana-mana harta alih yang menjadi hal perkara kausa atau perkara itu atau yang tentangnya apa-apa persoalan berbangkit di dalamnya dan ia adalah jenis yang mudah musnah atau berkemungkinan rosak sekiranya disimpan atau yang kerana apa-apa sebab baik yang lain adalah wajar dijualkan dengan serta-merta.

(2) Kaedah 2(5) dan (6) hendaklah terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah itu.

Perintah bagi perbicaraan awal (A. 29, k. 5)

5. Jika, pada pendengaran permohonan yang dibuat sebelum perbicaraan suatu kausa atau perkara, untuk suatu injunksi atau pelantikan penerima atau suatu perintah di bawah kaedah 2, 3 atau 4, ternyata kepada Mahkamah bahawa perkara yang dipertikaikan boleh diuruskan dengan lebih baik lagi dengan cara perbicaraan awal daripada menimbang keseluruhan merit permohonan itu bagi maksud permohonan itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah yang sewajarnya dan boleh juga membuat perintah demikian berkenaan dengan tempoh sebelum perbicaraan sebagaimana yang keadilan kes itu kehendaki.

Mendapatkan kembali harta alih yang tertakluk kepada lien (A. 29, k. 6)

6. Jika plaintif, atau defendan melalui tuntutan balas, menuntut mendapatkan kembali harta alih yang spesifik dan pihak yang daripadanya harta alih yang spesifik itu didapatkan kembali tidak mempertikaikan hakmilik pihak yang membuat tuntutan itu tetapi menuntut untuk berhak memegang simpan harta itu menurut kuasa suatu lien atau selainnya sebagai jaminan bagi apa-apa jumlah wang, Mahkamah, pada bila-bila masa selepas tuntutan sebagai berhak sedemikian ternyata daripada pliding itu, sekiranya ada, atau melalui affidavit atau selainnya hingga memuaskan hatinya, boleh memerintahkan—

- (a) bahawa pihak yang meminta untuk mendapatkan kembali harta itu bebas daripada membayar ke dalam Mahkamah, sebagai mematuhi peristiwa tindakan itu, amaun wang yang berkenaan dengannya jaminan dituntut dan apa-apa jumlah wang selanjutnya, sekiranya ada, untuk bunga dan kos sebagaimana Mahkamah boleh mengarahkan; dan
- (b) bahawa setelah pembayaran tersebut dibuat, harta yang dituntut itu diserahkan kepada pihak yang menuntutnya, tetapi tertakluk kepada peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953.

Arahan (A. 29, k. 7)

7. Jika suatu permohonan dibuat di bawah mana-mana peruntukan Aturan ini, Mahkamah boleh memberikan arahan tentang prosiding lanjut dalam kausa atau perkara itu.

Pendapatan harta menunggu perbicaraan (A. 29, k. 8)

8. Jika mana-mana harta alih atau tak alih menjadi hal perkara bagi apa-apa prosiding, dan Mahkamah berpuas hati bahawa lebih dari mencukupi untuk menjawab semua tuntutan ke atasnya yang peruntukan baginya patut dibuat dalam prosiding itu, Mahkamah boleh pada bila-bila masa membenarkan keseluruhan atau sebahagian pendapatan daripada harta itu untuk dibayar, semasa apa-apa tempoh sebagaimana yang diarahkan olehnya, kepada mana-mana atau semua pihak yang mempunyai kepentingan di dalamnya atau boleh mengarahkan bahawa mana-mana bahagian harta alih itu dipindahmilikkan atau diserahkan kepada mana-mana atau semua pihak.

ATURAN 30

PENERIMA

Permohonan bagi penerima dan injunksi (A. 30, k. 1)

1. (1) Suatu permohonan bagi pelantikan seorang penerima boleh dibuat melalui notis permohonan.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan injunksi yang bersampingan atau berdampingan dengan suatu perintah melantik seorang penerima boleh dicantumkan dengan permohonan bagi perintah sedemikian.

(3) Jika pemohon berniat untuk memohon supaya diberikan injunksi sedemikian dengan serta-merta, dia bolehlah berbuat demikian secara *ex parte* melalui suatu notis permohonan yang disokong dengan affidavit.

(4) Mahkamah yang mendengar suatu permohonan di bawah perenggan (3) boleh memberikan injunksi, yang menyekat pihak yang berhak secara benefisial kepada apa-apa kepentingan dalam harta itu yang mengenainya seorang penerima diminta,

daripada menyerahkan, menggadaikan atau selainnya memperlakukan harta tersebut sehingga selepas pendengaran suatu notis permohonan bagi pelantikan penerima itu dan boleh menghendaki notis permohonan yang sedemikian, yang boleh dikembalikan pada suatu tarikh sebagaimana Mahkamah boleh mengarahkan, supaya dikeluarkan.

Pemberian jaminan oleh penerima (A. 30, k. 2)

2. (1) Jika suatu penghakiman diberikan, atau perintah dibuat, yang mengarahkan pelantikan seorang penerima, maka, melainkan jika penghakiman atau perintah itu mengarahkan selainnya, seseorang tidaklah boleh dilantik sebagai penerima mengikut penghakiman atau perintah itu sehingga dia telah memberi jaminan mengikut kaedah ini.

(2) Jika mengikut perenggan (1), atau mana-mana penghakiman atau perintah yang melantik seorang yang dinamakan di dalamnya menjadi penerima, seseorang dikehendaki memberikan jaminan mengikut kaedah ini, dia hendaklah memberikan jaminan yang diluluskan oleh Mahkamah untuk memberi akaun dengan wajar tentang apa yang diterima olehnya sebagai penerima dan memperlakukannya sebagaimana yang Mahkamah arahkan.

(3) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, jaminan itu hendaklah melalui gerenti atau, sekiranya amaun jaminan yang hendak diberikan itu tidak melebihi sepuluh ribu ringgit, melalui suatu aku janji dalam Borang 54.

(4) Gerenti atau aku janji itu hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

Saraan penerima (A. 30, k. 3)

3. Seseorang yang dilantik sebagai penerima hendaklah dibenarkan apa-apa saraan sepatutnya, sekiranya ada, sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Akaun penerima (A. 30, k. 4)

4. (1) Seorang penerima hendaklah mengemukakan akaun kepada Mahkamah pada lat-lat tempoh atau pada tarikh sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah supaya akaun itu dapat diluluskan.

(2) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, setiap akaun yang dikemukakan oleh seorang penerima hendaklah disertakan dengan suatu affidavit yang menentukannya dalam Borang 55.

(3) Akaun penerima dan affidavit, sekiranya ada, hendaklah ditinggalkan di Pejabat Pendaftaran, dan plaintif atau pihak yang mengelolakan kausa atau perkara itu hendaklah sesudah itu mendapatkan suatu janji temu bagi maksud meluluskan akaun tersebut.

(4) Kelulusan akaun penerima hendaklah diperakukan oleh Pendaftar.

Bayaran baki oleh penerima (A. 30, k. 5)

5. Hari yang seorang penerima hendaklah membayar ke dalam Mahkamah amaun yang ditunjukkan mengikut akaunnya sebagai yang kena dibayar daripadanya, atau apa-apa bahagian daripadanya yang diperakui oleh Mahkamah sebagai patut dibayar ke dalam Mahkamah olehnya, hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah.

Keingkaran oleh penerima (A. 30, k. 6)

6. (1) Jika seorang penerima gagal hadir semasa kelulusan mana-mana akaunnya, atau gagal mengemukakan apa-apa akaun, membuat apa-apa affidavit atau melakukan apa-apa perkara lain yang dia dikehendaki kemukakan, membuat atau melakukan, dia dan mana-mana atau semua pihak dalam kausa atau perkara yang baginya dia telah dilantik boleh dikehendaki hadir dalam Kamar untuk menunjukkan sebab bagi kegagalan itu, dan Mahkamah boleh, sama ada dalam Kamar atau selepas ditangguhkan untuk dibawa ke dalam Mahkamah, memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut termasuk, sekiranya perlu, arahan bagi melepaskan penerima dan pelantikan seorang penerima yang lain dan pembayaran kos.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), jika seorang penerima gagal untuk hadir semasa kelulusan mana-mana akaunnya atau gagal mengemukakan mana-mana akaun atau gagal membayar ke dalam Mahkamah pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah apa-apa jumlah wang yang ditunjukkan mengikut akaunnya sebagai yang kena dibayar daripadanya, Mahkamah boleh enggan membenarkan apa-apa saraan

yang dituntut oleh penerima dalam mana-mana akaun berikutnya dan boleh, jika dia telah gagal membayar mana-mana jumlah wang sedemikian ke dalam Mahkamah, mengenakan bunga pada kadar sedemikian sebagaimana yang Ketua Hakim Negara boleh dari semasa ke semasa mengarahkan atas jumlah wang itu semasa jumlah wang tersebut berada dalam milikannya sebagai penerima.

ATURAN 31

JUALAN HARTA TAK ALIH ATAS PERINTAH MAHKAMAH

Kuasa untuk memerintahkan jualan harta tak alih (A. 31, k. 1)

1. Jika dalam apa-apa kausa atau perkara yang berhubungan dengan apa-apa harta tak alih yang ternyata perlu atau suai manfaat bagi maksud kausa atau perkara harta atau mana-mana bahagiannya yang patut dijual, Mahkamah boleh memerintahkan bahawa harta atau sebahagian daripadanya dijual, dan mana-mana pihak yang terikat dengan perintah itu dan harta atau bahagian itu dalam milikannya, atau dalam menerima sewa dan faedahnya, boleh dipaksa untuk menyerahkan milikan itu atau penerimaan kepada pembeli atau mana-mana orang lain sebagaimana yang Mahkamah arahkan.

Cara menjalankan jualan (A. 31, k. 2)

2. (1) Jika suatu perintah dibuat, sama ada dalam Mahkamah atau dalam Kamar, mengarahkan mana-mana harta tak alih dijual, Mahkamah boleh membenarkan pihak atau orang yang menguruskan penjualan itu supaya menjual harta itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dia fikirkan patut, atau boleh mengarahkan bahawa harta itu dijual dalam apa-apa cara sebagaimana yang Mahkamah boleh sama ada melalui perintah atau arahan kemudiannya bagi harga terbaik yang boleh didapatkan, dan semua pihak yang patut hendaklah menyertai dalam penjualan dan pemindahhakan sebagaimana yang Mahkamah arahkan.

(2) *(Tiada perenggan 2)*

(3) *(Tiada perenggan 3)*

(4) Mahkamah boleh memberikan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut bagi maksud melaksanakan jualan itu, termasuk tanpa menjejaskan keluasan perkataan yang tersebut di atas, arahan—

- (a) melantik pihak atau orang yang akan menguruskan penjualan itu;
- (b) menetapkan cara jualan, sama ada dengan kontrak yang bersyaratkan kelulusan Mahkamah, triti persendirian, lelong awam, tender atau dengan cara lain;
- (c) menetapkan harga rizab atau harga minimum;
- (d) menghendaki pembayaran wang belian ke dalam Mahkamah atau kepada pemegang amanah atau orang lain;
- (e) bagi menyelesaikan butir-butir dan syarat jualan;
- (f) bagi mendapatkan keterangan tentang nilai harta;
- (g) menetapkan jaminan, sekiranya ada, yang akan diberikan oleh pelelong, sekiranya jualan itu hendak dijalankan secara lelong awam, dan saraan yang akan dibenarkan kepadanya; dan
- (h) menghendaki hakmilik yang dirujuk kepada peguam untuk pendapatnya mengenai hakmilik itu dan menyelesaikan butir-butir dan syarat jualan.

Memperakui keputusan jualan (A. 31, k. 3)

3. (1) Sekiranya Mahkamah telah mengarahkan pembayaran wang belian ke dalam Mahkamah atau Mahkamah mengarahkan sedemikian, keputusan suatu jualan atas perintah Mahkamah hendaklah diperakukan dalam Borang 56—

- (a) dalam hal suatu jualan secara lelong awam, oleh pelelong yang mengelolakan jualan itu; dan
- (b) dalam apa-apa hal lain, oleh peguam atau pihak atau orang yang mengelolakan jualan itu,

dan Mahkamah boleh menghendaki perakuan itu ditentusahkan dengan affidavit oleh pelelong atau peguam, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Peguam bagi pihak, atau orang yang mengelolakan jualan itu hendaklah memfailkan perakuan dan affidavit, sekiranya ada, di Pejabat Pendaftaran.

Penggadaian, pertukaran atau pecah milik di bawah perintah Mahkamah (A. 31, k. 4)

4. Kaedah 2 dan 3 hendaklah, setakat yang boleh dipakai dan dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan penyerahhakan, penggadaian, pertukaran atau pecah milik mana-mana harta tak alih di bawah suatu perintah Mahkamah sebagaimana ia terpakai berhubung dengan jualan mana-mana harta tak alih di bawah suatu perintah itu.

Rujukan perkara kepada peguam (A. 31, k. 5)

5. Mahkamah boleh merujuk kepada peguam—

- (a) apa-apa perkara yang berhubungan dengan penyiasatan hakmilik ke atas mana-mana harta dengan maksud untuk membuat pelaburan wang dalam pembelian itu atau atas penyerahhakan atau penggadaianya, atau dengan maksud menjualkannya;
- (b) apa-apa perkara yang berhubungan dengan penyelesaian suatu draf pindah hakmilik, pemindahhakan, penyerahhakan, penggadaian, penyelesaian atau surat cara lain; dan
- (c) apa-apa perkara lain yang difikirkannya patut,

dan boleh bertindak mengikut pendapatnya mengenai perkara yang dirujukannya itu.

Bantahan kepada pendapat peguam (A. 31, k. 6)

6. Mana-mana pihak boleh membantah pendapat yang diberikan oleh peguam atas suatu rujukan di bawah kaedah 5, dan sekiranya dia berbuat demikian perkara yang dipertikaikan hendaklah ditentukan oleh Hakim sama ada dalam Kamar atau dalam Mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut.

ATURAN 32

PERMOHONAN DAN PROSIDING DALAM KAMAR

Cara membuat permohonan (A. 32, k. 1)

1. Tiap-tiap permohonan dalam Kamar hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam Borang 57.

Pengeluaran notis permohonan (A. 32, k. 2)

2. (1) Pengeluaran suatu notis permohonan yang baginya suatu permohonan dalam Kamar hendak dibuat adalah terlaksana apabila ia dimeteraikan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran.

(2) Suatu notis permohonan tidak boleh dipinda selepas dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah.

Penyampaian notis permohonan (A. 32, k. 3)

3. Suatu notis permohonan yang hanya meminta pelanjutan atau penyingkatan apa-apa tempoh masa boleh disampaikan pada hari sebelum hari yang dinyatakan dalam notis permohonan bagi pendengarannya itu tetapi, kecuali sebagaimana yang disebut terdahulu dan melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya atau mana-mana kaedah memperuntukkan selainnya, suatu notis permohonan hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap pihak lain tidak kurang dari dua hari genap sebelum hari yang dinyatakan itu.

Penangguhan pendengaran (A. 32, k. 4)

4. (1) Pendengaran suatu notis permohonan boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa, sama ada kepada suatu tarikh secara umum atau tarikh tertentu, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Sekiranya pendengaran itu ditangguhkan secara umum, pihak yang mengambil notis permohonan itu boleh memasukkannya semula ke dalam senarai dengan memberi notis dua hari genap kepada semua pihak lain yang telah disampaikan kepadanya notis permohonan itu.

Prosiding ketidakhadiran pihak yang gagal untuk hadir (A. 32, k. 5)

5. (1) Jika mana-mana pihak dalam suatu notis permohonan gagal untuk hadir di pendengaran yang pertama atau mana-mana pendengaran sambungannya, Mahkamah boleh meneruskan pendengaran dalam ketidakhadirannya sekiranya, dengan memberi perhatian berat kepada sifat permohonan itu, difikirkannya suai manfaat untuk berbuat demikian.

(2) Sebelum meneruskan dalam ketidakhadiran mana-mana pihak, Mahkamah boleh menghendaki supaya dipuaskan hati bahawa notis permohonan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, notis tentang masa yang ditetapkan bagi pendengaran sambungan telah disampaikan dengan sepenuhnya kepada pihak itu.

(3) Jika Mahkamah yang mendengar suatu permohonan meneruskan dalam ketidakkehadiran suatu pihak, maka, sama ada atau tidak suatu perintah yang dibuat pada pendengaran itu telah disempurnakan, Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa adalah adil berbuat demikian, boleh mendengar semula permohonan itu.

(4) Jika suatu notis permohonan telah ditolak tanpa diadakan pendengaran oleh sebab kegagalan pihak yang mengambil notis permohonan itu untuk hadir dalam pendengaran itu, Mahkamah, sekiranya berpuas hati bahawa adalah adil untuk berbuat demikian, boleh membenarkan notis permohonan itu dimasukkan semula ke dalam senarai.

Perintah yang dibuat secara *ex parte* boleh diketepikan (A 32, k. 6)

6. Mahkamah boleh mengetepikan suatu perintah yang dibuat secara *ex parte*.

Sapina lagi kehadiran saksi (A. 32, k. 7)

7. *(Tiada kaedah 7)*

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran memulakan prosiding tertentu (A. 32, k. 8)

8. *(Tiada kaedah 8)*

Bidang kuasa Pendaftar (A. 32, k. 9)

9. Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk melaksanakan segala apa jua urusan dan menjalankan semua kuasa dan bidang kuasa sedemikian sebagaimana yang dilaksanakan dan dijalankan di bawah Akta atau Kaedah-Kaedah ini oleh seorang Hakim dalam Kamar kecuali apa-apa urusan, kuasa dan bidang kuasa sebagaimana Hakim Besar boleh dari semasa ke semasa mengarahkan untuk dilaksanakan atau dijalankan oleh seorang Hakim secara sendiri atau sebagaimana yang diarahkan dengan nyatanya oleh mana-mana Kaedah-Kaedah ini supaya dilaksanakan atau dijalankan oleh seorang Hakim secara sendiri.

Rujukan perkara kepada Hakim (A. 32, k. 10)

10. Pendaftar boleh merujuk kepada Hakim apa-apa perkara yang difikirkannya patut dengan sewajarnya diputuskan oleh seorang Hakim, dan Hakim itu boleh sama ada menyelesaikan perkara itu atau merujuk semula kepada Pendaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan apa-apa arahan sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kuasa untuk mengarahkan pendengaran dalam Mahkamah (A. 32, k. 11)

11. (1) Suatu notis permohonan atau rayuan hendaklah didengar dalam Kamar, tertakluk kepada apa-apa peruntukan yang nyata Kaedah-Kaedah ini, mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa arahan Mahkamah atau apa-apa arahan amalan yang terpakai yang dikeluarkan oleh Hakim Besar.

- (2) Apa-apa perkara yang didengar dalam Mahkamah mengikut perenggan (1) boleh ditangguhkan dari Mahkamah ke dalam Kamar.

Mendapatkan bantuan pengapit atau pakar (A. 32, k. 12)

12. Sekiranya Mahkamah fikirkan suai manfaat bagi membolehkannya menentukan dengan lebih baik apa-apa perkara yang berbangkit dalam prosiding dalam Kamar, ia boleh mendapatkan bantuan seorang pengapit atau pakar menurut Aturan 33 atau Aturan 40, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Penyampaian atau penggunaan afidavit (A. 32, k. 13)

13. (1) Mana-mana pihak—

- (a) yang memfailkan afidavit yang diniatkan untuk digunakan olehnya dalam mana-mana prosiding dalam Kamar; atau
- (b) yang berniat untuk menggunakan dalam mana-mana prosiding yang sedemikian mana-mana afidavit yang difailkan olehnya dalam prosiding yang terdahulu,

hendaklah menyampaikan afidavit kepada tiap-tiap pihak lain atau memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat demikian dalam Borang 58, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Kecuali diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-Kaedah ini, atau melainkan jika selainnya diarahkan oleh Mahkamah—

- (a) suatu afidavit yang diniatkan untuk digunakan sebagai menyokong suatu permohonan hendaklah difailkan dan disampaikan kepada pihak yang satu lagi dalam empat belas hari dari tarikh pemfailan permohonan itu;
- (b) suatu pihak yang berniat untuk menjawab afidavit yang diniatkan untuk digunakan sebagai menyokong suatu permohonan

hendaklah memfailkan afidavitnya dan menyampaikannya kepada pihak yang satu lagi dalam empat belas hari dari tarikh permohonan dimeterai dan afidavit sokongan bagi permohonan itu disampaikan kepadanya mengikut yang mana-mana terkemudian;

(c) suatu pihak yang berniat untuk menjawab afidavit yang disampaikan kepadanya hendaklah memfailkan afidavitnya dan menyampaikannya kepada pihak yang satu lagi dalam empat belas hari dari tarikh afidavit yang dia berniat untuk menjawab disampaikan kepadanya; dan

(d) sekiranya suatu afidavit atau suatu ekshibit dideposkan atau disahkan oleh seorang deponen yang berada di luar Malaysia, masa yang ditetapkan oleh kaedah ini bagi suatu pihak untuk memfailkan dan menyampaikan suatu jawapan bagi suatu afidavit hendaklah dua puluh satu hari.

Penyelesaian perkara dalam Kamar (A. 32, k. 14)

14. Hakim boleh melalui apa-apa penghakiman atau perintah yang dibuat dalam Mahkamah dalam mana-mana prosiding mengarahkan bahawa perkara itu, sekiranya ada, dalam prosiding yang dinyatakannya hendaklah diselesaikan dalam Kamar.

Kertas untuk kegunaan Mahkamah (A. 32, k. 15)

15. Hakim boleh melalui perintah mengarahkan salinan asal bagi mana-mana dokumen yang hendak digunakan sebagai keterangan dalam prosiding dalam Kamar hendaklah, sekiranya ia boleh didapati, dibawa ke dalam, dan salinan bagi mana-mana dokumen sedemikian atau mana-mana bahagiannya hendaklah dibekalkan bagi kegunaan Mahkamah atau diberikan kepada pihak yang satu lagi dalam prosiding itu.

Permohonan dalam Kamar yang tidak dicabar (A. 32, k. 16)

16. Jika seorang Hakim berpuas hati bahawa semua pihak dalam suatu permohonan dalam Kamar telah disampaikan dan telah bersetuju dengan permohonan itu, dia boleh

dalam ketidakhadiran pihak-pihak itu atau peguam mereka memerintahkan pemberian permohonan itu dengan membuat minit pada fail dan Mahkamah hendaklah memberitahu pemohon atau peguamnya secara bertulis akan perintah itu.

Permohonan di bawah Ordinan Estet Terselesai

Permohonan bagi jualan atau pajakan estet terselesai (A. 32, k. 17)

17. (1) Suatu permohonan di bawah Ordinan Estet Terselesai (*N.S. Bab 52*), bagi suatu pajakan atau jualan estet terselesai atau mana-mana bahagiannya boleh dibuat melalui saman pemula, mengandungi suatu perihalan terperinci tentang harta yang hendak diuruskan, dan hendaklah berhak dalam perkara penyelesaian itu. Tajuk sedemikian hendaklah mengandungi nama penyelesaian dan suatu perihalan tentang surat cara yang mewujudkan penyelesaian itu.

(2) Permohonan hendaklah disokong dengan affidavit yang menerangkan antara lain nama dan alamat semua orang yang berkepentingan dalam harta terselesai itu.

Persetujuan secara bertulis (A. 32, k. 18)

18. Mana-mana orang yang berkepentingan dalam permohonan itu boleh menyatakan persetujuannya kepada permohonan itu secara bertulis, yang diakusaksikan sama ada oleh seorang peguam atau oleh Pendaftar. Persetujuan secara bertulis sedemikian bolehlah diendorskan pada notis permohonan itu, atau, sekiranya tidak diendorskan sedemikian, bolehlah difailkan.

Arahan untuk penyampaian (A. 32, k. 19)

19. (1) Mahkamah atau seorang Hakim boleh mengarahkan bahawa notis bagi mana-mana permohonan disampaikan kepada mana-mana orang yang belum lagi disampaikan, atau bahawa notis bagi permohonan itu hendaklah dimasukkan dalam surat khabar.

(2) Jika suatu notis diperintahkan supaya dimasukkan dalam surat khabar, mana-mana orang boleh, dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu membuat suatu

permohonan, sama ada secara *ex parte*, atau melalui notis kepada pemohon, untuk mendapatkan kebenaran untuk didengar dalam menentang atau menyokong permohonan itu.

(3) Sekiranya permohonan dibuat secara *ex parte*, dan Mahkamah atau Hakim memberikan kebenaran sedemikian, ia hendaklah tertakluk kepada apa-apa perintah tentang kos sebagaimana yang Mahkamah atau Hakim fikirkan patut.

(4) Apa-apa perintah yang dibuat secara *ex parte* yang memberikan kebenaran sedemikian hendaklah disampaikan kepada pemohon itu atau peguamnya.

Kandungan perintah (A. 32, k. 20)

20. Tiap-tiap perintah di bawah Bahagian ini dalam Aturan ini hendaklah menyatakan, sebagai tambahan kepada nama pihak-pihak yang membuat permohonan itu—

- (a) nama-nama orang, selain pemohon itu, yang bersetuju atau mengizinkan, atau yang kepadanya notis mengenai permohonan itu telah diberikan, atau yang di bawah kaedah 19 telah mendapat kebenaran untuk didengar dalam penentangan atau menyokong permohonan itu;
- (b) sama ada apa-apa pemberitahuan telah diterima daripada orang yang kepadanya notis telah diberikan, dan, sekiranya apa-apa pemberitahuan telah diterima, yang berupa sebagainya, dan juga nama-nama orang, sekiranya ada, yang notis kepadanya tidak diperlukan; dan
- (c) sama ada perintah itu dibuat tertakluk kepada apa-apa dan apa hak, estet atau kepentingan mana-mana orang, yang persetujuan atau keizinannya telah ditolak, atau yang disifatkan atau tidak disifatkan telah mengemukakan hak atau kepentingannya untuk diuruskan oleh Mahkamah atau Hakim, atau yang hak atau kepentingannya patut pada pendapat Mahkamah atau Hakim dikecualikan.

Perintah pajakan (A. 32, k. 21)

21. Dalam hal ini jika Mahkamah atau Hakim membenarkan suatu pajakan, perintah itu hendaklah mengarahkan bahawa pajakan itu hendaklah mengandungi apa-apa syarat sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 5 Ordinan Estet Terselesai, dan apa-apa waad, syarat dan stipulasi lain sebagaimana yang Mahkamah atau Hakim menyifatkannya suai manfaat dengan merujuk kepada hal keadaan khas, atau boleh mengarahkan yang sama perintah itu mengandungi waad, syarat dan stipulasi sebagaimana yang diluluskan oleh Pendaftar, tanpa mengarahkan pajakan itu diselesaikan oleh Hakim.

Amalan sedia ada terpakai (A. 32, k. 22)

22. Dalam semua hal yang tidak diperuntukkan oleh Ordinan Estet Terselesai atau Kaedah-Kaedah ini, borang dan cara prosedur dan amalan Mahkamah yang sedia ada bagi prosiding yang serupa, hendaklah terpakai bagi prosiding di bawah Ordinan itu.

ATURAN 33

CARA PERBICARAAN

Cara perbicaraan (A. 33, k. 1)

1. Tertakluk kepada peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini, suatu kausa atau perkara, atau apa-apa persoalan atau isu yang berbangkit daripadanya, boleh dibicarakan di hadapan seorang Hakim atau Pendaftar, dengan atau tanpa bantuan pengapit.

Masa perbicaraan tentang persoalan atau isu (A. 33, k. 2)

2. Mahkamah boleh memerintahkan apa-apa persoalan atau isu yang berbangkit dalam suatu kausa atau perkara, sama ada mengenai fakta atau undang-undang atau sebahagiannya mengenai fakta dan sebahagiannya mengenai undang-undang, dan sama ada yang berbangkit melalui pliding atau selainnya, untuk dibicarakan sebelum, semasa, atau selepas perbicaraan kausa atau perkara itu, dan boleh memberikan arahan tentang cara yang persoalan atau isu itu hendaklah dinyatakan.

Menentukan cara perbicaraan (A. 33, k. 3)

3. (1) Dalam tiap-tiap tindakan yang dimulakan melalui writ, suatu perintah yang dibuat pada pengurusan kes sebelum bicara hendaklah menentukan cara perbicaraan; dan mana-mana perintah sedemikian boleh diubah melalui suatu perintah Mahkamah yang kemudiannya dibuat pada masa atau sebelum perbicaraan itu.

(2) Dalam mana-mana tindakan sedemikian, persoalan atau isu yang berlainan boleh diperintahkan supaya dibicarakan dengan cara perbicaraan yang berlainan dan satu atau lebih persoalan atau isu boleh diperintahkan supaya dibicarakan sebelum yang lainnya itu.

Perbicaraan dengan bantuan pengapit (A. 33, k. 4)

4. (1) Perbicaraan suatu kausa atau perkara dengan bantuan pengapit hendaklah dijalankan mengikut apa-apa cara dan atas apa-apa terma sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan.

(2) Pengapit hendaklah membantu Mahkamah mengendalikan suatu perkara yang mengenainya pengapit itu mempunyai kemahiran dan pengalaman.

(3) Seorang pengapit hendaklah mengambil bahagian dalam prosiding itu sebagaimana yang Mahkamah boleh diarahkan.

(4) Mahkamah akan, tidak kurang dari empat belas hari sebelum melantik seorang pengapit, memberitahu setiap pihak secara bertulis nama pengapit yang dicadangkan dan kelayakan pengapit itu.

(5) Jika mana-mana orang telah dicadangkan bagi pelantikan sebagai pengapit, apa-apa bantahan terhadapnya, sama ada mengenai dirinya sendiri atau berkenaan dengan kelayakannya, bolehlah diambil oleh mana-mana pihak.

(6) Apa-apa bantahan sedemikian hendaklah dibuat secara bertulis dan difailkan dalam Mahkamah dalam tujuh hari selepas penerimaan pemberitahuan yang

disebut dalam perenggan (4) dan hendaklah diambil kira oleh Mahkamah dalam memutuskan sama ada atau tidak untuk membuat pelantikan itu.

(7) Saraan yang kena dibayar kepada pengapit bagi perkhidmatannya hendaklah ditentukan oleh Mahkamah, dan hendaklah menjadi sebahagian daripada kos prosiding.

(8) Mahkamah boleh mengarahkan mana-mana pihak untuk menandatangani jumlah wang yang dinyatakan kepada Mahkamah berkenaan dengan fi pengapit dan, jika dibuat sedemikian, pengapit itu tidak akan diminta untuk bertindak sehingga jumlah wang itu telah didepositkan.

(9) Perenggan (7) dan (8) tidaklah terpakai jika saraan pengapit itu dibayar daripada wang yang diperuntukkan oleh Parlimen.

Penolakan tindakan selepas keputusan isu permulaan (A. 33, k. 5)

5. Sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa keputusan mengenai apa-apa persoalan atau isu yang berbangkit dalam suatu kausa atau perkara dan dibicarakan secara berasingan daripada kausa atau perkara itu menyelesaikan sebahagian besar kausa atau perkara atau menjadikan perbicaraan kausa atau perkara itu tidak perlu, ia boleh menolak kausa atau perkara itu atau membuat apa-apa perintah lain atau memberi apa-apa penghakiman mengenainya sebagaimana yang adil.

ATURAN 34

PENGURUSAN KES SEBELUM BICARA

Perintah dan arahan bagi penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan ekonomi (A. 34, k. 1)

1. (1) Walau apapun apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas permulaan prosiding, melalui usulnya sendiri, memerintahkan mana-mana pihak atau pihak-pihak kepada prosiding itu untuk hadir di hadapan Mahkamah, supaya Mahkamah boleh mengeluarkan perintah atau memberikan arahan sebagaimana yang difikirkan patut supaya—

- (a) semua perkara yang mesti atau yang boleh diuruskan dengan permohonan interlokutori dan yang belum diuruskan boleh diuruskan setakat mana yang boleh; dan
- (b) arahan sedemikian boleh diberikan untuk kausa tindakan masa hadapan sebagaimana ternyata disesuaikan sebaiknya untuk menjamin penyelesaian yang adil, cepat dan ekonomi.

(2) Jika Mahkamah membuat perintah atau memberikan arahan di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh mengambil kira sama ada atau tidak suatu pihak itu mematuhi apa-apa protokol pra-tindakan atau arahan amalan yang relevan semasa ia dikeluarkan.

(3) Jika mana-mana pihak gagal untuk mematuhi apa-apa perintah yang dibuat atau arahan yang diberikan oleh Mahkamah di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh menolak tindakan itu, membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Mahkamah boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah perenggan (1), membuat apa-apa perintah tentang kos sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Apa-apa penghakiman, perintah atau arahan yang diberikan atau yang dibuat terhadap mana-mana pihak yang tidak hadir di hadapan Mahkamah apabila diarahkan sedemikian di bawah perenggan (1) boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah mengikut terma yang difikirkannya adil.

Pengurusan kes sebelum bicara apabila diarahkan oleh Mahkamah (A. 34, k. 2)

2. (1) Tanpa menjejaskan kaedah 1, pada bila-bila masa sebelum apa-apa tindakan atau prosiding dibicarakan, Mahkamah boleh mengarahkan pihak-pihak untuk menghadiri suatu pengurusan kes sebelum bicara yang berhubungan dengan perkara yang berbangkit dalam tindakan atau prosiding itu.

(2) Semasa pengurusan kes sebelum bicara, Mahkamah boleh mempertimbangkan apa-apa perkara termasuklah kemungkinan penyelesaian bagi semua atau mana-mana isu dalam tindakan atau prosiding itu dan menghendaki pihak-pihak memberikan maklumat sedemikian kepada Mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut, dan perintah dan arahan yang sesuai yang patut dibuat untuk menjamin penyelesaian tindakan atau prosiding itu dengan adil, cepat dan ekonomi, termasuk—

- (a) pengantaraan mengikut mana-mana arahan amalan yang dikeluarkan pada masa itu;
- (b) tempoh yang dalamnya plaintif perlu memfailkan ikatan pliding yang mengandungi sesalinan setiap dokumen yang berikut, dijilidkan mengikut susunan kronologi dan diendors dengan nama, alamat dan nombor telefon peguam bagi pihak-pihak atau, dalam hal suatu pihak yang tidak mempunyai peguam, dirinya sendiri:
 - (i) writ; dan
 - (ii) pliding (termasuklah apa-apa affidavit yang diperintahkan untuk dijadikan sebagai pliding), apa-apa notis atau perintah bagi butir-butir dan butir-butir yang diberikan;
- (c) tempoh yang dalamnya pihak-pihak perlu memfailkan suatu ikatan semua dokumen yang akan digunakan atau dirujuk dalam perjalanan perbicaraan oleh mana-mana pihak, termasuklah dokumen yang disebut dalam pernyataan saksi seorang saksi;
- (d) kandungan ikatan dokumen yang disebut dalam subperenggan (c) hendaklah dipersetujui antara semua pihak setakat yang mungkin dan ikatan dokumen dipersetujui ini hendaklah difailkan oleh plaintif dan ditandakan sebagai Bahagian A;

- (e) sekiranya pihak-pihak tidak dapat bersetuju dengan dokumen tertentu, dokumen yang persetujuan tidak dicapai hendaklah dimasukkan dalam ikatan yang berasingan dan setiap ikatan itu hendaklah difailkan oleh plaintif dan ditandakan seperti yang berikut:
- (i) Bahagian B - dokumen yang kesahannya tidak dipertikaikan tetapi kandungannya dipertikaikan;
 - (ii) Bahagian C - dokumen yang kesahan dan kandungannya dipertikaikan;
- (f) dokumen yang terkandung dalam ikatan hendaklah disusun mengikut kronologi atau mengikut urutan yang wajar dan hendaklah dinomborkan;
- (g) kecermatan hendaklah diambil bagi mengelakkan duplikasi dalam ikatan yang sama;
- (h) kandungan dan format tiap-tiap ikatan yang difailkan menurut kaedah ini hendaklah mematuhi kehendak yang diletakkan dalam mana-mana arahan amalan yang dikeluarkan pada masa itu;
- (i) mana-mana pihak boleh memohon kepada Mahkamah pada bila-bila masa bagi arahan tentang pengisian, pengumpulan dan penyusunan dokumen yang diniatkan untuk digunakan di perbicaraan tindakan itu, dan, pada permohonan sedemikian, Mahkamah boleh membuat perintah atau memberikan arahan sedemikian sebagaimana perlu untuk mencapai pengendalian perbicaraan tindakan itu dengan adil, cepat dan ekonomi;
- (j) pemfailan pernyataan fakta dipersetujui;

- (k) pemfailan pernyataan isu yang akan dibicarakan;
- (l) tempoh yang dalamnya pihak-pihak hendaklah membuat pertukaran dan memfailkan senarai saksi mereka;
- (m) tempoh yang dalamnya pihak-pihak hendaklah membuat pertukaran dan memfailkan pernyataan saksi bagi semua saksi yang boleh memberikan keterangan semasa perbicaraan;
- (n) sama ada bilangan saksi hendak dihadkan dan sama ada keterangan utama saksi yang dinyatakan dihadkan setiapnya kepada suatu pernyataan tunggal saksi;
- (o) cara bagaimana keterangan utama hendaklah diberikan oleh mana-mana saksi daripada satu pihak yang tidak dapat menunjukkan sebab yang mencukupi untuk memperoleh suatu pernyataan saksi dan cara bagaimana keterangan sedemikian hendaklah dizahirkan kepada pihak yang lain sebelum perbicaraan;
- (p) sama ada suatu perintah patut dibuat untuk menghadkan bilangan saksi pakar;
- (q) sama ada keterangan utama setiap saksi pakar perlu dinyatakan dalam suatu pernyataan tunggal saksi;
- (r) sama ada apa-apa arahan patut diberikan bagi suatu perbincangan antara pakar sebelum pertukaran afidavit mereka mengemukakan laporan mereka bagi maksud menentukan isu yang dikehendaki dalam prosiding dan jika mungkin, mencapai persetujuan tentang suatu isu, dan sekiranya arahan sedemikian patut diberi, sama ada—

- (i) untuk menyatakan isu yang akan dibincangkan oleh pakar; dan
- (ii) untuk mengarahkan pakar-pakar menyediakan suatu pernyataan bersama menunjukkan isu yang dipersetujui, isu yang tidak dipersetujui dan ringkasan sebab bagi apa-apa tidak persetujuan;
- (s) tempoh yang dalamnya bantahan kepada kandungan pernyataan saksi atau keterangan saksi yang lain hendaklah diambil; dan
- (t) anggaran jangka masa perbicaraan dan tarikh perbicaraan itu.

(3) Mahkamah, setelah memberikan arahan di bawah kaedah 2(2) atau kaedah 3 boleh sama ada melalui usulnya sendiri atau melalui permohonan mana-mana pihak, sekiranya mana-mana pihak ingkar dalam mematuhi mana-mana arahan sedemikian, menolak tindakan atau prosiding itu atau membatalkan pembelaan atau pernyataan balas atau memasukkan penghakiman atau membuat perintah yang difikirkannya patut.

(4) Apa-apa penghakiman atau perintah yang dibuat di bawah kaedah 2(3) boleh diketepikan oleh Mahkamah, atas permohonan pihak, atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya adil.

(5) Pada bila-bila masa semasa pengurusan kes sebelum bicara jika pihak-pihak bersetuju dengan penyelesaian beberapa atau semua perkara yang dipertikaikan dalam tindakan atau prosiding itu, Mahkamah boleh memasukkan penghakiman dalam tindakan atau prosiding itu atau membuat apa-apa perintah untuk menguatkuasakan penyelesaian itu.

Pemberitahuan pengurusan kes sebelum bicara (A. 34, k. 3)

3. Semua pihak hendaklah dimaklumkan tentang tarikh dan masa yang ditetapkan bagi mengadakan pengurusan kes sebelum bicara melalui suatu notis mengikut Borang

59, dan setiap pihak hendaklah mamatuhi apa-apa arahan yang terkandung dalam notis itu.

Kehadiran di pengurusan kes sebelum bicara (A. 34, k. 4)

4. Pihak-pihak dalam tindakan atau prosiding itu boleh diwakili oleh peguam mereka, sekiranya ada, di pengurusan kes sebelum bicara, tetapi boleh, jika mereka berhasrat, dengan kebenaran Mahkamah, menghadiri pengurusan kes sebelum bicara sendiri, pada masa yang pada asalnya ditetapkan atau ditangguhkan, sebagai tambahan kepada peguam mereka.

Penangguhan pengurusan kes sebelum bicara (A. 34, k. 5)

5. Suatu pengurusan kes sebelum bicara boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa, sama ada secara am atau ke suatu tarikh yang khusus, mengikut mana-mana yang sesuai.

Kegagalan untuk hadir (A. 34, k. 6)

6. (1) Sekiranya, pada masa yang ditetapkan bagi pengurusan kes sebelum bicara, mana-mana pihak gagal untuk hadir, Mahkamah boleh membuang tindakan atau prosiding itu atau membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau memasukkan penghakiman atau membuat perintah yang lain sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah dalam ketidakhadiran suatu pihak yang terlibat atau terjejas oleh perintah itu boleh diketepikan oleh Mahkamah, atas permohonan pihak itu, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

(3) Tanpa menjejaskan perenggan yang terdahulu kaedah ini, jika mana-mana pihak kepada tindakan atau prosiding itu gagal untuk hadir ke pengurusan kes sebelum bicara, Mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menangguhkan pengurusan kes itu.

Pengakuan dan persetujuan (A. 34, k. 7)

7. Semasa pengurusan kes, Mahkamah hendaklah sebaik-baik ikhtiarnya menjamin bahawa pihak-pihak membuat semua pengakuan dan persetujuan mengikut tatacara

prosiding yang patut semunasabahnya dibuat oleh mereka dan boleh merekod apa-apa pengakuan atau persetujuan yang dibuat sedemikian, dan, (dengan mengambil pandangan terhadap perintah khas, sekiranya ada, mengenai kos sebagaimana yang adil dibuat semasa perbicaraan itu) apa-apa keengganan untuk membuat apa-apa pengakuan atau persetujuan.

Kewajipan memberi semua maklumat di pengurusan kes sebelum bicara (A. 34, k. 8)

8. (1) Pihak kepada tindakan dan peguam mereka hendaklah memberikan semua maklumat dan mengemukakan semua dokumen sebagaimana yang Mahkamah kehendaki semunasabahnya bagi membolehkan Mahkamah mengendalikan tindakan itu sewajarnya.

(2) Mahkamah boleh, jika ternyata wajar untuk berbuat demikian dalam hal keadaan itu, atau atas permohonan mana-mana pihak, membenarkan maklumat atau dokumen sedemikian untuk diberi atau dikemukakan kepada Mahkamah tanpa menzahirkan kepada pihak yang lain, tetapi tanpa kebenaran sedemikian, apa-apa maklumat atau dokumen yang diberi atau dikemukakan hendaklah diberi dan dikemukakan kepada semua pihak yang hadir, semua pihak yang diwakili juga kepada Mahkamah.

(3) Walau apa pun perenggan (1) dan (2), apa-apa maklumat atau dokumen yang terlindung daripada penzahiran tidaklah dikehendaki diberikan atau dikemukakan di bawah kaedah ini oleh, atau oleh peguam, mana-mana pihak melainkan dengan persetujuan pihak itu.

Kewajipan membuat semua permohonan interlokutori dalam pengurusan kes sebelum bicara (A. 34, k. 9)

9. (1) Mana-mana pihak yang kepadanya notis untuk menghadiri pengurusan kes sebelum bicara dialamatkan hendaklah setakat yang praktik memohon pada pengurusan kes sebelum bicara yang pertama bagi apa-apa perintah atau arahan yang dihasratkannya mengenai apa-apa perkara yang boleh diuruskan berkenaan dengan suatu permohonan interlokutori dalam tindakan itu dan hendaklah, tidak kurang

daripada tujuh hari sebelum tarikh pengurusan kes sebelum bicara yang pertama, menyampaikan notis dalam Borang 60 kepada pihak-pihak yang lain menyatakan perintah dan arahan yang diminta.

(2) Sekiranya pengurusan kes sebelum bicara itu ditangguhkan dan mana-mana pihak kepada prosiding itu berhasrat untuk memohon dalam pengurusan kes sebelum bicara yang bersambung semula bagi apa-apa perintah atau arahan yang tidak dipohon dalam mana-mana notis yang diberikan di bawah perenggan (1), dia hendaklah, tidak kurang dari tujuh hari sebelum tarikh pengurusan kes sebelum bicara bersambung semula, menyampaikan suatu notis kepada pihak-pihak yang lain dengan cara yang ditetapkan dalam perenggan (1) menyatakan perintah dan arahan yang dicari setakat yang berbeza daripada perintah dan arahan yang dipohon semasa pengurusan kes sebelum bicara yang pertama.

(3) Apa-apa permohonan selanjutnya kepada pengurusan kes sebelum bicara dan sebelum penghakiman bagi apa-apa perkara yang boleh diuruskan atas suatu permohonan interlokutori dalam tindakan hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Arahan automatik dalam tindakan kecederaan diri (A. 34, k. 10)

10. (1) Apabila pliding dalam mana-mana tindakan yang kepadanya kaedah ini terpakai disifatkan tertutup, arahan yang berikut hendaklah berkuat kuasa secara automatik:

- (a) maka terdapat penzahiran dokumen dalam empat belas hari mengikut Aturan 24 dan pemeriksaan dalam tujuh hari selepas itu, kecuali jika liabiliti diakui, penzahiran hendaklah terhad kepada penzahiran apa-apa dokumen oleh plaintif yang berhubungan dengan ganti rugi;
- (b) (i) tertakluk kepada perenggan (2), jika plaintif berniat untuk bersandar kepada keterangan pakar dalam perbicaraan, dia hendaklah, dalam tiga bulan dari penutupan pliding,

menzahirkan isi keterangan itu kepada pihak yang satu lagi dalam bentuk laporan bertulis yang hendaklah dipersetujui, sekiranya boleh, dan selepasnya, sekiranya tidak dipersetujui, defendan hendaklah dalam tiga bulan dari tarikh penerimaan laporan bertulis itu, merujuk plaintif kepada seorang pakar dan menzahirkan isi keterangan kepada pihak yang satu lagi dalam bentuk laporan bertulis, sekiranya perlu;

- (ii) tertakluk kepada (b)(i) di atas, dalam keadaan defendan tidak bersetuju dengan laporan daripada pakar plaintif, dia hendaklah dalam satu bulan dari tarikh penerimaan laporan pakar plaintif, memaklumkan peguam plaintif niat defendan untuk merujuk plaintif suatu laporan bertulis selanjutnya.
- (c) jika mana-mana pihak bercadang untuk memanggil mana-mana saksi dalam perbicaraan bagi maksud membuktikan apa-apa gambar, lakaran pelan, atau model atau keadaan suatu kenderaan atau penyenggaraan atau pengendalian lampu isyarat atau apa-apa keterangan lain, dia hendaklah, dalam tiga bulan daripada penutupan pliding, menzahirkan keterangan itu kepada pihak yang satu lagi;
- (d) gambar, lakaran pelan, model dan kandungan mana-mana laporan kemalangan polis bolehlah dipersetujui, sekiranya boleh;
- (e) tindakan itu hendaklah ditetapkan dalam enam bulan melalui suatu notis dalam Borang 60;
- (f) Mahkamah hendaklah dimaklumkan, tentang penetapan itu, berkenaan dengan anggaran tempoh perbicaraan; dan

(g) pihak yang menetapkan tindakan itu hendaklah memperakui bahawa peruntukan kaedah ini telah dipatuhi.

(2) Jika subperenggan (1)(b) terpakai bagi lebih daripada satu pihak, laporan itu hendaklah dizahirkan dengan pertukaran bersaling, perubahan dengan perubahan dan bukan perubahan dengan bukan perubahan, dalam masa yang diperuntukkan atau dengan segera selepas laporan daripada setiap pihak boleh didapatkan.

(3) Tiada apa pun dalam perenggan (1) boleh menghalang mana-mana pihak kepada suatu tindakan yang kepadanya kaedah ini terpakai daripada memohon kepada Mahkamah untuk arahan atau perintah lanjut atau yang berlainan yang, dalam hal keadaan itu, bersesuaian.

(4) Bagi maksud kaedah ini, dokumen yang berhubungan dengan ganti rugi khas termasuk dokumen yang berhubungan dengan apa-apa kecederaan industri, kecacatan industri atau hak faedah penyakit, dan jika tuntutan dibuat di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956, termasuk dokumen yang berhubungan dengan apa-apa tuntutan bagi pergantungan kepada si mati.

(5) Kaedah ini hendaklah terpakai kepada mana-mana tindakan bagi kecederaan peribadi kecuali—

(a) apa-apa tindakan admiralti; dan

(b) apa-apa tindakan yang pliding itu mengandungi pengataan tindakan cuai atau peninggalan dalam perjalanan rawatan perubahan atau pergigian.

(6) Kaedah ini tidaklah terpakai bagi tindakan yang mana-mana pihak telah memohon penghakiman di bawah Aturan 14.

Ketidakzahiran (A. 34, k. 11)

11. Tertakluk kepada kaedah 8, tiada penyampaian fakta yang dizahirkan atau apa-apa perkara yang dipertimbangkan semasa perjalanan pengurusan kes sebelum bicara dalam mana-mana tindakan atau prosiding boleh dibuat dalam Mahkamah yang mengendalikan perbicaraan tindakan atau prosiding itu.

Pengguguran tindakan (A. 34, k. 12)

12. Jika selepas suatu tindakan telah ditetapkan untuk perbicaraan, tindakan itu digugurkan, atau kepentingan atau liabiliti mana-mana pihak kepada tindakan itu yang dipindah hak atau disalurkan kepada atau diturunkan kepada orang yang lain, peguam bagi plaintif atau pihak lain yang melakukan tindakan itu hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menyedari perkara itu, memperakui pengguguran atau mengubah kepentingan atau liabiliti itu dan menghantar perakuan itu kepada Pendaftar.

ATURAN 35

PROSIDING SEMASA PERBICARAAN

Kegagalan untuk hadir oleh kedua-dua pihak atau salah satu pihak (A. 35, k. 1)

1. (1) Sekiranya, apabila suatu tindakan dipanggil untuk perbicaraan, tiada satu pihak pun hadir, Hakim boleh menolak tindakan itu atau membuat perintah lain yang difikirkannya patut.

(2) Sekiranya, apabila suatu tindakan dipanggil untuk perbicaraan, satu pihak tidak hadir, Hakim boleh meneruskan dengan perbicaraan tindakan itu atau apa-apa tuntutan balas semasa ketiadaan pihak itu, atau tanpa perbicaraan memberikan penghakiman atau menolak tindakan itu, atau membuat perintah lain yang difikirkannya patut.

Penghakiman yang diberi dalam ketidakhadiran pihak boleh diketepikan (A. 35, k. 2)

2. (1) Apa-apa penghakiman atau perintah yang didapati jika satu pihak tidak hadir pada perbicaraan boleh diketepikan oleh Mahkamah, atas permohonan mana-mana pihak, atas apa-apa terma sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah dibuat dalam empat belas hari selepas tarikh penghakiman atau perintah diminta untuk diketepikan tanpa prejudis, walau apapun, kepada kuasa Mahkamah untuk melanjutkan tempoh itu.

(3) Semasa mempertimbangkan suatu permohonan yang dibuat di bawah kaedah ini, Mahkamah hendaklah memberikan perhatian berat perkara yang berikut:

- (a) kepentingan keadilan;
- (b) sama ada ketidakhadiran pemohon atau peguam disengajakan, atau atas sebab suatu kemalangan atau kesilapan;
- (c) prospek kejayaan pemohon dalam perbicaraan;
- (d) sama ada terdapat apa-apa kelewatan dalam membuat permohonan;
- (e) sama ada perbuatan pemohon telah menyebabkan prejudis kepada pihak yang satu lagi yang tidak boleh diganti rugi dengan suatu perintah untuk kos.

Penangguhan perbicaraan (A. 35, k. 3)

3. Hakim boleh, sekiranya difikirkannya suai manfaat bagi kepentingan keadilan, menangguhkan suatu perbicaraan untuk suatu masa, dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut.

Susunan ucapan (A. 35, k. 4)

4. (1) Hakim yang di hadapannya suatu tindakan dibicarakan boleh memberi arahan tentang pihak yang akan memulakan dan susunan ucapan pada perbicaraan, dan, tertakluk kepada apa-apa arahan yang sedemikian, pihak yang akan memulakan dan susunan ucapan itu hendaklah sebagaimana yang diperuntukkan oleh kaedah ini.

(2) Tertakluk kepada perenggan (6), plaintif hendaklah memulakan dengan membuka kesnya.

(3) Sekiranya defendan memilih untuk tidak mengemukakan keterangan, maka, sama ada atau tidak defendan telah mengemukakan dokumen semasa berlangsungnya pemeriksaan balas ke atas seorang saksi bagi pihak plaintif atau selainnya, plaintif boleh, selepas keterangan bagi pihaknya telah diberikan, membuat ucapan kedua untuk menutup kesnya dan defendan hendaklah kemudiannya pula menyatakan kesnya.

(4) Sekiranya defendan memilih untuk mengemukakan keterangan, dia boleh, setelah apa-apa keterangan bagi pihak plaintif telah diberikan, membuka kesnya dan, selepas keterangan bagi pihaknya telah diberikan, membuat ucapan kedua untuk menutup kesnya, dan pada penutupan kes defendan itu, plaintif boleh membuat ucapan balas.

(5) Jika terdapat dua atau lebih defendan yang hadir secara berasingan atau yang diwakili secara berasingan, maka—

(a) sekiranya tiada seorang pun daripada mereka memilih untuk mengemukakan keterangan, setiap seorang daripada mereka itu hendaklah menyatakan kesnya mengikut susunan namanya yang terdapat pada rekod itu;

(b) sekiranya setiap seorang daripada mereka memilih untuk mengemukakan keterangan, setiap seorang daripada mereka itu boleh membuka kesnya dan keterangan bagi pihak setiap seorang

daripada mereka hendaklah diberikan mengikut susunan yang disebut terdahulu dan ucapan setiap seorang daripada mereka yang menutup kesnya hendaklah dibuat mengikut susunan itu selepas keterangan bagi pihak semua defendan telah diberikan;

- (c) sekiranya beberapa orang daripada mereka memilih untuk mengemukakan keterangan dan beberapa orang lagi tidak, mereka yang tidak hendaklah menyatakan kes mereka mengikut susunan yang disebut terdahulu selepas ucapan balas plaintif kepada defendan yang lain itu.

(6) Jika beban pembuktian bagi semua isu dalam tindakan terletak pada defendan atau, jika terdapat dua atau lebih defendan dan mereka hadir secara berasingan atau diwakili secara berasingan, salah seorang defendan, defendan itu atau defendan berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah memulakan, dan dalam hal yang sedemikian perenggan (2), (3) dan (4) hendaklah mempunyai kuat kuasa berhubung dengan, dan antara defendan itu dengan plaintif, seolah-olah sebutan mengenai plaintif dan defendan itu telah masing-masingnya digantikan dengan sebutan mengenai defendan dan plaintif.

(7) Jika, antara plaintif dengan mana-mana defendan, pihak yang akan, kalau tidak kerana perenggan ini, berhak membuat ucapan penutup membangkitkan apa-apa perkara undang-undang yang baru dalam ucapan itu atau menyebutkannya dalam ucapan itu apa-apa autoriti yang tidak disebutkan dahulu, pihak lawan boleh membuat ucapan balas selanjutnya, tetapi hanya berhubung dengan perkara undang-undang atau autoriti itu sahaja, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pemeriksaan oleh Hakim (A. 35, k. 5)

5. Hakim yang membicarakan apa-apa kausa atau perkara boleh memeriksa mana-mana tempat atau benda yang mengenainya apa-apa persoalan berbangkit dalam kausa atau perkara itu. Segala perbelanjaan tersebut hendaklah menjadi kos dalam prosiding itu.

Kematian pihak sebelum penghakiman diberi (A. 35, k. 6)

6. Jika suatu pihak dalam mana-mana tindakan mati selepas dapatan atas isu fakta tetapi sebelum penghakiman diberi, penghakiman boleh diberikan tanpa mengira kematian itu, tetapi peruntukan yang tersebut di atas tidaklah boleh dikira sebagai menjejaskan kuasa Hakim untuk membuat suatu perintah di bawah Aturan 15, kaedah 7(2), sebelum memberi penghakiman.

Rekod dibuat oleh Pendaftar atau pegawai Mahkamah yang berkenaan (A. 35, k. 7)

7. (1) Pendaftar atau pegawai Mahkamah yang berkenaan hendaklah membuat suatu nota dalam Buku Minit mengenai masa perbicaraan itu bermula dan tamat, dan masa yang sebenarnya digunakan pada setiap hari semasa berlangsungnya perbicaraan itu.

(2) Pada penutupan perbicaraan bagi apa-apa tindakan, Pendaftar atau pegawai hendaklah mencatatkan dalam Buku Minit penghakiman yang diberikan oleh Hakim, dan apa-apa perintah yang dibuat oleh Hakim tentang kos.

(3) Perakuan Pendaftar atau pegawai dalam Borang 61 hendaklah menjadi autoriti yang cukup bagi pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran untuk memasukkan penghakiman dengan sewajarnya.

Senarai ekshibit (A. 35, k. 8)

8. (1) Pendaftar atau pegawai Mahkamah yang berkenaan hendaklah bertanggungjawab bagi tiap-tiap dokumen atau objek yang dikemukakan sebagai ekshibit semasa berlangsungnya perbicaraan mana-mana tindakan dan hendaklah menandakan atau melabelkan tiap-tiap ekshibit dengan huruf atau huruf-huruf yang menunjukkan pihak yang mengemukakan ekshibit itu atau saksi yang membuktikannya, dan dengan suatu nombor, supaya semua ekshibit yang dikemukakan oleh suatu pihak, atau dibuktikan oleh seorang saksi, dinomborkan mengikut satu siri yang berturutan. Dalam perenggan ini, seorang saksi yang ekshibitnya dibuktikan termasuklah seorang saksi yang dalam keterangannya ekshibit itu dimasukkan.

(2) Pendaftar atau pegawai itu hendaklah menyebabkan suatu senarai dalam Borang 62 dibuat bagi semua ekshibit dalam tindakan itu, dan mana-mana pihak boleh, setelah membayar fi yang ditetapkan, mendapatkan salinan pejabat senarai itu.

(3) Senarai ekshibit apabila siap hendaklah dilampirkan kepada pliding dan hendaklah menjadi sebahagian daripada rekod tindakan itu.

(4) Bagi maksud kaedah ini, suatu ikatan dokumen boleh dianggap dan dikira sebagai satu ekshibit.

Penjagaan ekshibit selepas perbicaraan (A. 35, k. 9)

9. (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan semua ekshibit dalam jagaannya ditandakan dan dilabel dengan sempurna supaya dalam suatu rayuan, dia boleh mengemukakan ekshibit yang ditandakan atau dilabel pada hari pendengaran rayuan.

(2) Selepas tamat masa untuk merayu dan sekiranya tiada rayuan telah dibuat, atau selepas penyelesaian rayuan itu dengan muktamadnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, ekshibit hendaklah dikembalikan bila diminta kepada pihak-pihak berkenaan yang mengemukakannya:

Dengan syarat bahawa jika tuntutan atau tuntutan balas adalah untuk wang kena dibayar di bawah suatu surat cara boleh niaga yang diterima sebagai keterangan, surat cara boleh niaga itu hendaklah dipegangsimpan di Pejabat Pendaftaran dan tidak boleh diserahkan keluar daripada jagaan Pejabat Pendaftaran kecuali atas perintah Pendaftar.

Dokumen yang diimpaun (A. 35, k. 10)

10. (1) Dokumen yang diimpaun melalui perintah Mahkamah tidak boleh diserahkan keluar daripada jagaan Mahkamah kecuali dengan mematuhi suatu perintah yang dibuat oleh Hakim atas permohonan yang dibuat melalui suatu notis permohonan:

Dengan syarat bahawa jika Peguam Negara membuat suatu permintaan bertulis bagi maksud itu, dokumen yang diimpaun sedemikian hendaklah diserahkan ke dalam jagaannya.

(2) Dokumen yang diimpun melalui perintah Mahkamah, semasa berada dalam jagaan Mahkamah, tidak boleh diperiksa kecuali oleh seorang yang diberi kuasa untuk berbuat demikian melalui suatu perintah yang dibuat oleh Hakim.

Penerusan pendengaran oleh seorang Hakim lain (A. 35, k. 11)

11. (1) Apabila seorang Hakim yang telah memulakan pendengaran suatu kausa atau perkara tidak dapat menutup pendengaran atau perbicaraan kerana kematian, sakit atau apa-apa sebab lain, Hakim Besar boleh menamakan Hakim lain untuk meneruskan pendengaran itu.

(2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh menghalang Hakim yang dinamakan itu daripada memanggil semula semua atau mana-mana saksi atau mengambil semula keterangan daripada mereka.

ATURAN 35A
PERNYATAAN SAKSI

(Tiada Aturan 35A)

ATURAN 36
PERBICARAAN DI HADAPAN DAN SIASATAN OLEH PENDAFTAR

Kuasa untuk memerintahkan perbicaraan di hadapan Pendaftar (A. 36, k. 1)

1. Sekiranya dalam mana-mana kausa atau perkara, Mahkamah mempertimbangkan, atas permohonan mana-mana pihak atau atas usulnya sendiri, dengan memberi perhatian berat kepada sifat kes ia adalah wajar (sama ada atas alasan kecepatan, ekonomi atau kesenangan atau selainnya) bagi kepentingan satu pihak atau lebih, Mahkamah boleh memerintahkan bahawa kausa atau perkara itu, atau apa-apa persoalan atau isu fakta yang berbangkit di dalamnya, hendaklah dibicarakan di hadapan Pendaftar.

Perbicaraan di hadapan, dan siasatan oleh, Pendaftar (A. 36, k. 2)

2. Mahkamah boleh, dengan persetujuan pihak dalam mana-mana kausa atau perkara, memerintahkan supaya kausa atau perkara itu, atau apa-apa persoalan atau isu fakta yang berbangkit di dalamnya, dibicarakan di hadapan Pendaftar.

ATURAN 37

TAKSIRAN GANTI RUGI

Pentaksiran ganti rugi oleh Pendaftar (A. 37, k. 1)

1. (1) Jika penghakiman diberikan untuk ganti rugi ditaksirkan dan tiada peruntukan dibuat dalam penghakiman itu tentang bagaimana ia hendak ditaksirkan, ganti rugi itu hendaklah, tertakluk kepada peruntukan Aturan ini, ditaksirkan oleh Pendaftar, dan pihak yang berhak mendapat faedah penghakiman itu hendaklah, dalam satu bulan dari tarikh penghakiman, memohon kepada Pendaftar minta arahan dan peruntukan Aturan 34A hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai.

(2) Pada pendengaran permohonan minta arahan, Pendaftar boleh, sebagai tambahan membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu dan sesuai di bawah Aturan 34, memberi arahan tentang masa yang suatu notis janji temu untuk pentaksiran ganti rugi hendaklah difailkan dan notis itu pada masa yang difailkan hendaklah, walau apapun apa-apa jua dalam Aturan 62, kaedah 10, disampaikan tidak lewat dari tujuh hari selepas itu kepada pihak yang terhadapnya penghakiman diberikan. Notis janji temu bagi pentaksiran ganti rugi hendaklah dalam Borang 62A.

(3) Sekiranya pihak yang berhak kepada faedah penghakiman itu gagal mematuhi perenggan (1), Mahkamah boleh, atas permohonan pihak yang terhadapnya penghakiman diberikan, meneruskan untuk mentaksir ganti rugi atau membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil.

(4) Kehadiran saksi dan pengemukaan dokumen di hadapan Pendaftar dalam prosiding di bawah Aturan ini boleh dipaksa melalui sapina, dan peruntukan Aturan 35 hendaklah, dengan penyesuaian yang perlu, terpakai berhubung dengan prosiding itu sebagaimana ia terpakai berhubung dengan prosiding suatu perbicaraan.

(5) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Pendaftar menurut kaedah ini, pihak yang berhak kepada faedah penghakiman hendaklah memfailkan suatu notis janji temu untuk pentaksiran ganti rugi dalam enam bulan dari tarikh penghakiman.

(6) Suatu pihak tidak boleh memfailkan suatu notis janji temu untuk pentaksiran ganti rugi oleh Pendaftar menurut kaedah ini melainkan jika arahan untuk pemfailan dan pertukaran afidavit keterangan menurut Aturan 34 telah diberikan atau dipatuhi, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(7) Sekiranya pihak itu tidak memfailkan notis janji temu untuk pentaksiran ganti rugi dalam tempoh yang ditetapkan, mana-mana pihak boleh memohon minta arahan.

Perakuan amaun ganti rugi (A. 37, k. 2)

2. Jika menurut Aturan ini atau selainnya ganti rugi ditaksirkan oleh Pendaftar, dia hendaklah memperakukan amaun ganti rugi itu.

Penghakiman ingkar terhadap beberapa tetapi bukan semua defendan (A. 37, k. 3)

3. Jika mana-mana penghakiman sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 1 diberikan kerana ingkar kehadiran atau ingkar membuat pembelaan, dan tindakan diteruskan terhadap defendan lain, ganti rugi di bawah penghakiman itu hendaklah ditaksirkan dalam perbicaraan itu melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Kuasa memerintahkan taksiran oleh Pendaftar atau dalam perbicaraan (A. 37, k. 4)

4. Mahkamah boleh, dalam hal apa-apa penghakiman sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 1, memerintahkan sama ada—

(a) bahawa taksiran ganti rugi itu hendaklah dibuat oleh Pendaftar; atau

- (b) bahawa tindakan itu hendaklah diteruskan untuk perbicaraan di hadapan seorang Hakim berkenaan dengan ganti rugi itu,

dan jika Mahkamah memerintahkan bahawa tindakan itu hendaklah diteruskan untuk perbicaraan, Aturan 34 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu.

Pentaksiran nilai (A. 37, k. 5)

5. Kaedah 1 hingga 4 hendaklah terpakai berhubung dengan suatu penghakiman untuk nilai barangan ditaksirkan, dengan atau tanpa ganti rugi ditaksirkan, sebagaimana ia terpakai bagi penghakiman untuk ganti rugi ditaksirkan, dan sebutan dalam peruntukan itu mengenai pentaksiran ganti rugi hendaklah ditafsirkan dengan sewajarnya.

Pentaksiran ganti rugi sehingga masa pentaksiran (A. 37, k. 6)

6. Jika ganti rugi hendak ditaksirkan (sama ada di bawah Aturan ini atau selainnya) berkenaan dengan apa-apa kausa tindakan yang berterusan, ganti rugi itu hendaklah ditaksirkan sehingga masa pentaksiran itu.

ATURAN 38

KETERANGAN: AM

Kaedah am: Saksi hendaklah diperiksa secara lisan (A. 38, k. 1)

1. Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan Akta Keterangan 1950 [Akta 56] dan mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan keterangan, apa-apa fakta yang dikehendaki dibuktikan dalam perbicaraan mana-mana tindakan yang dimulakan melalui writ dengan keterangan saksi hendaklah dibuktikan dengan pemeriksaan saksi di Mahkamah terbuka.

Keterangan melalui pernyataan saksi (A. 38, k. 2)

2. (1) Tanpa menjejaskan keluasan kaedah 1, dan melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis atau oleh Kaedah-Kaedah ini, pada perbicaraan suatu tindakan yang dimulakan melalui writ, keterangan utama seseorang saksi hendaklah diberikan melalui pernyataan saksi dan, melainkan jika Mahkamah

mengarahkan selainnya atau pihak-pihak dalam tindakan itu selainnya bersetuju dan tertakluk pada apa-apa arahan sebagaimana Mahkamah boleh membuat, saksi itu hendaklah hadir ke perbicaraan untuk pemeriksaan balas dan, dalam keingkarannya untuk hadir, pernyataan saksinya tidak boleh diterima dalam keterangan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Dalam apa-apa kausa atau perkara yang dimulakan melalui saman pemula dan atas apa-apa permohonan yang dibuat melalui notis permohonan, keterangan hendaklah diberikan melalui affidavit melainkan jika dalam kes apa-apa kausa, perkara atau permohonan apa-apa peruntukan Kaedah-Kaedah ini yang diperuntukkan selainnya atau diarahkan selainnya oleh Mahkamah, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan supaya orang yang membuat mana-mana affidavit sedemikian untuk hadir bagi pemeriksaan balas, dan jika, selepas perintah sedemikian dibuat, orang dalam persoalan itu tidak hadir, affidaviknya tidak boleh digunakan sebagai keterangan tanpa kebenaran Mahkamah.

(3) Walau apapun perenggan (1) atau (2), Mahkamah boleh, sekiranya difikirkannya adil, memerintahkan bahawa keterangan suatu pihak atau mana-mana saksi atau mana-mana bahagian keterangan itu diberikan melainkan melalui keterangan pernyataan saksi dalam perbicaraan atau pendengaran apa-apa kausa atau perkara.

(4) Melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah, suatu pernyataan saksi mestilah difailkan dalam Mahkamah dan disampaikan kepada pihak yang satu lagi dalam tindakan itu tidak kurang dari tujuh hari sebelum ia dikemukakan dan dibaca semasa perbicaraan.

Keterangan mengenai fakta tertentu (A. 38, k. 3)

3. (1) Tanpa menjejaskan kaedah 2, Mahkamah boleh, semasa atau sebelum perbicaraan mana-mana tindakan, memerintahkan bahawa keterangan mengenai apa-apa fakta tertentu hendaklah diberikan semasa perbicaraan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan melalui perintah itu.

(2) Kuasa yang diberikan oleh perenggan (1) meliputi khususnya kuasa untuk memerintahkan bahawa keterangan mengenai apa-apa fakta tertentu boleh diberikan semasa perbicaraan itu—

- (a) melalui pernyataan bersumpah mengenai maklumat atau kepercayaan;
- (b) melalui pengemukaan dokumen atau catatan dalam buku;
- (c) melalui salinan dokumen atau catatan dalam buku; atau
- (d) dalam hal suatu fakta yang menjadi atau telah menjadi perkara yang diketahui umum sama ada secara am atau di suatu tempat yang tertentu, dengan pengemukaan akhbar yang dinyatakan yang mengandungi pernyataan fakta itu.

Pengehadan keterangan pakar (A. 38, k. 4)

4. *(Tiada kaedah 4)*

Pengehadan pelan dalam keterangan (A. 38, k. 5)

5. Melainkan jika, semasa atau sebelum perbicaraan, Mahkamah atas sebab khas mengarahkan selainnya, suatu pelan, fotograf atau model tidak boleh diterima dalam keterangan dalam perbicaraan suatu tindakan melainkan jika sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum permulaan perbicaraan itu pihak-pihak, selain pihak yang mengemukakannya, telah diberikan peluang untuk memeriksanya dan bersetuju untuk menerima masuk pelan, fotograf atau model tanpa pembuktian lanjut.

Keterangan pakar dalam tindakan yang berbangkit daripada kemalangan (A. 38, k. 6)

6. *(Tiada kaedah 6)*

Pembatalan atau perubahan perintah di bawah kaedah 2 hingga 6 (A. 38, k. 7)

7. Apa-apa perintah di bawah kaedah 2 hingga 6 (termasuklah perintah yang dibuat atas rayuan) boleh, atas sebab yang mencukupi yang telah ditunjukkan, dibatalkan atau diubahkan melalui perintah yang kemudiannya oleh Mahkamah yang dibuat semasa atau sebelum perbicaraan itu.

Pemakaian isu, rujukan bagi perbicaraan (A. 38, k. 8)

8. Kaedah-kaedah yang tersebut terdahulu dalam Aturan ini hendaklah terpakai bagi perbicaraan isu atau persoalan fakta atau undang-undang, rujukan, siasatan dan pentaksiran ganti rugi sebagaimana ia terpakai bagi perbicaraan tindakan.

Deposisi: Apabila diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan (A. 38, k. 9)

9. (1) Suatu deposisi yang diambil dalam apa-apa kausa atau perkara tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan kausa atau perkara itu melainkan jika—

(a) deposisi itu telah diambil menurut suatu perintah di bawah Aturan 39, kaedah 1; dan

(b) sama ada pihak yang terhadapnya keterangan itu hendak diberikan bersetuju atau telah dibuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah bahawa deponen itu sudah mati, atau berada di luar bidang kuasa Mahkamah atau ketidakupayaan kerana sakit atau kelemahan lain untuk menghadiri perbicaraan itu.

(2) Suatu pihak yang berniat untuk menggunakan apa-apa deposisi sebagai keterangan dalam perbicaraan suatu kausa atau perkara hendaklah, dalam masa yang munasabah sebelum perbicaraan itu, memberikan notis mengenai niatnya untuk berbuat demikian kepada pihak yang satu lagi.

(3) Suatu deposisi yang berupa sebagai telah ditandatangani oleh orang yang di hadapannya deposisi itu diambil hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa membuktikan yang tandatangan itu adalah tandatangan orang tersebut.

Dokumen Mahkamah boleh terima atau boleh dibenarkan diterima sebagai keterangan (A. 38, k. 10)

10. (1) Salinan pejabat suatu writ atau saman pemula, rekod, pliding dan dokumen yang difailkan di Pejabat Pendaftaran hendaklah boleh terima sebagai keterangan dalam apa-apa kausa atau perkara dan antara semua pihak mengikut takat yang sama sebagaimana dokumen asal itu sepatutnya boleh terima.

(2) Tanpa menjejaskan peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, tiap-tiap dokumen yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai Mahkamah Tinggi hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti lanjut, dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai dimeteraikan sedemikian dan menjadi salinan dokumen yang difailkan ke dalam, atau dikeluarkan oleh, Mahkamah hendaklah disifatkan sebagai suatu salinan pejabat bagi dokumen itu tanpa bukti lanjut melainkan jika dibuktikan sebaliknya.

Keterangan mengenai persetujuan pemegang amanah baru untuk bertindak (A. 38, k. 11)

11. Suatu dokumen yang berupa sebagai mengandungi persetujuan bertulis daripada seseorang untuk bertindak sebagai pemegang amanah dan mengandungi tandatangannya yang ditentusahkan oleh seorang yang lain hendaklah menjadi bukti mengenai persetujuan sedemikian.

Keterangan dalam perbicaraan boleh digunakan dalam prosiding kemudiannya (A. 38, k. 12)

12. Apa-apa keterangan yang diambil dalam perbicaraan apa-apa kausa atau perkara boleh digunakan dalam mana-mana prosiding kemudiannya dalam kausa atau perkara itu.

Perintah untuk mengemukakan dokumen dalam prosiding selain perbicaraan (A. 38, k. 13)

13. (1) Pada mana-mana peringkat dalam suatu kausa atau perkara, Mahkamah boleh memerintahkan mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana prosiding mengenai kausa atau perkara itu dan mengemukakan apa-apa dokumen, yang akan

dinyatakan atau diperihalkan dalam perintah itu, yang pengemukaannya ternyata kepada Mahkamah perlu bagi maksud prosiding tersebut.

(2) Seorang tidak boleh dipaksa melalui perintah di bawah perenggan (1) untuk mengemukakan apa-apa dokumen dalam suatu prosiding mengenai suatu kausa atau perkara yang dia tidak boleh dipaksa untuk mengemukakan dalam perbicaraan kausa atau perkara tersebut.

Borang dan pengeluaran sapina (A. 38, k. 14)

14. (1) Suatu sapina hendaklah dalam Borang 63, 64 dan 65, mengikut mana-mana yang sesuai.

(2) Pengeluaran sapina adalah terlaksana sebaik sahaja ia dimeteraikan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran.

(3) Sebelum suatu sapina dikeluarkan, suatu *praecipe* dalam Borang 66 bagi pengeluaran sapina itu hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran; dan *praecipe* itu hendaklah mengandungi nama dan alamat pihak yang mengeluarkan sapina itu, sekiranya dia bertindak sendiri, atau nama firma dan alamat perniagaan peguam pihak tersebut.

(4) Pendaftar boleh, dalam mana-mana kes, membatalkan suatu sapina atas permohonan oleh mana-mana orang atau atas usulnya sendiri.

(5) Mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan mana-mana keputusan Pendaftar yang dibuat di bawah kaedah ini boleh memohon kepada Hakim untuk semakan keputusan tersebut.

(6) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang disokong dengan suatu affidavit, dalam empat belas hari dari keputusan itu.

Lebih daripada satu nama boleh dimasukkan dalam satu sapina (A. 38, k. 15)

15. Nama dua atau lebih orang boleh dimasukkan dalam satu sapina untuk memberi keterangan.

Sapina untuk mengemukakan dokumen (A. 38, k. 16)

16. (1) Suatu sapina untuk mengemukakan dokumen hendaklah mengandungi nama satu orang sahaja.

(2) Mana-mana orang yang disampaikan dengan suatu sapina untuk mengemukakan dokumen adalah mematuhi secukupnya sekiranya orang itu menyebabkan dokumen dikemukakan tanpa hadir secara sendiri.

Pindaan kepada sapina (A. 38, k. 17)

17. Jika terdapat suatu kesilapan pada nama atau alamat mana-mana orang dalam suatu sapina, maka sekiranya sapina itu belum lagi disampaikan, pihak yang mengeluarkan sapina itu boleh minta sapina itu dimeteraikan semula dalam bentuk yang betul dengan cara memfailkan *praecipe* yang kedua di bawah kaedah 14(3) yang diendorskan dengan perkataan “Dipinda dan dimeterai semula”.

Penyampaian sapina (A. 38, k. 18)

18. (1) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, suatu sapina hendaklah disampaikan secara kediri dan penyampaian itu tidak sah melainkan jika dilaksanakan dalam dua belas minggu selepas tarikh pengeluaran sapina itu.

(2) Suatu sapina tidak boleh disampaikan kepada mana-mana orang yang berada di luar bidang kuasa.

Jangka masa writ sapina (A. 38, k. 19)

19. Suatu sapina akan terus berkuat kuasa sehingga penutupan perbicaraan yang kehadiran saksi itu dikehendaki.

Rekod Mahkamah (A. 38, k. 20)

20. (1) Suatu sapina untuk mengemukakan dokumen tidaklah menghendaki seorang pegawai Mahkamah Tinggi atau mana-mana Mahkamah Rendah untuk mengemukakan rekod Mahkamah.

(2) Sekiranya salinan asal mana-mana rekod Mahkamah atau mana-mana dokumen yang difailkan dalam Mahkamah dikehendaki kerana apa-apa sebab khas, suatu permintaan untuk pengemukaannya boleh, atas permohonan pihak yang menghendaki yang sama, dialamatkan oleh Pendaftar kepada Mahkamah itu.

(3) Suatu tanda tidak boleh diletakkan pada mana-mana rekod atau dokumen yang dikemukakan di bawah kaedah ini.

Kehadiran banduan sebagai saksi atau pihak (A. 38, k. 21)

21. (1) Suatu permohonan minta perintah di bawah seksyen 30 Akta Penjara 1995 [*Akta 537*] untuk pengemukaan di hadapan Mahkamah seorang yang dikurung di penjara boleh dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong dengan affidavit dalam Borang 67.

(2) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, kos membawa saksi dalam jagaan selamat pergi dan balik dari Mahkamah hendaklah mula-mula sekali dibayar oleh pihak yang atas permohonannya perintah itu dikeluarkan dan hendaklah menjadi kos dalam kausa itu.

(3) Suatu perintah untuk mengemukakan orang sedemikian hendaklah dalam Borang 68.

Pemberian perbelanjaan (A. 38, k. 22)

22. Seorang saksi tidak boleh dipaksa hadir berdasarkan sapina melainkan jika sejumlah wang yang munasabah untuk menampung perbelanjaannya pergi, semasa berada, dan balik dari, Mahkamah telah diberikan kepadanya.

Afidavit mengenai penyampaian sapina (A. 38, k. 23)

23. Suatu afidavit yang difailkan bagi maksud membuktikan penyampaian suatu sapina hendaklah menyatakan bila, di mana, bagaimana dan oleh siapa penyampaian itu telah dilaksanakan.

ATURAN 39

KETERANGAN MELALUI DEPOSISI: PEMERIKSA MAHKAMAH

Kuasa untuk memerintahkan deposisi diambil (A. 39, k. 1)

1. (1) Mahkamah boleh, dalam apa-apa kausa atau perkara jika ternyata perlu bagi maksud keadilan, membuat suatu perintah dalam Borang 69 untuk pemeriksaan bersumpah di hadapan seorang Hakim atau Pendaftar atau orang lain di mana-mana tempat, mana-mana orang.

(2) Suatu perintah di bawah perenggan (1) boleh dibuat atas apa-apa terma (termasuk, khususnya, terma tentang memberikan penzahiran sebelum pemeriksaan itu dilakukan) sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

Jika orang yang hendak diperiksa berada di luar bidang kuasa (A. 39, k. 2)

2. (1) Jika orang yang berhubung dengan perintah yang dikehendaki di bawah kaedah 1 berada di luar bidang kuasa, suatu permohonan boleh dibuat—

(a) untuk suatu perintah dalam Borang 70 di bawah kaedah tersebut bagi pengeluaran surat permintaan kepada pihak berkuasa kehakiman negara yang orang itu hendak ambil, atau menyebabkan diambil, keterangan orang tersebut; atau

(b) sekiranya kerajaan negara tersebut membenarkan orang di negara tersebut diperiksa di hadapan seseorang yang dilantik oleh Mahkamah, untuk mendapatkan perintah dalam Borang 71 di bawah kaedah tersebut untuk melantik seorang pemeriksa khas di bawah kaedah itu bagi mengambil keterangan orang itu di negara tersebut.

(2) Suatu permohonan boleh dibuat untuk pelantikan sebagai pemeriksa khas seorang konsul Malaysia dalam negara yang keterangan itu hendak diambil atau timbalannya—

(a) sekiranya wujud suatu Konvensyen Prosedur Sivil berkenaan dengan negara itu yang mengadakan peruntukan bagi pengambilan keterangan mana-mana orang dalam negara tersebut untuk membantu prosiding di Mahkamah Tinggi; atau

(b) dengan persetujuan Menteri.

Perintah untuk pengeluaran surat permintaan (A. 39, k. 3)

3. (1) Jika suatu perintah dibuat di bawah kaedah 1 untuk pengeluaran surat permintaan kepada pihak berkuasa kehakiaman suatu negara untuk mengambil, atau menyebabkan supaya diambil, keterangan mana-mana orang dalam negara tersebut, peruntukan yang berikut dalam kaedah ini hendaklah terpakai.

(2) Pihak yang mendapatkan perintah itu hendaklah menyediakan surat permintaan dan menyerahsimplkannya di Pejabat Pendaftaran, dan surat itu hendaklah dalam Borang 72 dengan apa-apa perubahan sebagaimana yang dikehendaki oleh perintah itu.

(3) Sekiranya keterangan orang yang hendak diperiksa itu hendak didapatkan dengan cara persoalan bertulis, satu salinan interogatori dan interogatori balas yang hendak dikemukakan kepada orang itu semasa pemeriksaan hendaklah diserahsimplkan bersama surat permintaan itu.

(4) Melainkan jika satu bahasa rasmi atau satu daripada bahasa rasmi bagi negara yang pemeriksaan itu hendak diadakan ialah bahasa Inggeris, setiap dokumen yang diserahsimplkan di bawah perenggan (2) atau (3) hendaklah disertakan dengan terjemahan dokumen itu dalam bahasa rasmi negara tersebut atau, sekiranya negara itu mempunyai lebih daripada satu bahasa rasmi, dalam mana-mana satu bahasa yang sesuai dengan tempat dalam negara yang pemeriksaan itu hendak diadakan.

(5) Tiap-tiap terjemahan yang diserahkan di bawah perenggan (4) hendaklah diperakui oleh orang yang membuatnya sebagai terjemahan yang betul dan perakuan itu hendaklah mengandungi satu kenyataan mengenai nama penuh orang itu, alamatnya dan kelayakannya bagi membuat terjemahan itu.

(6) Pihak yang mendapatkan perintah itu hendaklah, apabila dia menyerahkan di Pejabat Pendaftaran dokumen yang disebut dalam perenggan (2) hingga (5), memfailkan juga di Pejabat Pendaftaran suatu akujanji dalam Borang 73 yang ditandatangani olehnya atau peguamnya untuk bertanggungjawab sendiri atas segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri berkenaan dengan surat permintaan dan, apabila menerima pemberitahuan yang wajar mengenai amaun perbelanjaan itu, membayar amaun tersebut ke pejabat Menteri itu dan mengemukakan resit bayaran kepada pegawai Pejabat Pendaftaran yang berkenaan.

Menguatkuasakan kehadiran saksi (A. 39, k. 4)

4. Jika suatu perintah telah dibuat di bawah kaedah 1—

(a) bagi pemeriksaan mana-mana orang di hadapan Pendaftar atau mana-mana orang lain (yang disebut sebagai “pemeriksa” dalam kaedah ini dan kaedah-kaedah 5 hingga 14); atau

(b) bagi pemeriksaan balas di hadapan pemeriksa mana-mana orang yang telah membuat suatu affidavit yang hendak digunakan dalam apa-apa kausa atau perkara,

kehadiran orang tersebut di hadapan pemeriksa dan pengemukaan olehnya apa-apa dokumen semasa pemeriksaan boleh dikuatkuasakan melalui sapina sama caranya sebagaimana kehadiran seorang saksi dan pengemukaan oleh saksi suatu dokumen semasa perbicaraan boleh dikuatkuasakan.

Keengganan saksi untuk hadir, mengangkat sumpah (A. 39, k. 5)

5. (1) Sekiranya mana-mana orang, setelah disaman dengan sepenuhnya melalui sapina untuk hadir di hadapan pemeriksa, enggan atau gagal untuk hadir atau

enggan mengangkat sumpah bagi maksud pemeriksaan atau enggan menjawab apa-apa persoalan yang sah menurut undang-undang atau mengemukakan apa-apa dokumen dalam pemeriksaan itu, suatu perakuan mengenai keengganannya atau kegagalannya, yang ditandatangani oleh pemeriksa, hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran, dan apabila perakuan itu difailkan pihak yang berkecenderungan kehadiran orang tersebut boleh memohon kepada Mahkamah minta suatu perintah menghendaki orang tersebut untuk hadir, atau mengangkat sumpah atau menjawab apa-apa persoalan atau mengemukakan apa-apa dokumen, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Suatu permohonan minta suatu perintah di bawah kaedah ini bolehlah dibuat secara *ex parte*.

(3) Sekiranya Mahkamah membuat suatu perintah di bawah kaedah ini, ia boleh memerintahkan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat supaya membayar apa-apa kos yang disebabkan oleh keengganannya atau kegagalannya.

(4) Seorang yang dengan sengaja tidak mematuhi mana-mana perintah yang dibuat terhadapnya di bawah perenggan (1) adalah bersalah menghina Mahkamah.

Penetapan masa dan tempat pemeriksaan (A. 39, k. 6)

6. (1) Pemeriksa hendaklah memberikan pihak yang atas permohonannya perintah pemeriksaan itu dibuat suatu notis menetapkan tempat dan masa yang tertakluk kepada apa-apa permohonan oleh pihak itu, pemeriksaan itu hendaklah diambil, dan masa itu hendaklah, dengan memberi perhatian berat kepada kemudahan orang yang hendak diperiksa itu dan semua hal keadaan kes itu, dengan seberapa segera yang praktik selepas membuat perintah itu.

(2) Pihak yang kepadanya suatu notis di bawah perenggan (1) diberikan hendaklah, apabila menerima notis tersebut, dengan serta-merta memberi notis penetapan itu kepada semua pihak yang lain.

Pemeriksa mempunyai dokumen tertentu (A. 39, k. 7)

7. Pihak yang atas permohonannya perintah pemeriksaan di hadapan pemeriksa dibuat hendaklah memberi pemeriksa itu salinan apa-apa dokumen dalam kausa atau perkara itu sebagaimana yang perlu untuk memaklumkan pemeriksa itu persoalan pada isu dalam kausa atau perkara itu.

Tatacara pemeriksaan (A. 39, k. 8)

8. (1) Tertakluk kepada apa-apa arahan yang terkandung dalam perintah untuk pemeriksaan—

(a) mana-mana orang yang diperintahkan untuk diperiksa di hadapan pemeriksa boleh diperiksa balas dan diperiksa semula; dan

(b) pemeriksaan, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula orang di hadapan pemeriksa hendaklah dijalankan sama caranya sebagaimana pada perbicaraan suatu kausa atau perkara.

(2) Pemeriksa boleh mengemukakan apa-apa persoalan kepada mana-mana orang yang diperiksa di hadapannya tentang maksud suatu jawapan yang dibuat oleh orang itu atau tentang apa-apa perkara yang berbangkit semasa pemeriksaan itu.

(3) Pemeriksa boleh, sekiranya perlu, menangguhkan pemeriksaan itu dari semasa ke semasa.

Pemeriksaan saksi tambahan (A. 39, k. 9)

9. Pemeriksa boleh, dengan persetujuan bertulis semua pihak dalam kausa atau perkara itu, membuat pemeriksaan mana-mana orang sebagai tambahan kepada orang yang dinamakan atau diperuntukkan dalam perintah pemeriksaan itu, dan hendaklah melampirkan persetujuan itu kepada deposisi asal orang itu.

Bantahan kepada persoalan (A. 39, k. 10)

10. (1) Sekiranya mana-mana orang yang sedang diperiksa di hadapan pemeriksa membantah untuk menjawab apa-apa persoalan yang dikemukakan

kepadanya, atau sekiranya bantahan dibuat kepada apa-apa persoalan, persoalan itu, alasan untuk bantahan dan jawapan bagi mana-mana persoalan itu yang kepadanya bantahan dibuat hendaklah dinyatakan dalam deposisi orang itu atau dalam suatu pernyataan yang dilampirkan kepadanya.

(2) Kesahan alasan untuk membantah menjawab mana-mana persoalan yang sedemikian atau untuk membantah apa-apa persoalan itu hendaklah diputuskan oleh Mahkamah dan bukan oleh pemeriksa, tetapi pemeriksa hendaklah menyatakan kepada pihak-pihak pendapatnya mengenai persoalan itu, dan pernyataan pendapatnya hendaklah dinyatakan dalam deposisi itu atau dalam pernyataan yang dilampirkan kepadanya.

(3) Sekiranya Mahkamah memutuskan untuk tidak memihak kepada orang yang membuat bantahan itu, ia boleh memerintahkan orang itu membayar kos yang disebabkan oleh bantahannya.

Mengambil deposisi (A. 39, k. 11)

11. (1) Deposisi mana-mana orang yang diperiksa di hadapan pemeriksa hendaklah ditulis oleh pemeriksa itu atau oleh seorang jurutrengkas atau mana-mana orang lain dalam kehadiran pemeriksa itu tetapi, tertakluk kepada perenggan (2) dan kaedah 10(1), deposisi itu tidak perlu menyatakan tiap-tiap persoalan dan jawapan selagi ia mengandungi seberapa yang boleh pernyataan orang yang diperiksa itu.

(2) Pemeriksa boleh mengarahkan perkataan yang tepat bagi mana-mana persoalan tertentu dan jawapan padanya dinyatakan dalam deposisi itu sekiranya ternyata kepadanya persoalan dan jawapan tersebut mempunyai kepentingan khas.

(3) Deposisi mana-mana orang hendaklah dibacakan kepadanya, dan dia hendaklah diminta untuk menandatangani, dalam kehadiran mana-mana pihak yang boleh hadir, tetapi pihak-pihak itu boleh bersetuju secara bertulis untuk peruntukan yang tersebut terdahulu tidak diperlukan. Sekiranya seorang enggan untuk menandatangani deposisi apabila diminta di bawah perenggan ini untuk berbuat demikian, pemeriksa hendaklah menandatangani deposisi itu.

(4) Deposisi asal mana-mana orang, yang disahkan dengan tandatangan pemeriksa di hadapannya deposisi itu diambil hendaklah dihantar oleh pemeriksa ke Pejabat Pendaftaran dan hendaklah difailkan ke dalamnya.

Masa yang diambil oleh pemeriksaan hendaklah diendorskan pada deposisi (A. 39, k. 12)

12. Sebelum menghantar apa-apa deposisi ke Pejabat Pendaftaran, pemeriksa hendaklah mengendorskan pada deposisi itu suatu pernyataan yang ditandatangani olehnya mengenai masa yang digunakan dalam menjalankan pemeriksaan itu dan fi yang kena dibayar berkenaan dengannya.

Laporan khas oleh pemeriksa (A. 39, k. 13)

13. Pemeriksa boleh membuat laporan khas kepada Mahkamah mengenai apa-apa pemeriksaan yang dijalankan di hadapannya dan mengenai ketidakhadiran atau kelakuan mana-mana orang dalam pemeriksaan itu, dan Mahkamah boleh mengarahkan prosiding sedemikian diambil, atau membuat apa-apa perintah, mengenai laporan itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perintah bagi bayaran fi pemeriksa (A. 39, k. 14)

14. (1) Sekiranya fi dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada seorang pemeriksa tidak dibayar, dia boleh melaporkan fakta itu kepada Mahkamah, dan Mahkamah boleh membuat suatu perintah terhadap pihak yang atas permohonannya perintah bagi pemeriksaan itu dibuat untuk membayar pemeriksa itu fi dan perbelanjaan yang kena dibayar kepadanya berkenaan dengan pemeriksaan itu.

(2) Suatu perintah di bawah kaedah ini tidaklah menjejaskan apa-apa penentuan mengenai penetapan kos atau selainnya tentang pihak yang kesudahannya akan menanggung kos pemeriksaan itu.

Pengekalan testimoni (A. 39, k. 15)

15. (1) Saksi tidak boleh diperiksa untuk mengekalkan testimoni melainkan jika suatu tindakan telah dimulakan bagi maksud itu.

(2) Mana-mana orang yang di bawah hal keadaan yang dikatakan wujud olehnya berhak mendapat, apabila berlaku apa-apa keadaan pada masa hadapan, apa-apa penghargaan, hakmilik, kebesaran atau jawatan, atau apa-apa estet atau kepentingan dalam mana-mana harta tak alih atau harta sendiri, yang hak atau tuntutan mengenainya tidak boleh dibawa ke perbicaraan olehnya sebelum berlakunya keadaan sedemikian, boleh memulakan tindakan bagi mengekalkan apa-apa testimoni yang mungkin material bagi membuktikan hak atau tuntutan itu.

(3) Tiada tindakan untuk mengekalkan testimoni saksi hendaklah ditetapkan untuk perbicaraan.

ATURAN 40 PAKAR MAHKAMAH

Pelantikan pakar untuk melaporkan persoalan tertentu (A. 40, k. 1)

1. (1) Dalam apa-apa kausa atau perkara yang apa-apa persoalan mengenai seorang saksi pakar berbangkit, Mahkamah boleh pada bila-bila masa, atas usulnya sendiri atau atas permohonan mana-mana pihak, melantik seorang pakar bebas atau, sekiranya lebih daripada satu persoalan sedemikian berbangkit, melantik dua atau lebih pakar sedemikian, untuk menyiasat dan melaporkan tentang apa-apa persoalan fakta atau pendapat yang tidak melibatkan persoalan undang-undang atau pentafsiran.

(2) Seorang pakar yang dilantik di bawah Aturan ini atau di bawah Aturan 32 kaedah 12 hendaklah disebut sebagai seorang “pakar Mahkamah”.

(3) Mana-mana pakar Mahkamah dalam suatu kausa atau perkara hendaklah, sekiranya boleh, seorang yang dipersetujui antara pihak-pihak itu dan, sekiranya tiada persetujuan, hendaklah dinamakan oleh Mahkamah.

(4) Persoalan yang hendak dikemukakan kepada pakar Mahkamah dan arahan, sekiranya ada, yang diberikan kepadanya hendaklah, sekiranya tiada persetujuan antara pihak-pihak itu, diselesaikan oleh Mahkamah.

(5) Dalam kaedah ini “pakar”, berhubung dengan apa-apa persoalan yang berbangkit dalam kausa atau perkara, ertinya mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang sedemikian mengenai atau berkaitan dengan persoalan tersebut hingga pendapatnya mengenai persoalan itu boleh diterima sebagai keterangan.

Laporan pakar Mahkamah (A. 40, k. 2)

2. (1) Pakar Mahkamah hendaklah menghantar laporannya kepada Mahkamah, bersama dengan sekian bilangan salinannya sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan, dan Pendaftar hendaklah menghantar salinan laporan itu kepada pihak-pihak itu atau peguam mereka.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan pakar Mahkamah untuk membuat laporan lanjut atau laporan tambahan.

(3) Mana-mana bahagian laporan pakar Mahkamah yang tidak diterima oleh semua pihak dalam kausa atau perkara yang dibuat di dalamnya hendaklah dikira sebagai maklumat yang diberikan kepada Mahkamah dan diberi pertimbangan sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

Ujikaji dan ujian (A. 40, k. 3)

3. Sekiranya pakar Mahkamah berpendapat bahawa mana-mana jenis ujikaji atau ujian (selain ujikaji atau ujian yang bersifat remeh) diperlukan untuk membolehkannya membuat suatu laporan yang memuaskan, dia hendaklah memberitahu pihak-pihak atau peguam mereka dan hendaklah, sekiranya boleh, membuat perkiraan dengan mereka tentang perbelanjaan yang terlibat, orang yang dikehendaki hadir dan perkara lain yang relevan dan sekiranya pihak-pihak tidak dapat bersetuju mengenai mana-mana perkara tersebut ia hendaklah diselesaikan oleh Mahkamah.

Pemeriksaan balas pakar Mahkamah (A. 40, k. 4)

4. Mana-mana pihak boleh, dalam empat belas hari selepas menerima sesalinan laporan pakar Mahkamah, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran untuk memeriksa balas pakar mengenai laporannya, dan atas permohonan tersebut

Mahkamah hendaklah membuat suatu perintah bagi pemeriksaan balas pakar itu oleh semua pihak sama ada—

- (a) semasa perbicaraan itu; atau
- (b) di hadapan seorang pemeriksa pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu.

Saraan pakar Mahkamah (A. 40, k. 5)

5. (1) Saraan pakar Mahkamah hendaklah ditetapkan oleh Mahkamah dan hendaklah termasuk suatu fi bagi laporannya dan sejumlah wang yang berpatutan bagi setiap hari yang dia dikehendaki hadir sama ada di Mahkamah atau di hadapan seorang pemeriksa.

(2) Tanpa menjejaskan mana-mana perintah yang memperuntukkan pembayaran saraan pakar Mahkamah sebagai sebahagian daripada kos kausa atau perkara itu, pihak-pihak hendaklah bertanggung bersama dan berasingan untuk membayar amaun yang ditetapkan oleh Mahkamah bagi saraannya, tetapi jika pelantikan seorang pakar Mahkamah adalah ditentang Mahkamah boleh, sebagai syarat membuat pelantikan itu, menghendaki pihak yang memohon pelantikan pakar itu memberikan apa-apa jaminan bagi saraan pakar itu sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

Memanggil saksi pakar (A. 40, k. 6)

6. Jika seorang pakar Mahkamah dilantik dalam suatu kausa atau perkara, mana-mana pihak boleh, apabila memberikan kepada pihak yang satu lagi masa yang munasabah sebelum perbicaraan itu notis tentang cadangannya hendak berbuat demikian, memanggil seorang saksi pakar untuk memberi keterangan mengenai persoalan yang dilaporkan oleh pakar Mahkamah tetapi tiada pihak boleh memanggil lebih daripada seorang saksi sedemikian tanpa kebenaran Mahkamah, dan Mahkamah tidak boleh memberikan kebenaran melainkan jika ia mempertimbangkan bahawa hal keadaan kes itu adalah munasabah.

ATURAN 40A
PAKAR BAGI PIHAK-PIHAK

Pengehadan keterangan pakar (A. 40A, k. 1)

1. (1) Mahkamah boleh, semasa atau sebelum perbicaraan mana-mana tindakan, melalui perintah mengehadkan bilangan saksi pakar yang boleh dipanggil pada perbicaraan kepada bilangan tertentu yang boleh dinyatakan.

(2) Sebutan “pakar” dalam Aturan ini ialah suatu rujukan kepada seorang pakar yang telah diarahkan untuk memberikan atau menyediakan keterangan bagi maksud prosiding Mahkamah.

Kewajipan pakar kepada Mahkamah (A. 40A, k. 2)

2. (1) Menjadi kewajipan seorang pakar untuk membantu Mahkamah dalam perkara yang berada dalam kepakarannya.

(2) Kewajipan ini mengatasi apa-apa obligasi terhadap seorang yang daripadanya dia menerima arahan atau yang daripadanya dia dibayar.

Kehendak keterangan pakar (A. 40A, k. 3)

3. (1) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, keterangan pakar yang diberikan semasa perbicaraan mana-mana tindakan, diberikan dalam suatu laporan bertulis yang ditandatangani oleh pakar itu dan diekshibitkan dalam suatu affidavit bersumpah atau yang diikrarkan olehnya memberikan keterangan bahawa laporan yang dikshibitkan itu ialah daripadanya dan dia menerima tanggungjawab sepenuhnya bagi laporan itu.

(2) Suatu laporan pakar hendaklah—

(a) memberikan butir-butir kelayakan pakar itu;

(b) memberikan butir-butir apa-apa kepustakaan atau bahan lain yang digunakan oleh saksi pakar dalam membuat laporan itu;

- (c) mengandungi suatu pernyataan yang menerangkan isu yang dia diminta untuk pertimbangkan dan asas yang atasnya keterangan itu diberikan;
- (d) sekiranya terpakai, menyatakan nama dan kelayakan orang yang menjalankan apa-apa ujian atau ujikaji yang digunakan oleh pakar untuk laporan itu dan sama ada atau tidak ujian atau ujikaji itu telah dijalankan di bawah pengawasan pakar itu;
- (e) jika terdapat pendapat yang pelbagai bagi perkara yang dibawa dalam laporan itu—
 - (i) meringkaskan pendapat yang pelbagai itu; dan
 - (ii) memberi sebab untuk pendapatnya;
- (f) mengandungi suatu ringkasan kesimpulan yang dicapai;
- (g) mengandungi suatu pernyataan tentang kepercayaan mengenai ketepatan pendapat pakar itu; dan
- (h) mengandungi suatu pernyataan bahawa pakar itu memahami bahawa dengan memberi laporannya, tanggungjawab utamanya adalah kepada Mahkamah dan dia hendaklah patuh dengan tanggungjawab itu.

Persoalan bertulis kepada pakar (A. 40A, k. 4)

4. (1) Suatu pihak boleh dengan kebenaran Mahkamah memberikan kepada pakar yang diarahkan oleh pihak yang satu lagi persoalan bertulis tentang laporannya.

(2) Suatu permohonan bagi kebenaran untuk memberi persoalan kepada seorang pakar mengenai laporannya hendaklah dibuat dalam empat belas hari dari

penyampaian afidavit pakar yang mengekshibit laporannya, atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana yang Mahkamah boleh benarkan.

(3) Persoalan bertulis di bawah perenggan (1) hendaklah bagi maksud penjelasan berkenaan dengan laporan itu sahaja.

(4) Jawapan pakar kepada persoalan bertulis yang diberikan kepadanya di bawah perenggan (1) hendaklah secara bertulis dan diperuntukkan dalam apa-apa tempoh sebagaimana Mahkamah boleh arahkan dan hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada laporan pakar itu.

(5) Jika suatu pihak memberi suatu persoalan kepada seorang pakar yang diarahkan oleh suatu pihak yang lain mengikut kaedah ini dan pakar itu tidak menjawab persoalan atau tidak, pada pendapat Mahkamah, menjawab persoalan itu secukupnya dalam masa yang diperuntukkan, Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil, termasuk semua atau mana-mana yang berikut:

- (a) bahawa pihak yang mengarahkan pakar itu tidak boleh bersandar kepada keterangan pakar itu;
- (b) bahawa pihak yang mengarahkan pakar itu tidak boleh mendapatkan semula kos pakar itu daripada mana-mana pihak yang lain; atau
- (c) bahawa pakar itu hendaklah menjawab atau menyediakan suatu jawapan lanjut dan yang lebih baik kepada persoalan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Perbincangan antara pakar (A. 40A, k. 5)

5. (1) Mahkamah boleh, pada mana-mana peringkat, mengarahkan suatu perbincangan antara pakar bagi maksud menghendaki mereka untuk—

- (a) mengenal pasti isu dalam prosiding; dan

(b) jika boleh, mencapai persetujuan tentang suatu isu.

(2) Mahkamah boleh menyatakan isu yang dibincangkan oleh pakar.

(3) Mahkamah boleh mengarahkan bahawa berikutan daripada perbincangan antara pakar mereka hendaklah menyediakan suatu pernyataan kepada Mahkamah yang menunjukkan—

(a) isu yang mereka setuju; dan

(b) isu yang mereka tidak bersetuju dan suatu ringkasan sebab mereka tidak bersetuju.

(4) Kandungan perbincangan antara pakar tidak boleh dirujuk pada perbincangan itu melainkan pihak-pihak bersetuju.

(5) Jika pakar mencapai persetujuan mengenai suatu isu semasa perbincangan mereka, persetujuan itu tidaklah mengikat pihak-pihak, melainkan jika pihak-pihak bersetuju secara nyata untuk terikat dengan persetujuan itu.

ATURAN 41

AFIDAVIT

Borang afidavit (A. 41, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3), tiap-tiap afidavit yang diangkat sumpah dalam suatu kausa atau perkara hendaklah diberi tajuk mengikut kausa atau perkara itu.

(2) Jika suatu kausa atau perkara diberi tajuk dalam lebih daripada satu perkara, memadai menyatakan perkara yang pertama diikuti dengan perkataan “dan perkara lain”, dan jika suatu kausa atau perkara diberikan tajuk dalam suatu perkara dan antara pihak-pihak, bahagian tajuk itu yang mengandungi perkara itu boleh ditinggalkan.

(3) Jika terdapat lebih daripada seorang plaintif, memadai untuk menyatakan nama penuh plaintif yang pertama diikuti dengan perkataan “dan lain-lain”, dan begitulah juga berkenaan dengan defendan.

(4) Tiap-tiap affidavit hendaklah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan hendaklah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, sekiranya dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalan dirinya, dan sekiranya dia menjadi, atau diambil bekerja oleh, suatu pihak dalam kausa atau perkara yang mengenainya affidavit itu diangkat sumpah, affidavit itu hendaklah menyatakan fakta itu:

Dengan syarat bahawa dalam hal seorang deponen yang memberikan keterangan dalam kapasiti professional, perniagaan atau lain-lain pekerjaan, affidavit itu boleh, sebagai ganti menyatakan tempat tinggal deponen, menyatakan alamat yang dia bekerja, jawatan yang dipegang olehnya dan nama firma atau majikannya, sekiranya ada.

(5) Tiap-tiap affidavit hendaklah dibahagikan kepada perenggan yang dinomborkan secara berturutan, setiap perenggan, setakat yang boleh dikhususkan kepada bahagian berasingan bagi perkara itu.

(6) Tarikh, kira-kira dan nombor lain hendaklah dinyatakan dalam suatu affidavit dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.

(7) Tiap-tiap affidavit hendaklah ditandatangani oleh deponen dan jurat itu hendaklah diisi dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya affidavit itu diangkat sumpah.

(8) Suatu jurat hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang 74.

Affidavit oleh dua atau lebih deponen (A. 41, k. 2)

2. (1) Jika suatu affidavit dibuat oleh dua atau lebih deponen, nama orang yang membuat affidavit itu hendaklah dimasukkan dalam jurat kecuali bahawa, sekiranya affidavit itu diangkat sumpah oleh kedua-dua atau semua deponen dalam satu masa di

hadapan orang yang sama, memadai menyatakan bahawa ia diangkat sumpah oleh kedua-dua (atau semua) deponen “yang tersebut namanya di atas”.

(2) Apabila sumpah diberikan kepada deponen dalam bahasa yang berlainan, maka hendaklah diadakan jurat yang berasingan bagi sumpah yang diangkat itu dalam setiap bahasa.

Afidavit oleh orang buta huruf atau orang buta (A. 41, k. 3)

3. Jika ternyata kepada orang yang memberikan sumpah itu bahawa deponen itu buta huruf atau buta, dia hendaklah memperakukan dalam jurat bahawa:

- (a) afidavit itu telah dibacakan kepada deponen di hadapan orang itu;
- (b) deponen kelihatan memahaminya dengan sempurna; dan
- (c) deponen itu menandatangani atau membuat suatu tanda di hadapan orang itu,

dan afidavit itu tidak boleh digunakan sebagai keterangan tanpa suatu perakuan yang sedemikian melainkan jika Mahkamah selainnya berpuas hati bahawa ia telah dibacakan kepada deponen dan ternyata difahami dengan sempurna oleh deponen.

Penggunaan afidavit cacat (A. 41, k. 4)

4. Suatu afidavit boleh, dengan kebenaran Mahkamah, difailkan atau digunakan sebagai keterangan walaupun apa-apa ketidakteraturan dalam borangnya.

Kandungan afidavit (A. 41, k. 5)

5. (1) Tertakluk kepada Aturan 14, kaedah 2(2) dan 4(2), kepada perenggan (2) kaedah ini dan kepada apa-apa perintah yang dibuat di bawah Aturan 38, kaedah 3, suatu afidavit hanya boleh mengandungi apa-apa fakta yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuannya sendiri.

(2) Suatu affidavit yang diangkat sumpah bagi maksud digunakan dalam prosiding interlokutori boleh mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan beserta dengan sumber dan alasannya.

Perkara mengaibkan dalam affidavit (A. 41, k. 6)

6. Mahkamah boleh memerintahkan untuk dibatalkan mana-mana affidavit apa-apa perkara yang bersifat mengaibkan, tidak relevan atau selainnya menindas.

Pengubahan dalam affidavit (A. 41, k. 7)

7. (1) Suatu affidavit yang mempunyai apa-apa tulisan di antara garis, pemadaman atau pengubahan lain dalam jurat atau kandungannya tidak boleh difailkan atau digunakan dalam mana-mana prosiding tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika orang yang dihadapannya affidavit itu telah diangkat sumpah telah menandatangani ringkas pengubahan itu dan, dalam hal suatu pemadaman, telah menulis semula di birai affidavit itu apa-apa perkataan atau angka yang tertulis di tempat pemadaman itu dan telah menandatangani atau menandatangani ringkasnya.

(2) Tiada pengubahan boleh dibuat dalam mana-mana affidavit selepas ia difailkan, tetapi, sebelum suatu affidavit difailkan pengubahan boleh dibuat di dalamnya dan affidavit itu hendaklah diangkat sumpah semula dengan ditambah suatu jurat selanjutnya yang bermula dengan perkataan “diangkat sumpah semula”.

Affidavit tidak boleh diangkat sumpah di hadapan peguam pihak (A. 41, k. 8)

8. Suatu affidavit tidak memadai sekiranya diangkat sumpah di hadapan peguam pihak yang bagi pihaknya affidavit itu hendak digunakan atau di hadapan mana-mana anggota firma peguam itu.

Pemfailan affidavit (A. 41, k. 9)

9. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Kaedah-Kaedah ini, tiap-tiap affidavit hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

(2) Tiap-tiap affidavit hendaklah diendorskan dengan suatu nota yang menunjukkan bagi pihak siapa ia difailkan dan tarikh mengangkat sumpah dan

pemfailan, dan suatu affidavit yang tidak diendorskan sedemikian tidak boleh difailkan atau digunakan tanpa kebenaran Mahkamah.

Penggunaan affidavit asal atau salinan pejabat (A. 41, k. 10)

10. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), suatu affidavit asal boleh digunakan dalam prosiding dengan kebenaran Mahkamah, walaupun ia tidak difailkan mengikut kaedah 9.

(2) Suatu affidavit asal tidak boleh digunakan dalam mana-mana prosiding melainkan jika ia telah terlebih dahulu disetamkan dengan fi yang bersesuaian.

(3) Jika suatu affidavit asal digunakan, maka, melainkan jika pihak yang membuat affidavit itu mengakujaji untuk memfailkannya, dia hendaklah dengan sertamerta memfailkannya dengan pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran selepas sahaja ia digunakan.

(4) Jika suatu affidavit telah difailkan, suatu salinan pejabatnya boleh digunakan dalam mana-mana prosiding.

Dokumen yang dilampirkan pada affidavit (O. 41, k. 11)

11. (1) Apa-apa dokumen yang hendak digunakan bersama-sama suatu affidavit hendaklah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada affidavit itu.

(2) Apa-apa ekshibit kepada suatu affidavit hendaklah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya affidavit itu diangkat sumpah. Perakuan itu hendaklah diberi tajuk mengikut cara yang sama sebagaimana affidavit itu dan kaedah 1(1), (2) dan (3) hendaklah terpakai dengan sewajarnya.

Affidavit yang dibuat di luar Malaysia boleh terima tanpa bukti pemeteraian (A. 41, k. 12)

12. Suatu dokumen yang berupa sebagai dicapkan atau ditekankan di atasnya atau ditandatangani padanya meterai atau tandatangan Mahkamah, Hakim, notari awam atau orang yang mempunyai kuasa untuk memberikan sumpah dalam suatu negara

Komanwel dan dalam hal mana-mana negara lain, meterai atau tandatangan seorang pegawai konsular suatu negara Komanwel dalam testimoni suatu affidavit dibuat di hadapannya hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti bahawa meterai atau tandatangan itu adalah meterai atau tandatangan Mahkamah, Hakim, notari awam atau orang tersebut.

Bahasa affidavit (A. 41, k. 13)

13. Suatu affidavit deponen yang disahkan di luar bidang kuasa boleh difailkan dalam bahasa Inggeris dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, tidak perlu disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan.

ATURAN 42

PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

Pengumuman penghakiman (A. 42, k. 1)

1. (1) Tiap-tiap penghakiman, selepas pendengaran suatu kausa atau perkara dalam Mahkamah terbuka, hendaklah, tertakluk kepada perenggan (3) dan (4), diumumkan dalam Mahkamah terbuka sama ada pada penutupan pendengaran itu atau pada suatu hari yang kemudian yang notis hendaklah diberikan kepada pihak-pihak.

(2) Jika suatu kausa atau perkara didengar dalam Kamar, Hakim yang mendengarnya boleh, tertakluk kepada perenggan (3) dan (4), mengumumkan penghakiman dalam Kamar, atau, sekiranya difikirkannya patut, dalam Mahkamah terbuka.

(3) Bila-bila masa suatu penghakiman bertulis hendak diberikan, Mahkamah boleh memberikannya dengan mengarahkan salinannya diserahkan kepada pihak-pihak atau peguam mereka apabila caj yang bersesuaian dibayar, dan naskhah asal yang ditandatangani oleh Hakim itu hendaklah difailkan.

(4) Apabila seorang Hakim yang telah mendengar apa-apa kausa atau perkara tidak dapat mengumumkan penghakiman kerana mati, sakit atau sebab lain, penghakiman yang ditulis olehnya boleh diumumkan oleh mana-mana Hakim lain

dalam Mahkamah terbuka atau dalam Kamar, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Hakim yang lain itu boleh memberikan penghakiman dalam Kamar dengan mengarahkan salinannya diserahkan kepada pihak-pihak atau peguam mereka apabila caj yang bersesuaian dibayar, dan naskhah asal ditandatangani oleh Hakim yang menulisnya hendaklah difailkan.

Penghakiman dalam prosiding yang didengar secara tertutup (A. 42, k. 1A)

1A. Jika prosiding didengar secara tertutup menurut mana-mana undang-undang bertulis, apa-apa penghakiman yang diumumkan atau diberikan dalam prosiding itu tidak boleh disediakan untuk pemeriksaan awam kecuali Mahkamah boleh, atas apa-apa terma yang boleh dikenakan, membenarkan pemeriksaan penghakiman itu dengan, atau suatu salinannya diberikan kepada, seorang yang bukan pihak kepada prosiding itu.

Penghakiman bertulis hendaklah difailkan (A. 42, k. 2)

2. *(Tiada kaedah 2)*

Siasatan penghakiman (A. 42, k. 2A)

2A. Tertakluk kepada kaedah 1A, sesalinan tiap-tiap penghakiman yang diberikan dalam apa-apa kausa atau perkara yang didengar dalam Mahkamah terbuka hendaklah disediakan untuk pemeriksaan awam apabila fi yang ditetapkan dibayar dan sesalinan penghakiman itu hendaklah diserahkan kepada mana-mana anggota awam apabila caj yang bersesuaian dibayar, dan tiada apapun dalam Aturan 60, kaedah 4, hendaklah terpakai bagi kaedah ini.

Penghakiman Hakim yang tidak hadir (A. 42, k. 3)

3. *(Tiada kaedah 3)*

Kemasukan penghakiman dalam Buku Kausa (A. 42, k. 4)

4. Pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran hendaklah mencatatkan dalam buku kausa suatu minit penghakiman atau perintah muktamad yang diberikan atau dibuat oleh Mahkamah.

Bentuk penghakiman (A. 42, k. 5)

5. (1) Sekiranya, dalam hal apa-apa penghakiman, suatu borang baginya yang ditetapkan dalam Borang 75, penghakiman itu hendaklah sebahagian besarnya mengikut borang itu.

(2) *(Tiada perenggan (2))*

(3) Suatu perintah hendaklah ditandakan dengan nama Hakim, Majistret atau Pendaftar yang membuatnya dan hendaklah dimeteraikan.

Penghakiman yang menghendaki perbuatan dilakukan: Masa untuk melakukannya (A. 42, k. 6)

6. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang melakukan suatu perbuatan hendaklah menyatakan masa selepas penyampaian penghakiman atau perintah itu, atau suatu masa lain, dalam yang perbuatan itu kena dilakukan.

(2) Jika perbuatan yang mana-mana orang dikehendaki oleh apa-apa penghakiman atau perintah untuk dilakukan ialah untuk membayar wang kepada seseorang yang lain, memberi milikan apa-apa harta tak alih atau menghantARSERahkan apa-apa harta alih, masa yang perbuatan itu kena dilakukan tidak perlu dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu mengikut perenggan (1), tetapi peruntukan yang terdahulu tidaklah menjejaskan kuasa Mahkamah untuk menyatakan suatu masa yang sedemikian dan untuk menghakimkan atau memerintahkan sewajarnya.

Tarikh yang darinya penghakiman atau perintah mula berkuat kuasa (A. 42, k. 7)

7. (1) Suatu penghakiman atau perintah Mahkamah mula berkuat kuasa dari hari yang ia ditarikhhkan.

(2) Suatu penghakiman atau perintah yang sedemikian hendaklah ditarikhhkan sama sebagaimana pada hari ia diumumkan, diberikan atau dibuat, melainkan jika Mahkamah memerintahkan supaya ia ditarikhhkan sama sebagaimana

suatu tarikh lain yang lebih awal atau lewat, yang dalam hal ia hendaklah ditarikhkan sama sebagaimana hari yang lain itu.

Penyediaan penghakiman atau perintah (A. 42, k. 8)

8. (1) Jika pihak yang penghakiman atau perintah yang diberi atau dibuat dengan memihak kepadanya diwakili oleh peguam, suatu salinan drafnya hendaklah dikemukakan untuk kelulusan kepada peguam itu, sekiranya ada, pihak yang satu lagi yang hendaklah dalam dua hari selepas menerimanya, atau dalam masa yang dilanjutkan atau disingkatkan sebagaimana yang dalam apa-apa hal dibenarkan oleh Pendaftar, mengembalikan salinan itu beserta dengan persetujuannya yang telah ditandatangani atau apa-apa pindaan yang dikehendaki kepada draf itu.

(2) Jika peguam itu tidak mengembalikan salinan draf itu dalam masa yang ditetapkan, dia hendaklah disifatkan telah bersetuju dengan terma draf itu.

(3) Dalam apa-apa hal jika peguam yang berkenaan tidak dapat bersetuju mengenai draf itu, salah seorang daripada mereka boleh mendapatkan suatu janji temu di hadapan Pendaftar, yang notis mengenainya hendaklah diberikan kepada pihak yang satu lagi, untuk menyelesaikan terma penghakiman atau perintah itu.

(4) Tiap-tiap penghakiman atau perintah hendaklah diselesaikan oleh Pendaftar, tetapi dalam hal suatu penghakiman atau perintah yang dibuat oleh seorang Hakim atau Majistret, mana-mana pihak boleh menghendaki perkara yang dipertikaikan itu dirujuk kepada Hakim atau Majistret untuk penentuannya.

(5) Jika pihak yang satu lagi tidak mempunyai peguam, draf itu hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar.

Perintah yang dikehendaki disediakan (A. 42, k. 9)

9. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), tiap-tiap perintah Mahkamah hendaklah disediakan melainkan jika Mahkamah mengarahkan sebaliknya.

(2) Suatu perintah—

(a) yang—

(i) melanjutkan tempoh yang dalamnya seseorang itu dikehendaki atau dibenarkan oleh kaedah-kaedah ini, atau oleh apa-apa penghakiman, perintah atau arahan, untuk melakukan apa-apa perbuatan; atau

(ii) memberi kebenaran bagi pelakuan apa-apa perbuatan yang dinyatakan dalam perenggan (3); dan

(b) yang tidak mengenakan apa-apa terma khas atau tidak memasukkan apa-apa arahan khas selain arahan tentang kos,

tidak perlu disediakan melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

(3) Perbuatan yang disebut dalam subperenggan (2)(a)(ii) ialah—

(a) pindaan suatu writ atau saman pemula atau suatu pliding;

(b) pemfailan apa-apa dokumen; dan

(c) apa-apa perbuatan yang kena dilakukan oleh seorang pegawai Mahkamah, selain seorang peguam.

Menyediakan dan memasukkan penghakiman dan perintah (A. 42, k. 10)

10. (1) Jika suatu penghakiman yang diberikan dalam suatu kausa atau perkara dikemukakan untuk kemasukan mengikut kaedah ini di Pejabat Pendaftaran, ia hendaklah dimasukkan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran itu dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.

(2) Pihak yang meminta untuk mendapatkan suatu penghakiman yang sedemikian dimasukkan hendaklah menyediakan penghakiman itu dan menyerahkannya kepada pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran untuk kemasukan.

(3) Semasa memasukkan apa-apa penghakiman, pegawai yang berkenaan hendaklah memfailkan penghakiman itu dan mengembalikan pendua penghakiman itu kepada pihak yang menyerahkannya untuk kemasukan.

(4) Tiap-tiap perintah yang dikehendaki disediakan hendaklah disediakan oleh pihak yang perintah itu telah dibuat dengan memihak kepadanya dan sekiranya pihak itu gagal untuk menyediakan perintah itu dalam tujuh hari selepas perintah itu dibuat, mana-mana pihak lain yang terlibat dengan perintah itu bolehlah menyediakannya.

(5) Perintah yang disebut dalam perenggan (4) hendaklah, apabila disediakan, dikemukakan di Pejabat Pendaftaran, bersama dengan suatu salinannya, dan apabila diluluskan oleh pegawai yang berkenaan, perintah itu, yang dimeteraikan dengan meterai Mahkamah, hendaklah dikembalikan kepada pihak yang mengemukakannya dan salinan itu hendaklah diserahkan di Pejabat Pendaftaran.

Pendua penghakiman dan perintah (A. 42, k. 11)

11. (1) Tidak kurang daripada satu hari genap selepas suatu penghakiman atau perintah difailkan, satu penduanya hendaklah dibekalkan oleh Pejabat Pendaftaran kepada mana-mana pihak dalam prosiding itu atas pembayaran fi yang ditetapkan.

(2) Pendua bagi suatu penghakiman atau perintah boleh merupakan salinan karbon kepada naskhah asal kecuali bahawa sekiranya Pendaftar mengarahkan sedemikian, pendua bagi tiap-tiap penghakiman atau perintah daripada apa-apa kelas sebagaimana yang diarahkannya, hendaklah merupakan salinan fotograf atau salinan yang dikemukakan melalui litografi bertaip atau proses seumpamanya yang lain.

(3) Sebelum pendua bagi suatu penghakiman atau perintah dikeluarkan, ia hendaklah dimeteraikan dan hendaklah dicatatkan padanya nombor penghakiman, tarikh kemasukan dan amaun apa-apa setem pada salinan asal.

(4) Jika melalui mana-mana kaedah-kaedah ini atau mana-mana perintah Mahkamah penghakiman atau perintah asal itu dikehendaki dikemukakan atau disampaikan, ia adalah memadai untuk mengemukakan atau menyampaikan pendua itu.

(5) Suatu pendua tambahan bagi suatu penghakiman atau perintah boleh, atas pembayaran fi yang ditetapkan, dikeluarkan sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa pendua itu telah hilang dan bahawa pemohon yang memohon pendua tambahan itu berhak untuk mendapatkannya.

(6) Suatu penghakiman atau perintah tidak boleh dipinda kecuali atas pengemukaan penduanya yang terakhir sekali dikeluarkan, dan sekiranya penghakiman atau perintah itu dipinda, pendua yang dikeluarkan sedemikian hendaklah dipinda sebegitu juga, dan pindaan itu dimeteraikan, di bawah arahan Pendaftar.

Bunga ke atas hutang penghakiman (A. 42, k. 12)

12. Tertakluk kepada kaedah 12A, kecuali apabila telah dipersetujui selainnya antara pihak-pihak, tiap-tiap hutang penghakiman hendaklah membawa bunga pada kadar seperti yang Ketua Hakim Negara tentukan dari semasa ke semasa atau pada kadar lain yang tidak melebihi kadar yang disebut terdahulu sebagaimana yang Mahkamah tentukan, bunga sedemikian hendaklah dikira dari tarikh penghakiman sehinggalah penghakiman itu ditunaikan.

Caj pembayaran lewat ke atas hutang penghakiman yang berbangkit daripada transaksi kewangan mengikut Syariah (A. 42, k. 12A)

12A. (1) Tiap-tiap hutang penghakiman yang berbangkit daripada transaksi kewangan mengikut Syariah hendaklah dikenakan suatu caj pembayaran lewat yang dikira dari tarikh penghakiman sehingga hutang penghakiman dijelaskan sepenuhnya

pada kadar yang diperuntukkan di bawah Aturan 42, kaedah 12 dan tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) pemiutang kehakiman hendaklah hanya berhak kepada *ta'widh* sebagai akibat pembayaran lewat;
 - (b) amaun caj pembayaran lewat tidak melebihi amaun asal yang tertunggak; dan
 - (c) sekiranya amaun *ta'widh* kurang daripada amaun caj pembayaran lewat, baki itu hendaklah disalurkan kepada mana-mana organisasi kebajikan sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah.
- (2) Bagi maksud kaedah ini—
- (a) “Majlis Penasihat Syariah” ertinya Majlis Penasihat Syariah yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara 2009 [*Akta 701*] dan Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [*Akta 671*]; dan
 - (b) “*ta'widh*” ertinya ganti rugi untuk kerugian sebenar dan hendaklah dikira pada kadar yang ditentukan oleh Majlis Penasihat Syariah.

Mengetepikan atau mengubah penghakiman dan perintah (A. 42, k. 13)

13. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-Kaedah ini, jika peruntukan dibuat dalam Kaedah-Kaedah ini untuk mengetepikan atau mengubah apa-apa perintah atau penghakiman, suatu pihak yang berniat untuk mengetepikan atau mengubah perintah atau penghakiman itu hendaklah membuat suatu permohonan kepada Mahkamah dan menyampaikannya kepada pihak yang telah mendapat perintah atau penghakiman itu dalam tiga puluh hari selepas perintah atau penghakiman itu diterima olehnya.

ATURAN 43
AKAUN DAN SIASATAN

Perintah terus untuk akaun (A. 43, k. 1)

1. (1) Jika suatu writ diendorskan dengan suatu tuntutan untuk suatu akaun atau suatu tuntutan yang perlu melibatkan pengambilan suatu akaun, plaintif boleh, pada bila-bila masa selepas defendan telah memasukkan suatu kehadiran atau selepas masa yang dihadkan untuk kehadiran, memohon untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah ini.

(2) Seorang defendan kepada suatu tindakan yang dimulakan dengan writ yang telah menyampaikan suatu tuntutan balas, yang termasuklah suatu tuntutan untuk suatu tindakan atau tuntutan yang memerlukan penglibatan pengambilan suatu akaun, ke atas—

(a) plaintif;

(b) mana-mana pihak lain; atau

(c) mana-mana orang yang menjadi suatu pihak mengikut penyampaian itu, boleh memohon suatu perintah di bawah kaedah ini.

(3) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan, sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian, hendaklah disokong dengan affidavit atau keterangan lain.

(4) Pada pendengaran permohonan itu, Mahkamah boleh, melainkan jika berpuas hati dengan defendan melalui affidavit atau selainnya bahawa ada beberapa persoalan permulaan yang hendak dibicarakan, memerintahkan supaya suatu akaun diambil dan boleh juga memerintahkan bahawa apa-apa amaun yang diperakukan semasa mengambil akaun itu sebagai kena dibayar kepada mana-mana satu pihak dibayar kepadanya dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu.

Mahkamah boleh mengarahkan pengambilan akaun (A. 43, k. 2)

2. (1) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat melalui notis permohonan pada mana-mana peringkat prosiding dalam suatu kausa atau perkara, mengarahkan apa-apa akaun atau siasatan yang perlu diambil atau dibuat dalam Borang 76.

(2) Tiap-tiap arahan untuk pengambilan suatu akaun atau pembuatan suatu siasatan hendaklah dinomborkan dalam penghakiman atau perintah itu supaya, setakat yang boleh, setiap akaun dan siasatan yang berlainan boleh ditetapkan dengan suatu nombor.

Arahan mengenai cara mengambil akaun (A. 43, k. 3)

3. (1) Jika Mahkamah mengarahkan suatu akaun diambil ia boleh melalui perintah yang sama atau perintah kemudiannya memberi arahan berkaitan dengan cara yang dalamnya akaun itu akan diambil atau disokong.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), Mahkamah boleh mengarahkan bahawa dalam mengambil akaun itu buku akaun yang relevan hendaklah menjadi keterangan kepada perkara yang terkandung di dalamnya dengan memberi kebebasan kepada pihak yang berkepentingan untuk membuat apa-apa bantahan terhadapnya sebagaimana yang mereka fikirkan patut.

(3) Jika Mahkamah memerintahkan suatu akaun diambil dan tiada peruntukan dibuat dalam perintah itu untuk cara yang dalamnya akaun itu akan diambil, pihak yang berhak kepada akaun itu hendaklah, dalam satu bulan dari tarikh perintah itu, memohon kepada Pendaftar untuk arahan.

(4) Pada pendengaran permohonan bagi arahan di bawah perenggan (3), Pendaftar boleh, sebagai tambahan kepada membuat apa-apa perintah yang perlu dan sesuai, memberikan arahan iaitu kepada masa bagi akaun yang disebut dalam kaedah 4, suatu notis yang disebut dalam kaedah 5 atau suatu notis janji temu bagi pengambilan akaun itu dalam Borang 76A hendaklah difailkan.

(5) Walau apapun Aturan 62, kaedah 10, suatu notis janji temu bagi pengambilan akaun yang disebut dalam perenggan (4) hendaklah, tidak lewat dari tujuh hari selepas ia difailkan, disampaikan kepada pihak yang membuat akaun itu.

(6) Sekiranya pihak yang berhak kepada akaun itu tidak memfailkan permohonan untuk arahan dalam tempoh yang disebut dalam perenggan (3), mana-mana pihak lain boleh berbuat demikian atau memohon Mahkamah untuk menjalankan kuasanya di bawah kaedah 7.

Akaun hendaklah dibuat dan ditentusahkan (A. 43, k. 4)

4. (1) Jika suatu akaun diperintahkan supaya diambil, pihak pengakaunan hendaklah membuat akaunnya dan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menentusahkannya dengan suatu affidavit yang akaunnya hendaklah diekshibitkan.

(2) Butir-butir pada setiap sisi akaun itu hendaklah dinomborkan secara berturutan.

(3) Melainkan jika perintah bagi pengambilan akaun itu mengarahkan selainnya, pihak pengakaunan hendaklah menyerah simpan akaun itu di Pejabat Pendaftaran dan hendaklah pada masa yang sama memberitahu pihak yang lain bahawa dia telah berbuat demikian dan juga memfailkan apa-apa affidavit yang menentusahkan akaun itu dan apa-apa affidavit sokongan.

Notis yang diberikan mengenai peninggalan yang dikatakan dalam akaun (A. 43, k. 5)

5. Mana-mana pihak yang meminta untuk mengenakan suatu amaun ke atas pihak pengakaunan dengan suatu amaun yang melebihi apa yang dia telah terima melalui akaunnya atau yang mengatakan bahawa apa-apa butir-butir dalam akaunnya adalah salah berkenaan dengan amaun atau dalam apa-apa aspek lain hendaklah memberi kepada pihak pengakaunan itu notis yang menyatakan, setakat yang dia berupaya boleh, amaun yang diminta dikenakan, dengan butir-butir ringkas atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, alasan yang mengatakan yang butir-butir itu salah.

**Pemfailan dokumen sebelum pengambilan akaun atau membuat siasatan
(A. 43, k. 5A)**

5A. (1) Dokumen yang berikut hendaklah difailkan tidak kurang dari tujuh hari sebelum pengambilan mana-mana akaun atau membuat suatu siasatan:

(a) affidavit asal keterangan utama semua saksi, termasuk affidavit yang menentusahkan akaun itu; dan

(b) suatu ikatan semua dokumen yang padanya disandarkan atau disebut dalam perjalanan pengambilan akaun atau membuat siasatan oleh mana-mana pihak, termasuk apa-apa dokumen yang diekshibitkan kepada affidavit keterangan utama semua saksi.

(2) Setiap pihak hendaklah memfailkan affidavit keterangan utama bagi saksi pihak tersebut.

(3) Kandungan ikatan dokumen yang disebut dalam subperenggan (1)(b) hendaklah dipersetujui ke atasnya antara pihak-pihak setakat yang boleh, dan ikatan dokumen yang dipersetujui ini hendaklah difailkan oleh pihak pengakaunan yang menyerah simpan akaun itu menurut kaedah 4(3).

(4) Sekiranya pihak-pihak tidak dapat bersetuju dengan kemasukan dokumen tertentu, dokumen itu yang persetujuan ke atasnya tidak dapat dicapai hendaklah dimasukkan dalam ikatan yang berasingan, dan setiap ikatan itu hendaklah difailkan oleh pihak yang bercadang untuk bersandar pada atau merujuk kepada dokumen dalam ikatan itu pada masa yang sama sebagai ikatan dokumen yang disebut dalam perenggan (3).

(5) Bagi maksud kaedah ini, semua dokumen yang terkandung dalam ikatan hendaklah disusun mengikut kronologi atau dalam susunan yang logik dan hendaklah dinomborkan.

(6) Kandungan dan format tiap-tiap ikatan dokumen yang difailkan menurut kaedah ini hendaklah mematuhi kehendak yang ditetapkan dalam mana-mana arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Elaun (A. 43, k. 6)

6. Dalam mengambil suatu akaun yang diarahkan oleh apa-apa penghakiman atau perintah, semua elaun yang adil hendaklah dibuat tanpa apa-apa arahan bagi maksud itu.

Kelengahan dalam melaksanakan akaun (A. 43, k. 7)

7. (1) Sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa terdapat kelengahan yang tidak wajar dalam melaksanakan apa-apa akaun atau siasatan, atau dalam apa-apa prosiding lain di bawah apa-apa penghakiman atau perintah, Mahkamah boleh menghendaki pihak yang menjalankan prosiding itu atau mana-mana pihak lain untuk menerangkan mengenai kelengahan itu dan boleh membuat apa-apa perintah bagi menggantung prosiding itu atau bagi mempercepatkannya atau bagi perjalanannya dan bagi kos mengikut kehendak hal keadaannya.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan mana-mana pihak supaya mengambil alih penjalanan prosiding yang berkenaan dan melaksanakan apa-apa arahan yang dibuat oleh suatu perintah di bawah kaedah ini dan untuk membuat suatu perintah tentang kos sebagaimana yang Mahkamah sifatkan patut.

Pembahagian kumpulan wang sebelum semua orang yang berhak ditentukan (A. 43, k. 8)

8. Jika beberapa orang yang berhak mendapat bahagian dalam suatu kumpulan wang telah ditentukan, dan kesukaran atau kelengahan telah berlaku atau mungkin berlaku dalam menentukan orang lain yang berhak sedemikian, Mahkamah boleh memerintahkan atau membenarkan supaya orang yang telah ditentukan itu dibayar bahagian mereka dengan serta-merta tanpa merizabkan apa-apa bahagian daripada bahagian tersebut untuk menampung kos berikutnya dalam menentukan orang yang lain itu.

ATURAN 44

PROSIDING DI BAWAH PENGHAKIMAN DAN PERINTAH YANG SAKSAMA

Pemakaian bagi prosiding di bawah suatu perintah (A. 44, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, sebutan kepada suatu penghakiman termasuk sebutan kepada suatu perintah.

Dokumen hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran: Saman untuk meneruskan (A. 44, k. 2)

2. (1) Jika untuk menjalankan apa-apa arahan yang terkandung dalam suatu penghakiman yang diberi dalam suatu kausa atau perkara adalah perlu untuk meneruskan tindakan dalam Kamar di bawah penghakiman itu, pihak yang berhak menjalankan penghakiman itu hendaklah, dalam sepuluh hari selepas kemasukan penghakiman itu, mengeluarkan suatu notis permohonan untuk meneruskan di bawah penghakiman itu.

(2) Sekiranya pihak yang berhak untuk menjalankan penghakiman itu gagal untuk mematuhi perenggan (1), mana-mana pihak lain dalam kausa atau perkara itu hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menjadi berhak untuk menjalankan penghakiman itu.

(3) Pihak yang berhak untuk menjalankan penghakiman itu hendaklah mengambil suatu notis permohonan untuk meneruskan tindakan di bawah penghakiman itu.

Penyampaian notis penghakiman kepada orang yang tidak menjadi suatu pihak (A. 44, k. 3)

3. (1) Jika dalam suatu tindakan untuk—

(a) kuasa mentadbir harta pusaka orang yang mati;

(b) pelaksanaan suatu amanah; atau

(c) penjualan apa-apa harta,

Mahkamah memberi suatu penghakiman yang menyentuh hak atau kepentingan orang yang tidak menjadi pihak dalam tindakan itu atau mengarahkan mana-mana akaun diambil atau siasatan dibuat, Mahkamah boleh apabila memberi penghakiman itu atau pada mana-mana peringkat prosiding di bawah penghakiman itu mengarahkan bahawa suatu notis penghakiman disampaikan kepada mana-mana orang yang berkepentingan dalam harta pusaka atau di bawah amanah atau dalam harta itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan mana-mana orang yang disampaikan dengan sempurnanya suatu notis penghakiman mengikut kaedah ini hendaklah, tertakluk kepada perenggan (5), terikat dengan penghakiman itu sama takatnya sebagaimana dia adalah terikat sekiranya dia telah pada asalnya dijadikan pihak dalam tindakan itu.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan suatu notis penghakiman yang dimeterai disampaikan secara kediri atau mengikut apa-apa cara sebagaimana yang boleh dinyatakannya kepada orang yang dikehendaki disampaikan itu, atau sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa tidaklah praktik atas apa-apa sebab untuk menyampaikan notis itu kepada mana-mana orang Mahkamah boleh untuk tidak memerlukan penyampaian notis itu kepada orang itu. Sebelum suatu notis penghakiman disampaikan, notis itu hendaklah diendorskan dengan suatu memorandum dalam Borang 77.

(3) Jika tiada kehadiran dimasukkan oleh orang yang disampaikan dengan notis penghakiman itu, pihak yang menjalankan penghakiman itu hendaklah memfailkan suatu perakuan di Pejabat Pendaftaran bagi maksud itu.

(4) Jika Mahkamah tidak memerlukan penyampaian suatu notis penghakiman kepada mana-mana orang, Mahkamah boleh juga memerintahkan orang itu hendaklah terikat dengan penghakiman sama takatnya seolah-olah notis penghakiman itu telah disampaikan kepadanya, dan dia hendaklah terikat dengan sewajarnya, kecuali jika penghakiman itu telah didapatkan secara fraud atau ketidakdedahan fakta material.

(5) Seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis penghakiman boleh, dalam satu bulan selepas penyampaian notis itu kepadanya, dan tanpa memasukkan kehadiran, memohon kepada Mahkamah untuk melepaskan, mengubah atau menambah kepada penghakiman itu.

(6) Seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis penghakiman boleh, selepas memasukkan kehadiran kepada notis itu, menghadiri prosiding di bawah penghakiman itu.

(7) Aturan 12, kaedah 1 hingga 3 hendaklah terpakai yang berhubung dengan kemasukan kehadiran kepada suatu notis penghakiman seolah-olah penghakiman itu adalah suatu writ, dan orang yang menyampaikan notis itu adalah plaintif dan orang yang notis disampaikan kepadanya itu adalah defendan.

Arahan oleh Mahkamah (A. 44, k. 4)

4. (1) Mahkamah yang mendengar permohonan untuk meneruskan tindakan hendaklah memberi arahan mengenai prosiding yang hendak diambil di bawah penghakiman itu dan perjalanannya, termasuk, khususnya, arahan berkenaan dengan—

- (a) cara bagaimana apa-apa akaun atau siasatan hendak dijalankan;
- (b) keterangan yang hendak dikemukakan bagi menyokongnya;
- (c) pihak-pihak yang dikehendaki untuk menghadiri semua atau mana-mana bahagian prosiding itu; dan
- (d) masa yang setiap prosiding hendak diambil,

dan boleh menetapkan satu hari atau hari-hari untuk kehadiran selanjutnya pihak-pihak itu.

(2) Mahkamah boleh membatalkan atau mengubah apa-apa arahan yang diberikan di bawah kaedah ini.

Mahkamah boleh menghendaki pihak-pihak untuk diwakili oleh peguam yang sama (A. 44, k. 5)

5. Jika pada pendengaran permohonan untuk meneruskan atau pada mana-mana peringkat prosiding di bawah penghakiman itu ternyata kepada Mahkamah bahawa kepentingan pihak itu boleh diklasifikasikan, Mahkamah boleh menghendaki pihak-pihak yang membentuk setiap satu atau mana-mana kelas itu diwakili oleh peguam yang sama, dan jika pihak-pihak yang membentuk mana-mana kelas itu tidak dapat bersetuju mengenai peguam untuk mewakili mereka, Mahkamah boleh menamakan seorang peguam untuk mewakili kelas itu dalam prosiding tersebut.

Mahkamah boleh menghendaki pihak-pihak diwakili oleh peguam yang berlainan (A. 44, k. 6)

6. Jika pada pendengaran permohonan untuk meneruskan atau pada mana-mana peringkat prosiding di bawah penghakiman itu ternyata kepada Mahkamah bahawa dua atau lebih pihak yang diwakili oleh peguam yang sama sepatutnya diwakili secara berasingan, Mahkamah boleh menghendaki mereka supaya diwakili sedemikian dan boleh menangguhkan prosiding itu sehingga mereka diwakili secara berasingan.

Kebenaran untuk menghadiri prosiding (A. 44, k. 7)

7. Mana-mana pihak dalam prosiding di bawah penghakiman itu yang masih belum diarahkan untuk hadir boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran untuk hadir mana-mana bahagian prosiding itu atas kos harta pusaka atau lain-lain harta yang berhubung dengan prosiding itu dan untuk menjalankan bahagian prosiding tersebut sama ada sebagai tambahan kepada atau sebagai ganti bagi mana-mana pihak lain.

Penghakiman yang menghendaki surat ikatan diselesaikan oleh Mahkamah: Arahan (A. 44, k. 8)

8. Jika penghakiman itu mengarahkan apa-apa surat ikatan atau surat cara lain diselesaikan oleh Hakim dalam Kamar, atau untuk diselesaikan olehnya sekiranya pihak-pihak dalam surat ikatan itu gagal untuk mencapai persetujuan mengenainya, Mahkamah yang mendengar permohonan untuk meneruskan di bawah penghakiman itu hendaklah mengarahkan—

- (a) bahawa dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakannya pihak yang berhak menyediakan draf surat ikatan itu hendaklah menyampaikan suatu salinan draf itu kepada tiap-tiap pihak lain yang akan menjadi pihak dalam surat ikatan itu; dan
- (b) bahawa dalam lapan hari, atau apa-apa tempoh yang lain, sekiranya ada, sebagaimana yang dinyatakannya, selepas penyampaian suatu salinan draf itu kepada mana-mana pihak lain pihak itu hendaklah menyampaikan kepada pihak yang menyediakan draf itu suatu pernyataan bertulis tentang bantahannya, sekiranya ada, terhadap draf itu.

Pemakaian kaedah 10 hingga 17 (A. 44, k. 9)

9. Kaedah 10 hingga 17 adalah terpakai—

- (a) jika dalam prosiding bagi pentadbiran harta pusaka orang yang mati di bawah arahan Mahkamah penghakiman itu mengarahkan supaya apa-apa akaun hutang atau liabiliti lain bagi harta pusaka si mati itu diambil atau apa-apa siasatan waris kadim atau pihak menuntut lain yang belum ditentukan dibuat; dan
- (b) jika prosiding bagi pelaksanaan suatu amanah di bawah arahan Mahkamah penghakiman itu mengarahkan supaya apa-apa siasatan yang sedemikian dibuat,

dan kaedah-kaedah tersebut hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai jika dalam mana-mana prosiding lain penghakiman itu mengarahkan supaya apa-apa akaun hutang atau liabiliti lain diambil atau apa-apa siasatan dibuat.

Iklan bagi pemiutang dan pihak menuntut lain (A. 44, k. 10)

10. (1) Pada pendengaran permohonan untuk meneruskan, Mahkamah boleh mengarahkan pengeluaran iklan bagi pemiutang dalam Borang 78 atau pihak menuntut lain dalam Borang 79 dan, dalam memutuskan sama ada hendak berbuat demikian,

hendaklah memberikan perhatian berat kepada apa-apa iklan yang telah dikeluarkan dahulunya oleh wakil diri atau pemegang amanah yang berkenaan.

(2) Tiap-tiap iklan sedemikian hendaklah disediakan oleh pihak yang menjalankan penghakiman itu, dan—

(a) dalam hal suatu iklan bagi pemiutang, hendaklah ditandatangani oleh peguam pihak itu atau, sekiranya dia tidak mempunyai peguam, oleh Pendaftar; dan

(b) dalam hal suatu iklan bagi pihak menuntut lain, hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar dan sekiranya diluluskan oleh Pendaftar hendaklah ditandatanganinya.

(3) Mahkamah hendaklah menetapkan masa yang, dan orang yang kepadanya, mana-mana pihak menuntut hendak menghantarkan nama dan alamatnya serta butir-butir mengenai tuntutannya, dan masa itu dan nama dan alamat orang itu hendaklah dinyatakan dalam iklan.

Kegagalan untuk membuat tuntutan dalam masa yang dinyatakan (A. 44, k. 11)

11. Seorang pihak menuntut yang gagal untuk menghantar butir-butir lengkap mengenai tuntutannya kepada orang yang dinamakan dalam apa-apa iklan yang diarahkan oleh Mahkamah dalam masa yang dinyatakan di dalamnya tidaklah berhak membuktikan tuntutannya kecuali dengan kebenaran Mahkamah, dan dalam memberikan kebenaran Mahkamah boleh mengenakan apa-apa terma tentang kos dan selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil.

Pemeriksaan tuntutan (A. 44, k. 12)

12. (1) Jika suatu akaun hutang atau liabiliti lain bagi harta pusaka orang yang mati telah diarahkan, mana-mana pihak sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan hendaklah—

- (a) memeriksa tuntutan orang yang menuntut menjadi pemiutang bagi harta pusaka itu dan menentukan, setakat yang dia boleh, yang kepadanya tuntutan itu tuntutan yang harta pusaka itu bertanggung; dan
- (b) sekurang-kurangnya tujuh hari genap sebelum masa yang ditetapkan bagi menghakimi tuntutan, membuat suatu affidavit dalam Borang 80 menentusahkan senarai—
 - (i) tuntutan yang dihantar menurut mana-mana iklan;
 - (ii) tuntutan yang telah diterima oleh mana-mana wakil diri itu selain menurut suatu iklan; dan
 - (iii) hutang si mati itu pada masa kematiannya yang berkenaan dengannya tiada tuntutan telah diterima tetapi yang terhutang atau mungkin masih terhutang dan yang telah sampai kepada pengetahuan mana-mana wakil diri itu.

(2) Jika suatu siasatan untuk wakil kadim atau pihak menuntut lain yang belum ditentukan telah diarahkan, mana-mana pihak sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan—

- (a) memeriksa tuntutan itu dan menentukan, setakat yang dia boleh, yang antaranya tuntutan itu tuntutan yang sah; dan
- (b) sekurang-kurangnya tujuh hari genap sebelum masa yang ditetapkan bagi menghakimi tuntutan, membuat suatu affidavit dalam Borang 81 menentusahkan senarai—
 - (i) tuntutan yang dihantar menurut mana-mana iklan; dan

- (ii) tuntutan yang diterima oleh mana-mana wakil diri atau pemegang amanah yang berkenaan, melainkan menurut suatu iklan, atau yang telah sampai kepada pengetahuannya.

(3) Afidavit yang dikehendaki oleh perenggan (1) atau (2) hendaklah, sebagaimana yang dikehendaki oleh hal keadaan kes itu, menyatakan, berhubung dengan tuntutan pemiutang, tuntutan dan hutang yang pada kepercayaan deponen adalah liabiliti harta pusaka si mati dan patut dibenarkan, keseluruhannya atau sebahagiannya, dan, berhubung dengan tuntutan orang yang selain pemiutang, tuntutan yang pada kepercayaan deponen adalah tuntutan yang sah, dengan, dalam mana-mana satu hal, dengan sebab-sebab kepercayaannya.

(4) Sekiranya wakil diri atau pemegang amanah yang berkenaan itu bukannya pihak yang diarahkan oleh Mahkamah untuk memeriksa tuntutan, mereka hendaklah menyertai pihak yang diarahkan untuk memeriksanya dalam membuat afidavit yang dikehendaki oleh kaedah ini.

Penghukuman tuntutan (A. 44, k. 13)

13. (1) Mahkamah yang menghukumkan tuntutan itu—

- (a) boleh membenarkan mana-mana tuntutan itu selepas dibuktikan atau tanpa bukti;
- (b) boleh mengarahkan mana-mana tuntutan itu disiasat mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkannya patut;
- (c) boleh menghendaki mana-mana pihak menuntut hadir dan membuktikan tuntutanannya atau memberikan butir-butir atau keterangan lanjut mengenainya.

(2) Jika Mahkamah menjalankan kuasa yang diberikan oleh subperenggan (1)(c) berhubung dengan mana-mana pihak menuntut mana-mana pihak sebagaimana

yang Mahkamah boleh arahkan hendaklah menyampaikan kepada pihak menuntut itu suatu notis menghendaknya—

- (a) untuk memfailkan suatu affidavit bagi menyokong tuntutan dalam suatu masa, yang tidak kurang daripada tujuh hari selepas penyampaian notis itu, sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu dan hadir di hadapan Mahkamah bagi penghukuman mengenai tuntutan itu pada bila-bila masa sebagaimana yang dinyatakan sedemikian; atau
- (b) untuk mengemukakan kepada Mahkamah pada bila-bila masa sebagaimana yang dinyatakan sedemikian apa-apa dokumen bagi menyokong tuntutan sebagaimana yang dinyatakan atau diperihalkan sedemikian.

(3) Jika pihak menuntut gagal untuk mematuhi suatu notis yang disampaikan kepadanya di bawah perenggan (2) tuntutannya boleh tidak dibenarkan.

(4) Pihak menuntut yang memfailkan suatu affidavit sebagai mematuhi notis yang disampaikan kepadanya di bawah perenggan (2) hendaklah menyampaikan notis mengenai pemfailan itu kepada pihak yang telah menyampaikan notis yang mula-mula dinyatakan itu dan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, pihak itu hendaklah mengemukakan suatu salinan pejabat affidavit itu pada penghukuman tuntutan itu.

(5) Tiada seorang pun yang menuntut menjadi pemiutang perlu membuat suatu affidavit atau hadir bagi menyokong tuntutannya, kecuali bagi maksud mengemukakan apa-apa dokumen yang dia dikehendaki kemukakan, melainkan jika suatu notis di bawah subperenggan 2(a) telah disampaikan kepadanya.

(6) Sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian, seorang yang menuntut menjadi pemiutang bercagar hendaklah mengemukakan cagarannya kepada Pendaftar.

(7) Dalam kaedah ini, sebutan mengenai suatu tuntutan termasuklah sebutan mengenai sebahagian daripada suatu tuntutan.

Penangguhan penghukuman (A. 44, k. 14)

14. Jika pada hari yang ditetapkan bagi penghukuman tuntutan mana-mana tuntutan tidak diselesaikan ketika itu, penghakiman itu hendaklah ditangguhkan ke suatu hari yang ditetapkan oleh Mahkamah, dan Mahkamah boleh menetapkan masa yang apa-apa keterangan bagi menyokong atau menentang tuntutan itu hendak difailkan.

Penyampaian notis penghakiman kepada pihak menuntut tertentu (A. 44, k. 15)

15. (1) Jika pihak menuntut yang selain pemiutang telah membuktikan tuntutannya, maka, melainkan jika dia suatu pihak dalam kausa atau perkara itu atau telah terdahulunya disampaikan dengan notis penghakiman atau Mahkamah mengarahkan selainnya, pihak yang mengelolakan kausa atau perkara itu hendaklah menyampaikan notis penghakiman kepadanya.

(2) Seseorang yang telah dengan sempurnanya disampaikan dengan suatu notis penghakiman di bawah kaedah ini hendaklah, tertakluk kepada kaedah 3(5), sebagaimana yang dipakai oleh perenggan (4), terikat dengan penghakiman itu sama takatnya sebagaimana dia adalah terikat sekiranya dia telah pada asalnya dijadikan pihak dalam tindakan itu.

(3) Jika Mahkamah mengarahkan di bawah perenggan (1) bahawa suatu notis penghakiman tidaklah boleh disampaikan kepada seseorang, Mahkamah boleh juga memerintahkan bahawa orang itu hendaklah terikat dengan penghakiman itu sama takatnya seolah-olah dia telah disampaikan dengan notis itu, dan dia hendaklah terikat dengan sewajarnya kecuali jika penghakiman itu telah didapatkan secara fraud atau ketidakdedahan fakta material.

(4) Kaedah 3(5), (6) dan (7) hendaklah terpakai berhubung dengan seseorang yang telah disampaikan dengan suatu notis penghakiman di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan seseorang yang disampaikan dengan notis penghakiman di bawah kaedah tersebut.

Notis tuntutan yang dibenarkan (A. 44, k. 16)

16. (1) Mana-mana pihak sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan hendaklah menyampaikan kepada tiap-tiap pemiutang yang tuntutannya atau mana-mana bahagian daripada tuntutannya telah dibenarkan atau tidak dibenarkan dan yang tidak hadir semasa tuntutan itu diselesaikan suatu notis memaklumkan fakta tersebut kepadanya.

(2) Mana-mana pihak sedemikian, sekiranya ada, sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan hendaklah membuat suatu senarai tuntutan pemiutang, dan suatu senarai tuntutan lain, yang dibenarkan dan memfailkannya di Pejabat Pendaftaran.

Penyampaian notis (A. 44, k. 17)

17. Bagi maksud Aturan 62, kaedah 6, dalam pemakaiannya bagi penyampaian apa-apa notis di bawah Aturan ini kepada pihak menuntut, alamat wajar pihak menuntut hendaklah alamat yang dinyatakan dalam tuntutannya, atau, sekiranya seorang peguam bertindak baginya berkaitan dengan tuntutan itu, alamat perniagaan peguam itu.

Bunga atas hutang (A. 44, k. 18)

18. (1) Jika suatu akaun mengenai hutang orang yang mati diarahkan oleh apa-apa penghakiman, maka, melainkan jika harta pusaka si mati itu tidak solven atau Mahkamah mengarahkan selainnya, bunga hendaklah dibenarkan—

- (a) atas apa-apa hutang sedemikian yang membawa bunga, pada kadar yang dibawanya itu; dan
- (b) atas apa-apa hutang lain, pada apa-apa kadar sebagaimana yang Ketua Hakim Negara boleh dari semasa ke semasa mengarahkan dari tarikh penghakiman.

(2) Seorang pemiutang yang telah membuktikan hutangnya dalam prosiding di bawah penghakiman itu dan yang hutangnya tidak membawa bunga adalah berhak untuk mendapat bunga atas hutangnya pada apa-apa kadar yang Ketua Hakim Negara

boleh dari semasa ke semasa mengarahkan dari tarikh penghakiman yang dibayar daripada apa-apa aset yang masih ada selepas menjelaskan kos kausa atau perkara itu, hutang yang telah dibuktikan dan bunga atas hutang itu yang mengikut undang-undang membawa bunga.

(3) Bagi maksud kaedah ini—

- (a) “hutang” termasuklah perbelanjaan pengurusan mayat, wasiat atau kuasa mentadbir; dan
- (b) berhubung dengan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan selepas penghakiman, subperenggan (1)(b) terpakai seolah-olah, sebagai ganti tarikh penghakiman itu, ia merujuk kepada tarikh bila perbelanjaan itu menjadi kena dibayar.

Bunga atas legasi (A. 44, k. 19)

19. Jika suatu akaun legasi diarahkan oleh apa-apa penghakiman, maka tertakluk kepada apa-apa arahan yang terkandung dalam wasiat atau kodisil dalam persoalan dan kepada apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah, bunga adalah dibenarkan atas setiap legasi pada apa-apa kadar sebagaimana yang Ketua Hakim Negara boleh dari semasa ke semasa mengarahkan bermula pada tamatnya satu tahun selepas kematian pewasiat.

Penentuan oleh Hakim atas persoalan yang berbangkit di hadapan Pendaftar (A. 44, k. 20)

20. (1) Mana-mana pihak boleh, sebelum prosiding di hadapan Pendaftar di bawah mana-mana penghakiman berakhir, memohon kepada Hakim untuk penentuan apa-apa persoalan yang berbangkit semasa berlangsungnya prosiding itu. Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, notis permohonan baru tidaklah boleh dikeluarkan bagi maksud suatu permohonan di bawah perenggan ini.

(2) Adalah tidak perlu menyediakan perintah atau arahan yang dibuat atau diberikan oleh Hakim atas penentuan persoalan itu, kecuali dalam hal suatu rayuan,

tetapi Pendaftar hendaklah menyebut kepada perintah atau arahan sedemikian dalam perakuannya di bawah kaedah 21.

Perakuan Pendaftar (A. 44, k. 21)

21. (1) Keputusan prosiding di hadapan Pendaftar di bawah suatu penghakiman hendaklah dinyatakan dalam bentuk suatu perakuan dalam Borang 82 yang ditandatangani oleh Pendaftar.

(2) Perakuan sedemikian itu hendaklah menyebut tentang sekian banyak daripada penghakiman, mana-mana dokumen atau bahagiannya dan apa-apa keterangan yang akan menjelaskan berdasarkan apakah keputusan yang dinyatakan dalam perakuan itu diarahkan tetapi tidak boleh, melainkan jika hal keadaan kes itu menjadikannya perlu, menyatakan penghakiman atau mana-mana dokumen, keterangan atau sebab-sebab itu.

(3) Jika penghakiman itu menghendaki pengambilan apa-apa akaun, perakuan itu hendaklah merujuk tentang akaun yang ditentukan dengan affidavit difailkan dan hendaklah menyatakan dengan merujuk kepada butir-butir bernombor dalam akaun itu yang manakah, sekiranya ada, antara butir-butir itu yang tidak dibenarkan atau diubah dan tambahan, sekiranya ada, yang telah dibuat dengan cara surcaj atau selainnya.

(4) Jika oleh sebab perubahan yang dibuat dalam akaun yang ditentukan dengan affidavit difailkan Mahkamah telah mengarahkan suatu akaun baru yang menggabungkan perubahan itu dibuat, sebutan dalam perenggan (3) mengenai akaun yang ditentukan sedemikian hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai akaun baru itu.

Penyelesaian dan pemfailan perakuan Pendaftar (A. 44, k. 22)

22. (1) Suatu draf perakuan Pendaftar hendaklah disediakan oleh suatu pihak dalam prosiding itu sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar dan draf itu hendaklah diselesaikan oleh pihak-pihak itu di hadapan Pendaftar pada hari yang ditetapkan oleh Pendaftar.

(2) Perakuan yang ditandatangani oleh Pendaftar itu dan apa-apa akaun yang disebut di dalamnya hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

Pelepasan atau perubahan perakuan Pendaftar (A. 44, k. 23)

23. (1) Mana-mana pihak dalam prosiding di bawah suatu penghakiman boleh, tidak lewat dari—

- (a) lapan hari genap selepas perakuan Pendaftar difailkan di Pejabat Pendaftaran; atau
- (b) sekiranya perakuan itu adalah untuk tindakan Akauntan Negara tanpa perintah selanjutnya atau adalah suatu perakuan yang meluluskan akaun penerima, dua hari genap selepas perakuan itu difailkan,

memohon melalui notis permohonan untuk mendapatkan suatu perintah daripada Hakim sendiri melepaskan atau mengubah perakuan itu. Suatu salinan apa-apa notis permohonan bagi melepaskan atau mengubah suatu perakuan untuk tindakan Akauntan Negara tanpa perintah selanjutnya hendaklah disampaikan kepada Akauntan Negara dengan seberapa segera yang praktik selepas pengeluarannya.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), mana-mana perakuan sedemikian hendaklah, apabila tamatnya tempoh yang dinyatakan berhubung dengannya dalam perenggan (1), mengikat pihak-pihak dalam prosiding itu melainkan jika dilepaskan atau diubah oleh perintah di bawah perenggan (1).

(3) Hakim sendiri boleh, dalam hal keadaan khas, melalui perintah melepaskan atau mengubah perakuan Pendaftar walaupun perakuan itu telah mengikat pihak-pihak itu. Permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah perenggan ini bolehlah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Pertimbangan selanjutnya kausa atau perkara dalam Kamar (A. 44, k. 24)

24. (1) Jika suatu perakuan Pendaftar telah difailkan dalam apa-apa kausa atau perkara, maka, sekiranya—

- (a) kausa atau perkara yang baginya ia difailkan adalah suatu tindakan pemegang debentur atau penghakiman yang hendak dibuat dalam kausa atau perkara yang baginya ia difailkan adalah bagi pembahagian harta pusaka tidak solven atau bagi pembahagian harta pusaka seseorang yang mati tidak berwasiat;
- (b) perintah yang mengenainya perakuan itu dibuat telah dibuat dalam Kamar dan tiada arahan telah diberikan yang menyatakan bahawa kausa atau perkara itu ditangguhkan untuk pertimbangan selanjutnya dalam Mahkamah; atau
- (c) suatu perintah telah dibuat yang mengarahkan bahawa kausa atau perkara itu ditangguhkan untuk pertimbangan selanjutnya dalam Kamar,

suatu notis permohonan untuk pertimbangan selanjutnya mengenai kausa atau perkara itu boleh dikeluarkan—

- (A) selepas tamatnya lapan hari genap, dan sebelum tamatnya empat belas hari, dari pemfailan perakuan Pendaftar, oleh plaintif atau pihak yang mengelolakan prosiding itu; atau
- (B) selepas tamatnya empat belas hari, oleh mana-mana pihak.

(2) Hendaklah terdapat sekurang-kurangnya enam hari antara penyampaian suatu notis permohonan di bawah kaedah ini dengan hari yang dinamakan di dalamnya untuk pertimbangan selanjutnya kausa atau perkara itu.

Pertimbangan selanjutnya kausa atau perkara dalam Mahkamah (A. 44, k. 25)

25. (1) Jika suatu perakuan Pendaftar telah difailkan dalam mana-mana kausa atau perkara, maka, sekiranya—

- (a) penghakiman yang mengenainya perakuan itu dibuat telah diberikan dalam Mahkamah dan kausa atau perkara itu bukannya sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 24(1)(a) dan tiada arahan telah diberikan yang menyatakan bahawa ia ditangguhkan untuk pertimbangan selanjutnya dalam Kamar; atau
- (b) suatu perintah telah dibuat yang mengarahkan bahawa kausa atau perkara itu ditangguhkan untuk pertimbangan selanjutnya dalam Mahkamah,

kausa atau perkara itu boleh ditetapkan oleh Pendaftar dalam buku kausa untuk pertimbangan selanjutnya—

- (A) selepas tamat lapan hari genap, dan sebelum tamat empat belas hari, dari pemfailan perakuan Pendaftar, atas permintaan bertulis plaintif atau pihak yang mengelolakan prosiding itu; atau
- (B) selepas tamat empat belas hari, atas permintaan bertulis mana-mana pihak,

apabila dikemukakan, dalam mana-mana satu hal itu, penghakiman yang menangguhkan kausa atau perkara itu untuk pertimbangan selanjutnya, atau suatu salinan pejabatnya, dan suatu salinan pejabat perakuan Pendaftar atau memorandum mengenai tarikh pemfailan perakuan itu, yang diendorskan atas permintaan oleh pegawai yang berkenaan pada penghakiman itu atau salinan pejabat penghakiman itu.

Apabila suatu kausa atau perkara ditetapkan demikian, suatu salinan notis writ atau saman pemula yang melaluinya kausa atau perkara itu dimulakan, suatu salinan pliding,

sekiranya ada, dan dua salinan minit penghakiman yang diminta hendaklah juga ditinggalkan dengan pegawai yang berkenaan.

(2) Suatu kausa atau perkara yang ditetapkan sedemikian tidak boleh dimasukkan ke dalam senarai untuk pertimbangan selanjutnya sehingga selepas tamatnya sepuluh hari dari hari yang ia telah ditetapkan sedemikian, dan hendaklah ditandakan dalam buku kausa dengan sewajarnya, dan notis mengenai penetapan itu dan mengenai hari yang ditandakan dalam buku kausa sebagai hari yang sebelumnya kausa atau perkara itu tidak boleh dimasukkan ke dalam senarai untuk pertimbangan selanjutnya hendaklah diberi kepada pihak-pihak yang lain dalam kausa atau perkara itu sekurang-kurangnya enam hari sebelum hari itu.

ATURAN 45

PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN DAN PERINTAH

Penguatkuasaan penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang (A. 45, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang, yang bukan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah, bolehlah dikuatkuasakan melalui satu atau lebih daripada cara-cara yang berikut:

- (a) writ penyitaan dan penjualan;
- (b) prosiding orang digarnis;
- (c) dalam suatu hal yang kaedah 5 terpakai, suatu perintah komital.

(1A) Sebagai tambahan kepada kaedah 1(1) dan tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang, yang bukan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah, bolehlah dikuatkuasakan di Mahkamah Tinggi melalui satu atau lebih cara yang berikut:

- (a) perintah gadaian; dan

(b) pelantikan seorang penerima.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah bolehlah dikuatkuasakan dalam suatu kes yang kaedah 5 terpakai, melalui suatu perintah komital.

(2A) Sebagai tambahan kepada kaedah 1(2) dan tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah bolehlah dikuatkuasakan di Mahkamah Tinggi melalui pelantikan seorang penerima.

(3) Perenggan (1) dan (2) adalah tanpa menjejaskan apa-apa remedi lain yang terdapat bagi menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya atau kuasa Mahkamah di bawah Akta Penghutang 1957 [*Akta 256*] untuk mengkomitkan ke penjara seseorang yang ingkar membayar wang yang dihukum atau diperintahkan supaya dibayar olehnya, atau undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kebangkrapan atau penggulungan syarikat.

(4) Dalam Aturan ini, sebutan kepada apa-apa writ hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan kepada mana-mana writ selanjutnya yang menyebelahi writ yang mula-mula disebut itu.

Penghakiman atau perintah pembayaran wang kepada orang yang bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual (A. 45, k. 2)

2. (1) Jika mana-mana orang diarahkan oleh apa-apa penghakiman, perintah atau award untuk membayar apa-apa wang kepada atau bagi kredit seseorang yang bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual, dia hendaklah, melainkan jika Pengawal telah memberikan kebenaran bagi pembayaran itu di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, tanpa syarat atau dengan bersyarat yang syarat-syaratnya telah dipatuhi, membayar wang itu ke dalam Mahkamah.

(2) Bayaran ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1) hendaklah, setakat amaun yang telah dibayar, menjadi pelepasan yang sah daripada orang yang membuat pembayaran itu, dan tiada langkah boleh diambil bagi menguatkuasakan penghakiman, perintah atau award itu setakat amaun itu.

(3) Suatu notis pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah kaedah ini hendaklah diberikan kepada plaintif atau peguamnya dan kepada mana-mana orang lain yang menurut penghakiman, perintah atau award itu dikehendaki diberikan notis pembayaran sedemikian.

Penguatkuasaan penghakiman bagi milikan harta tak alih (A. 45, k. 3)

3. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah untuk memberikan milikan harta tak alih bolehlah dikuatkuasakan oleh satu atau lebih cara yang berikut:

(a) suatu writ milikan;

(b) dalam suatu hal yang kaedah 5 terpakai, suatu perintah komital.

(2) Suatu writ milikan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah bagi memberi milikan mana-mana harta tak alih tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah kecuali jika penghakiman atau perintah itu diberi atau dibuat dalam suatu tindakan gadaian yang terhadapnya Aturan 83 terpakai.

(3) Kebenaran yang sedemikian tidak boleh diberikan melainkan jika ditunjukkan bahawa tiap-tiap orang yang dalam milikan sebenarnya semua atau mana-mana bahagian harta tak alih telah menerima notis prosiding itu yang didapati mencukupi oleh Mahkamah untuk membolehkannya memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa relief yang dia mungkin berhak mendapatnya.

(4) Suatu writ milikan boleh memasukkan peruntukan bagi menguatkuasakan pembayaran apa-apa wang yang dihukum atau diperintahkan supaya dibayar oleh penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan melalui writ itu.

Penguatkuasaan penghakiman bagi hantar serah harta alih (A. 45, k. 4)

4. (1) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi menyerahkan mana-mana harta alih yang tidak memberi seorang yang terhadapnya penghakiman itu diberi atau perintah itu dibuat, alternatif bagi membayar nilai tertaksir bagi harta itu bolehlah dikuatkuasakan oleh satu atau lebih cara yang berikut:

(a) suatu writ hantar serah untuk mendapatkan kembali harta tanpa peruntukan alternatif bagi mendapatkan kembali nilai tertaksir bagi harta itu (yang disebut sebagai "writ hantar serah khusus" dalam kaedah ini);

(b) dalam suatu hal yang kaedah 5 terpakai, suatu perintah komital.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, suatu penghakiman atau perintah bagi hantar serah apa-apa harta alih atau pembayaran nilai tertaksir bagi harta itu bolehlah dikuatkuasakan oleh satu atau lebih cara yang berikut:

(a) suatu writ hantar serah untuk mendapatkan kembali harta atau nilai tertaksirnya;

(b) dengan kebenaran Mahkamah, suatu writ hantar serah khusus;

(c) dalam suatu hal yang kaedah 5 terpakai, suatu perintah komital.

(3) Suatu writ hantar serah khusus, dan suatu writ hantar serah untuk mendapatkan kembali apa-apa harta alih atau nilai tertaksirnya, boleh memasukkan peruntukan bagi menguatkuasakan pembayaran apa-apa wang yang dihukum atau diperintahkan supaya dibayar oleh penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan melalui writ itu.

(4) Suatu penghakiman atau perintah untuk pembayaran nilai tertaksir bagi mana-mana harta alih bolehlah dikuatkuasakan mengikut cara yang sama sebagaimana mana-mana penghakiman atau perintah lain bagi pembayaran wang.

Penguatkuasaan penghakiman untuk melakukan atau menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan (A. 45, k. 5)

5. (1) Jika—

- (a) seseorang yang dikehendaki oleh suatu penghakiman atau perintah untuk melakukan suatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan dalam penghakiman atau perintah itu enggan atau abai untuk melakukannya dalam masa tersebut atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam masa tersebut sebagaimana yang dilanjutkan atau disingkatkan di bawah Aturan 3, kaedah 5; atau
- (b) seseorang tidak mematuhi suatu penghakiman atau perintah yang menghendakinya untuk menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan,

maka, tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, penghakiman atau perintah itu bolehlah dikuatkuasakan oleh satu atau lebih cara yang berikut:

- (A) dengan kebenaran Mahkamah, suatu perintah komital;
- (B) jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, dengan kebenaran Mahkamah, suatu perintah komital terhadap mana-mana pengarah atau pegawai lain dalam pertubuhan itu;
- (C) tertakluk kepada peruntukan Akta Penghutang 1957, suatu perintah komital terhadap orang itu atau, jika orang itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, terhadap mana-mana pegawai yang sedemikian.

(2) Jika suatu penghakiman atau perintah menghendaki seseorang untuk melakukan suatu perbuatan dalam masa yang dinyatakan di dalamnya dan suatu perintah dibuat kemudiannya di bawah kaedah 6 yang menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain, sebutan dalam perenggan (1) mengenai suatu penghakiman atau perintah hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perintah yang dibuat di bawah kaedah 6.

(3) Jika di bawah mana-mana penghakiman atau perintah yang menghendaki apa-apa harta alih dihantar serah orang yang bertanggung terhadap pelaksanaannya mempunyai alternatif bagi membayar nilai tertaksir bagi harta itu, penghakiman atau perintah itu tidak boleh dikuatkuasakan oleh perintah komital di bawah perenggan (1) tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu, membuat suatu perintah menghendaki orang yang mula-mula disebut itu menghantar serah harta itu kepada pemohon dalam masa yang dinyatakan dalam perintah itu, dan perintah itu bolehlah dikuatkuasakan sedemikian.

Penghakiman atau perintah yang menghendaki perbuatan dilakukan: Perintah yang menetapkan masa untuk melakukannya (A. 45, k. 6)

6. (1) Walaupun suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang untuk melakukan suatu perbuatan yang menyatakan masa untuk melakukan perbuatan itu, Mahkamah hendaklah, tanpa menjejaskan Aturan 3, kaedah 5, mempunyai kuasa untuk membuat suatu perintah menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa yang lain, iaitu suatu masa selepas penyampaian perintah itu, atau suatu masa lain, sebagaimana yang boleh dinyatakan di dalamnya.

(2) Jika, walau apapun Aturan 42, kaedah 6(1), atau oleh sebab Aturan 42, kaedah 6(2), suatu penghakiman atau perintah menghendaki seseorang untuk melakukan suatu perbuatan yang tidak menyatakan masa untuk melakukan perbuatan itu, Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa kemudiannya untuk membuat suatu perintah menghendaki perbuatan itu dilakukan dalam suatu masa selepas penyampaian perintah tersebut, atau suatu masa lain, sebagaimana yang boleh dinyatakan di dalamnya.

(3) Suatu permohonan minta perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan dan notis permohonan itu hendaklah, walau apapun apa-apa jua dalam Aturan 62, kaedah 10, disampaikan kepada orang yang dikehendaki melakukan perbuatan dalam persoalan.

Penyampaian salinan penghakiman atau perintah prasyarat sebelum penguatkuasaan di bawah kaedah 5 (A. 45, k. 7)

7. (1) Dalam kaedah ini, sebutan kepada suatu perintah hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai suatu penghakiman.

(2) Tertakluk kepada Aturan 26, kaedah 7(3), dan perenggan (6) dan (7) kaedah ini, suatu perintah tidak boleh dikuatkuasakan di bawah kaedah 5 melainkan jika—

- (a) sesalinan perintah itu telah disampaikan sendiri kepada orang yang dikehendaki melakukan atau menjauhi daripada melakukan perbuatan dalam persoalan; dan
- (b) dalam hal suatu perintah yang menghendaki seseorang untuk melakukan suatu perbuatan, salinan itu telah disampaikan sedemikian sebelum tamatnya masa yang dia dikehendaki melakukan perbuatan itu.

(3) Tertakluk sebagaimana yang disebut terdahulu, suatu perintah yang menghendaki suatu pertubuhan perbadanan melakukan atau menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan tidak boleh dikuatkuasakan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 5(1)(B) atau (C) melainkan jika—

- (a) sesalinan perintah itu telah juga disampaikan sendiri kepada pegawai yang terhadapnya suatu perintah komital diminta; dan
- (b) dalam hal suatu perintah yang menghendaki pertubuhan perbadanan itu melakukan suatu perbuatan, salinan itu telah

disampaikan sedemikian sebelum tamatnya masa yang pertubuhan itu dikehendaki melakukan perbuatan itu.

(4) Maka hendaklah diendorskan pada salinan suatu perintah yang disampaikan di bawah kaedah ini suatu notis dalam Borang 83 memberitahu orang yang kepadanya salinan itu disampaikan—

- (a) dalam hal penyampaian di bawah perenggan (2), sekiranya dia abai dalam mematuhi perintah itu dalam masa yang dinyatakan di dalamnya, atau, sekiranya perintah itu bertujuan menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan, bahawa sekiranya dia tidak mematuhi perintah itu, dia boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksanya mematuhi perintah itu; dan
- (b) dalam hal penyampaian di bawah perenggan (3), bahawa sekiranya pertubuhan perbadanan abai mematuhi perintah itu dalam masa yang dinyatakan sedemikian atau, sekiranya perintah itu adalah untuk menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan, bahawa sekiranya pertubuhan perbadanan itu tidak mematuhi perintah itu, pertubuhan itu boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi memaksa pertubuhan tersebut mematuhi perintah itu.

(5) Dengan salinan suatu perintah yang dikehendaki disampaikan di bawah kaedah ini, yang merupakan suatu perintah menghendaki seseorang melakukan sesuatu perbuatan, maka hendaklah juga disampaikan satu salinan mana-mana perintah yang dibuat di bawah Aturan 3, kaedah 5, yang melanjutkan atau menyingkatkan masa bagi melakukan perbuatan itu dan, sekiranya perintah yang disebut mula-mula itu telah dibuat di bawah kaedah 5(3) atau 6 Aturan ini, satu salinan perintah terdahulu yang menghendaki perbuatan itu dilakukan.

(6) Suatu perintah yang menghendaki seseorang menjauhi daripada melakukan suatu perbuatan bolehlah dikuatkuasakan di bawah kaedah 5 walaupun penyampaian salinan perintah itu tidak dilaksanakan mengikut kaedah ini sekiranya

Mahkamah berpuas hati bahawa, sementara menunggu penyampaian itu, orang yang terhadapnya atau yang terhadap hartanya dikuatkuasakan perintah itu telah menyedari tentangnya sama ada—

- (a) hadir apabila perintah itu dibuat; atau
- (b) dengan diberitahu akan terma-terma perintah itu, sama ada melalui telefon, telegram atau selainnya.

(7) Tanpa menjejaskan kuasanya di bawah Aturan 62, kaedah 5, Mahkamah boleh untuk tidak memerlukan penyampaian salinan suatu perintah di bawah kaedah ini jika difikirkannya adil untuk berbuat demikian.

Mahkamah boleh memerintahkan supaya perbuatan dilakukan atas perbelanjaan pihak yang ingkar (A. 45, k. 8)

8. Jika suatu perintah *mandamus*, perintah mandatori, injunksi atau penghakiman atau perintah untuk pelaksanaan spesifik suatu kontrak tidak dipatuhi, maka, tanpa menjejaskan kuasanya di bawah Akta, jika berkenaan dan kuasanya untuk menghukum pihak yang ingkar kerana menghina, Mahkamah boleh mengarahkan supaya perbuatan yang dikehendaki dilakukan itu bolehlah, setakat yang praktik, dilakukan oleh pihak yang mendapatkan perintah atau penghakiman atau oleh seseorang lain yang dilantik oleh Mahkamah, atas perbelanjaan pihak yang ingkar, dan apabila perbuatan itu dilakukan perbelanjaan yang ditanggung boleh ditentukan dalam apa-apa cara sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan dan pelaksanaan boleh dikeluarkan terhadap pihak ingkar bagi amaun yang ditentukan sedemikian dan juga kos.

Pelaksanaan oleh atau terhadap orang yang bukan pihak (A. 45, k. 9)

9. (1) Mana-mana orang, yang bukan satu pihak dalam suatu kausa atau perkara, yang mendapat apa-apa perintah atau apa-apa perintah dibuat memihak kepadanya, adalah berhak untuk menguatkuasakan pematuhan terhadap perintah itu melalui proses yang sama seolah-olah dia adalah satu pihak.

(2) Mana-mana orang yang bukan satu pihak dalam suatu kausa atau perkara, yang terhadapnya pematuhan terhadap mana-mana penghakiman atau perintah boleh dikuatkuasakan, boleh dikenakan proses yang sama bagi menguatkuasakan pematuhan terhadap penghakiman atau perintah seolah-olah dia adalah satu pihak.

Penghakiman bersyarat: Penepian (A. 45, k. 10)

10. Suatu pihak yang berhak di bawah mana-mana penghakiman atau perintah untuk mendapatkan apa-apa relief tertakluk kepada penunaian apa-apa syarat, yang gagal menunaikan syarat itu adalah disifatkan telah meninggalkan faedah penghakiman atau perintah itu, dan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, mana-mana orang lain yang berkepentingan boleh mengambil apa-apa prosiding sama ada diwajibkan oleh penghakiman atau perintah itu atau mungkin dibawa sekiranya penghakiman atau perintah itu telah tidak diambil atau dibuat.

Perkara yang berlaku selepas penghakiman: Penggantungan pelaksanaan (A. 45, k. 11)

11. Tanpa menjejaskan Aturan 47, kaedah 1, suatu pihak yang terhadapnya suatu penghakiman telah diberikan atau suatu perintah dibuat boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penggantungan pelaksanaan penghakiman atau perintah itu atau relief lain atas alasan kerana perkara yang telah berlaku sejak tarikh penghakiman atau perintah itu, dan Mahkamah boleh melalui perintah memberikan apa-apa relief, dan atas apa-apa terma, sebagaimana yang difikirkannya patut.

Perkara yang berlaku selepas penghakiman: Persidangan Penguatkuasaan (A. 45, k. 11A)

11A. Walau apapun apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas permulaan kuat kuasa apa-apa prosiding pelaksanaan, atas usulnya sendiri atau atas permohonan bertulis oleh mana-mana pihak, mengarahkan mana-mana pihak kepada prosiding tersebut untuk hadir di hadapan Mahkamah, supaya Mahkamah boleh membuat perintah sedemikian atau memberi arahan sebagaimana yang difikirkannya patut, bagi pelupusan prosiding yang adil, cepat dan ekonomi termasuk membatalkan apa-apa writ pelaksanaan.

Borang writ (A. 45, k. 12)

12. (1) Suatu writ penyitaan dan penjualan hendaklah dalam Borang 84 (bagi harta alih) atau Borang 85 (bagi harta tak alih).

(2) Suatu writ hantar serah hendaklah dalam Borang 86.

(3) Suatu writ milikan hendaklah dalam Borang 87.

Penguatkuasaan penghakiman dan perintah bagi mendapatkan semula wang (A. 45, k. 13)

13. (1) Kaedah 1(1), kecuali subperenggan (c), dan Aturan 46 hingga 51 hendaklah terpakai berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah untuk mendapatkan semula wang sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang.

(2) Kaedah 3, kecuali subperenggan (1)(b), dan Aturan 47, kaedah 2(2), hendaklah terpakai berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah untuk mendapatkan semula milikan harta tak alih sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah bagi memberikan atau menghantar serah milikan harta tak alih.

(3) Kaedah 4, kecuali subperenggan 1(b) dan (2)(c), dan Aturan 47, kaedah 2(2), hendaklah terpakai berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah bahawa seseorang hendaklah dipulangkan mana-mana harta alih atau mendapatkan kembali nilai tertaksir bagi harta itu sebagaimana ia terpakai masing-masingnya berhubung dengan suatu penghakiman atau perintah bagi menghantarserah apa-apa harta alih atau bayaran nilai tertaksirnya.

ATURAN 46

WRIT PELAKSANAAN: AM

Takrif (A. 46, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain, "writ pelaksanaan" termasuklah suatu writ penyitaan dan penjualan, writ milikan dan writ hantar serah.

Apabila kebenaran untuk mengeluarkan apa-apa writ pelaksanaan diperlukan (A. 46, k. 2)

2. (1) Suatu writ pelaksanaan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah dalam hal yang berikut:

- (a) jika enam tahun atau lebih telah berlalu sejak tarikh penghakiman atau perintah itu;
- (b) jika apa-apa pertukaran telah berlaku, sama ada disebabkan kematian atau selainnya, pada pihak yang berhak atau bertanggung pada pelaksanaan di bawah penghakiman atau perintah itu;
- (c) jika penghakiman atau perintah itu ialah terhadap aset orang yang mati yang berpindah ke tangan wasi atau pentadbir pusaknya selepas tarikh penghakiman atau perintah itu, dan diminta dikeluarkan pelaksanaan terhadap aset itu;
- (d) jika di bawah penghakiman atau perintah mana-mana orang adalah berhak kepada relief tertakluk kepada penunaian mana-mana syarat yang dikatakannya telah ditunaikan; dan
- (e) jika mana-mana harta alih yang diminta supaya disita di bawah suatu writ pelaksanaan berada di dalam tangan seorang penerima yang dilantik oleh Mahkamah.

(2) Perenggan (1) adalah tanpa menjejaskan mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah yang seseorang dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran Mahkamah bagi mengeluarkan writ pelaksanaan atau bagi meneruskan pelaksanaan kepada atau selainnya menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah.

(3) Jika Mahkamah memberikan kebenaran, sama ada di bawah kaedah ini atau selainnya, bagi mengeluarkan suatu writ pelaksanaan dan writ itu tidak dikeluarkan dalam satu tahun selepas tarikh perintah yang memberi kebenaran itu, perintah itu hendaklah terhenti berkuat kuasa, tanpa menjejaskan, walau bagaimanapun, untuk membuat suatu perintah yang baru.

Permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan writ (A. 46, k. 3)

3. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk mengeluarkan suatu writ pelaksanaan bolehlah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan dalam Borang 88.

(2) Suatu permohonan yang sedemikian hendaklah disokong dengan suatu affidavit—

(a) yang mengenal pasti penghakiman atau perintah yang berhubung dengan permohonan itu dan, sekiranya penghakiman atau perintah itu ialah untuk pembayaran wang, menyatakan amaun asalnya yang kena dibayar di bawahnya dan amaun asal yang kena dibayar di bawahnya pada tarikh permohonan itu;

(b) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(a), sebab kelengahan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu;

(c) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(b), perubahan yang telah berlaku pada pihak-pihak yang berhak atau

yang boleh dikenakan pelaksanaan sejak tarikh penghakiman atau perintah itu;

- (d) menyatakan, jika hal itu termasuk di dalam kaedah 2(1)(c) atau (d), bahawa suatu tuntutan untuk menunaikan penghakiman atau perintah itu telah dibuat terhadap orang yang bertanggung untuk menunaikannya dan bahawa dia telah enggan atau gagal untuk berbuat demikian; dan
- (e) memberi apa-apa maklumat lain sebagaimana yang perlu untuk memuaskan hati Mahkamah bahawa pemohon adalah berhak untuk meneruskan pelaksanaan penghakiman atau perintah dalam persoalan dan bahawa orang yang terhadapnya pelaksanaan itu diminta dikeluarkan adalah bertanggung atas pelaksanaannya.

(3) Mahkamah yang mendengar permohonan sedemikian boleh memberi kebenaran mengikut permohonan itu atau boleh memerintahkan bahawa apa-apa isu atau persoalan, yang keputusan mengenainya adalah perlu untuk menentukan hak pihak-pihak, dibicarakan mengikut apa-apa cara yang bila apa-apa persoalan fakta atau undang-undang berbangkit dalam suatu tindakan boleh dibicarakan dan, dalam salah satu hal itu, boleh mengenakan apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil.

Pengeluaran writ pelaksanaan (A. 46, k. 4)

4. (1) Pengeluaran suatu writ pelaksanaan berlaku apabila ia dimeteraikan oleh seorang pegawai di Pejabat Pendaftaran.

(2) Sebelum suatu writ yang sedemikian dikeluarkan, suatu *praecipe* dalam salah satu bentuk dalam Borang 89 bagi pengeluarannya hendaklah difailkan.

(3) *Praecipe* itu hendaklah ditandatangani oleh peguam orang yang berhak atas pelaksanaan atau, sekiranya orang itu bertindak secara sendiri, olehnya.

(4) Tiada writ yang sedemikian boleh dimeteraikan melainkan jika pada masa menyerahkannya untuk pemeteraian—

(a) orang yang menyerahkannya itu mengemukakan—

(i) penghakiman atau perintah yang berasaskannya writ itu dikeluarkan, atau sesalinan pejabatnya;

(ii) jika writ itu tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah, perintah yang memberikan kebenaran sedemikian atau keterangan mengenai pemberiannya;

(iii) jika kaedah 5(2) terpakai, kebenaran bertulis Pengawal yang disebut di dalamnya; dan

(b) pegawai yang diberi kuasa untuk memeteraikannya berpuas hati bahawa tempoh, sekiranya ada, yang dinyatakan dalam penghakiman atau perintah bagi pembayaran apa-apa wang atau bagi perlakuan apa-apa perbuatan lain telah tamat.

(5) Tiap-tiap writ pelaksanaan hendaklah ada padanya tarikh hari ia dikeluarkan.

Writ dan permintaan jika Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 terpakai (A. 46, k. 5)

5. (1) Jika mana-mana pihak yang berhak untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual, maka, melainkan jika Pengawal telah memberikan kebenaran di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, bagi pembayaran wang kepadanya tanpa syarat atau dengan bersyarat yang telah dipatuhi, mana-mana writ pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu hendaklah mengarahkan Syerif atau bailif untuk membayar hasil pelaksanaan itu ke dalam Mahkamah. Suatu notis pembayaran ke dalam Mahkamah sebagai mematuhi suatu arahan yang sedemikian

hendaklah diberikan oleh Syerif atau bailif kepada pihak yang minta dikeluarkan writ pelaksanaan itu atau kepada peguamnya.

(2) Jika Pengawal telah memberikan kebenaran sedemikian tanpa bersyarat atau dengan syarat yang telah dipatuhi, *praecipe* bagi pengeluaran suatu writ pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah dalam persoalan hendaklah diendorskan dengan suatu perakuan yang sedemikian tentang fakta itu.

Jangka masa dan pembaharuan writ pelaksanaan (A. 46, k. 6)

6. (1) Bagi maksud pelaksanaan, suatu writ pelaksanaan adalah sah mulamulanya untuk dua belas bulan bermula dari tarikh keluaran.

(2) Jika suatu writ tidak dilaksanakan sepenuhnya, Mahkamah boleh melalui perintah melanjutkan kesahan writ itu dari semasa ke semasa untuk tempoh dua belas bulan pada bila-bila masa bermula dari hari perintah itu dibuat, sekiranya suatu permohonan lanjutan dibuat kepada Mahkamah sebelum hari yang hari berikutnya writ itu akan tamat.

(2A) Bagi maksud kaedah ini, “dilaksanakan sepenuhnya” ertinya—

- (a) dalam hal suatu writ penyitaan dan penjualan, penjualan semua harta yang disita oleh Syerif atau bailif;
- (b) dalam hal suatu writ hantar serah, pemindahan milikan harta alih oleh Syerif atau bailif kepada pemiutang penghakiman; dan
- (c) dalam hal suatu writ milikan, pemindahan milikan harta tak alih oleh Syerif atau bailif kepada pemiutang penghakiman.

(3) Sebelum suatu writ yang kesahannya telah dilanjutkan di bawah kaedah ini dilaksanakan writ itu hendaklah ditandakan dalam Borang 3 menunjukkan tarikh yang perintah melanjutkan kesahannya itu telah dibuat.

(4) Keutamaan suatu writ, yang kesahannya telah dilanjutkan di bawah kaedah ini, hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada tarikh yang asalnya dibuat.

(5) Pengeluaran suatu writ pelaksanaan, yang berupa sebagai dimeteraikan sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (3), hendaklah menjadi keterangan bahawa kesahan writ itu telah dilanjutkan di bawah kaedah ini.

Fi, perbelanjaan, komisen yang akan dilevi (A. 46, k. 7)

7. Dalam tiap-tiap hal pelaksanaan pihak yang berhak kepada pelaksanaan boleh melewi komisen, fi dan perbelanjaan pelaksanaan selain daripada jumlah wang yang didapatkan semula.

Kos writ (A. 46, k. 8)

8. Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini, kos bagi dan bersampingan kepada writ pelaksanaan atau distres, sama ada dilaksanakan atau tidak dilaksanakan, atau tidak produktif hendaklah dibenarkan terhadap orang yang bertanggung melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Penunaian melalui persetujuan (A. 46, k. 9)

9. (1) Mana-mana orang yang telah menunaikan hutang penghakiman boleh apabila memfailkan persetujuan pemiutang penghakiman dalam Borang 90 memohon kepada Mahkamah untuk penunaian itu direkodkan dan Mahkamah boleh memerintahkan penunaian itu direkodkan dengan sewajarnya.

(2) Persetujuan pemiutang penghakiman hendaklah diakusaksikan oleh peguamnya atau, sekiranya dia tidak mempunyai peguam, oleh Pesuruhjaya Sumpah.

Jika enggan memberikan persetujuan (A. 46, k. 10)

10. (1) Sekiranya seorang pemiutang penghakiman enggan atau abai untuk memberikan persetujuan yang sedemikian apabila diminta, atau sekiranya pemiutang penghakiman tidak dapat dijumpai, penghutang penghakiman boleh memohon kepada Pendaftar suatu perintah bahawa penunaian itu dimasukkan.

(2) Notis permohonan hendaklah disampaikan kepada pemiutang penghakiman sekurang-kurangnya dua hari genap sebelum pendengarannya melainkan jika Pendaftar memerintahkan selainnya.

(3) Sekiranya atas permohonan yang sedemikian Pendaftar berpuas hati bahawa hutang penghakiman telah ditunaikan dan bahawa pemiutang penghakiman tidak mempunyai alasan munasabah untuk enggan atau mengabaikan untuk memberi persetujuan sedemikian, Pendaftar boleh memerintahkan supaya penunaian direkodkan dan bahawa pemiutang penghakiman membayar kos dan kos bersampingan dengan permohonan itu.

Deposit kos pelaksanaan dan tarikh pelaksanaan (A. 46, k. 11)

11. (1) Sebelum apa-apa writ pelaksanaan atau distress dilaksanakan orang yang atas kehendaknya writ itu dikeluarkan (yang disebut sebagai "pemiutang pelaksanaan" dalam Kaedah-Kaedah ini) hendaklah, sekiranya Syerif atau bailif meminta sedemikian, mendepositkan di Pejabat Pendaftaran sejumlah wang yang mencukupi untuk membayar kos pelaksanaan itu.

(2) Jika pemiutang pelaksanaan telah menyebabkan suatu tarikh ditetapkan bagi pelaksanaan dibatalkan atau ditangguhkan, Mahkamah boleh, sekiranya pada fikirannya bahawa pembatalan atau penangguhan berkenaan adalah tanpa sebab yang baik, mengarahkan supaya apa-apa fi yang dibayar dan perbelanjaan yang ditanggung oleh pemiutang pelaksanaan berkenaan dengan penetapan itu tidak boleh dituntut semula oleh pemiutang pelaksanaan sebagai pembayaran.

Jika dalam milikan Syerif atau bailif lebih dari empat belas hari (A. 46, k. 12)

12. Jika harta alih terus dalam milikan Syerif atau bailif lebih dari empat belas hari, pemiutang pelaksanaan hendaklah sebelum atau pada akhir empat belas hari yang pertama dari hari Syerif atau bailif itu memegang milikan mendepositkan di Pejabat Pendaftaran, sekiranya Syerif atau bailif meminta sedemikian, sejumlah wang tambahan untuk membayar kos pelaksanaan bagi empat belas hari yang berikut selepasnya dan hendaklah terus membuat deposit yang sedemikian terlebih dahulu sebelum atau pada

akhir setiap tempoh berturutan empat belas hari selagi harta alih itu terus dalam milikan Syerif atau bailif.

Pegawai yang berkenaan hendaklah memberi resit (A. 46, k. 13)

13. (1) Pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran hendaklah memberi suatu resit bagi setiap jumlah wang yang didepositkan dan dia hendaklah menggunakan jumlah wang yang sedemikian atau sekian banyak daripadanya sebagaimana yang perlu bagi kos pelaksanaan.

(2) Syerif atau bailif hendaklah memulangkan kepada pemiutang pelaksanaan apa-apa baki wang yang tinggal selepas melepaskan orang atau harta alih yang disita, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah writ pelaksanaan atau distres.

(3) Jika harta alih yang disita di bawah suatu writ pelaksanaan atau distres dijual oleh Syerif atau bailif atau dia menerima amaun levi itu tanpa penjualan, apa-apa jumlah wang yang didepositkan oleh pemiutang pelaksanaan hendaklah, yang wangnya disimpan dalam tangan Syerif atau bailif setakat yang dibenarkan dipulangkan kepada pemiutang pelaksanaan.

Tugas Syerif atau bailif

Masa untuk penfailan adalah serta-merta diendorskan ke atas writ (A. 46, k. 14)

14. Bila-bila masa apa-apa writ pelaksanaan atau distres diserahkan kepada Syerif atau bailiff, dia hendaklah mengendorskan padanya hari, jam dan minit penyerahan tersebut.

Masa pelaksanaan (A. 46, k. 15)

15. Apa-apa writ pelaksanaan atau distres boleh dilaksanakan antara jam 9 pagi dan 4 petang, melainkan jika Syerif atau bailif memerintahkan selainnya.

Notis penyitaan dan inventori (A. 46, k. 16)

16. (1) Jika mana-mana harta alih disita oleh Syerif atau bailif di bawah suatu writ pelaksanaan atau distress, dia hendaklah memberi kepada penghutang pelaksanaan suatu notis penyitaan dalam Borang 91, dan sesalinan notis hendaklah difailkan.

(2) Jika Syerif atau bailif mengalihkan dari suatu tempat apa-apa harta alih yang disita, dia hendaklah memberi kepada penghutang pelaksanaan pada masa harta itu dialihkan atau sebaik sahaja selepas itu suatu inventori tentang harta yang dialihkan itu.

(3) Notis penyitaan di bawah perenggan (1) dan notis pemindahan dan inventori di bawah perenggan (2) boleh—

- (a) diserahkan kepada penghutang pelaksanaan sendiri;
- (b) dikirimkan kepadanya melalui pos ke tempat kediamannya; atau
- (c) ditinggalkan atau dikirimkan melalui pos yang dialamatkan kepadanya di tempat di mana harta itu disita.

Pegawai yang berkenaan hendaklah menyimpan rekod dan menyediakan pernyataan akaun (A. 46, k. 17)

17. (1) Pegawai yang berkenaan yang menerima apa-apa wang di bawah mana-mana writ pelaksanaan atau distress mestilah memberi resit bagi tiap-tiap jumlah wang yang diterima sedemikian.

(2) Pegawai yang berkenaan mestilah menyimpan rekod mengenai semua jumlah wang yang diterima olehnya di bawah writ pelaksanaan atau distress dan mengenai cara bagaimana dia telah menggunakannya, dan hendaklah mengendorskan pada atau melampirkan kepada writ itu satu pernyataan mengenainya.

(3) Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan mana-mana undang-undang bertulis, pegawai yang berkenaan hendaklah menyediakan suatu pernyataan akaun

berkenaan dengan wang yang diterima olehnya di bawah writ pelaksanaan atau distres seperti yang berikut:

- (a) pertamanya, fi dan komisen Mahkamah;
- (b) kemudiannya, perbelanjaan pelaksanaan;
- (c) kemudiannya, wang yang kena dibayar kepada pemiutang pelaksanaan di bawah kaedah 13 yang belum dipulangkan kepadanya;
- (d) kemudiannya, wang yang dituntut oleh tuan tanah, tidak melebihi enam bulan sewa, yang kena dibayar di bawah writ distres mengikut peruntukan seksyen 20 Akta Distres 1951 [*Akta 255*];
- (e) kemudiannya, wang yang ada bagi pembayaran kepada pemiutang pelaksanaan untuk menunaikan penghakiman atau perintah yang berkenaan dengannya pelaksanaan telah dikeluarkan;
- (f) kemudiannya, jika lebih dari satu writ pelaksanaan dalam tangannya terhadap defendan yang sama, wang yang ada untuk menunaikan berbagai pemiutang pelaksanaan mengikut susunan keutamaan writ mereka mengikut tarikh ia dikeluarkan:

Dengan syarat bahawa jika suatu perintah penahanan harta alih sebelum penghakiman telah dibuat di bawah peruntukan Bahagian III Akta Penghutang 1957 dan suatu writ pelaksanaan telah dikeluarkan untuk menguatkuasakan penghakiman dalam tindakan yang sama, writ sedemikian hendaklah mempunyai keutamaan mengikut tarikh bila perintah penahanan sebelum penghakiman dikeluarkan; dan

(g) kemudiannya, selepas memperakaunkan wang yang ada bagi pembayaran kepada pemiutang pelaksanaan, menunjukkan apa-apa baki yang kena dibayar kepada penghutang pelaksanaan.

(4) Sekiranya hasil penjualan yang diterima oleh pegawai yang berkenaan tidak mencukupi bagi menjelaskan fi, komisen dan perbelanjaan pelaksanaan, pemiutang pelaksanaan hendaklah membayar kepada pegawai yang berkenaan amaun kekurangan itu dan adalah berhak untuk mencampurkan amaun sedemikian kepada hutang penghakiman yang kesudahannya didapatkan kembali daripada penghutang penghakiman.

Syerif atau bailif memberi maklumat sekiranya dikehendaki (A. 46, k. 18)

18. (1) Atas permohonan bertulis oleh pemiutang pelaksanaan, atau penghutang pelaksanaan, atau mana-mana pihak menuntut terhadap harta alih yang disita olehnya, Syerif atau bailif hendaklah dalam dua hari memberikan kepada pemohon itu suatu memorandum yang menyatakan—

- (a) tarikh writ telah dihantarserahkan kepadanya;
- (b) amaun yang boleh dilevikan di bawah writ;
- (c) butir-butir mengenai harta yang disita;
- (d) tempat penyitaan;
- (e) butir-butir mengenai apa-apa tuntutan terhadap harta itu yang dia telah menerima notis mengenainya;
- (f) hasil kasar jualan;
- (g) amaun fi, komisen dan perbelanjaan; dan

(h) wang yang dibayar olehnya ke dalam Pejabat Pendaftaran dan dikreditkan kepada siapa.

(2) Syerif atau bailif hendaklah pada setiap masa membenarkan pemiutang pelaksanaan, atau penghutang penghakiman, atau mana-mana pihak menuntut terhadap harta yang disita olehnya memeriksa dan menyalin dengan percuma apa-apa inventori harta yang disita, akaun jualan, atau nota fi, komisen dan perbelanjaan bersama dengan semua baucar yang menyokongnya.

Tarikh tangkapan diendorskan (A. 46, k. 19)

19. Syerif atau bailif yang melaksanakan suatu perintah tangkapan hendaklah mengendorskan padanya hari, jam dan minit bagi tangkapan itu.

Syerif atau bailif boleh dikehendaki menunjukkan sebab kerana mengabaikan tugas (A. 46, k. 20)

20. Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa yang dikatakan ketidakpatuhan oleh Syerif atau bailif apa-apa tugas yang dikenakan kepadanya menurut mana-mana undang-undang bertulis atau oleh Kaedah-Kaedah ini, boleh memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah minta Syerif atau bailif menunjukkan sebab mengapa dia tidak melakukan perkara yang dikehendaki, dan Syerif atau bailif itu boleh dikehendaki menunjukkan sebab dengan sewajarnya.

Bayaran keluar (A. 46, k. 21)

21. Tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini dan kepada seksyen 50 Akta Kebankrapan 1967 [Akta 360], seksyen 31 Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan kepada mana-mana undang-undang bertulis lain, apa-apa jumlah wang yang dibayar ke dalam Pejabat Pendaftaran oleh Syerif atau bailif ke dalam kredit pemiutang pelaksanaan atau penghutang penghakiman di bawah kaedah 17 hendaklah, tertakluk kepada mana-mana perintah Mahkamah, masing-masingnya dibayar kepada pemiutang pelaksanaan atau penghutang penghakiman atas permohonannya tanpa suatu perintah:

Dengan syarat bahawa Syerif atau Pendaftar Mahkamah Rendah boleh menurut budi bicaranya menghendaki pemiutang pelaksanaan atau penghutang penghakiman,

mengikut mana-mana yang berkenaan, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah pembayaran keluar.

Jualan oleh Syerif atau bailif

Syerif atau bailif untuk menjual (A. 46, k. 22)

22. Tertakluk kepada kaedah-kaedah ini, Syerif atau bailif hendaklah menjualkan semua harta yang disita olehnya di bawah suatu writ pelaksanaan atau distress.

Jualan melalui lelong awam (A. 46, k. 23)

23. Melainkan jika Syerif atau bailiff memerintahkan selainnya, semua jualan hendaklah melalui lelong awam antara jam 9 pagi dan 4 petang dan notis dalam Borang 92 tentang hari, jam dan tempat mana-mana jualan yang dicadangkan hendaklah ditampalkan di papan kenyataan Pejabat Pendaftaran dan setakat yang praktik di tempat jualan yang dicadangkan itu tujuh hari sebelum jualan itu.

Jika harta melebihi sepuluh ribu ringgit jualan oleh pelelong berlesen (A. 46, k. 24)

24. (1) Jika nilai harta yang ditahan atau disita dianggarkan oleh Syerif atau bailif melebihi sepuluh ribu ringgit, jualan hendaklah, melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Syerif atau bailif, dikelolakan oleh pelelong berlesen dan jualan itu hendaklah diiklankan secara umum oleh Syerif atau bailif atau pelelong sekali dua hari sebelum hari jualan.

(2) Dalam apa-apa hal lain, jualan itu bolehlah dikelolakan oleh Syerif atau bailif.

Surat cara boleh niaga (A. 46, k. 25)

25. Surat cara boleh niaga boleh, dengan kebenaran Mahkamah, dijual melalui agensi seorang broker dan atas apa-apa terma sebagaimana Mahkamah fikirkan adil.

Syerif atau bailif boleh melaksanakan atau mengendorskan dokumen (A. 46, k. 26)

26. Jika pelaksanaan atau pengendorsan mana-mana dokumen adalah pada lazimnya dikehendaki menurut undang-undang untuk memberi kesan kepada apa-apa jualan oleh Syerif atau bailif, Syerif atau bailif itu boleh melaksanakan atau mengendorskan dokumen sedemikian; dan pelaksanaan atau pengendorsannya oleh Syerif atau bailif hendaklah mempunyai kuat kuasa yang sama seperti pelaksanaan atau pengendorsan oleh penghutang penghakiman.

Jika perintah dibuat menggantung pelaksanaan (A. 46, k. 26A)

26A. (1) Suatu perintah menggantung atau penggantungan pelaksanaan hendaklah dalam Borang 93.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan orang yang dikenakan pelaksanaan itu untuk membayar kos writ dan apa-apa fi atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Syerif atau bailif sebelum penggantungan pelaksanaan dan boleh membenarkan Syerif atau bailif untuk menjual sebahagian harta alih yang disita mencukupi untuk merealisasikan kos, fi dan perbelanjaan berkenaan, dan komisen, sekiranya ada.

Takrifan (A. 46, k. 27)

27. Dalam Aturan ini, jika suatu writ distress telah dikeluarkan, istilah "pemiutang pelaksanaan" hendaklah termasuk "tuan tanah" dan istilah "penghutang penghakiman" hendaklah termasuk "penyewa".

ATURAN 47

WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN

Kuasa menggantung pelaksanaan melalui writ penyitaan dan penjualan (A. 47, k. 1)

1. (1) Jika suatu penghakiman diberikan atau suatu perintah dibuat bagi pembayaran wang oleh mana-mana orang, dan Mahkamah berpuas hati, atas suatu permohonan yang dibuat pada masa penghakiman atau perintah itu, atau pada bila-bila

masa selepas itu, oleh penghutang penghakiman atau pihak lain yang dikenakan pelaksanaan—

- (a) bahawa terdapat hal keadaan khas yang menjadikan tidak suai manfaat untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu; atau
- (b) bahawa pemohon itu tidak berupaya kerana apa-apa sebab jua untuk membayar wang itu,

maka, walau apa pun apa-apa jua dalam kaedah 2 atau 3, Mahkamah boleh melalui perintah menggantung pelaksanaan penghakiman atau perintah itu melalui writ penyitaan dan penjualan sama ada secara mutlak atau bagi apa-apa tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini, sekiranya tidak dibuat pada masa penghakiman diberikan atau perintah dibuat, hendaklah dibuat melalui notis permohonan dan bolehlah dibuat sedemikian walaupun pihak yang dikenakan pelaksanaan tidak memasukkan kehadiran dalam tindakan itu.

(3) Suatu permohonan yang dibuat melalui notis permohonan hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang dibuat oleh atau bagi pihak pemohon dengan menyatakan alasan membuat permohonan itu dan keterangan yang perlu bagi membuktikannya dan, khususnya, jika permohonan sedemikian dibuat atas alasan ketidakupayaan pemohon untuk membayar, dengan mendedahkan pendapatannya, jenis dan nilai apa-apa hartanya dan amaun apa-apa liabilitinya yang lain.

(4) Notis permohonan dan suatu salinan affidavit sokongan mestilah, tidak kurang dari empat hari genap sebelum tarikh kembalian, disampaikan kepada pihak yang berhak untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu.

(5) Suatu perintah penggantungan pelaksanaan di bawah kaedah ini bolehlah diubah atau dibatalkan melalui suatu perintah yang terkemudian.

Writ berasingan bagi menguatkuasakan pembayaran kos (A. 47, k. 2)

2. (1) Jika hanya pembayaran wang, beserta dengan kos yang hendak ditetapkan, dihukum atau diperintahkan, maka, sekiranya apabila wang itu menjadi kena dibayar di bawah penghakiman atau perintah itu kos belum lagi ditetapkan, pihak yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu boleh mengeluarkan suatu writ penyitaan dan penjualan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu dan, tidak kurang dari lapan hari selepas pengeluaran writ itu, dia boleh mengeluarkan writ yang kedua untuk menguatkuasakan pembayaran kos yang ditetapkan itu.

(2) Suatu pihak yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah bagi penyerahmilikan mana-mana harta (selain wang) boleh, sekiranya dia memilih sedemikian, mengeluarkan suatu writ penyitaan dan penjualan yang berasingan untuk menguatkuasakan pembayaran apa-apa ganti rugi atau kos yang diawardkan kepadanya oleh penghakiman atau perintah itu.

Jika tuan tanah menuntut tunggakan sewa premis jika harta disita (A. 47, k. 3)

3. (1) Jika tuan tanah atau mana-mana orang lain berhak menerima sewa bagi premis yang apa-apa harta alih di dalamnya telah disita oleh Syerif atau bailif mempunyai apa-apa tuntutan bagi tunggakan sewa premis itu, dia boleh memohon kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, pada bila-bila masa sebelum penjualan harta itu, bagi suatu writ distress bagi mendapatkan kembali tunggakan sewa yang sedemikian.

(2) Apabila suatu writ distress telah dikeluarkan, seksyen 20 Akta Distres 1951 hendaklah terpakai.

(3) Melainkan jika suatu writ distress dikeluarkan bagi mendapatkan kembali tunggakan sewa sedemikian, harta yang disita oleh Syerif atau bailif hendaklah disifatkan tidak boleh disita di bawah suatu writ distress dan bebas daripada semua tuntutan berkenaan dengan sewa dan bolehlah diuruskan dengan sewajarnya dan tuan tanah atau orang lain yang berhak menerima sewa seperti yang disebut terdahulunya,

tidaklah mempunyai tuntutan berkenaan dengan harta itu atau terhadap hasil jualan atau mana-mana bahagian daripadanya.

Selepas penyitaan, urusan dengan harta adalah tidak sah (A. 47, k. 4)

4. Selepas penyitaan telah dibuat terhadap harta alih penghutang penghakiman di bawah suatu writ penyitaan dan penjualan, dan sepanjang berterusannya penyitaan itu, melainkan dengan kebenaran Mahkamah, apa-apa pemberimilikan harta yang disita, sama ada melalui jualan, hadiah, gadai janji atau selainnya, adalah tidak sah terhadap Syerif atau bailif dan mana-mana orang yang bagi pihaknya harta alih itu disita.

Penarikan balik dan penggantungan writ (A. 47, k. 5)

5. (1) Jika mana-mana pemiutang pelaksanaan meminta Syerif atau bailif menarik balik penyitaan, dia hendaklah disifatkan telah meninggalkan pelaksanaan itu, dan Syerif atau bailif hendaklah menandakan writ penyitaan dan penjualan itu sebagai telah ditarik balik menurut permintaan pemiutang pelaksanaan:

Dengan syarat bahawa jika permintaan dibuat berbangkit daripada suatu tuntutan yang telah dibuat dalam suatu prosiding interplider, pelaksanaan itu hendaklah disifatkan telah ditinggalkan hanya berkenaan dengan harta yang dituntut sedemikian itu sahaja.

(2) Suatu writ penyitaan dan penjualan yang telah ditarik balik di bawah kaedah ini tidak boleh dikeluarkan semula tetapi pemiutang pelaksanaan boleh memohon melalui suatu notis permohonan yang disokong oleh affidavit dengan menyatakan alasan membuat permohonan supaya suatu writ penyitaan dan penjualan yang baru dikeluarkan, dan writ sedemikian hendaklah diberi keutamaan mengikut tarikh dikeluarkan.

Harta tak alih (A. 47, k. 6)

6. Jika harta yang hendak disita terdiri daripada harta tak alih atau apa-apa kepentingan berdaftar dalamnya, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) suatu penyitaan hendaklah dibuat melalui suatu perintah oleh Mahkamah atau seorang Hakim melarang penghutang penghakiman dari memindahmilik, menggadai atau memajak harta atau kepentingan itu; dan bagi maksud kaedah ini, "menggadai" termasuklah mewujudkan suatu lien dengan mendepositkan dokumen hakmilik;
- (b) suatu permohonan bagi suatu perintah di bawah kaedah ini boleh dibuat secara *ex parte* melalui suatu notis permohonan;
- (c) permohonan hendaklah disokong dengan suatu affidavit—
- (i) mengenal pasti penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan;
 - (ii) menyatakan nama penghutang penghakiman yang berkenaan dengannya harta tak alih atau kepentingan suatu perintah itu diminta;
 - (iii) menyatakan amaun yang belum dibayar di bawah penghakiman atau perintah pada masa permohonan;
 - (iv) menyatakan harta tak alih atau kepentingan yang dalamnya yang berkenaan dengannya suatu perintah diminta; dan
 - (v) menyatakan bahawa setakat maklumat atau kepercayaan yang terbaik deponen, harta tak alih atau kepentingan yang menjadi persoalan adalah milik penghutang penghakiman dan menyatakan sumber maklumat deponen atau alasan bagi kepercayaannya;
- (d) suatu salinan perintah hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman dan seberapa banyak salinan mengikut keperluan hal keadaan, hendaklah dikeluarkan kepada pemiutang penghakiman supaya dia dapat menyerahkannya, sebagai mematuhi peruntukan mana-mana

undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah itu, untuk pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Hakmilik atau Pejabat Tanah di mana tanah atau kepentingan dalam tanah yang dinyatakan dalam perintah itu didaftarkan;

- (e) suatu perintah larangan yang dikeluarkan di bawah kaedah ini tidak boleh menjejaskan mana-mana harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya dan mana-mana harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya tidak boleh disifatkan telah disita sehingga perintah larangan itu telah didaftarkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah itu;
- (f) tertakluk kepada subperenggan (g), mana-mana perintah larangan tidaklah, apabila tamat enam bulan dari tarikhnya, menjejaskan harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya yang dinyatakan dalam perintah itu;
- (g) selepas permohonan mana-mana pemiutang penghakiman yang atas permohonannya suatu perintah larangan telah dikeluarkan, Mahkamah atau Hakim, sekiranya ia atau dia timbangkan bahawa hal keadaan khas menjadikan suatu perlanjutan adalah adil, boleh dari semasa ke semasa melalui perintah melanjutkan tempoh enam bulan yang disebut dalam subperenggan (f), untuk apa-apa tempoh yang tidak melebihi enam bulan, dengan syarat bahawa perintah yang dibuat di bawah kaedah ini tidak boleh mempunyai kuat kuasa atau kesan melainkan jika ia diserahkan untuk pendaftaran di Pejabat Tanah atau Pejabat Pendaftaran Hakmilik sebelum penamatan perintah larangan yang perintah sedemikian berupa sebagai melanjutkan;
- (h) subperenggan (d) hendaklah terpakai bagi perintah yang dibuat di bawah subperenggan (g);

- (i) apabila seorang pemiutang penghakiman telah mendapatkan dalam mana-mana saman atau prosiding suatu perintah larangan, dalam pelaksanaan suatu perintah atau penghakiman dalam saman atau prosiding itu, yang menyentuh apa-apa harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya, suatu perintah larangan selanjutnya yang menyentuh harta atau kepentingan yang sama tidak boleh dibuat dalam saman atau prosiding yang sama dalam pelaksanaan perintah atau penghakiman yang sama atas permohonan pemiutang penghakiman itu atau mana-mana orang lain melainkan jika Mahkamah atau Hakim melalui perintah mengarahkan selainnya, atas alasan wujudnya hal keadaan khas;
- (j) suatu salinan tiap-tiap perintah yang dibuat di bawah kaedah ini hendaklah dihantar oleh Mahkamah yang membuat perintah itu kepada Pendaftar Hakmilik Negeri atau kepada Pentadbir Tanah Daerah di mana tanah yang terlibat itu terletak atau kepada kedua-duanya sebagaimana perlu; dan
- (k) Mahkamah boleh pada bila-bila masa, apabila sebab yang mencukupi diberikan, memerintahkan harta yang disita di bawah kaedah ini dilepaskan.

Penjualan harta tak alih (A. 47, k. 7)

7. Penjualan harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat yang berikut:

- (a) tiada penjualan boleh dijalankan sehingga tamatnya empat belas hari dari tarikh pendaftaran perintah larangan di bawah kaedah 6(a);
- (b) butir-butir dan syarat penjualan hendaklah diputuskan oleh Syerif atau peguamnya;

- (c) penghutang penghakiman boleh memohon melalui suatu notis permohonan kepada Mahkamah atau Hakim untuk menangguhkan penjualan itu supaya dia boleh mendapatkan amaun yang boleh dilevikan di bawah writ dengan cara menggadai atau memajak, atau menjual sebahagian sahaja, daripada harta tak alih yang disita itu, atau dengan menjual apa-apa harta penghutang penghakiman yang lain, atau selainnya, dan Mahkamah atau Hakim, sekiranya berpuas hati bahawa ada alasan yang munasabah bagi mempercayai yang amaun tersebut boleh didapatkan dengan apa-apa cara jua, boleh menangguhkan penjualan itu selama apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma sebagaimana adil;
- (d) pemiutang penghakiman boleh memohon kepada Mahkamah atau Hakim bagi pelantikan seorang penerima sewaan dan keuntungan, atau seorang penerima dan pengurus bagi harta tak alih itu, sebagai ganti penjualan harta itu, dan atas permohonan yang sedemikian, Mahkamah atau Hakim boleh melantik penerima atau penerima dan pengurus itu, dan memberi segala arahan yang perlu berkenaan dengan sewaan dan keuntungan atau harta tak alih itu;
- (e) jika kepentingan penghutang kehakiman dalam mana-mana harta tak alih, yang disita dan dijual di bawah aturan ini, termasuklah hak untuk milikan serta-merta, Syerif atau bailif hendaklah meletakkan milikan kepada pembeli itu;
- (f) jika harta tak alih atau apa-apa kepentingan berdaftar dalamnya telah dijual dalam pelaksanaan suatu perintah, pemiutang penghakiman yang telah mendapat perintah atau mana-mana orang yang berhak berkongsi dalam pembahagian mengikut kadar aset atau yang kepentingannya terjejas oleh penjualan itu boleh memohon kepada Mahkamah atau Hakim untuk mengetepikan penjualan itu atas alasan ketidakteraturan material atau fraud dalam menyiarkan atau menjalankannya:

Dengan syarat bahawa suatu penjualan tidak boleh diketepikan atas alasan ketidakteraturan atau fraud melainkan jika berdasarkan fakta yang dibuktikan Mahkamah atau Hakim berpuas hati bahawa pemohon telah menanggung bencana disebabkan ketidakteraturan atau fraud itu;

(g) pembeli di mana-mana penjualan itu dalam pelaksanaan suatu perintah boleh memohon kepada Mahkamah atau Hakim untuk mengetepikan penjualan itu atas alasan bahawa penghutang penghakiman tidak mempunyai kepentingan boleh jual dalam harta yang dijualkan;

(h) (i) jika tiada permohonan dibuat di bawah subperenggan (f) atau (g), atau jika permohonan yang sedemikian dibuat dan tidak dibenarkan, Mahkamah atau Hakim hendaklah membuat suatu perintah mengesahkan penjualan itu, dan berikutan dengan itu penjualan itu hendaklah menjadi mutlak:

Dengan syarat bahawa perintah yang sedemikian tidak boleh dibuat sehingga selepas tamatnya satu bulan dari tarikh penjualan itu; atau

(ii) jika permohonan yang sedemikian dibuat dan dibenarkan, Mahkamah atau Hakim hendaklah membuat suatu perintah mengetepikan penjualan itu:

Dengan syarat bahawa suatu perintah tidak boleh dibuat melainkan jika notis mengenai permohonan itu telah diberikan kepada semua orang yang terlibat dengannya; dan

(iii) suatu tindakan untuk mengetepikan perintah yang dibuat di bawah subperenggan ini tidak boleh dibawa oleh mana-mana orang yang terhadapnya perintah itu dibuat;

- (i) (i) jika suatu penjualan diketepikan di bawah perenggan (*h*), pembeli hendaklah berhak kepada suatu perintah mendapatkan pembayaran balik wang beliannya (dengan atau tanpa bunga sebagaimana yang Mahkamah atau Hakim boleh arahkan) terhadap mana-mana orang yang kepadanya wang itu telah dibayar; dan
- (ii) pembayaran balik wang belian itu dan bunga, sekiranya ada, yang dibenarkan oleh Mahkamah atau Hakim boleh dikuatkuasakan terhadap orang itu di bawah kaedah ini yang berhubungan dengan pelaksanaan suatu perintah bagi pembayaran wang itu;
- (j) (i) tiap-tiap perintah di bawah subperenggan (*h*) hendaklah mengandungi perihalan yang cukup tentang harta atau kepentingan yang dijualkan dan nama pembeli dan hendaklah selanjutnya mengisytiharkan bahawa hakmilik bagi harta yang dijualkan itu hendaklah terletak pada pembeli itu atas pendaftaran perintah itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah, dan bukan sebelumnya;
- (ii) satu salinan bagi apa-apa perintah yang sedemikian hendaklah dikeluarkan kepada pembeli untuk membolehkan dia mengemukakannya untuk pendaftaran di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah itu; dan
- (iii) tiap-tiap perintah itu hendaklah bagi maksud Akta Setem 1949 [*Akta 378*] disifatkan menjadi, dan hendaklah disetamkan oleh pembeli sebagai, satu pindahhak;
- (k) sementara menunggu pelaksanaan atau pengendorsan apa-apa surat ikatan atau dokumen yang pada lazimnya dikehendaki dengan sah untuk memberi kesan kepada apa-apa penjualan oleh Syerif atau bailif, Mahkamah atau Hakim boleh melalui perintah, melantik Syerif atau bailif

untuk menerima apa-apa sewa dan keuntungan yang kena dibayar kepada pembeli berkenaan dengan harta yang dijual itu; dan

- (1) Syerif atau bailif boleh pada bila-bila masa memohon kepada Mahkamah atau Hakim untuk arahan berkenaan dengan harta tak alih atau apa-apa kepentingan dalamnya yang disita di bawah perintah itu dan boleh, atau, sekiranya Mahkamah atau Hakim memerintahkan sedemikian, mestilah, memberikan notis mengenai permohonan itu kepada pemiutang penghakiman, penghutang penghakiman dan mana-mana pihak lain yang berkepentingan dalam harta itu.

Sekuriti (A. 47, k. 8)

8. (1) Jika harta yang hendak disita terdiri daripada apa-apa saham mana-mana syarikat atau pertubuhan berdaftar atau diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang kepadanya penghutang penghakiman adalah berhak secara benefisial, penyitaan itu hendaklah dibuat melalui suatu notis dalam Borang 94, yang ditandatangani oleh Syerif atau bailif, melampirkan saham itu.

(2) Notis itu hendaklah dialamatkan—

- (a) dalam hal saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dan dipegang di bawah sistem depository pusat, kepada depository pada masa itu dan syarikat atau perbadanan berkenaan; dan
- (b) dalam hal saham yang lain, kepada syarikat atau perbadanan berkenaan,

dan bersama dengan suatu salinan writ penyitaan dan penjualan hendaklah disampaikan oleh Syerif atau bailif melalui apa-apa cara penyampaian sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Suatu salinan notis itu hendaklah pada masa yang sama dihantar kepada penghutang penghakiman di alamatnya bagi penyampaian.

(4) Apabila menerima notis itu, penghutang penghakiman hendaklah menyerahkan kepada Syerif atau bailif di pejabatnya apa-apa tanda hakmilik dalam milikannya yang berhubungan dengan saham itu, atau jika mana-mana tanda hakmilik itu tiada dalam milikannya, hendaklah memberitahu Syerif atau bailif secara bertulis nama dan alamat orang yang mempunyai milikan tanda hakmilik itu.

(5) Syerif atau bailif hendaklah selanjutnya menghantar satu salinan notis kepada mana-mana orang, selain penghutang penghakiman, yang dalam milikannya dia mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa mana-mana tanda hakmilik itu berada.

(6) Selepas menerima apa-apa notis yang dihantar di bawah perenggan (2), dan melainkan jika notis itu ditarik balik, pemindahan saham atau apa-apa kepentingan dalamnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh didaftarkan atau dilaksanakan melainkan jika pemindahan itu dilaksanakan atau diarahkan oleh Syerif atau bailif, dan apa-apa pemindahan atau arahan oleh Syerif atau bailif hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah pemegang berdaftar atau pemilik benefisial saham itu telah melaksanakan pemindahan itu, dan hendaklah diuruskan dengan sewajarnya.

(7) Semua bunga atau dividen yang dibayar dan kena dibayar, atau faedah terakru, selepas penerimaan notis itu, dan sehingga pengeluaran daripadanya atau pemindahan atau arahan oleh Syerif atau bailif sebagaimana yang dinyatakan di atas, hendaklah dibayar atau dipindahkan kepada Syerif atau bailif.

(8) Apa-apa notis yang disampaikan di bawah perenggan (2) boleh ditarik balik melalui suatu notis secara bertulis bagi maksud itu yang ditandatangani oleh Syerif atau bailif dan disampaikan kepada orang itu dan dalam cara yang diperuntukkan oleh perenggan (2).

(9) Mahkamah atau Hakim, atas permohonan penghutang penghakiman atau mana-mana orang lain yang berminat dengan saham yang disita di bawah kaedah ini, boleh pada bila-bila masa, dengan sebab yang mencukupi ditunjukkan, mengarahkan saham itu atau mana-mana bahagian daripadanya dilepaskan.

Penjualan sekuriti (A. 47, k. 9)

9. (1) Saham yang disita di bawah kaedah 8 bolehlah dijual melalui agensi broker.

(2) Sekiranya tanda hakmilik tiada dalam milikan Syerif atau bailif, dia bolehlah memohon kepada Mahkamah atau Hakim bagi apa-apa arahan sebagaimana yang perlu untuk memberi kesan kepada penjualan itu.

ATURAN 48

PEMERIKSAAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN

Perintah bagi pemeriksaan penghutang penghakiman (A. 48, k. 1)

1. (1) Dalam Aturan ini, “Pendaftar” ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret.

(2) Jika seorang telah mendapatkan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang oleh seorang lain (yang disebut “penghutang penghakiman” dalam Aturan ini), Mahkamah boleh, atas permohonan yang dibuat secara *ex parte* melalui suatu notis permohonan yang disokong dengan affidavit dalam Borang 95 oleh orang yang berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah, memerintahkan penghutang penghakiman, atau, sekiranya penghutang penghakiman itu suatu pertubuhan perbadanan, seorang pegawainya, untuk hadir di hadapan Pendaftar, dan diperiksa secara lisan mengenai persoalan—

(a) sama ada apa-apa dan, sekiranya sedemikian, apakah hutang yang terhutang kepada penghutang penghakiman; dan

(b) sama ada penghutang penghakiman mempunyai apa-apa dan, sekiranya sedemikian, apakah harta atau cara lain bagi menunaikan penghakiman atau perintah itu,

dan Mahkamah boleh juga memerintahkan penghutang penghakiman atau pegawai itu mengemukakan apa-apa buku atau dokumen dalam milikan penghutang penghakiman

itu yang relevan kepada persoalan yang disebut terdahulu pada masa dan di tempat yang ditetapkan bagi pemeriksaan.

(3) Suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dalam Borang 96 dan mestilah disampaikan sendiri kepada penghutang penghakiman dan kepada mana-mana pegawai suatu pertubuhan perbadanan yang diperintahkan untuk menghadiri pemeriksaan.

(4) Apa-apa kesulitan yang berbangkit semasa menjalankan pemeriksaan di bawah kaedah ini di hadapan Pendaftar, termasuk apa-apa pertikaian mengenai obligasi orang yang sedang diperiksa itu untuk menjawab apa-apa persoalan yang dikemukakan kepadanya, bolehlah dirujuk kepada Mahkamah dan Mahkamah boleh menentukan atau memberi apa-apa arahan bagi penentuannya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemeriksaan ke atas pihak yang kena menunaikan penghakiman (A. 48, k. 2)

2. Jika apa-apa kesulitan berbangkit mengenai atau berkaitan dengan penguatkuasaan apa-apa penghakiman atau perintah, selain penghakiman atau perintah sebagaimana yang disebut dalam kaedah 1, Mahkamah boleh membuat suatu perintah di bawah kaedah itu bagi kehadiran pihak yang kena menunaikan penghakiman atau perintah itu dan bagi pemeriksaannya mengenai persoalan yang dinyatakan dalam perintah itu, dan kaedah itu hendaklah terpakai dengan sewajarnya dengan ubah suaian yang perlu.

Pendaftar hendaklah membuat rekod pernyataan penghutang (A. 48. k. 3)

3. Pendaftar yang menjalankan pemeriksaan hendaklah mencatatkan, atau menyebabkan dicatatkan secara bertulis pernyataan yang dibuat oleh penghutang penghakiman atau orang lain di pemeriksaan itu, membacakan pernyataan itu kepadanya dan memintanya menandatangani pernyataan itu, dan jika dia enggan, Pendaftar hendaklah menandatangani pernyataan itu.

ATURAN 49
PROSIDING ORANG DIGARNIS

**Penahanan hutang yang kena dibayar kepada penghutang penghakiman
(A. 49, k. 1)**

1. (1) Jika seorang (yang disebut “pemiutang penghakiman” dalam Aturan ini) telah mendapat suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang oleh seorang lain (yang disebut “penghutang penghakiman” dalam Aturan ini), yang bukan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran wang ke dalam Mahkamah, dan mana-mana orang lain dalam bidang kuasa (yang disebut “orang digarnis” dalam Aturan ini), berhutang kepada penghutang penghakiman, Mahkamah boleh, tertakluk kepada peruntukan Aturan ini dan mana-mana undang-undang bertulis, memerintahkan orang digarnis untuk membayar kepada pemiutang penghakiman amaun apa-apa hutang yang kena dibayar atau terakru kepada penghutang penghakiman daripada orang digarnis, atau seberapa banyak daripadanya secukup untuk menunaikan penghakiman atau perintah itu dan kos bagi prosiding orang digarnis itu.

(2) Suatu perintah dalam Borang 97 di bawah kaedah ini hendaklah mula-mulanya suatu perintah untuk menunjukkan sebab, dengan menyatakan masa dan tempat untuk pertimbangan lanjut perkara itu, dan buat sementara itu menahan hutang sedemikian sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (1), atau sekian banyak daripadanya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, untuk menjawab penghakiman atau perintah yang disebut dalam perenggan itu dan kos bagi prosiding orang digarnis itu.

(3) Dalam Aturan ini, “apa-apa hutang yang kena dibayar atau terakru yang kena dibayar” termasuklah suatu akaun semasa atau akaun deposit dengan suatu bank atau institusi kewangan lain, sama ada atau tidak deposit itu telah matang dan walau apa pun apa-apa sekatan berkenaan dengan cara pengeluaran.

Permohonan minta perintah (A. 49, k. 2)

2. Suatu permohonan minta perintah di bawah kaedah 1 hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong dengan suatu affidavit dalam Borang 98—

- (a) yang mengenal pasti penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan dan menyatakan amaun yang masih belum dibayar di bawahnya pada masa permohonan itu; dan
- (b) menyatakan bahawa setakat maklumat atau kepercayaan yang terbaik deponen orang digarnis (dengan menamakannya) berada dalam bidang kuasa dan berhutang kepada penghutang penghakiman dan menyatakan sumber maklumat deponen atau alasan bagi kepercayaannya.

Penyampaian dan kesan perintah tunjuk sebab (A. 49, k. 3)

3. (1) Suatu perintah di bawah kaedah 1 untuk tunjuk sebab hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum masa yang ditetapkan bagi pertimbangan lanjut perkara itu, disampaikan—

- (a) kepada orang digarnis secara sendiri; dan
- (b) melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, kepada penghutang penghakiman.

(2) Suatu perintah sedemikian hendaklah mengikat orang digarnis mulai dari penyampaian perintah itu kepadanya apa-apa hutang yang dinyatakan dalam perintah itu atau sekian banyak daripadanya sebagaimana yang dinyatakan sedemikian.

Orang digarnis tidak hadir atau tidak mempertikaikan liabiliti (A. 49, k. 4)

4. (1) Jika atas pertimbangan lanjut perkara itu orang digarnis tidak hadir atau tidak mempertikaikan hutang yang kena dibayar atau dituntut kena dibayar olehnya kepada penghutang penghakiman, Mahkamah boleh, tertakluk kepada kaedah 7,

membuat suatu perintah mutlak dalam salah satu bentuk dalam Borang 99 di bawah kaedah 1 terhadap orang digarnis.

(2) Suatu perintah mutlak di bawah kaedah 1 terhadap orang digarnis boleh dikuatkuasakan mengikut cara yang sama sebagaimana mana-mana perintah lain bagi pembayaran wang.

Orang digarnis mempertikaikan liabiliti (A. 49, k. 5)

5. Jika atas pertimbangan lanjut perkara itu orang digarnis mempertikaikan liabiliti untuk membayar hutang yang kena dibayar atau dituntut kena dibayar olehnya kepada penghutang penghakiman, Mahkamah boleh secara terus menentukan persoalan yang menjadi isu atau memerintahkan dalam Borang 100 supaya apa-apa persoalan yang perlu bagi menentukan liabiliti orang digarnis itu dibicarakan mengikut apa-apa cara yang mengikutnya apa-apa persoalan atau isu dalam suatu tindakan boleh dibicarakan, tanpa, sekiranya Mahkamah memerintahkan perbicaraan di hadapan Pendaftar, memerlukan apa-apa persetujuan oleh pihak-pihak.

Tuntutan orang ketiga (A. 49, k. 6)

6. (1) Sekiranya dalam prosiding orang digarnis, perhatian dibawa kepada Mahkamah bahawa beberapa orang lain selain penghutang penghakiman adalah berhak atau menuntut berhak terhadap hutang yang diminta ditahan atau mempunyai atau menuntut mempunyai gadaian atau lien ke atasnya, Mahkamah boleh memerintahkan supaya orang itu hadir di hadapan Mahkamah dan menyatakan jenis tuntutan beserta butir-butirnya.

(2) Selepas mendengar mana-mana orang yang hadir di hadapan Mahkamah sebagai mematuhi suatu perintah di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh secara terus menentukan persoalan yang menjadi isu antara pihak-pihak menuntut atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkannya adil, termasuk suatu perintah bahawa apa-apa persoalan atau isu yang perlu bagi menentukan kesahan tuntutan orang lain sedemikian yang dinyatakan dalam perenggan (1) dibicarakan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 5.

Pemiutang penghakiman yang bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual (A. 49, k. 7)

7. (1) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah kaedah 1 yang menghendaki orang digarnis membayar apa-apa jumlah wang bagi atau untuk kredit mana-mana pemiutang penghakiman yang bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual melainkan jika pemiutang itu mengemukakan suatu perakuan bahawa Pengawal telah memberikan kebenaran di bawah Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 bagi pembayaran tanpa syarat atau dengan syarat yang telah dipatuhi.

(2) Sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa pembayaran oleh orang digarnis kepada pemiutang penghakiman akan melanggar mana-mana peruntukan Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953, ia boleh memerintahkan orang digarnis supaya membayar ke dalam Mahkamah amaun yang kena dibayar kepada pemiutang penghakiman dan kos bagi prosiding orang digarnis setelah memotong kosnya sendiri, sekiranya Mahkamah memerintahkan sedemikian.

Pelepasan orang digarnis (A. 49, k. 8)

8. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh orang digarnis sebagai mematuhi suatu perintah mutlak di bawah Aturan ini, dan apa-apa pelaksanaan yang dilevikan terhadapnya menurut suatu perintah sedemikian, hendaklah menjadi pelepasan yang sah bagi liabilitinya kepada penghutang penghakiman setakat amaun yang dibayar atau dilevikan walaupun prosiding orang digarnis itu diketepikan kemudiannya atau penghakiman atau perintah yang daripadanya ia berbangkit diakaskan.

Wang di dalam Mahkamah (A. 49, k. 9)

9. (1) Jika wang ada dalam kredit penghutang penghakiman di dalam Mahkamah, pemiutang penghakiman tidak berhak membawa prosiding orang digarnis berkenaan dengan wang tersebut tetapi boleh memohon kepada Mahkamah melalui suatu notis permohonan minta suatu perintah supaya wang itu atau sekian banyak daripadanya secukup untuk menunaikan penghakiman atau perintah yang diminta dikuatkuasakan dan kos bagi permohonan itu dibayar kepada pemiutang penghakiman.

(2) Setelah mengeluarkan suatu notis permohonan di bawah kaedah ini, pemohon hendaklah mengemukakan permohonan itu di pejabat Akauntan Negara dan meninggalkan satu salinan di pejabat tersebut, dan wang yang berkaitan dengan permohonan itu tidak boleh dibayar keluar daripada Mahkamah sehingga selepas penentuan permohonan itu. Sekiranya permohonan itu ditolak, pemohon hendaklah memberi notis tentang fakta itu kepada Akauntan Negara.

(3) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, notis permohonan itu hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan di dalamnya bagi pendengarannya.

(4) Tertakluk kepada Aturan 70, kaedah 23, Mahkamah yang mendengar suatu permohonan di bawah kaedah ini boleh membuat apa-apa perintah mengenai wang di dalam Mahkamah sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kos (A. 49, k. 10)

10. Kos bagi mana-mana permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah 1 atau 9, dan bagi mana-mana prosiding yang berbangkit daripadanya atau bersampingan dengannya, hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dipegangsimpan oleh pemiutang penghakiman daripada wang yang didapatkan kembali olehnya di bawah perintah dan diberi keutamaan daripada hutang penghakiman.

ATURAN 50

PERINTAH GADAIAN, PERINTAH PEMBERHENTIAN

(A. 50, k. 1)

1. *(Tiada kaedah 1)*

Perintah mengenakan gadaian ke atas sekuriti (A. 50, k. 2)

2. (1) Mahkamah boleh bagi maksud menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran suatu jumlah wang tertentu kepada seseorang melalui perintah dalam Borang 101 mengenakan ke atas apa-apa kepentingan yang kepadanya

penghutang penghakiman berhak secara benefisial dalam apa-apa sekuriti yang baginya kaedah ini terpakai sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu suatu gadaian bagi menjamin pembayaran amaun yang kena dibayar di bawah penghakiman atau perintah itu dan bunga atasnya.

(2) Apa-apa perintah sedemikian hendaklah mula-mula sekali merupakan suatu perintah menunjukkan sebab, dalam Borang 102, yang menyatakan masa dan tempat bagi pertimbangan selanjutnya perkara itu dan mengenakan gadaian itu sehingga masa itu dalam apa-apa keadaan.

(3) Sekuriti yang baginya kaedah ini terpakai ialah—

(a) apa-apa saham Kerajaan, dan apa-apa saham mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, termasuk mana-mana saham sedemikian yang ada atas nama Akauntan Negara; dan

(b) apa-apa dividen bagi atau bunga yang kena dibayar atas saham sedemikian.

(4) Dalam Aturan ini, "saham Kerajaan" ertinya apa-apa saham yang dikeluarkan oleh Kerajaan atau mana-mana kumpulan wang atau anuiti yang diberi oleh Kerajaan, dan "saham" termasuklah saham pilihan, syer, debentur dan saham debentur.

Permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah kaedah 2 (A. 50, k. 3)

3. Suatu permohonan minta perintah di bawah kaedah 2 hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong dengan affidavit—

(a) yang mengenal pasti penghakiman atau perintah yang hendak dikuatkuasakan, dengan menyatakan amaun belum dibayar di bawahnya pada tarikh permohonan itu, dan menunjukkan bahawa pemohon itu berhak menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu; dan

- (b) yang menyatakan sekuriti atas kepentingan penghutang penghakiman yang dalamnya diminta untuk dikenakan gadaian dan atas nama siapa sekuriti itu,

menyatakan bahawa setakat maklumat atau kepercayaan yang terbaik deponen penghutang penghakiman adalah berhak secara benefisial kepada kepentingan dalam sekuriti yang berkenaan, dengan memperihalkan kepentingan tersebut, dan menyatakan sumber maklumat deponen atau sebab-sebab kepercayaannya.

Penyampaian notis atau perintah untuk tunjuk sebab (A. 50, k. 4)

4. (1) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, suatu salinan perintah di bawah kaedah 2 untuk tunjuk sebab hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum masa yang ditetapkan baginya pertimbangan selanjutnya perkara itu, disampaikan kepada penghutang penghakiman, dan sekiranya dia tidak hadir semasa pertimbangan sedemikian bukti penyampaian mestilah diberi.

(2) Notis mengenai pembuatan perintah untuk tunjuk sebab, berserta suatu salinan perintah itu, hendaklah dengan seberapa segera yang praktik selepas pembuatan perintah itu disampaikan—

- (a) jika perintah itu berkaitan dengan saham Kerajaan, kepada Akauntan Negara;
- (b) jika perintah itu berkaitan dengan saham lain, kepada syarikat berkenaan; dan
- (c) jika perintah itu berkaitan dengan saham yang ada atas nama Akauntan Negara, kepada Akauntan Negara.

Kesan perintah menunjukkan sebab (A. 50, k. 5)

5. (1) Tiada pelupusan oleh penghutang penghakiman akan kepentingannya dalam mana-mana sekuriti yang berhubung dengan suatu perintah di bawah kaedah 2

untuk menunjukkan sebab yang dibuat selepas pembuatan perintah itu hendaklah, selagi perintah itu terus berkuat kuasa, menjadi sah terhadap pemiutang penghakiman.

(2) Sehingga perintah sedemikian dilepaskan atau dijadikan mutlak Akauntan Negara atau suatu syarikat, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak boleh membenarkan apa-apa pemindahan mana-mana saham sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, atau membayar kepada mana-mana orang apa-apa dividennya, atau bunga yang kena dibayar atasnya, kecuali dengan kuasa Mahkamah.

(3) Sekiranya selepas notis mengenai pembuatan perintah itu disampaikan kepada Akauntan Negara atau suatu syarikat, Akauntan Negara atau syarikat itu membenarkan apa-apa pemindahmilikan atau membuat apa-apa pembayaran yang dilarang oleh perenggan (2), ia adalah bertanggung untuk membayar pemiutang penghakiman nilai saham yang dipindahmilik itu atau amaun pembayaran yang dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau, sekiranya nilai atau amaun itu adalah lebih dari mencukupi untuk menunaikan penghakiman atau perintah yang perintah itu berkaitan, seberapa banyak daripadanya sebagaimana yang mencukupi untuk menunaikannya.

Menjadikan perintah gadaian mutlak dan kesan perintah gadaian mutlak (A. 50, k. 6)

6. (1) Atas pertimbangan selanjutnya perkara itu Mahkamah hendaklah, melainkan jika ternyata bahawa terdapat sebab sebaliknya yang mencukupi, menjadikan perintah itu mutlak dengan atau tanpa ubah suaian.

(2) Jika atas pertimbangan selanjutnya perkara itu ternyata kepada Mahkamah bahawa perintah itu tidak patut dijadikan mutlak ia hendaklah melepaskan perintah itu.

(3) Suatu gadaian yang dikenakan oleh suatu perintah di bawah kaedah 2 yang dijadikan mutlak di bawah kaedah ini hendaklah mempunyai kesan yang sama, dan pemiutang penghakiman yang bagi faedahnya ia dibuat hendaklah, tertakluk kepada perenggan (4), mempunyai remedi yang sama bagi menguatkuasakannya,

seolah-olah ia adalah gadaian sah yang dibuat dengan berkesannya oleh penghutang penghakiman.

(4) Prosiding bagi menguatkuasakan gadaian yang dikenakan oleh suatu perintah yang dijadikan mutlak di bawah kaedah ini tidak boleh diambil sehingga selepas tamat enam bulan dari tarikh perintah untuk menunjukkan sebab.

Melepaskan perintah gadaian (A. 50. k. 7)

7. Mahkamah, atas permohonan penghutang penghakiman atau mana-mana orang lain yang berkepentingan dalam sekuriti yang perintah di bawah kaedah 2 berkaitan, boleh pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas perintah itu dijadikan mutlak, melepaskan atau mengubah perintah itu atas apa-apa terma, sekiranya ada, tentang kos sebagaimana yang difikirkannya adil.

Wang dalam Mahkamah: Perintah gadaian (A. 50, k. 8)

8. (1) Mahkamah boleh bagi maksud menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah bagi pembayaran suatu jumlah wang tertentu kepada seseorang melalui perintah mengenakan atas apa-apa kepentingan yang kepadanya penghutang penghakiman berhak secara benefisial apa-apa wang dalam Mahkamah yang dikenal pasti dalam perintah itu suatu gadaian bagi menjamin pembayaran amaun yang kena dibayar di bawah penghakiman atau perintah itu dan bunga atasnya.

(2) Mana-mana perintah sedemikian hendaklah pada mula-mulanya merupakan suatu perintah untuk menunjukkan sebab, menyatakan masa dan tempat bagi pertimbangan selanjutnya perkara itu dan mengenakan gadaian sehingga masa tersebut dalam apa jua keadaan.

(3) Kaedah 3 dan 4(1) hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah ini dan dengan perintah itu sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah 2 dan dengan perintah sedemikian.

(4) Notis mengenai pembuatan suatu perintah di bawah kaedah ini untuk menunjukkan sebab, berserta suatu salinan perintah tersebut, hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas pembuatan perintah itu, disampaikan kepada Akauntan Negara.

(5) Kaedah 5(1), 6(1), 6(2) dan 7 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan suatu perintah di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu perintah di bawah kaedah 2.

Pendaftar boleh memberikan injuksi yang bersampingan dengan perintah gadaian (A. 50, k. 9)

9. Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa—

- (a) melantik seorang penerima untuk menguatkuasakan gadaian yang dikenakan melalui suatu perintah di bawah kaedah 1; atau
- (b) memberikan suatu injuksi sekiranya, dan hanya setakat yang ia, bersampingan atau berdampingan dengan suatu perintah di bawah kaedah 1, 2 atau 8,

dan suatu permohonan untuk pelantikan seorang penerima atau suatu injuksi di bawah kaedah ini bolehlah dicantumkan dengan permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah kaedah 2 atau 8 yang ia berkaitan.

Sekuriti bukan dalam Mahkamah: Notis pemberhentian (A. 50, k. 10)

10. (1) Mana-mana orang yang menuntut sebagai berhak secara benefisial kepada suatu kepentingan dalam mana-mana sekuriti yang baginya kaedah 2 terpakai, selain sekuriti dalam Mahkamah, yang ingin diberitahu tentang apa-apa cadangan pemindahan pembayaran sekuriti itu boleh menggunakan peruntukan kaedah ini.

(2) Seseorang yang menuntut sebagai berhak sedemikian hendaklah memfailkan di Pejabat Pendaftaran—

- (a) suatu affidavit yang mengenal pasti sekuriti dalam persoalan dan memperihalkan kepentingan di dalamnya dengan merujuk kepada dokumen yang di bawahnya ia berbangkit; dan
- (b) suatu notis dalam Borang 103 yang ditandatangani oleh deponen kepada affidavit itu, dan dilampirkan kepadanya, yang dialamatkan kepada Akauntan Negara atau syarikat yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan,

dan hendaklah menyampaikan suatu salinan pejabat affidavit itu, dan suatu salinan notis yang dimeteraikan dengan meterai Mahkamah Tinggi, kepada Akauntan Negara atau syarikat itu.

(3) Maka hendaklah diendorskan pada affidavit yang difailkan di bawah kaedah ini suatu notis yang menyatakan alamat yang kepadanya apa-apa notis sedemikian sebagaimana yang disebut dalam kaedah 11(1) hendak dihantarkan dan, tertakluk kepada perenggan (4), alamat itu hendaklah bagi maksud kaedah itu merupakan alamat penyampaian kepada orang yang bagi pihaknya affidavit itu difailkan.

(4) Seseorang yang bagi pihaknya suatu affidavit di bawah kaedah ini difailkan boleh menukar alamat penyampaiannya bagi maksud kaedah 11 dengan menyampaikan kepada Akauntan Negara atau syarikat yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, suatu notis bagi maksud itu, dan mulai dari tarikh penyampaian suatu notis yang sedemikian alamat yang dinyatakan di dalamnya hendaklah bagi maksud kaedah itu menjadi alamat untuk penyampaian kepada orang itu.

Kesan notis pemberhentian (A. 50, k. 11)

11. (1) Jika suatu notis di bawah kaedah 10 telah disampaikan kepada Akauntan Negara atau suatu syarikat, maka, selagi notis itu berkuat kuasa, Akauntan Negara atau syarikat itu tidak boleh mendaftarkan pemindahmilikan mana-mana saham atau membuat pembayaran apa-apa dividen atau bunga, iaitu pemindahmilikan atau pembayaran yang disekat oleh notis itu, tanpa menyampaikan kepada orang yang bagi

pihaknya notis itu telah difailkan di alamat penyampaiannya notis yang memberitahunya tentang permintaan bagi pemindahmilikan atau pembayaran sedemikian.

(2) Jika Akauntan Negara atau suatu syarikat menerima permintaan bagi pemindahmilikan atau pembayaran yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) yang dibuat oleh atau bagi pihak pemegang sekuriti yang notis di bawah kaedah 10 berkaitan, Akauntan Negara atau syarikat itu tidak boleh semata-mata oleh sebab notis itu enggan mendaftarkan pemindahmilikan itu atau membuat pembayaran selama lebih daripada lapan hari selepas permintaan itu diterima kecuali di bawah kuasa suatu perintah Mahkamah.

Pindaan notis pemberhentian (A. 50, k. 12)

12. Sekiranya mana-mana sekuriti diperihalkan dengan tidak betul dalam notis yang difailkan di bawah kaedah 10 orang yang bagi pihaknya notis itu telah difailkan boleh memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu notis terpinda dan menyampaikan kepada Akauntan Negara atau syarikat yang berkenaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sesalinan notis itu yang dimeteraikan dengan meterai Mahkamah Tinggi, dan jika dia berbuat demikian notis di bawah kaedah 10 hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada Akauntan Negara atau syarikat itu pada hari salinan notis terpinda itu telah disampaikan kepadanya.

Menarik balik notis pemberhentian (A. 50, k. 13)

13. (1) Orang yang bagi pihaknya suatu notis di bawah kaedah 10 telah difailkan boleh menarik balik notis itu dengan menyampaikan suatu permintaan untuk menarik balik notis itu kepada Akauntan Negara atau syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang kepadanya notis itu telah disampaikan.

(2) Permintaan sedemikian hendaklah ditandatangani oleh orang yang bagi pihaknya notis itu telah difailkan dan tandatangannya hendaklah disaksikan oleh seorang peguam yang menjalankan amalan.

(3) Mahkamah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut sebagai berhak secara benefisial kepada suatu kepentingan dalam sekuriti yang suatu notis di bawah kaedah 10 berkaitan, boleh melalui perintah melepaskan notis itu.

(4) Suatu permohonan untuk mendapatkan perintah di bawah perenggan (3) hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan, dan permohonan itu hendaklah disampaikan kepada orang yang bagi pihaknya notis di bawah kaedah 10 telah difailkan.

Perintah melarang pemindahmilikan sekuriti (A. 50, k. 14)

14. (1) Mahkamah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut sebagai berhak secara benefisial kepada suatu kepentingan dalam mana-mana saham Kerajaan atau apa-apa saham mana-mana syarikat yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, boleh melalui perintah dalam Borang 104 melarang Akauntan Negara atau syarikat itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, daripada mendaftarkan apa-apa pemindahmilikan bagi sekian bahagian daripada saham itu sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu atau daripada membayar apa-apa dividennya atau bunga atasnya. Nama pemegang saham yang perintah itu berkaitan hendaklah dinyatakan dalam perintah itu.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.

(3) Mahkamah, atas permohonan mana-mana orang yang menuntut sebagai berhak kepada suatu kepentingan dalam mana-mana saham yang suatu perintah di bawah kaedah ini berkaitan, boleh mengubah atau melepaskan perintah itu atas apa-apa terma, sekiranya ada, tentang kos yang difikirkannya patut.

ATURAN 51

PENERIMA: PELAKSANAAN BEREKUITI

Pelantikan penerima melalui pelaksanaan berekuiti (A. 51, k. 1)

1. (1) Jika suatu permohonan dibuat untuk melantik seorang penerima melalui pelaksanaan berekuiti, Mahkamah dalam menentukan sama ada adil atau sesuai

pelantikan itu patut dibuat hendaklah memberi perhatian kepada amaun yang dituntut oleh pemiutang penghakiman, kepada amaun yang mungkin akan didapatkan oleh penerima dan kepada kos barangkali bagi pelantikannya dan boleh mengarahkan suatu siasatan atas mana-mana perkara ini atau apa-apa perkara lain sebelum membuat pelantikan itu.

(2) Jika atas suatu permohonan bagi pelantikan seorang penerima melalui pelaksanaan berekuiti ternyata kepada Mahkamah bahawa pemiutang penghakiman bermastautin di luar wilayah-wilayah terjadual, atau bertindak menurut perintah atau bagi pihak seseorang yang bermastautin sedemikian, maka, melainkan jika kebenaran Pengawal yang dikehendaki oleh Akta Kawalan Pertukaran Wang 1953 telah diberi tanpa syarat atau atas syarat yang telah dipatuhi, apa-apa perintah bagi pelantikan seorang penerima hendaklah mengarahkan bahawa penerima hendaklah membayar ke dalam Mahkamah untuk kredit kausa atau perkara yang dia dilantik baginya apa-apa baki yang kena dibayar olehnya selepas potongan saraannya yang wajar.

Pendaftar boleh melantik penerima (A. 51, k. 2)

2. Tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Mahkamah di bawah Aturan 32, kaedah 9, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk membuat perintah suatu perintah bagi pelantikan seorang penerima melalui pelaksanaan berekuiti dan untuk memberikan injunksi sekiranya, dan hanya setakat yang, injunksi itu adalah bersampingan atau berdampingan dengan suatu perintah yang sedemikian.

Pemakaian kaedah-kaedah tentang perlantikan penerima (A. 51, k. 3)

3. (1) Suatu permohonan untuk melantik seorang penerima melalui pelaksanaan berekuiti boleh dibuat mengikut Aturan 30, kaedah 1, dan kaedah 2 hingga 6 Aturan itu hendaklah terpakai berhubung dengan seorang penerima yang dilantik melalui pelaksanaan berekuiti sebagaimana ia terpakai berhubung dengan seorang penerima yang dilantik bagi apa-apa maksud lain.

(2) Permohonan bagi pelantikan seorang penerima hendaklah dalam Borang 105 dan suatu perintah bagi pelantikan penerima melalui pelaksanaan berekuiti hendaklah dalam salah satu daripada bentuk dalam Borang 106.

ATURAN 51A
PEMBAHAGIAN MENGIKUT KADAR

Hasil jualan pelaksanaan hendaklah dibahagikan mengikut kadar di kalangan pemiutang penghakiman (A. 51A, k. 1)

1. (1) Jika aset direalisasikan melalui jualan atau selainnya dalam pelaksanaan suatu perintah atau penghakiman dan lebih daripada seorang telah, sebelum perealisasikan itu, menahan harta yang daripadanya aset sedemikian telah direalisasikan dalam pelaksanaan perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap penghutang penghakiman yang sama dan belum lagi mendapatkan penjelasannya, aset itu selepas ditolak kos perealisasikan itu, hendaklah dibahagikan mengikut kadar antara semua orang itu:

Dengan syarat seperti yang berikut:

- (a) jika mana-mana harta dijual tertakluk kepada suatu gadaian, pemegang gadaian tidaklah dengan demikian berhak berkongsi atas apa-apa lebihan yang berbangkit daripada jualan itu;
- (b) jika mana-mana harta yang kena dijual pada melaksanakan suatu perintah atau penghakiman adalah tertakluk kepada suatu gadaian, Mahkamah boleh, dengan persetujuan pemegang gadaian, memerintahkan supaya harta itu dijual bebas daripada gadaian itu, dengan memberikan kepada pemegang gadaian itu hak yang sama terhadap hasil jualan sebagaimana yang dipunyainya terhadap harta yang dijual;
- (c) jika mana-mana harta tak alih dijual pada melaksanakan suatu perintah atau penghakiman yang memerintahkan penjualannya bagi melepaskan bebanan ke atasnya, hasil jualan itu hendaklah digunakan—
 - (i) pertama, bagi membayar perbelanjaan jualan itu;

- (ii) keduanya, bagi melepaskan bunga dan wang pokok yang kena dibayar atas bebanan kemudiannya, sekiranya ada;
 - (iii) ketiganya, bagi melepaskan bunga dan wang pokok yang kena dibayar atas bebanan kemudiannya, sekiranya ada; dan
 - (iv) keempatnya, dengan mengikut kadar antara pemegang perintah atau penghakiman bagi pembayaran wang terhadap penghutang penghakiman itu yang telah, sebelum daripada penjualan harta tersebut, memohon kepada Mahkamah yang meluluskan perintah atau penghakiman yang memerintahkan penjualan bagi pelaksanaan perintah atau penghakiman itu dan yang belum lagi mendapat penjelasannya; dan
- (d) jika harta yang daripadanya aset itu direalisasikan telah, sebelum perealisasikan itu, ditahan oleh Mahkamah Tinggi dan juga oleh satu atau lebih Mahkamah Rendah, seorang pemegang suatu dekri yang diluluskan oleh Mahkamah Rendah tidaklah berhak berkongsi dalam pembahagian aset itu melainkan jika dia telah, sebelum daripada perealisasikan itu, memberikan notis bertulis kepada Pendaftar mengenai penahanan harta itu oleh Mahkamah Rendah atas permintaannya sendiri.

(2) Jika kesemua atau mana-mana aset yang kena dibahagikan mengikut kadar di bawah kaedah ini dibayar kepada seseorang yang tidak berhak menerimanya, mana-mana orang yang berhak sedemikian boleh membawa guaman terhadap orang itu untuk memaksanya supaya memulangkan aset itu.

(3) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh berkuat kuasa untuk mengecewakan atau menundakan apa-apa tuntutan yang mengikut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis patut dibayar menurut keutamaan.

Cara penahanan yang terkemudian (A. 51A, k. 2)

2. (1) Apa-apa harta yang ditahan melalui pelaksanaan oleh mana-mana Mahkamah sama ada diambil secara fizikal ke dalam jagaan Mahkamah atau tidak, hendaklah disifatkan telah disita oleh Mahkamah itu dan tidak boleh selepas itu disita atas permintaan mana-mana orang lain, tetapi apa-apa perintah atau waran terkemudian bagi penahanan atau penyitaan harta yang sama oleh Mahkamah yang sama atau mana-mana Mahkamah lain, sama ada di tempat yang sama atau di suatu tempat yang lain, atau sesalinan terperaku baginya, boleh dihantarserahkan kepada Syerif atau bailif yang menyita harta itu dan hendaklah sesudah itu berkuat kuasa dan mempunyai kesan sebagai suatu penahanan bagi maksud Aturan ini.

(2) Dalam hal apa-apa harta yang tidak boleh diambil secara fizikal ke dalam jagaan bailif atau pegawai lain Mahkamah itu, apa-apa perintah larangan atau dokumen seumpamanya bagi maksud melindungi kepentingan pemiutang penahan yang terkemudian boleh disampaikan atau didaftarkan dan hendaklah berkuat kuasa mengikut perenggan (1).

(3) Sekiranya harta itu dilepaskan daripada penahanan terdahulu, ia hendaklah disifatkan telah ditahan dan disita di bawah perintah atau waran yang terkemudian itu.

(4) Sekiranya harta itu berada di bawah penahanan terdahulu dan tiada perintah bagi penjualannya telah dibuat dalam dua bulan selepas penahanan itu, harta itu hendaklah disifatkan telah dilepaskan daripada penahanan terdahulu dan perenggan (3) hendaklah terpakai.

Harta yang ditahan dalam pelaksanaan perintah atau penghakiman beberapa Mahkamah (A. 51A, k. 3)

3. Jika harta yang bukan dalam jagaan mana-mana Mahkamah berada di bawah penahanan dalam pelaksanaan perintah atau penghakiman oleh lebih daripada satu Mahkamah, Mahkamah yang akan menerima atau merealisasikan harta itu dan yang akan menentukan apa-apa tuntutan mengenainya dan apa-apa bantahan terhadap penahanan itu hendaklah Mahkamah yang tertinggi sekali peringkatnya, atau jika tiada

perbezaan peringkat antara Mahkamah-Mahkamah itu, Mahkamah yang di bawah perintah atau penghakimannya harta itu mula-mula sekali ditahan.

Harta tak alih (A. 51A, k. 4)

4. Jika harta yang hendak disita terdiri daripada harta tak alih atau apa-apa kepentingan berdaftar dalamnya peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) penyitaan hendaklah dibuat melalui suatu perintah yang melarang penghutang penghakiman daripada memindahkan, menggadaikan atau memajakkan harta atau kepentingan sedemikian; dan bagi maksud kaedah ini "menggadaikan" termasuklah pewujudan suatu lien dengan menandatangani suatu dokumen hakmilik;
- (b) sesalinan perintah itu hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman dan satu atau lebih salinan, mengikut kehendak keadaan, hendaklah dikeluarkan kepada pemiutang penghakiman supaya dia boleh kemukakan yang sama, sebagai mematuhi peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah sedemikian, untuk pendaftaran di Pejabat Pendaftaran Hakmilik atau Pejabat Tanah di mana tanah atau kepentingan dalam tanah itu yang dinyatakan dalam perintah sedemikian didaftarkan;
- (c) suatu perintah larangan yang dikeluarkan di bawah kaedah ini tidak boleh menjejaskan apa-apa harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya dan mana-mana harta tak alih atau kepentingan berdaftar dalamnya tidak boleh disifatkan telah disita sehinggalah perintah larangan sedemikian telah didaftarkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan tanah sedemikian; dan
- (d) tertakluk kepada subperenggan (c), apa-apa perintah larangan hendaklah, apabila tamat dua belas bulan dari tarikh perintah itu, terhenti

menjejaskan harta tak alih itu atau kepentingan berdaftar dalamnya yang dinyatakan dalam perintah sedemikian.

ATURAN 52
PENGKOMITAN

Tafsiran (A. 52, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

“Mahkamah” ertinya Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret;

“Hakim” ertinya seorang Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret.

Pengkomitan kerana penghinaan Mahkamah (A. 52, k. 2)

2. Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak kepada mana-mana kausa atau perkara atau atas usulnya sendiri, membuat suatu perintah pengkomitan dalam Borang 107.

Penghinaan yang dilakukan ketika berhadapan dengan Mahkamah (A. 52, k. 2A)

2A. (1) Sekiranya suatu penghinaan dilakukan di hadapan Mahkamah, tidaklah perlu untuk menyampaikan suatu notis rasmi untuk menunjukkan sebab, tetapi Mahkamah hendaklah memastikan bahawa orang yang dikatakan menghina itu memahami jenis kesalahan yang dikatakan terhadapnya dan mempunyai peluang untuk didengar dalam pembelaannya sendiri, dan Mahkamah hendaklah membuat suatu rekod yang wajar bagi prosiding itu.

(2) Jika Hakim berpuas hati bahawa suatu penghinaan telah dilakukan di hadapan Mahkamah, Hakim boleh memerintahkan penghina itu untuk hadir di hadapannya pada hari yang sama pada masa yang ditetapkan oleh Mahkamah bagi maksud membersihkan penghinaannya.

(3) Jika orang itu telah membersihkan penghinaannya dengan menyerahkan permohonan maaf sepenuhnya kepada Mahkamah dan Hakim mempertimbangkan bahawa penghinaan itu tidak bersifat serius, Hakim boleh memaafkan orang itu dan tiada tindakan lanjut boleh diambil terhadapnya.

(4) Jika orang itu menolak atau enggan membersihkan penghinaannya, maka Hakim hendaklah menghukumnya.

Kes penghinaan yang lain (A. 52, k. 2B)

2B. Dalam semua kes penghinaan Mahkamah yang lain, notis rasmi untuk menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut dikomitkan ke penjara atau didenda hendaklah disampaikan secara kediri.

Permohonan kepada Mahkamah (A. 52, k. 3)

3. (1) Tiada permohonan kepada Mahkamah minta suatu perintah pengkomitan terhadap mana-mana orang boleh dibuat melainkan jika kebenaran untuk membuat suatu permohonan sedemikian telah diberikan mengikut kaedah ini.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran sedemikian mestilah dibuat secara *ex parte* kepada Mahkamah melalui suatu notis permohonan yang disokong dengan suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pemohon, nama, perihalan dan alamat orang yang diminta dikomitkan dan alasan yang berdasarkannya pengkomitan itu diminta dan melalui suatu affidavit, hendaklah difailkan sebelum permohonan dibuat, menentusahkan fakta yang disandarkan kepadanya.

Permohonan minta perintah setelah kebenaran memohonnya diberikan (A. 52, k. 4)

4. (1) Apabila kebenaran telah diberikan di bawah kaedah 3 untuk memohon suatu perintah pengkomitan, permohonan minta perintah itu mestilah dibuat melalui suatu notis permohonan kepada Mahkamah, dan, melainkan jika Mahkamah yang memberikan kebenaran itu telah mengarahkan selainnya, mestilah ada sekurang-kurangnya lapan hari genap di antara penyampaian notis permohonan dengan hari yang ditetapkan di dalamnya untuk pendengaran itu.

(2) Melainkan jika dalam empat belas hari selepas kebenaran itu diberikan notis permohonan itu difailkan, kebenaran itu hendaklah luput.

(3) Tertakluk kepada perenggan (4), notis itu, yang disertai dengan sesalanan pernyataan dan affidavit yang menyokong permohonan minta kebenaran di bawah kaedah 3 dan perintah memberikan kebenaran itu, mestilah disampaikan secara kediri kepada orang yang diminta dikomitkan.

(4) Tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah atau Hakim di bawah Aturan 62, kaedah 5, Mahkamah atau Hakim boleh untuk tidak memerlukan penyampaian notis di bawah kaedah ini sekiranya Mahkamah atau Hakim memikirkannya adil untuk berbuat demikian.

Kecualian mengenai kuasa untuk mengkomitkan tanpa permohonan bagi suatu maksud (A. 52, k. 5)

5. Tiada apa-apa jua dalam peruntukan yang terdahulu dalam Aturan ini boleh dikira sebagai menyentuh kuasa Mahkamah Tinggi untuk membuat suatu perintah pengkomitan atas usulnya sendiri terhadap seseorang yang bersalah kerana menghina Mahkamah.

Peruntukan tentang pendengaran (A. 52. k. 6)

6. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), Mahkamah yang mendengar permohonan bagi mendapatkan suatu perintah pengkomitan boleh bersidang secara tertutup atau dalam Kamar dalam hal yang berikut:

(a) jika permohonan berbangkit daripada prosiding yang berhubungan dengan penjagaan atau pengangkatan seorang budak atau keseluruhannya, atau terutamanya mengenai penjagaan, jagaan, nafkah atau asuhan seorang budak, atau hak akses kepada seorang budak;

(b) jika permohonan berbangkit daripada prosiding yang berhubungan dengan seseorang yang menghidap atau kelihatan

sedang menghidap gangguan mental mengikut pengertian dalam Akta Kesihatan Mental 2001;

- (c) jika permohonan berbangkit daripada prosiding yang proses, penemuan atau reka cipta yang rahsia telah menjadi isu di dalamnya;
- (d) jika ternyata kepada Mahkamah bahawa bagi kepentingan pentadbiran keadilan atau kerana sebab-sebab keselamatan negara, permohonan itu hendaklah didengar secara tertutup,

tetapi, kecuali sebagaimana yang terdahulu permohonan itu hendaklah didengar dalam Mahkamah terbuka.

(2) Sekiranya Mahkamah mendengar permohonan secara tertutup atau dalam Kamar menurut kuasa perenggan (1) memutuskan untuk membuat suatu perintah pengkomitan terhadap orang yang diminta dikomitkan, ia hendaklah dalam Mahkamah terbuka menyatakan—

- (a) nama orang itu;
- (b) dengan terma umum, jenis penghinaan terhadap Mahkamah yang berkenaan dengannya perintah pengkomitan sedang dibuat; dan
- (c) jika dia sedang dikomitkan bagi suatu tempoh tetap, panjangnya tempoh itu.

(3) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah yang mendengar permohonan bagi suatu perintah pengkomitan itu, tiada alasan boleh disandarkan pada pendengaran itu kecuali alasan yang dinyatakan dalam pernyataan di bawah kaedah 3.

Peruntukan yang tersebut di atas tidaklah menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah Aturan 20, kaedah 8.

(4) Sekiranya pada pendengaran permohonan itu orang yang diminta dikomitkan menyatakan kehendaknya untuk memberi keterangan lisan bagi pihak dirinya sendiri, dia adalah berhak berbuat demikian.

Penghinaan yang dilakukan oleh perbadanan (A. 52, k. 6A)

6A. Sekiranya suatu perbadanan bersalah kerana menghina Mahkamah, Mahkamah boleh mendenda perbadanan itu atau menghukum mana-mana pegawai perbadanan itu yang menyebabkan atau dengan sengaja membenarkan atau menyumbang kepada penghinaan Mahkamah atau mendenda perbadanan itu dan menghukum pegawai itu.

Kuasa untuk menggantung pelaksanaan perintah pengkomitan (A. 52, k. 7)

7. (1) Mahkamah yang membuat perintah pengkomitan boleh melalui perintah mengarahkan bahawa pelaksanaan perintah pengkomitan itu hendaklah digantung bagi apa-apa tempoh atau atas apa-apa terma atau syarat sebagaimana yang ia boleh nyatakan.

(2) Jika pelaksanaan suatu perintah pengkomitan digantung melalui suatu perintah di bawah perenggan (1), pemohon bagi perintah pengkomitan itu mestilah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, menyampaikan kepada orang yang terhadapnya perintah itu dibuat suatu notis memberitahunya akan pembuatan dan terma perintah di bawah perenggan itu.

Pelepasan orang yang dikomitkan (A. 52, k. 8)

8. (1) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana orang yang dikomitkan ke penjara kerana apa-apa penghinaan terhadap Mahkamah, melepaskannya.

(2) Jika seseorang telah dikomitkan kerana gagal mematuhi suatu penghakiman atau perintah yang menghendaknya supaya menghantar serah apa-apa jua benda kepada orang lain atau supaya mendepositkannya dalam Mahkamah atau di tempat lain, maka, sekiranya benda itu berada dalam jagaan atau kuasa orang yang dikomitkan itu, Syerif di Mahkamah Tinggi atau bailif di Mahkamah Rendah, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengambil milikan benda itu seolah-olah ia adalah

harta orang itu dan, tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), Mahkamah boleh melepaskan orang yang dikomitkan itu dan boleh memberikan apa-apa arahan bagi menguruskan benda yang diambil oleh Syerif atau bailif sebagaimana yang difikirkannya patut.

Kecualian bagi kuasa-kuasa lain (A. 52, k. 9)

9. Tiada apa-apa jua dalam peruntukan yang terdahulu dalam Aturan ini boleh dikira sebagai menyentuh kuasa Mahkamah untuk membuat suatu perintah menghendaki seseorang yang bersalah kerana menghina Mahkamah, atau seseorang yang boleh dihukum menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis mengikut cara yang sama seolah-olah dia bersalah kerana menghina Mahkamah, supaya membayar denda atau memberikan jaminan untuknya berkelakuan baik, dan peruntukan itu, setakat yang berkenaan, dan dengan ubah suaian yang perlu, hendaklah terpakai berhubung dengan suatu permohonan minta suatu perintah yang sedemikian sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu permohonan minta suatu perintah pengkomitan.

Bentuk waran pengkomitan (A. 52, k. 10)

10. Suatu waran pengkomitan mestilah dalam Borang 108.

ATURAN 53

PERMOHONAN SEMAKAN KEHAKIMAN

Permohonan semakan kehakiman (A. 53, k. 1)

1. (1) Aturan ini hendaklah mentadbir semua permohonan untuk mendapatkan apa-apa relief yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 bagi maksud yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Aturan ini tertakluk kepada peruntukan Bab VIII Bahagian 2 Akta Relief Spesifik 1950 [*Akta 137*].

Permohonan (A. 53, k. 2)

2. (1) Suatu permohonan bagi apa-apa relief yang dinyatakan dalam perenggan 1 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (selain permohonan bagi perintah *habeas corpus*) hendaklah dalam Borang 109.

(2) Suatu permohonan untuk semakan kehakiman boleh mendapatkan apa-apa relief, termasuk suatu permohonan untuk suatu perisytiharan, sama ada bersesama atau sebagai alternatif dalam permohonan yang sama jika ia berhubung dengan atau berkaitan dengan hal perkara yang sama.

(3) Setelah mendengar permohonan bagi semakan kehakiman, Mahkamah tidak terbatas kepada relief yang dituntut oleh pemohon tetapi boleh menolak permohonan itu atau membuat apa-apa perintah, termasuk suatu perintah injunksi atau pampasan wang:

Dengan syarat bahawa kuasa untuk memberikan suatu injunksi hendaklah dijalankan mengikut peruntukan seksyen 29 Akta Prosiding Kerajaan 1956 [*Akta 359*] dan seksyen 54 Akta Relief Spesifik 1950.

(4) Mana-mana orang yang terjejas dengan keputusan mana-mana pihak berkuasa awam berhak membuat permohonan itu.

Kebenaran (A. 53, k. 3)

3. (1) Permohonan di bawah Aturan ini tidak boleh dibuat melainkan jika kebenaran baginya telah diberikan mengikut kaedah ini.

(2) Suatu permohonan minta kebenaran mestilah dibuat secara *ex parte* kepada Hakim dalam Kamar dan mestilah disokong dengan suatu pernyataan yang menyatakan nama dan perihalan pemohon, relief yang diminta dan alasan yang berdasarkannya relief itu diminta, dan oleh afidavit yang menentusahkan fakta yang kepadanya permohonan itu disandarkan.

(3) Pemohon mestilah memberikan notis permohonan minta kebenaran itu tidak lewat daripada tiga hari sebelum tarikh pendengaran kepada Jabatan Peguam Negara dan mestilah pada masa yang sama menyerahkan salinan pernyataan dan affidavit itu di Jabatan Peguam Negara.

(4) Hakim boleh, semasa memberikan kebenaran, mengenakan apa-apa terma tentang kos dan tentang pemberian jaminan sebagaimana yang difikirkannya patut.

(5) Pemberian kebenaran di bawah kaedah ini tidak boleh, melainkan jika diarahkan sedemikian oleh Hakim, berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan prosiding dalam persoalan.

(6) Suatu permohonan bagi semakan kehakiman hendaklah dibuat segera dan dalam mana-mana hal dalam tiga bulan dari tarikh bila alasan bagi permohonan itu mula-mula berbangkit atau bila keputusan itu mula-mula diberitahu kepada pemohon.

(7) Mahkamah boleh, atas permohonan, melanjutkan tempoh yang disebut dalam kaedah 4(1) dan sekiranya ia menimbangkan bahawa ada sebab yang baik untuk berbuat sedemikian.

(8) Suatu permohonan untuk melanjutkan tempoh mestilah disampaikan kepada semua responden dan hendaklah didengar secara *inter partes*.

Notis (A. 53, k. 4)

4. (1) Jika kebenaran telah diberikan di bawah kaedah ini, pemohon hendaklah, dalam empat belas hari selepas kebenaran itu diberikan, memfailkan notis dalam Borang 110.

(2) Setelah pengeluaran salinan bermeterai Borang 110, pemohon hendaklah menyampaikan suatu salinan bermeterai itu bersama dengan suatu salinan pernyataan dan semua affidavit sokongan kepada semua orang yang terlibat secara langsung dengan

permohonan itu tidak lewat daripada empat belas hari sebelum tarikh pendengaran yang dinyatakan dalam Borang 110.

Ganti rugi (A. 53, k. 5)

5. (1) Atas permohonan bagi semakan kehakiman Mahkamah boleh, tertakluk kepada perenggan (2), mengawardkan ganti rugi kepada pemohon sekiranya—

(a) dia telah memasukkan dalam pernyataan sebagai menyokong permohonan minta kebenarannya di bawah kaedah 3 suatu tuntutan bagi ganti rugi yang berbangkit daripada apa-apa perkara yang permohonan itu berkaitan; dan

(b) Mahkamah berpuas hati bahawa, sekiranya tuntutan itu telah dibuat dalam suatu tindakan yang dimulakan oleh pemohon pada masa membuat permohonannya, dia sepatutnya diawardkan ganti rugi.

(2) Aturan 18, kaedah 12, hendaklah terpakai bagi suatu pernyataan yang berhubungan dengan suatu tuntutan bagi ganti rugi sebagaimana ia terpakai bagi suatu pliding.

Penzahiran, dsb. (A. 53, k. 6)

6. Selepas kebenaran diberikan, mana-mana pihak kepada suatu permohonan bagi semakan kehakiman boleh memohon kepada Hakim untuk penzahiran dan pemeriksaan dokumen menurut Aturan 24, untuk mentadbirkan interogatori menurut Aturan 26, atau untuk memeriksa balas deponen mana-mana affidavit yang difailkan sebagai menyokong atau menentang permohonan itu menurut Aturan 38.

Pindaan (A. 53, k. 7)

7. (1) Hakim boleh membenarkan pernyataan itu dipinda, dan boleh membenarkan affidavit selanjutnya digunakan sekiranya affidavit itu memperkatakan perkara baru yang berbangkit daripada apa-apa affidavit mana-mana pihak lain dalam permohonan itu, dan jika pemohon berniat untuk meminda pernyataannya atau

menggunakan affidavit selanjutnya, dia mestilah dengan serta-merta memberikan notis tentang niatnya dan tentang pindaan yang dicadangkan bagi pernyataannya kepada tiap-tiap pihak lain.

(2) Tiap-tiap pihak dalam permohonan itu mestilah memberikan kepada mana-mana pihak lain salinan affidavit yang dia bercadang untuk menggunakannya semasa pendengaran itu.

Orang lain yang boleh didengar (A. 53, k. 8)

8. (1) Setelah mendengar suatu permohonan bagi semakan kehakiman, mana-mana orang yang berhasrat untuk didengar, sebagai penentang kepada permohonan itu dan ternyata kepada Hakim bahawa dia merupakan orang yang patut didengar, maka dia hendaklah didengar walaupun dia belum disampaikan dengan kertas kausa dalam perkara itu.

(2) Jika atas permohonan bagi semakan kehakiman suatu perintah *certiorari* dibuat dalam apa-apa hal sedemikian, perintah itu hendaklah mengarahkan supaya prosiding itu dibatalkan dengan serta-merta atas pengalihan prosiding itu ke Mahkamah Tinggi.

Tiada pengetepian perintah (A. 53, k. 9)

9. Suatu permohonan untuk mengetepikan mana-mana perintah yang dibuat oleh Hakim tidak boleh dilayan, tetapi pihak yang terkilan boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan.

ATURAN 54

(Tiada Aturan 54)

ATURAN 55

RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI DARIPADA MAHKAMAH RENDAH

Tafsiran (A. 55, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, “keputusan” termasuklah penghakiman, perintah dan dekri.

Rayuan melalui pendengaran semula dengan notis (A. 55, k. 2)

2. Semua rayuan ke Mahkamah Tinggi hendaklah dengan cara pendengaran semula dan hendaklah dibawa dengan memberikan suatu notis rayuan dalam empat belas hari dari tarikh keputusan itu dirayu.

Notis rayuan terhadap keputusan yang dibuat selepas perbicaraan (A. 55, k. 3)

3. (1) Suatu notis rayuan terhadap keputusan yang dibuat selepas perbicaraan hendaklah sebahagian besarnya dalam Borang 111 dan hendaklah difailkan di Mahkamah yang daripadanya keputusan itu dirayu.

(2) Mana-mana perayu boleh merayu terhadap keseluruhan atau sebahagian daripada penghakiman atau perintah dan notis rayuan hendaklah menyatakan sama ada keseluruhan atau sebahagian sahaja, dan bahagian apa, daripada penghakiman atau perintah yang diadakan itu.

(3) Pada masa memfailkan rayuan di bawah kaedah ini, perayu hendaklah, melainkan jika Mahkamah atas sebab yang mencukupi memerintahkan selainnya, menyerah simpan di Mahkamah yang dirayu itu sejumlah satu ribu ringgit sebagai jaminan bagi kos rayuan itu dalam tempoh yang dihadkan untuk memfailkan rayuan.

(4) Suatu salinan pendua notis rayuan mestilah disampaikan oleh perayu dalam masa yang dihadkan untuk memfailkan rayuan kepada semua responden.

(5) Bagi suatu rayuan di bawah kaedah ini, perayu hendaklah, dalam tempoh yang dihadkan untuk memfailkan rayuan, memohon kepada Mahkamah yang dirayu itu secara bertulis untuk nota prosiding dan alasan penghakiman.

(6) Keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes rayuan suatu keputusan selepas perbicaraan hendaklah diumumkan dalam Mahkamah terbuka, sama ada semasa pendengaran rayuan itu atau pada bila-bila masa selepas itu yang notis hendaklah diberikan kepada pihak-pihak kepada rayuan itu.

Rekod rayuan (A. 55, k. 4)

4. (1) Dalam hal suatu rayuan daripada suatu keputusan selepas perbicaraan, perayu hendaklah dalam satu bulan dari tarikh pemfailan notis rayuan menyediakan dan memfailkan bilangan salinan rekod rayuan yang diperlukan dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan—

- (a) pliding yang relevan;
- (b) nota keterangan, termasuk pernyataan saksi, sekiranya ada;
- (c) alasan penghakiman, sekiranya ada;
- (d) memorandum rayuan;
- (e) keputusan, perintah atau penghakiman;
- (f) suatu salinan pendua notis rayuan;
- (g) suatu salinan pendua notis rayuan balas, sekiranya ada;
- (h) semua ekshibit dokumentar dan dokumen yang pihak-pihak fikirkan relevan bagi maksud rayuan:

Dengan syarat bahawa rekod rayuan hendaklah difailkan walaupun nota keterangan dan/atau alasan penghakiman belum disediakan atau keputusan, perintah atau penghakiman yang telah dimeterai itu belum lagi diambil.

(2) Dalam keadaan nota keterangan dan/atau alasan penghakiman belum disediakan atau keputusan, perintah atau penghakiman yang telah dimeterai itu belum lagi diambil dalam tempoh yang dinyatakan dalam kaedah 4(1) di atas, maka nota keterangan dan/atau alasan penghakiman itu, jika ia boleh didapati dan suatu salinan keputusan, perintah atau penghakiman yang dimeterai jika diambil, hendaklah difailkan dengan cara rekod rayuan tambahan tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi:

Dengan syarat bahawa ketiadaan alasan penghakiman itu tidaklah menghalang perayu daripada meneruskan rayuannya.

(3) Memorandum rayuan hendaklah sebahagian besarnya dalam Borang 112 dan hendaklah menyatakan dengan tepat dan di bawah kepala yang berlainan, tanpa hujah atau naratif, alasan bantahan terhadap keputusan yang dirayu itu, dan menyatakan perkara undang-undang atau fakta yang dikatakan telah salah diputuskan; sebab-sebab alasan itu akan dinomborkan secara berturut-turut. Walau apapun kaedah 8 Aturan ini, jika suatu rekod rayuan tambahan difailkan menurut kaedah 4(2) di atas, perayu boleh sekiranya perlu memasukkan juga ke dalam rekod rayuan tambahan itu suatu memorandum rayuan yang dipinda, tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

(4) Suatu draf indeks dokumen untuk dimasukkan ke dalam rekod rayuan hendaklah dihantar oleh peguam perayu kepada peguam bagi responden yang atau, sekiranya lebih daripada satu, mana-mana satu daripadanya boleh, dalam empat puluh lapan jam, membantah kemasukan atau pengeluaran apa-apa dokumen.

(5) Dalam keadaan pihak-pihak tidak dapat bersetuju, perkara itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar Mahkamah Tinggi yang boleh menghendaki pihak-pihak hadir di hadapan Hakim Mahkamah Tinggi.

(6) Pendaftar Mahkamah Tinggi dan pihak-pihak hendaklah berusaha untuk mengecualikan daripada rekod semua dokumen (lebih khusus seperti yang formal semata-mata) yang tidak relevan dengan hal perkara rayuan itu menjaga untuk mengelak apa-apa pertindihan dokumen dan pengulangan yang tidak perlu kepala dan bahagian dokumen yang formal semata-mata.

(7) Jika dalam perjalanan penyediaan rekod, satu pihak membantah kemasukan sesuatu dokumen atas alasan bahawa ia tidak perlu atau tidak relevan dan pihak yang satu lagi menegaskan supaya ia dimasukkan, rekod itu sebagaimana yang dicetak akhirnya atau yang ditaip hendaklah, dengan tujuan pelarasan kos yang kemudian dan yang bersampingan dengan dokumen itu, menunjukkan, dalam kertas indeks itu atau selainnya, fakta bahawa, dan pihak yang olehnya, kemasukan dokumen itu dibantah.

(8) Perayu hendaklah dalam tempoh yang dihadkan untuk memfailkan rekod rayuan menyampaikan kepada setiap responden suatu salinan rekod rayuan itu.

Notis rayuan terhadap apa-apa keputusan selain keputusan yang dibuat selepas perbicaraan (A. 55, k. 5)

5. (1) Suatu rayuan daripada apa-apa keputusan selain keputusan yang dibuat selepas perbicaraan oleh Mahkamah Rendah hendaklah dibentangkan kepada Hakim dalam Kamar Mahkamah Tinggi.

(2) Rayuan di bawah kaedah ini hendaklah dibawa dengan memfailkan suatu notis rayuan dalam Borang 111A di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rendah yang berkenaan, dengan sesalinan diberikan kepada Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi dalam empat belas hari dari tarikh keputusan itu diumumkan dan menyampaikan sesalinan notis kepada tiap-tiap pihak lain kepada prosiding itu.

(3) Dalam satu bulan selepas pemfailan notis rayuan di bawah kaedah ini, perayu hendaklah memfailkan rekod rayuan di Mahkamah Tinggi, dan rekod itu hendaklah mengandungi salinan—

- (a) permohonan bagi keputusan;
- (b) semua pliding yang difailkan;
- (c) semua afidavit yang difailkan sebagai menyokong atau menentang permohonan itu; dan

(d) perintah atau draf perintah keputusan yang dirayu:

Dengan syarat bahawa rekod rayuan itu tidaklah termasuk nota keterangan, alasan penghakiman atau apa-apa memorandum rayuan.

Senarai rayuan (A. 55, k. 6)

6. Apabila menerima suatu notis rayuan di bawah Aturan ini, Pendaftar hendaklah memasukkan rayuan itu ke dalam senarai rayuan daripada Mahkamah Rendah.

Sekatan ke atas keterangan baru (A. 55, k. 7)

7. Semasa pendengaran mana-mana rayuan, keterangan baru tidak boleh diterima melainkan jika Hakim berpuas hati bahawa—

(a) pada pendengaran dalam Mahkamah Rendah, keterangan baru itu tidak ada bagi pihak yang hendak menggunakannya atau bahawa usaha yang munasabah tidak memungkinkan ia didapati; dan

(b) keterangan baru itu, sekiranya benar, sepatutnya telah atau sepatutnya mungkin mempunyai pengaruh penentu ke atas keputusan Mahkamah Rendah itu.

Notis rayuan balas (A. 55, k. 8)

8. Seorang responden dalam suatu rayuan boleh, dalam empat belas hari dari tarikh penyampaian rekod rayuan itu kepadanya, memfailkan suatu notis rayuan balas di Mahkamah Tinggi dan menyampaikan kepada perayu suatu salinan pendua notis itu dalam Borang 113 bahawa dia berniat hendak menghujah di pendengaran rayuan itu bahawa keputusan Mahkamah Rendah patut diubah.

Pindaan (A. 55, k. 9)

9. Mahkamah Tinggi boleh pada bila-bila masa membenarkan pindaan kepada memorandum rayuan atau notis rayuan balas atau bahagian lain rekod rayuan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pihak-pihak tidak hadir (A. 55. k. 10)

10. (1) Sekiranya, pada mana-mana hari yang ditetapkan bagi pendengaran suatu rayuan, perayu tidak hadir secara sendiri atau melalui seorang peguam, rayuan itu boleh ditolak tetapi apa-apa rayuan balas boleh didengar.

(2) Sekiranya perayu hadir, dan mana-mana responden gagal hadir sama ada secara sendiri atau melalui seorang peguam, rayuan itu hendaklah diteruskan dengan ketidakhadiran responden itu, melainkan jika Mahkamah Tinggi mendapati patut ditangguhkan pendengaran mengenainya kerana apa-apa sebab yang mencukupi.

(3) Jika apa-apa rayuan ditolak atau dibenarkan di bawah perenggan (1) atau (2), pihak yang tidak hadir boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk pendengaran semula rayuan itu dan jika dibuktikan bahawa ada sebab yang mencukupi bagi ketidakhadiran pihak itu, Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan supaya rayuan itu dimasukkan semula untuk pendengaran atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) Perenggan (3) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi pendengaran apa-apa rayuan balas.

Penarikan balik rayuan (A. 55, k. 11)

11. (1) Perayu boleh pada bila-bila masa sebelum rayuannya dipanggil untuk pendengaran menyampaikan kepada pihak-pihak dalam rayuan itu suatu notis yang bermaksud bahawa dia tidak berniat lagi untuk meneruskan rayuan itu.

(2) Suatu salinan notis sedemikian hendaklah pada masa yang sama difailkan oleh perayu di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi.

(3) Sekiranya semua pihak dalam rayuan itu bersetuju dengan penarikan balik yang diniatkan akan rayuan itu, perayu boleh memfailkan di Pejabat Pendaftaran dokumen atau dokumen-dokumen yang menandakan persetujuan itu dan yang ditandatangani oleh pihak-pihak itu atau oleh peguam mereka, dan rayuan itu hendaklah berikutan dengan itu disifatkan telah ditarik balik dan hendaklah

dikeluarkan daripada senarai rayuan oleh Pendaftar. Dalam keadaan demikian apa-apa jumlah wang yang diserahkan simpan dalam Mahkamah sebagai jaminan bagi kos rayuan itu hendaklah dibayar balik kepada perayu.

(4) Sekiranya semua pihak tidak bersetuju dengan penarikan balik rayuan yang diniatkan itu, rayuan itu hendaklah kekal dalam senarai, dan hendaklah dibawa untuk pendengaran apa-apa isu tentang kos atau selainnya yang masih belum dijelaskan antara pihak-pihak itu, dan untuk membuat suatu perintah tentang pelupusan apa-apa jumlah wang yang diserahkan simpan dalam Mahkamah sebagai jaminan bagi kos rayuan itu.

Notis rayuan oleh responden jika notis rayuan ditarik balik atau rayuan tidak dimasukkan (A. 55, k. 12)

12. Jika suatu rayuan ditarik balik di bawah kaedah yang terdahulu, atau jika suatu rayuan yang notis mengenainya telah diberikan tidak dimasukkan dalam masa yang dihadkan, mana-mana responden yang belum memberikan notis rayuan balas boleh memberikan notis rayuan dan meneruskan dengannya mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah yang terdahulu; tetapi dalam apa-apa hal sedemikian masa yang dihadkan untuk memberikan notis rayuan, memasukkan rayuan, memberikan jaminan kos, dan memfailkan dan menyampaikan rekod rayuan dan memorandum rayuan boleh, atas permohonan kepada Mahkamah Tinggi atau, jika rayuan belum lagi dimasukkan, kepada Mahkamah yang daripadanya rayuan itu dibuat, dilanjutkan setakat yang semunasabahnya perlu mengikut semua hal keadaan kes itu.

Mahkamah Tinggi boleh mengarahkan penyampaian kepada orang yang tidak disampaikan (A. 55, k. 13)

13. Apabila suatu rayuan dipanggil untuk pendengaran atau pada bila-bila masa sebelumnya atas permohonan mana-mana orang yang berkepentingan, Mahkamah Tinggi boleh mengarahkan supaya rekod rayuan, atau apa-apa notis rayuan balas, disampaikan kepada mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu yang belum disampaikan kepadanya, atau kepada mana-mana orang yang belum lagi menjadi suatu pihak dalam kausa atau perkara itu, dan boleh, bagi maksud penyampaian sedemikian, menangguhkan pendengaran itu atas apa-apa terma sebagaimana yang adil, dan boleh

memberikan apa-apa penghakiman dan membuat apa-apa perintah sebagaimana yang boleh diberi atau dibuat sekiranya pihak-pihak yang disampaikan kepada mereka rekod atau notis itu telah menjadi pihak-pihak sejak asalnya.

Bunga (A. 55, k. 14)

14. Bagi apa-apa rayuan, bunga, hendaklah dibenarkan bagi sekian masa yang pelaksanaan ditangguhkan disebabkan rayuan itu, melainkan jika Mahkamah Tinggi memerintahkan selainnya.

Keputusan rayuan hendaklah dihantar ke Mahkamah bawah (A. 55, k. 15)

15. (1) Suatu salinan terperaku penghakiman Mahkamah Tinggi atas rayuan itu hendaklah dihantar ke Mahkamah yang daripada keputusannya rayuan itu dibawa.

(2) Mahkamah Rendah hendaklah melaksanakan perintah itu mengikut peruntukan Aturan dan kaedah-kaedah ini.

Penggantungan pelaksanaan (A. 55, k. 16)

16. (1) Sesuatu rayuan tidak boleh berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan pelaksanaan di bawah keputusan yang rayuan dibuat terhadapnya kecuali setakat yang diperintahkan oleh Mahkamah yang daripadanya rayuan itu dibuat atau Mahkamah Tinggi boleh memerintahkan, dan apa-apa permohonan minta penggantungan hendaklah dibuat pada mula-mulanya kepada Mahkamah yang daripadanya rayuan itu dibuat.

(2) Mahkamah yang daripadanya rayuan itu dibuat atau Mahkamah Tinggi boleh memberikan suatu perintah penggantungan pelaksanaan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

ATURAN 55A

RAYUAN KEPADA MAHKAMAH TINGGI DI BAWAH UNDANG-UNDANG BERTULIS

Rayuan kepada Mahkamah Tinggi di bawah undang-undang bertulis (A. 55A, k. 1)

1. (1) Jika di bawah mana-mana undang-undang bertulis suatu rayuan dibuat daripada apa-apa keputusan mana-mana orang atau kumpulan orang kepada Mahkamah Tinggi rayuan itu hendaklah dibuat ke Mahkamah Tinggi di Negeri yang keputusan itu diberikan melalui saman pemula yang menyatakan alasan rayuan dan disokong dengan suatu affidavit, dan sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian pada pendengaran rayuan itu, melalui keterangan lisan.

(2) Perayu hendaklah melampirkan dokumen yang berikut sebagai ekshibit kepada affidavit yang difailkan bagi menyokong saman pemula atau apa-apa affidavit lanjut sebagaimana yang boleh difailkan dalam prosiding rayuan itu:

- (a) nota keterangan, sekiranya ada;
- (b) alasan penghakiman, sekiranya ada;
- (c) keputusan badan berkanun, sekiranya ada; dan
- (d) semua ekshibit dokumentar dan dokumen lain yang pihak-pihak hendaklah menimbangkan relevan bagi maksud rayuan:

Dengan syarat bahawa saman pemula hendaklah difailkan walaupun alasan keputusan belum didapati atau belum disediakan. Sekiranya alasan keputusan sudah boleh didapati, maka ia hendaklah difailkan dengan cara affidavit lanjutan tanpa kebenaran Mahkamah Tinggi.

(3) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, rayuan itu hendaklah difailkan dengan cara yang ditetapkan dalam perenggan (2) dalam satu bulan dari tarikh yang keputusan itu diberikan atau tarikh yang

keputusan itu telah dimaklumkan kepada orang yang merayu, mengikut mana-mana tarikh yang terkemudian.

(4) Melainkan jika diperuntukkan selainnya oleh mana-mana undang-undang bertulis, saman pemula itu hendaklah disampaikan kepada responden dalam rayuan itu atau jika responden merupakan suatu kumpulan orang, kepada setiausaha, pendaftar atau mana-mana pegawai lain kumpulan orang itu.

ATURAN 56

RAYUAN DARIPADA PENDAFTAR MAHKAMAH TINGGI KEPADA HAKIM DALAM KAMAR

Rayuan daripada keputusan tertentu Pendaftar Mahkamah Tinggi kepada Hakim dalam Kamar (A. 56, k. 1)

1. (1) Suatu rayuan hendaklah dibuat kepada Hakim dalam Kamar terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan Pendaftar Mahkamah Tinggi.

(2) Rayuan itu hendaklah dibawa dengan menyampaikan suatu notis dalam Borang 114, kepada tiap-tiap pihak lain dalam prosiding yang penghakiman, perintah atau keputusan itu telah diberikan atau dibuat, untuk hadir di hadapan Hakim pada hari yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Melainkan jika Mahkamah merintahkan selainnya, notis itu hendaklah difailkan dalam empat belas hari selepas penghakiman, perintah atau keputusan yang dirayukan itu diberikan atau dibuat, dan hendaklah disampaikan tidak kurang daripada lima hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk pendengaran rayuan itu.

(3A) Semasa pendengaran rayuan itu keterangan baru tidak boleh diterima melainkan jika Hakim berpuas hati bahawa—

(a) semasa pendengaran di hadapan Pendaftar, keterangan baru itu tidak ada bagi pihak yang bercadang untuk menggunakannya, atau

bahawa usaha yang munasabah tidak memungkinkan ia didapati;
dan

(b) keterangan baru itu, sekiranya benar, sepatutnya telah atau sepatutnya mungkin mempunyai pengaruh pemutus ke atas keputusan Pendaftar.

(4) Kecuali setakat yang Mahkamah boleh mengarahkan selainnya, suatu rayuan di bawah kaedah ini tidak boleh berkuat kuasa sebagai suatu penggantungan prosiding yang di dalamnya rayuan itu dibawa.

Rayuan terhadap Hakim (A. 56, k. 2)

2. Tertakluk kepada seksyen 68 Akta Mahkamah Kehakiman 1964, suatu pihak boleh merayu kepada Mahkamah Rayuan terhadap apa-apa penghakiman, perintah atau keputusan yang telah dibuat oleh Hakim dalam Kamar.

ATURAN 57

PEMINDAHAN PROSIDING

Pemindahan prosiding ke Mahkamah yang lain (A. 57, k. 1)

1. Jika Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret berpuas hati bahawa apa-apa prosiding dalam Mahkamah tersebut boleh menjadi lebih mudah atau adil untuk dibicarakan di Mahkamah yang lain yang setara bidang kuasa, dia boleh atas permohonan mana-mana pihak, memerintahkan prosiding itu dipindahkan ke Mahkamah yang lain.

(2) Pemindahan apa-apa prosiding dari—

(a) Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi; atau

(b) Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rendah,

hendaklah hanya dibuat dengan perintah Hakim Mahkamah Tinggi atas permohonan mana-mana pihak melalui saman pemula atau notis permohonan, mengikut mana-mana yang bersesuaian.

(3) Pemandahan apa-apa prosiding dari—

(a) Mahkamah Majistret ke Mahkamah Sesyen; atau

(b) Mahkamah Sesyen ke Mahkamah Majistret,

hendaklah hanya dibuat dengan perintah Hakim Mahkamah Sesyen atas permohonan mana-mana pihak melalui saman pemula atau notis permohonan, mengikut mana-mana yang bersesuaian.

(4) Sebelum membuat apa-apa perintah untuk memindahkan apa-apa prosiding dari—

(a) Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Tinggi lain yang setara bidang kuasa;

(b) Mahkamah Rendah ke Mahkamah Tinggi;

(c) Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Rendah; atau

(d) Mahkamah Rendah ke Mahkamah Rendah yang lain,

Hakim Mahkamah Tinggi atau Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengambil ke dalam pertimbangan sama ada Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Sesyen yang akan mendengar kes itu terletak di atau berdekatan dengan tempat yang—

(A) kausa tindakan itu berbangkit;

- (B) defendan, atau seorang daripada beberapa defendan, bermastautin atau mempunyai tempat perniagaannya;
- (C) fakta yang berdasarkan kepadanya prosiding itu wujud atau yang dikatakan telah berlaku;
- (D) tanah yang pemilikannya dipertikaikan itu terletak; atau
- (E) bagi sebab-sebab lain yang wajar demi kepentingan keadilan bahawa prosiding itu patut dipindahkan.

(5) Dalam Aturan ini, “Mahkamah Rendah” ertinya Mahkamah Majistret atau Mahkamah Sesyen.

Prosedur pemindahan (A. 57, k. 2)

2. (1) Apabila suatu perintah dibuat bagi pemindahan apa-apa prosiding, Mahkamah yang daripadanya prosiding itu dipindahkan hendaklah menghantar—

- (a) fail prosiding, termasuk semua kertas kausa, ekshibit dan ikatan dokumen yang terkandung dalamnya;
- (b) salinan nota keterangan prosiding terperaku, sekiranya ada; dan
- (c) notis dalam Borang 115,

kepada Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan.

(2) Mahkamah yang mana-mana prosiding dipindahkan bolehlah memberikan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Pendaftar Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan hendaklah, apabila menerima perintah atau salinan terperakunya, mencatatkan prosiding itu ke dalam Buku yang sepatutnya.

(4) Apabila prosiding dipindahkan, perbicaraan hendaklah diteruskan seolah-olah prosiding itu telah dimulakan di Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan.

Kos pemindahan (A. 57, k. 3)

3. Jika suatu perintah untuk pemindahan dibuat, kos yang ditanggung hendaklah mengikut budi bicara Hakim.

Prosedur pemindahan daripada Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret (A. 57, k. 4)

4. (1) Jika dengan suatu perintah Mahkamah Tinggi, mana-mana prosiding diarahkan untuk dipindahkan ke Mahkamah Sesyen atau Mahkamah Majistret, Pendaftar hendaklah, apabila menerima perintah atau salinan terperakunya, mencatatkan prosiding itu ke dalam Buku yang sepatutnya, dan memberikan notis dalam Borang 116 sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum tarikh kembalian kepada tiap-tiap pihak supaya hadir di hadapan Mahkamah untuk mendapatkan apa-apa arahan tentang perjalanan lanjut prosiding itu.

(2) Apabila prosiding dipindahkan, perkara itu hendaklah diteruskan seolah-olah prosiding itu telah dimulakan di Mahkamah yang kepadanya perkara itu dipindahkan.

ATURAN 58

(Tiada Aturan 58)

ATURAN 59

KOS

Tafsiran (A. 59, k. 1)

1. (1) Dalam Aturan ini—

"kos" termasuklah fi, caj, bayaran ganti, perbelanjaan dan saraan;

"kos ditetapkan" ertinya kos yang ditetapkan mengikut Aturan ini;

"kos tetap" ertinya kos di bawah Aturan ini yang dinyatakan selepas daripada ini;

"Mahkamah" ertinya Mahkamah Tinggi (termasuklah Pendaftar Mahkamah Tinggi), Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret;

"urusan bertikaian" dan "urusan bukan bertikaian" masing-masingnya mempunyai erti yang sama seperti dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976.

(2) Dalam Aturan ini, sebutan mengenai suatu kumpulan wang, iaitu suatu kumpulan wang yang daripadanya kos hendaklah dibayar atau yang dipegang oleh seorang pemegang amanah atau wakil diri, termasuklah sebutan mengenai mana-mana aset atau harta, sama ada alih atau tak alih, yang dipegang bagi faedah mana-mana orang atau golongan orang; dan sebutan mengenai suatu kumpulan wang yang dipegang oleh seorang pemegang amanah atau wakil diri, termasuklah sebutan mengenai apa-apa kumpulan wang yang dia berhak ke atasnya (sama ada berseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain) dalam kapasiti itu, sama ada kumpulan wang itu ada dalam milikannya ataupun tidak pada masa itu.

(3) Terma yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual di bawah, apabila digunakan dalam suatu perintah untuk kos, hendaklah mempunyai kesan yang ditunjukkan dalam ruang kedua Jadual itu.

JADUAL	
<i>Terma</i>	<i>Kesan</i>
“Kos”	Jika perintah ini dibuat dalam prosiding interlokutori, pihak yang kepadanya perintah itu memihak berhak kepada adalah kepada kosnya berkenaan dengan prosiding itu walau apa jua hasil kausa atau perkara yang prosiding itu berbangkit.
“Kos rizab”	Pihak yang kepadanya suatu perintah bagi kos yang dibuat pada penutupan kausa atau perkara yang prosiding itu berbangkit memihak adalah berhak kepada kosnya tentang prosiding yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.
“Kos dalam apa jua keadaan”	Perintah ini mempunyai kesan yang sama seperti suatu perintah bagi "kos" kecuali bahawa kos boleh ditentukan hanya selepas tamatnya kausa atau perkara yang prosiding itu berbangkit.
“Kos di sini dan di bawah”	Pihak yang kepadanya perintah yang dibuat itu memihak adalah berhak bukan sahaja kepada kosnya berkenaan dengan prosiding itu yang dalamnya dibuat tetapi juga kepada kosnya bagi prosiding yang sama dalam mana-mana Mahkamah yang lebih rendah, tribunal atau badan lain yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau dalam prosiding timbang tara.
“Kos dalam kausa” atau “Kos dalam permohonan”	Pihak yang kepadanya perintah yang baginya kos dibuat pada penutupan kausa atau perkara itu yang dalamnya prosiding berbangkit memihak adalah berhak kepada kosnya tentang prosiding yang berkenaan dengannya perintah sedemikian dibuat.

<p>“Kos plaintif dalam kausa” atau “Kos defendan dalam kausa”</p>	<p>Plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah berhak kepada kos prosiding berkenaan suatu perintah yang dibuat sekiranya penghakiman yang diberikan memihak kepadanya dalam kausa atau perkara itu yang dalamnya prosiding itu berbangkit, tetapi dia tidaklah bertanggung untuk membayar kos mana-mana pihak lain berkenaan dengan prosiding itu sekiranya penghakiman diberikan memihak kepada mana-mana pihak atau pihak-pihak dalam kausa atau perkara dalam persoalan.</p>
<p>“Kos dibuang”</p>	<p>Jika prosiding atau mana-mana bahagiannya telah tidak berkesan atau telah kemudiannya diketepikan, pihak yang baginya perintah ini dibuat adalah berhak kepada kosnya bagi prosiding itu atau bahagian yang berkenaan dengannya ia dibuat.</p>
<p>“Kos yang dibayar dengan serta-merta”</p>	<p>Plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah berhak kepada kosnya bagi bahagian prosiding yang berkenaan dengannya suatu perintah sedemikian dibuat, walaupun kausa atau perkara itu masih belum dibicarakan.</p>

Pemakaian (A. 59, k. 2)

2. (1) Jika menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis kos bagi atau yang bersampingan dengan apa-apa prosiding di hadapan seorang penimbang tara atau wasit atau di hadapan suatu tribunal atau badan lain yang ditubuhkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang bukannya prosiding di Mahkamah Tinggi, boleh ditentukan di Mahkamah Tinggi, kaedah 6(6) dan kaedah 13, hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan prosiding bagi penentuan kos itu sebagaimana ia berkuat kuasa berhubung dengan prosiding bagi penentuan kos mengenai atau yang berbangkit daripada prosiding di Mahkamah Tinggi.

(2) Tertakluk kepada peruntukan nyata mana-mana undang-undang bertulis dan Kaedah-Kaedah ini, kos bagi dan yang bersampingan dengan prosiding di Mahkamah, hendaklah menurut budi bicara Mahkamah, dan Mahkamah hendaklah mempunyai kuasa penuh untuk menentukan oleh siapa dan pada takat apa kos itu hendak dibayar.

Bila kos mengikut keadaan (A. 59, k. 3)

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Aturan ini, tiada pihak berhak untuk mendapat apa-apa kos bagi atau yang bersampingan dengan apa-apa prosiding daripada mana-mana pihak lain dalam prosiding itu kecuali di bawah suatu perintah Mahkamah.

(2) Sekiranya pada menjalankan budi bicaranya Mahkamah mendapati patut dibuat apa-apa perintah tentang kos bagi atau yang bersampingan dengan apa-apa prosiding, Mahkamah hendaklah, tertakluk kepada Aturan ini, memerintahkan supaya kos itu mengikut keadaan, kecuali apabila ternyata kepada Mahkamah bahawa dalam hal keadaan kes itu suatu perintah lain patut dibuat tentang keseluruhan atau mana-mana bahagian kos itu.

Tawaran sumbangan dan tawaran penyelesaian (A. 59, k. 4)

4. Mahkamah dalam menjalankan budi bicaranya berkenaan dengan kos hendaklah, setakat mana, sekiranya ada, sebagaimana bersesuaian dengan hal keadaan, mengambil kira—

(a) apa-apa tawaran sumbangan sebagaimana yang dinyatakan dalam Aturan 22B, kaedah 11, yang dibawa kepada perhatiannya menurut hak yang dirizabkan untuk berbuat sedemikian; dan

(b) apa-apa tawaran penyelesaian di bawah Aturan 22B, kaedah 1.

Kos yang berbangkit daripada salah laku atau pengabaian (A. 59, k. 5)

5. (1) Jika dalam mana-mana kausa atau perkara apa-apa jua yang dilakukan atau peninggalan dibuat secara tidak wajar atau tidak perlu oleh atau bagi pihak suatu pihak, Mahkamah boleh mengarahkan bahawa apa-apa kos kepada pihak yang berkenaan dengannya tidak boleh dibenarkan kepadanya dan bahawa apa-apa kos yang disebabkan olehnya kepada pihak yang lain hendaklah dibayar olehnya kepada mereka.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1) Mahkamah hendaklah, bagi maksud perenggan itu, memberikan perhatian secara khusus kepada perkara yang berikut:

- (a) peninggalan untuk melakukan apa-apa jua yang jika dilakukan boleh dikira untuk menjimatkan kos;
- (b) perlakuan apa-apa jua yang dikira sebagai menyebabkan, atau dengan cara atau pada masa yang dikira menyebabkan kos yang tidak perlu; dan
- (c) apa-apa kelengahan yang tidak perlu dalam prosiding itu.

Liabiliti peribadi peguam bagi kos (A. 59, k. 6)

6. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, jika mana-mana prosiding kos yang ditanggung secara tidak wajar atau tanpa sebab yang munasabah atau disia-siakan oleh sebab kelengahan tidak wajar atau oleh apa-apa salah laku atau keingkaran lain, Mahkamah boleh membuat terhadap mana-mana peguam yang dipertimbangkannya sebagai bertanggungjawab suatu perintah—

- (a) tidak membenarkan kos di antara peguam dan kliennya; dan
- (b) mengarahkan peguam membayar semula kliennya kos yang kliennya itu diarahkan untuk membayar pihak-pihak yang lain kepada prosiding itu; atau

- (c) mengarahkan peguam untuk menanggung rugi sendiri pihak-pihak lain itu terhadap kos yang kena dibayar kepada mereka.

(2) Perintah di bawah kaedah ini tidak boleh dibuat terhadap seorang peguam melainkan jika dia telah diberikan peluang yang munasabah untuk hadir di hadapan Mahkamah dan menunjukkan sebab mengapa perintah itu tidak patut dibuat, kecuali jika mana-mana prosiding dalam Mahkamah atau dalam Kamar tidak mudah diteruskan, dan gagal atau ditangguhkan tanpa perkembangan yang berguna dibuat—

- (a) disebabkan kegagalan peguam untuk hadir sendiri atau oleh wakil yang sepatutnya; atau
- (b) disebabkan kegagalan peguam untuk menyerahkan apa-apa dokumen untuk kegunaan Mahkamah yang sepatutnya diserahkan atau disediakan dengan keterangan atau akaun yang bersesuaian atau selainnya untuk diteruskan.

(3) Sebelum membuat suatu perintah di bawah kaedah ini Mahkamah boleh, sekiranya difikirkan patut, merujuk perkara itu kepada Pendaftar untuk penyiasatan dan laporan dan mengarahkan peguam pada mulanya untuk menunjukkan sebab di hadapannya.

(4) Mahkamah boleh, sekiranya difikirkan patut, mengarahkan atau membenarkan Majlis Peguam untuk menghadiri dan mengambil bahagian dalam mana-mana prosiding atau penyiasatan di bawah kaedah ini, dan boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya patut tentang pembayaran kosnya.

(5) Mahkamah boleh mengarahkan bahawa notis mana-mana prosiding atau perintah terhadap peguam di bawah kaedah ini hendaklah diberikan kepada kliennya dalam cara sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan itu.

(6) Jika dalam mana-mana prosiding di hadapan Pendaftar, peguam yang mewakili mana-mana pihak adalah bersalah kerana pengabaian atau kelengahan atau meletakkan mana-mana pihak lain dengan perbelanjaan yang tidak perlu berhubung dengan prosiding itu, Pendaftar boleh mengarahkan peguam untuk membayar kos itu sendiri kepada mana-mana pihak kepada prosiding itu.

(7) Semua sebutan kepada “Pendaftar” dalam kaedah ini apabila digunakan di Mahkamah Rendah hendaklah dibaca sebagai merujuk kepada Hakim Mahkamah Sesyen atau Majistret.

Peringkat prosiding yang kos hendaklah diuruskan (A. 59, k. 7)

7. (1) Kos bolehlah diuruskan oleh Mahkamah pada mana-mana peringkat prosiding atau selepas penutupan prosiding itu; dan apa-apa kos yang perintahkan hendaklah dibayar pada penutupan prosiding melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(2) Pada penutupan prosiding, Mahkamah akan mendengar penghujahan daripada pihak-pihak tentang kuantum kos yang hendak diawardkan dan hendaklah memerintahkan kos itu sebagaimana yang difikirkannya patut. Mahkamah hendaklah mengarahkan penghujahan pihak-pihak tentang kos hendaklah dikemukakan sebagai sebahagian daripada penghujahan substantif kes itu atau secara berasingan dan hendaklah dilampirkan kepada penghujahan kos suatu bil kos sedemikian yang hendaklah dalam Borang 117, dan hendaklah termasuk butiran yang berikut:

(a) kerja yang dilakukan termasuk nilai penyediaan guaman; dan

(b) semua perbelanjaan yang ditanggung semunasabahnya.

(3) Dalam hal suatu rayuan kos prosiding yang membangkitkan rayuan itu, juga kos rayuan itu dan prosiding yang berkaitan dengannya, boleh diuruskan oleh Mahkamah yang mendengar rayuan itu; dan dalam hal apa-apa prosiding yang dipindahkan atau dialihkan ke Mahkamah Tinggi daripada mana-mana Mahkamah lain, kos bagi keseluruhan prosiding itu, kedua-duanya sebelum dan selepas pemindahan

atau pengalihan itu, bolehlah diuruskan oleh Mahkamah yang kepadanya prosiding itu dipindahkan atau dialihkan.

(4) Jika di bawah perenggan (2) kos yang ditentukan berkenaan dengan prosiding dalam Mahkamah Tinggi suatu perakuan alokatur hendaklah dikeluarkan oleh Pendaftar apabila pembayaran fi alokatur bersamaan dengan empat peratus daripada kos atau pada kadar tertentu sebagaimana yang Ketua Hakim Negara boleh dari semasa ke semasa menentukan.

Perkara khas yang diambil kira dalam menjalankan budi bicara (A. 59, k. 8)

8. Mahkamah dalam menjalankan budi bicaranya tentang kos hendaklah, setakat, sekiranya ada, sebagaimana bersesuaian dengan hal keadaan, mengambil kira—

- (a) apa-apa tawaran sumbangan atau tawaran penyelesaian di bawah Aturan 22B;
- (b) kelakuan semua pihak-pihak, termasuk kelakuan sebelum dan semasa prosiding;
- (c) kelakuan pihak-pihak berhubung dengan apa-apa percubaan menyelesaikan kausa atau perkara melalui pengantaraan atau apa-apa cara penyelesaian pertikaian lain; dan
- (d) secara khusus, setakat mana pihak-pihak telah mengikuti apa-apa protokol pra-tindakan yang relevan atau arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Sekatan budi bicara untuk memerintahkan kos (A. 59, k. 9)

9. (1) Walau apapun apa-apa jua dalam Aturan ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis, melainkan jika Mahkamah berpendapat bahawa tiada alasan yang munasabah bagi menentang wasiat itu, suatu perintah tidak boleh dibuat bagi kos pihak yang satu lagi dibayar oleh pihak yang menentang wasiat itu dalam tindakan probet yang telah memberikan notis berserta dengan pembelaannya kepada pihak yang

membuat wasiat itu bahawa dia cuma mendesak supaya wasiat itu dibuktikan mengikut bentuk undang-undang yang sesungguhnya dan hanya berniat untuk memeriksa balas saksi-saksi yang dikemukakan sabagai menyokong wasiat itu.

(2) Jika seseorang menjadi atau telah menjadi suatu pihak dalam mana-mana prosiding atas kapasiti pemegang amanah, wakil diri atau pemegang gadaian, dia hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, berhak kepada kos bagi prosiding itu, setakat yang kos itu tidak didapatkan kembali daripada atau dibayar oleh mana-mana orang lain, daripada kumpulan wang yang dipegang oleh pemegang amanah atau wakil diri atau harta yang digadaikan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan Mahkamah boleh memerintahkan selainnya hanya atas alasan bahawa pemegang amanah, wakil diri atau pemegang gadaian itu telah bertindak dengan tidak semunasabahnya atau, dalam hal seorang pemegang amanah atau wakil diri, telah pada amnya bertindak bagi faedahnya sendiri dan bukannya bagi faedah kumpulan wang itu.

Kos disebabkan oleh tuntutan atau isu yang tidak perlu (A. 59, k. 10)

10. Sebagai tambahan kepada dan tidak mengurangkan mana-mana peruntukan lain dalam Aturan ini, jika suatu pihak gagal untuk membuktikan apa-apa tuntutan atau isu yang dibangkitkannya dalam mana-mana prosiding, dan dengan itu secara tidak perlu atau tidak munasabah memanjangkan, atau menambah kepada kos atau kerumitan prosiding itu, Mahkamah boleh mengarahkan kos kepada pihak itu tidak dibenarkan sepenuhnya atau sebahagiannya, atau kos yang timbul melalui tuntutan atau isu itu kepada mana-mana pihak lain hendaklah dibayar olehnya kepada pihak yang satu lagi, tanpa menghiraukan hasil kausa atau perkara itu.

Apabila pihak boleh menandatangani penghakiman untuk kos tanpa suatu perintah (A. 59, k. 11)

11. (1) Jika plaintif melalui notis secara bertulis dan tanpa kebenaran sama ada memberhentikan tindakannya sepenuhnya terhadap mana-mana defendan atau menarik balik mana-mana butir-butir tuntutan yang dibuat olehnya terhadap mana-mana defendan, defendan—

- (a) boleh meminta supaya kos yang disebabkan perkara yang ditarik balik itu diberikan kepadanya; atau
- (b) adalah berhak kepada kosnya bagi tindakan di Mahkamah Rendah atau kosnya yang disebabkan perkara yang ditarik balik itu,

mengikut mana-mana yang berkenaan, dan, jika kos itu tidak dibayar dalam tujuh hari dari perintah kos itu dibuat, menandatangani penghakiman bagi mereka.

(2) Jika wang yang dibayar ke dalam Mahkamah dalam suatu tindakan diterima oleh plaintif selepas perbicaraan atau pendengaran telah bermula, plaintif tidaklah berhak untuk kosnya ditentukan dalam suatu tindakan di Mahkamah Tinggi atau berhak untuk kosnya dalam suatu tindakan di Mahkamah Rendah.

(3) Apabila suatu rayuan disifatkan sebagai telah ditarik balik di bawah Aturan 56, responden bolehlah mendapatkan kosnya dan kos yang bersampingan dengan rayuan itu ditentukan, dan jika kos yang ditentukan tidak dibayar dalam tujuh hari selepas penentuan kos, boleh menandatangani penghakiman bagi mereka.

Kuasa Pendaftar untuk menentukan kos (A. 59, k. 12)

12. Tertakluk kepada Aturan 59, kaedah 7, Pendaftar hendaklah mempunyai kuasa untuk menentukan—

- (a) kos bagi atau yang berbangkit daripada apa-apa kausa atau perkara dalam Mahkamah;
- (b) kos yang diarahkan oleh suatu award yang dibuat atas rujukan kepada timbang tara di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau menurut perjanjian timbang tara yang kena dibayar;
- (c) apa-apa kos lain yang penentuan diarahkan melalui suatu perintah Mahkamah Tinggi; dan

- (d) apa-apa kos yang diarahkan untuk ditentukan atau diselesaikan melalui atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

Kuasa Pendaftar jika pihak bertanggung kena dibayar dan membayar kos (A. 59, k. 13)

13. Jika suatu pihak yang berhak untuk kena dibayar kos adalah juga bertanggung untuk membayar kos, Mahkamah boleh menentukan kos yang pihak itu bertanggung untuk membayar dan menolak amaun yang dibenarkan terhadap amaun yang dia berhak untuk kena dibayar dan pembayaran terus apa-apa baki.

Fi bagi lebih daripada seorang peguam (A. 59, k. 14)

14. (1) Fi bagi lebih daripada seorang peguam bagi suatu pihak atau sekumpulan defendan tidak boleh dibenarkan melainkan jika Mahkamah atau Hakim memperakui pada pendengaran itu.

(2) Fi itu bolehlah dibenarkan walaupun kedua-dua peguam adalah ahli firma guaman yang sama.

Kos yang kena dibayar kepada suatu pihak oleh pihak yang lain atau daripada kumpulan wang (A. 59, k. 15)

15. (1) Kaedah ini terpakai kepada kos yang dengan atau di bawah Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana perintah atau arahan Mahkamah yang kena dibayar kepada pihak kepada mana-mana prosiding sama ada oleh pihak yang lain kepada prosiding itu atau daripada mana-mana kumpulan wang (selain suatu kumpulan wang yang pihak yang kepadanya kos itu kena dibayar memegang sebagai pemegang amanah atau wakil diri).

(2) Mahkamah dalam mengawardkan kos yang kaedah ini terpakai boleh dalam apa-apa hal yang difikirkannya patut untuk berbuat sedemikian memerintahkan atau mengarahkan bahawa kos itu hendaklah ditentukan pada asas kumpulan wang yang sama.

(3) Mahkamah dalam mengawardkan kos yang kaedah ini terpakai kepada mana-mana orang boleh sekiranya difikirkan patut dan sekiranya—

- (a) kos yang kena dibayar daripada kumpulan wang; atau
- (b) orang yang kepadanya kos kena dibayar adalah atau merupakan pihak kepada prosiding dalam kapasiti pemegang amanah atau wakil diri,

memerintahkan atau mengarahkan bahawa kos hendaklah ditentukan seolah-olah orang itu merupakan pemegang amanah kumpulan wang itu atau seolah-olah kos kena dibayar daripada suatu kumpulan wang yang dipegang oleh orang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Pentaksiran kos

Asas pentaksiran (A. 59, k. 16)

16. (1) Dalam mentaksirkan kos yang kena dibayar berhubung dengan mana-mana butiran, Mahkamah hendaklah memberi perhatian berat kepada semua hal keadaan yang relevan, dan khususnya kepada—

- (a) kerumitan butiran atau kausa atau perkara yang ia berbangkit dan kesukaran atau kebaharuan persoalan yang terlibat;
- (b) kemahiran, pengetahuan khusus dan tanggungjawab yang dikehendaki daripada, dan masa dan tenaga pekerja yang digunakan oleh, peguam cara atau peguam;
- (c) bilangan dan kepentingan dokumen, walaupun ringkas, disediakan atau diperincikan;
- (d) tempat dan hal keadaan yang perniagaan terlibat dilakukan;

- (e) kepentingan kausa atau perkara itu kepada klien;
- (f) jika wang atau harta adalah terlibat, amaun atau nilainya;
- (g) apa-apa fi dan elaun lain yang kena dibayar kepada peguam cara atau peguam berkenaan dengan butiran lain dalam kausa atau perkara yang sama, tetapi hanya jika kerja dilakukan berhubung dengan item itu telah mengurangkan kerja yang jika tidak selainnya adalah perlu berhubung dengan butiran dalam persoalan.

(2) Tertakluk kepada peruntukan lain Kaedah-Kaedah ini, amaun kos yang mana-mana pihak adalah berhak untuk mendapatkan semula ialah amaun yang dibenarkan selepas penentuan kos pada asas standard jika—

- (a) suatu perintah dibuat bahawa kos suatu pihak kepada prosiding dibayar oleh pihak yang lain kepada prosiding itu;
- (b) suatu perintah dibuat bagi pembayaran kos daripada apa-apa kumpulan wang; atau
- (c) tiada perintah bagi kos diperlukan,

melainkan jika ternyata kepada Mahkamah adalah wajar untuk mengarahkan kos untuk ditentukan atas asas tanggung rugi.

(3) Pada penilaian kos pada asas standard, maka hendaklah dibenarkan suatu amaun yang munasabah berkenaan dengan semua kos yang ditanggung semunasabahnya dan apa-apa keraguan yang Mahkamah mungkin ada tentang sama ada kos itu ditanggung semunasabahnya atau dalam amaun yang munasabah hendaklah diselesaikan memihak kepada pihak yang membayar; dan dalam Kaedah-Kaedah ini, istilah “asas standard”, berhubung dengan penentuan kos, hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(4) Pada penentuan kos bagi asas tanggung rugi, semua kos hendaklah dibenarkan kecuali setakat mana yang ia adalah amaun yang tidak munasabah atau telah ditanggung secara tidak munasabah dan apa-apa keraguan yang Mahkamah ada tentang sama ada kos itu ditanggung semunasabahnya atau adalah amaun yang munasabah hendaklah diselesaikan memihak kepada pihak yang menerima; dan dalam Kaedah-Kaedah ini, istilah “asas tanggung rugi”, berhubung dengan penentuan kos, hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

(5) Jika Mahkamah membuat suatu perintah bagi kos tanpa menunjukkan asas penentuan kos atau perintah bahawa kos itu ditentukan atas apa-apa asas selain asas standard atau asas tanggung rugi, kos itu hendaklah ditentukan atas asas standard.

(6) Walau apapun perenggan (2) hingga (4), jika apa-apa tindakan dibawa dalam Mahkamah Tinggi, yang sepatutnya berada dalam bidang kuasa Mahkamah Rendah, plaintif itu tidaklah berhak kepada apa-apa kos yang lebih daripada yang dia sepatutnya berhak dapat jika prosiding itu telah dibawa dalam Mahkamah Rendah, melainkan jika dalam apa-apa tindakan sedemikian Hakim memperakui bahawa terdapat sebab yang mencukupi untuk membawa tindakan itu dalam Mahkamah Tinggi.

Kos yang kena dibayar kepada peguam oleh kliennya sendiri (A. 59, k. 17)

17. (1) Kaedah ini meluaskan dan tidak mengurangkan tatacara yang dinyatakan dalam Akta Profesion Undang-Undang 1976.

(2) Pada penentuan bil peguam kepada kliennya sendiri (kecuali bil mengenai urusan bukan bertikaian dan bil yang kena dibayar menurut seksyen 5 Akta Bantuan Guaman 1971), semua kos hendaklah dibenarkan kecuali setakat mana yang ia adalah amaun yang tidak munasabah yang telah ditanggung secara tidak munasabah.

(3) Bagi maksud perenggan (1), semua kos yang ditanggung dengan kebenaran nyata atau tersirat oleh klien hendaklah dianggap secara muktamad telah ditanggung secara munasabah dan, jika amaun daripadanya telah dibenarkan secara nyata atau tersirat oleh kilen itu, menjadi amaun yang munasabah.

- (4) Dalam perenggan (3), sebutan kepada klien hendaklah ditafsirkan—
- (a) sekiranya klien pada masa material, seorang yang kecelaruan mental dalam pengertian Akta Kesihatan Mental 2001 dan diwakili oleh seseorang yang bertindak sebagai wakil litigasi, sebagai sebutan kepada orang yang bertindak itu, jika perlu, dengan kebenaran Mahkamah; dan
 - (b) sekiranya klien pada masa material merupakan seorang yang belum dewasa dan diwakili oleh seseorang yang bertindak sebagai wakil litigasi, sebagai sebutan kepada orang yang bertindak itu.

Kos yang kena dibayar kepada pemegang amanah daripada kumpulan wang amanah (A. 59, k. 18)

18. (1) Kaedah ini terpakai bagi tiap-tiap penentuan kos yang seseorang yang menjadi atau telah menjadi suatu pihak dalam mana-mana prosiding atas kapasiti pemegang amanah atau wakil diri berhak untuk dibayar daripada mana-mana kumpulan wang yang dipegangnya atas kapasiti itu.

(2) Atas apa-apa penentuan kos yang baginya kaedah ini terpakai, kos hendaklah ditentukan tetapi hendaklah dianggap telah ditanggung secara tidak munasabah jika ia ditanggung bertentangan dengan kewajipan pemegang amanah atau wakil diri sedemikian.

Kos yang kena dibayar bagi perbicaraan dalam Mahkamah Tinggi (A. 59, k. 19)

19. (1) Amaun kos (kecuali perbelanjaan) yang kena dibayar hendaklah terletak kepada budi bicara Mahkamah dan hendaklah ditentukan pada penutupan perbicaraan.

(2) Dalam menentukan kos yang kena dibayar, Mahkamah hendaklah memberi perhatian berat kepada hal keadaan yang relevan termasuk tetapi tidak terhad kepada faktor yang dinyatakan dalam kaedah 16.

Kos bagi permohonan interlokutori (Mahkamah Rendah) (A. 59, k. 20)

20. Kos bagi permohonan interlokutori yang boleh dibenarkan di Mahkamah Rendah adalah sebagaimana yang berikut:

- (a) di Mahkamah Majistret, suatu jumlah yang tidak melebihi RM2,500.00; dan
- (b) di Mahkamah Sesyen, suatu jumlah yang tidak melebihi RM8,000.00.

Kos bagi permohonan interlokutori (Mahkamah Tinggi) (A. 59, k. 21)

21. Amaun kos yang kena dibayar apabila penutupan apa-apa permohonan interlokutori, selain permohonan yang termasuk di bawah lingkungan kaedah 22 hendaklah tertakluk kepada budi bicara Mahkamah, tetapi dalam menentukan amaun kos, Mahkamah hendaklah memberi perhatian berat kepada, antara lain, kepada faktor yang dinyatakan dalam kaedah 16.

Kos penghakiman tanpa perbicaraan (Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi) (A. 59, k. 22)

22. (1) Skala kos yang dinyatakan dalam Bahagian I dan II Lampiran ini hendaklah terpakai berhubung dengan kes-kes yang berikut:

- (a) jika defendan membayar amaun yang dituntut dalam masa dan dalam cara yang dikehendaki oleh endorsement writ itu;
- (b) jika plaintif memperoleh penghakiman ingkar kehadiran atau pembelaan mukmatad di bawah—
 - (i) Aturan 13, kaedah 1;
 - (ii) Aturan 13, kaedah 1 menurut kuasa Aturan 79, kaedah 4;
 - (iii) Aturan 13, kaedah 4 atau 5;

- (iv) Aturan 19, kaedah 2;
 - (v) Aturan 19, kaedah 2 menurut kuasa Aturan 79, kaedah 4; atau
 - (vi) Aturan 19, kaedah 5 atau 6; dan
- (c) jika—
- (i) plaintif memperoleh penghakiman muktamad di bawah Aturan 14, Aturan 81 atau Aturan 89 tanpa syarat;
 - (ii) Mahkamah menolak suatu permohonan di bawah Aturan 14, kaedah 1 atau Aturan 81, kaedah 1;
 - (iii) Mahkamah memberikan defendan yang terhadapnya suatu permohonan di bawah Aturan 14, kaedah 1 dibuat kebenaran tidak syarat untuk membela;
 - (iv) Mahkamah memasukkan penghakiman di bawah Aturan 18, kaedah 19 bagi plaintif atau defendan tentang tuntutan balas, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau
 - (v) Mahkamah memasukkan penghakiman di bawah Aturan 14A, Aturan 27, Aturan 24, Aturan 33, kaedah 5, Aturan 37, kaedah 7 bagi plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika plaintif berhak di bawah penghakiman ganti rugi yang kena ditaksir, atau jika plaintif menuntut apa-apa relief yang mempunyai sifat yang dinyatakan dalam Aturan 83, kaedah 1, Bahagian ini tidaklah terpakai.

(3) Berkenaan dengan kes yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(a) dan (b), jika plaintif berhak di bawah penghakiman kos atas asas tanggung rugi, skala kos dan perbelanjaan yang dinyatakan dalam Bahagian I, II dan III Lampiran ini hendaklah terpakai.

LAMPIRAN

Bahagian I: Kos Asas

Kos maksimum yang boleh dibenarkan (tidak termasuk perbelanjaan) dalam hal di bawah kaedah 22(1) yang berikut adalah seperti yang berikut:

<i>Kaedah 22 (1)</i>	<i>Mahkamah Tinggi</i> RM	<i>Mahkamah Sesyen</i> RM	<i>Mahkamah Majistret</i> RM
(a) subperenggan (a)	1,000	800	400
(b) subperenggan (b)	1,500	1,000	600
(c) subperenggan (c)	4,000 ke 15,000	3,000 ke 10,000	2,000 ke 6,000

Bahagian II: Kos bagi butiran tambahan

<i>Kaedah 22(2)</i>	<i>Kos yang dibenarkan</i>		
	<i>Mahkamah Tinggi</i> RM	<i>Mahkamah Sesyen</i> RM	<i>Mahkamah Majistret</i> RM
2. (1) Jika terdapat lebih daripada satu defendan, berkenaan dengan setiap penambahan defendan yang disampaikan—			
(a) jika defendan tambahan diwakili oleh peguam yang sama dengan mana-mana defendan lain	100	100	100

(b) dalam mana-mana hal lain	200	200	150
(2) Jika penyampaian ganti diarahkan dan dilakukan, berkenaan dengan tiap-tiap defendan yang disampaikan	350 beserta perbelanjaan	350 beserta perbelanjaan	300 beserta perbelanjaan
(3) Jika penyampaian di luar bidang kuasa diarahkan dan dilakukan	700 beserta perbelanjaan	700 beserta perbelanjaan	600 beserta perbelanjaan
Perbelanjaan yang dibenarkan di bawah subperenggan (2) dan (3) hendaklah terhad kepada perbelanjaan yang ditanggung secara munasabah berkaitan dengan penyampaian ganti dan penyampaian di luar bidang kuasa seperti yang berikut:			
(a) Fi Mahkamah	Fi sebenar	Fi sebenar	Fi sebenar
(b) Fi pengikraran bagi afidavit yang menyokong permohonan	Fi sebenar	Fi sebenar	Fi sebenar
(c) Bagi setiap percubaan penyampaian	20	20	20
(d) Bagi penyampaian ganti, jika dilakukan dalam Malaysia—			
(i) dengan menampal pada pintu dan papan kenyataan	20	20	20
(ii) dengan iklan dan	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar

menampal pada papan kenyataan			
(e) Bagi penyampaian di luar bidang kuasa	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar
(f) Pencarian hakmilik	Kos sebenar	Kos sebenar	Kos sebenar
(4) Dalam hal suatu penghakiman ingkar pembelaan atau penghakiman di bawah Aturan 14, jika notis kehadiran tidak diberikan pada hari yang kehadiran dimasukkan, dan plaintif membuat affidavit penyampaian bagi maksud penghakiman ingkar kehadiran (elaun termasuklah fi pencarian)	200	200	200
(5) Dalam hal suatu penghakiman di bawah Aturan 14 jika affidavit penyampaian permohonan dikehendaki	200	200	200
(6) Dalam hal suatu penghakiman ingkar kehadiran atau pembelaan atas permohonan di bawah Aturan 79, kaedah 4	200	200	200
Dan jika terdapat lebih daripada satu defendan berkenaan dengan setiap defendan tambahan	150	150	100
(7) Jika pencarian kebangkrutan atau	Fi sebenar	Fi sebenar	Fi sebenar

penggulangan dikehendaki oleh Mahkamah			
(8) Apa-apa butiran lain yang diluluskan oleh Mahkamah	Amaun sebenar yang dibenarkan	Amaun sebenar yang dibenarkan	Amaun sebenar yang dibenarkan

Bahagian III: Butiran tambahan jika kos adalah atas asas tanggung rugi

Perbelanjaan yang dibenarkan sebagai tambahan kepada butiran yang dituntut di bawah Bahagian I dalam hal di bawah kaedah 22(3):

	<i>Perbelanjaan yang dibenarkan</i>		
	<i>Mahkamah Tinggi</i> RM	<i>Mahkamah Sesyen</i> RM	<i>Mahkamah Majistret</i> RM
(1) Fi Mahkamah	Fi sebenar	Fi sebenar	Fi sebenar
(2) Fi pengikraran bagi affidavit sokongan	Fi sebenar	Fi sebenar	Fi sebenar
(3) Penyampaian kediri writ saman dalam Malaysia (sekiranya terpakai)	20	20	20
(4) Bagi setiap percubaan penyampaian, jika tiada perintah bagi penyampaian ganti (sekiranya terpakai)	20	20	20
(5) Penampalan, fotokopi, caj pelbagai dan bersampingan	50	50	50

Bahagian IV: Pelbagai

1. Jika plaintif atau defendan menandatangani penghakiman kos di bawah kaedah 12, kos yang berikut hendaklah dibenarkan, sebagai tambahan kepada perbelanjaan itu:

	<i>Kos yang dibenarkan</i>		
	<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>
Kos penghakiman	RM1000	RM500	RM200

2. Jika atas permohonan mana-mana orang yang telah mendapat suatu penghakiman atau perintah terhadap penghutang bagi mendapatkan kembali atau pembayaran wang suatu perintah orang digarnis dibuat di bawah Aturan 49, kaedah 1, terhadap orang digarnis menahan hutang yang kena dibayar atau terakru yang kena dibayar olehnya kepada penghutang, kos yang berikut hendaklah dibenarkan, sebagai tambahan kepada perbelanjaan itu:

- (a) kepada orang digarnis, hendaklah ditolak olehnya daripada mana-mana hutang yang terhutang olehnya sebagaimana yang disebut terdahulu sebelum pembayaran kepada pemohon—

<i>Jika tiada afidavit digunakan</i>			<i>Jika afidavit digunakan</i>		
<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>	<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>
RM150	RM150	RM150	RM300	RM300	RM300

- (b) kepada pemohon, akan dipegang simpan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, daripada wang yang didapatkan kembali olehnya di bawah perintah orang digarnis dan keutamaan kepada amaun hutang yang terhutang kepadanya di bawah penghakiman atau perintah—

<i>Kos yang dibenarkan</i>		
<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>
RM1500	RM750	RM600

- (c) jika orang digarnis gagal untuk hadir pendengaran permohonan dan affidavit penyampaian dikehendaki—

<i>Kos yang dibenarkan</i>		
<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>
RM1000	RM500	RM150

3. Jika kebenaran diberikan di bawah Aturan 45, kaedah 3 untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah bagi mendapatkan kembali pemilikan tanah melalui writ pemilikan, sekiranya kos dibenarkan pada penghakiman atau perintah, kos yang berikut hendaklah dibenarkan, sebagai tambahan kepada perbelanjaan, yang hendaklah ditambah kepada penghakiman atau perintah itu:

	<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>
(a) Kos	RM1500	RM800
(b) Jika notis prosiding diberikan kepada lebih daripada seorang, berkenaan dengan setiap tambahan orang	RM100	RM100

4. Jika suatu writ pelaksanaan mengikut pengertian Aturan 46, kaedah 1 dikeluarkan terhadap mana-mana pihak, kos yang berikut hendaklah dibenarkan, sebagai tambahan kepada perbelanjaan:

	<i>Kos yang dibenarkan</i>		
	<i>Mahkamah Tinggi</i>	<i>Mahkamah Sesyen</i>	<i>Mahkamah Majistret</i>
Kos mengeluarkan pelaksanaan	RM1500	RM750	RM400 jika ia adalah tidakan Tuntutan Kecil; RM600 dalam mana-mana kes lain

5. Walau apapun skala kos yang dibenarkan di bawah kaedah 1, 2, 3 dan 4 di atas, Mahkamah boleh, dalam kes yang tertentu, meluluskan suatu jumlah kos yang lebih tinggi sebagaimana yang disifatkannya patut.

Skala kos bagi perbicaraan di Mahkamah Rendah (A. 59, k. 23)

23. (1) Tertakluk kepada peruntukan di bawah, apabila penutupan dan penentuan apa-apa perbicaraan di Mahkamah Rendah, pihak yang berhak kepada kos hendaklah, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dibayar dengan kos tetap mengikut skala yang berikut:

<i>Jumlah Wang Penghakiman</i>	<i>Membawa Guaman/ Membela</i>	<i>Kepeguaman</i>
Tidak melebihi RM1,000	RM25	RM150
Melebihi RM1,000 tetapi tidak melebihi RM2,000	RM50	RM200
Melebihi RM2,000 tetapi tidak melebihi RM3,000	RM75	RM250
Melebihi RM3,000 tetapi tidak melebihi RM4,000	RM100	RM350
Melebihi RM4,000 tetapi tidak melebihi RM5,000	RM125	RM450
Melebihi RM5,000 tetapi tidak melebihi RM6,000	RM150	RM550
Melebihi RM6,000 tetapi tidak melebihi RM7,000	RM175	RM650
Melebihi RM7,000 tetapi tidak melebihi RM8,000	RM200	RM750
Melebihi RM8,000 tetapi tidak melebihi RM9,000	RM 225	RM850
Melebihi RM9,000 tetapi tidak melebihi RM10,000	RM250	RM950
Melebihi RM10,000 tetapi tidak melebihi RM11,000	RM275	RM1,050
Melebihi RM11,000 tetapi tidak melebihi RM12,000	RM300	RM1,150
Melebihi RM12,000 tetapi tidak melebihi RM13,000	RM325	RM1,250
Melebihi RM13,000 tetapi tidak melebihi RM14,000	RM350	RM1,350
Melebihi RM14,000 tetapi tidak melebihi RM15,000	RM375	RM1,450
Melebihi RM15,000 tetapi tidak melebihi RM16,000	RM400	RM1,550
Melebihi RM16,000 tetapi tidak melebihi RM17,000	RM425	RM1,650
Melebihi RM17,000 tetapi tidak melebihi RM18,000	RM450	RM1,750
Melebihi RM18,000 tetapi tidak melebihi RM19,000	RM475	RM1,850

Melebihi RM19,000 tetapi tidak melebihi RM20,000	RM500	RM1,950
Melebihi RM20,000 tetapi tidak melebihi RM21,000	RM525	RM2,050
Melebihi RM21,000 tetapi tidak melebihi RM22,000	RM550	RM2,150
Melebihi RM22,000 tetapi tidak melebihi RM23,000	RM575	RM2,250
Melebihi RM23,000 tetapi tidak melebihi RM24,000	RM600	RM2,350
Melebihi RM24,000 tetapi tidak melebihi RM25,000	RM625	RM2,450
Melebihi RM25,000 tetapi tidak melebihi RM27,500	RM650	RM2,550
Melebihi RM27,500 tetapi tidak melebihi RM30,000	RM675	RM2,650
Melebihi RM30,000 tetapi tidak melebihi RM32,500	RM700	RM2,750
Melebihi RM32,500 tetapi tidak melebihi RM35,000	RM725	RM2,850
Melebihi RM35,000 tetapi tidak melebihi RM37,500	RM750	RM2,950
Melebihi RM37,500 tetapi tidak melebihi RM40,000	RM775	RM3,050
Melebihi RM40,000 tetapi tidak melebihi RM42,500	RM800	RM3,150
Melebihi RM42,500 tetapi tidak melebihi RM45,000	RM825	RM3,250
Melebihi RM45,000 tetapi tidak melebihi RM47,500	RM850	RM3,350
Melebihi RM47,500 tetapi tidak melebihi RM50,000	RM875	RM3,450
Melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM52,500	RM900	RM3,550
Melebihi RM52,500 tetapi tidak melebihi RM55,000	RM925	RM3,650
Melebihi RM55,000 tetapi tidak melebihi RM57,500	RM950	RM3,750
Melebihi RM57,500 tetapi tidak melebihi RM60,000	RM975	RM3,850
Melebihi RM60,000 tetapi tidak melebihi RM62,500	RM1,000	RM3,950
Melebihi RM62,500 tetapi tidak melebihi RM65,500	RM1,025	RM4,050
Melebihi RM65,500 tetapi tidak melebihi RM67,500	RM 1,050	RM 4,150
Melebihi RM67,500 tetapi tidak melebihi RM70,000	RM 1,075	RM 4,250
Melebihi RM70,000 tetapi tidak melebihi RM72,500	RM 1,100	RM 4,350
Melebihi RM72,500 tetapi tidak melebihi RM75,000	RM 1,125	RM 4,450
Melebihi RM75,000 tetapi tidak melebihi RM77,500	RM 1,150	RM 4,550
Melebihi RM77,500 tetapi tidak melebihi RM80,000	RM 1,175	RM 4,650
Melebihi RM80,000 tetapi tidak melebihi RM82,500	RM 1,200	RM 4,750
Melebihi RM82,500 tetapi tidak melebihi RM85,000	RM 1,225	RM 4,850
Melebihi RM85,000 tetapi tidak melebihi RM87,500	RM 1,250	RM 4,950
Melebihi RM87,500 tetapi tidak melebihi RM90,000	RM 1,275	RM 5,050
Melebihi RM90,000 tetapi tidak melebihi RM92,500	RM 1,300	RM 5,150

Melebihi RM92,500 tetapi tidak melebihi RM95,000	RM 1,325	RM 5,250
Melebihi RM95,000 tetapi tidak melebihi RM97,500	RM 1,350	RM 5,350
Melebihi RM97,500 tetapi tidak melebihi RM100,000	RM 1,375	RM 5,450
Melebihi RM100,000 tetapi tidak melebihi RM105,000	RM1,400	RM5,550
Melebihi RM105,000 tetapi tidak melebihi RM110,000	RM1,425	RM 5,650
Melebihi RM110,000 tetapi tidak melebihi RM115,000	RM 1,450	RM 5,750
Melebihi RM115,000 tetapi tidak melebihi RM120,000	RM 1,475	RM 5,850
Melebihi RM120,000 tetapi tidak melebihi RM125,000	RM 1,500	RM 5,950
Melebihi RM125,000 tetapi tidak melebihi RM130,000	RM 1,525	RM 6,050
Melebihi RM130,000 tetapi tidak melebihi RM135,000	RM 1,550	RM 6,150
Melebihi RM135,000 tetapi tidak melebihi RM140,000	RM 1,575	RM 6,250
Melebihi RM140,000 tetapi tidak melebihi RM145,000	RM 1,600	RM 6,350
Melebihi RM145,000 tetapi tidak melebihi RM150,000	RM 1,625	RM 6,450
Melebihi RM150,000 tetapi tidak melebihi RM155,000	RM 1,650	RM 6,550
Melebihi RM155,000 tetapi tidak melebihi RM160,000	RM 1,675	RM 6,650
Melebihi RM160,000 tetapi tidak melebihi RM165,000	RM 1,700	RM 6,750
Melebihi RM165,000 tetapi tidak melebihi RM170,000	RM 1,725	RM 6,850
Melebihi RM170,000 tetapi tidak melebihi RM175,000	RM 1,750	RM 6,950
Melebihi RM175,000 tetapi tidak melebihi RM180,000	RM 1,775	RM 7,050
Melebihi RM180,000 tetapi tidak melebihi RM185,000	RM 1,800	RM 7,150
Melebihi RM185,000 tetapi tidak melebihi RM190,000	RM 1,825	RM 7,250
Melebihi RM190,000 tetapi tidak melebihi RM195,000	RM 1,850	RM 7,350
Melebihi RM195,000 tetapi tidak melebihi RM200,000	RM 1,875	RM 7,450
Melebihi RM200,000 tetapi tidak melebihi RM205,000	RM 1,900	RM 7,550
Melebihi RM205,000 tetapi tidak melebihi RM210,000	RM 1,925	RM 7,650
Melebihi RM210,000 tetapi tidak melebihi RM215,000	RM 1,950	RM 7,750
Melebihi RM215,000 tetapi tidak melebihi RM220,000	RM 1,975	RM 7,850
Melebihi RM220,000 tetapi tidak melebihi RM225,000	RM 2,000	RM 7,950
Melebihi RM225,000 tetapi tidak melebihi RM230,000	RM 2,025	RM 8,050
Melebihi RM230,000 tetapi tidak melebihi RM235,000	RM 2,050	RM 8,150
Melebihi RM235,000 tetapi tidak melebihi RM240,000	RM 2,075	RM 8,250
Melebihi RM240,000 tetapi tidak melebihi RM245,000	RM 2,100	RM 8,350
Melebihi RM245,000 tetapi tidak melebihi RM250,000	RM 2,125	RM 8,450

Melebihi RM250,000 tetapi tidak melebihi RM255,000	RM 2,150	RM 8,550
Melebihi RM255,000 tetapi tidak melebihi RM260,000	RM 2,175	RM 8,650
Melebihi RM260,000 tetapi tidak melebihi RM265,000	RM 2,200	RM 8,750
Melebihi RM265,000 tetapi tidak melebihi RM270,000	RM 2,225	RM 8,850
Melebihi RM270,000 tetapi tidak melebihi RM275,000	RM 2,250	RM 8,950
Melebihi RM275,000 tetapi tidak melebihi RM280,000	RM 2,275	RM 9,050
Melebihi RM280,000 tetapi tidak melebihi RM285,000	RM 2,300	RM 9,150
Melebihi RM285,000 tetapi tidak melebihi RM290,000	RM 2,325	RM 9,250
Melebihi RM290,000 tetapi tidak melebihi RM295,000	RM 2,350	RM 9,350
Melebihi RM295,000 tetapi tidak melebihi RM300,000	RM 2,375	RM 9,450
Melebihi RM300,000 tetapi tidak melebihi RM305,000	RM 2,400	RM 9,550
Melebihi RM305,000 tetapi tidak melebihi RM310,000	RM 2,425	RM 9,650
Melebihi RM310,000 tetapi tidak melebihi RM315,000	RM 2,450	RM 9,750
Melebihi RM315,000 tetapi tidak melebihi RM320,000	RM 2,475	RM 9,850
Melebihi RM320,000 tetapi tidak melebihi RM325,000	RM 2,500	RM 9,950
Melebihi RM325,000 tetapi tidak melebihi RM330,000	RM 2,525	RM 10,050
Melebihi RM330,000 tetapi tidak melebihi RM335,000	RM 2,550	RM 10,150
Melebihi RM335,000 tetapi tidak melebihi RM340,000	RM 2,575	RM 10,250
Melebihi RM340,000 tetapi tidak melebihi RM345,000	RM 2,600	RM 10,350
Melebihi RM345,000 tetapi tidak melebihi RM350,000	RM 2,625	RM 10,450
Melebihi RM350,000 tetapi tidak melebihi RM355,000	RM 2,650	RM 10,550
Melebihi RM355,000 tetapi tidak melebihi RM360,000	RM 2,675	RM 10,650
Melebihi RM360,000 tetapi tidak melebihi RM365,000	RM 2,700	RM 10,750
Melebihi RM365,000 tetapi tidak melebihi RM370,000	RM 2,725	RM 10,850
Melebihi RM370,000 tetapi tidak melebihi RM375,000	RM 2,750	RM 10,950
Melebihi RM375,000 tetapi tidak melebihi RM380,000	RM 2,775	RM 11,050
Melebihi RM380,000 tetapi tidak melebihi RM385,000	RM 2,800	RM 11,150
Melebihi RM385,000 tetapi tidak melebihi RM390,000	RM 2,825	RM 11,250
Melebihi RM390,000 tetapi tidak melebihi RM395,000	RM 2,850	RM 11,350
Melebihi RM395,000 tetapi tidak melebihi RM400,000	RM 2,875	RM 11,450
Melebihi RM400,000 tetapi tidak melebihi RM405,000	RM 2,900	RM 11,550
Melebihi RM405,000 tetapi tidak melebihi RM410,000	RM 2,925	RM 11,650
Melebihi RM410,000 tetapi tidak melebihi RM415,000	RM 2,950	RM 11,750

Melebihi RM415,000 tetapi tidak melebihi RM420,000	RM 2,975	RM 11,850
Melebihi RM420,000 tetapi tidak melebihi RM425,000	RM 3,000	RM 11,950
Melebihi RM425,000 tetapi tidak melebihi RM430,000	RM 3,025	RM 12,050
Melebihi RM430,000 tetapi tidak melebihi RM435,000	RM 3,050	RM 12,150
Melebihi RM435,000 tetapi tidak melebihi RM440,000	RM 3,075	RM 12,250
Melebihi RM440,000 tetapi tidak melebihi RM445,000	RM 3,100	RM 12,350
Melebihi RM445,000 tetapi tidak melebihi RM450,000	RM 3,125	RM 12,450
Melebihi RM450,000 tetapi tidak melebihi RM455,000	RM 3,150	RM 12,550
Melebihi RM455,000 tetapi tidak melebihi RM460,000	RM 3,175	RM 12,650
Melebihi RM460,000 tetapi tidak melebihi RM465,000	RM 3,200	RM 12,750
Melebihi RM465,000 tetapi tidak melebihi RM470,000	RM 3,225	RM 12,850
Melebihi RM470,000 tetapi tidak melebihi RM475,000	RM 3,250	RM 12,950
Melebihi RM475,000 tetapi tidak melebihi RM480,000	RM 3,275	RM 13,050
Melebihi RM480,000 tetapi tidak melebihi RM485,000	RM 3,300	RM 13,150
Melebihi RM485,000 tetapi tidak melebihi RM490,000	RM 3,325	RM 13,250
Melebihi RM490,000 tetapi tidak melebihi RM495,000	RM 3,350	RM 13,350
Melebihi RM495,000 tetapi tidak melebihi RM500,000	RM 3,375	RM 13,450
Melebihi RM500,000	Menurut budi bicara tetapi tidak melebihi RM40,000	

(2) Kos untuk membawa guaman atau membela, mengikut mana-mana yang berkenaan, termasuk mana-mana kuasa untuk bertindak, arahan, mengeluarkan proses dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam Kaedah-Kaedah ini, tiap-tiap prosiding lain penghakiman, kecuali kepeguaman pada perbicaraan itu.

(3) Kos untuk membawa guaman dan membela boleh dibenarkan pada apa-apa jua peringkat peguam itu dibayar retainer.

(4) Jika seorang peguam menghadiri dalam Mahkamah terbuka untuk sebutan apa-apa kausa atau perkara, termasuk pendengaran suatu saman penghutang penghakiman atau notis penghakiman, dia hendaklah dibenarkan bayaran RM100.00 bagi tiap-tiap kehadiran.

(5) Tanpa menjejaskan peruntukan nyata bagi kos kepeguaman, peruntukan yang berikut hendaklah terpakai:

- (a) jika prosiding dibawa keluar untuk memasukkan penghakiman melalui pengakuan sahaja, maka kos kepeguaman itu tidaklah dibenarkan;
- (b) jika selepas tindakan itu ditetapkan untuk perbicaraan, plaintif memberhentikan tindakan itu atau defendan, tuntutan balas, atau suatu pihak menyetujui terima wang yang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah Aturan 17 atau tindakan atau tuntutan balas diselesaikan, separuh daripada kos kepeguaman itu bolehlah dibenarkan;
- (c) jika pada hari perbicaraan, plaintif memberhentikan tindakan atau defendan, tuntutan balas, atau penghakiman diberikan atau tuntutan ditolak, sebelum perbicaraan bermula, separuh daripada kos kepeguaman itu bolehlah dibenarkan; dan
- (d) jika selepas perbicaraan bermula, plaintif memberhentikan tindakan atau defendan, tuntutan balas, atau penghakiman diberikan atau tuntutan ditolak, kos sepenuhnya bagi kepeguaman itu bolehlah dibenarkan.

(6) Kos bolehlah dibenarkan kepada peguam yang hadir sendiri sebagai plaintif atau defendan atau kepada firma guaman yang hadir sebagai plaintif atau defendan oleh seorang ahli atau pekerja firma mereka.

(7) Apabila jua pada hari yang ditetapkan untuk perbicaraan mana-mana prosiding yang sama ditangguhkan atas permohonan mana-mana pihak, Mahkamah boleh mengarahkan pihak yang atas permintaannya permohonan penangguhan dibuat untuk membayar apa-apa fi kepada pihak yang satu lagi, pembayaran dan perbelanjaan

hangus oleh penangguhan dan kos tidak melebihi, pada setiap keadaan, suku daripada kos bagi kepeguaman.

(8) Jika seseorang hadir ke Mahkamah sebagai seorang saksi, dia bolehlah dibenarkan suatu fi yang munasabah dan elaun perjalanan.

Bunga atas kos (A. 59, k. 24)

24. Apa-apa award tentang kos yang dibuat di bawah Aturan ini hendaklah mempunyai bunga sebagaimana yang dinyatakan di bawah Aturan 42, kaedah 12 dari tarikh award sehingga pembayaran penuh.

ATURAN 60

PEJABAT PENDAFTARAN

Pembahagian urusan (A. 60, k. 1)

1. Pejabat Pendaftaran hendaklah dibahagikan kepada beberapa jabatan, dan urusan yang dilaksanakan di Pejabat Pendaftaran hendaklah dibahagikan antara jabatan-jabatan itu mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim Besar atau Hakim Mahkamah Sesyen.

Rekod atau buku hendaklah disimpan (A. 60, k. 2)

2. Pendaftar hendaklah menyebabkan disimpan dalam Borang 118 hingga 132 yang berikut:

- (a) Buku Kausa;
- (b) Buku Permohonan Pemula;
- (c) Buku Saman Interplider;
- (d) Buku Permohonan Interlokutari;
- (e) Buku Penghakiman;

- (f) Buku Writ Pelaksanaan;
- (g) Buku Distres;
- (h) Buku Probet;
- (i) Buku Kaveat;
- (j) Buku Penyampaian;
- (k) Buku Pengangkatan;
- (l) Buku Arahan Akauntan Negara;
- (m) Indeks Wasiat-Wasiat;
- (n) Daftar Rayuan ke Mahkamah Rayuan; dan
- (o) Daftar Rayuan daripada Mahkamah-Mahkamah Rendah dan badan-badan berkanun,

dan apa-apa buku akaun dan buku-buku lain sebagaimana yang ditetapkan atau dikehendaki disimpan oleh Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa buku lain sebagaimana yang didapati perlu dari semasa ke semasa.

Maklumat hendaklah disenggara oleh Pejabat Pendaftaran (A. 60, k. 2A)

2A. (1) Pendaftar hendaklah menyebabkan untuk disenggara maklumat sedemikian sebagaimana yang ditetapkan atau dikehendaki disimpan oleh Kaedah-Kaedah ini dan arahan amalan yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh atas budi bicaranya menyenggara semua maklumat yang disebut dalam perenggan (1) dalam perantaraan atau cara yang boleh ditentukannya.

Dokumen hendaklah dimerterai atau butir-butir hendaklah dimasukkan (A. 60, k. 3)

3. (1) Apa-apa dokumen yang difailkan ke dalam Pejabat Pendaftaran dalam mana-mana prosiding hendaklah dimerterai dengan suatu merterai yang menunjukkan tarikh bila dokumen itu difailkan dan apa-apa dokumen yang tidak dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah ini untuk dimerterai hendaklah menunjukkan tarikh bila ia difailkan.

(2) Butir-butir masa penyampaian pada Pejabat Pendaftaran bagi apa-apa dokumen untuk pemfailan, tarikh dokumen dan tajuk kausa atau perkara yang mana dokumen-dokumen itu membentuk sebahagian daripada rekod hendaklah dimasukkan dalam buku kausa.

Mendapatkan salinan dokumen daripada Pejabat Pendaftaran (A. 60, r. 4)

4. (1) Mana-mana orang hendaklah, dengan membayar fi yang ditetapkan, berhak semasa waktu pejabat untuk mencari, memeriksa dan mengambil sesalinan mana-mana dokumen berikut yang difailkan di Pejabat Pendaftaran, iaitu—

- (a) salinan mana-mana proses pemula;
- (b) apa-apa penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam Mahkamah atau salinan apa-apa penghakiman atau perintah sedemikian; dan
- (c) dengan kebenaran Pendaftar apa-apa dokumen lain.

(2) Tiada apa-apa dalam peruntukan yang tersebut di atas boleh dikira sebagai menghalang mana-mana pihak dalam suatu kausa atau perkara mencari, memeriksa dan mengambil atau membuktikan salinan mana-mana affidavit atau dokumen lain yang difailkan di Pejabat Pendaftaran dalam kausa atau perkara itu atau difailkan dalamnya sebelum kausa atau perkara itu dimulakan tetapi dibuat dengan tujuan bagi memulakannya.

Dokumen yang diperintahkan untuk diserahkan ke dalam Mahkamah (A. 60, k. 5)

5. Jika Mahkamah memerintahkan apa-apa dokumen untuk diserahkan ke dalam Mahkamah, maka, melainkan jika perintah itu mengarahkan bahawa dokumen yang diserahkan itu didepositkan dengan Akauntan Negara, dokumen itu hendaklah didepositkan dalam Pejabat Pendaftaran.

Pendepositan surat cara mewujudkan surat kuasa wakil (A. 60, k. 6)

6. (1) Suatu surat cara yang mewujudkan surat kuasa wakil yang diserahkan untuk didepositkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di bawah—

(a) seksyen 30 Akta Pemegang Amanah 1949 [*Akta 208*]; atau

(b) seksyen 4 Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [*Akta 424*],

tidak boleh didepositkan dalamnya melainkan jika pelaksanaan surat cara itu telah ditentusahkan mengikut kaedah 7 dan surat cara itu disertakan—

(A) kecuali jika kaedah 7(b) terpakai, dengan affidavit, akuan, perakuan atau keterangan lain yang melaluinya pelaksanaan itu telah ditentusahkan; dan

(B) dalam hal surat cara yang dikemukakan untuk pemfailan di bawah seksyen 30 Akta Pemegang Amanah 1949, dengan akuan berkanun yang dikehendaki di bawah subseksyen (4) seksyen itu.

(2) Tanpa menjejaskan seksyen 4 Akta Pemegang Amanah 1949, suatu salinan terperaku bagi suatu surat cara yang mewujudkan surat kuasa wakil yang dikemukakan untuk pendepositan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di bawah seksyen itu tidak boleh didepositkan dalamnya melainkan jika—

(a) pelaksanaan surat cara itu telah ditentusahkan mengikut kaedah 7;

- (b) tandatangan orang yang memperakukan salinan itu telah ditentusahkan dengan secukupnya; dan
- (c) kecuali jika kaedah 7(b) terpakai dan tertakluk kepada perenggan (3), salinan itu disertakan dengan affidavit,akuan, perakuan atau keterangan lain yang melaluinya pelaksanaan itu telah ditentusahkan.

(3) Sekiranya affidavit, akuan, perakuan atau keterangan lain yang menentusahkan pelaksanaan surat cara itu dijilidkan sedemikian atau dilampirkan kepada surat cara itu hinggalan ia tidak dapat diasingkan dengan mudah, maka cukuplah bagi maksud perenggan (2) dengan mengemukakan dan menunjukkan kepada pegawai yang hak di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi affidavit, akuan, perakuan atau keterangan asal yang lain dan memfailkan satu salinan terperaku atau salinan pejabatnya.

Penentusahan pelaksanaan surat cara atau akuan berkanun (A. 60, k. 7)

7. Pelaksanaan suatu surat cara atau akuan berkanun sebagaimana yang disebut dalam kaedah 6(1) boleh ditentusahkan—

- (a) melalui suatu affidavit atau akuan berkanun yang diangkat sumpah atau dibuat oleh saksi pengakusaksi atau mana-mana orang lain yang di hadapannya surat cara itu telah disempurnakan atau, jika tiada didapati orang yang sedemikian, oleh mana-mana orang yang saksama yang tahu akan tandatangan pemberi surat kuasa wakil yang diwujudkan melalui surat cara itu;
- (b) jika surat cara itu telah diakusaksikan oleh Pesuruhjaya Sumpah, melalui tandatangan Pesuruhjaya itu sebagai saksi pengakusaksi; atau
- (c) melalui apa-apa keterangan lain sebagaimana yang pada pendapat Pendaftar adalah mencukupi.

Indeks surat cara hendaklah disimpan untuk pemeriksaan (A. 60, k. 8)

8. (1) Suatu indeks hendaklah disimpan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi mengenai semua surat cara dan salinan-salinan terperaku yang kaedah 6 berkaitan didepositkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi dan mengenai nama-nama penderma surat kuasa wakil yang diwujudkan oleh surat cara itu.

(2) Mana-mana orang hendaklah, setelah membayar fi yang ditetapkan, berhak—

(a) untuk membuat carian dalam indeks itu;

(b) untuk memeriksa apa-apa dokumen yang difailkan atau didepositkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi mengikut kaedah 6; dan

(c) untuk dibekalkan dengan suatu salinan pejabat apa-apa dokumen sedemikian dan suatu salinan apa-apa dokumen itu boleh dikemukakan di Pejabat Pendaftaran untuk ditanda sebagai suatu salinan pejabat.

Mengambil keluar dokumen daripada Pejabat Pendaftaran (A. 60, k. 9)

9. Suatu dokumen yang difailkan atau yang dalam jagaan Pejabat Pendaftaran tidak boleh diambil keluar daripada Pejabat itu tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika dokumen itu adalah untuk dihantar ke Mahkamah yang lain.

ATURAN 61

PERSIDANGAN, CUTI DAN WAKTU PEJABAT

Hakim bercuti (A. 61, k. 1)

1. Hakim Mahkamah Tinggi hendaklah ada semasa tiap-tiap cuti untuk bertindak sebagai Hakim cuti Mahkamah Tinggi.

Pendengaran permohonan dalam cuti (A. 61, k. 2)

2. Semua permohonan sedemikian sebagaimana yang dikehendaki didengar dengan segera atau serta-merta hendaklah didengar dalam cuti oleh Hakim cuti Mahkamah Tinggi.

Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi: Hari dan waktu dibuka (A. 61, k. 3)

3. (1) Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi hendaklah dibuka pada tiap-tiap hari setahun kecuali pada cuti minggu atau cuti umum.

(2) Waktu yang Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi hendaklah dibuka kepada orang awam hendaklah sebagaimana yang diarahkan oleh Hakim Besar dari semasa ke semasa.

ATURAN 62

PENYAMPAIAN DOKUMEN

Bila penyampaian kediri dikehendaki (A. 62, k. 1)

1. (1) Apa-apa dokumen yang menurut kuasa Kaedah-Kaedah ini dikehendaki disampaikan kepada mana-mana orang tidaklah perlu disampaikan kediri orang itu melainkan jika dokumen itu adalah dokumen yang melalui suatu peruntukan nyata dalam kaedah-kaedah ini atau melalui perintah Mahkamah dikehendaki disampaikan sedemikian.

(2) Perenggan (1) tidaklah menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini untuk tidak memerlukan kehendak penyampaian kediri.

(3) Penyampaian writ tidak dikehendaki jika defendan atau peguamnya mengaku janji secara bertulis untuk menerima penyampaian dan memasukkan kehadiran.

(A. 62, k. 2)

2. *(Tiada kaedah 2)*

Penyampaian kediri: Bagaimana dilaksanakan (A. 62, k. 3)

3. Penyampaian kediri suatu dokumen dilaksanakan dengan meninggalkan suatu salinan dokumen itu dengan orang yang kepadanya dokumen itu hendak disampaikan dan, jika diminta sedemikian olehnya pada masa ia ditinggalkan, dengan menunjukkan kepadanya—

(a) dalam hal jika dokumen itu ialah suatu writ atau proses pemula lain, salinan termeterainya; dan

(b) dalam apa-apa hal lain, suatu salinan pejabat.

Penyampaian kepada perbadanan (A. 62, k. 4)

4. (1) Jika suatu tindakan adalah terhadap suatu perbadanan, maka writ bolehlah disampaikan—

(a) dengan meninggalkan suatu salinannya di pejabat berdaftar (sekiranya ada) perbadanan itu;

(b) dengan menghantar suatu salinannya melalui pos berdaftar yang dialamatkan kepada perbadanan itu di pejabat, atau, jika terdapat lebih daripada satu pejabat, di pejabat utama perbadanan itu, sama ada pejabat itu terletak di dalam Malaysia atau di mana-mana tempat lain;

(c) dengan menyerahkan dengan tangan suatu salinannya kepada setiausaha atau kepada mana-mana pengarah atau pegawai lain perbadanan itu; atau

(d) dalam hal syarikat asing yang didaftarkan di bawah Bahagian XI Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*] dengan menyerahkan dengan tangan suatu salinannya kepada, atau menghantarnya melalui pos berdaftar kepada, orang yang diberi kuasa untuk menyetujui terima penyampaian proses bagi pihak syarikat asing itu.

(2) Kaedah ini tidaklah menyekat kuat kuasa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis tentang penyampaian kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa tertentu.

(3) Jika penyampaian dilaksanakan di bawah kaedah ini, orang yang kepadanya disampaikan itu hendaklah berhak apabila dimintanya untuk memeriksa writ asal.

(A. 62, k. 4A)

4A. *(Tiada kaedah 4A)*

Penyampaian ganti (A. 62, k. 5)

5. (1) Sekiranya, dalam hal apa-apa dokumen yang mengikut Kaedah-Kaedah ini dikehendaki disampaikan kediri kepada mana-mana orang, ternyata kepada Mahkamah bahawa tidaklah praktik kerana apa-apa jua sebab untuk menyampaikan dokumen itu secara kediri kepada orang itu, Mahkamah boleh membuat suatu perintah dalam Borang 133 untuk penyampaian ganti bagi dokumen itu.

(2) Suatu permohonan minta perintah untuk penyampaian ganti hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit dalam Borang 134 dengan menyatakan fakta-fakta yang berdasarkan kepadanya permohonan itu diasaskan.

(3) Penyampaian ganti suatu dokumen, berhubung dengannya suatu perintah dibuat di bawah kaedah ini, dilaksanakan dengan mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah untuk membawa dokumen itu kepada pengetahuan orang yang kepadanya dokumen itu hendak disampaikan.

Penyampaian biasa: Bagaimana dilaksanakan (A. 62, k. 6)

6. (1) Penyampaian apa-apa dokumen, yang bukan dokumen mengikut Kaedah-Kaedah ini dikehendaki disampaikan kediri, bolehlah dilaksanakan—

(a) dengan meninggalkan dokumen itu di alamat yang sewajarnya orang yang hendak disampaikan dokumen itu;

- (b) dengan pos berdaftar berbayar dahulu;
- (c) dengan faksimile mengikut perenggan (3);
- (d) mengikut cara lain sebagaimana yang dipersetujui antara pihak yang menyampaikan dan pihak yang disampaikan; atau
- (e) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Bagi maksud kaedah ini, dan seksyen 2 Akta Tafsiran 1948 dan 1967, dalam pemakaiannya bagi kaedah ini, alamat yang sewajarnya bagi mana-mana orang yang kepadanya dokumen itu hendak disampaikan mengikut kaedah ini adalah alamat untuk penyampaian bagi orang itu, tetapi jika pada masa penyampaian itu dilaksanakan orang itu tidak mempunyai alamat penyampaian, maka alamatnya yang sewajarnya bagi maksud yang disebut terdahulu adalah—

- (a) dalam apa-apa hal, alamat perniagaan peguam, sekiranya ada, yang bertindak bagi pihaknya dalam prosiding yang berkaitan dengannya penyampaian dokumen yang berkenaan hendak dilaksanakan;
- (b) dalam hal seorang individu, alamatnya yang biasa atau yang terakhir diketahui;
- (c) dalam hal individu yang membawa guaman atau dibawa guaman atas nama firma, tempat utama perniagaan atau tempat perniagaan yang terakhir diketahui bagi firma itu dalam bidang kuasa; atau
- (d) dalam hal suatu pertubuhan perbadanan, pejabat berdaftar atau pejabat utama pertubuhan itu.

- (3) Suatu penyampaian dengan faksimile bolehlah dilaksanakan jika—
- (a) pihak yang menyampaikan dokumen itu bertindak melalui peguam;
 - (b) pihak yang kepadanya dokumen itu disampaikan bertindak melalui peguam dan penyampaian dilaksanakan melalui penghantaran ke alamat perniagaan peguam itu;
 - (c) peguam yang bertindak bagi pihak yang kepadanya dokumen itu disampaikan telah menunjukkan secara bertulis kepada peguam yang menyampaikan dokumen itu bahawa dia mahu menyetujui terima penyampaian melalui faksimile di nombor faksimile yang dinyatakan dan dokumen itu dihantar ke nombor itu; dan bagi maksud ini teraan nombor faksimile pada kertas bertulis peguam hendaklah disifatkan untuk menunjukkan bahawa peguam itu mahu menyetujui terima penyampaian melalui faksimile di nombor itu mengikut perenggan ini melainkan jika dia menyatakan selainnya secara bertulis; dan
 - (d) dalam tiga hari selepas hari penyampaian melalui faksimile peguam yang bertindak bagi pihak yang menyampaikan dokumen itu menyampaikan sesalinannya kepada peguam yang bertindak bagi pihak yang satu lagi dengan apa-apa cara penyampaian lain yang dinyatakan dalam perenggan (1), dan sekiranya dia gagal berbuat demikian, dokumen itu hendaklah disifatkan tidak pernah disampaikan melalui faksimile.

(4) Tiada apa jua dalam kaedah ini hendaklah dianggap sebagai melarang penyampaian kediri apa-apa dokumen atau sebagai menjejaskan apa-apa undang-undang bertulis yang memperuntukkan cara yang dokumen itu boleh disampaikan kepada badan pertubuhan perbadanan.

Penyampaian kepada Menteri dalam prosiding yang bukannya oleh atau terhadap Kerajaan (A. 62, k. 7)

7. Jika bagi maksud atau berkaitan dengan mana-mana prosiding di Mahkamah Tinggi, yang bukannya prosiding sivil oleh atau terhadap Kerajaan mengikut pengertian Bahagian III Akta Prosiding Kerajaan 1956, apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh mana-mana undang-undang bertulis atau Kaedah-Kaedah ini untuk disampaikan kepada Menteri suatu jabatan Kerajaan yang merupakan suatu jabatan yang diberi kuasa bagi maksud Akta itu, atau kepada suatu jabatan yang sedemikian atau kepada Peguam Negara, seksyen 26 Akta Prosiding Kerajaan 1956 dan Aturan 73, kaedah 3, hendaklah terpakai berhubung dengan penyampaian dokumen itu yang dikehendaki disampaikan kepada Kerajaan bagi maksud atau berkaitan dengan apa-apa prosiding sivil oleh atau terhadap Kerajaan.

Kesan penyampaian selepas waktu-waktu tertentu (A. 62, k. 8)

8. Apa-apa dokumen (selain writ saman atau proses pemula yang lain) yang penyampaianya dilaksanakan di bawah kaedah 3 atau di bawah kaedah 6(1)(a) selepas pukul dua belas tengah hari pada hari sebelum hari kelepasan mingguan atau selepas pukul empat petang pada mana-mana hari kerja mingguan yang lain hendaklah, bagi maksud menghitung apa-apa tempoh masa selepas penyampaian dokumen itu, disifatkan sebagai telah disampaikan pada hari yang berikutan dengan hari sebelum hari cuti mingguan atau pada hari yang berikutan hari mingguan yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Afidavit penyampaian (A. 62, k. 9)

9. Afidavit penyampaian bagi apa-apa dokumen hendaklah menyatakan oleh siapa dokumen itu telah disampaikan, hari dalam minggu dan tarikh ia telah disampaikan, tempat di mana ia telah disampaikan dan bagaimana, dan hendaklah dibuat dalam salah satu bentuk dalam Borang 135.

Tiada penyampaian dikehendaki dalam kes-kes tertentu (A. 62, k. 10)

10. Jika mengikut Kaedah-Kaedah ini apa-apa dokumen dikehendaki disampaikan kepada mana-mana orang tetapi tidak dikehendaki disampaikan kediri, dan pada masa penyampaian itu hendak dilaksanakan orang itu ingkar untuk memasukkan kehadiran

atau tidak mempunyai alamat penyampaian, dokumen itu tidaklah perlu disampaikan kepada orang itu melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya atau diperuntukkan selainnya oleh mana-mana Kaedah-Kaedah ini.

Penyampaian notis daripada Mahkamah (A. 62, k. 11)

11. Notis yang dihantar daripada mana-mana pejabat Mahkamah boleh dihantar melalui pos atau secara elektronik dan masa notis yang diposkan sedemikian patut dihantarserahkan mengikut perjalanan biasa pos atau diterima dalam sistem komputer pengguna berdaftar hendaklah dianggap sebagai masa penyampaiannya, dan pengeposannya atau penghantarannya itu hendaklah merupakan penyampaian yang mencukupi, tetapi tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh menghalang mana-mana pihak daripada membuktikan, jika sedemikian halnya, bahawa dia belum lagi disampaikan sedemikian.

Penyampaian jika tiada kehadiran dimasukkan (A. 62, k. 12)

12. Jika tiada kehadiran dimasukkan bagi suatu pihak, atau jika suatu pihak atau peguamnya, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah meninggalkan daripada memberi alamat penyampaian, segala writ, notis, pliding, perintah, saman, waran dan dokumen lain, prosiding, dan komunikasi bertulis yang berkenaan dengannya penyampaian kediri tidak dikehendaki bolehlah disampaikan dengan memfailkannya dengan pegawai berkenaan.

Penyampaian kepada peguam atau pihak yang sebelumnya hadir secara sendiri (A. 62, k. 13)

13. Jika suatu pihak selepas dibawa guaman terhadapnya atau hadir secara sendiri telah memberikan notis secara bertulis kepada pihak lawan atau peguamnya, melalui seorang peguam, bahawa peguam itu diberi kuasa untuk bertindak dalam kausa atau perkara itu yang bagi pihaknya, segala writ, notis, pliding, saman, perintah, waran dan dokumen lain, prosiding, dan komunikasi bertulis yang sepatutnya dihantarserahkan kepada atau ke atas pihak yang bagi pihaknya notis itu diberikan hendaklah selepas itu dihantarserahkan kepada atau ke atas peguam itu.

Tidak memerlukan penyampaian (A. 62, k. 14)

14. Mahkamah boleh, dalam suatu hal yang sesuai, untuk tidak memerlukan penyampaian apa-apa dokumen kepada mana-mana orang.

ATURAN 63

KERTAS, PERCETAKAN, NOTIS DAN SALINAN

Spesifikasi dokumen (A. 63, k. 1)

1. Melainkan jika sifat dokumen itu menjadikannya tidak praktik, tiap-tiap dokumen yang disediakan oleh suatu pihak bagi kegunaan di Mahkamah hendaklah di atas kertas yang berkualiti tahan lama, lebih kurang 11.69 inci (297 mm.) panjang, 8.27 inci (210 mm.) lebar, mempunyai suatu birai, tidak kurang daripada 1 inci lebar yang dibiarkan kosong di kedua-dua belah kertas itu. Tiap-tiap dokumen bolehlah dicetak di atas kedua-dua belah kertas.

Cara pencetakan atau penduaan dokumen (A. 63, k. 2)

2. (1) Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini memperuntukkan selainnya, tiap-tiap dokumen yang disediakan oleh suatu pihak bagi kegunaan di Mahkamah hendaklah dihasilkan melalui salah satu daripada cara-cara yang berikut, iaitu yang dikatakan, cetakan, tulisan (yang hendaklah terang dan boleh dibaca) dan taipan melainkan dengan menggunakan karbon, dan boleh dihasilkan sebahagiannya dengan salah satu daripada cara-cara itu dan sebahagian lagi dengan cara lain.

(2) Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini, suatu dokumen hendaklah disifatkan dicetak sekiranya ia dihasilkan dengan litografi bertaip atau penduaan stensil.

(3) Apa-apa taip yang digunakan dalam menghasilkan suatu dokumen bagi kegunaan seperti yang disebut terdahulu hendaklah sedemikian yang memberi kesan yang terang dan boleh dibaca dan hendaklah tidak kecil daripada taip sebelas poin bagi cetakan atau taip elit bagi litografi bertaip, penduaan stensil atau taipan.

(4) Apa-apa dokumen yang dihasilkan melalui suatu proses fotograf atau proses seumpamanya yang memberikan suatu gambaran yang positif dan kekal yang bebas daripada tompokan hendaklah, setakat yang ia mengandungi suatu faksimile bagi apa-apa perkara yang bercetak, bertulis atau bertaip, akan dikira bagi maksud Kaedah-Kaedah ini seolah-olah ia dicetak, ditulis atau ditaip, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Permohonan salinan dokumen (A. 63, k. 3)

3. (1) Jika suatu dokumen yang disediakan oleh suatu pihak bagi kegunaan di Mahkamah adalah bercetak pihak yang terhadapnya dokumen itu disediakan hendaklah, apabila menerima suatu permintaan bertulis daripada mana-mana pihak lain yang berhak mendapat salinan dokumen itu, membekalkannya dengan suatu salinan, dan apabila dibayar caj yang sewajarnya, membekalkannya dengan bilangan salinan selanjutnya, tidak melebihi sepuluh, sebagaimana yang dinyatakan dalam permintaan itu.

(2) Jika suatu dokumen yang disediakan oleh suatu pihak bagi kegunaan di Mahkamah adalah bertulis atau bertaip, pihak yang terhadapnya dokumen itu disediakan hendaklah membekalkan mana-mana pihak lain yang berhak mendapat suatu salinannya, yang bukan suatu pihak yang kepadanya dokumen itu disampaikan, dengan satu salinannya dan, jika dokumen yang berkenaan itu adalah suatu affidavit, apa-apa dokumen yang diekshibitkan padanya.

(3) Salinan itu hendaklah siap untuk penghantarserahan dalam empat puluh lapan jam selepas suatu permintaan bertulis baginya, beserta dengan suatu aku janji untuk membayar caj yang sewajarnya, diterima dan hendaklah dibekalkan selepas itu apabila caj itu dibayar.

Endorsmen dokumen (A. 63, k. 4)

4. (1) *(Tiada perenggan (1))*

(2) Sebelum suatu salinan suatu dokumen dibekalkan kepada suatu pihak di bawah Kaedah-Kaedah ini, ia hendaklah diendorskan dengan nama dan alamat pihak atau peguam yang olehnya ia dibekalkan.

(3) Pihak yang olehnya suatu salinan dibekalkan di bawah kaedah 3, atau, sekiranya dia membawa guaman atau hadir melalui seorang peguam, peguamnya hendaklah bertanggungjawab untuk salinan itu yang adalah salinan sebenar bagi salinan asal atau suatu salinan pejabat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Kesan ketidakpatuhan (A. 63, k. 5)

5. Ketidakpatuhan kaedah 1 hingga 4 tidak menjadikan dokumen itu cacat, atau menjadikan prosiding yang berkaitan dengannya dibatalkan.

ATURAN 63A
PEMFAILAN ELEKTRONIK

Takrifan (A. 63A, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

"biro perkhidmatan" ertinya suatu biro perkhidmatan yang Pendaftar telah memberi kuasa untuk ditubuhkan menurut kaedah 4 bagi maksud membantu dalam pemfailan dokumen yang menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik;

"dokumen tertentu" ertinya dokumen yang dinyatakan dalam apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar sebagai dokumen yang boleh atau yang mesti difailkan di Mahkamah menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik;

"kod pengesahan" ertinya apa-apa pengenalan atau kod kenal pasti, kata laluan atau apa-apa cara atau tatacara lain yang diberikan oleh Pendaftar bagi maksud mengenal pasti dan mengesahkan akses kepada dan penggunaan perkhidmatan pemfailan elektronik;

"nama pengenalan" ertinya nama pengenalan yang diberikan oleh Pendaftar di bawah kaedah 6(1);

"penghantaran elektronik" ertinya penghantaran elektronik oleh seorang pengguna berdaftar yang menggunakan sistem komputer Mahkamah;

"pengguna berdaftar" ertinya seseorang yang didaftarkan oleh Pendaftar untuk mendapatkan akses kepada dan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik di bawah kaedah 5;

"perkhidmatan pemfailan elektronik" ertinya perkhidmatan pemfailan elektronik yang ditubuhkan di bawah kaedah 2;

"sistem komputer Mahkamah" ertinya mana-mana aplikasi elektronik yang digunakan bagi maksud pemfailan elektronik dan pengurusan kes.

Penubuhan perkhidmatan pemfailan elektronik (A. 63A, k. 2)

2. Pendaftar boleh, dengan kelulusan Ketua Hakim Negara, menubuhkan suatu perkhidmatan pemfailan elektronik dan membuat peruntukan bagi dokumen tertentu difailkan dengan menggunakan perkhidmatan itu.

Biro perkhidmatan (A. 63A, k. 3)

3. (1) Pendaftar boleh menubuhkan atau melantik ejen untuk menubuhkan suatu biro perkhidmatan untuk membantu dalam memfailkan dokumen yang menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik.

(2) Mana-mana ejen yang dilantik oleh Pendaftar menurut perenggan (1) tidaklah dikira sedemikian bagi maksud penerimaan bayaran fi atau caj perkhidmatan.

Pengguna berdaftar (A. 63A, k. 4)

4. (1) Mana-mana orang atau entiti boleh memohon kepada Pendaftar untuk menjadi seorang pengguna berdaftar mengikut apa-apa prosedur dan atas pembayaran

apa-apa fi sebagaimana yang diperihalkan untuk permohonan itu dalam apa-apa arahan amalan pada masa kini yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar boleh membenarkan seseorang atau entiti untuk menjadi seorang pengguna berdaftar atas apa-apa terma dan dengan apa-apa sekatan yang berkaitan dengan pemfailan dokumen secara elektronik yang difikirkannya patut.

Kod pengesahan (A. 63A, k. 5)

5. (1) Sebelum menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik, pengguna berdaftar hendaklah memohon kepada Pendaftar untuk satu atau lebih nama pengenalan dan kod pengesahan yang diberikan kepadanya atau ejennya yang diberi kuasa.

(2) Pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa hendaklah mendaftarkan butir-butirnya dengan Pendaftar dan mengakui secara bertulis penerimaan selamat nama pengenalan dan kod pengesahan yang diberikan kepadanya oleh Pendaftar.

(3) Pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa hendaklah memaklumkan Pendaftar secara bertulis tentang apa-apa perubahan dalam butir-butir.

(4) Apabila kuasa seorang ejen yang diberi kuasa dibatalkan atau ditamatkan, pengguna berdaftar hendaklah segera meminta kepada Pendaftar secara bertulis untuk membatalkan nama pengenalan dan kod pengesahan ejen yang diberi kuasa mengikut cara yang dinyatakan dalam arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Keselamatan kod pengesahan (A. 63A, k. 6)

6. Pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa hendaklah memastikan kerahsiaan dan keselamatan kod pengesahannya dan tidak boleh—

(a) mendedahkan kod pengesahannya kepada mana-mana orang lain; atau

- (b) membenarkan mana-mana orang lain untuk menggunakan kod pengesahannya.

Pemfailan elektronik (A. 63A, k. 7)

7. (1) Jika suatu dokumen tertentu dikehendaki untuk difailkan dengan Pendaftar di bawah mana-mana peruntukan lain Kaedah-Kaedah ini, ia hendaklah difailkan sedemikian dengan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik mengikut Aturan ini dan apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

(2) Bagi maksud perenggan (1), apa-apa kehendak untuk memfailkan suatu dokumen tertentu disempurnakan dengan memfailkan suatu salinan tunggal yang menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik mengikut Aturan ini.

(3) Pemfailan suatu dokumen tertentu yang menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik menurut perenggan (1) bolehlah dilakukan—

(a) melalui penghantaran elektronik; atau

(b) menerusi suatu biro perkhidmatan.

(4) Walau apapun apa-apa jua dalam perenggan (1), Pendaftar boleh membenarkan suatu dokumen, sebahagian daripada suatu dokumen atau mana-mana kelas dokumen untuk difailkan selain menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik.

(5) Bentuk apa-apa dokumen tertentu hendaklah sebagaimana yang diperihalkan dalam apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar, dan hendaklah, dalam ketiadaan apa-apa preskripsi itu, dalam borang yang diperihalkan oleh Aturan 1, kaedah 7.

Menandatangani dokumen elektronik (A. 63A, k. 8)

8. Jika suatu dokumen tertentu difailkan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik, apa-apa kehendak di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini yang berhubungan dengan tandatangan oleh atau tandatangan—

(a) pengguna berdaftar, hendaklah disifatkan telah dipatuhi sekiranya nama pengenalan, kod pengesahan dan endorsemen oleh pengguna berdaftar itu telah diturunkan pada dokumen itu; atau

(b) Pendaftar, hendaklah disifatkan telah dipatuhi sekiranya nama pengenalan, kod pengesahan dan tandatangan Pendaftar itu telah diturunkan pada dokumen itu.

Tarikh pemfailan (A. 63A, k. 9)

9. (1) Jika suatu dokumen difailkan dengan Pendaftar menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik atau biro perkhidmatan dan kemudiannya diterima oleh Pendaftar, ia hendaklah disifatkan telah difailkan apabila pembayaran ke dalam sistem komputer Mahkamah berjaya masing-masing oleh pengguna berdaftar atau mana-mana orang akan apa-apa fi yang ditetapkan yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah.

(2) Jika suatu proses pemula atau dokumen yang menghendaki suatu meterai Mahkamah difailkan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik atau biro perkhidmatan dan kemudiannya diterima oleh Pendaftar, ia hendaklah disifatkan sebagai telah dikeluarkan apabila pembayaran ke dalam sistem komputer Mahkamah berjaya masing-masing oleh pengguna berdaftar atau mana-mana orang akan apa-apa fi yang ditetapkan yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah, ke dalam sistem komputer Mahkamah.

(3) Sekiranya atas permohonan Pendaftar berpuas hati atas apa-apa sebab bahawa suatu dokumen yang dinyatakan hendaklah dikira sebagai telah difailkan dengan Pendaftar, atau dikeluarkan, pada suatu tarikh dan masa yang lebih awal, daripada tarikh dan masa yang diperuntukkan di bawah perenggan (1) atau (2), dia

boleh memerintahkan supaya dokumen itu dipinda untuk menunjukkan mana-mana tarikh dan masa yang lebih awal, dan tarikh dan masa yang lebih awal itu hendaklah disifatkan bagi semua maksud untuk menjadi tarikh dan masa pada dan di mana dokumen itu difailkan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Apabila masa bagi penyampaian bermula (A. 63A, k. 10)

10. (1) Jika suatu dokumen yang tidak menghendaki suatu meterai Mahkamah difailkan dengan Pendaftar melalui penghantaran elektronik, masa untuk penyampaian dokumen itu hendaklah hanya mula berlaku dari masa pemberitahuan Pendaftar mengenai penerimaannya tentang dokumen yang diterima dalam akaun komputer pengguna berdaftar itu.

(2) Jika suatu dokumen yang tidak menghendaki suatu meterai Mahkamah difailkan dengan Pendaftar melalui suatu biro perkhidmatan, masa untuk penyampaian dokumen itu hendaklah mula berlaku apabila pembayaran berjaya, oleh pengguna berdaftar atau mana-mana orang akan fi yang ditetapkan yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah, ke dalam sistem komputer Mahkamah.

(3) Sekiranya suatu proses pemula atau dokumen yang menghendaki meterai Mahkamah difailkan dengan Pendaftar melalui penghantaran elektronik atau melalui biro perkhidmatan, masa bagi penyampaian hendaklah mula berlaku apabila salinan termeterai diterima dalam sistem komputer pengguna berdaftar.

(4) Sekiranya suatu dokumen diterima dalam sistem komputer pengguna berdaftar pada hari selain hari bekerja, ia hendaklah disifatkan bagi maksud kaedah ini telah diterima pada hari bekerja yang berikutnya.

Pemberitahuan atau penyerahan oleh Pendaftar (A. 63A, k. 11)

11. Jika Pendaftar dikehendaki oleh mana-mana peruntukan lain Kaedah-Kaedah ini untuk memaklumkan atau untuk menyampaikan atau memberikan apa-apa dokumen kepada seseorang yang merupakan seorang pengguna berdaftar, Pendaftar boleh berbuat demikian menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik.

Cara pindaan dokumen elektronik (A. 63A, k. 12)

12. Pindaan kepada dokumen tertentu hendaklah dilaksanakan mengikut cara yang ditetapkan dalam apa-apa arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar.

Afidavit dalam bentuk elektronik (A. 63A, k. 13)

13. (1) Suatu afidavit yang difailkan di Mahkamah menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik bolehlah digunakan dalam semua prosiding hingga takat yang sama dan bagi maksud yang sama sebagaimana suatu kertas afidavit difailkan di Mahkamah.

(2) Suatu afidavit yang difailkan di Mahkamah menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik boleh diangkat sumpah—

(a) secara elektronik; atau

(b) dengan cara biasa yang deponen menandatangani afidavit kertas yang asal.

(3) Suatu afidavit boleh diangkat sumpah secara elektronik sekiranya—

(a) orang yang di hadapannya afidavit yang diangkat sumpah pada masa itu—

(i) seorang pengguna berdaftar; dan

(ii) seorang yang mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah;

(b) orang yang disebut dalam subperenggan (a) menggunakan suatu pengakusaksian sebagaimana yang ditetapkan dalam arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar untuk angkat sumpah afidavit melalui cara elektronik;

- (c) affidavit itu dilampirkan atau dikodkan dengan nama pengenalan dan kod pengesahan orang yang disebut dalam subperenggan (a);
- (d) angkat sumpah affidavit itu melalui cara elektronik direkodkan dalam suatu daftar yang disimpan oleh orang yang disebut dalam subperenggan (a), dan deponen menandatangani sendiri dengan tangan dalam daftar itu terhadap affidavit yang diangkat sumpah olehnya; dan
- (e) affidavit tidak diubah dalam apa-apa cara sejak ia diangkat sumpah.

(4) Jika suatu affidavit, yang tidak diangkat sumpah secara elektronik, yang hendak difailkan di Mahkamah menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik, ia hendaklah mematuhi kehendak yang berikut:

- (a) affidavit itu mestilah diangkat sumpah dengan cara biasa yang deponen menandatangani affidavit kertas yang asal;
- (b) suatu imej elektronik yang benar dan lengkap affidavit kertas yang asal hendaklah dibuat; dan
- (c) affidavit kertas yang asal hendaklah dipegangsimpan oleh pihak yang memfailkannya untuk suatu tempoh tujuh tahun selepas ia difailkan.

(5) Suatu affidavit dalam suatu bentuk elektronik yang mematuhi perenggan (3) tetapi yang tidak mematuhi sepenuhnya peruntukan Aturan 41, boleh walau bagaimanapun digunakan dalam keterangan hingga takat yang sama dan bagi maksud yang sama sebagai suatu affidavit yang mematuhi sepenuhnya dengan peruntukan Aturan 41 sekiranya ketidakpatuhannya dengan Aturan 41 termasuk dalam sebahagian atau semua perihalan yang berikut:

- (a) affidavit itu tidak ditandatangani oleh deponen itu;

- (b) perubahan dan pemadaman tidak ditandatangani atau ditandatangani ringkas oleh orang yang di hadapannya affidavit itu diangkat sumpah; atau
- (c) pengakusaksian bukan di dalam salah satu bentuk dalam Borang 74.

(6) Walau apapun subperenggan (4)(c), sekiranya affidavit kertas yang asal kemudiannya menjadi tidak ada dalam tujuh tahun selepas ia difailkan, Mahkamah boleh memberikan kebenaran untuk imej elektronik affidavit kertas yang asal yang difailkan dalam Mahkamah dengan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik akan terus digunakan dalam prosiding yang difailkan, atau dalam apa-apa prosiding lain.

(7) Sekiranya suatu affidavit yang diangkat sumpah secara elektronik yang mematuhi perenggan (3) kemudiannya tidak boleh didapatkan semula daripada sistem komputer Mahkamah atas apa-apa sebab, kandungan affidavit itu dan fakta bahawa affidavit itu telah diangkat sumpah oleh deponen itu boleh dibuktikan dengan mengemukakan suatu salinan affidavit kertas yang diperakui sebagai suatu salinan benar oleh seorang pegawai Mahkamah.

Anggapan (A. 63A, k. 14)

14. (1) Sekiranya suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pendaftar berkenaan dengan mana-mana pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa, dan diterima oleh pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan, ia hendaklah dianggap melainkan jika dibuktikan sebaliknya bahawa maklumat yang disenaraikan dalam perakuan itu adalah betul.

(2) Jika suatu dokumen dihantar ke sistem komputer Pendaftar dan kod pengesahan yang diberikan kepada seorang pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa itu dilampirkan kepada dokumen atau penghantaran yang mengandungi dokumen—

- (a) dengan atau tanpa kebenaran pengguna berdaftar; dan
- (b) sebelum pemberitahuan kepada Pendaftar, mengikut cara yang dinyatakan dalam mana-mana arahan amalan pada masa itu yang dikeluarkan oleh Pendaftar, tentang pembatalan kod pengesahan,

ia hendaklah dianggap melainkan jika dibuktikan sebaliknya bahawa—

- (A) dokumen itu tidak diubah sejak kod pengesahan itu dilampirkan;
- (B) dokumen itu telah dihantar dengan tepat;
- (C) dokumen itu telah dibuat dan dihantar oleh pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
- (D) kod pengesahan dilampirkan atau terpakai kepada suatu dokumen atau penghantaran yang mengandungi dokumen, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan niat untuk menandatangani atau meluluskan dokumen itu.

(3) Jika suatu dokumen difailkan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik melalui biro perkhidmatan, dan dibuktikan bahawa—

- (a) dokumen yang difailkan sedemikian itu telah dilampirkan dengan kod pengesahan yang diberikan kepada seorang anggota kakitangan biro perkhidmatan, atau penghantaran yang mengandungi dokumen itu dengan dilampirkan sedemikian dengan kod pengesahan ini;
- (b) langkah munasabah telah diambil oleh kakitangan biro perkhidmatan untuk mengesahkan dan merekodkan identiti orang yang mengemukakan dokumen itu kepada biro perkhidmatan;

- (c) langkah munasabah telah diambil oleh kakitangan biro perkhidmatan untuk mengesahkan dan merekodkan bahawa orang yang mengemukakan dokumen itu mewakili orang itu, sekiranya ada, yang bagi pihaknya dia berupa sebagai untuk memberikan dokumen itu; dan
- (d) dokumen difailkan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik atas nama orang yang direkodkan oleh kakitangan biro perkhidmatan dan mengikut arahan yang direkodkan oleh kakitangan biro perkhidmatan,

ia hendaklah dianggap melainkan jika dibuktikan sebaliknya bahawa—

- (A) kod pengesahan dilampirkan atau diturunkan dengan sempurna kepada penghantaran yang mengandungi dokumen itu; dan
- (B) dokumen itu telah dibuat dan dihantar oleh biro perkhidmatan untuk dan bagi pihak, dan dengan kuasa daripadanya, orang yang mengemukakan dokumen dan orang itu, jika ada, dia berupa sebagai untuk mewakili.

(4) Suatu perakuan di bawah tandatangan Pendaftar yang memberikan kod pengesahan, nama pengenalan dan butir-butir lain pengguna berdaftar dan suatu perihalan dokumen yang dihantar hendaklah menjadi keterangan yang mencukupi mengenai perkara yang disebut dalam subperenggan (2)(a) dan (b).

Percanggahan (A. 63A, k. 15)

15. (1) Jika suatu dokumen tertentu difailkan menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik, dan terdapat apa-apa ketidakselarasan antara—

- (a) maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem komputer Mahkamah; dan

(b) maklumat yang terkandung dalam dokumen,

maklumat dalam sistem komputer Mahkamah hendaklah dipakai.

(2) Jika dokumen tertentu difailkan melalui suatu biro perkhidmatan, dan terdapat apa-apa ketidakselarasan antara—

(a) maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem komputer Mahkamah; dan

(b) maklumat yang terkandung dalam dokumen,

maklumat dalam dokumen hendaklah dipakai.

(3) Sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa atas apa-apa sebab apa jua pun, bahawa maklumat yang dimasukkan ke dalam sistem komputer Mahkamah itu salah, dia boleh menyebabkan maklumat di dalam sistem komputer Mahkamah itu dibetulkan sewajarnya.

Tafsiran (A. 63A, k. 16)

16. (1) Seorang pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa yang didaftarkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi, dan bagi maksud ini dikeluarkan dengan suatu nama pengenalan dan kod pengesahan, hendaklah dikira bagi maksud Aturan ini seolah-olah dia juga telah berdaftar, dan dikeluarkan dengan suatu nama pengenalan dan kod pengesahan yang sama, oleh Pendaftar Mahkamah Rendah.

(2) Seorang pengguna berdaftar atau ejennya yang diberi kuasa yang didaftarkan oleh Pendaftar Mahkamah Rendah, dan bagi maksud ini dikeluarkan dengan suatu nama pengenalan dan kod pengesahan, hendaklah dikira bagi maksud Aturan ini seolah-olah dia juga telah berdaftar, dan telah dikeluarkan dengan suatu nama pengenalan dan kod pengesahan yang sama, oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi.

(3) Suatu biro perkhidmatan yang ditubuhkan atau diberi kuasa untuk ditubuhkan oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi di bawah kaedah 4 bolehlah digunakan untuk membantu dalam memfailkan dokumen yang berkaitan dengan prosiding Mahkamah Rendah menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik dalam apa-apa kes dan keadaan sebagaimana yang Pendaftar Mahkamah Rendah tetapkan dalam arahan amalan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

(4) Suatu biro perkhidmatan yang ditubuhkan atau diberi kuasa untuk ditubuhkan oleh Pendaftar Mahkamah Rendah di bawah kaedah 4 boleh digunakan untuk membantu dalam memfailkan dokumen yang berkaitan dengan prosiding Mahkamah Tinggi menggunakan perkhidmatan pemfailan elektronik dalam apa-apa kes dan keadaan sebagaimana yang Pendaftar Mahkamah Tinggi tetapkan dalam arahan amalan yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

ATURAN 64 PENUKARAN PEGUAM

Notis penukaran peguam (A. 64, k. 1)

1. (1) Suatu pihak kepada mana-mana kausa atau perkara yang membawa guaman atau membela melalui seorang peguam boleh menukar peguamnya tanpa mendapatkan suatu perintah bagi maksud itu tetapi, melainkan jika dan sehingga suatu notis penukaran itu difailkan dan disampaikan mengikut kaedah ini, peguam yang terdahulu hendaklah, tertakluk kepada kaedah 4 dan 5, dianggap sebagai peguam pihak itu sehingga pengakhiran muktamad kausa atau perkara itu.

(2) Notis penukaran seorang peguam dalam Borang 136 hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

(3) Pihak yang memberi notis itu hendaklah menyampaikan kepada tiap-tiap pihak lain kepada kausa atau perkara itu (yang tidak menjadi suatu pihak yang ingkar tentang kemasukan kehadiran) dan kepada peguam yang terdahulu suatu salinan notis itu.

(4) Pihak yang memberikan notis itu boleh melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan oleh kaedah ini secara sendiri atau melalui peguamnya yang baru.

Melantik seorang peguam selepas bertindak secara sendiri (A. 64, k. 2)

2. Jika suatu pihak, selepas membawa guaman atau membela secara sendiri, melantik seorang peguam untuk bertindak dalam kausa atau perkara itu bagi pihaknya, penukaran itu boleh dibuat tanpa mendapatkan suatu perintah bagi maksud itu dan kaedah 1(2), (3) dan (4) hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan suatu notis pelantikan seorang peguam dalam Borang 136 sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu notis penukaran peguam.

Bertindak secara sendiri selepas melantik peguam (A. 64, k. 3)

3. Jika suatu pihak, selepas membawa guaman atau membela melalui seorang peguam, berniat dan berhak bertindak secara sendiri, penukaran itu bolehlah dibuat tanpa mendapatkan suatu perintah bagi maksud itu dan kaedah 1 mestilah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan suatu notis niat untuk bertindak secara sendiri sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu notis penukaran peguam kecuali notis niat untuk bertindak secara sendiri dalam Borang 137 itu hendaklah mengandungi suatu alamat untuk penyampaian pihak yang memberikannya itu.

Pihak meminta suatu perintah bahawa peguam pihak lain terhenti bertindak (A. 64, k. 4)

4. (1) Jika—

(a) seorang peguam yang bertindak bagi suatu pihak dalam suatu kausa atau perkara mati atau menjadi bankrap atau tidak dapat dijumpai atau gagal untuk mengambil suatu perakuan menjalankan amalan atau dibuang daripada senarai peguam atau digantung daripada menjalankan amalan atau atas apa-apa sebab lain terhenti daripada menjalankan amalan; dan

- (b) pihak itu tidak memberikan suatu notis penukaran peguam atau suatu notis niat untuk bertindak secara sendiri mengikut kaedah 1 hingga 3,

mana-mana pihak lain kepada kausa atau perkara itu boleh memohon kepada Mahkamah atau, sekiranya suatu rayuan ke Mahkamah Tinggi (atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan) bagi kausa atau perkara itu belum selesai kepada Mahkamah itu yang rayuan itu belum selesai untuk suatu perintah mengisytiharkan bahawa peguam itu telah terhenti daripada menjadi peguam yang bertindak bagi pihak yang pertama sekali disebut dalam kausa atau perkara itu, Mahkamah atau Mahkamah yang rayuan itu belum selesai, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat suatu perintah dengan sewajarnya.

(2) Suatu permohonan untuk suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam Borang 138 atau, dalam hal suatu permohonan kepada Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan melalui usul, dan notis permohonan atau notis usul itu hendaklah melainkan jika, Mahkamah atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengarahkan selainnya, disampaikan kepada pihak yang kepada peguamnya permohonan itu berkaitan. Permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan alasan permohonan itu.

(3) Jika suatu perintah dalam Borang 139 dibuat di bawah kaedah ini, pihak yang atas permohonannya perintah itu dibuat hendaklah menyampaikan kepada tiap-tiap pihak lain kepada kausa atau perkara itu (yang tidak menjadi satu pihak yang ingkar tentang kemasukan kehadiran) suatu salinan perintah itu.

(4) Suatu perintah yang dibuat di bawah kaedah ini tidak boleh menyentuh hak peguam dan pihak yang baginya dia bertindak antara sesama mereka sendiri.

Permohonan oleh peguam bahawa dia telah terhenti bertindak (A. 64, k. 5)

5. (1) Jika seorang peguam yang bertindak bagi suatu pihak kepada kausa atau perkara telah terhenti bertindak sedemikian dan pihak itu belum memberikan suatu

notis penukaran mengikut kaedah 1, atau suatu notis niat untuk bertindak secara sendiri mengikut kaedah 3, peguam itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah mengisytiharkan bahawa peguam itu telah terhenti daripada menjadi peguam yang bertindak bagi pihak itu dalam kausa atau perkara itu, dan Mahkamah atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh membuat suatu perintah dengan sewajarnya, tetapi melainkan jika dan sehingga peguam itu menyampaikan kepada tiap-tiap pihak kepada kausa atau perkara itu (yang tidak menjadi suatu pihak yang ingkar tentang kemasukan kehadiran) suatu salinan perintah itu, dia hendaklah, tertakluk kepada peruntukan-peruntukan tersebut di atas dalam Aturan ini, dianggap sebagai peguam pihak itu sehingga pengakhiran muktamad kausa atau perkara itu, sama ada dalam Mahkamah Tinggi atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan.

(2) Suatu permohonan untuk minta suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan dalam Borang 140 atau, dalam hal suatu permohonan kepada Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, melalui usul, dan notis permohonan atau notis usul itu hendaklah, melainkan jika Mahkamah atau Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengarahkan selainnya, disampaikan kepada pihak yang baginya peguam itu bertindak. Permohonan itu hendaklah disokong dengan suatu affidavit yang menyatakan alasan permohonan itu.

(3) Suatu perintah dalam Borang 141 yang dibuat di bawah kaedah ini tidak boleh menjejaskan hak peguam dan pihak yang baginya dia bertindak antara sesama mereka sendiri.

(4) Walau apapun apa-apa jua dalam perenggan (1), jika perakuan bantuan guaman orang yang dibantu dalam pengertian Akta Bantuan Guaman 1971 [*Akta 26*] dibatalkan atau dilepaskan, peguam yang bertindak untuk orang yang dibantu itu hendaklah terhenti menjadi peguam yang bertindak dalam kausa atau perkara itu, dan sekiranya orang yang dibantu itu yang perakuannya dibatalkan atau dilepaskan berhasrat hendak meneruskan kausa atau perkara itu tanpa bantuan guaman dan melantik peguam itu atau seorang peguam lain untuk bertindak bagi pihaknya,

peruntukan kaedah 2 hendaklah terpakai seolah-olah pihak itu terdahulunya telah membawa guaman atau membela secara sendiri.

Alamat penyampaian pihak yang peguamnya dihentikan (A. 64. k. 6)

6. Jika—

- (a) suatu perintah dibuat di bawah kaedah 4;
- (b) suatu perintah dibuat di bawah kaedah 5, dan pemohon bagi perintah itu mematuhi kaedah 5(1); atau
- (c) perakuan bantuan guaman seorang yang dibantu dalam pengertian Akta Bantuan Guaman 1971 dibatalkan atau dilepaskan,

maka melainkan jika dan sehingga pihak yang peguam atau kepadanya, mengikut mana-mana yang berkenaan, perintah atau perakuan yang berkaitan sama ada melantik seorang peguam lain dan mematuhi kaedah 2 atau, berhak untuk bertindak secara sendiri, memberi notis niatnya untuk berbuat demikian dan mematuhi kaedah 3, alamat terakhirnya yang diketahui atau, jika pihak itu ialah suatu pertubuhan perbadanan, pejabat berdaftar atau pejabat utamanya hendaklah, bagi maksud penyampaian kepadanya apa-apa dokumen yang tidak dikehendaki disampaikan secara kediri, disifatkan sebagai alamat penyampaiannya.

ATURAN 65

PENYAMPAIAN PROSES NEGARA ASING

Takrifan (A. 65, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, "proses" termasuklah suatu sitasi.

Penyampaian proses perundangan negara asing (A. 65, k. 2)

2. (1) Kaedah ini terpakai berhubung dengan penyampaian apa-apa proses yang dikehendaki dikaitkan dengan prosiding sivil yang belum selesai di hadapan Mahkamah atau tribunal lain sesuatu negara asing yang suatu surat permintaan daripada suatu

tribunal sedemikian yang meminta disampaikan kepada seseorang di dalam Malaysia apa-apa proses yang dihantar bersama surat itu diterima oleh Menteri dan dihantar olehnya kepada Mahkamah Tinggi bersama dengan suatu pemberitahuan bahawa adalah dihasratkan yang pelaksanaan dilakukan terhadap permintaan itu.

(2) Dengan tujuan supaya penyampaian proses itu boleh dilaksanakan mengikut kaedah ini, surat permintaan itu hendaklah disertai dengan suatu terjemahan dalam bahasa Inggeris, dengan dua salinan proses itu untuk disampaikan dan dengan dua salinan terjemahan proses itu dalam bahasa Inggeris.

(3) Tertakluk kepada perenggan (4) dan kepada mana-mana undang-undang bertulis, yang memperuntukkan cara dokumen itu boleh disampaikan kepada pertubuhan perbadanan, penyampaian proses itu hendaklah dilaksanakan dengan meninggalkan salinannya dan terjemahannya dengan orang yang kepadanya ia hendak disampaikan. Penyampaian hendaklah dilaksanakan oleh penyampai proses.

(4) Jika suatu permohonan bagi pihak itu dibuat oleh Peguam Negara, Mahkamah boleh membuat suatu perintah bagi penyampaian ganti proses itu, dan, jika suatu perintah yang sedemikian dibuat, penyampaian proses itu hendaklah dilaksanakan dengan mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang boleh diarahkan oleh Mahkamah untuk membawa proses itu kepada pengetahuan orang yang hendak ia disampaikan.

(5) Selepas penyampaian proses itu dilaksanakan atau (jika sedemikian halnya) percubaan untuk melaksanakan penyampaian gagal, penyampai proses hendaklah memfailkan suatu salinan proses itu, suatu affidavit yang dibuat oleh orang yang menyampaikan, atau cuba untuk menyampaikan, proses itu, menyatakan bila, di mana dan bagaimana dia melakukan atau cuba untuk melakukan sedemikian, suatu salinan affidavit itu dan suatu pernyataan mengenai kos yang dilakukan dalam melaksanakan, atau cuba untuk melaksanakan, penyampaian itu.

- (6) Pendaftar hendaklah memberi suatu perakuan dalam Borang 142—
- (a) yang mengenal pasti dokumen yang dilampirkan bersamanya, iaitu yang dikatakan, surat permintaan untuk penyampaian itu, suatu salinan proses yang diterima bersama dengan surat itu dan suatu salinan affidavit yang disebut dalam perenggan (5);
 - (b) yang memperakukan bahawa cara penyampaian proses dan bukti penyampaian adalah seperti apa-apa yang dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah Mahkamah yang mengawal selia penyampaian proses Mahkamah di Malaysia atau, jika sedemikian halnya, penyampaian proses Mahkamah itu tidak dapat dijalankan kerana sebab yang ditentukan dalam perakuan itu; dan
 - (c) yang memperakukan bahawa kos melaksanakan atau percubaan untuk melaksanakan penyampaian ialah amaun yang dinyatakan sedemikian.

(7) Perakuan yang diberikan di bawah perenggan (6) hendaklah dimeteraikan dengan meterai Mahkamah Tinggi untuk kegunaan di luar bidang kuasa dan hendaklah dihantar kepada Menteri.

Cara alternatif penyampaian proses perundangan negara asing (A. 65, k. 2A)

2A. (1) Tertakluk kepada kaedah 3, kaedah ini terpakai berhubung dengan penyampaian apa-apa proses yang dikehendaki berkaitan dengan prosiding sivil yang belum selesai di hadapan Mahkamah atau tribunal lain suatu negara asing yang kaedah 2 tidak terpakai atau tidak digunakan.

(2) Penyampaian apa-apa proses di dalam Malaysia boleh dikuatkuasakan melalui suatu kaedah perkhidmatan yang diberi kuasa oleh Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian proses analogi yang dikeluarkan oleh Mahkamah.

(3) Kaedah ini hendaklah terpakai walaupun proses luar negeri yang dinyatakan atau termasuklah suatu arahan negara asing yang berdaulat.

Penyampaian proses perundangan negara asing di bawah Konvensyen Prosedur Sivil (A. 65, k. 3)

3. (1) Kaedah ini terpakai berhubung dengan penyampaian apa-apa proses yang dikehendaki berkaitan dengan prosiding sivil yang belum selesai di hadapan suatu Mahkamah atau tribunal lain sesuatu negara asing, yang merupakan suatu negara yang mempunyai suatu Konvensyen Prosedur Sivil yang memperuntukkan bagi penyampaian di Malaysia akan proses tribunal negara itu, jika surat permintaan daripada suatu konsular atau pihak berkuasa lain negara itu yang meminta disampaikan kepada seseorang di Malaysia akan apa-apa proses yang dihantar bersama dengan surat itu diterima oleh Pendaftar.

(2) Dengan tujuan supaya penyampaian proses itu bolehlah dilaksanakan mengikut kaedah ini surat atau permintaan itu hendaklah disertakan dengan sesalinan terjemahan proses yang hendak disampaikan dalam bahasa Inggeris.

(3) Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang memperuntukkan cara yang dokumen boleh disampaikan kepada pertubuhan perbadanan dan kepada mana-mana peruntukan khas Konvensyen Prosedur Sivil yang relevan, penyampaian proses itu hendaklah dilaksanakan dengan meninggalkan proses asal atau sesalinannya, sebagaimana yang dinyatakan dalam surat permintaan itu, dan sesalinan terjemahannya dengan orang kepadanya ia hendak disampaikan. Penyampaian hendaklah dilaksanakan oleh penyampai proses.

(4) Selepas penyampaian proses itu dilaksanakan atau (sekiranya sedemikian halnya) percubaan untuk melaksanakan penyampaian itu gagal, penyampai proses hendaklah memfailkan suatu affidavit yang dibuat oleh orang yang menyampaikan, atau telah cuba untuk menyampaikan, proses itu yang menyatakan bila, di mana dan bagaimana dia melakukan atau telah cuba untuk melakukan yang demikian, dan suatu

pernyataan mengenai kos yang ditanggung dalam melaksanakan, atau mencuba untuk melaksanakan, penyampaian.

(5) Pendaftar hendaklah memberi suatu perakuan yang memperakukan—

(a) bahawa proses itu atau sesalinannya, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah disampaikan kepada orang itu, pada masa, dan dengan cara, yang dinyatakan dalam perakuan itu atau (sekiranya sedemikian halnya) bahawa penyampaian proses tidak dapat dilaksanakan kerana sebab yang dinyatakan sedemikian; dan

(b) bahawa kos melaksanakan, atau cuba untuk melaksanakan, penyampaian ialah amaun sebagaimana yang dinyatakan sedemikian.

(6) Perakuan yang diberikan di bawah perenggan (5) hendaklah dimeterai dengan meterai Mahkamah Tinggi untuk kegunaan luar bidang kuasa dan hendaklah dihantar kepada konsular atau pihak berkuasa lain yang olehnya permintaan bagi penyampaian itu telah dibuat.

Kos penyampaian hendaklah diperakukan oleh Pendaftar (A. 65, k. 4)

4. Suatu pernyataan kos yang ditanggung dalam melaksanakan, atau percubaan untuk melaksanakan, penyampaian di bawah kaedah 2 atau kaedah 3 hendaklah diserahkan kepada Pendaftar yang hendaklah memperakukan amaun yang wajar yang kena dibayar berkenaan dengan kos itu.

ATURAN 66

MENDAPATKAN KETERANGAN UNTUK MAHKAMAH NEGARA ASING

Bidang kuasa Pendaftar untuk membuat perintah (A. 66. k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), kuasa Mahkamah Tinggi atau seorang Hakimnya untuk membuat, berhubung dengan suatu perkara yang belum selesai di hadapan suatu Mahkamah atau tribunal di suatu tempat luar bidang kuasa, perintah

bagi pemeriksaan saksi dan bagi kehadiran dan bagi pengemukaan dokumen dan untuk memberi arahan boleh dijalankan oleh Pendaftar.

(2) Pendaftar tidak boleh membuat suatu perintah sedemikian sekiranya perkara dalam persoalan adalah suatu perkara jenayah.

Permohonan minta perintah (A. 66, k. 2)

2. (1) Tertakluk kepada perenggan (3) dan kaedah 3, suatu permohonan untuk minta perintah di bawah kaedah 1 hendaklah dibuat secara *ex parte* oleh seseorang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk membuat permohonan bagi pihak Mahkamah atau tribunal yang berkenaan dan hendaklah disokong oleh affidavit.

(2) Maka hendaklah diekshibitkan kepada affidavit yang menyokong surat permintaan, perakuan atau dokumen lain yang menunjukkan hasrat Mahkamah atau tribunal itu untuk mendapatkan bagi maksud suatu perkara yang belum selesai di hadapannya keterangan saksi yang kepadanya permohonan itu berhubung dengan pengemukaan apa-apa dokumen dan, sekiranya dokumen itu bukan dalam bahasa Inggeris, suatu terjemahannya dalam bahasa itu.

(3) Selepas suatu permohonan minta suatu perintah sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1) telah dibuat berhubung dengan suatu perkara yang belum selesai di hadapan suatu Mahkamah atau tribunal, suatu permohonan minta perintah atau arahan lanjut berhubung dengan perkara yang sama hendaklah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Permohonan oleh Peguam Negara dalam hal-hal tertentu (A. 66, k. 3)

3. Jika suatu surat permintaan, perakuan atau dokumen lain meminta keterangan seorang saksi yang berada dalam bidang kuasa berhubung dengan suatu perkara yang belum selesai di hadapan suatu Mahkamah atau tribunal di suatu negara asing didapatkan—

(a) diterima oleh Menteri dan dihantar olehnya kepada Pendaftar dengan suatu pemakluman bahawa pelaksanaan patut diberikan kepada

permintaan itu tanpa menghendaki suatu permohonan bagi maksud itu dibuat oleh ejen di Malaysia bagi mana-mana pihak kepada perkara yang belum selesai di hadapan Mahkamah atau tribunal itu; atau

- (b) diterima oleh Pendaftar menurut suatu Konvensyen Prosedur Sivil yang memperuntukkan pengambilan keterangan mana-mana orang di Malaysia bagi membantu suatu Mahkamah atau tribunal di negara asing, dan tiada seorang pun dinamakan dalam dokumen itu sebagai orang yang akan membuat permohonan yang diperlukan bagi pihak itu,

Pendaftar hendaklah menghantar dokumen itu kepada Peguam Negara dan Peguam Negara boleh membuat suatu permohonan minta suatu perintah dan mengambil apa-apa langkah lain sebagaimana yang perlu untuk melaksanakan permintaan itu.

Orang yang hendak memeriksa dan cara menjalankan pemeriksaan (A. 66, k. 4)

4. (1) Apa-apa perintah yang dibuat menurut Aturan ini bagi pemeriksaan seorang saksi boleh memerintahkan pemeriksaan itu dijalankan di hadapan mana-mana orang yang layak dan sesuai yang dinamakan oleh orang yang memohon minta perintah itu atau di hadapan Pendaftar atau di hadapan mana-mana orang lain yang berkelayakan sebagaimana yang Mahkamah fikirkan patut.

(2) Tertakluk kepada apa-apa arahan khas yang terkandung dalam mana-mana perintah yang dibuat menurut Aturan ini bagi pemeriksaan mana-mana saksi, pemeriksaan itu hendaklah dijalankan mengikut cara yang diperuntukkan oleh Aturan 39, kaedah 5 hingga 10 dan 11(1) hingga (3), dan suatu perintah boleh dibuat di bawah Aturan 39, kaedah 14, bagi pembayaran fi dan perbelanjaan yang kena dibayar kepada pemeriksa, dan kaedah-kaedah tersebut hendaklah terpakai sewajarnya dengan apa-apa ubah suaian yang perlu.

Menguruskan deposisi (A. 66, k. 5)

5. Melainkan jika apa-apa perintah yang dibuat menurut Aturan ini bagi pemeriksaan mana-mana saksi mengarahkan selainnya, pemeriksa yang di hadapannya

pemeriksaan itu dijalankan hendaklah menghantar deposisi saksi itu kepada Pendaftar dan Pendaftar hendaklah—

- (a) memberikan suatu perakuan yang dimeterai dengan meterai Mahkamah Tinggi untuk kegunaan di luar bidang kuasa yang mengenal pasti dokumen yang dilampirkan kepadanya, iaitu, surat permintaan, perakuan, atau dokumen lain daripada Mahkamah atau tribunal di luar bidang kuasa yang meminta pemeriksaan itu, perintah Mahkamah bagi pemeriksaan dan deposisi yang diambil menurut perintah itu; dan
- (b) menghantar perakuan itu bersama dengan dokumen yang dilampirkannya kepada Menteri, atau, jika surat permintaan, perakuan atau dokumen lain itu dihantar kepada Pendaftar oleh seseorang yang lain mengikut suatu Konvensyen Prosedur Sivil kepada orang lain itu, untuk dihantarkan ke Mahkamah atau tribunal itu.

ATURAN 67

PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN BERSALING

Kuasa di bawah Akta berkenaan yang boleh dijalankan oleh Hakim atau Pendaftar (A. 67, k. 1)

1. Kuasa yang diberikan kepada Mahkamah Tinggi oleh Akta Penguatkuasaan Penghakiman Bersaling 1958 [*Akta 99*], yang disebut "Akta" dalam Aturan ini, bolehlah dijalankan oleh seorang Hakim dalam Kamar dan Pendaftar.

Permohonan untuk pendaftaran (A. 67, k. 2)

2. Suatu permohonan di bawah seksyen 4 Akta berkenaan dengan suatu penghakiman yang diperoleh di suatu Mahkamah atasan negara dalam Jadual Pertama supaya penghakiman itu didaftarkan di Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat melalui suatu saman pemula.

Keterangan yang menyokong permohonan (A. 67, k. 3)

3. (1) Suatu permohonan untuk pendaftaran hendaklah disokong oleh suatu affidavit—

- (a) yang mengekshibitkan penghakiman itu atau suatu salinannya yang ditentukan atau diperakui atau selainnya salinannya yang disahkan, dan jika penghakiman itu bukan dalam bahasa Inggeris, suatu terjemahannya dalam bahasa itu yang diperakui oleh seorang notari awam atau yang disahkan oleh affidavit;
- (b) yang menyatakan nama, perdagangan atau perniagaan dan tempat tinggal atau tempat perniagaan yang biasa atau terakhir diketahui oleh pemiutang penghakiman dan penghutang penghakiman masing-masingnya, setakat yang diketahui oleh deponen;
- (c) menyatakan setakat yang diketahui atau dipercayai oleh deponen—
 - (i) bahawa pemiutang penghakiman adalah berhak untuk menguatkuasakan penghakiman;
 - (ii) mengikut mana-mana yang dikehendaki, sama ada bahawa pada tarikh permohonan penghakiman itu belum ditunaikan, atau amaun berkenaan dengannya yang masih belum ditunaikan;
 - (iii) jika permohonan dibuat di bawah Akta, bahawa penghakiman itu tidak termasuk dalam mana-mana kes yang suatu penghakiman tidak boleh diperintahkan supaya didaftarkan di bawah subseksyen 4(2) Akta;
 - (iv) jika permohonan dibuat di bawah Akta, bahawa pada tarikh permohonan penghakiman itu boleh dikuatkuasakan

melalui pelaksanaan di negara Mahkamah asalnya dan bahawa, sekiranya ia didaftarkan, pendaftaran itu tidak akan, atau bertanggung menjadi, diketepikan di bawah seksyen 5 Akta;

(d) yang menyatakan, jika permohonan dibuat di bawah Akta, amaun bunga, sekiranya ada, yang di bawah undang-undang negara Mahkamah asalnya telah menjadi kena dibayar di bawah penghakiman itu sehingga ke masa pendaftaran.

(2) Jika jumlah wang yang kena dibayar di bawah suatu penghakiman yang diminta untuk didaftarkan dinyatakan dalam mata wang selain mata wang Malaysia, affidavit itu hendaklah juga menyatakan amaun yang merupakan jumlah wang diwakili dalam mata wang Malaysia yang dikira pada kadar pertukaran yang terpakai pada tarikh penghakiman.

(3) Jika suatu penghakiman yang diminta untuk didaftarkan di bawah Akta adalah berkenaan dengan perkara yang berlainan, dan beberapa, tetapi bukan semua, peruntukan penghakiman itu adalah sedemikian yang sekiranya peruntukan itu terkandung dalam penghakiman yang berasingan, penghakiman tersebut sepatutnya dapat didaftarkan dengan sewajarnya, affidavit itu hendaklah menyatakan peruntukan-peruntukan yang berkenaan dengannya yang diminta untuk mendaftarkan penghakiman itu.

(4) Dalam hal suatu permohonan di bawah Akta, affidavit itu hendaklah disertai oleh apa-apa keterangan lain berkenaan dengan penguatkuasaan penghakiman itu melalui pelaksanaan dalam negara Mahkamah asalnya, dan mengenai undang-undang negara itu yang di bawahnya apa-apa bunga yang menjadi kena dibayar di bawah penghakiman itu, sebagaimana yang dikehendaki dengan memberi perhatian berat kepada peruntukan Aturan di bawah Akta yang memperluaskan Akta kepada negara itu.

Jaminan kos (A. 67, k. 4)

4. Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh mana-mana pemberitahuan yang dibuat di bawah seksyen 5 Akta atau mana-mana perintah yang berkenaan di bawah Akta, Mahkamah boleh memerintahkan pemiutang penghakiman untuk memberi jaminan kos permohonan untuk pendaftaran dan bagi mana-mana prosiding yang boleh dibawa untuk mengetepikan pendaftaran itu.

Perintah untuk pendaftaran (A. 67, k. 5)

5. (1) Suatu perintah dalam Borang 143 yang memberikan kebenaran untuk mendaftarkan suatu penghakiman hendaklah dibuat oleh, atau bagi pihak, pemiutang penghakiman dan disampaikan kepada penghutang penghakiman.

(2) Tiap-tiap perintah yang sedemikian hendaklah menyatakan tempoh dalam mana suatu permohonan boleh dibuat untuk mengetepikan pendaftaran dan hendaklah mengandungi suatu pemberitahuan bahawa pelaksanaan ke atas penghakiman itu tidak akan dikeluarkan sehingga selepas tamatnya tempoh itu.

(3) Mahkamah boleh, atas suatu permohonan yang dibuat pada bila-bila masa selama masih kompeten bagi mana-mana pihak untuk memohon mendapatkan pendaftaran itu diketepikan, melanjutkan tempoh (sama ada sebagaimana yang ditetapkan pada asalnya atau sebagaimana yang dilanjutkan kemudiannya) dalam mana suatu permohonan untuk mengetepikan pendaftaran itu boleh dibuat.

Daftar penghakiman (A. 67, k. 6)

6. (1) Maka hendaklah disimpan di Pejabat Pendaftaran suatu daftar penghakiman yang diperintahkan didaftarkan di bawah Akta.

(2) Maka hendaklah dimasukkan ke dalam daftar itu butir-butir mengenai apa-apa pelaksanaan yang dikeluarkan ke atas suatu penghakiman yang diperintahkan supaya didaftarkan sedemikian.

Notis pendaftaran (A. 67, k. 7)

7. (1) Suatu notis pendaftaran penghakiman hendaklah disampaikan kepada penghutang penghakiman dan, tertakluk kepada perenggan (2), hendaklah disampaikan secara kediri, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(2) Penyampaian suatu notis yang sedemikian di luar bidang kuasa boleh dibenarkan tanpa kebenaran, dan Aturan 11, kaedah 5, 6 dan 8 hendaklah terpakai berhubung dengan suatu notis yang sedemikian sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu notis permohonan.

(3) Notis pendaftaran itu hendaklah menyatakan—

- (a) butir-butir penuh penghakiman yang didaftarkan dan perintah bagi pendaftaran;
- (b) nama dan alamat pemiutang penghakiman atau peguamnya yang kepadanya, dan yang padanya, apa-apa saman yang dikeluarkan oleh penghutang penghakiman boleh disampaikan;
- (c) hak penghutang penghakiman untuk memohon bagi mengetepikan pendaftaran; dan
- (d) tempoh dalam mana suatu permohonan untuk mengetepikan pendaftaran boleh dibuat.

Pengendorsan penyampaian (A. 67, k. 8)

8. (1) Dalam tiga hari selepas penyampaian notis pendaftaran atau dalam tempoh yang lebih lama sebagaimana yang Mahkamah boleh, dalam hal keadaan khas, membenarkan, notis atau sesalinannya hendaklah diendorskan oleh orang yang menyampaikannya dengan hari dalam minggu itu dan tarikh ia disampaikan, dan sekiranya notis itu tidak diendorskan sedemikian dalam tempoh yang disebut terdahulu pemiutang penghakiman tidak boleh mengeluarkan pelaksanaan ke atas penghakiman yang kepadanya notis itu berkenaan tanpa kebenaran Mahkamah.

(2) Tiap-tiap affidavit penyampaian mana-mana notis yang sedemikian hendaklah menyatakan tarikh notis itu diendorskan di bawah kaedah ini.

Permohonan untuk mengetepikan pendaftaran (A. 67, k. 9)

9. (1) Suatu permohonan untuk mengetepikan pendaftaran suatu penghakiman hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit dan hendaklah difailkan, dan sesalinannya disampaikan kepada pemiutang penghakiman, dalam masa yang dibenarkan untuk permohonan sedemikian di bawah kaedah 5(2).

(2) Mahkamah yang mendengar permohonan sedemikian boleh memerintahkan apa-apa isu antara pemiutang penghakiman dan penghutang penghakiman supaya dibicarakan mengikut apa-apa cara yang suatu isu dalam suatu tindakan boleh diperintahkan untuk dibicarakan.

(3) Jika Mahkamah yang mendengar suatu permohonan untuk mengetepikan pendaftaran suatu penghakiman yang didaftarkan di bawah Akta berpuas hati bahawa penghakiman itu termasuk dalam mana-mana kes yang suatu penghakiman tidak boleh diperintahkan untuk didaftarkan di bawah subseksyen 3(2) Akta atau bahawa adalah tidak adil atau sesuai yang penghakiman itu sepatutnya dikuatkuasakan di Malaysia atau bahawa terdapat beberapa sebab lain yang cukup untuk mengetepikan pendaftaran itu, ia boleh memerintahkan pendaftaran penghakiman itu diketepikan atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pengeluaran pelaksanaan (A. 67, k. 10)

10. (1) Pelaksanaan tidak boleh dikeluarkan ke atas suatu penghakiman yang didaftarkan di bawah Akta sehingga selepas tamatnya tempoh yang, mengikut kaedah 5(3), dinyatakan dalam perintah untuk pendaftaran sebagai tempoh dalam mana suatu permohonan boleh dibuat untuk mengetepikan pendaftaran itu atau, sekiranya tempoh itu telah dilanjutkan oleh Mahkamah, sehingga selepas tamatnya tempoh yang dilanjutkan sedemikian.

(2) Sekiranya suatu permohonan dibuat untuk mengetepikan pendaftaran suatu penghakiman, pelaksanaan ke atas penghakiman itu tidak boleh dikeluarkan sehingga selepas permohonan itu ditentukan secara muktamad.

(3) Mana-mana pihak yang berhasrat untuk mengeluarkan pelaksanaan ke atas suatu penghakiman yang didaftarkan di bawah Akta hendaklah mengemukakan kepada Syerif suatu affidavit penyampaian notis pendaftaran penghakiman itu dan apa-apa perintah yang dibuat oleh Mahkamah berhubung dengan penghakiman itu.

Penentuan persoalan tertentu (A. 67, k. 11)

11. Sekiranya, dalam apa-apa hal di bawah Akta, berbangkit apa-apa persoalan sama ada suatu penghakiman negara asing boleh dikuatkuasakan melalui pelaksanaan dalam negara Mahkamah asal, atau apakah bunga yang kena dibayar di bawah suatu penghakiman negara asing di bawah undang-undang Mahkamah asal, persoalan itu hendaklah ditentukan mengikut peruntukan bagi pihaknya terkandung dalam Aturan yang memperluaskan Akta itu kepada negara itu.

Kaedah-kaedah hendaklah mempunyai kuat kuasa tertakluk kepada perintah Kerajaan (A. 67, k. 12)

12. Kaedah-kaedah yang terdahulu hendaklah, berhubung dengan apa-apa penghakiman yang didaftarkan atau yang diminta untuk didaftarkan di bawah Akta, mempunyai kuat kuasa tertakluk kepada mana-mana peruntukan sedemikian yang terkandung dalam perintah yang memperluaskan Akta itu kepada negara Mahkamah asal sebagaimana yang diisytiharkan melalui Perintah itu sebagai perlu untuk memberi kuat kuasa kepada perjanjian yang dibuat antara Kerajaan dengan negara itu berhubung dengan perkara yang mengenainya terdapat kuasa untuk membuat kaedah-kaedah itu.

Salinan diperakui bagi penghakiman Mahkamah Tinggi (A. 67. k. 13)

13. (1) Suatu permohonan di bawah seksyen 10 Akta untuk minta suatu salinan yang diperakui bagi suatu penghakiman yang dimasukkan dalam Mahkamah Tinggi hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui suatu notis permohonan kepada Pendaftar yang disokong oleh affidavit.

(2) Affidavit yang menyokong permohonan di bawah seksyen 10 Akta hendaklah memberikan butir-butir penghakiman, menunjukkan bahawa penghutang penghakiman bermastautin dalam wilayah yang kepadanya Akta itu diperluaskan dan menyatakan nama, perdagangan atau perniagaan dan tempat tinggal yang biasa atau terakhir diketahui masing-masingnya oleh pemiutang penghakiman dan penghutang penghakiman, setakat yang diketahui oleh deponen.

(3) Affidavit yang menyokong permohonan di bawah seksyen 10 Akta hendaklah—

- (a) memberikan butir-butir prosiding yang dalamnya penghakiman didapatkan;
- (b) melampirkan kepadanya suatu salinan saman atau saman pemula yang melaluinya prosiding itu dimulakan, keterangan mengenai penyampaiannya kepada, atau kehadiran oleh, defendan, salinan-salinan pliding, sekiranya ada, dan suatu pernyataan mengenai alasan yang berdasarkannya penghakiman itu diasaskan;
- (c) menyatakan sama ada defendan membantah atau tidak membantah tentang bidang kuasa, dan, sekiranya demikian, atas alasan apa;
- (d) menunjukkan bahawa penghakiman itu tidak tertakluk kepada apa-apa penggantungan pelaksanaan;
- (e) menyatakan bahawa masa untuk merayu telah tamat atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, tarikh yang padanya ia akan tamat dan dalam mana-mana hal sama ada notis rayuan terhadap penghakiman itu dimasukkan; dan
- (f) menyatakan kadar bunga yang ditanggung oleh penghakiman itu.

(4) Salinan penghakiman yang diperakui hendaklah menjadi suatu salinan pejabat yang dimeterai dengan meterai Mahkamah Tinggi dan diendorskan dengan suatu perakuan dalam Borang 144 yang ditandatangani oleh Pendaftar yang memperakukan bahawa salinan itu adalah suatu salinan benar suatu penghakiman yang diperoleh dalam Mahkamah Tinggi di Malaysia dan bahawa ia dikeluarkan mengikut seksyen 4 atau 10 Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Jika permohonan itu dibuat di bawah seksyen 10 Akta, maka hendaklah juga dikeluarkan suatu perakuan dalam Borang 145 (yang ditandatangani oleh Pendaftar dan dimeterai dengan meterai Mahkamah Tinggi) dilampirkan kepadanya suatu salinan saman pemula yang melaluinya prosiding itu dimulakan, dan menyatakan—

- (a) cara yang dengannya saman pemula disampaikan kepada defendan atau defendan yang hadir baginya;
- (b) apakah bantahan, sekiranya ada, yang dibuat kepada bidang kuasa;
- (c) apakah pliding, sekiranya ada, yang disampaikan;
- (d) alasan yang berdasarkannya penghakiman itu diasaskan;
- (e) bahawa masa untuk merayu telah tamat atau tarikh yang padanya ia akan tamat, atau mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (f) sama ada suatu notis rayuan terhadap penghakiman itu telah dimasukkan; dan
- (g) apa-apa butir-butir lain sebagaimana yang perlu untuk diberikan kepada Mahkamah di negara asing yang dalamnya diminta untuk mendapatkan pelaksanaan penghakiman,

dan suatu perakuan (yang ditandatangani dan dimeterai sebagaimana yang disebut terdahulu) yang menyatakan kadar bunga yang ditanggung oleh penghakiman itu.

ATURAN 68

(Tiada Aturan 68)

ATURAN 69

PROSIDING TIMBANG TARA

Tafsiran (A. 69, k. 1)

1. (1) Dalam Aturan ini—

(a) "Akta 1952" ertinya Akta Timbang Tara 1952 [*Akta 93*]; dan

(b) "Akta 2005" ertinya Akta Timbang Tara 2005 [*Akta 646*].

(2) Aturan ini terpakai kepada prosiding dalam Mahkamah Tinggi.

Tuntutan di bawah Akta 2005 (A. 69, k. 2)

2. (1) Dalam Aturan ini, "tuntutan timbang tara" ertinya apa-apa permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta 2005, termasuk tuntutan untuk—

(a) melantik seorang penimbang tara di bawah subseksyen 13(7) Akta 2005;

(b) membuat keputusan mengenai penimbang tara yang dicabar di bawah subseksyen 15(3) Akta 2005;

(c) memutuskan mengenai penamatan mandat penimbang tara di bawah subseksyen 16(2) Akta 2005;

- (d)* rayuan terhadap keputusan tribunal timbang tara mengenai bidang kuasa di bawah subseksyen 18(8) Akta 2005;
- (e)* menguatkuasakan perintah interlokutori atau arahan suatu tribunal timbang tara yang dibuat di bawah seksyen 19 Akta 2005;
- (f)* mendapatkan perintah interlokutori atau arahan di bawah seksyen 11 Akta 2005;
- (g)* menentukan di bawah seksyen 41 Akta 2005, apa-apa persoalan undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan prosiding timbang tara;
- (h)* menentukan di bawah seksyen 42 Akta 2005, apa-apa persoalan undang-undang yang berbangkit daripada suatu award;
- (i)* mengetepikan award di bawah seksyen 37 Akta 2005;
- (j)* mengarahkan apa-apa perkara berkaitan dengan prosiding kebangkrapan di bawah seksyen 49 Akta 2005;
- (k)* menguatkuasakan suatu award di bawah seksyen 38 Akta 2005;
- (l)* melanjutkan masa dibawah seksyen 45 atau 46 Akta 2005; dan
- (m)* meminta suatu perintah di bawah subseksyen 44(4) Akta 2005 yang tribunal timbang tara menahan awardnya kerana tidak membayar fi dan perbelanjaan.

(2) Suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(*b*) atau (*d*) hendaklah dibuat dalam tiga puluh hari dari penerimaan suatu notis oleh pemohon keputusan atau keputusan tribunal timbang tara.

(3) Suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(b), (c), (g), (h), (i) atau (m) hendaklah disampaikan kepada setiap penimbang tara.

Tuntutan di bawah Akta 1952 (A. 69, k. 3)

3. (1) Dalam Aturan ini, "tuntutan timbang tara" ertinya apa-apa permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta 1952, termasuk suatu tuntutan untuk—

- (a) melantik seorang penimbang tara di bawah seksyen 12 Akta 1952;
- (b) membatalkan kuasa seorang penimbang tara, atau untuk memerintahkan supaya suatu perjanjian timbang tara hendaklah terhenti berkuat kuasa, di bawah seksyen 25 Akta 1952;
- (c) mengeluarkan seorang penimbang tara di bawah subseksyen 24(1) Akta 1952;
- (d) meremitkan suatu award di bawah seksyen 23 Akta 1952;
- (e) mengetepikan suatu award di bawah subseksyen 24(2) Akta 1952;
- (f) memutuskan apa-apa persoalan undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan rujukan atau award dalam bentuk suatu kes khas yang dinyatakan, atau untuk mengarahkan seorang penimbang tara untuk menyatakan suatu kes, di bawah seksyen 22 Akta 1952;
- (g) menguatkuasakan suatu award di bawah seksyen 27 Akta 1952; dan
- (h) untuk melanjutkan masa di bawah seksyen 28 Akta 1952.

(2) Suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(d) atau (e) hendaklah dibuat dalam empat puluh dua hari selepas award itu dibuat dan disiarkan.

(3) Suatu permohonan di bawah subperenggan (1)(b), (c), (d), (e) atau (f) hendaklah disampaikan kepada setiap penimbang tara.

Memulakan tuntutan (A. 69, k. 4)

4. (1) Suatu tuntutan timbang tara di bawah kaedah 2 atau kaedah 3 boleh dibuat menggunakan prosedur saman pemula, dan Borang 5 hendaklah difailkan di Mahkamah Tinggi. Suatu saman pemula tuntutan timbang tara hendaklah—

- (a) termasuk suatu kenyataan yang tepat bagi—
 - (i) remedi yang dituntut; dan
 - (ii) apa-apa persoalan yang ke atasnya pemohon menuntut keputusan Mahkamah;
- (b) menyatakan alasan yang menyokong saman pemula itu;
- (c) menunjukkan bahawa mana-mana keperluan undang-undang telah dipenuhi;
- (d) menyatakan seksyen Akta 1952 atau Akta 2005 yang di bawahnya tuntutan itu dibuat;
- (e) menyatakan responden yang kepadanya saman pemula tuntutan timbang tara yang hendak disampaikan, menyatakan peranan mereka dalam timbang tara; dan
- (f) mengenal pasti responden yang mana yang terhadapnya, sekiranya ada, suatu perintah kos diminta.

(2) Pemohon hendaklah memfailkan dengan afidavit, keterangan bertulis yang di atasnya dia bercadang untuk bergantung apabila dia memfailkan saman pemulanya, termasuklah sesalinan perjanjian timbang tara dan award, jika berkaitan.

(3) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, suatu saman pemula tuntutan timbang tara dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada responden yang dinyatakan dalam subperenggan (1)(e), dalam tiga puluh hari dari tarikh dikeluarkan.

(4) Jika berkaitan, kaedah 5 hingga 8 hendaklah juga terpakai.

Permohonan untuk mengetepikan suatu award (A. 69, k. 5)

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), suatu permohonan kepada Mahkamah untuk mengetepikan suatu award di bawah seksyen 37 Akta 2005 bolehlah dibuat—

(a) pada bila-bila masa dalam sembilan puluh hari dari tarikh yang padanya pemohon menerima award itu; atau

(b) sekiranya suatu permintaan dibuat kepada tribunal timbang tara untuk suatu pembedahan atau tafsiran award atau untuk suatu award tambahan di bawah seksyen 35 Akta, pada bila-bila masa dalam sembilan puluh hari selepas permintaan itu diselesaikan oleh tribunal timbang tara.

(2) Suatu permohonan kepada Mahkamah untuk mengetepikan suatu award atas alasan bahawa award itu didorong atau terjejas oleh fraud atau rasuah boleh dibuat dalam sembilan puluh hari selepas penipuan atau rasuah yang dikatakan itu diketahui oleh pihak yang membuat permohonan.

(3) Dalam tiap-tiap permohonan untuk mengetepikan suatu award, saman pemula hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam kaedah 4(1)—

(a) memberikan butir-butir award yang dicabar;

(b) mengenal pasti bahagian atau bahagian-bahagian award yang dicabar; dan

(c) menyatakan alasan bagi cabaran itu.

(4) Pemohon hendaklah memfailkan dengan affidavit, keterangan bertulis yang dia bercadang hendak bergantung apabila dia memfailkan writnya, termasuk suatu salinan perjanjian timbang tara dan award itu.

(5) Writ dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada setiap penimbang tara dan responden.

Permohonan untuk merujuk persoalan undang-undang yang berbangkit daripada suatu award (A. 69, k. 6)

6. (1) Suatu rujukan apa-apa persoalan undang-undang kepada Mahkamah di bawah seksyen 42 Akta 2005 boleh dibuat pada bila-bila masa dalam empat puluh dua hari dari penyiaran dan penerimaan award itu.

(2) Dalam tiap-tiap permohonan untuk rujukan suatu persoalan undang-undang di bawah seksyen 42 Akta 2005 saman pemula hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam kaedah 4(1)—

(a) mengenal pasti persoalan undang-undang yang berbangkit daripada award yang diminta untuk ditentukan;

(b) menyatakan alasan yang ke atasnya rujukan diminta; dan

(c) memberikan butir-butir setiap alasan yang di atasnya ditegaskan bahawa tribunal timbang tara terkhilaf dari segi undang-undang, dengan merujuk kepada perenggan atau petikan award yang setiap kesilapan yang dikatakan boleh didapati.

(3) Pemohon hendaklah memfailkan melalui affidavit, keterangan bertulis yang dia bercadang untuk bergantung apabila dia memfailkan saman pemulanya, termasuk sesalinan perjanjian timbang tara dan award itu.

(4) Saman pemula dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada setiap penimbang tara dan responden.

Persoalan permulaan undang-undang (A. 69, k. 7)

7. (1) Suatu permohonan di bawah seksyen 41 Akta 2005 untuk menentukan apa-apa persoalan undang-undang yang berbangkit dalam perjalanan prosiding timbang tara hendaklah, sebagai tambahan kepada perkara yang dinyatakan dalam kaedah 4(1)—

(a) dibuat sama ada dengan—

(i) perjanjian secara bertulis semua pihak kepada prosiding timbang tara; atau

(ii) kebenaran secara bertulis tribunal timbang tara; dan

(b) mengenal pasti persoalan undang-undang yang akan ditentukan.

(2) Pemohon hendaklah memfailkan dengan affidavit, keterangan bertulis yang dia bercadang untuk bergantung apabila dia memfailkan saman pemula, termasuk suatu salinan perjanjian timbang tara dan perjanjian bertulis atau kebenaran di bawah subperenggan (1)(a).

(3) Saman pemula dan affidavit itu hendaklah disampaikan kepada setiap penimbang tara dan responden.

Penguatkuasaan award (A. 69, k. 8)

8. (1) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran untuk menguatkuasakan suatu award dengan cara yang sama sebagaimana suatu

penghakiman atau perintah boleh dibuat tanpa notis dalam suatu tuntutan timbang tara saman pemula.

(2) Saman pemula tuntutan timbang tara hendaklah—

(a) menyatakan, masing-masing nama dan tempat tinggal yang biasa atau yang terakhir diketahui atau tempat perniagaan pemohon, dan responden yang terhadapnya ia diminta untuk menguatkuasakan award itu; dan

(b) menyatakan sama ada award itu tidak dipatuhi atau setakat yang ia tidak dipatuhi pada tarikh permohonan itu.

(3) Pemohon hendaklah memfailkan dengan affidavit, keterangan bertulis yang dia bercadang untuk bergantung apabila dia memfailkan saman pemulanya, termasuk mengekshibitkan perjanjian timbang tara yang asal dan award asal yang disahkan dengan sewajarnya atau, dalam mana-mana kes, sesalinannya yang diperakui dengan sewajarnya dan jika award atau perjanjian dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, terjemahannya dalam bahasa Inggeris, yang diperakui sewajarnya sebagai suatu terjemahan yang betul oleh penterjemah bersumpah atau oleh seorang pegawai atau oleh seorang ejen diplomatik atau ejen konsular negara yang di negara itu award itu dibuat.

(4) Mahkamah boleh menentukan pihak-pihak kepada timbang tara itu yang kepadanya saman pemula tuntutan timbang tara hendaklah disampaikan.

(5) Dengan izin Mahkamah, saman pemula tuntutan timbang tara bolehlah disampaikan di luar bidang kuasa tanpa mengira di mana award itu, atau dianggap sebagai, dibuat.

(6) Suatu perintah yang memberikan kebenaran untuk menguatkuasakan award itu hendaklah—

- (a) disediakan oleh pemohon; dan
- (b) disampaikan kepada responden dengan—
 - (i) menyampaikan suatu salinan kepadanya secara kediri; atau
 - (ii) menghantar suatu salinan kepadanya di tempat kediamannya atau di tempat perniagaannya yang biasa atau yang terakhir diketahui.

(7) Dalam empat belas hari selepas penyampaian perintah itu yang memberikan kebenaran untuk menguatkuasakan award atau, sekiranya perintah itu hendak disampaikan di luar bidang kuasa, dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana Mahkamah boleh tetapkan—

- (a) responden boleh memohon untuk mengetepikan perintah itu; dan
- (b) award itu tidak boleh dikuatkuasakan sehingga—
 - (i) selepas tamat tempoh itu; atau
 - (ii) sekiranya responden memohon dalam tempoh itu untuk mengetepikan, sehingga selepas permohonan yang dibuat oleh responden akhirnya diselesaikan.

(8) Perintah yang memberikan kebenaran untuk penguatkuasaan hendaklah mengandungi suatu pernyataan hak untuk membuat suatu permohonan untuk mengetepikan perintah itu.

(9) Jika suatu pertubuhan perbadanan adalah suatu pihak, mana-mana rujukan dalam kaedah ini kepada suatu tempat kediaman atau perniagaan hendaklah mempunyai kesan seolah-olah rujukan itu adalah ke alamat utama atau alamat berdaftar pertubuhan perbadanan itu.

(10) Jika award yang diminta untuk dikuatkuasakan adalah dalam sifat suatu injunksi interim di bawah subseksyen 13(6) Akta 1952 atau subseksyen 19(1) Akta 2005, perintah itu hendaklah diberikan hanya sekiranya pemohon mengaku janji untuk mematuhi mana-mana perintah Mahkamah atau tribunal timbang tara boleh membuat berkenaan ganti rugi. Perintah itu hendaklah dikuatkuasakan dengan serta-merta, dan subperenggan (7)(b) tidaklah terpakai.

Pendaftaran dalam Mahkamah Tinggi bagi award negara asing (A. 69, k. 9)

9. Jika suatu award, di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di tempat undang-undang itu dibuat telah dikuatkuasakan dalam cara yang sama sebagaimana suatu penghakiman yang diberikan oleh Mahkamah di tempat itu, seorang pemohon boleh menguatkuasakan award dalam cara yang diperuntukkan di bawah kaedah 8.

Penggantungan prosiding undang-undang (A. 69, k. 10)

10. (1) Suatu permohonan meminta suatu penggantungan prosiding undang-undang di bawah seksyen 10 Akta 2005 hendaklah disampaikan kepada semua pihak kepada prosiding itu yang telah memberikan suatu alamat untuk penyampaian.

(2) Suatu salinan permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disampaikan kepada mana-mana pihak lain kepada prosiding undang-undang itu (sama ada atau tidak dia adalah dalam bidang kuasa) yang tidak memberikan alamat untuk penyampaian, pada—

(a) alamat terakhirnya yang diketahui; atau

(b) suatu tempat yang permohonan itu mungkin sampai ke pengetahuannya.

(3) Jika suatu persoalan berbangkit tentang sama ada—

(a) suatu perjanjian timbang tara telah dimuktamadkan; atau

- (b) pertikaian yang menjadi hal perkara prosiding itu termasuk dalam syarat-syarat perjanjian itu,

Mahkamah boleh memutuskan persoalan itu atau memberikan arahan untuk membolehkan ia diputuskan dan boleh memerintahkan supaya prosiding itu ditangguhkan sementara menunggu keputusannya.

Permohonan untuk melanjutkan masa (A. 69, k. 11)

11. (1) Suatu permohonan untuk melanjutkan masa di bawah seksyen 46 Akta 2005 untuk membuat suatu award boleh dibuat—

- (a) oleh tribunal timbang tara, dengan notis kepada pihak-pihak; atau
- (b) oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu, dengan notis kepada tribunal timbang tara dan pihak-pihak lain.

(2) Suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 45 atau 46 Akta 2005 hendaklah disampaikan kepada semua pihak lain kepada prosiding timbang tara, termasuk tribunal timbang tara dalam kes yang permohonan itu tidak dibuat oleh tribunal timbang tara.

(3) Aturan 3, kaedah 5 hendaklah terpakai kepada Aturan ini.

Penyampaian di luar bidang kuasa (O. 69, r. 12)

12. (1) Mahkamah boleh memberikan kebenaran untuk menyampaikan suatu saman pemula tuntutan timbang tara di luar bidang kuasa sekiranya—

- (a) pemohon meminta untuk mengetepikan suatu award atau rujukan mengenai suatu persoalan undang-undang yang berbangkit daripada suatu award timbang tara yang dibuat dalam bidang kuasa; atau

(b) pemohon meminta beberapa remedi lain atau memerlukan persoalan yang diputuskan oleh Mahkamah yang mempengaruhi suatu perjanjian timbang tara, atau suatu timbang tara, sama ada atau tidak timbang tara itu diadakan dalam bidang kuasa dan sama ada atau tidak timbang tara telah bermula, atau suatu award timbang tara, sama ada atau tidak dibuat dalam bidang kuasa.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan kebenaran di bawah perenggan (1) hendaklah disokong dengan keterangan bertulis—

(a) menyatakan alasan di mana permohonan itu dibuat; dan

(b) menunjukkan di tempat atau negara mana orang yang hendak disampaikan itu dapat dijumpai atau mungkin boleh dijumpai.

Notis (A. 69, r. 13)

13. Jika notis hendak diberi kepada seorang penimbang tara atau mana-mana orang lain ia boleh diberikan dengan menghantar kepadanya sesalinan—

(a) saman pemula tuntutan timbang tara; dan

(b) apa-apa affidavit keterangan bertulis yang menyokong.

Sapina (A. 69, k. 14)

14. Aturan 38, kaedah 13 hingga 23 hendaklah terpakai berhubung dengan isu sapina dan pengambilan keterangan bagi prosiding timbang tara di bawah seksyen 13 Akta 1952 atau seksyen 29 Akta 2005 sebagaimana ia terpakai berhubung dengan prosiding di Mahkamah.

ATURAN 70
PROSIDING ADMIRALTI

Pemakaian dan tafsiran (A. 70, k. 1)

1. (1) Aturan ini terpakai bagi kausa dan perkara Admiralti, dan peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi kausa dan perkara itu yang tertakluk kepada peruntukan Aturan ini.

(2) Dalam Aturan ini—

"Akaun Syeriff" ertinya akaun yang disenggarakan menurut Aturan 90, kaedah 18, dan termasuklah akaun bank yang dikekalkan dalam nama Syerif;

"buku kaveat" ertinya buku yang disimpan di Pejabat Pendaftaran di mana kaveat dikeluarkan di bawah Aturan ini dan dimasukkan;

"kapal" termasuklah apa-apa perihalan vesel yang digunakan dalam pelayaran;

"kaveat terhadap pelepasan dan pembayaran" ertinya suatu kaveat yang dimasukkan dalam buku kaveat di bawah kaedah 13;

"kaveat terhadap penahanan" ertinya suatu kaveat yang dimasukkan dalam buku kaveat di bawah kaedah 5;

"tindakan *in rem*" ertinya tindakan Admiralti *in rem*;

"tindakan pengehadan" ertinya tindakan oleh pemunya kapal atau orang lain di bawah mana-mana undang-undang bertulis untuk mengehadkan amaun liabiliti mereka berkaitan dengan kapal atau harta lain.

(3) Dalam Aturan ini, apa-apa sebutan kepada pembayaran ke dalam Mahkamah mengenai hasil penjualan apa-apa harta yang dijual oleh Syerif ertinya pembayaran hasil sedemikian ke dalam akaun Syerif.

Pengeluaran writ dan kemasukan kehadiran (A. 70, k. 2)

2. (1) Suatu tindakan *in rem* hendaklah dimulakan melalui writ dan writ itu hendaklah dibuat dalam Borang 146.

(1A) Writ yang dengannya suatu tindakan Admiralti *in personam* dimulakan mestilah dalam Borang 2 dan perkataan “tindakan Admiralti *in personam*” mestilah dimasukkan di atas ruang bagi nombor writ itu.

(1B) Suatu pihak yang berniat untuk memulakan prosiding *in rem* dan *in personam* mestilah mengeluarkan writ yang berasingan.

(2) Aturan 12 hendaklah terpakai berhubung dengan tindakan sedemikian.

(3) Plaintiff dalam suatu tindakan *in rem* boleh dinamakan atau boleh diperihalkan, tetapi sekiranya tidak dinamakan dalam writ dia hendaklah mengenal pasti dirinya dengan nama sekiranya diminta berbuat demikian oleh mana-mana pihak lain.

(4) Jika defendan diperihalkan dan tidak dinamakan pada writ itu, apa-apa memorandum kehadiran sebagai tambahan kepada menyatakan perihalan itu hendaklah juga menyatakan nama penuh orang yang memasukkan kehadiran dan jenis pemilikan mereka.

(5) Seorang defendan yang memfailkan memorandum kehadiran tindakan *in rem* tidak kehilangan apa-apa hak yang mungkin ada untuk mempertikaikan bidang kuasa Mahkamah.

Prosiding terhadap, atau berkenaan dengan, Kumpulan Wang Pampasan Pencemaran Minyak Antarabangsa (A. 70, k. 2A)

2A. (1) Bagi maksud subseksyen 23(3) Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994, mana-mana pihak kepada prosiding yang dibawa terhadap pemilik atau penjamin berkenaan dengan liabiliti di bawah seksyen 3 Akta itu boleh memberikan notis kepada Kumpulan Wang itu tentang prosiding sedemikian dengan menyampaikan

suatu notis bertulis kepada Kumpulan Wang itu bersama dengan suatu salinan writ dan salinan pliding (sekiranya ada) yang disampaikan dalam tindakan itu.

(2) Mahkamah hendaklah, atas permohonan yang dibuat secara *ex parte* oleh Kumpulan Wang, memberikan kebenaran kepada Kumpulan Wang untuk mencelah dalam mana-mana prosiding yang perenggan terdahulu terpakai, sama ada atau tidak prosiding itu telah disampaikan kepada Kumpulan Wang itu, dan perenggan (3) dan (4) kaedah 16 hendaklah terpakai kepada permohonan sedemikian.

(3) Jika penghakiman diberikan terhadap Kumpulan Wang dalam mana-mana prosiding di bawah seksyen 19 Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994, Pendaftar hendaklah menyebabkan suatu salinan penghakiman yang dicapkan dihantar melalui pos kepada Kumpulan Wang.

(4) Kumpulan Wang hendaklah memaklumkan Pendaftar berkenaan perkara yang dinyatakan dalam perenggan 19(8)(b) Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dengan suatu notis bertulis, dihantar melalui pos kepada, atau disampaikan di, Pejabat Pendaftaran.

(5) Dalam kaedah ini “Kumpulan Wang” mempunyai makna yang sama sebagaimana seksyen 15 Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

Penyampaian notis writ di luar bidang kuasa (A. 70, k. 3)

3. (1) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, suatu notis writ di luar bidang kuasa yang mengandungi apa-apa tuntutan sebagaimana yang disebut dalam Aturan 11, kaedah 1(1)(a), (b) dan (c), tiap-tiap had masa tindakan dan tiap-tiap tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan di bawah Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 boleh dibenarkan dengan kebenaran Mahkamah sekiranya—

(a) defendan mempunyai kediaman lazimnya atau suatu tempat perniagaan di Malaysia;

- (b) kausa tindakan itu berbangkit di dalam perairan wilayah Malaysia,
- (c) suatu tindakan yang berbangkit daripada kejadian atau siri kejadian yang sama sedang berjalan di Mahkamah Tinggi atau didengar dan ditentukan di Mahkamah Tinggi; atau
- (d) defendan telah mengemukakan atau bersetuju untuk mengemukakan kepada bidang kuasa Mahkamah Tinggi.

(2) Aturan 11, kaedah 4 hingga 6 hendaklah terpakai kepada penyampaian di luar bidang kuasa kaedah ini.

(3) Perenggan (1) tidaklah terpakai bagi suatu tindakan *in rem*.

Waran penahanan (A. 70, k. 4)

4. (1) Dalam suatu tindakan *in rem* oleh plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh selepas pengeluaran writ dalam tindakan dan tertakluk kepada peruntukan kaedah ini, mengeluarkan suatu waran dalam Borang 147 bagi penahanan harta yang terhadapnya tindakan atau apa-apa tuntutan balas dalam tindakan itu dibawa.

(2) Sebelum suatu waran untuk menahan apa-apa harta dikeluarkan, pihak yang berniat untuk mengeluarkannya hendaklah menyebabkan carian dibuat dalam buku kaveat bagi maksud menentukan sama ada terdapat kaveat terhadap penahanan yang berkuat kuasa mengenai harta itu.

(3) Waran penahanan tidak boleh dikeluarkan sehingga pihak yang berniat untuk mengeluarkan waran itu telah memfailkan *praecipe* dalam Borang 148 yang meminta dikeluarkan waran itu bersama dengan suatu affidavit yang dibuat olehnya atau ejennya yang mengandungi butir-butir yang dikehendaki oleh perenggan (6), (7) dan (8); walau pun, Mahkamah boleh, sekiranya difikirkannya patut, memberi kebenaran untuk mengeluarkan waran walaupun affidavit itu tidak mengandungi semua butir-butir itu.

(4) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, suatu waran penahanan tidak boleh dikeluarkan dalam tindakan *in rem* terhadap kapal asing kepunyaan pelabuhan suatu Negeri yang mempunyai pejabat konsul di Malaysia, yang merupakan suatu tindakan bagi pemilikan kapal itu atau bagi mendapatkan gaji, sehingga notis yang menyatakan tindakan itu dimulakan telah dihantar kepada konsul itu.

(5) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, suatu waran penahanan tidak boleh dikeluarkan dalam tindakan *in rem* yang dalamnya terdapat suatu tuntutan yang berbangkit daripada botomri sehingga bon botomri dan, sekiranya bon itu dalam bahasa asing, suatu terjemahan notarial bon botomri itu dikemukakan kepada Pendaftar.

(6) Tiap-tiap affidavit hendaklah menyatakan—

- (a) nama, alamat dan pekerjaan pemohon waran;
- (b) jenis tuntutan atau tuntutan balas yang berkenaan dengannya waran dikehendaki dan bahawa ia belum dijelaskan;
- (c) jenis harta yang hendak ditahan dan, sekiranya harta itu ialah suatu kapal, nama kapal itu dan ia kepunyaan pelabuhan mana; dan
- (d) amaun jaminan yang diminta, sekiranya ada.

(7) Tiap-tiap affidavit dalam suatu tindakan *in rem* yang dibawa terhadap suatu kapal hendaklah menyatakan—

- (a) sama ada kapal yang terhadapnya tindakan itu dibawa adalah kapal yang berkaitan dengannya tuntutan dalam tindakan itu berbangkit;

(b) bahawa dalam kepercayaan deponen orang yang akan bertanggung atas tuntutan dalam suatu tindakan *in personam* itu adalah, semasa kausa tindakan itu berbangkit, pemunya atau pencarter, atau mempunyai dalam pemilikan atau pengawalannya, kapal yang berkaitan dengannya tuntutan itu berbangkit dan adalah juga, pada masa pengeluaran writ, sama ada pemunya benefisial semua syer kapal yang terhadapnya tindakan itu dibawa atau carter kapal di bawah suatu carter demis; dan

(c) alasan-alasan bagi kepercayaan deponen.

(7A) Dalam hal suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah seksyen 3 Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994, tiap-tiap affidavit dalam suatu tindakan *in rem* terhadap suatu kapal hendaklah menyatakan fakta yang disandarkan sebagai membuktikan bahawa Mahkamah tidak dihalang daripada melayani tindakan atas sebab subseksyen 23(2) Akta itu.

(8) Tiap-tiap affidavit dalam suatu tindakan *in rem* bagi pemilikan kapal atau bagi mendapatkan gaji hendaklah menyatakan kerakyatan kapal yang terhadapnya tindakan itu dibawa dan bahawa notis, sekiranya ada, yang dikehendaki oleh perenggan (4) telah dihantar. Suatu salinan apa-apa notis sedemikian hendaklah dilampirkan kepada affidavit itu.

(9) Suatu affidavit dalam tindakan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (5) hendaklah dilampirkan kepadanya suatu salinan diperakui akan bon botomri, atau terjemahannya.

(10) Pengeluaran waran tangkap berlaku apabila dimeteraikan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran.

(11) Suatu waran tangkap tidak boleh dikeluarkan sebagai berhak dalam hal harta pemunyaan benefisial telah, sejak pengeluaran writ itu, ditukar sebagai hasil

daripada jualan atau pelupusan oleh mana-mana Mahkamah yang menjalankan bidang kuasa Admiralti itu.

Kaveat terhadap penahanan (A. 70, k. 5)

5. (1) Seorang yang berhasrat menghalang penahanan apa-apa harta hendaklah memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu *praecipe*, dalam Borang 149, yang ditandatangani olehnya atau oleh peguamnya yang mengaku janji—

(a) untuk memasukkan kehadiran dalam apa-apa tindakan yang boleh dimulakan terhadap harta yang diperihalkan dalam *praecipe* itu; dan

(b) dalam tiga hari selepas menerima notis bahawa tindakan yang sedemikian dimulakan, memberikan jaminan dalam tindakan itu dengan sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam *praecipe* itu atau membayar amaun yang dinyatakan sedemikian ke dalam Mahkamah,

dan atas pemfailan *praecipe* itu suatu kaveat terhadap pengeluaran waran untuk menahan harta yang diperihalkan dalam *praecipe* itu hendaklah dimasukkan dalam buku kaveat.

(2) Fakta bahawa terdapat suatu kaveat terhadap penahanan yang berkuat kuasa tidaklah menghalang pengeluaran waran untuk menahan harta yang kaveat itu berkait.

Remedi jika harta yang dilindungi oleh kaveat ditahan tanpa sebab yang baik dan mencukupi (A. 70, k. 6)

6. Jika apa-apa harta yang mengenainya suatu kaveat terhadap penahanan berkuat kuasa ditahan menurut suatu waran penahanan, pihak yang atas permintaannya kaveat itu dimasukkan boleh memohon kepada Mahkamah melalui notis permohonan minta suatu perintah di bawah kaedah ini dan, semasa pendengaran permohonan itu, Mahkamah, melainkan jika ia berpuas hati bahawa pihak yang mendapatkan penahanan

harta itu mempunyai sebab yang baik dan mencukupi untuk berbuat demikian, boleh melalui perintah membatalkan waran itu dan juga boleh memerintahkan pihak yang akhir sekali disebutkan untuk membayar kepada pemohon ganti rugi berkenaan dengan kerugian yang ditanggung oleh pemohon akibat daripada penahanan itu.

Penyampaian writ dalam tindakan *in rem* (A. 70, k. 7)

7. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), suatu writ yang melaluinya suatu tindakan *in rem* dimulakan hendaklah disampaikan kepada harta yang terhadapnya tindakan itu dibawa kecuali—

- (a) jika harta itu adalah tambang kapal, dalam hal itu ia hendaklah disampaikan kepada kargo yang berkenaan dengannya tambang kapal itu adalah kena dibayar atau kepada kapal yang membawa kargo itu; atau
- (b) jika harta itu dijual dan hasil jualan itu dibayar ke dalam Mahkamah, dalam hal itu ia hendaklah disampaikan kepada Pendaftar.

(2) Suatu writ tidak perlu disampaikan kepada harta atau Pendaftar yang dinyatakan dalam perenggan (1) sekiranya writ itu disifatkan sebagai telah disampaikan dengan sewajarnya kepada defendan menurut kuasa Aturan 10, kaedah 1(2) atau (3).

(3) Jika menurut kuasa kaedah ini suatu writ dikehendaki disampaikan kepada apa-apa harta, plaintif hendaklah meninggalkan writ itu dan suatu salinannya di Pejabat Pendaftaran dan memfailkan dalamnya *praecipe* dalam Borang 150 dan jika dia melakukan sedemikian Syerif atau pegawainya hendaklah menyampaikan writ itu kepada harta yang diperihalkan dalam *praecipe* itu. Perbelanjaan yang dilakukan oleh Syerif atau pegawainya dalam melaksanakan penyampaian hendaklah dibayar kepada Syerif apabila diminta olehnya.

(4) Jika plaintif dalam tindakan *in rem*, atau peguamnya, menyedari bahawa terdapat kaveat yang berkuat kuasa terhadap penahanan mengenai harta yang terhadapnya tindakan itu dibawa, dia hendaklah menyampaikan writ itu dengan serta-merta kepada orang yang atas permintaannya kaveat itu dimasukkan.

(5) Jika suatu writ yang melaluinya suatu tindakan *in rem* dimulakan adalah dipinda di bawah Aturan 20, kaedah 1, selepas penyampaiannya, Aturan 20, kaedah 1 (2) tidaklah terpakai dan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya di atas suatu permohonan yang dibuat secara *ex parte*, writ terpinda itu hendaklah disampaikan kepada mana-mana pencilah dan mana-mana defendan yang memasukkan kehadiran dalam tindakan itu atau, sekiranya tiada defendan yang memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, kepada harta atau Pendaftar yang disebut dalam perenggan (1).

(6) Jika suatu writ disampaikan ke atas mana-mana harta oleh Syerif atau pegawai, orang yang melaksanakan perkhidmatan hendaklah mengendorskan ke atas writ itu butir-butir yang berikut, iaitu, di mana ia berkhidmat, harta yang disampaikan, hari dalam minggu dan tarikh yang disampaikan, cara di mana ia disampaikan dan nama dan alamat perkhidmatan orang yang melaksanakan, dan pengesahan hendaklah menjadi keterangan mengenai fakta-fakta yang dinyatakan dalamnya.

Pengkomitan peguam yang gagal mematuhi aku janji (A. 70, k. 8)

8. Jika peguam suatu pihak dalam tindakan *in rem* gagal mematuhi suatu aku janji bertulis yang dibuat olehnya kepada mana-mana pihak lain atau peguamnya untuk memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, memberikan jaminan atau membayar wang ke dalam Mahkamah sebagai ganti jaminan, dia bolehlah dikomitkan.

Pelaksanaan waran penahanan (A. 70, k. 9)

9. (1) Waran penahanan adalah sah selama dua belas bulan bermula daripada tarikh pengeluarannya.

(2) Waran penahanan boleh dilaksanakan hanya oleh Syerif atau pegawainya.

(3) Waran penahanan tidak boleh dilaksanakan sehingga surat aku janji untuk membayar apabila diminta, fi Syerif dan segala perbelanjaan yang dilakukan olehnya atau bagi pihaknya berkenaan dengan penahanan harta itu dan pemeliharaan dan penjagaan ke atasnya semasa berada di bawah tahanan diserahkan di pejabat Syerif.

(4) Waran penahanan tidak boleh dilaksanakan sekiranya pihak yang atas permintaannya ia dikeluarkan membuat permintaan bertulis yang bermaksud sedemikian kepada Syerif.

(5) Waran penahanan yang dikeluarkan terhadap tambang kapal boleh dilaksanakan dengan menyampaikan waran itu kepada kargo yang berkenaan dengannya tambang kapal itu adalah kena dibayar atau kepada kapal yang membawa kargo itu atau kepada kedua-duanya.

(6) Tertakluk kepada perenggan (5), suatu waran penahanan hendaklah disampaikan kepada harta yang terhadapnya ia dikeluarkan.

(7) *(Tiada perenggan 7)*

(8) Dalam tujuh hari selepas penyampaian waran penahanan, waran itu hendaklah difailkan oleh Syerif.

(9) Jika suatu writ dalam suatu tindakan *in rem* dikeluarkan dan jaminan diminta, mana-mana orang yang memfailkan memorandum kehadiran boleh memohon untuk mendapatkan suatu perintah yang menyatakan jumlah dan bentuk jaminan yang akan disediakan.

(10) Perenggan 11 dan 12 terpakai sekiranya, dalam suatu tindakan *in rem*, jaminan diberikan kepada—

(a) mendapatkan pelepasan harta ditahan; atau

(b) menghalang penahanan harta.

(11) Mahkamah boleh memerintahkan bahawa—

(a) amaun jaminan dikurangkan dan boleh menggantung tuntutan itu sehingga perintah itu dipatuhi; atau

(b) plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh menahan atau menahan semula harta yang tindakan terhadapnya untuk mendapatkan jaminan lanjut.

(12) Mahkamah tidak boleh membuat suatu perintah di bawah subperenggan (11)(b) sekiranya jumlah jaminan yang akan disediakan akan melebihi nilai harta itu pada masa—

(a) penahanan asal; atau

(b) jaminan pertama yang diberikan (sekiranya harta itu tidak ditahan).

Penyampaian kepada kapal: Bagaimana dilaksanakan (A. 70, k. 10)

10. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), penyampaian waran penahanan atau writ dalam tindakan *in rem* terhadap kapal, tambang kapal atau kargo hendaklah dilaksanakan dengan—

(a) melekatkan waran atau writ itu untuk suatu jangka masa yang singkat pada mana-mana tiang layar kapal atau di sebelah luar mana-mana bahagian yang sesuai pada rangka binaan kapal; dan

(b) apabila mengalihkan waran atau writ itu, meninggalkan suatu salinannya yang dilekatkan (dalam hal waran) di tempatnya atau (dalam hal writ) pada bahagian yang terlindung, mudah dilihat di kapal itu.

(2) Penyampaian waran penahanan atau writ dalam tindakan *in rem* terhadap tambang kapal atau kargo atau kedua-duanya hendaklah, sekiranya kargo itu telah mendarat atau dipindahkan, dilaksanakan—

(a) dengan meletakkan waran atau writ itu untuk suatu masa yang singkat pada kargo dan, apabila mengalihkan waran atau writ itu, meninggalkan suatu salinannya pada kargo; atau

(b) sekiranya kargo itu adalah dalam jagaan seorang yang tidak akan membenarkan akses kepadanya, dengan meninggalkan suatu salinan waran atau writ itu dengan orang itu.

(3) Suatu writ dalam suatu tindakan *in rem* atau waran tahanan boleh disampaikan pada mana-mana hari.

Permohonan berkenaan dengan harta yang ditahan (A. 70, k. 11)

11. (1) Syerif boleh pada bila-bila masa memohon kepada Mahkamah minta arahan berkenaan dengan harta yang ditahan dalam suatu tindakan dan boleh, atau, sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian, hendaklah memberikan notis permohonan itu kepada semua pihak kepada tiap-tiap tindakan terhadap harta itu dan semua orang yang telah memasukkan suatu kaveat yang masih berkuat kuasa.

(2) Syerif hendaklah menghantar suatu salinan apa-apa perintah yang dibuat di bawah perenggan (1) kepada semua pihak kepada tiap-tiap tindakan terhadap harta yang kepadanya perintah itu berkaitan dan kepada semua orang yang telah memasukkan suatu kaveat, yang masih berkuat kuasa.

(3) Seseorang selain Syerif boleh membuat suatu permohonan di bawah kaedah ini melalui notis permohonan dalam tindakan di mana harta itu ditahan dan notis permohonan bersama dengan salinan mana-mana affidavit yang menyokong hendaklah disampaikan kepada Syerif dan semua pihak-pihak kepada setiap tindakan terhadap harta dan semua orang yang memasukkan kaveat yang masih berkuat kuasa

melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya atas permohonan yang dibuat secara *ex parte*.

Pelepasan harta yang ditahan (A. 70, k. 12)

12. (1) Kecuali jika harta yang ditahan menurut suatu waran penahanan dijual di bawah suatu perintah Mahkamah, harta yang ditahan sedemikian hanyalah boleh dilepaskan di bawah kuasa suatu surat cara pelepasan (yang disebut "pelepasan" dalam kaedah ini), dalam Borang 151, yang dikeluarkan daripada Pejabat Pendaftaran.

(2) Suatu pihak yang di atas permintaannya harta ditahan boleh, sebelum kehadiran dimasukkan dalam tindakan itu, memfailkan notis menarik balik waran penahanan dan, sekiranya dia berbuat demikian, suatu pelepasan hendaklah, tertakluk kepada perenggan (3) dan (5), dikeluarkan berkenaan dengan harta itu.

(3) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, pelepasan tidak boleh dikeluarkan berkenaan dengan harta yang kepadanya suatu kaveat terhadap pelepasan berkuat kuasa.

(4) Pelepasan boleh dikeluarkan atas permintaan suatu pihak yang berkepentingan dalam harta yang ditahan sekiranya Mahkamah memerintahkan sedemikian, atau, tertakluk kepada perenggan (3), sekiranya semua pihak lain dalam tindakan yang kepadanya waran penahanan dikeluarkan bersetuju.

(5) Sebelum pelepasan dikeluarkan pihak yang berhak kepada pengeluarannya hendaklah—

(a) sekiranya terdapat kaveat terhadap pelepasan yang berkuat kuasa di atas harta dalam persoalan, memberi notis kepada pihak yang di atas permintaannya ia dimasukkan atau peguamnya menghendaki kaveat itu ditarik balik; dan

(b) memfailkan *praecipe* dalam Borang 152 yang meminta pengeluaran suatu pelepasan.

(6) Sebelum harta yang di bawah tahanan dilepaskan sebagai mematuhi suatu pelepasan yang dikeluarkan di bawah kaedah ini, pihak yang di atas permintaannya ia dikeluarkan hendaklah, mengikut arahan Syerif, sama ada membayar kos, caj dan perbelanjaan yang kena dibayar berkaitan dengan pemeliharaan dan penjagaan harta itu semasa ia berada di bawah tahanan atau memberi suatu aku janji bertulis untuk berbuat demikian.

(7) Mahkamah, atas permohonan mana-mana pihak yang membantah arahan yang diberikan kepadanya oleh Syerif di bawah perenggan (6), boleh mengubah atau membatalkan arahan itu.

(8) Jika suatu kapal—

(a) tidak ditahan, tetapi kargo di atasnya ditahan;

(b) ditahan, tetapi kargo di atasnya tidak,

dan orang yang berkepentingan dalam kapal atau kargo ingin melepaskan kargo, dia boleh, tanpa menjadi suatu pihak, meminta Syerif membenarkan langkah-langkah untuk melepaskan kargo.

(9) Sekiranya—

(a) Syerif memikirkan permintaan di bawah perenggan (8) munasabah; dan

(b) pemohon memberikan suatu aku janji secara bertulis yang boleh diterima oleh Syerif untuk membayar-

(i) yuran; dan

(ii) semua perbelanjaan yang akan ditanggung olehnya atau bagi pihaknya apabila diminta,

Syerif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah untuk membenarkan pelepasan kargo.

(10) Jika orang yang berminat dalam kapal atau kargo tidak dapat atau enggan untuk memberikan suatu aku janji yang disebut dalam subperenggan (9)(b), dia boleh—

- (a) pencilah dibuat untuk menjadi pihak dalam tindakan itu; dan
- (b) memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah bagi—
 - (i) pelepasan kargo; dan
 - (ii) arahan tentang yuran dan perbelanjaan Syerif dengan mengambil kira pelepasan dan penyimpanan kargo.

(11) Jika Mahkamah menangguhkan atau menolak suatu tindakan *in rem* atas alasan bahawa pertikaian dalam persoalan sepatutnya dikemukakan untuk penentuan Mahkamah di luar Malaysia di bawah Aturan 12, kaedah 10, Mahkamah boleh, sekiranya dalam prosiding itu harta yang telah ditahan atau dijamin atau sekuriti lain yang diberikan untuk menghalang atau memperoleh pelepasan daripada penangkapan—

- (a) perintah bahawa harta yang ditahan dipegangsimpan sebagai jaminan bagi penunaian apa-apa penghakiman yang—
 - (i) diberikan berkenaan dengan pertikaian dalam prosiding undang-undang yang memihak prosiding itu digantung atau ditolak; dan
 - (ii) dikuatkuasakan dalam Malaysia; atau
- (b) mengarahkan bahawa penggantungan atau penolakan prosiding itu menjadi bersyarat kepada peruntukan yang jaminan yang bersamaan bagi penunaian apa-apa penghakiman.

(12) Jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah perenggan (11), ia boleh melampirkan syarat sedemikian kepada perintah itu sebagaimana yang difikirkannya patut, khususnya syarat yang berkenaan dengan permulaan atau pembawaan prosiding undang-undang yang berkenaan.

(13) Undang-undang dan amalan yang sama hendaklah terpakai berhubung dengan harta yang dipegangsimpan menurut suatu perintah yang dibuat oleh Mahkamah di bawah perenggan (11) sebagaimana ia terpakai sekiranya ia dipegangsimpan bagi maksud prosiding di Mahkamah itu.

Kaveat terhadap pelepasan dan pembayaran (A. 70, k. 13)

13. (1) Seseorang yang berhasrat untuk menghalang pelepasan apa-apa harta yang sedang ditahan dalam tindakan *in rem* dan menghalang pembayaran keluar daripada Mahkamah akan apa-apa wang dalam Mahkamah yang merupakan hasil jualan harta itu hendaklah memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu *praecipe* dalam Borang 153, dan di atas pemfailan *praecipe* itu suatu kaveat terhadap pengeluaran pelepasan mengenai harta itu dan pembayaran keluar daripada Mahkamah akan wang itu hendaklah dimasukkan dalam buku kaveat.

(2) Jika pelepasan apa-apa harta yang sedang ditahan ditangguhkan oleh sebab suatu kaveat dimasukkan di bawah kaedah ini, mana-mana orang yang mempunyai kepentingan dalam harta itu boleh memohon kepada Mahkamah melalui usul untuk mendapatkan perintah yang menghendaki orang yang menyebabkan kaveat itu dimasukkan membayar kepada pemohon ganti rugi berkenaan dengan kerugian yang ditanggung oleh pemohon oleh sebab penangguhan itu, dan Mahkamah, melainkan jika ia berpuas hati bahawa orang yang menyebabkan kaveat itu dimasukkan, mempunyai sebab yang baik dan mencukupi untuk berbuat sedemikian, boleh membuat suatu perintah dengan sewajarnya.

Jangka masa kaveat (A. 70, k. 14)

14. (1) Tiap-tiap kaveat yang dimasukkan dalam buku kaveat adalah sah selama enam bulan bermula dari tarikh ia dimasukkan tetapi orang yang di atas permintaannya

kaveat itu dimasukkan boleh menarik balik kaveat itu dengan memfailkan *praecipe* dalam Borang 154.

(2) Tempoh kesahan suatu kaveat tidak boleh dilanjutkan tetapi peruntukan ini tidaklah boleh dikira sebagai menghalang kemasukan kaveat yang berturut-turut.

Jaminan (A. 70, k. 15)

15. (1) Jaminan bagi pihak suatu pihak dalam tindakan *in rem* hendaklah diberi dengan bon dalam Borang 155 dan penjamin kepada bon itu hendaklah mengikat bon itu di hadapan Pesuruhjaya Sumpah, yang bukannya Pesuruhjaya, yang adalah, atau yang pekongsinya adalah, bertindak sebagai peguam atau ejen pihak yang bagi pihaknya jaminan itu diberikan, atau di hadapan Pendaftar.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), penjamin kepada bon jaminan hendaklah membuat suatu affidavit yang menyatakan bahawa dia berupaya untuk membayar jumlah wang yang baginya bon itu diberikan.

(3) Jika suatu perbadanan merupakan penjamin kepada bon jaminan yang diberikan bagi pihak sesuatu pihak, tiada affidavit boleh dibuat di bawah perenggan (2) bagi pihak perbadanan itu melainkan jika pihak lawan menghendakinya, tetapi jika affidavit yang sedemikian dikehendaki, ia hendaklah dibuat oleh seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang seumpamanya bagi perbadanan itu.

(4) Pihak yang bagi pihaknya jaminan diberikan hendaklah menyampaikan kepada pihak lawan suatu notis jaminan yang mengandungi nama dan alamat orang-orang yang memberi jaminan bagi pihaknya dan Pesuruhjaya atau Pendaftar yang di hadapannya bon jaminan itu diikat; dan selepas tamat tempoh dua puluh empat jam daripada penyampaian notis itu (atau lebih awal lagi dengan persetujuan pihak lawan) dia boleh memfailkan bon itu dan hendaklah pada masa yang sama memfailkan affidavit, sekiranya ada, yang dibuat di bawah perenggan (2) dan suatu affidavit yang membuktikan penyampaian wajar akan notis jaminan yang padanya suatu salinan notis itu hendaklah diekshibitkan.

Pencelah (A. 70, k. 16)

16. (1) Jika suatu harta yang terhadapnya tindakan *in rem* dibawa sedang ditahan atau wang yang merupakan hasil jualan harta itu berada dalam Mahkamah, orang yang mempunyai kepentingan dalam harta atau wang itu tetapi yang bukannya seorang defendan dalam tindakan itu boleh, dengan kebenaran Mahkamah, mencelah dalam tindakan itu.

(2) Suatu permohonan minta diberikan kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit yang menunjukkan kepentingan pemohon dalam harta yang terhadapnya tindakan itu dibawa atau kepentingan pemohon dalam wang yang berada dalam Mahkamah.

(3) Seseorang yang kepadanya kebenaran diberikan untuk mencelah dalam suatu tindakan hendaklah memasukkan kehadiran di dalamnya di Pejabat Pendaftaran dalam tempoh yang dinyatakan dalam perintah yang memberikan kebenaran itu; dan Aturan 12, kaedah 1 hingga 4 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan kemasukan kehadiran oleh pencelah seolah-olah dia adalah seorang defendan yang dinamakan dalam writ itu.

(4) Mahkamah boleh memerintahkan supaya orang yang kepadanya kebenaran diberikan untuk mencelah dalam suatu tindakan hendaklah, dalam tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, menyampaikan kepada tiap-tiap pihak lain dalam tindakan itu apa-apa pliding sebagaimana yang dinyatakan sedemikian.

Tindakan permulaan (A. 70, k. 17)

17. (1) Dalam suatu tindakan untuk menguatkuasakan suatu tuntutan ganti rugi, kehilangan nyawa atau bencana diri yang berbangkit daripada pelanggaran antara kapal, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, plaintif hendaklah dalam dua bulan selepas penyampaian writ kepada defendan, dan defendan hendaklah, dalam dua bulan selepas memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, dan sebelum apa-apa pliding disampaikan, menyerahsimpan di Pejabat Pendaftaran suatu dokumen (yang

disebut "tindakan permulaan" dalam kaedah-kaedah ini) yang mengandungi pernyataan mengenai butir-butir yang berikut:

- (a) nama kapal yang berlanggar dan pelabuhan berdaftar mereka;
- (aa) panjang, lebar, muatan kasar, kuasa kuda dan drauf kapal itu pada masa material kapal dan jenis dan muatan apa-apa kargo yang dibawa oleh kapal itu;
- (b) tarikh dan masa perlanggaran;
- (c) tempat perlanggaran;
- (d) arah dan daya angin;
- (e) keadaan cuaca;
- (f) keadaan, arah dan daya arus pasang surut atau arus lain;
- (g) kedudukan, haluan kemudi dan kelajuan kapal membelah air sewaktu kapal yang satu lagi mula-mula dilihat atau sejurus sebelum apa-apa langkah diambil dengan mengambil kira akan kehadirannya, mengikut mana yang lebih awal;
- (h) cahaya atau bentuk, sekiranya ada, yang dibawa oleh kapal itu;
- (i) jarak dan bering kapal yang satu lagi sekiranya dan bila gemanya mula-mula dilihat melalui radar;
- (j) arah, bering dan anggaran hala bagi kapal yang satu lagi sewaktu mula-mula dilihat;
- (k) apakah cahaya atau bentuk atau gabungan cahaya atau bentuk, sekiranya ada, kapal yang satu lagi yang mula-mula dilihat;

- (l) apakah cahaya atau bentuk atau gabungan cahaya atau bentuk lain, sekiranya ada, kapal yang satu lagi yang dilihat selepas itu sebelum perlanggaran, dan bila;
- (m) apakah perubahan, sekiranya ada, yang dibuat pada haluan dan kelajuan kapal selepas yang lebih awal antara dua masa yang disebut dalam subperenggan (g) sehingga masa pelanggaran, dan apabila, dan apakah langkah (sekiranya ada) selain perubahan haluan atau kelajuan, telah diambil untuk mengelak pelanggaran, dan bila;
- (n) hala tuju kapal, bahagian setiap kapal yang mula-mula sekali bersentuhan dan anggaran sudut antara kedua-dua kapal pada saat bersentuhan;
- (o) apakah isyarat bunyi, sekiranya ada, yang diberikan, dan bila;
- (p) apakah isyarat bunyi, sekiranya ada, yang didengar daripada kapal yang satu lagi, dan bila.

(2) Tiap-tiap tindakan permulaan hendaklah sebelum difailkan dimeteraikan oleh Pendaftar dan hendaklah difailkan dalam sampul surat yang dilekatkan (yang dicapkan dengan cap rasmi yang menunjukkan tarikh pemfailan) dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, tiada sampul surat boleh dibuka sehingga pliding ditutup dan persetujuan yang ditandatangani oleh setiap pihak atau peguamnya bagi pembukaan tindakan permulaan itu difailkan dengan Pendaftar.

(3) Jika Mahkamah memerintahkan tindakan permulaan itu dibuka, Mahkamah boleh memerintahkan selanjutnya supaya tindakan itu dibicarakan tanpa pliding tetapi, jika Mahkamah memerintahkan supaya tindakan itu dibicarakan sedemikian, mana-mana pihak yang berniat hendak bersandar pada pembelaan pemaliman wajib hendaklah memberikan notis tentang niatnya hendak berbuat

demikian kepada pihak-pihak lain dalam tujuh hari selepas pembukaan tindakan permulaan itu.

(4) Jika Mahkamah memerintah supaya tindakan itu dibicarakan tanpa pliding, ia boleh juga memerintahkan setiap pihak, dalam masa apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, memfailkan suatu pernyataan alasan yang dia menuduh mana-mana pihak lain sebagai cuai berkaitan dengan pelanggaran itu dan menyampaikan suatu salinannya kepada pihak yang lain itu.

(5) Aturan 18, kaedah 1, tidaklah terpakai bagi suatu tindakan yang di dalamnya tindakan permulaan dikehendaki tetapi, melainkan jika Mahkamah memerintahkan supaya tindakan itu dibicarakan tanpa pliding, plaintif hendaklah menyampaikan pernyataan tuntutan kepada setiap defendan dalam empat belas hari selepas tarikh terakhir tindakan permulaan oleh mana-mana pihak dalam tindakan itu difailkan.

(6) Plaintif hendaklah menyampaikan suatu notis memfailkan tindakan awal pada tiap-tiap defendan yang memasukkan kehadiran dalam tiga hari penyampaian memorandum kehadiran atau apabila memfailkan tindakan awal, mengikut mana-mana yang terkemudian. Defendan hendaklah, apabila memfailkan tindakan awal, menyampaikan notis bahawa dia berbuat demikian kepada plaintif dan pada tiap-tiap defendan lain yang memasukkan kehadiran.

Kegagalan menyerahsimpan tindakan permulaan: Prosiding terhadap pihak yang ingkar (A. 70, k. 18)

18. (1) Jika dalam suatu tindakan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam kaedah 17(1) plaintif gagal menyerahsimpan tindakan permulaan dalam tempoh yang ditetapkan, mana-mana defendan yang menyerahsimpan tindakan yang sedemikian boleh memohon kepada Mahkamah melalui notis permohonan minta suatu perintah bagi menolak tindakan itu, dan Mahkamah boleh melalui perintah menolak tindakan itu atau membuat apa-apa perintah lain atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

(2) Jika dalam suatu tindakan yang sedemikian, yang merupakan suatu tindakan *in personam*, defendan gagal menyerahsikan tindakan permulaan dalam tempoh yang ditetapkan, Aturan 19, kaedah 2 dan 3, hendaklah terpakai seolah-olah kegagalan defendan untuk menyerahsikan tindakan permulaan dalam tempoh itu adalah kegagalan olehnya untuk menyampaikan pembelaan kepada plaintif dalam tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk penyampaiannya, dan plaintif, jika dia menyerahsikan tindakan permulaan boleh, tertakluk kepada Aturan 73, kaedah 7, dengan sewajarnya memasukkan penghakiman terhadap defendan itu mengikut kaedah 2 atau kaedah 3 yang berkenaan, sebagaimana kehendak hal keadaan kes itu.

(3) Jika dalam suatu tindakan yang sedemikian, yang merupakan tindakan *in rem*, defendan gagal menyerahsikan tindakan permulaan dalam tempoh yang ditetapkan, plaintif, jika dia menyerahsikan tindakan yang sedemikian, boleh memohon kepada Mahkamah melalui notis permohonan untuk penghakiman terhadap defendan itu, dan tidaklah perlu bagi plaintif memfailkan atau menyampaikan pernyataan tuntutan atau affidavit sebelum pendengaran notis permohonan itu.

(4) Pada pendengaran suatu notis permohonan di bawah perenggan (3), Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil, dan jika defendan tidak hadir di pendengaran itu dan Mahkamah berpendapat bahawa penghakiman patut diberikan kepada plaintif dengan syarat dia membuktikan kesnya, Mahkamah hendaklah memerintahkan supaya tindakan permulaan plaintif dibuka dan menghendaki plaintif memuaskan hati Mahkamah bahawa tuntutannya adalah cukup berasas. Keterangan plaintif boleh, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, diberikan melalui affidavit tanpa apa-apa perintah atau arahan bagi maksud itu.

(5) Jika plaintif mengikut kehendak di bawah perenggan (4) memuaskan hati Mahkamah bahawa tuntutannya adalah cukup berasas, Mahkamah boleh memberi penghakiman bagi tuntutan itu dengan atau tanpa perujukan kepada Pendaftar dan boleh pada masa yang sama memerintahkan supaya harta yang terhadapnya tindakan itu dibawa supaya ditaksirkan dan dijual dan hasilnya dibayar ke dalam Mahkamah atau membuat apa-apa perintah sebagaimana yang difikirkannya adil.

(6) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, mengetepikan apa-apa penghakiman yang dimasukkan menurut kaedah ini.

(7) Dalam kaedah ini sebutan mengenai tempoh yang ditetapkan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tempoh dalam mana menurut kuasa kaedah 17(1) atau mana-mana perintah Mahkamah, plaintif atau defendan mengikut kehendak konteks perujukan itu, dikehendaki menyerahsimpan suatu tindakan permulaan.

Peruntukan-peruntukan khas mengenai pliding dalam pelanggaran, tindakan (A. 70, k. 19)

19. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 18, kaedah 3, plaintif dalam mana-mana tindakan sedemikian sebagaimana yang disebutkan dalam Aturan 11 kaedah 1(1) (a), (b) dan (c) tidak boleh menyampaikan jawapan atau pembelaan terhadap tuntutan balas kepada defendan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Sekiranya dalam suatu tindakan yang sedemikian terdapat tuntutan balas dan tiada pembelaan terhadap tuntutan balas oleh plaintif, maka, walau apa pun Aturan 18, kaedah 14(3), tetapi tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam kaedah itu, terdapat suatu pencantuman tersirat isu mengenai tuntutan balas itu, dan pencantuman isu itu bertindak sebagai penafian terhadap tiap-tiap pengatahan fakta yang material yang dibuat dalam tuntutan balas itu.

Penghakiman ingkar (A. 70, k. 20)

20. (1) Jika suatu writ disampaikan di bawah kaedah 7(4) kepada pihak yang di atas permintaannya kaveat terhadap penahanan dikeluarkan, maka sekiranya—

(a) jumlah wang yang dituntut dalam tindakan itu yang dimulakan melalui writ tidak melebihi amaun yang dinyatakan dalam aku janji yang diberikan oleh pihak itu atau oleh peguamnya untuk menyebabkan kaveat dimasukkan; dan

- (b) pihak itu atau peguamnya, dalam empat belas hari selepas penyampaian writ tidak memenuhi aku janji yang diberikan olehnya seperti yang disebut terdahulu,

plaintif boleh, selepas pemfailan affidavit yang menentusahkan fakta yang di atasnya tindakan itu diasaskan, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman ingkar.

(2) Suatu penghakiman yang diberikan di bawah perenggan (1) boleh dikuatkuasakan dengan penahanan harta yang terhadapnya tindakan itu dibawa dan dengan pengkomitan pihak yang di atas permintaannya kaveat mengenai harta itu dimasukkan.

(3) Jika defendan dalam tindakan *in rem* gagal memasukkan kehadiran dalam masa yang dihadkan untuk kehadiran, maka, selepas tamatnya empat belas hari selepas penyampaian writ dan atas pemfailan affidavit yang membuktikan penyampaian wajar writ itu, suatu affidavit yang menentusahkan fakta yang di atasnya tindakan itu diasaskan dan, jika pernyataan tuntutan tidak diendorskan pada writ itu, suatu salinan pernyataan tuntutan, plaintif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman ingkar. Jika writ itu disifatkan sebagai disampaikan dengan sewajarnya kepada defendan menurut kuasa Aturan 10, kaedah 1(2), atau disampaikan kepada Pendaftar di bawah kaedah 7 Aturan ini, suatu affidavit yang membuktikan penyampaian wajar writ tidak perlu difailkan di bawah perenggan ini, tetapi writ yang diendorskan sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah 1(2) atau yang diendorskan oleh Pendaftar dengan pernyataan bahawa dia menerima penyampaian writ itu hendaklah diserahsimpan bersama dengan affidavit yang menentusahkan fakta yang di atasnya tindakan itu diasaskan.

(4) Jika defendan dalam tindakan *in rem* gagal menyampaikan pembelaan kepada plaintif, maka selepas tamat tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk penyampaian pembelaan dan atas pemfailan affidavit yang menyatakan bahawa tiada pembelaan disampaikan kepadanya oleh defendan itu dalam tempoh itu, suatu affidavit yang menentusahkan fakta yang di atasnya tindakan itu

diasaskan dan, jika pernyataan tuntutan tidak diindorskan pada writ itu, suatu salinan pernyataan tuntutan itu, plaintif boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman ingkar.

(5) Jika defendan dalam tuntutan balas dalam tindakan *in rem* gagal menyampaikan pembelaan terhadap tuntutan balas itu kepada defendan yang membuat tuntutan balas itu, maka, tertakluk kepada perenggan (6), selepas tamatnya tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini untuk penyampaian pembelaan terhadap tuntutan balas itu dan atas pemfailan affidavit yang menyatakan bahawa tiada pembelaan terhadap tuntutan balas disampaikan kepadanya oleh defendan yang mula-mula disebut itu dalam tempoh itu, suatu affidavit yang menentusahkan fakta yang di atasnya tuntutan balas itu diasaskan dan suatu salinan tuntutan balas itu, defendan yang membuat tuntutan balas itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman ingkar.

(6) Tiada permohonan boleh dibuat di bawah perenggan (5) terhadap plaintif dalam apa-apa tindakan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam Aturan 11, kaedah 1(1)(a), (b) dan (c).

(7) Suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan dan jika, semasa pendengaran notis permohonan itu, Mahkamah berpuas hati bahawa tuntutan pemohon adalah cukup berasas, maka ia boleh memberi penghakiman bagi tuntutan itu dengan atau tanpa rujukan kepada Pendaftar dan boleh pada masa yang sama memerintahkan supaya harta yang terhadapnya tindakan atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, tuntutan balas itu dibawa untuk ditaksirkan dan dijual dan hasilnya hendaklah dibayar ke dalam Mahkamah atau Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang difikirkannya adil.

(8) Dalam tindakan ingkar *in rem* keterangan boleh, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, diberikan melalui affidavit tanpa apa-apa perintah atau arahan dibuat bagi maksud itu.

(9) Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, mengetepikan atau mengubah apa-apa penghakiman yang dicatatkan menurut kaedah ini.

(10) Aturan 13 dan Aturan 19 (kecuali kaedah 1) tidaklah terpakai bagi tindakan *in rem*.

(11) Apa-apa permohonan kepada Mahkamah berkenaan—

(a) penjualan harta itu ditahan; atau

(b) hasil jualan harta yang dijual oleh Mahkamah,

boleh didengar dalam Mahkamah terbuka dan notis permohonan dengan apa-apa affidavit sokongan hendaklah disampaikan kepada—

(A) semua pihak untuk tiap-tiap tindakan terhadap harta itu;

(B) semua orang yang memasukan kaveat menentang pelepasan itu dengan mengambil kira harta atau hasil jualan; dan

(C) Syerif.

Perintah bagi jualan kapal: menentukan keutamaan tuntutan (A. 70, k. 21)

21. (1) Jika dalam tindakan *in rem* terhadap suatu kapal Mahkamah memerintahkan kapal itu dijual, mana-mana pihak yang telah mendapatkan atau mendapat penghakiman terhadap kapal itu atau hasil jualan kapal itu boleh—

(a) dalam hal jika perintah jualan itu mengandungi perintah selanjutnya yang disebut dalam perenggan (2), selepas tamatnya tempoh yang dinyatakan dalam perintah di bawah perenggan (2) (a); atau

(b) dalam apa-apa hal lain, selepas mendapatkan penghakiman,

memohon kepada Mahkamah melalui notis permohonan untuk mendapatkan suatu perintah menentukan susunan keutamaan tuntutan terhadap hasil jualan kapal itu.

(2) Jika dalam tindakan *in rem* terhadap suatu kapal Mahkamah memerintahkan kapal itu dijual, ia boleh memerintahkan selanjutnya—

(a) bahawa susunan keutamaan tuntutan terhadap hasil jualan kapal itu tidak boleh ditentukan sehingga selepas tamatnya sembilan puluh hari, atau apa-apa tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan oleh Mahkamah, bermula dari hari hasil jualan itu dibayar ke dalam Mahkamah;

(b) bahawa mana-mana pihak dalam tindakan itu atau dalam mana-mana tindakan *in rem* yang lain terhadap kapal itu atau hasil jualannya boleh memohon kepada Mahkamah dalam tindakan yang kepadanya dia adalah pihak untuk melanjutkan tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu;

(c) bahawa dalam tujuh hari selepas tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah hasil jualan itu Syerif hendaklah menghantar untuk penyiaran dalam *Warta* dan mana-mana akhbar atau penerbitan, sekiranya ada, sebagaimana Mahkamah boleh arahkan. suatu notis sebagai mematuhi perenggan (3).

(3) Notis yang disebut dalam perenggan (2)(c) hendaklah menyatakan—

(a) bahawa kapal itu (menamakannya) telah dijual melalui perintah Mahkamah Tinggi dalam suatu tindakan *in rem*, dengan mengenal pasti tindakan itu;

- (b) bahawa hasil jualan kasarnya, dengan menyatakan amaunnya, telah dibayar ke dalam Mahkamah;
- (c) bahawa susunan keutamaan tuntutan terhadap hasil tersebut tidak akan ditentukan sehingga selepas tamatnya tempoh (dengan menyatakannya) yang dinyatakan dalam perintah jualan; dan
- (d) bahawa mana-mana orang yang mempunyai tuntutan terhadap kapal itu atau hasil jualannya, yang di atasnya dia berniat hendak meneruskan hingga mendapat penghakiman hendaklah berbuat demikian sebelum tamatnya tempoh itu.

(4) Syerif hendaklah menyerahsimpan di Pejabat Pendaftaran suatu salinan setiap akhbar atau penerbitan yang dalamnya notis yang disebut dalam perenggan (2)(c) tersiar.

(5) Perbelanjaan yang dilakukan oleh Syerif sebagai mematuhi perintah Mahkamah di bawah kaedah ini hendaklah dimasukkan dalam perbelanjaannya berhubung dengan jualan kapal itu.

(6) Suatu permohonan kepada Mahkamah untuk melanjutkan tempoh yang disebutkan dalam perenggan (2)(a) hendaklah dibuat melalui notis permohonan, dan suatu salinan notis permohonan itu, hendaklah, sekurang-kurangnya tiga hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengarannya, disampaikan kepada setiap pihak yang disebut dalam kaedah 20(11).

(7) Dalam kaedah ini, "Mahkamah" ertinya Hakim itu sendiri.

Pentaksiran dan jualan harta (A. 70, k. 22)

22. (1) Tauliah bagi pentaksiran dan jualan apa-apa harta di bawah suatu perintah Mahkamah tidak boleh dikeluarkan sehingga pihak yang memohonnya telah memfailkan *praecipe* dalam Borang 156.

(2) Tauliah yang sedemikian hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, disempurnakan oleh Syerif dan hendaklah dibuat dalam Borang 157.

(3) Tauliah bagi pentaksiran dan jualan tidak boleh disempurnakan sehingga suatu aku janji secara bertulis yang memuaskan hati Syerif, untuk membayar fi dan perbelanjaan Syerif apabila dituntut, diserahkan di pejabat Syerif.

(4) Syerif hendaklah membayar ke dalam Mahkamah hasil jualan kasar apa-apa harta yang dijual olehnya di bawah tauliah bagi jualan dan hendaklah membawa ke dalam Mahkamah akaun berhubung dengan jualan itu (beserta dengan baucar-baucar yang menyokongnya) untuk penetapan.

(5) Semasa penetapan akaun Syerif berhubung dengan jualan, mana-mana orang yang berkepentingan dalam hasil jualan itu adalah berhak didengar.

(6) Apabila—

(a) hasil jualan dibayar ke dalam Mahkamah oleh Syerif; dan

(b) hasil itu adalah dalam mata wang asing,

dana itu boleh diletakkan dalam akaun menghasilkan bunga pada satu hari melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya dan dalam semua hal lain, Perintah 90, kaedah 6, 7 dan 18 hendaklah terpakai.

(7) Melainkan jika dibuat pada masa yang sama sebagai suatu permohonan untuk jualan, atau lain-lain permohonan terlebih dahulu, permohonan untuk meletakkan mata wang asing ke atas deposit jangka panjang boleh dibuat kepada Pendaftar.

(8) Suatu notis meletakkan mata wang asing dalam suatu akaun

menghasilkan bunga hendaklah diberikan kepada semua pihak yang berkepentingan dalam kumpulan wang oleh pihak yang membuat permohonan di bawah kaedah 7.

(9) Mana-mana pihak yang berkepentingan yang ingin membantah cara pelaburan mata wang asing yang dibayar ke dalam Mahkamah boleh memohon kepada Pendaftar bagi arahan.

Aku janji mengenai perbelanjaan (A. 70, k. 22A)

22A. (1) Tiap-tiap aku janji di bawah Perintah ini hendaklah diberikan secara bertulis kepada kepuasan hati Syerif.

(2) Jika suatu pihak yang diperlukan untuk memberi kepada Syerif suatu aku janji untuk membayar apa-apa fi atau perbelanjaan, Syerif boleh menerima sebagai ganti suatu aku janji mendepositkan dengannya apa-apa jumlah wang sebagaimana yang difikirkannya munasabah untuk memenuhi fi dan perbelanjaan itu.

(3) Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak yang tidak berpuas hati dengan arahan atau penentuan Syerif di bawah Aturan ini, mengubah atau membatalkan arahan atau penentuan itu.

Pembayaran ke dalam dan keluar Mahkamah (A. 70, k. 23)

23. (1) *(Tiada perenggan (1))*

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), wang yang dibayar ke dalam Mahkamah tidak boleh dibayar keluar kecuali menurut suatu perintah oleh Hakim itu sendiri.

(3) Pendaftar boleh, dengan persetujuan pihak yang berkepentingan dalam wang yang dibayar ke dalam Mahkamah, memerintahkan wang itu dibayar keluar kepada orang yang berhak kepadanya dalam hal-hal yang berikut:

(a) jika sesuatu tuntutan dirujuk kepada Pendaftar untuk mendapatkan keputusan dan semua pihak dalam perujukan itu bersetuju untuk menerima keputusan Pendaftar dan bersetuju

dengan pembayaran keluar akan apa-apa wang dalam Mahkamah mengikut keputusan itu;

(b) jika harta dijual dan hasil jualannya dibayar ke dalam Mahkamah, dan pihak bersetuju tentang orang yang kepadanya hasil itu hendaklah dibayar dan amaun yang akan dibayar kepada setiap orang itu;

(c) jika dalam apa-apa hal lain tiada pertikaian di antara pihak-pihak itu.

Permohonan minta arahan (A. 70, k. 24)

24. (1) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh Hakim itu sendiri, pengurusan kes sebelum perbicaraan hendaklah didengar oleh Hakim itu sendiri tetapi, tertakluk kepada itu, Aturan 33 dan 34 hendaklah terpakai kepada tindakan Admiralti (selain tindakan pengehadan) sebagaimana ia terpakai kepada tindakan lain.

(2) Suatu perintah yang dibuat atas pengurusan kes sebelum perbicaraan hendaklah menentukan sama ada perbicaraan itu adalah tanpa pengapit atau dengan seorang atau lebih pengapit, nautika atau selainnya.

(3) Suatu perintah boleh dibuat atas pengurusan kes sebelum perbicaraan, atau suatu arahan boleh diberikan di perbicaraan itu, yang mengehadkan saksi-saksi yang boleh dipanggil di perbicaraan itu, sama ada mereka itu saksi pakar ataupun tidak.

(4) Apa-apa perintah atau arahan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2) dan (3) termasuk suatu perintah yang dibuat atas rayuan boleh diubah atau dibatalkan melalui suatu perintah atau arahan terkemudian yang dibuat atau diberikan pada masa atau sebelum perbicaraan itu oleh Hakim itu sendiri atau, dengan izin Hakim, oleh Pendaftar.

Menetapkan tarikh bagi perbicaraan (A. 70, k. 25)

25. (1) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat sesuatu tindakan, sama ada atas permohonan yang dibuat melalui notis permohonan oleh mana-mana pihak atau melalui perintah yang dibuat menurut kuasa Aturan 34, menetapkan suatu tarikh bagi perbicaraan dan mengosongkan atau mengubahkan mana-mana tarikh yang sedemikian.

(2) *(Tiada perenggan (2))*

(3) Tidak kurang dari tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan, atau apa-apa tempoh lain sebelum tarikh itu sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan am yang diberikan oleh Hakim, pihak yang menetapkan tindakan itu untuk perbicaraan hendaklah, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, memfailkan di Pejabat Pendaftaran—

(a) jika perbicaraan dengan seorang atau lebih pengapit diperintahkan, suatu *praecipe* untuk kehadirannya atau mereka; dan

(b) tiga salinan atau dalam hal perbicaraan dengan seorang atau lebih pengapit, empat salinan (sekiranya dengan seorang pengapit) dan lima salinan (sekiranya dengan dua) apa-apa pliding, tindakan permulaan, notis yang diberi di bawah kaedah 17(3) dan pernyataan yang difailkan di bawah kaedah 17(4).

(4) Jika tindakan yang ditetapkan bagi perbicaraan diselesaikan atau ditarik balik, adalah menjadi kewajipan semua pihak untuk memberitahu Pejabat Pendaftaran tentang fakta itu tanpa berlengah-lengah dan mengambil apa-apa langkah sebagaimana yang perlu untuk mengosongkan tarikh yang ditetapkan bagi perbicaraan itu.

(5) Aturan 21, kaedah 2(4) tidaklah terpakai bagi tindakan Admiralti.

Menggantungkan prosiding dalam pelanggaran, tindakan sehingga jaminan diberi (A. 70, k. 26)

26. (1) Jika dalam tindakan *in rem*, yang merupakan suatu tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa tuntutan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam Aturan 11, kaedah 1(1)(a), (b) dan (c), dimulakan dan tindakan balas *in rem* yang berbangkit daripada pelanggaran atau kejadian lain yang sama sebagaimana tindakan yang mula-mula disebutkan itu dimulakan kemudiannya, atau tuntutan balas yang berbangkit daripada kejadian itu dibuat dalam tindakan yang mula-mula disebutkan itu, maka—

- (a) jika kapal yang berkenaan dengannya atau terhadapnya tindakan yang mula-mula disebutkan itu dibawa telah ditahan atau jaminan diberi untuk menghalang penahanannya; tetapi
- (b) kapal yang berkenaan dengannya atau terhadapnya tindakan balas itu dibawa atau tuntutan balas itu dibuat, tidak dapat ditahan dan jaminan belum diberi untuk menunaikan apa-apa penghakiman yang diberikan yang memihak kepada pihak yang membawa tindakan balas atau membuat tuntutan balas itu,

Mahkamah boleh menggantungkan prosiding dalam tindakan yang mula-mula disebutkan itu sehingga jaminan diberikan untuk menunaikan apa-apa penghakiman yang diberikan memihak kepada pihak itu.

(2) Jika Mahkamah mengarahkan suatu penggantungan apa-apa tindakan *in rem*—

- (a) apa-apa harta di bawah tahanan dalam tindakan itu kekal ditahan; dan
- (b) apa-apa jaminan yang mewakili harta itu masih berkuat kuasa,

melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

Pemeriksaan kapal (A. 70, k. 27)

27. Tanpa menjejaskan kuasanya di bawah Aturan 29, kaedah 2 dan 3, dan Aturan 35, kaedah 5, Mahkamah boleh atas permohonan mana-mana pihak, membuat suatu perintah bagi pemeriksaan oleh pengapit (sekiranya tindakan itu dibicarakan dengan pengapit) atau oleh mana-mana pihak atau saksi, mengenai mana-mana kapal atau harta lain, sama ada alih atau tak alih, yang pemeriksaannya adalah perlu atau wajar bagi maksud mendapatkan maklumat atau keterangan penuh berkaitan dengan apa-apa isu dalam tindakan itu.

Nota trengkas bagi keterangan lisan (A. 70, k. 28)

28. (1) Nota trengkas yang rasmi hendaklah, jika Mahkamah mengarahkan sedemikian, diambil bagi prosiding dalam Mahkamah akan apa-apa kausa atau perkara. Sebutan dalam perenggan ini mengenai nota trengkas hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk sebutan mengenai rekod prosiding yang dibuat melalui cara mekanikal.

(2) Mahkamah boleh melantik penulis trengkas rasmi Admiralti yang akan dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditetapkan oleh Mahkamah.

Pemeriksaan saksi dan orang lain. (A. 70, k. 29)

29. (1) Kuasa yang diberikan oleh Aturan 39, kaedah 1, hendaklah meliputi pembuatan suatu perintah yang membenarkan pemeriksaan saksi atau orang atas sumpah di hadapan Hakim yang bersidang dalam Mahkamah seolah-olah bagi perbicaraan kausa atau perkara itu, tanpa kausa atau perkara itu ditetapkan bagi perbicaraan atau dipanggil untuk perbicaraan.

(2) Kuasa yang diberikan oleh kaedah 1 hendaklah juga meliputi pembuatan suatu perintah, dengan persetujuan pihak-pihak itu, yang memperuntukkan bagi keterangan saksi diambil seolah-olah di hadapan seorang pemeriksa, tetapi tanpa seorang pemeriksa yang dilantik sebenar-benarnya atau yang benar-benar hadir.

(3) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (2), ia boleh membuat peruntukan bagi apa-apa perkara yang berbangkit dan, tertakluk kepada mana-mana

peruntukan yang dibuat sedemikian, peruntukan yang berikut hendaklah mempunyai kuat kuasa—

- (a) pihak yang saksinya hendak diperiksa hendaklah mengadakan penulis trengkas untuk mengambil keterangan saksi itu;
- (b) mana-mana wakil, yang merupakan peguam, bagi mana-mana satu pihak hendaklah mempunyai kuasa untuk mengendalikan sumpah saksi itu;
- (c) penulis trengkas tidak perlu mengangkat sumpah tetapi hendaklah secara bertulis memperakukan sebagai betul transkrip notanya tentang keterangan itu dan menghantarserahkannya kepada peguam bagi pihak yang saksinya diperiksa, dan peguam itu hendaklah memfailkannya di Pejabat Pendaftaran;
- (d) melainkan jika dipersetujui selainnya oleh pihak-pihak atau Mahkamah memerintahkan selainnya, transkrip itu atau suatu salinannya hendaklah, sebelum transkrip itu difailkan, ada tersedia bagi peguam atau orang lain yang bertindak sebagai peguam pada masa pemeriksaan itu, dan sekiranya mana-mana orang itu berpendapat bahawa transkrip itu tidak menggambarkan keterangan itu dengan tepat dia hendaklah membuat suatu perakuan yang menyatakan pembetulan yang pada pendapatnya patut dibuat di dalamnya, dan perakuan itu hendaklah difailkan bersama transkrip itu.

(4) Dalam tindakan yang tindakan permulaannya kena difailkan di bawah kaedah 17, suatu perintah tidak boleh dibuat di bawah Aturan 39, kaedah 1, yang membenarkan apa-apa pemeriksaan ke atas saksi sebelum tindakan permulaan itu difailkan, melainkan jika kerana sebab-sebab khas yang Mahkamah fikirkan patut untuk mengarahkan sedemikian.

(5) Aturan 39 hendaklah terpakai berhubung dengan kausa atau perkara Admiralti.

Pengeluaran sapina (A. 70. k. 30)

30. Aturan 38, kaedah 14 hendaklah terpakai berhubung dengan pengeluaran suatu sapina untuk memberikan keterangan atau sapina untuk mengemukakan dokumen dalam suatu kausa atau perkara Admiralti.

Prosiding bagi pengumpulan salvaj (A. 70, k. 31)

31. (1) Prosiding bagi pengumpulan salvaj yang agregat amaunnya telah dipastikan hendaklah dimulakan melalui notis permohonan.

(2) Notis permohonan itu, berserta dengan afidavit yang menyokongnya, hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum pendengaran notis permohonan itu, melainkan jika Mahkamah membenarkan sebaliknya, dan suatu salinan notis dan afidavit itu hendaklah disampaikan kepada semua pihak lain dalam prosiding itu sebelum salinan asalnya difailkan.

(3) Pada pendengaran notis permohonan itu Hakim boleh menjalankan mana-mana bidang kuasa yang diberikan oleh seksyen 402 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Pemfailan dan penyampaian notis permohonan (A. 70. k. 32)

32. (1) Notis permohonan dalam apa-apa tindakan, berserta dengan afidavit, sekiranya ada, yang menyokongnya, hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pendengaran notis permohonan itu melainkan jika Mahkamah membenarkan sebaliknya.

(2) Tertakluk kepada kaedah 20(11), suatu salinan notis permohonan dan afidavit, sekiranya ada, yang menyokongnya hendaklah disampaikan kepada semua pihak lain dalam prosiding itu.

Perjanjian antara peguam boleh dijadikan perintah Mahkamah (A. 70, k. 33)

33. Apa-apa perjanjian secara bertulis antara peguam pihak-pihak dalam kausa atau perkara, ditarikahkan dan ditandatangani oleh peguam-peguam itu, boleh, sekiranya Pendaftar fikirkan munasabah dan sebagaimana yang akan dibenarkan oleh Hakim dalam hal keadaan itu, difailkan di Pejabat Pendaftaran, dan perjanjian itu hendaklah berikutan dengan itu menjadi suatu perintah Mahkamah dan mempunyai kuat kuasa yang sama seolah-olah perintah yang sedemikian dibuat oleh Hakim itu sendiri.

Saman pemula: Prosedur (A. 70, k. 34)

34. *(Tiada kaedah 34)*

Tindakan pengehadan: Pihak-pihak (A 70, k. 35)

35. (1) Dalam suatu tindakan pengehadan orang yang meminta relief hendaklah menjadi plaintif dan hendaklah dinamakan dalam writ dengan namanya dan tidak diperihalkan cuma sebagai pemunya, atau sebagai mempunyai suatu hubungan lain, dengan suatu kapal tertentu atau harta lain.

(2) Plaintif hendaklah menjadikan seorang daripada orang yang mempunyai tuntutan terhadapnya berkenaan dengan kemalangan yang tindakan itu berkait sebagai seorang defendan dalam tindakan itu dan boleh menjadikan mana-mana atau kesemua yang lain itu juga defendan.

(3) Sekurang-kurangnya seorang daripada defendan dalam tindakan itu hendaklah dinamakan dalam writ dengan namanya tetapi defendan lain boleh diperihalkan secara am dan tidak dinamakan dengan nama mereka.

(4) Writ itu hendaklah disampaikan kepada seorang atau lebih defendan yang dinamakan dengan nama mereka di dalamnya dan tidak perlu disampaikan kepada mana-mana defendan lain.

(5) Dalam kaedah ini dan kaedah 36, 37 dan 38 "nama" termasuklah nama firma atau nama yang dengannya seseorang itu menjalankan perniagaannya, dan jika mana-mana orang yang mempunyai tuntutan terhadap plaintif berkenaan dengan

kemalangan yang tindakan itu berkait telah memperihalkan dirinya bagi maksud tuntutan hanya sebagai pemunya, atau sebagai mempunyai suatu hubungan lain dengan kapal atau harta lain, dia boleh diperihalkan sedemikian sebagai defendan dalam writ itu dan, sekiranya diperihalkan sedemikian, hendaklah disifatkan bagi maksud kaedah yang disebut terdahulu dinamakan dalam writ dengan namanya.

Tindakan pengehadan: Permohonan minta dekri atau arahan (A. 70, k. 36)

36. (1) Dalam tujuh hari selepas kemasukan kehadiran oleh seorang daripada defendan yang dinamakan dengan nama mereka dalam writ atau, jika tiada seorang pun daripada mereka memasukkan kehadiran, dalam tujuh hari selepas masa yang dihadkan untuk hadir, plaintif, tanpa menyampaikan pernyataan tuntutan, hendaklah mengambil suatu notis permohonan yang boleh dikembalikan dalam Kamar di hadapan Pendaftar meminta suatu dekri yang mengehadkan keupayaannya atau, jika tidak suatu dekri sedemikian, minta arahan tentang prosiding selanjutnya dalam tindakan itu.

(2) Notis permohonan itu hendaklah disokong oleh affidavit atau affidavit-afidavit yang membuktikan—

(a) kes plaintif dalam tindakan itu; dan

(b) jika tiada seorang pun daripada defendan-defendan yang dinamakan dalam writ dengan nama mereka memasukkan kehadiran, penyampaian writ kepada sekurang-kurangnya seorang daripada defendan yang dinamakan itu.

(3) Affidavit yang menyokong saman itu hendaklah menyatakan—

(a) nama semua orang yang, pada pengetahuan plaintif, mempunyai tuntutan terhadapnya berkenaan dengan kemalangan yang tindakan itu berkait, yang bukan merupakan defendan dalam tindakan itu yang dinamakan dalam writ dengan nama mereka; dan

(b) alamat setiap orang itu, sekiranya diketahui oleh plaintif.

(4) Notis permohonan dan tiap-tiap affidavit yang menyokongnya hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari genap sebelum pendengaran notis permohonan itu, disampaikan kepada mana-mana defendan yang memasukkan kehadiran.

(5) Semasa pendengaran notis permohonan itu Pendaftar, jika ternyata kepadanya bahawa tidaklah dipertikaikan yang plaintif mempunyai hak untuk mengehendkan liabilitinya, hendaklah membuat suatu dekri yang mengehendkan liabiliti plaintif dan menetapkan amaun yang mengikutnya liabiliti itu dihadkan.

(6) Semasa pendengaran notis permohonan itu Pendaftar, jika ternyata kepadanya bahawa mana-mana defendan tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk membolehkannya memutuskan sama ada atau tidak hendak mempertikaikan yang plaintif mempunyai hak untuk mengehendkan liabilitinya, hendaklah memberikan apa-apa arahan yang didapatinya sesuai untuk membolehkan defendan mendapatkan maklumat sedemikian dan hendaklah menangguhkan pendengaran itu.

(7) Jika semasa pendengaran atau pendengaran sambungannya mengenai notis permohonan itu, Pendaftar tidak membuat suatu dekri yang mengehendkan liabiliti plaintif, dia hendaklah memberikan apa-apa arahan tentang prosiding selanjutnya bagi tindakan itu yang didapatinya sesuai termasuk khususnya, arahan yang menghendaki pengambilan notis permohonan minta arahan di bawah Aturan 33 atau 34.

(8) Mana-mana defendan yang, selepas Pendaftar memberikan arahan di bawah perenggan (7), terhenti mempertikaikan hak plaintif untuk mengehendkan liabilitinya hendaklah dengan serta-merta memfailkan suatu notis yang bermaksud sedemikian di Pejabat Pendaftaran, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan menyampaikan suatu salinan kepada plaintif dan kepada mana-mana defendan lain yang memasukkan kehadiran.

(9) Jika tiap-tiap defendan yang mempertikaikan hak plaintif untuk mengehendkan liabilitinya menyampaikan suatu notis kepada plaintif di bawah

perenggan (8), plaintif boleh mengambil notis permohonan yang boleh dikembalikan dalam Kamar di hadapan Pendaftar meminta suatu dekri yang mengehadkan liabilitinya; dan perenggan (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi notis permohonan di bawah perenggan ini sebagaimana ia terpakai bagi notis permohonan di bawah perenggan (1).

Tindakan pengehadan: Pembayaran ke dalam Mahkamah (A. 70, k. 36A)

36A. (1) Plaintif boleh menubuhkan suatu kumpulan wang yang dihadkan dengan membayar ke dalam Mahkamah Ringgit Malaysia yang bersamaan dengan bilangan hak pengeluaran khas atau emas franc (mengikut mana-mana yang berkenaan) yang dia menuntut sebagai berhak untuk mengehadkan liabilitinya di bawah mana-mana undang-undang Perkapalan Saudagar, beserta bunga dalamnya dari tarikh berlakunya kejadian yang membangkitkan liabilitinya sehingga tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah.

(2) Jika plaintif tidak mengetahui nilai Ringgit Malaysia yang bersamaan dengan bilangan hak pengeluaran khas pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah dia boleh mengira yang sama atas asas cetakan Ringgit Malaysia yang terkini yang boleh didapati bersamaan dengan suatu hak pengeluaran khas sebagaimana yang ditetapkan oleh Kumpulan Kewangan Antarabangsa, dan sekiranya Ringgit Malaysia yang bersamaan dengan suatu hak pengeluaran khas itu pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1) yang berbeza daripada yang digunakan untuk mengira amaun pembayaran itu ke dalam Mahkamah plaintif boleh—

- (a) mencukupkan apa-apa kekurangan dengan membuat pembayaran lanjut ke dalam Mahkamah yang, sekiranya dibuat dalam empat belas hari selepas pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1), hendaklah dikira, kecuali bagi maksud kaedah-kaedah berhubung dengan bunga yang terakru yang dibayar ke dalam Mahkamah, seolah-olah ia telah dibuat pada tarikh pembayaran itu ke dalam Mahkamah; atau

(b) memohon kepada Mahkamah untuk pembayaran apa-apa amaun yang berlebihan (beserta dengan apa-apa bunga yang terakru) dibayar ke dalam Mahkamah di bawah perenggan (1).

(3) Suatu permohonan di bawah perenggan (2)(b) boleh dibuat secara *ex parte* dan mestilah disokong dengan keterangan yang membuktikan Ringgit Malaysia yang bersamaan dengan bilangan hak pengeluaran khas pada tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah.

(4) Apabila membuat apa-apa pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah kaedah ini, plaintif hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada tiap-tiap defendan, menyatakan tarikh pembayaran dalam, amaun yang dibayar dalam, amaun bunga yang termasuk dalamnya, kadar bunga dan tempoh yang ia berkait. Plantif hendaklah juga memberi notis secara bertulis kepada tiap-tiap defendan apa-apa amaun lebih (dan apa-apa bunga dalamnya) dibayar kepadanya di bawah perenggan (2)(b).

(5) Kaedah 23(2) dan (3) Aturan ini hendaklah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, kepada pembayaran wang yang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah kaedah ini.

Tindakan pengehadan: Prosiding di bawah dekri (A. 70, k. 37)

37. (1) Jika defendan dalam suatu tindakan pengehadan hanyalah mereka yang dinamakan dalam writ dengan nama mereka dan semua orang yang dinamakan sedemikian sama ada disampaikan dengan writ atau memasukkan kehadiran, apa-apa dekri dalam tindakan yang mengehadkan liabiliti plaintif (sama ada yang dibuat oleh Pendaftar atau semasa perbicaraan tindakan itu) tidak perlu diiklankan, tetapi hanya boleh berkuat kuasa untuk melindungi plaintif berkenaan dengan tuntutan oleh orang yang dinamakan sedemikian atau orang yang menuntut melalui atau di bawah mereka.

(2) Dalam apa-apa hal yang tidak termasuk dalam perenggan (1), apa-apa dekri dalam tindakan yang mengehadkan liabiliti plaintif (sama ada yang dibuat oleh Pendaftar atau semasa perbicaraan tindakan itu)—

- (a) hendaklah diiklankan oleh plaintif mengikut apa-apa cara dan dalam suatu masa sebagaimana yang diperuntukkan oleh dekri itu;
- (b) hendaklah menetapkan suatu masa yang orang mempunyai tuntutan terhadap plaintif berkenaan dengan kemalangan yang tindakan itu berkait, boleh memasukkan kehadiran dalam tindakan itu (sekiranya mereka belum lagi berbuat demikian) dan memfailkan tuntutan mereka, dan, dalam hal-hal yang baginya kaedah 38 terpakai, mengambil notis permohonan sekiranya mereka fikirkannya patut, untuk mengetepikan perintah itu.

(3) Iklan yang dikehendaki di bawah subperenggan (2)(a) hendaklah, melainkan jika oleh kerana sebab-sebab khas Pendaftar atau Hakim fikirkan patut diperuntukkan selainnya, hendaklah merupakan suatu iklan tunggal dalam setiap tiga akhbar yang dinyatakan dalam dekri itu, yang mengenal pasti tindakan, kemalangan dan hubungan plaintif dengannya (sama ada sebagai pemunya kapal yang terlibat dalam kemalangan itu atau selainnya mengikut mana-mana yang berkenaan), yang menyatakan bahawa dekri dibuat dan menyatakan amaun yang ditetapkan dengan demikian itu sebagai had liabiliti plaintif dan masa yang dibenarkan dengan demikian itu bagi memasukkan kehadiran, memfailkan tuntutan dan mengambil notis permohonan untuk mengetepikan dekri itu. Plaintif hendaklah dalam masa yang ditetapkan di bawah subperenggan (2)(b) memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu salinan setiap akhbar yang di dalamnya iklan yang dikehendaki di bawah subperenggan (2)(a) tersiar.

(4) Masa yang dibenarkan di bawah subperenggan 2(b) hendaklah, melainkan jika oleh kerana sebab-sebab khas Pendaftar atau Hakim fikirkan patut diperuntukkan selainnya, hendaklah tidak kurang dari dua bulan daripada tarikh terakhir yang dibenarkan bagi penyiaran iklan itu; dan selepas tamat masa yang dibenarkan sedemikian, tiada kehadiran boleh dimasukkan, tuntutan difailkan atau notis permohonan diambil untuk mengetepikan dekri kecuali dengan kebenaran Pendaftar atau, atas suatu rayuan, kebenaran Hakim.

(5) Kecuali seperti yang disebut terdahulu, apa-apa dekri yang mengehadkan liabiliti plaintif (sama ada yang dibuat oleh Pendaftar atau semasa perbicaraan tindakan itu) boleh membuat apa-apa peruntukan sedemikian sebagaimana yang dibenarkan oleh Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

Tindakan pengehadan: Prosiding untuk mengetepikan dekri (A. 70, k. 38)

38. (1) Jika suatu dekri yang mengehadkan liabiliti plaintif (sama ada yang dibuat oleh Pendaftar atau semasa perbicaraan tindakan itu) menetapkan masa mengikut kaedah 37(2), mana-mana orang yang ada tuntutan terhadap plaintif berkenaan dengan kemalangan yang tindakan itu berkait, yang—

(a) tidak dinamakan dengan namanya dalam writ sebagai defendan dalam tindakan itu; atau

(b) sekiranya dinamakan sedemikian, tiada disampaikan dengan writ itu atau tidak memasukkan kehadiran,

boleh, dalam masa itu, selepas memasukkan kehadiran, mengambil notis permohonan yang boleh dikembalikan dalam Kamar di hadapan Pendaftar meminta supaya dekri itu diketepikan.

(2) Notis permohonan itu hendaklah disokong oleh affidavit atau affidavit-afidavit yang menunjukkan bahawa defendan yang berkenaan mempunyai tuntutan *bona fide* terhadap plaintif berkenaan dengan kemalangan yang berkenaan dan bahawa dia mempunyai alasan *prima facie* yang cukup bagi menghujahkan yang plaintif tidak berhak mendapat relief yang diberikan kepadanya oleh dekri itu.

(3) Notis permohonan dan tiap-tiap affidavit yang menyokongnya hendaklah, sekurang-kurangnya tujuh hari genap sebelum pendengaran notis permohonan itu, disampaikan kepada plaintif dan mana-mana defendan yang memasukkan kehadiran.

(4) Semasa pendengaran notis permohonan itu Pendaftar, sekiranya dia berpuas hati bahawa defendan yang berkenaan mempunyai tuntutan *bona fide* terhadap

plaintif dan alasan *prima facie* yang cukup bagi menghujahkan yang plaintif tidak berhak mendapat relief yang diberikan kepadanya oleh dekri itu, hendaklah mengetepikan dekri itu dan memberikan apa-apa arahan tentang prosiding selanjutnya dalam tindakan itu yang didapatinya sesuai termasuk, khususnya, arahan yang menghendaki pengambilan suatu permohonan minta arahan di bawah Aturan 34.

Perujukan kepada Pendaftar (A. 70, k. 39)

39. (1) Mana-mana pihak (yang disebut "pihak menuntut" dalam kaedah ini), yang membuat suatu tuntutan yang dirujukkan kepada Pendaftar untuk mendapatkan keputusan hendaklah, dalam dua bulan selepas perintah itu dibuat, atau, dalam suatu tindakan pengehadan, dalam apa-apa tempoh lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, memfailkan tuntutannya dan, melainkan jika perujukan itu berada dalam tindakan yang sedemikian, menyampaikan suatu salinan tuntutan itu kepada tiap-tiap pihak lain.

(2) Pada bila-bila masa selepas tuntutan pihak menuntut difailkan atau, jika perujukan itu adalah dalam suatu tindakan pengehadan, selepas tamat masa yang dihadkan oleh Mahkamah bagi pemfailan tuntutan, tetapi, dalam apa jua hal, tidak kurang dari dua puluh lapan hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran perujukan itu, mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu boleh memohon kepada Pendaftar melalui notis permohonan minta arahan tentang prosiding bagi perujukan itu, dan Pendaftar hendaklah memberikan apa-apa arahan, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut termasuk, tanpa menjejaskan keluasan makna perkataan yang terdahulu, suatu arahan yang menghendaki mana-mana pihak menyampaikan kepada mana-mana pihak menuntut, dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang dinyatakan oleh Pendaftar, suatu pembelaan kepada tuntutan pihak menuntut itu.

(3) Perujukan itu hendaklah didengar pada hari yang ditetapkan oleh Pendaftar dan, melainkan jika perujukan itu adalah dalam suatu tindakan pengehadan atau pihak dalam perujukan itu bersetuju dengan penetapan suatu hari yang tertentu, penetapan itu hendaklah dibuat melalui perintah di atas suatu permohonan melalui notis permohonan yang dibuat oleh mana-mana pihak dalam kausa atau perkara itu.

(4) Penetapan bagi pendengaran perujukan itu tidak boleh dibuat sehingga selepas pihak menuntut memfailkan tuntutannya atau, jika perujukan itu adalah dalam suatu tindakan pengehadan, sehingga selepas tamat masa yang dihadkan oleh Mahkamah bagi pemfailan tuntutan.

(5) Tidak lewat daripada tujuh hari selepas penetapan bagi pendengaran perujukan itu dibuat pihak menuntut atau, jika perujukan itu adalah dalam suatu tindakan pengehadan, plaintif hendaklah memasukkan perujukan itu bagi pendengaran dengan menyerahsimpan dalam Pejabat Pendaftaran suatu *praecipe* yang meminta dicatatkan perujukan itu dalam senarai bagi pendengaran pada hari yang ditetapkan.

(6) Tidak kurang daripada empat belas hari sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran perujukan itu pihak menuntut hendaklah memfailkan—

(a) suatu senarai, yang ditandatangani olehnya dan tiap-tiap pihak lain, yang mengandungi butir-butir tuntutannya, sekiranya ada, yang tidak dipertikaikan, dengan menyatakan amaun, sekiranya ada, yang dia dan pihak yang lain itu bersetuju patut dibenarkan berkenaan dengan setiap butir-butir sedemikian; dan

(b) affidavit berkenaan atau keterangan dokumentar lain sebagaimana yang dikehendaki untuk menyokong butir-butir tuntutannya yang dipertikaikan,

dan, melainkan jika perujukan itu adalah dalam suatu tindakan pengehadan, dia hendaklah pada masa yang sama menyampaikan kepada tiap-tiap pihak lain suatu salinan tiap-tiap dokumen yang difailkan di bawah perenggan ini.

(7) Jika pihak menuntut gagal mematuhi perenggan (1) atau subperenggan (6)(b), Mahkamah boleh, atas permohonan mana-mana pihak lain dalam kausa atau perkara itu, menolak tuntutan itu.

Pendengaran perujukan (A. 70, k. 40)

40. (1) Pendaftar boleh menangguhkan pendengaran suatu perujukan dari semasa ke semasa sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Pada masa atau sebelum pendengaran suatu perujukan, Pendaftar boleh memberi arahan menghadkan saksi yang boleh dipanggil, sama ada saksi pakar atau bukan, tetapi apa-apa arahan yang sedemikian boleh, apabila sebab yang mencukupi ditunjukkan, dibatalkan atau diubah oleh arahan terkemudian yang diberikan pada masa atau sebelum pendengaran itu.

(3) Tertakluk kepada perenggan (2), keterangan boleh diberi secara lisan atau melalui afidavit atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang dipersetujui, dan keterangan itu boleh, atas permohonan mana-mana satu pihak, tetapi atas perbelanjaan, pada mula-mulanya, pihak yang bagi pihaknya permohonan itu dibuat, diambil oleh penulis trengkas rasmi, sekiranya ada, dan dalam hal yang sedemikian transkrip nota penulis trengkas itu, yang diperakukan olehnya sebagai betul, hendaklah diterima untuk membuktikan keterangan lisan saksi di atas suatu bantahan yang dibuat terhadap keputusan Pendaftar.

(4) Apabila pendengaran perujukan tamat, Pendaftar hendaklah—

- (a) menurunkan ke dalam bentuk tulisan keputusannya mengenai persoalan yang berbangkit dalam perujukan itu (termasuk apa-apa perintah tentang kos) dan menyebabkannya difailkan;
- (b) menyebabkan difailkan sama ada bersama dengan keputusannya atau kemudiannya apa-apa pernyataan, sekiranya ada, tentang alasan keputusan itu yang difikirkannya patut; dan
- (c) menghantar kepada pihak-pihak dalam perujukan itu notis yang menyatakan bahawa dia berbuat demikian.

(5) Jika tiada pernyataan tentang alasan keputusan Pendaftar difailkan bersama dengan keputusannya dan tiada pemberitahuan diberi oleh Pendaftar bahawa dia berniat hendak memfailkan suatu pernyataan yang sedemikian kemudian kelak, mana-mana pihak dalam perujukan itu boleh, dalam empat belas hari selepas pemfailan keputusan itu, membuat permintaan bertulis kepada Pendaftar supaya memfailkan suatu pernyataan sedemikian.

Bantahan terhadap keputusan perujukan (A. 70, k. 41)

41. (1) Mana-mana pihak dalam perujukan kepada Pendaftar boleh, melalui notis permohonan bantahan, memohon kepada Hakim dalam Mahkamah untuk mengetepikan atau mengubah keputusan Pendaftar mengenai perujukan itu, tetapi notis permohonan itu, yang menyatakan perkara bantahan terhadap keputusan itu, hendaklah difailkan dalam masa empat belas hari selepas tarikh notis pemfailan keputusan itu dihantar kepada pihak itu di bawah kaedah 40(4) atau, sekiranya notis pemfailan pernyataan tentang alasan keputusan itu kemudiannya dihantar kepadanya di bawah kaedah itu, dalam empat belas hari selepas tarikh notis itu dihantar.

(2) Keputusan Pendaftar hendaklah disifatkan sebagai diberikan pada tarikh ia difailkan, tetapi melainkan jika dia atau Hakim mengarahkan selainnya, tindakan tidak boleh diambil di atas keputusan itu sehingga masa bagi pemfailan notis usul bantahan terhadapnya luput, atau semasa usul yang sedemikian belum selesai atau masih belum diselesaikan.

(3) Suatu arahan tidak boleh diberikan di bawah perenggan (2) tanpa pihak itu diberikan peluang untuk didengar, tetapi boleh, jika Pendaftar mengumumkan keputusan yang dicadangkannya pada penutup pendengaran perujukan itu, dimasukkan ke dalam keputusannya sebagaimana yang diturunkan ke dalam bentuk tulisan di bawah kaedah 40(4).

Penyediaan dan kemasukan penghakiman dan perintah (A. 70, k. 42)

42. Tiap-tiap penghakiman yang diberikan atau perintah yang dibuat dalam kausa atau perkara Admiralti hendaklah disediakan dan hendaklah dimasukkan oleh pegawai di Pejabat Pendaftaran dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.

Pemeriksaan dokumen yang difailkan di Pejabat Pendaftaran (A. 70, k. 43)

43. (1) Aturan 60, kaedah 4, hendaklah terpakai berhubung dengan dokumen yang difailkan dalam Pejabat Pendaftaran.

(2) Bagi maksud kaedah 4, sebagaimana yang dipakai oleh perenggan (1), suatu dekri yang dibuat dalam Kamar dalam tindakan pengehadan hendaklah disifatkan sebagai dibuat dalam Mahkamah.

ATURAN 71

PROSIDING PROBET BUKAN BERTIKAIAN

Pemakaian (A. 71, k. 1)

1. Kaedah-kaedah ini terpakai bagi prosiding probet bukan bertikaian tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut dalam Aturan ini.

Tafsiran (A. 71, k. 2)

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Akta" ertinya Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [*Akta 97*];

"nilai kasar", berhubung dengan apa-apa harta pusaka, ertinya nilai harta pusaka itu tanpa potongan bagi hutang, bebanan, belanja pengkebumian atau duti harta pusaka;

"Pejabat Pendaftaran Daerah" ertinya pejabat yang berkenaan bagi mana-mana Penolong Pendaftaran sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen 77A(2) Akta;

"Pejabat Pendaftaran Utama" ertinya Pejabat Pendaftaran Utama di Kuala Lumpur atau Pejabat Pendaftaran Utama di Kuching, mengikut mana-mana yang berkenaan;

"pemohon" ertinya seseorang yang memohon untuk suatu geran;

"pemohon peribadi" ertinya seseorang selain suatu perbadanan amanah yang bertujuan mendapatkan pemberian tanpa mengguna khidmat seorang peguam, dan "permohonan peribadi" mempunyai erti yang bersamaan;

"Pemungut" ertinya Pemungut Hasil Tanah dan termasuklah mana-mana pegawai yang bertindak di bawah peruntukan Akta Harta Pesaka Kecil (Pembahagian) 1955 [*Akta 98*];

"Pendaftar" ertinya Pendaftar dan mana-mana Timbalan Pendaftar, Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar (yang berkelayakan di bawah subseksyen 77A(2) Akta) Mahkamah Tinggi;

"Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama" ertinya Pendaftar Mahkamah Tinggi dan tidak termasuk mana-mana Pendaftar lain;

"penjaga menurut wasiat" ertinya seseorang sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 7 Akta Penjagaan Budak 1961 [*Akta 351*];

"penjaga statutori" ertinya penjaga budak yang dilantik oleh Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 6, 9 atau 13 Akta Penjagaan Budak 1961;

"perbadanan amanah" ertinya syarikat yang didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 [*Akta 100*] dan termasuklah Amanah Raya Berhad;

"wasiat" termasuklah wasiat lisan dan apa-apa dokumen perwasiatan atau salinan atau pembentukan semulanya.

Permohonan peribadi (A. 71, k. 3)

3. (1) Seorang pemohon peribadi boleh memohon suatu pemberian di Pejabat Pendaftaran.

(2) Seorang pemohon peribadi tidak boleh memohon melalui seorang ejen, sama ada yang dibayar atau tidak dibayar, dan tidak boleh hadir melalui mana-mana orang yang bertindak atau yang kelihatan bertindak sebagai penasihatnya.

(3) Suatu permohonan peribadi tidak boleh diterima atau diteruskan sekiranya—

(a) adalah menjadi perlu untuk membawa perkara itu ke hadapan Mahkamah melalui tindakan;

(b) suatu permohonan telah pun dibuat oleh peguam bagi pihak pemohon dan belum lagi ditarik balik; atau

(c) Pendaftar mengarahkan selainnya.

(4) Selepas suatu wasiat disimpan di Pejabat Pendaftaran oleh seorang pemohon peribadi, ia tidak boleh dihantarserah kepada pemohon atau kepada mana-mana orang lain melainkan jika dalam hal keadaan luar biasa yang Pendaftar arahkan.

(5) Seorang pemohon peribadi hendaklah mengemukakan suatu perakuan kematian si mati itu atau apa-apa keterangan lain mengenai kematian itu sebagaimana yang Pendaftar boleh luluskan.

(6) Tiap-tiap sumpah, affidavit atau bon yang dikehendaki dalam suatu permohonan peribadi (selain bon yang diberikan oleh suatu perbadanan mengikut kaedah 34) hendaklah diangkat sumpah atau disempurnakan oleh semua deponen atau penanggung obligasi di hadapan Pesuruhjaya Sumpah.

Kewajipan Pendaftar apabila menerima permohonan minta pemberian (A. 71. k. 4)

4. (1) Pendaftar tidak boleh membenarkan apa-apa pemberian dikeluarkan sehingga segala pertanyaan yang difikirkannya patut dibuat dijawab sehingga memuaskan hatinya.

(2) Pendaftar boleh menghendaki bukti pengenalan si mati atau pemohon pemberian itu lebih daripada apa yang terkandung dalam saman pemula.

(3) Kecuali dengan kebenaran Pendaftar, tiada pemberian probet atau kuasa mentadbir dengan wasiat terlampir boleh dikeluarkan dalam tujuh hari selepas kematian si mati dan tiada pemberian kuasa mentadbir boleh dikeluarkan dalam empat belas hari selepas kematian si mati.

(4) Apabila suatu permohonan untuk mendapatkan pemberian difailkan, Pendaftar hendaklah memberikan notis dalam Borang 158 kepada Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama dan memberitahu nombor siri Probet kepada Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama itu, yang hendaklah mencatatkan nombor itu dalam Buku Probet.

(5) Pendaftar hendaklah memberitahu Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama semua pemberian yang dibuat di bawah Akta dan kaedah-kaedah Aturan ini.

Permohonan bagi pemberian (A. 71, k. 5)

5. (1) Tiap-tiap permohonan untuk mendapatkan pemberian hendaklah dibuat melalui saman pemula dalam Borang 5 dan hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan maklumat dalam Borang 159 dan apa-apa maklumat dan/atau dokumen lain sebagaimana yang Pendaftar boleh kehendaki.

(2) Atas permohonan untuk mendapatkan pemberian kuasa mentadbir saman pemula itu hendaklah menyatakan sama ada, dan sekiranya ada, dengan cara apa, semua orang yang mempunyai hak terdahulu kepada pemberian diuruskan, dan sama ada apa-apa kepentingan minoriti atau kepentingan seumur hidup ada berbangkit di bawah wasiat atau kematian tak berwasiat itu.

(3) Jika si mati mati dengan berdomisil di luar Malaysia, saman pemula itu hendaklah menyatakan di mana si mati yang mati itu berdomisil.

(4) Sekiranya saman pemula itu menyatakan di mana si mati yang mati itu berdomisil (sama ada di dalam atau di luar Malaysia) suatu pernyataan tentang negara di mana dia mati berdomisil bolehlah dimasukkan dalam pemberian itu.

(5) Dalam tiap-tiap saman pemula—

(a) jika mana-mana orang dinamakan sebagai saudara si mati, dia hendaklah, sekiranya dia saudara yang sah di sisi undang-undang, diperihalkan sedemikian, dan jika kesahan apa-apa perhubungan sedemikian dikatakan adalah menurut kuasa mana-mana undang-undang atau adat, undang-undang atau adat itu hendaklah dinyatakan; dan

(b) jika dikatakan bahawa mana-mana orang adalah berhak berkongsi dalam pembahagian harta pusaka si mati tak berwasiat, hendaklah dinyatakan apa persaudaraan orang itu dengan si mati, dan sama ada hanya dialah waris kadim atau salah seorang dari waris kadim dan menurut undang-undang atau adat mana dia berhak sedemikian.

(6) Jika permohonan untuk mendapatkan pemberian, untuk pertama kalinya, dibuat selepas luput tiga tahun dari kematian si mati, sebab kelengahan membuat permohonan itu hendaklah dinyatakan dalam saman pemula.

Pemberian dalam nama tambahan (A. 71, k. 6)

6. Jika adalah perlu memperihalkan si mati dalam pemberian dengan suatu nama tambahan kepada nama sebenarnya, pemohon itu hendaklah menyatakan dalam saman pemula itu nama sebenar si mati dan hendaklah mendepos bahawa sebahagian daripada harta pusaka itu, dengan menyatakan bahagiannya, dipegang dalam nama yang satu lagi itu, atau tentang apa-apa sebab lain yang mungkin ada untuk memasukkan nama yang satu lagi itu ke dalam pemberian.

Menandakan wasiat (A. 71, k. 7)

7. (1) Tiap-tiap wasiat yang berkenaan dengannya suatu permohonan untuk mendapatkan pemberian dibuat hendaklah diekshibitkan pada saman pemula dan sesalinan benar terperaku wasiat itu hendaklah dilampirkan kepadanya.

(2) Jika wasiat itu bukan dalam bahasa Inggeris, maka hendaklah juga dilampirkan kepada permohonan di bawah perenggan (1) suatu terjemahan yang diperakui oleh Jurubahasa Mahkamah atau suatu terjemahan yang ditentukan melalui affidavit oleh seseorang yang berkelayakan menterjemahkannya.

Penulisan bagi maksud rekod (A. 71, k. 8)

8. (1) Jika Pendaftar menimbangkan bahawa dalam apa-apa hal tertentu salinan fotografik wasiat asal tidak mencukupi bagi maksud rekod, dia boleh menghendaki suatu penulisan yang sesuai untuk penerbitan semula secara fotografik difailkan.

(2) Jika suatu wasiat mengandungi perubahan yang tidak boleh diterima sebagai bukti, maka hendaklah difailkan suatu penulisan wasiat itu dalam bentuk yang ia hendak dibuktikan.

(3) Apa-apa penulisan yang difailkan di bawah kaedah ini hendaklah menerbitkan semula tanda baca, jarakan dan pembahagian kepada perenggan-perenggan bagi wasiat itu dan, sekiranya ia merupakan suatu wasiat yang baginya perenggan (2) terpakai, ia hendaklah dibuat di atas kertas yang tahan lama.

(4) Jika terdapat apa-apa tulisan pensil pada wasiat, maka hendaklah difailkan sesalinan wasiat itu atau halaman atau lembarannya yang mengandungi tulisan pensil itu, yang di dalamnya hendaklah digariskan dengan dakwat merah bahagian yang didapati bertulis pensil dalam yang asal itu.

Keterangan tentang penyempurnaan wajar wasiat (A. 71, k. 9)

9. (1) Jika suatu wasiat tidak mengandungi fasal pengakusaksian atau fasal pengakusaksian adalah tidak mencukupi atau jika ternyata kepada Pendaftar bahawa terdapat beberapa keraguan mengenai penyempurnaan wajar wasiat itu, dia hendaklah,

sebelum menerimanya sebagai bukti, menghendaki suatu affidavit tentang penyempurnaan wajarnya daripada seorang saksi pengakusaksian atau lebih, atau, sekiranya tiada saksi pengakusaksian boleh didapati dengan mudah, daripada mana-mana orang lain yang hadir pada masa wasiat itu disempurnakan.

(2) Sekiranya tiada affidavit boleh didapati mengikut perenggan (1), Pendaftar boleh, sekiranya dia fikirkan patut dengan memberi perhatian berat kepada wajarnya melindungi kepentingan mana-mana orang yang mungkin terjejas oleh wasiat itu, menerima keterangan melalui affidavit daripada mana-mana orang yang difikirkannya patut untuk menunjukkan bahawa tandatangan pada wasiat itu ialah dalam tulisan tangan si mati, atau mengenai apa-apa perkara lain yang boleh menimbulkan anggapan yang menyokong penyempurnaan wasiat itu.

(3) Sekiranya Pendaftar, selepas menimbangkan keterangan itu—

- (a) berpuas hati bahawa wasiat itu tidak disempurnakan dengan sempurnanya, dia hendaklah menolak dan hendaklah memerintahkan sewajarnya; atau
- (b) meragui sama ada wasiat itu telah disempurnakan dengan sempurnanya, dia boleh merujuk perkara itu kepada Mahkamah.

Penyempurnaan wasiat oleh pewasiat yang buta atau buta huruf (A. 71. k. 10)

10. Sebelum menerima sebagai bukti wasiat yang didapati ditandatangani oleh seorang pewasiat yang buta atau buta huruf atau oleh seorang lain dengan arahan pewasiat, atau yang kerana apa-apa sebab lain menimbulkan keraguan tentang pewasiat mempunyai pengetahuan akan isi kandungan wasiat itu pada masa ia disempurnakan, Pendaftar hendaklah memuaskan hatinya bahawa pewasiat itu mempunyai pengetahuan yang sedemikian.

Keterangan tentang terma, syarat dan tarikh penyempurnaan wasiat (A. 71, k. 11)

11. (1) Jika terdapat dalam suatu wasiat apa-apa pemadaman, tulisan antara garisan, atau perubahan lain yang tidak disahkan mengikut cara yang ditetapkan oleh seksyen 15 Akta Wasiat 1959 [*Akta 346*] atau oleh penyempurnaan semula wasiat atau oleh penyempurnaan suatu kodisil, Pendaftar hendaklah menghendaki keterangan untuk menunjukkan sama ada perubahan itu ada pada masa wasiat itu disempurnakan dan hendaklah memberikan arahan tentang cara bagaimana wasiat itu kena dibuktikan:

Dengan syarat bahawa perenggan ini tidaklah terpakai bagi apa-apa perubahan yang ternyata kepada Pendaftar sebagai tidak mempunyai kepentingan yang praktikal.

(2) Sekiranya dari apa-apa tanda pada wasiat itu ternyata kepada Pendaftar bahawa suatu dokumen lain dikepilkan kepada wasiat itu, atau sekiranya suatu wasiat mengandungi apa-apa sebutan mengenai suatu dokumen lain dalam apa-apa terma yang menyarankan bahawa ia patut dimasukkan dalam wasiat itu, Pendaftar boleh menghendaki dokumen itu dikemukakan dan boleh meminta apa-apa keterangan berkenaan dengan pengepilan atau pemasukan dokumen itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Jika terdapat keraguan tentang tarikh sesuatu wasiat itu disempurnakan, Pendaftar boleh menghendaki apa-apa keterangan sebagaimana yang difikirkannya perlu untuk memastikan tarikh itu.

Percubaan membatalkan wasiat (A. 71, k. 12)

12. Apa-apa tanda percubaan membatalkan wasiat dengan cara membakar, mengoyakkan atau selainnya, dan tiap-tiap hal keadaan lain yang membawa kepada anggapan pembatalan oleh pewasiat, hendaklah diambil kira untuk memuaskan hati Pendaftar.

Afidavit tentang penyempurnaan wajar, terma, wasiat (A. 71, k. 13)

13. Pendaftar boleh menghendaki afidavit daripada mana-mana orang yang difikirkannya patut bagi maksud memuaskan hatinya tentang apa-apa perkara yang

disebutkan dalam kaedah 10, 11 dan 12, dan dalam apa-apa affidavit sedemikian yang diangkat sumpah oleh seorang saksi pengakusaksian atau orang lain yang hadir pada masa penyempurnaan suatu wasiat deponen itu hendaklah mendepos tentang cara wasiat itu disempurnakan.

Wasiat yang tidak dibuktikan di bawah seksyen 5 Akta Wasiat (A. 71, k. 14)

14. Tiada apa-apa jua dalam kaedah 9, 10, 11 atau 12 hendaklah terpakai bagi apa-apa wasiat yang diminta untuk dipastikan melainkan dengan merujuk kepada seksyen 5 Akta Wasiat 1959 tetapi terma-terma dan kesahan mana-mana wasiat itu hendaklah dipastikan hingga memuaskan hati Pendaftar.

Wasiat orang dalam perkhidmatan tentera dan kelasi (A. 71, k. 15)

15. Sekiranya ternyata kepada Pendaftar bahawa ada keterangan *prima facie* yang sesuatu wasiat adalah wasiat yang baginya seksyen 26 Akta Wasiat 1959 terpakai wasiat itu boleh diterima sebagai bukti sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa ia ditandatangani oleh pewasiat atau, sekiranya tidak ditandatangani, bahawa ia adalah dalam tulisan tangan pewasiat.

Keterangan undang-undang asing (A. 71, k. 16)

16. Jika keterangan mengenai undang-undang suatu negara di luar Malaysia dikehendaki bagi apa-apa permohonan untuk mendapatkan suatu pemberian, affidavit mana-mana orang yang menjalankan amalan, atau telah menjalankan amalan, sebagai seorang barrister atau peguam dalam negara itu dan yang fasih dengan undang-undangnya boleh disetujuterima oleh Pendaftar melainkan jika deponen itu ialah seorang yang menuntut sebagai berhak kepada pemberian itu atau wakilnya, atau ialah pasangan kepada mana-mana orang atau wakil sedemikian:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh dalam hal keadaan luar biasa menyetujuterima affidavit mana-mana orang lain yang tidak memiliki kelayakan yang dikehendaki oleh kaedah ini sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa oleh sebab kedudukan rasmi orang itu atau selainnya dia mempunyai pengetahuan mengenai undang-undang negara yang berkenaan.

Susunan prioriti bagi pemberian jika si mati meninggalkan wasiat (A. 71, k. 17)

17. Orang itu atau orang yang berhak kepada pemberian probet atau kuasa mentadbir dengan wasiat terlampir hendaklah ditentukan mengikut peruntukan seksyen 3 dan 16 Akta.

Pemberian kepada saksi pengakusaksian (A. 71, k. 18)

18. Jika sesuatu alang kepada mana-mana orang gagal disebabkan oleh seksyen 9 Akta Wasiat 1959 (yang memperuntukkan bahawa alang kepada saksi pengakusaksian atau pasangan mereka adalah tidak sah), orang itu tidaklah mempunyai apa-apa hak kepada suatu pemberian sebagai seorang benefisiari yang dinamakan dalam wasiat itu, tanpa menjejaskan haknya kepada suatu pemberian dalam mana-mana kapasiti lain.

Susunan keutamaan bagi pemberian dalam hal kematian tak berwasiat (A. 71, k. 19)

19. Jika si mati mati tak berwasiat keseluruhannya, orang yang berhak kepada suatu pemberian kuasa mentadbir hendaklah ditentukan mengikut peruntukan seksyen 30 Akta.

Hak pemegang serah hak kepada suatu pemberian (A. 71, k. 20)

20. (1) Jika semua orang yang berhak kepada harta pusaka si mati (sama ada di bawah suatu wasiat atau di atas kematian tak berwasiat) menyerahkan keseluruhan kepentingan mereka dalam harta pusaka itu kepada satu orang atau lebih, pemegang serah hak atau pemegang-pemegang serah hak itu hendaklah menggantikan, mengikut susunan keutamaan bagi suatu pemberian kuasa mentadbir, penyerah hak itu atau, sekiranya terdapat dua atau lebih penyerah hak, penyerah hak dengan keutamaan yang tertinggi sekali.

(2) Jika terdapat dua atau lebih pemegang serah hak, kuasa mentadbir boleh diberikan dengan persetujuan daripada yang lain kepada mana-mana salah seorang atau lebih (tidak melebihi empat) daripada mereka.

(3) Dalam apa-apa hal yang kuasa mentadbir dipohon oleh seorang pemegang serah hak, sesalinan suratcara penyerahhakan itu hendaklah diserahkan di Pejabat Pendaftaran.

Wakil diri tambahan (A. 71, k. 21)

21. (1) Suatu permohonan di bawah subseksyen 4(2) Akta untuk menambah seorang wakil diri hendaklah dibuat melalui notis permohonan kepada Pendaftar dan hendaklah disokong dengan affidavit oleh pemohon, persetujuan orang yang dicadangkan hendak ditambah sebagai wakil diri dan apa-apa keterangan lain sebagaimana yang Pendaftar kehendaki.

(2) Suatu notis permohonan di bawah perenggan (1) hendaklah disampaikan kepada semua orang yang berhak pada takat yang sama dengan pemohon.

(3) Atas apa-apa permohonan sedemikian Pendaftar boleh mengarahkan bahawa suatu nota hendaklah dibuat di atas pemberian asal mengenai tambahan seorang lagi wakil diri, atau dia boleh mengimpaun atau membatalkan pemberian itu atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang mengikut kehendak hal keadaan kes itu.

Pemberian jika dua orang atau lebih berhak pada takat yang sama (A. 71, k. 22)

22. (1) Suatu geran boleh dibuat kepada mana-mana orang yang berhak kepadanya tanpa memberi notis kepada orang lain yang berhak pada takat yang sama.

(2) Suatu pertikaian antara orang yang berhak kepada suatu pemberian pada takat yang sama hendaklah dibawa melalui notis permohonan di hadapan Pendaftar.

(3) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, kuasa mentadbir hendaklah diberikan dengan mengutamakan seseorang yang masih hidup daripada wakil diri orang si mati yang adalah, sekiranya dia masih hidup, berhak pada takat yang sama dan dengan mengutamakan seorang yang bukan tidak berkeupayaan daripada seorang budak yang berhak pada takat yang sama.

(4) Sekiranya pengeluaran suatu notis permohonan di bawah kaedah ini diketahui oleh Pendaftar, dia tidak boleh membenarkan apa-apa pemberian disebut sehingga notis permohonan berkenaan diselesaikan dengan muktamad.

Kecualian kepada kaedah-kaedah tentang keutamaan (A. 71, k. 23)

23. (1) Tiada apa jua dalam kaedah 17, 19 atau 22 boleh berkuat kuasa untuk menghalang suatu pemberian dibuat kepada mana-mana orang yang kepadanya pemberian boleh dibuat atau boleh dikehendaki untuk dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

(2) Kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam perenggan (1) tidaklah terpakai jika si mati mati dengan berdomisil di luar Malaysia, kecuali dalam hal yang baginya proviso kaedah 25 terpakai.

Pemberian kepada orang-orang yang mempunyai jangkauan perwarisan (A. 71, k. 24)

24. Apabila kepentingan benefisial dalam keseluruhan harta pusaka si mati terletak hak secara mutlak pada seorang yang menolak haknya kepada suatu pemberian dan bersetuju supaya kuasa mentadbir diberikan kepada orang yang berhak kepada harta pusakanya sekiranya dia sendiri mati tidak berwasiat, kuasa mentadbir boleh diberikan kepada orang sedemikian atau kepada seorang atau lebih (tidak melebihi empat orang) daripada orang sedemikian.

Pemberian jika si mati mati dengan berdomisil di luar Malaysia (A. 71, k. 25)

25. Sekiranya si mati mati berdomisil di luar Malaysia, suatu permohonan boleh dibuat kepada Pendaftar bagi mendapatkan suatu perintah untuk suatu pemberian—

- (a) diberikan kepada orang yang diamanahkan dengan kuasa mentadbir harta pusaka itu oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana si mati mati berdomisil;
- (b) diberikan kepada orang yang berhak mentadbirkan harta pusaka itu mengikut undang-undang tempat di mana si mati mati berdomisil;

- (c) sekiranya tiada orang sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (a) atau (b) atau sekiranya pada pendapat Pendaftar hal keadaan berkehendakkan sedemikian diberikan kepada seseorang sebagaimana yang Pendaftar boleh arahkan;
- (d) sekiranya, menurut kuasa seksyen 4 Akta, suatu pemberian yang dikehendaki untuk dibuat kepada, atau sekiranya Pendaftar menurut budi bicaranya berpendapat bahawa suatu pemberian patut dibuat kepada, tidak kurang daripada dua orang pentadbir kepada mana-mana orang sebagaimana yang Pendaftar boleh mengarahkan bersesama dengan mana-mana orang berkenaan sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan (a) atau (b) atau dengan mana-mana orang lain:

Dengan syarat bahawa tanpa apa-apa permohonan sedemikian seperti yang disebut terdahulu—

- (A) probet bagi apa-apa wasiat yang boleh diterima sebagai bukti boleh diberikan—
- (i) sekiranya wasiat itu adalah dalam bahasa Inggeris, kepada wasi yang dinamakan di dalamnya;
- (ii) sekiranya wasiat itu memperihalkan kewajipan seseorang yang dinamakan dengan terma-terma yang cukup untuk menjadikannya wasi mengikut maksud wasiat itu, kepada orang itu;
- (B) jika keseluruhan harta pusaka yang berada di Malaysia terdiri daripada harta tak alih, suatu pemberian yang terhad kepadanya boleh dibuat mengikut undang-undang yang akan terpakai sekiranya si mati telah mati berdomisil di Malaysia.

Pemberian kepada wakil (A. 71, k. 26)

26. Jika seseorang yang berhak kepada suatu pemberian bermastautin di luar Malaysia, kuasa mentadbir boleh diberikan kepada wakilnya yang sah di sisi undang-undang untuk kegunaan dan faedahnya, terhad sehingga orang itu boleh mendapatkan suatu pemberian atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang Pendaftar boleh arahkan:

Dengan syarat bahawa wakil itu hendaklah memfailkan sesalinan benar terperaku bagi surat kuasa wakil itu bersama dengan saman pemula atau membuktikan bahawa dia telah mendepositkannya atau sesalinan terperakunya di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi mengikut cara yang diperuntukkan oleh seksyen 4 Akta Surat Kuasa Wakil 1949:

Dan dengan syarat bahawa jika orang yang berhak sedemikian adalah seorang wasi, kuasa mentadbir tidak boleh diberikan kepada wakilnya tanpa notis kepada wasi yang lain, sekiranya ada, melainkan jika notis sedemikian tidak diperlukan oleh Pendaftar.

Pemberian bagi pihak budak (A. 71, k. 27)

27. (1) Jika orang yang kalau tidak kerananya suatu geran akan dibuat ialah seorang budak, kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedahnya sehingga dia mencapai umur dewasa hendaklah, tertakluk kepada perenggan (3) dan (5), diberikan—

- (a) kepada kedua ibu bapa budak itu bersesama atau kepada penjaga statutori atau penjaga menurut wasiat bagi budak itu atau kepada mana-mana penjaga yang dilantik oleh Mahkamah yang mempunyai bidang kuasa kompeten; atau
- (b) sekiranya tiada penjaga sedemikian yang boleh dan sanggup bertindak dan budak itu telah mencapai umur enam belas tahun, kepada mana-mana waris kadim yang dinamakan oleh budak itu atau jika budak itu ialah seorang perempuan bersuami, kepada

mana-mana waris kadimnya yang sedemikian atau kepada suaminya jsekiranya dinamakan olehnya.

(2) Mana-mana orang yang dinamakan di bawah subperenggan (1)(b) boleh mewakili mana-mana budak lain yang waris kadimnya adalah dirinya, yang merupakan seorang budak di bawah umur enam belas tahun yang berhak pada takat yang sama dengan budak yang membuat penamaan itu.

(3) Walau apapun apa-apa jua dalam kaedah ini, kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedah budak itu sehingga dia mencapai umur dewasa bolehlah diberikan kepada mana-mana orang yang ditugaskan sebagai penjaga melalui perintah Pendaftar kerana ketiadaan, atau bersesama dengan, atau tanpa memasukkan, mana-mana orang sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (1); dan perintah sedemikian boleh dibuat atas permohonan yang dibuat oleh penjaga yang dicadangkan itu, yang hendaklah memfailkan suatu affidavit yang menyokong permohonan itu dan, sekiranya dikehendaki oleh Pendaftar, suatu affidavit kelayakan yang diangkat sumpah oleh seorang yang bertanggungjawab.

(4) Jika mengikut seksyen 4 Akta, suatu pemberian yang dikehendaki untuk dibuat kepada tidak kurang daripada dua orang pentadbir dan hanya ada seorang sahaja yang kompeten dan sanggup mengambil suatu pemberian di bawah peruntukan yang terdahulu dalam kaedah ini, kuasa mentadbir boleh, melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, diberikan kepada orang berkenaan bersesama dengan mana-mana orang lain yang dinamakannya sebagai orang yang layak dan sesuai untuk mengambil pemberian itu.

(5) Jika seseorang budak yang merupakan wasi tunggal tidak mempunyai kepentingan dalam harta pusaka bakian si mati, kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedah budak itu sehingga dia mencapai umur dua puluh satu tahun hendaklah, melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, diberikan kepada orang yang berhak kepada harta pusaka bakian itu.

(6) Hak seseorang budak mendapatkan kuasa mentadbir boleh ditolak hanya oleh orang yang ditugaskan sebagai penjaga di bawah perenggan (3) dan diberi kuasa untuk menolak oleh Pendaftar.

Pemberian jika budak ialah wasi bersama (A. 71, k. 28)

28. (1) Jika seorang daripada dua atau lebih wasi ialah seorang budak, probet boleh diberikan kepada wasi atau wasi-wasi lain yang bukan tidak berkeupayaan, dengan dirizabkan kuasa untuk membuat pemberian yang serupa kepada budak itu apabila dia mencapai umur dewasa, dan kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedah budak itu sehingga dia mencapai umur dewasa boleh diberikan di bawah kaedah 27 sekiranya dan hanya sekiranya wasi-wasi yang bukan tidak berkeupayaan menolak atau, apabila dinamakan untuk menerima atau menolak suatu pemberian, gagal membuat suatu permohonan yang berkesan mengenainya.

(2) Hak seorang wasi budak kepada probet apabila mencapai umur dewasa tidak boleh ditolakkan oleh mana-mana orang bagi pihaknya.

Pemberian dalam hal ketidakupayaan mental atau fizikal (A. 71, k. 29)

29. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa seseorang yang berhak kepada suatu pemberian adalah dengan sebab ketidaksempurnaan akal atau ketidakupayaan fizikal tidak berupaya menguruskan dirinya sendiri atau hal ehwalnya, kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedahnya, yang terhad sepanjang ketidakupayaannya atau mengikut cara lain sebagaimana yang Pendaftar boleh arahkan, boleh diberikan—

(a) dalam hal ketidaksempurnaan akal, kepada orang yang diberikuasa oleh Mahkamah Tinggi; atau

(b) jika tidak ada orang yang diberikuasa sedemikian, atau dalam hal ketidakupayaan fizikal—

(i) sekiranya orang yang tidak berupaya itu berhak sebagai wasi, kepada orang yang berhak kepada harta pusaka bakian si mati;

- (ii) sekiranya orang yang tidak berupaya itu berhak melainkan sebagai seorang wasi kepada orang yang akan berhak kepada suatu geran berkenaan dengan harta pusaknya sekiranya dia mati tidak berwasiat,

atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang Pendaftar boleh melalui perintah mengarahkan.

(2) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, pemberian kuasa mentadbir tidak boleh dibuat di bawah perenggan (1) melainkan jika semua orang yang berhak pada takat yang sama dengan orang yang tidak berupaya itu diuruskan.

(3) Dalam hal ketidakupayaan fizikal, notis permohonan yang diniatkan untuk mendapatkan suatu pemberian di bawah perenggan (1) hendaklah, melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, diberikan kepada orang yang dikatakan tidak berkeupayaan itu.

**Pemberian kepada perbadanan amanah dan pertubuhan perbadanan yang lain
(A. 71, k. 30)**

30. (1) Jika suatu perbadanan amanah memohon suatu pemberian melalui seorang daripada pegawainya, pegawai itu hendaklah memfailkan sesalinan terperaku ketetapan yang memberi kuasa kepadanya untuk membuat permohonan itu dan hendaklah mendepos dalam saman pemula itu bahawa perbadanan itu ialah suatu perbadanan amanah, dan bahawa ia mempunyai kuasa untuk menyetujui terima suatu pemberian:

Dengan syarat bahawa tidaklah perlu difailkan sesalinan terperaku ketetapan itu jika pegawai yang melaluinya permohonan itu dibuat termasuk dalam senarai orang yang diberikuasa membuat permohonan sedemikian yang disimpan oleh Pendaftar.

(2) Jika suatu perbadanan amanah memohon suatu pemberian kuasa mentadbir melainkan sebagai wakil bagi seseorang, maka hendaklah difailkan bersama dengan saman pemula itu persetujuan semua orang yang berhak kepada pemberian itu

dan semua orang yang berkepentingan dalam harta pusaka bakian si mati, melainkan jika Pendaftar mengarahkan bahawa persetujuan sedemikian tidak diperlukan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Jika suatu perbadanan (yang bukan suatu perbadanan amanah) adalah, sekiranya ia seorang individu, berhak kepada suatu pemberian, kuasa mentadbir bagi kegunaan dan faedahnya, yang terhad sehingga perwakilan selanjutnya diberikan, bolehlah diberikan kepada penerima namaannya atau, sekiranya perbadanan itu mempunyai tempat perniagaan utama di luar Malaysia, kepada penerima namaannya atau wakilnya yang dilantik dengan sah di sisi undang-undang, dan sesalinan ketetapan yang melantik penerima namaan itu atau surat kuasa wakil itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dimeteraikan oleh perbadanan itu atau selainnya yang disahkan hingga memuaskan hati Pendaftar hendaklah difailkan bersama dengan saman pemula bagi pemberian itu, dan saman pemula itu hendaklah menyatakan bahawa perbadanan itu bukanlah suatu perbadanan amanah.

Penolakan probet dan kuasa mentadbir (A. 71, k. 31)

31. (1) Penolakan probet oleh seseorang wasi tidak boleh berkuat kuasa sebagai penolakan apa-apa hak yang dia mungkin ada bagi suatu pemberian kuasa mentadbir atas suatu sifat lain melainkan jika dia dengan nyata menolak hak tersebut.

(2) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, tiada orang yang menolak kuasa mentadbir dalam satu kapasiti boleh mendapatkan pemberian mengenainya dalam suatu kapasiti yang lain.

(3) Suatu penolakan probet atau kuasa mentadbir boleh ditarik balik pada bila-bila masa dengan kebenaran Mahkamah mengikut peruntukan seksyen 10 Akta:

Dengan syarat bahawa hanya dalam hal keadaan istimewa sahaja kebenaran boleh diberikan kepada seorang wasi untuk menarik balik penolakan probet selepas suatu pemberian dibuat kepada seseorang lain yang berhak pada takat yang lebih rendah.

(4) Penolakan bertulis suatu hak kepada pemberian di bawah seksyen 3 Akta hendaklah dibuat dalam salah satu bentuk dalam Borang 160.

Notis kepada Peguam Negara mengenai permohonan yang diniatkan bagi pemberian (A. 71, k. 32)

32. Dalam apa-apa hal yang ternyata bahawa Kerajaan adalah atau mungkin berkepentingan secara benefisial dalam harta pusaka orang yang mati, notis permohonan yang diniatkan bagi pemberian hendaklah diberikan oleh pemohon kepada Peguam Negara, dan Pendaftar boleh mengarahkan bahawa tiada pemberian boleh dikeluarkan dalam suatu masa tertentu selepas notis itu diberikan.

Sumpah kuasa mentadbir (A. 71, k. 33)

33. Suatu sumpah kuasa mentadbir hendaklah dalam Borang 161 dan hendaklah diakusaksikan oleh Persuruhjaya Sumpah.

Bon kuasa mentadbir (A. 71, k. 34)

34. (1) Suatu bon kuasa mentadbir di bawah seksyen 35 Akta hendaklah dalam Borang 162 dan tandatangan pentadbir dan mana-mana penjamin (yang bukan, dalam mana-mana satu hal, suatu perbadanan) hendaklah diakusaksikan oleh Pesuruhjaya Sumpah.

(2) Kecuali dalam hal yang baginya perenggan (3) terpakai atau jika Pendaftar mengarahkan selainnya, maka hendaklah ada dua penjamin kepada tiap-tiap bon kuasa mentadbir.

(3) Seorang penjamin tidaklah dikehendaki atas suatu permohonan bagi pemberian kuasa mentadbir—

(a) oleh suatu perbadanan amanah, sama ada berseorangan atau berse sama dengan seorang individu;

(b) oleh seorang pekhidmat Kerajaan yang bertindak atas kapsiti rasminya;

(c) jika si mati tidak meninggalkan harta pusaka.

(4) Pendaftar hendaklah setakat mana yang mungkin memuaskan hatinya bahawa tiap-tiap penjamin kepada suatu bon kuasa mentadbir ialah orang yang bertanggungjawab.

(5) Melainkan jika Pendaftar mengarahkan selainnya, seseorang tidak boleh diterima sebagai penjamin melainkan jika dia bermastautin di Malaysia.

(6) Pegawai Pejabat Pendaftaran tidak boleh menjadi penjamin tanpa kebenaran Pendaftar.

(7) Jika penjamin yang dicadangkan itu ialah suatu perbadanan (selain perbadanan amanah), maka hendaklah difailkan suatu affidavit oleh pegawai yang berkenaan bagi perbadanan itu yang bermaksud bahawa ia mempunyai kuasa untuk bertindak sebagai penjamin dan menyempurnakan bon itu mengikut cara yang ditetapkan oleh perlembagaannya, dan mengandungi maklumat yang cukup tentang kedudukan kewangan perbadanan itu untuk memuaskan hati Pendaftar bahawa aset-asetnya adalah cukup untuk menjelaskan semua tuntutan yang mungkin dibuat terhadapnya di bawah mana-mana bon kuasa mentadbir yang berkenaan dengannya ia menjadi atau berkemungkinan menjadi penjamin:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh, sebagai ganti menghendaki suatu affidavit dalam tiap-tiap hal, menyetujui terima suatu affidavit yang dibuat tidak kurang kerapnya daripada sekali tiap-tiap tahun bersama dengan suatu aku janji oleh perbadanan itu untuk memberitahu Pendaftar dengan serta-merta dalam keadaan apa-apa perubahan dalam perlembagaannya yang menyentuh kuasanya untuk menjadi penjamin kepada bon kuasa mentadbir.

(8) Suatu permohonan di bawah seksyen 37 Akta untuk mendapatkan suatu perintah bagi menyerahhakkan suatu bon kuasa mentadbir hendaklah dibuat melalui notis permohonan kepada Pendaftar dan notis permohonan itu hendaklah disampaikan kepada pentadbir dan kepada tiap-tiap penjamin.

Bentuk pemberian (A. 71, k. 35)

35. Suatu geran yang dibuat di bawah Akta dan kaedah-kaedah Aturan ini hendaklah dibuat dalam salah satu bentuk dalam Borang 163.

Pindaan dan pembatalan pemberian (A. 71, k. 36)

36. (1) Sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa suatu pemberian patut dipinda atau dibatalkan, dia boleh membuat suatu perintah yang sewajarnya:

Dengan syarat bahawa kecuali dalam hal keadaan luar biasa tiada pemberian boleh dipinda atau dibatalkan di bawah kaedah ini kecuali atas permohonan atau dengan persetujuan orang yang kepadanya pemberian itu dibuat.

(2) Pendaftar hendaklah memberitahu Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama apa-apa pindaan atau pembatalan suatu pemberian di bawah perenggan (1).

Kaveat (A. 71, k. 37)

37. (1) Mana-mana orang yang ingin memastikan bahawa tiada pemberian dibuat tanpa notis kepadanya boleh memasukkan kaveat.

(2) Apabila kaveat dimasukkan, Pendaftar hendaklah mengemukakan sesalinan kaveat itu dan memberi notis dalam Borang 158 kepada Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama.

(3) Mana-mana orang yang ingin memasukkan kaveat (yang disebut "pengkaveat" dalam kaedah ini) boleh berbuat demikian dengan memfailkan kaveat dalam Borang 164 di Pejabat Pendaftaran dan mendapatkan suatu akuterimaan tentang kemasukannya daripada pegawai yang berkenaan, atau dengan menghantar kaveat itu melalui pos atas risikonya sendiri kepada Pejabat Pendaftaran.

(4) Jika kaveat dimasukkan oleh seorang peguam bagi pihak pengkaveat, nama pengkaveat itu hendaklah dinyatakan.

(5) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh kaedah ini, suatu kaveat hendaklah terus berkuatkuasa selama enam bulan daripada tarikh ia dimasukkan dan kemudiannya hendaklah terhenti berkuat kuasa, tanpa menjejaskan kemasukan kaveat atau kaveat-kaveat selanjutnya.

(6) Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama hendaklah menyenggara suatu indeks kaveat yang dimasukkan di semua Pejabat Pendaftaran dan apabila menerima notis permohonan untuk mendapatkan pemberian yang dibuat di mana-mana Pejabat Pendaftaran atau kepada seorang Pemungut dia hendaklah menyebabkan carian dibuat ke atas indeks itu dan hendaklah memberitahu Pendaftar atau Pemungut yang berkenaan, sekiranya sesuatu kaveat dimasukkan terhadap pemeteraan suatu pemberian yang permohonan mengenainya dibuat di Pejabat Pendaftaran atau kepada Pemungut.

(7) Pendaftar tidak boleh membuat apa-apa pemberian sekiranya dia mempunyai pengetahuan tentang suatu kaveat yang berkesan berkenaan dengannya:

Dengan syarat bahawa tiada kaveat boleh berkuat kuasa untuk mencegah pembuatan suatu pemberian pada hari kaveat itu difailkan.

(8) Amaran tentang suatu kaveat boleh diberikan dengan mengeluarkan daripada Pejabat Pendaftaran suatu amaran dalam Borang 165 atas permintaan mana-mana orang yang berkepentingan (yang disebut "orang yang memberi amaran" dalam kaedah ini) yang hendaklah menyatakan kepentingannya dan, sekiranya dia menuntut di bawah suatu wasiat, tarikh wasiat itu, dan hendaklah menghendaki pengkaveat supaya memberikan butir-butir apa-apa kepentingan bertentangan yang dia mungkin ada dalam harta pusaka si mati; dan tiap-tiap amaran atau sesalinannya hendaklah disampaikan kepada pengkaveat dan Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama.

(9) Pengkaveat yang tidak memasukkan kehadiran dalam Borang 166 terhadap suatu amaran boleh pada bila-bila masa menarik balik kaveatnya dengan memberi notis di Pejabat Pendaftaran dan menyampaikan sesalinannya kepada Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama dan kaveat itu hendaklah berikutan dengan itu

terhenti daripada mempunyai kuat kuasa dan, sekiranya dia diberi amaran, pengkaveat itu hendaklah memberi notis penarikan balik kaveat itu kepada orang yang memberi amaran.

(10) Pengkaveat yang mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan orang yang memberi amaran itu boleh, dalam lapan hari daripada penyampaian amaran itu kepadanya termasuk hari penyampaian itu, atau pada bila-bila masa selepas itu sekiranya tiada affidavit difailkan di bawah perenggan (12), memasukkan kehadiran dalam Borang 166 di Pejabat Pendaftaran, dan hendaklah menyampaikan kepada orang yang memberi amaran dan Pendaftar Pejabat Pendaftaran Utama sesalinannya yang dimeterai dengan meterai Mahkamah.

(11) Pengkaveat yang tidak mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan orang yang memberi amaran itu tetapi ingin menunjukkan sebab dia menentang pembuatan pemberian kepada orang itu boleh, dalam lapan hari daripada penyampaian amaran itu kepadanya termasuk hari penyampaian itu, atau pada bila-bila masa selepas itu sekiranya tiada affidavit difailkan di bawah perenggan (12), mengeluarkan dan menyampaikan suatu saman minta arahan, yang hendaklah boleh dipulangkan di hadapan Pendaftar.

(12) Sekiranya masa yang dihadkan bagi kehadiran dalam Borang 166 telah tamat dan pengkaveat tidak memasukkan kehadiran, orang yang memberi amaran boleh memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu affidavit yang menunjukkan bahawa amaran itu disampaikan dengan sempurna dan bahawa dia tidak menerima saman minta arahan di bawah perenggan (11), dan dengan demikian kaveat itu hendaklah terhenti berkuat kuasa.

(13) Kecuali dengan kebenaran Pendaftar, tiada kaveat selanjutnya boleh dimasukkan oleh atau bagi pihak mana-mana pengkaveat yang kaveatnya terhenti berkuatkuasa di bawah perenggan (12) atau kaedah 40.

(14) Apabila kehadiran dimasukkan sebagai menjawab amaran terhadap suatu kaveat, perkara itu hendaklah disifatkan sebagai dipertikaikan dan perbelanjaan kemasukan kaveat itu dan amaran mengenaiannya hendaklah dikira sebagai kos dalam kausa.

(15) Dalam kaedah ini, "pemberian" termasuklah suatu pemberian oleh mana-mana Mahkamah di luar Malaysia yang dikemukakan bagi pemeteraian semula oleh Mahkamah Tinggi.

Perkara bantahan (A. 71, k. 38)

38. (1) Tiap-tiap perkara bantahan hendaklah dirujuk kepada Hakim yang boleh menyelesaikan perkara dalam pertikaian itu secara terus atau mengarahkan supaya peruntukan Aturan 72 hendaklah terpakai.

(2) Jika sesuatu perkara diarahkan supaya diselesaikan secara terus, saman pemula itu, sekiranya ada, hendaklah biasanya ditangguhkan untuk ke Mahkamah terbuka bagi pendengaran dan Mahkamah boleh semasa pendengaran tertangguh itu sama ada memberikan atau enggan memberikan permohonan dalam saman pemula itu atau membuat apa-apa perintah lain sebagaimana yang adil.

Notis permulaan tindakan probet (A. 71, k. 39)

39. Apabila bermulanya suatu tindakan probet, Pendaftar hendaklah, berkenaan dengan setiap kaveat yang ketika itu berkuat kuasa (selain kaveat yang dicatatkan oleh suatu pihak dalam tindakan probet itu), memberi kepada pengkaveat notis bermulanya tindakan itu dan, atas kemasukan kaveat yang berikutnya pada bila-bila masa semasa tindakan itu belum selesai, hendaklah begitu juga memberitahu pengkaveat tentang wujudnya tindakan itu.

Kesan kaveat apabila bermulanya tindakan probet (A. 71, k. 40)

40. Melainkan jika Pendaftar melalui perintah yang dibuat ke atas notis permohonan mengarahkan selainnya—

- (a) apa-apa kaveat yang berkuat kuasa pada masa bermulanya prosiding dengan cara sitasi atau saman pemula hendaklah, melainkan jika ditarik balik menurut kaedah 37(9), terus berkuat kuasa sehingga suatu permohonan bagi pemberian yang dibuat oleh orang yang berhak kepadanya oleh keputusan Mahkamah dalam prosiding itu, dan atas permohonan sedemikian apa-apa kaveat yang dicatatkan oleh suatu pihak yang mendapat notis mengenai prosiding itu hendaklah terhenti berkuat kuasa;
- (b) apa-apa kaveat yang berkenaan dengannya kehadiran terhadap suatu amaran dimasukkan hendaklah terus berkuat kuasa sehingga bermulanya suatu tindakan probet;
- (c) permulaan sesuatu tindakan probet hendaklah, sama ada atau tidak apa-apa kaveat telah dimasukkan, berkuat kuasa untuk menghalang pemeteraian suatu pemberian (selain suatu pemberian di bawah seksyen 19 Akta) sehingga permohonan untuk mendapatkan suatu pemberian dibuat oleh orang yang ditunjukkan sebagai berhak kepadanya oleh keputusan Mahkamah dalam tindakan tersebut, dan atas permohonan yang sedemikian apa-apa kaveat yang dimasukkan oleh suatu pihak yang mendapat notis mengenai tindakan itu, atau oleh seorang pengkaveat yang diberi notis di bawah kaedah 39, hendaklah terhenti berkuat kuasa.

Sitasi (A. 71, k. 41)

41. (1) Tiap-tiap sitasi dalam salah satu bentuk dalam Borang 167 hendaklah dikeluarkan dari Pejabat Pendaftaran.

(2) Tiap-tiap penegasan dalam suatu sitasi, dan apa-apa maklumat lain sebagaimana yang Pendaftar boleh kehendaki, hendaklah ditentusahkan melalui suatu affidavit yang diangkat sumpah oleh orang yang mengeluarkan sitasi itu (yang disebut "pensitasi" dalam kaedah ini) atau sekiranya ada dua pensitasi atau lebih, oleh seorang daripada mereka:

Dengan syarat bahawa Pendaftar boleh dalam hal keadaan khas menerima suatu affidavit yang diangkat sumpah oleh peguam pensitasi.

(3) Pensitasi hendaklah memasukkan suatu kaveat sebelum mengeluarkan suatu sitasi.

(4) Tiap-tiap sitasi hendaklah disampaikan secara kediri orang yang disitasikan melainkan jika Pendaftar, atas sebab yang ditunjukkan melalui affidavit, mengarahkan suatu cara penyampaian lain, yang boleh termasuk notis melalui iklan.

(5) Tiap-tiap wasiat yang disebut dalam suatu sitasi hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran sebelum sitasi itu dikeluarkan, kecuali jika wasiat itu tidak ada dalam milikan pensitasi dan Pendaftar berpuas hati bahawa adalah tidak praktik untuk menghendaknya difailkan.

(6) Seseorang yang disitasikan supaya hadir boleh, dalam lapan hari daripada penyampaian sitasi itu kepadanya termasuk hari penyampaian tersebut, atau, pada bila-bila masa selepas itu sekiranya tiada permohonan dibuat oleh pensitasi di bawah kaedah 42(5) atau 43(2), memasukkan kehadiran dalam Borang 166 di Pejabat Pendaftaran, dan hendaklah selepas itu menyampaikan kepada pensitasi sesalinannya yang dimeteraikan dengan meterai Mahkamah.

Sitasi untuk menerima atau menolak atau mengambil pemberian (A. 71, k. 42)

42. (1) Suatu sitasi untuk menerima atau menolak suatu pemberian boleh dikeluarkan atas permintaan mana-mana orang yang dia sendiri adalah berhak kepada suatu pemberian dalam keadaan orang yang disitasikan itu menolak haknya kepada pemberian itu.

(2) Jika kuasa untuk membuat suatu pemberian kepada seorang wasi dirizabkan, suatu sitasi yang menghendaknya menerima atau menolak suatu pemberian boleh dikeluarkan atas permintaan wasi-wasi yang membuktikan wasiat itu atau wasi-wasi kepada wasi yang menakat akhir sekali daripada wasi-wasi yang mati yang telah membuktikan.

(3) Suatu sitasi yang menghendaki seseorang wasi yang mencampuri dalam hal harta pusaka si mati supaya menunjukkan sebab kenapa dia tidak boleh diperintahkan untuk mengambil pemberian boleh dikeluarkan atas permintaan mana-mana orang yang berkepentingan dalam harta pusaka itu pada bila-bila masa selepas tamat enam bulan daripada kematian si mati itu:

Dengan syarat bahawa suatu sitasi untuk mengambil suatu pemberian tidak boleh dikeluarkan selagi prosiding tentang kesahan wasiat itu belum selesai.

(4) Seseorang yang disitasikan yang sanggup menerima atau mengambil suatu pemberian boleh memohon secara *ex parte* melalui notis permohonan kepada Pendaftar untuk suatu perintah mendapatkan pemberian atas pemfailan suatu affidavit yang menunjukkan bahawa dia memasukkan kehadiran dalam Borang 166 dan bahawa dia kini telah disampaikan oleh pensitasi dengan notis mengenai apa-apa permohonan untuk mendapatkan suatu pemberian kepada dirinya.

(5) Sekiranya masa yang dihadkan bagi kehadiran telah tamat dan orang yang disitasikan itu belum memasukkan kehadiran, pensitasi boleh —

- (a) dalam hal sitasi yang dibuat di bawah perenggan (1), memohon kepada Pendaftar untuk suatu perintah bagi pemberian kepada dirinya sendiri;
- (b) dalam hal suatu sitasi di bawah perenggan (2), memohon kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah supaya suatu nota dibuat di atas pemberian itu bahawa wasi yang berkenaan dengannya kuasa dirizabkan disitasikan dengan sempurna dan tidak hadir dan bahawa segala haknya berkenaan dengan pewasian itu terhenti pada keseluruhannya;
- (c) dalam hal sitasi di bawah perenggan (3), memohon kepada Pendaftar melalui notis permohonan (yang hendaklah disampaikan kepada orang yang disitasikan) untuk mendapatkan

suatu perintah menghendaki orang tersebut mengambil suatu pemberian dalam masa yang tertentu atau mendapatkan suatu pemberian kepada dirinya sendiri atau mana-mana orang lain yang dinyatakan dalam notis permohonan itu.

(6) Suatu permohonan di bawah perenggan (5) hendaklah disokong dengan affidavit yang menunjukkan bahawa sitasi itu disampaikan dengan sempurna dan bahawa orang yang disitasikan itu belum memasukkan kehadiran.

(7) Sekiranya orang yang disitasikan memasukkan kehadiran tetapi belum memohon untuk mendapatkan pemberian di bawah perenggan (4), atau gagal meneruskan permohonannya dengan usaha yang munasabah, pensitasi boleh—

- (a) dalam hal sitasi di bawah perenggan (1), memohon melalui notis permohonan kepada Pendaftar untuk suatu perintah bagi pemberian kepada dirinya sendiri;
- (b) dalam hal sitasi di bawah perenggan (2), memohon melalui notis permohonan kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah membatalkan kehadiran itu dan untuk pengendorsan pada pemberian itu suatu nota sebagaimana yang dinyatakan dalam subperenggan 5(b);
- (c) dalam hal sitasi di bawah perenggan (3), memohon melalui notis permohonan kepada Pendaftar untuk mendapatkan suatu perintah menghendaki orang yang disitasikan itu mengambil suatu pemberian dalam masa yang tertentu atau untuk mendapatkan suatu pemberian kepada dirinya sendiri atau mana-mana orang lain yang dinyatakan dalam notis permohonan itu,

dan notis permohonan itu hendaklah disampaikan kepada orang yang disitasikan itu.

Sitasi untuk mengemukakan wasiat (A. 71, k. 43)

43. (1) Suatu sitasi untuk mengemukakan wasiat hendaklah ditujukan kepada wasi-wasi yang dinamakan dalam wasiat dan kepada semua orang yang berkepentingan di bawahnya, dan boleh dikeluarkan atas permintaan mana-mana pensitasi yang mempunyai kepentingan yang bertentangan dengan kepentingan wasi-wasi atau orang lain itu.

(2) Sekiranya masa yang dihadkan bagi kehadiran telah tamat dan tiada orang yang disitasikan memasukkan kehadiran, atau sekiranya tiada orang yang hadir meneruskan dengan usaha yang munasabah untuk mengemukakan wasiat itu, pensitasi boleh memohon melalui notis permohonan untuk suatu perintah bagi pemberian seolah-olah wasiat itu adalah tidak sah.

Alamat untuk penyampaian (A. 71, k. 44)

44. Semua kaveat, sitasi, amaran dan kehadiran hendaklah mengandungi alamat untuk penyampaian dalam bidang kuasa.

Permohonan bagi mendapatkan perintah untuk membawa masuk wasiat atau untuk hadir bagi pemeriksaan (A. 71, k. 45)

45. Suatu permohonan di bawah seksyen 41 Akta bagi suatu perintah yang menghendaki seseorang membawa masuk suatu wasiat atau hadir untuk pemeriksaan hendaklah dibuat kepada Hakim melalui saman pemula, yang hendaklah disampaikan kepada tiap-tiap orang sedemikian sebagaimana yang disebut terdahulu.

Permohonan berkenaan dengan wasiat lisan atau salinan wasiat (A. 71, k. 46)

46. (1) Sesuatu permohonan minta perintah menerima sebagai bukti suatu wasiat lisan, atau suatu wasiat yang terkandung dalam suatu salinan, suatu draf yang lengkap, suatu pembentukan semula atau keterangan lain atau isi kandungannya jika wasiat asal tidak boleh didapati, boleh dibuat kepada Mahkamah melalui notis permohonan:

Dengan syarat bahawa jika suatu wasiat tidak boleh didapati kerana ia sedang dipegangsimpan dalam jagaan suatu Mahkamah atau pegawai negara asing, suatu

salinan wasiat itu yang disahkan dengan sempurna bolehlah diterima sebagai bukti menurut kuasa seksyen 27 Akta tanpa apa-apa perintah sebagaimana yang disebut terdahulu.

(2) Permohonan itu hendaklah disokong dengan affidavit yang menyatakan alasan permohonan dan oleh apa-apa keterangan dalam affidavit sebagaimana yang pemohon boleh mengemukakan tentang—

- (a) penyempurnaan wajar wasiat itu;
- (b) kewujudannya selepas kematian pewasiat; dan
- (c) ketepatan salinan keterangan lain mengenai isi kandungan wasiat itu,

bersama dengan apa-apa persetujuan secara bertulis kepada permohonan itu yang diberikan oleh mana-mana orang yang bukan tidak berkeupayaan yang akan terjejas dengan pemberian itu.

Pengeluaran salinan pejabat bagi wasiat (A. 71, k. 47)

47. (1) Suatu salinan rasmi bagi keseluruhan atau mana-mana bahagian sesuatu wasiat boleh, atas pembayaran fi yang ditetapkan, didapati daripada Pejabat Pendaftaran.

(2) Jika salinan bagi wasiat asal atau dokumen lain dikehendaki bolehlah merupakan salinan fotografik yang terperaku di bawah tandatangan Pendaftar sebagai salinan benar dan dimeteraikan dengan meterai Mahkamah.

(3) Salinan, yang bukannya salinan fotografik, bagi wasiat asal atau dokumen lain yang didepositkan di bawah kaedah 47A(1) hendaklah diperiksa terhadap dokumen yang berupa sebagai salinan, hanya sekiranya dikehendaki sedemikian oleh orang yang menghendaki salinan itu, dan dalam hal yang demikian salinan itu

hendaklah diperakui di bawah tandatangan Pendaftar sebagai salinan benar dan dimeteraikan dengan meterai Mahkamah.

Deposit dan resit bagi wasiat dan pemeriksaan (A.71, k. 47A)

47A. (1) Mana-mana wasiat atau dokumen perwasiat yang lain yang merupakan hal perkara bagi suatu permohonan bagi pemberian di bawah Akta atau kaedah di bawah Aturan ini, hendaklah didepositkan di Pejabat Pendaftaran dan hendaklah disimpan di suatu tempat dalam jagaan selamat sebagaimana yang Pendaftar boleh tetapkan, dan wasiat asal atau dokumen itu tidak boleh diambil daripadanya atau diperiksa tanpa perintah Pendaftar.

(2) Tiada wasiat asal atau dokumen perwasiat lain dalam jagaan Pendaftar boleh diperiksa atau disalin kecuali dalam kehadiran seorang pegawai yang berkenaan di bawah arahan Pendaftar.

Kuasa menghendaki permohonan dibuat melalui saman (A. 71, k. 48)

48. *(Tiada kaedah 48)*

Memorandum pemeteraian semula dan notis pemeteraian semula (A.71, k.49)

49. Memorandum pemeteraian semula suatu pemberian probet atau kuasa mentadbir dan bentuk notis pemeteraian semula pemberian itu menurut Akta hendaklah dalam Borang 168 dan Borang 169 masing-masing.

Harta pusaka kecil (A. 71, k. 50)

50. (1) Dalam hal apa-apa saman pemula bagi mendapatkan surat kuasa mentadbir harta pusaka seseorang yang mati tidak berwasiat—

- (a) sekiranya saman pemula itu mendedahkan bahawa aset harta pusaka itu termasuklah harta tak alih dalam mana-mana Negeri, Pendaftar hendaklah sebelum menetapkan suatu tarikh bagi pendengaran saman pemula itu menghendaki pemohon untuk memuaskan hatinya bahawa harta pusaka itu bukan harta pusaka kecil sebagaimana yang ditakrifkan di bawah Akta Harta Pusaka

Kecil (Pembahagian) 1955, dan boleh membuat apa-apa siasatan lanjut dan siasatan lain berkenaan dengan nilai harta pusaka itu sebagaimana yang disifatkannya patut dan melainkan jika dia berpuas hati sedemikian dia hendaklah memindahkan saman pemula itu kepada Pemungut yang mempunyai bidang kuasa di bawah Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955;

(b) sekiranya ternyata kepada Pendaftar bahawa sudah pun terdapat prosiding yang belum selesai di hadapan Pemungut maka —

(i) sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa harta pusaka itu ialah harta pusaka kecil, dia hendaklah memindahkan saman pemula itu kepada Pemungut; tetapi

(ii) sekiranya Pendaftar berpuas hati bahawa harta pusaka itu bukanlah harta pusaka kecil, dia hendaklah memberitahu sedemikian kepada Pemungut dan tidak boleh meneruskan untuk mendengar saman pemula itu sehingga Pemungut berpeluang untuk derujukkan kepadanya prosiding di hadapan Pemungut itu.

(2) Apabila apa-apa saman pemula untuk probet atau surat kuasa mentadbir dengan wasiat terlampir difailkan dalam Mahkamah Tinggi dan ternyata kepada Pendaftar bahawa prosiding yang berhubungan dengan harta pusaka yang sama yang belum selesai di hadapan Pemungut, Pendaftar hendaklah meminta Pemungut supaya tidak mengambil apa-apa langkah selanjutnya dalam prosiding di hadapannya itu sehingga sahnya atau tidak wasiat yang dikatakan itu dipastikan dan hendaklah memberikan Pemungut segala butir-butir yang perlu berkenaan dengan prosiding dalam Mahkamah Tinggi.

(3) Dalam apa-apa hal yang suatu kaveat dicatatkan sebelum apa-apa saman pemula untuk mendapatkan probet atau surat kuasa mentadbir difailkan dalam Mahkamah Tinggi dan Pendaftar berpuas hati bahawa suatu permohonan kepada

Pemungut adalah belum selesai yang berhubungan dengan harta pusaka yang sama dia hendaklah memberitahu pengkaveat mengenai permohonan kepada Pemungut itu dan memberitahu Pemungut mengenai kaveat itu.

(4) Dalam apa-apa hal di mana suatu saman pemula di bawah peruntukan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dirujuk kepada Mahkamah Tinggi di bawah subseksyen 8(7) Akta itu, Pendaftar yang kepadanya saman pemula itu dirujuk boleh menghendaki saman pemula itu dipinda supaya mematuhi peruntukan Kaedah-Kaedah ini dan pembayaran fi yang kena dibayar sekiranya saman pemula itu telah difailkan dalam Mahkamah Tinggi tetapi dalam segala aspek lain saman pemula itu hendaklah diteruskan seolah-olah ia sejak asalnya difailkan dalam Mahkamah Tinggi.

ATURAN 72

PROSIDING PROBET BERTIKAIAN

Pemakaian dan tafsiran (A. 72, k. 1)

1. (1) Aturan ini terpakai bagi kausa dan perkara probet dan peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi kausa dan perkara yang tertakluk kepada peruntukan Aturan ini.

(2) Dalam Kaedah-Kaedah ini, "tindakan probet" ertinya suatu tindakan untuk mendapatkan geran probet bagi wasiat, atau surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka, kepunyaan seorang yang mati atau bagi pembatalan geran yang sedemikian atau bagi dekri yang mengumumkan sokongan atau tentangan terhadap kesahan suatu wasiat yang dikatakan, yang bukannya suatu tindakan yang tak bertikaian.

(3) Dalam Aturan ini "wasiat" termasuklah kodisil.

Kehendak berkaitan dengan pengeluaran writ (A. 72, k. 2)

2. (1) Suatu tindakan probet hendaklah dimulakan melalui writ, dan writ itu hendaklah dikeluarkan dari Pejabat Pendaftaran.

(2) Sebelum suatu writ yang memulakan tindakan probet dikeluarkan, ia mestilah diendorskan dengan suatu pernyataan mengenai jenis kepentingan plaintif dan juga defendan dalam harta pusaka si mati yang tindakan itu berkaitan.

(3) Suatu writ yang memulakan tindakan untuk membatalkan geran probet bagi wasiat, atau surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka, kepunyaan seorang yang mati tidak boleh dikeluarkan melainkan jika suatu sitasi di bawah kaedah 7 telah dikeluarkan atau probet atau surat kuasa mentadbir, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah diserahkan di Pejabat Pendaftaran.

Penyampaian writ di luar bidang kuasa (A. 72, k. 3)

3. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), penyampaian di luar bidang kuasa suatu notis suatu writ, yang melaluinya suatu tindakan probet dimulakan boleh dibenarkan dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Aturan 11, kaedah 3 dan 4 hendaklah terpakai berhubung dengan suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah 1 atau 2 Aturan itu.

Pencelah dalam tindakan probet (A. 72, k. 4)

4. (1) Seseorang yang bukannya suatu pihak dalam suatu tindakan probet boleh memohon kepada Mahkamah minta kebenaran mencelah dalam tindakan probet.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini mestilah dibuat melalui notis permohonan yang disokong oleh suatu affidavit yang menunjukkan kepentingan pemohon dalam harta pusaka si mati.

(3) Seorang pemohon yang mendapat kebenaran untuk mencelah dalam suatu tindakan probet tidak berhak untuk didengar dalam tindakan itu melainkan jika dia memasukkan kehadiran di dalamnya.

(4) Jika Mahkamah memberi kebenaran di bawah kaedah ini, ia boleh memberi apa-apa arahan mengenai penyampaian pliding, pemfailan affidavit skrip perwasiatan atau perkara lain sebagaimana yang difikirkannya perlu.

Sitasi untuk melihat prosiding (A. 72, k. 5)

5. (1) Atas permohonan plaintif, atau mana-mana pihak lain yang telah merayu dalam suatu tindakan probet, suatu sitasi boleh dikeluarkan terhadap mana-mana orang yang bukannya suatu pihak dalam tindakan itu yang mempunyai kepentingan bertentangan dengan pemohon yang memberitahunya bahawa jika dia tidak memasukkan kehadiran dalam tindakan itu penghakiman boleh diberikan mengenainya tanpa notis selanjutnya kepadanya.

(2) Jika seseorang yang kepadanya suatu sitasi di bawah kaedah ini telah disampaikan gagal memasukkan kehadiran dalam tindakan itu, pihak yang di atas permohonannya sitasi itu telah dikeluarkan tidaklah berhak didengar pada perbicaraan tindakan itu tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika dia telah memfailkan suatu affidavit yang membuktikan penyampaian yang wajar sitasi itu kepada orang itu.

Kemasukan kehadiran (A. 72, k. 6)

6. (1) Pejabat bagi memasukkan kehadiran dalam tindakan probet dalam segala hal ialah Pejabat Pendaftaran dan Aturan 12, dalam pemakaiannya bagi tindakan yang sedemikian, hendaklah mempunyai kuat kuasa dengan sewajarnya.

(2) Tanpa menjejaskan perenggan (1), Aturan 12, kaedah 1, 2 dan 3 hendaklah terpakai bagi kemasukan kehadiran oleh seseorang yang diberi kuasa untuk mencelah dalam suatu tindakan probet, dan oleh seseorang yang disitasikan di bawah kaedah 5, seolah-olah—

(a) orang itu ialah defendan; dan

(b) pihak-pihak dalam tindakan itu (dalam hal seorang pencelah) atau pihak yang atas permintaannya sitasi itu dikeluarkan (dalam hal seseorang yang disitasikan) ialah plaintif.

Sitasi untuk membawa masuk geran (A. 72, k. 7)

7. Dalam suatu tindakan untuk membatalkan geran probet bagi wasiat, atau surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka seorang si mati, suatu sitasi terhadap orang yang telah diberikan kepadanya probet atau surat kuasa mentadbir, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang telah diberikan yang menghendakinya membawa masuk dan meninggalkan di Pejabat Pendaftaran probet atau surat kuasa mentadbir itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, bolehlah dikeluarkan atas permohonan plaintif.

Sitasi (A. 72, k. 8)

8. (1) Suatu sitasi di bawah kaedah 5 dan 7 hendaklah dikeluarkan dari Pejabat Pendaftaran dan hendaklah diselesaikan oleh Mahkamah sebelum ia dikeluarkan.

(2) Sebelum suatu sitasi yang sedemikian dikeluarkan, suatu affidavit yang menentusahkan pernyataan fakta yang hendak dibuat dalam sitasi itu mestilah diangkat sumpah oleh orang yang memohon ia dikeluarkan:

Dengan syarat bahawa Mahkamah boleh dalam hal keadaan khas membenarkan affidavit itu diangkat sumpah oleh peguam orang itu.

(3) Pengeluaran suatu sitasi berlaku sebaik sahaja ia dimeteraikan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran.

(4) Tanpa menjejaskan Aturan 62, kaedah 5, suatu sitasi di bawah kaedah 5 atau 7 mestilah disampaikan sendiri orang yang disitasi.

(5) Penyampaian di luar bidang kuasa akan suatu sitasi di bawah kaedah 5 atau 7 boleh dibenarkan tetapi, dalam hal suatu sitasi di bawah kaedah 7, hanya dengan kebenaran Mahkamah.

(6) Aturan 11, kaedah 4, hendaklah terpakai berhubung dengan permohonan minta kebenaran di bawah perenggan (5) sebagaimana ia terpakai berhubung dengan permohonan minta kebenaran di bawah kaedah 1 atau 2 Aturan itu.

(7) Suatu perintah yang memberi kebenaran untuk menyampaikan sitasi di bawah kaedah 7 di luar bidang kuasa mestilah menghadkan masa yang mesti dipatuhi oleh orang yang hendak disampaikan dengan sitasi itu.

(8) Aturan 11, kaedah 5, 6 dan 8, hendaklah terpakai berhubung dengan sitasi di bawah kaedah 7 sebagaimana ia terpakai berhubung dengan notis suatu writ.

Afidavit bagi skrip perwasiatan (A. 72, k. 9)

9. (1) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, plaintif dan tiap-tiap defendan yang telah memasukkan kehadiran dalam suatu tindakan probet mestilah mengangkat sumpah suatu afidavit—

(a) yang memperihalkan apa-apa skrip perwasiatan si mati, yang harta pusakanya menjadi subjek tindakan itu, yang dia mempunyai apa-apa pengetahuan tentangnya atau, jika sedemikian halnya, menyatakan bahawa dia tidak tahu-menahu tentang apa-apa skrip sedemikian; dan

(b) jika apa-apa skrip sedemikian yang dia mempunyai pengetahuan tentangnya tidak ada dalam milikannya atau di bawah kawalannya, memberikan nama dan alamat orang yang dalam milikannya atau di bawah kawalannya ia berada atau, jika sedemikian halnya, menyatakan bahawa dia tidak tahu nama atau alamat orang itu; dan apa-apa skrip sedemikian yang berada dalam milikan atau di bawah kawalan deponen itu mestilah dilampirkan kepada afidavitnya.

(2) Suatu afidavit yang dikehendaki oleh kaedah ini (bersama dengan apa-apa skrip perwasiatan) mestilah difailkan dalam empat belas hari selepas kemasukan kehadiran oleh defendan dalam tindakan itu atau, sekiranya tiada defendan memasukkan kehadiran di dalamnya dan Mahkamah tidak mengarahkan selainnya, sebelum tindakan itu ditetapkan untuk perbicaraan.

(3) Jika apa-apa skrip perwasiatan yang dikehendaki oleh kaedah ini supaya difailkan atau mana-mana bahagiannya bertulis dengan pensil, maka, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, suatu salinan faksimile skrip itu, atau halaman atau halaman-halamannya yang mengandungi bahagian yang bertulis dengan pensil, mestilah juga difailkan dan perkataan yang didapati bertulis dengan pensil pada salinan asalnya mestilah digariskan dengan dakwat merah dalam salinan itu.

(4) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, suatu pihak dalam tindakan probet tidak boleh dibenarkan memeriksa affidavit yang difailkan di bawah kaedah ini oleh mana-mana pihak lain dalam tindakan itu, atau apa-apa skrip perwasiatan yang terlampir kepadanya, melainkan jika dan sehingga affidavit yang diangkat sumpah olehnya yang mengandungi maklumat yang disebut dalam perenggan (1) telah difailkan.

(5) Dalam kaedah ini "skrip perwasiatan" ertinya suatu wasiat atau drafnya, arahan bertulis bagi wasiat yang dibuat oleh atau atas permintaan atau di bawah arahan pewasiat dan apa-apa dokumen yang berupa sebagai keterangan mengenai isi kandungannya, atau sebagai suatu salinan, suatu wasiat yang dikatakan telah hilang atau musnah.

Ingkar kehadiran (A. 72, k. 10)

10. (1) Aturan 13 tidaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan probet.

(2) Jika mana-mana daripada beberapa defendan dalam tindakan probet gagal memasukkan kehadiran, plaintif, apabila memfailkan affidavit yang membuktikan penyampaian yang wajar akan writ itu, atau notis writ itu, kepada defendan itu boleh, selepas masa yang dihadkan bagi kehadiran, meneruskan tindakan itu seolah-olah defendan itu telah memasukkan kehadiran.

(3) Jika defendan, atau semua defendan, kepada suatu tindakan probet, gagal memasukkan kehadiran, dan tidak seorangpun, sekiranya ada, yang disitasikan di bawah kaedah 5 telah memasukkan kehadiran, maka, melainkan jika di atas permohonan plaintif Mahkamah memerintahkan supaya tindakan itu diberhentikan,

plaintif boleh selepas masa yang dihadkan bagi kehadiran defendan memohon kepada Mahkamah bagi mendapatkan kebenaran untuk menetapkan tindakan itu untuk perbicaraan.

(4) Sebelum membuat suatu permohonan minta kebenaran di bawah perenggan (3), plaintif mestilah memfailkan affidavit yang membuktikan penyampaian yang wajar writ itu, atau notis writ itu, kepada defendan dan akan sitasi itu, sekiranya ada.

(5) Jika Mahkamah memberikan kebenaran di bawah perenggan (3), ia boleh memerintahkan plaintif untuk memfailkan affidavit bagi skrip perwasiatan di bawah kaedah 9.

Penyampaian pernyataan tuntutan (A. 72, k. 11)

11. Plaintif dalam tindakan probet mestilah, melainkan jika Mahkamah memberikan kebenaran yang sebaliknya atau pernyataan tuntutan diendorskan pada writ, menyampaikan suatu pernyataan tuntutan kepada tiap-tiap defendan yang memasukkan kehadiran dalam tindakan itu dan mestilah berbuat demikian sebelum tamat enam minggu selepas kemasukan kehadiran oleh defendan itu atau empat belas hari selepas pemfailan olehnya akan affidavit di bawah kaedah 9, mengikut mana-mana yang terkemudian.

Tuntutan balas (A. 72, k. 12)

12. Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 15, kaedah 2(1), seorang defendan kepada tindakan probet yang mengatakan bahawa dia mempunyai apa-apa tuntutan atau berhak kepada apa-apa relief atau remedi berkenaan dengan apa-apa perkara yang berhubung dengan geran probet bagi wasiat itu, atau surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka si mati, yang menjadi subjek tindakan itu hendaklah menambah kepada pembelaannya suatu tuntutan balas berkenaan dengan perkara itu.

Isi kandungan pliding (A. 72, k.13)

13. (1) Jika plaintif dalam suatu tindakan probet mempertikaikan kepentingan seorang defendan dia mestilah mengatakan dalam pernyataan tuntutananya bahawa dia menafikan kepentingan defendan itu.

(2) Dalam suatu tindakan probet yang dalamnya kepentingan yang di atasnya suatu pihak menuntut sebagai berhak kepada geran surat kuasa mentadbir adalah dipertikaikan, pihak yang mempertikaikan kepentingan itu mestilah menunjukkan dalam plidingnya bahawa sekiranya pengataan yang dibuat di dalamnya dibuktikan yang dia adalah berhak kepada kepentingan dalam harta pusaka itu.

(3) Tanpa menjejaskan Aturan 18, kaedah 7, mana-mana pihak yang merayu bahawa pada masa apabila wasiat, yang menjadi subjek tindakan itu, dikatakan sebagai telah disempurnakan, pewasiat itu tidak tahu dan tidak bersetuju dengan isi kandungannya mestilah menyatakan jenis kes yang dia bercadang hendak bersandar kepadanya, dan tiada pengataan yang menyokong rayuan itu adalah relevan bagi menyokong apa-apa rayuan lain yang berikut:

- (a) bahawa wasiat itu tidak disempurnakan dengan wajar;
- (b) bahawa pada masa penyempurnaan wasiat itu pewasiat berada dalam keadaan tak sempurna akal, ingatan dan kefahaman; dan
- (c) bahawa penyempurnaan wasiat itu telah didapati melalui pengaruh tak wajar atau fraud,

hendaklah dibuat oleh pihak itu melainkan jika rayuan yang lain itu juga dirayui.

Ingkar pliding (A. 72, k. 14)

14. (1) Aturan 19 tidaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan probet.

(2) Jika mana-mana pihak kepada tindakan probet gagal menyampaikan kepada mana-mana pihak lain suatu pliding yang dia dikehendaki oleh Kaedah-Kaedah

ini untuk menyampaikan kepada pihak yang lain itu, maka, melainkan jika Mahkamah memerintahkan tindakan itu diberhentikan, pihak yang lain itu boleh, selepas tamat tempoh yang ditetapkan oleh atau di bawah Kaedah-Kaedah ini bagi penyampaian pliding yang berkenaan, memohon kebenaran Mahkamah untuk menetapkan tindakan itu bagi perbicaraan.

Pemberhentian (A. 72, k. 15)

15. (1) Aturan 21 tidaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan probet.

(2) Pada mana-mana peringkat prosiding dalam suatu tindakan probet Mahkamah boleh, atas permohonan plaintif atau mana-mana pihak dalam tindakan itu yang telah memasukkan kehadiran di dalamnya, memerintahkan tindakan itu diberhentikan atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya adil, dan boleh memerintahkan selanjutnya bahawa suatu geran probet bagi wasiat itu, atau surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka seorang yang mati, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang menjadi subjek tindakan dibuat kepada orang yang berhak kepadanya.

(3) Suatu permohonan minta perintah di bawah kaedah ini bolehlah dibuat melalui notis permohonan.

Berkompromi dalam tindakan (A. 72, k. 16)

16. Jika sama ada sebelum atau selepas penyampaian pembelaan dalam suatu tindakan probet pihak-pihak dalam tindakan itu bersetuju untuk berkompromi, tindakan itu boleh, dengan kebenaran Mahkamah, ditetapkan bagi perbicaraan.

Kes untuk usul (A. 72, k. 17)

17. *(Tiada kaedah 17)*

Permohonan ke Mahkamah (A. 72, k. 18)

18. Kecuali jika Kaedah-Kaedah ini memperuntukkan selainnya, apa-apa permohonan kepada Mahkamah dalam satu kausa atau perkara probet boleh dibuat melalui notis permohonan.

Bentuk penghakiman dan perintah (A. 72, k. 19)

19. (1) Tiap-tiap penghakiman Mahkamah dalam satu kausa atau perkara probet hendaklah ditandatangani oleh Pendaftar.

(2) Tiap-tiap perintah yang dibuat dalam kausa atau perkara yang sedemikian hendaklah dimasukkan oleh seorang pegawai Pejabat Pendaftaran dalam buku yang disimpan bagi maksud itu.

Pentadbiran sementara menunggu perbicaraan (A. 72, k. 20)

20. (1) Suatu permohonan yang dibuat di bawah seksyen 19 Akta Probet dan Pentadbiran 1959 bagi geran kuasa mentadbir boleh dibuat kepada Pendaftar melalui writ.

(2) Seorang pentadbir yang kepadanya geran dibuat di bawah seksyen 19 Akta mestilah, pada masa dia memulakan prosiding bagi penetapan kosnya, atau pada bila-bila masa lain sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar, mengemukakan di Pejabat Pendaftaran suatu akaun (yang ditentukan oleh afidavit) mengenai wang dan harta lain yang diterima atau dibayar atau selainnya diuruskan olehnya atas sifatnya sebagai pentadbir yang sedemikian.

(3) Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, akaun itu hendaklah dirujuk kepada Pendaftar bagi pemeriksaan dan Pendaftar hendaklah memberikan arahan sedemikian sebagaimana perlu bagi pemeriksaan kos pentadbir.

(4) Kecuali jika saraan pentadbir telah ditentukan oleh Hakim, Pendaftar hendaklah, setelah selesai pemeriksaan ke atas akaun pentadbir, dan penetapan kosnya, mentaksirkan dan memperuntukkan bagi saraan pentadbir itu.

ATURAN 73
PROSIDING OLEH DAN TERHADAP KERAJAAN

Pemakaian dan tafsiran (A. 73, k. 1)

1. (1) Kaedah-kaedah ini terpakai bagi prosiding sivil yang Kerajaan adalah suatu pihak tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut dalam Aturan ini.

(2) Dalam Aturan ini—

"perintah" termasuklah suatu penghakiman, dekri, keputusan, award atau perisytiharan;

"prosiding sivil oleh Kerajaan", "prosiding sivil terhadap Kerajaan" dan "prosiding sivil oleh atau terhadap Kerajaan" masing-masingnya mempunyai pengertian yang sama seperti dalam Bahagian III Akta Prosiding Kerajaan 1956;

"prosiding sivil yang Kerajaan adalah suatu pihak" mempunyai pengertian yang sama seperti ertinya bagi maksud Bahagian V Akta Prosiding Kerajaan 1956, mengikut subseksyen 2(3) Akta itu;

"perintah terhadap Kerajaan" ertinya apa-apa perintah (termasuk suatu perintah untuk kos) yang dibuat dalam mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Kerajaan, atau yang berkaitan dengan apa-apa timbang tara yang Kerajaan adalah suatu pihak, yang memihak kepada mana-mana orang terhadap Kerajaan atau terhadap suatu jabatan Kerajaan atau terhadap seseorang pegawai Kerajaan sedemikian.

Butir-butir yang hendaklah dimasukkan dalam pengendorsan tuntutan (A. 73, k. 2)

2. (1) Dalam hal suatu writ yang memulakan prosiding sivil terhadap Kerajaan pengendorsan tuntutan yang dikehendaki oleh Aturan 6, kaedah 2, hendaklah termasuk suatu pernyataan tentang hal keadaan yang liabiliti Kerajaan dikatakan telah berbangkit dan tentang jabatan Kerajaan dan pegawai Kerajaan yang berkenaan.

(2) Sekiranya dalam prosiding sivil terhadap Kerajaan seorang defendan menganggap bahawa writ itu tidak mengandungi suatu pernyataan yang cukup sebagaimana yang dikehendaki oleh kaedah ini, dia boleh, sebelum tamat masa yang dihadkan untuk hadir, memohon kepada plaintif melalui notis untuk mendapatkan pernyataan lanjut dan lebih baik yang mengandungi apa-apa maklumat sebagaimana yang dinyatakan dalam notis itu.

(3) Jika seorang defendan memberi suatu notis di bawah kaedah ini, masa yang dihadkan untuk hadir tidak akan tamat sehingga empat hari selepas defendan memberitahu plaintif secara bertulis bahawa defendan berpuas hati dengan pernyataan yang dibekalkan itu sebagai mematuhi notis itu atau empat hari selepas Mahkamah telah, atas permohonan plaintif melalui notis permohonan yang disampaikan kepada defendan tidak kurang daripada tujuh hari sebelum hari kembalian, memutuskan bahawa tiada maklumat lanjut tentang perkara yang disebutkan dalam perenggan (1) adalah semunasabahnya dikehendaki.

Penyampaian kepada Kerajaan (A. 73, k. 3)

3. (1) Aturan 10, Aturan 11 dan mana-mana peruntukan lain dalam Kaedah-Kaedah ini yang berhubungan dengan penyampaian di luar bidang kuasa tidaklah terpakai berhubung dengan penyampaian apa-apa proses yang melaluinya prosiding sivil terhadap Kerajaan dimulakan.

(2) Penyampaian secara kediri apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada Kerajaan bagi maksud atau yang berkaitan dengan mana-mana prosiding sivil tidak menjadi suatu kehendak; tetapi jika prosiding itu ialah oleh atau terhadap Kerajaan, penyampaian kepada Kerajaan mestilah dilaksanakan—

(a) dalam hal prosiding oleh atau terhadap Kerajaan Persekutuan, kepada Peguam Negara atau mana-mana pegawai lain sebagaimana yang ditetapkan bagi maksud itu, sama ada secara am atau secara khas, oleh Peguam Negara melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan

(b) dalam hal prosiding oleh atau terhadap Kerajaan sesuatu Negeri, kepada Setiausaha Kerajaan Negeri bagi Negeri itu.

(3) Berhubung dengan penyampaian apa-apa dokumen yang dikehendaki disampaikan kepada Kerajaan bagi maksud atau yang berkaitan dengan mana-mana prosiding sivil oleh atau terhadap Kerajaan, Aturan 62, kaedah 6 dan 10 tidak terpakai, dan Aturan 62, kaedah 8 hendaklah terpakai seolah-olah sebutan di dalamnya kepada kaedah 3 dan 6(1)(a) Aturan itu adalah suatu sebutan kepada subperenggan (2)(a) kaedah ini.

Tuntutan balas dan tolakan (A. 73, k. 4)

4. (1) Walau apa pun Aturan 15, kaedah 2 dan Aturan 18, kaedah 17 dan 18, seseorang tidak boleh, dalam apa-apa prosiding oleh Kerajaan membuat apa-apa tuntutan balas atau merayu suatu tolakan sekiranya prosiding itu adalah untuk mendapatkan semula, atau tuntutan balas atau tolakan yang berbangkit daripada suatu hak atau tuntutan untuk pembayaran balik berkenaan dengan, apa-apa cukai, duti atau penalti.

(2) Walau apa pun Aturan 15, kaedah 2 dan Aturan 18, kaedah 17 dan 18, tiada tuntutan balas boleh dibuat, atau tolakan dirayu, tanpa kebenaran Mahkamah, oleh Kerajaan dalam prosiding terhadap Kerajaan, atau oleh mana-mana orang dalam prosiding oleh Kerajaan—

(a) sekiranya Kerajaan dibawa guaman terhadapnya atau membawa guaman atas nama suatu jabatan Kerajaan dan hal perkara tuntutan balas atau tolakan itu tidak ada hubungan dengan jabatan itu; atau

(b) sekiranya Kerajaan dibawa guaman terhadapnya atau membawa guaman atas nama Peguam Negara.

(3) Apa-apa permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini mestilah dibuat melalui suatu notis permohonan.

Penghakiman terus (A. 73, k. 5)

5. (1) Suatu permohonan terhadap Kerajaan tidak boleh dibuat di bawah Aturan 14, kaedah 1 atau Aturan 81, kaedah 1 dalam apa-apa prosiding terhadap Kerajaan ataupun di bawah Aturan 14, kaedah 5 dalam apa-apa prosiding oleh Kerajaan.

(2) Jika suatu permohonan dibuat oleh Kerajaan di bawah Aturan 14, kaedah 1, Aturan 14, kaedah 5 atau Aturan 81, kaedah 1, affidavit yang dikehendaki bagi menyokong permohonan itu boleh dibuat oleh —

(a) peguam yang bertindak bagi pihak Kerajaan; atau

(b) seorang pegawai yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh peguam yang bertindak sedemikian itu atau oleh jabatan yang berkenaan;

dan affidavit itu adalah cukup sekiranya ia menyatakan bahawa mengikut kepercayaan deponen pemohon itu berhak mendapat relief yang dituntutnya dan tidak ada pembelaan kepada tuntutan atau sebahagian daripada tuntutan yang permohonan itu berkaitan atau tidak ada pembelaan kecuali tentang amaun apa-apa ganti rugi yang dituntut.

Permohonan terus kepada Mahkamah dalam perkara-perkara hasil yang tertentu (A. 73, k. 6)

6. (1) Kaedah ini terpakai kepada permohonan yang dibuat di bawah seksyen 19 Akta Prosiding Kerajaan 1956.

(2) Suatu permohonan yang kaedah ini terpakai baginya mestilah dibuat melalui saman pemula.

(3) Orang yang daripadanya apa-apa akaun atau maklumat atau pembayaran dituntut atau melaluinya apa-apa buku dikehendaki untuk dikemukakan mestilah dijadikan defendan dalam permohonan itu.

(4) Suatu saman pemula di bawah kaedah ini—

(a) mestilah diberikan tajuk dalam perkara atau perkara-perkara yang daripadanya keperluan membuat permohonan itu berbangkit dan dalam perkara Akta Prosiding Kerajaan 1956; dan

(b) mestilah merujuk kepada undang-undang bertulis yang menurutnya akaun atau maklumat atau pembayaran atau pengemukaan buku-buku itu dituntut dan, jika maklumat dituntut, mestilah menunjukkan (dengan persoalan yang sesuai atau selainnya) apakah maklumat yang dikehendaki.

(5) Atas suatu permohonan yang kaedah ini terpakai baginya suatu affidavit oleh seorang pegawai Jabatan Kerajaan yang diberi kuasa dengan sewajarnya yang berkaitan yang menyatakan keadaan fakta yang menjadi asas permohonan itu dan yang menyatakan bahawa dia ada sebab untuk memikirkan bahawa fakta-fakta itu wujud hendaklah menjadi keterangan tentang fakta itu; dan sekiranya keterangan difailkan yang mempertikaikan mana-mana daripada fakta itu, keterangan selanjutnya bolehlah difailkan, dan Mahkamah boleh sama ada memutuskan perkara itu atas affidavit itu (setelah apa-apa pemeriksaan balas yang mungkin telah diperintahkan) atau boleh mengarahkan supaya ia diputuskan melalui keterangan lisan dalam Mahkamah.

(6) Suatu perintah yang memihak kepada Kerajaan atas suatu permohonan yang kaedah ini terpakai baginya hendaklah, melainkan jika Mahkamah menentukan selainnya, menetapkan suatu masa yang setiap satu daripada terma-termanya hendaklah dipatuhi.

(7) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh, berhubung dengan apa-apa kes yang satu-satunya relief yang dituntut oleh Kerajaan ialah pembayaran wang, ditafsirkan sebagai menghendaki Kerajaan untuk meneruskan melalui suatu permohonan yang kaedah ini terpakai baginya atau sebagai menghalang Kerajaan daripada menggunakan apa-apa prosedur lain yang terbuka kepadanya di bawah Kaedah-Kaedah ini.

Penghakiman ingkar (A. 73, k. 7)

7. (1) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, tiada penghakiman ingkar kehadiran atau pliding boleh dicatatkan terhadap Kerajaan dalam prosiding sivil terhadap Kerajaan atau dalam prosiding pihak ketiga terhadap Kerajaan.

(2) Kecuali dengan kebenaran Mahkamah, Aturan 16, kaedah 5(1)(a) tidaklah terpakai dalam hal prosiding pihak ketiga terhadap Kerajaan.

(3) Suatu permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini mestilah dibuat melalui notis permohonan, dan notis permohonan itu mestilah disampaikan tidak kurang daripada tujuh hari sebelum hari kembalian.

Notis pihak ketiga (A 73. k. 8)

8. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 16, suatu notis pihak ketiga, termasuk suatu notis yang boleh dikeluarkan mengikut Aturan 16, kaedah 9 untuk penyampaian kepada Kerajaan tidak boleh dikeluarkan tanpa kebenaran Mahkamah, dan permohonan bagi pemberian kebenaran itu mestilah dibuat melalui notis permohonan, dan notis permohonan itu mestilah disampaikan kepada plaintif dan Kerajaan.

(2) Kebenaran untuk mengeluarkan suatu notis sedemikian untuk penyampaian kepada Kerajaan tidak boleh diberikan melainkan jika Mahkamah berpuas hati bahawa Kerajaan ada dalam milikannya segala maklumat sebagaimana yang semunasabahnya dikehendaki tentang hal keadaan yang dikatakan bahawa liabiliti Kerajaan telah berbangkit dan sebagaimana kepada jabatan dan pegawai Kerajaan yang berkenaan.

Interplider: Permohonan minta perintah terhadap Kerajaan (A. 73, k. 9)

9. Suatu perintah tidak boleh dibuat terhadap Kerajaan di bawah Aturan 17, kaedah 5(3), kecuali atas suatu permohonan melalui notis permohonan yang disampaikan tidak kurang daripada tujuh hari sebelum hari kembalian.

Perintah interim terhadap Kerajaan (A. 73. k. 9A)

9A. Suatu permohonan terhadap Kerajaan tidak boleh dibuat di bawah Aturan 22A, kaedah 2 dalam apa-apa prosiding terhadap Kerajaan atau di bawah Aturan 22A, kaedah 10 dalam apa-apa prosiding oleh Kerajaan.

Penzahiran dan interogatori(A. 73, k. 10)

10. (1) *(Tiada perenggan (1))*

(2) Dalam apa-apa prosiding sivil yang Kerajaan adalah suatu pihak apa-apa perintah Mahkamah yang dibuat di bawah kuasa yang diberikan oleh subseksyen 36(1) Akta Prosiding Kerajaan 1956 hendaklah ditafsirkan sebagai tidak berkehendakkan pendedahan tentang kewujudan apa-apa dokumen yang kewujudannya akan, pada pendapat seorang Menteri, memudaratkan kepada kepentingan awam untuk didedahkan.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding sedemikian suatu perintah Mahkamah mengarahkan bahawa suatu senarai dokumen yang dibuat sebagai menjawab suatu perintah bagi penzahiran terhadap Kerajaan hendaklah ditentukan melalui affidavit, affidavit itu hendaklah dibuat oleh mana-mana pegawai Kerajaan sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan.

(4) Jika dalam mana-mana prosiding sedemikian suatu perintah dibuat di bawah seksyen 36 Akta Prosiding Kerajaan 1956 bagi interogatori untuk dijawab oleh Kerajaan, Mahkamah hendaklah mengarahkan oleh pegawai Kerajaan yang manakah yang kena menjawab interogatori itu.

(5) Dalam apa-apa prosiding oleh Kerajaan untuk menguatkuasakan apa-apa hak bagi penguatkuasaan yang prosiding melalui maklumat mungkin akan diambil sekiranya Akta Prosiding Kerajaan 1956 tidak diluluskan, Kerajaan boleh menyampaikan interogatori atau interogatori selanjutnya (kecuali apa-apa set interogatori ketiga atau berikutnya) di bawah Aturan 26 tanpa kebenaran Mahkamah.

Keterangan (A. 73, k. 11)

11. Untuk mengelakkan keraguan adalah dengan ini diisytiharkan bahawa apa-apa kuasa yang boleh dijalankan oleh Mahkamah berkenaan dengan pengambilan keterangan bolehlah dijalankan dalam prosiding oleh atau terhadap Kerajaan sebagaimana ia boleh dijalankan dalam prosiding antara subjek.

Pelaksanaan dan penuaian perintah (A. 73, k. 12)

12. (1) Tiada apa-apa jua dalam Aturan 45 hingga 52 boleh terpakai berkenaan dengan apa-apa perintah terhadap Kerajaan.

(2) Suatu permohonan di bawah proviso kepada subseksyen (1) seksyen 33 Akta Prosiding Kerajaan 1956, untuk mendapatkan suatu arahan bahawa suatu perakuan yang berasingan hendaklah dikeluarkan di bawah subseksyen itu mengenai kos, sekiranya ada, yang diperintahkan supaya dibayar kepada pemohon, boleh dibuat kepada Mahkamah secara *ex parte* melalui notis permohonan.

(3) Apa-apa perakuan sedemikian mestilah dibuat dalam Borang 170.

Penahanan hutang (A. 73, k. 13)

13. (1) Suatu perintah—

(a) untuk penahanan hutang di bawah Aturan 49; atau

(b) untuk pelantikan seorang penerima di bawah Aturan 30 atau 51,

tidak boleh dibuat atau berkuat kuasa berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar atau terakru yang kena dibayar, atau yang dikatakan kena dibayar atau terakru yang kena dibayar, daripada Kerajaan.

(2) Tiap-tiap permohonan kepada Mahkamah untuk mendapatkan suatu perintah di bawah subseksyen 35(1) Akta Prosiding Kerajaan 1956, yang menghalang mana-mana orang daripada menerima wang yang kena dibayar kepadanya oleh Kerajaan dan mengarahkan pembayaran wang itu kepada pemohon atau seseorang

yang lain mestilah dibuat melalui notis permohonan yang disampaikan sekurang-kurangnya empat hari sebelum hari kembaliannya kepada Kerajaan, dan melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, kepada orang yang hendak dihalang atau peguamnya dan permohonan itu mestilah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan fakta yang membangkitkan perkara itu, dan khususnya mengenal pasti hutang tertentu daripada Kerajaan yang berkenaan dengannya ia dibuat.

(3) Aturan 49, kaedah 5 dan 6, hendaklah terpakai berhubung dengan suatu permohonan sebagaimana yang disebut dalam perenggan (2) untuk mendapatkan suatu perintah menghalang seseorang daripada menerima wang yang kena dibayar kepadanya oleh Kerajaan sebagaimana kaedah-kaedah itu terpakai bagi suatu permohonan yang dibuat di bawah Aturan 49, kaedah 1, untuk mendapatkan suatu perintah untuk penahanan hutang yang terhutang kepada mana-mana orang daripada seseorang yang digarnis, kecuali Mahkamah tidaklah mempunyai kuasa untuk memerintahkan pelaksanaan untuk dikeluarkan terhadap Kerajaan.

Permohonan di bawah seksyen 21, 22, 27 dan 37 Akta Prosiding Kerajaan 1956 (A. 73, k. 14)

14. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Mahkamah di bawah subseksyen 21 (2), 22(2) dan seksyen 27 Akta Prosiding Kerajaan 1956 bolehlah dibuat melalui suatu notis permohonan.

(2) Suatu permohonan sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 37(2) Akta Prosiding Kerajaan 1956 bolehlah dibuat kepada Mahkamah pada bila-bila masa sebelum perbicaraan melalui notis permohonan, atau bolehlah dibuat semasa perbicaraan prosiding itu.

ATURAN 74
AKTA PENGHUTANG 1957

Pemakaian dan tafsiran (A. 74, k. 1)

1. (1) Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi prosiding di bawah Akta Penghutang 1957 tertakluk kepada kaedah-kaedah berikut dalam Aturan ini dan kaedah-kaedah di bawah Aturan 48 sebagaimana yang boleh dipakai.

(2) Dalam Aturan ini—

"Akta" ertinya Akta Penghutang 1957;

"penghakiman" termasuklah apa-apa perintah untuk pembayaran wang.

Penangkapan Penghutang Penghakiman

Permohonan di bawah seksyen 6 (A. 74, k. 2)

2. Suatu permohonan minta perintah penangkapan di bawah seksyen 6 Akta hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong oleh suatu affidavit kepada Hakim dalam Kamar, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Borang perintah penangkapan (A. 74, k. 3)

3. Suatu perintah penangkapan di bawah seksyen 6 Akta hendaklah dalam Borang 171.

Jika saman penghutang penghakiman dikeluarkan di bawah seksyen 4 (A. 74, k. 3A)

3A. Pengeluaran suatu saman penghutang penghakiman di bawah seksyen 4 Akta tidaklah menghalang seorang pemiutang penghakiman daripada memohon kepada Mahkamah untuk suatu perintah penangkapan di bawah seksyen 6 Akta. Suatu perintah penangkapan di bawah seksyen 4 Akta hendaklah dalam borang 172.

Belanja pengangkutan dan wang sara diri (A. 74, k. 4)

4. (1) Sebelum apa-apa tangkapan dibuat di bawah seksyen 6 Akta, pemiutang penghakiman hendaklah, melainkan jika Pendaftar memerintahkan selainnya, menandatangani di Pejabat Pendaftaran sejumlah wang yang mencukupi untuk membayar kos membawa penghutang ke hadapan Mahkamah, dan menahannya dalam jagaan sementara menunggu kehadirannya.

(2) Sebelum suatu perintah pengkomitan dibuat di bawah Akta dilaksanakan, pemiutang penghakiman hendaklah menandatangani di Pejabat Pendaftaran sejumlah wang yang mencukupi untuk mengadakan peruntukan bagi sara diri penghutang selama tempoh pemenjaraan mengikut apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

(3) Aturan 46, kaedah 12 dan 13, hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi jumlah wang yang didepositkan di bawah kaedah ini.

Penangkapan atau penahanan sebelum penghakiman

Permohonan bagi penangkapan dan penahanan sebelum penghakiman di bawah seksyen 15 atau 19 Akta (A. 74, k. 5)

5. (1) Suatu permohonan di bawah seksyen 15 atau 19 Akta hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit kepada Hakim dalam Kamar, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

(2) Suatu affidavit di bawah perenggan (1) dan apa-apa perintah yang dibuat mengenainya, hendaklah disampaikan kepada defendan dengan seberapa segera yang mungkin.

Pengendorsan dan bentuk perintah (A. 74, k. 6)

6. (1) Suatu perintah penangkapan atau penahanan harta sebelum penghakiman hendaklah menyatakan amaun tuntutan dan kos yang berkenaan dengannya ia dikeluarkan dan sebelum dihantARSERAHKAN kepada Syerif atau bailif, diendorskan dengan alamat untuk penyampaian kepada plaintif.

(2) Suatu perintah di bawah perenggan (1) hendaklah dalam salah satu daripada bentuk dalam Borang 173.

Plaintif memberi sara diri kepada defendan (A. 74, k. 7)

7. Kaedah 4 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi plaintif yang atas permintaannya defendan ditangkap atau dikomitkan di bawah Bahagian IV Akta.

Cara menyita sebelum penghakiman (A. 74, k. 8)

8. Apa-apa harta yang boleh kena disita di bawah Bahagian V Akta hendaklah disita mengikut cara yang sama seperti penyitaan di bawah suatu writ penyitaan dan penjualan.

Deposit terhadap kos penahanan (A 74, k. 9)

9. (1) Sebelum apa-apa perintah penahanan harta dilaksanakan, plaintif hendaklah mendepositkan di Pejabat Pendaftaran sejumlah wang yang mencukupi untuk membayar kos penahanan dan penyimpanan milikan harta itu.

(2) Aturan 46, kaedah 12 dan 13 hendaklah terpakai dengan ubah suaian yang perlu bagi jumlah wang yang didepositkan di bawah kaedah ini.

Pelepasan apabila pembayaran tuntutan dan kos (A. 74, k. 10)

10. Jika apa-apa harta yang ditahan di bawah suatu perintah penahanan dilepaskan oleh Syerif apabila defendan membayar kepada Syerif itu jumlah wang yang dinyatakan dalam perintah penahanan sebagai amaun yang dituntut oleh plaintif dan kos sebagaimana yang dinyatakan di dalamnya beserta dengan kos pelaksanaan sehingga masa pembayaran itu, atau di bawah seksyen 20 Akta, pegawai yang hak hendaklah memberi resit dan menyimpan wang itu di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh Syerif sebagai mematuhi perintah Mahkamah.

Tuntutan oleh pihak ketiga (A. 74, k. 11)

11. Apa-apa tuntutan oleh pihak ketiga ke atas harta yang disita di bawah Bahagian V Akta hendaklah diuruskan mengikut cara yang berhubungan dengan prosiding interplider.

*Saman penghutang penghakiman***Permintaan bagi saman penghutang penghakiman (A. 74, k. 11A)**

11A. Mana-mana orang yang berhak untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau suatu perintah bagi pembayaran wang, sama ada secara ansuran atau selainnya, boleh memohon bagi suatu saman penghutang penghakiman di bawah seksyen 4 Akta dengan memfailkan suatu permintaan dalam Borang 174 yang ditandatangani oleh pemohon atau peguamnya.

Jika terdapat dua atau lebih penghutang penghakiman (A. 74, k. 11B)

11B. Jika suatu penghakiman telah diberikan atau suatu perintah dibuat terhadap dua atau lebih orang, orang yang berhak untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu boleh menghendaki suatu saman penghutang penghakiman dikeluarkan terhadap setiap atau mana-mana orang bertanggung di bawah penghakiman atau perintah itu.

Jika penghakiman atau perintah terhadap suatu firma (A. 74, k. 11C)

11C. (1) Jika suatu penghakiman diberikan atau suatu perintah dibuat terhadap suatu firma, suatu saman penghutang penghakiman boleh dikeluarkan terhadap mana-mana orang yang terhadapnya pelaksanaan bolehlah dikeluarkan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu di bawah Aturan 77.

(2) Jika orang yang berhak untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah sedemikian berhasrat untuk mengeluarkan suatu saman penghutang penghakiman terhadap mana-mana orang lain, dia hendaklah memohon kebenaran Mahkamah secara *ex parte* dalam Borang 175 yang disokong dengan affidavit dalam Borang 176.

(3) Jika suatu perintah dibuat di bawah perenggan (2), sesalinan affidavit hendaklah disampaikan dengan saman penghutang penghakiman itu.

(4) Sekiranya orang yang dikatakan bertanggung itu tidak hadir pada hari yang ditetapkan untuk pendengaran saman penghutang penghakiman, dia hendaklah

disifatkan sebagai mengaku kebertanggungannya untuk membayar amaun yang kena dibayar, tetapi sekiranya dia hadir dan menafikan kebertanggungannya Mahkamah boleh menentukan persoalan tentang kebertanggungannya berdasarkan keterangan di hadapannya atau boleh mengarahkan isu kebertanggungannya itu dibicarakan dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Bentuk saman penghutang penghakiman (A.74, k. 11D)

11D. (1) Suatu saman penghutang penghakiman hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang 177.

(2) Melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, suatu saman penghutang penghakiman hendaklah disampaikan secara sendiri kepada orang yang disaman sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengarannya.

Notis Penghakiman

Permohonan untuk mendapatkan notis penghakiman di bawah seksyen 8 (A. 74, k. 12)

12. Tiap-tiap permohonan minta suatu notis (yang disebut sebagai "notis penghakiman") di bawah seksyen 4 Akta hendaklah dibuat melalui *praecipe* dalam Borang 178 yang ditentusahkan dengan angkat sumpah oleh pemohon.

Notis penghakiman (A. 74, k. 13)

13. Suatu notis penghakiman hendaklah dalam Borang 179 dan hendaklah disampaikan secara kediri, tidak kurang daripada empat hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk kehadiran penghutang melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya.

Pendengaran notis penghakiman (A. 74, k. 14)

14. (1) Atas pendengaran suatu notis penghakiman Mahkamah boleh membuat suatu perintah pengkomitan untuk mengubah perintah bayaran ansuran sebagaimana yang difikirkannya adil.

(2) Sekiranya suatu perintah pengkomitan dibuat, Mahkamah boleh mengarahkan supaya pelaksanaan perintah sedemikian digantung untuk membolehkan penghutang membayar amaun yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat.

Komital

Perintah pengkomitan (A. 74. k. 15)

15. Suatu perintah pengkomitan di bawah subseksyen 4(8) atau seksyen 17 Akta Penghutang 1957 hendaklah dalam Borang 180.

Pembayaran oleh penghutang (A. 74, k. 16)

16. Jika suatu perintah pengkomitan kerana tidak membayar wang dibuat penghutang boleh, pada bila-bila masa, sama ada kepada Syerif atau, sekiranya dia berada dalam penjara, kepada pegawai penjaga penjara itu, membayar amaun yang dinyatakan dalam perintah itu dan mendapatkan pelepasannya.

Perakuan penunaian (A. 74, k. 17)

17. (1) Jika apa-apa hutang penghakiman, yang berkenaan dengannya penghutang dipenjarakan di bawah Akta, ditunaikan dengan cara pembayaran atau selainnya, pemiutang penghakiman hendaklah menyerahsimpan dengan Pendaftar suatu perakuan penunaian yang ditandatangani dalam Borang 181.

(2) Sekiranya pemiutang penghakiman melakukan keingkaran dalam menyerahsimpan perakuan sebagaimana yang disebut terdahulu, penghutang itu, atau mana-mana orang bagi pihaknya, boleh memohon kepada Mahkamah minta suatu perintah bagi pelepasannya, dan Mahkamah semasa membuat perintah sedemikian boleh mengarahkan supaya kos bagi permohonan itu dibayar oleh pemiutang penghakiman.

(3) Suatu perintah di bawah kaedah ini hendaklah dalam Borang 182.

*Pelbagai***Jaminan, bagaimana diberikan (A. 74, k. 18)**

18. (1) Jika suatu perintah dibuat menghendaki seorang defendan supaya memberikan jaminan di bawah Akta, jaminan itu hendaklah diberikan mengikut apa-apa cara, pada bila-bila masa, dan atas apa-apa terma, sekiranya ada, sebagaimana yang Mahkamah arahkan.

(2) Apabila jaminan telah diberikan sebagaimana yang diperintahkan, defendan, sekiranya dia berada dalam jagaan, hendaklah dilepaskan.

Melepaskan penjamin (A. 74, k. 19)

19. Bila-bila jua Mahkamah melepaskan seorang penjamin di bawah seksyen 16 Akta, ia boleh pada masa yang sama memerintahkan supaya defendan dibawa ke dalam jagaan dan dikomitkan ke penjara selama tempoh yang boleh berlanjutan hingga enam minggu melainkan jika dia terlebih dahulu memberi jaminan baru.

Kawalan Mahkamah (A. 74. k. 22)

20. Wang yang didepositkan, sekiranya ada, dan jaminan dan segala prosiding mengenainya hendaklah tertakluk kepada perintah dan kawalan Mahkamah.

Perintah kebankrapan atau perintah pentadbiran terhadap penghutang (A. 74, k. 21)

21. Jika pada pendengaran apa-apa prosiding di bawah Akta penghutang memuaskan hati Mahkamah bahawa suatu perintah penerimaan atau suatu perintah penghukuman kebankrapan atau suatu perintah pentadbiran di bawah seksyen 106 Akta Kebankrapan 1967 dibuat terhadapnya dan bahawa hutang itu telah dapat dibuktikan dalam kebankrapan atau pentadbiran itu, suatu perintah tidak boleh dibuat:

Dengan syarat bahawa jika suatu perintah pengkomitan telah dibuat, perintah itu jika tidak dilaksanakan hendaklah ditarik balik dan dibatalkan, dan sekiranya penghutang berada dalam penjara, dia hendaklah dilepaskan.

Tarikh perintah penangkapan (A. 74, k. 22)

22. Apa-apa perintah pengkomitan atau penangkapan seorang penghutang penghakiman di bawah Akta, hendaklah mempunyai tarikh hari ia dibuat, dan hendaklah terus berkuat kuasa selama satu tahun dari dan termasuk tarikh sedemikian dan tidak lebih lama dari tarikh itu, tetapi ia, boleh diperbaharui tertakluk kepada syarat dan dalam cara yang ditentukan bagi pembaharuan writ pelaksanaan.

Perintah bagi pelepasan di bawah seksyen 5 (A. 74, k. 22A)

22A. Suatu perintah bagi pelepasan seorang penghutang di bawah seksyen 5 Akta hendaklah dalam Borang 183.

Kos (A. 74, k. 23)

23. Melainkan jika dalam apa-apa jua hal adalah diperintahkan selainnya, kos bagi dan yang bersampingan dengan perintah penangkapan, pengkomitan dan penahanan di bawah Akta, dan apa-apa amaun yang dibelanjakan oleh plaintif di bawah kaedah 5 dan 10, hendaklah menjadi kos plaintif dalam kausa itu dalam apa jua keadaan.

ATURAN 75
AKTA DISTRES 1951

Pemakaian dan tafsiran (A. 75, k. 1)

1. (1) Kaedah-kaedah ini terpakai bagi prosiding di bawah Akta Distres 1951 tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut dalam Aturan ini.

(2) Dalam Aturan ini—

"Akta" ertinya Akta Distres 1951;

"tuan tanah" dan "penyewa" masing-masing mempunyai pengertian yang diberikan kepadanya oleh seksyen 2 Akta.

Permohonan minta writ distress (A. 75, k. 2)

2. (1) Tiap-tiap permohonan minta writ distress hendaklah dibuat secara *ex parte* melalui saman pemula yang disokong oleh affidavit dalam Borang 184.

(2) Jika permohonan dibuat oleh seorang ejen yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh tuan tanah, dia hendaklah mengemukakan kuasa bertulisnya dalam Borang 185.

Writ distress (A. 75, k. 3)

3. Writ distress hendaklah dalam Borang 186.

Notis penyitaan (A. 75, k. 4)

4. Notis penyitaan di bawah seksyen 9 Akta hendaklah dalam Borang 91.

Permohonan di bawah seksyen 10 atau 16 (A. 75, k. 5)

5. (1) Suatu permohonan di bawah seksyen 10 atau 16 Akta untuk melepaskan atau menggantung writ atau untuk melepaskan mana-mana bahagian daripada harta yang ditahan hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam tujuh hari dari penyitaan dengan disokong oleh affidavit yang menyatakan alasan yang berdasarkannya permohonan itu dibuat.

(2) Sesalinan permohonan dan juga affidavit itu hendaklah disampaikan kepada tuan tanah atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebelum pendengarannya.

Penjualan melalui lelong awam (A. 75, k. 6)

6. Aturan 46, kaedah 23 dan 24 hendaklah terpakai bagi semua penjualan di bawah Akta.

Pengembalian harta tak terjual (A. 75, k. 7)

7. (1) Sebaik sahaja amaun yang boleh didapatkan kembali di bawah writ distress telah direalisasikan melalui penjualan mana-mana harta alih yang disita, baki

harta yang disita itu hendaklah dilepaskan dan, jika ia telah dialihkan, dikembalikan ke premis di mana penyitaan itu dilakukan.

(2) Amaun yang boleh didapatkan kembali di bawah writ itu hendaklah bagi maksud kaedah ini disifatkan termasuk sewa yang berkenaan dengannya writ itu telah dikeluarkan, perbelanjaan bagi penjualan itu dan perbelanjaan bagi pelaksanaan writ itu, fi Mahkamah dan segala kos yang kena dibayar kepada tuan tanah.

Prosedur dalam hal di bawah seksyen 20 (A. 75, k. 8)

8. (1) Dalam apa-apa hal sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 20 Akta, Syerif hendaklah, melainkan jika dia telah pun mempunyai milikan di bawah suatu writ pelaksanaan, menghantarserahkan sesalinan writ distress kepada pegawai yang mempunyai milikan di bawah writ pelaksanaan itu, dan memberitahunya melalui notis akan amaun yang kena dibayar kepada tuan tanah bagi sewa untuk enam bulan yang terakhir, atau apa-apa tempoh yang lebih pendek yang sewa kena dibayar baginya, dan amaun segala fi dan kos yang kena dibayar berkenaan dengan pengeluaran dan pelaksanaan writ distress itu.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen 20(3) Akta untuk melepaskan atau menggantung writ distress hendaklah dibuat dalam masa dan mengikut cara yang ditetapkan oleh kaedah 5.

Pegawai yang mempunyai milikan hendaklah memberitahu Syerif mengenai pelepasan yang dicadangkan (A. 75, k. 9)

9. Jika harta yang disita di bawah suatu writ pelaksanaan hendak dilepaskan, pegawai yang mempunyai milikan di bawah writ sedemikian hendaklah, sebelum menyerahkan pemilikan, memberitahu Syerif mengenai cadangannya untuk berbuat demikian.

Permohonan di bawah subseksyen 21(1) (A. 75, k. 10)

10. (1) Suatu permohonan oleh Syerif di bawah subseksyen 21(1) Akta hendaklah disokong oleh affidavit daripada seseorang yang mempunyai pengetahuan tentang fakta yang menyatakan hal keadaan pengalihan yang dikatakan itu.

(2) Kuasa kepada Syerif di bawah seksyen ini hendaklah dalam Borang 187.

Permohonan di bawah subseksyen 22(2) (A. 75. k. 11)

11. Suatu permohonan di bawah subseksyen 22(2) Akta hendaklah disokong oleh affidavit, dan notis permohonan itu hendaklah disampaikan kepada tuan tanah atau ejennya, mengikut mana-mana yang berkenaan, di alamatnya untuk penyampaian sekurang-kurangnya dua hari genap sebelum pendengarannya.

Alamat untuk penyampaian (A. 75, k. 12)

12. Mana-mana orang yang membuat apa-apa permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta ini hendaklah memberikan alamat untuk penyampaian.

Penggantungan pelaksanaan writ (A. 75, k. 13)

13. Bila masa pelaksanaan suatu writ distress diperintahkan supaya digantung, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, apa-apa harta yang telah pun disita di bawahnya hendaklah terus berada di bawah penyitaan dan berada dalam milikan Syerif atau pegawai lain yang mempunyai milikan tetapi penjualannya di bawah writ distress hendaklah ditunda sehingga tamat tempoh yang pelaksanaan writ itu digantung.

Kos (A. 75, k. 14)

14. Kos bagi segala prosiding yang diambil di bawah Akta hendaklah menurut budi bicara Mahkamah.

ATURAN 76
KETIDAKUPAYAAN

Tafsiran (A. 76, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

"Akta" ertinya Akta Kesihatan Mental 200 [*Akta 615*];

"orang ketidakupayaan" ertinya orang belum dewasa atau pesakit;

"pesakit" ertinya orang yang terganggu mental mengikut pengertian Akta.

Permohonan untuk minta kebenaran memulakan prosiding (A. 76, k. 1A)

1A. (1) Bidang kuasa Mahkamah Tinggi untuk memberikan kebenaran menurut Akta Kesihatan Mental 2001 untuk membawa prosiding terhadap seseorang hanya boleh dijalankan oleh seorang Hakim Mahkamah Tinggi.

(2) Permohonan hendaklah disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan alasan yang menyebabkan kebenaran itu diminta dan apa-apa fakta yang perlu untuk menyokong alasan itu.

Orang ketidakupayaan hendaklah membawa guaman melalui wakil litigasi (A. 76, k. 2)

2. (1) Seseorang ketidakupayaan tidak boleh membawa, membuat suatu tuntutan dalam, membela, membuat suatu tuntutan balas dalam, atau mencelah dalam apa-apa prosiding, atau hadir dalam mana-mana prosiding di bawah suatu penghakiman atau notis perintah yang telah disampaikan kepadanya, kecuali oleh wakil litigasinya.

(2) Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, apa-apa jua yang mengikut perjalanan biasa mana-mana prosiding dikehendaki atau dibenarkan melalui suatu peruntukan dalam Kaedah-Kaedah ini supaya dilakukan oleh suatu pihak dalam prosiding itu hendaklah atau boleh, sekiranya pihak itu orang ketidakupayaan, dilakukan oleh wakil litigasinya.

(3) Wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan hendaklah bertindak melalui seorang peguam.

Pelantikan wakil litigasi (A. 76, k. 3)

3. (1) Kaedah ini tidaklah terpakai berhubung dengan suatu tindakan probet.

(2) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh perenggan (4) atau (5) atau oleh kaedah 6, suatu perintah untuk melantik seorang wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan tidaklah perlu.

(3) Jika seseorang diberi kuasa di bawah Akta untuk menjalankan prosiding undang-undang atas nama seorang pesakit atau bagi pihaknya, orang itu hendaklah berhak menjadi wakil litigasi kepada pesakit dalam apa-apa prosiding yang kuasanya meliputi melainkan jika, dalam suatu hal yang perenggan (4) atau (5) atau kaedah 6 terpakai, seorang yang lain dilantik oleh Mahkamah di bawah perenggan atau kaedah itu menjadi wakil litigasi kepada pesakit dalam prosiding itu.

(4) Jika seseorang telah menjadi atau ialah wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan dalam apa-apa prosiding, tiada orang lain berhak bertindak sebagai wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan dalam prosiding itu melainkan jika Mahkamah membuat suatu perintah melantiknya sebagai wakil litigasi sedemikian bagi menggantikan orang yang dahulunya bertindak atas kapasiti itu.

(5) Jika, selepas apa-apa prosiding telah dimulakan, suatu pihak dalam prosiding itu menjadi seorang pesakit, permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah untuk melantik seseorang menjadi wakil litigasi kepada pihak itu.

(6) Kecuali jika wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan telah dilantik oleh Mahkamah—

(a) nama mana-mana orang tidaklah boleh digunakan dalam suatu kausa atau perkara sebagai wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan;

(b) suatu kehadiran tidak boleh dimasukkan dalam kausa atau perkara untuk orang ketidakupayaan; dan

- (c) orang ketidakupayaan tidak berhak hadir melalui wakil litigasi di pendengaran suatu saman pemula yang telah disampaikan kepadanya,

melainkan jika dan sehingga dokumen yang disenaraikan dalam perenggan (7) telah difailkan di Pejabat Pendaftaran.

- (7) Dokumen yang disebut dalam perenggan (6) adalah seperti yang berikut:

- (a) persetujuan bertulis dalam Borang 188 untuk menjadi wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan dalam kausa atau perkara yang berkenaan, yang diberikan oleh orang yang bercadang menjadi wakil litigasi itu;

- (b) jika orang yang bercadang menjadi wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan itu, yang adalah seorang pesakit, diberi kuasa di bawah Akta untuk menjalankan prosiding dalam kausa atau perkara yang berkenaan atas nama pesakit itu atau bagi pihaknya, suatu salinan pejabat yang dimeterai dengan meterai Mahkamah, bagi perintah atau pemberikuasaan lain yang dibuat atau diberikan di bawah Akta itu yang menurut kuasanya itu dia diberi kuasa sedemikian; dan

- (c) kecuali jika orang yang bercadang menjadi wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan itu, yang merupakan seorang pesakit, diberi kuasa sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (b), suatu perakuan dalam Borang 189 yang dibuat oleh peguam untuk orang ketidakupayaan itu memperakukan—

- (i) bahawa dia mengetahui atau mempercayai, mengikut mana-mana yang berkenaan, bahawa orang yang dimaksudkan oleh perakuan itu adalah orang belum dewasa atau seorang pesakit, dengan memberikan (dalam

hal seorang pesakit) alasan tentang pengetahuan atau kepercayaannya itu; dan

(ii) jika orang ketidakupayaan itu ialah seorang pesakit, bahawa tidak ada orang yang diberi kuasa seperti yang disebut terdahulu; dan

(iii) bahawa orang yang dinamakan sedemikian tidak ada kepentingan dalam kausa atau perkara dalam persoalan yang bertentangan dengan kepentingan orang ketidakupayaan itu.

Tindakan probet, pelantikan wakil litigasi (A. 76, k. 4)

4. (1) Kaedah ini terpakai berhubung dengan tindakan probet yang orang ketidakupayaan ialah suatu pihak atau yang dia mencelah dalamnya atau disitasikan di bawah Aturan 72, kaedah 5.

(2) Jika orang ketidakupayaan itu ialah seorang pesakit dan seorang yang diberi kuasa di bawah Akta untuk menjalankan prosiding undang-undang atas nama pesakit itu atau bagi pihaknya, orang yang diberi kuasa sedemikian adalah berhak menjadi wakil litigasi pesakit itu dalam apa-apa tindakan probet yang kepadanya kuasanya meliputi, dengan syarat bahawa dia tidak berhak menurut kuasa perenggan ini untuk menjadi wakil litigasi seorang pesakit dalam suatu tindakan probet sekiranya orang yang lain telah dilantik oleh Mahkamah di bawah kaedah 6 untuk menjadi wakil litigasi pesakit dalam tindakan itu.

(3) Jika orang ketidakupayaan itu ialah orang belum dewasa yang bukannya seorang pesakit dan dia mempunyai penjaga statutori atau penjaga menurut wasiat yang layak untuk menjadi wakil litigasinya menurut kuasa perenggan (8), penjaga itu hendaklah berhak menjadi wakil litigasi orang belum dewasa itu dalam suatu tindakan probet.

(4) Jika orang ketidakupayaan itu ialah orang belum dewasa yang telah mencapai umur enam belas tahun dan bukan seorang pesakit, dan tidak ada orang yang layak menurut perenggan (3) untuk menjadi wakil litigasinya orang belum dewasa itu boleh melantik sebagai wakil litigasinya seseorang yang layak menjadi wakil litigasi menurut kuasa perenggan (8) dan yang merupakan salah seorang daripada waris kadimnya atau, jika orang belum dewasa itu ialah seorang perempuan bersuami, salah seorang daripada waris kadimnya atau suaminya.

(5) Jika seseorang belum dewasa melantik seseorang di bawah perenggan (4) untuk menjadi wakil litigasi dalam tindakan probet, orang yang dilantik sedemikian boleh menjadi wakil litigasi kepada mana-mana orang belum dewasa lain dalam tindakan itu dengan syarat bahawa orang belum dewasa yang seorang lagi itu di bawah umur enam belas tahun, dan bukannya seorang pesakit dan kepentingannya dalam tindakan itu adalah sama dengan kepentingan orang belum dewasa yang membuat pelantikan itu.

(6) Jika tidak ada orang yang berkelayakan menurut kuasa perenggan (2) atau (3), mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk menjadi wakil litigasi bagi seorang orang ketidakupayaan dalam tindakan probet itu dan orang itu sama ada tidak berhak di bawah perenggan (4) untuk melantik seseorang menjadi wakil litigasinya atau, sebagai yang berhak sedemikian, tidak membuat pelantikan di bawahnya, wakil litigasi bagi orang ketidakupayaan dalam tindakan itu hendaklah merupakan salah seorang daripada waris kadimnya atau mana-mana orang lain sebagaimana yang dilantik oleh Mahkamah.

(7) Permohonan di bawah perenggan (6) untuk melantik seorang wakil litigasi bagi seseorang ketidakupayaan boleh dibuat secara *ex parte* melalui saman dan hendaklah disokong oleh affidavit yang menunjukkan—

- (a) bahawa tidak ada orang yang berhak menjadi wakil litigasi sedemikian menurut kuasa perenggan (2) atau (3), atau dilantik sedemikian di bawah perenggan (4), mengikut kehendak hal keadaan; dan

- (b) jika sedemikian halnya, bahawa orang yang dicadangkan sebagai wakil litigasi ialah waris kadim orang ketidakupayaan; dan
- (c) bahawa orang yang dicadangkan sebagai wakil litigasi sanggup dan adalah orang yang sesuai untuk bertindak sebagai sedemikian dan dia tidak mempunyai kepentingan dalam tindakan itu yang bertentangan dengan kepentingan orang ketidakupayaan itu.

(8) Seseorang adalah berkelayakan untuk menjadi wakil litigasi kepada orang ketidakupayaan jika dia berwibawa dan sanggup untuk bertindak sebagai sedemikian dan tidak mempunyai kepentingan dalam tindakan berkenaan yang bertentangan dengan kepentingan orang ketidakupayaan itu.

Tindakan probet: Peruntukan lanjut (A. 76, k. 5)

5. (1) Jika suatu pihak dalam tindakan probet adalah orang ketidakupayaan, maka, melainkan jika wakil litigasi kepada orang itu telah dilantik sebagai wakil litigasi sedemikian oleh Mahkamah, saman pemula yang memulakan tindakan (jika orang itu seorang plaintif) tidak boleh dikeluarkan, dan suatu kehadiran tidak boleh dimasukkan untuknya dalam tindakan itu, jika dia seorang defendan, pencilah, atau orang yang disitasikan di bawah Aturan 72, kaedah 5 tanpa persetujuan Pendaftar.

(2) Apabila permohonan dibuat untuk mendapatkan persetujuan di bawah perenggan (1) berhubung dengan seseorang belum dewasa yang bukannya seorang pesakit, maka hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar—

- (a) jika wakil litigasi kepada orang belum dewasa itu ialah penjaga statutori atau penjaga menurut wasiat, suatu affidavit yang mendeposkan tentang penjagaan dan umur orang belum dewasa itu dan yang menunjukkan bahawa penjaga itu tidak mempunyai kepentingan dalam tindakan itu yang bertentangan dengan kepentingan orang belum dewasa itu;

- (b) jika wakil litigasi kepada orang belum dewasa itu ialah seseorang yang dilantik di bawah kaedah 4(4)—
- (i) perlantikan itu; dan
 - (ii) persetujuan bertulis untuk bertindak sebagai wakil litigasi yang diberikan oleh orang yang dilantik sedemikian; dan
 - (iii) affidavit yang men deposkan tentang umur orang belum dewasa itu dan yang mengandungi keterangan yang dikehendaki oleh kaedah 4(7), hendaklah terkandung dalam affidavit yang menyokong permohonan untuk melantik orang itu sebagai wakil litigasi oleh Mahkamah.

(3) Semasa membuat permohonan untuk mendapatkan persetujuan di bawah perenggan (1) berhubung dengan pesakit, maka hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar suatu salinan pejabat, yang dimeterai dengan meterai Mahkamah, bagi perintah atau pemberian kuasa lain yang dibuat atau diberikan di bawah Akta yang menurut kuasanya itu wakil litigasi pesakit itu diberi kuasa untuk menjalankan prosiding undang-undang dalam tindakan probet yang berkenaan atas nama pesakit itu atau bagi pihaknya.

Pelantikan wakil litigasi jika orang ketidakupayaan tidak hadir (A. 76, k. 6)

6. (1) Jika—
- (a) dalam suatu tindakan terhadap orang ketidakupayaan dimulakan dengan saman pemula, tiada kehadiran dimasukkan bagi orang itu; atau
 - (b) defendan dalam suatu tindakan menyampaikan pembelaan dan tuntutan balas kepada orang ketidakupayaan yang belum lagi menjadi suatu pihak dalam tindakan itu, dan tiada kehadiran dimasukkan bagi orang itu,

suatu permohonan bagi pelantikan oleh Mahkamah bagi wakil litigasi kepada orang itu hendaklah dibuat oleh plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, selepas masa yang dihadkan, berkenaan dengan orang itu, untuk hadir dan sebelum meneruskan selanjutnya dengan tindakan atau tuntutan balas itu.

(2) Jika pihak dalam suatu tindakan telah menyampaikan kepada orang ketidakupayaan yang belum lagi menjadi suatu pihak dalam tindakan itu suatu notis pihak ketiga mengikut pengertian Aturan 16 dan tiada kehadiran dimasukkan bagi orang itu dalam notis itu, suatu permohonan bagi pelantikan oleh Mahkamah bagi wakil litigasi kepada orang itu hendaklah dibuat oleh pihak itu selepas masa yang dihadkan (berkenaan dengan orang itu) untuk hadir dan sebelum meneruskan selanjutnya dengan prosiding pihak ketiga.

(3) Jika dalam mana-mana prosiding terhadap orang ketidakupayaan yang tidak hadir melalui seorang wakil litigasi pada pendengaran saman pemula itu, Mahkamah yang mendengar saman pemula itu boleh melantik seorang wakil litigasi kepada orang itu dalam prosiding itu atau mengarahkan supaya suatu permohonan dibuat oleh pemohon, bagi pelantikan wakil litigasi sedemikian.

(4) Pada mana-mana peringkat dalam prosiding berkenaan apa-apa penghakiman atau perintah, yang notis mengenainya telah disampaikan kepada orang ketidakupayaan, Mahkamah boleh, sekiranya tiada kehadiran dimasukkan bagi orang itu dalam saman pemula, melantik seorang wakil litigasi kepada orang itu dalam prosiding itu atau mengarahkan supaya suatu permohonan dibuat bagi pelantikan wakil litigasi sedemikian.

(5) Suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah disokong oleh keterangan yang membuktikan—

(a) bahawa orang yang kepadanya permohonan itu berkaitan ialah orang ketidakupayaan;

- (b) bahawa orang yang dicadangkan sebagai wakil litigasi itu sanggup dan adalah orang yang patut untuk bertindak sebagai sedemikian dan tidak ada kepentingan dalam prosiding itu yang bertentangan dengan kepentingan orang ketidakupayaan itu;
- (c) bahawa saman pemula, pembelaan dan tuntutan balas atau notis pihak ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan, telah disampaikan dengan sempurnanya kepada orang ketidakupayaan itu; dan
- (d) tertakluk kepada perenggan (6), bahawa notis permohonan itu telah, selepas tamatnya masa yang dihadkan untuk kehadiran dan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran permohonan itu, disampaikan kepada orang itu.

(6) Sekiranya Mahkamah mengarahkan sedemikian, notis suatu permohonan di bawah perenggan (1) atau (2) tidak perlu disampaikan kepada orang ketidakupayaan.

(7) Suatu permohonan bagi pelantikan wakil litigasi yang dibuat sebagai mematuhi arahan Mahkamah yang diberikan di bawah perenggan (3) atau (4) hendaklah disokong oleh keterangan yang membuktikan perkara yang disebut dalam subperenggan (5)(b).

Permohonan untuk membatalkan atau mengubah perintah tertentu (A. 76, k. 7)

7. Suatu permohonan kepada Mahkamah bagi pihak orang ketidakupayaan yang disampaikan dengan perintah yang dibuat secara *ex parte* di bawah Aturan 15, kaedah 7, untuk membatalkan atau mengubah perintah itu hendaklah dibuat—

- (a) sekiranya wakil litigasi bertindak bagi pihak orang itu dalam kausa atau perkara yang dalamnya perintah itu dibuat, dalam empat belas hari selepas penyampaian perintah itu kepada orang itu;

- (b) sekiranya tiada wakil litigasi yang bertindak bagi pihak orang itu dalam kausa atau perkara itu, dalam empat belas hari selepas pelantikan wakil litigasi yang sedemikian untuk bertindak baginya.

Pengakuan tidak boleh dianggap tersirat daripada pliding orang ketidakupayaan (A. 76, k. 8)

8. Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 18, kaedah 13(1), orang ketidakupayaan tidak boleh dikira mengaku tentang kebenaran apa-apa pengatahan fakta yang dibuat dalam pliding pihak lawan semata-mata oleh sebab dia tidak menyangkal pengatahan itu dalam plidingnya.

Penzahiran dan interogatori (A. 76, k. 9)

9. Aturan 24 dan 26 hendaklah terpakai bagi orang ketidakupayaan dan bagi wakil litigasinya.

Kompromi oleh orang ketidakupayaan (A. 76, k. 10)

10. Jika dalam mana-mana prosiding wang dituntut oleh atau bagi pihak orang ketidakupayaan, suatu penyelesaian, kompromi atau pembayaran dan penyetujuteraan wang yang dibayar ke dalam Mahkamah, bila-bila jua dimasukkan atau dibuat, tidak boleh, setakat yang ia adalah berkaitan dengan tuntutan orang itu menjadi sah tanpa kelulusan Mahkamah.

Kelulusan penyelesaian (A. 76, k. 11)

11. (1) Jika, sebelum prosiding yang dalamnya tuntutan wang dibuat oleh atau bagi pihak orang ketidakupayaan (sama ada berseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain) dimulakan, suatu persetujuan tercapai bagi penyelesaian tuntutan itu, dan adalah dihasratkan untuk mendapatkan kelulusan Mahkamah mengenai penyelesaian itu, maka walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 5, kaedah 2, tuntutan itu boleh dibuat dalam prosiding yang dimulakan melalui saman pemula dan dalam saman pemula itu permohonan boleh juga dibuat untuk—

- (a) kelulusan Mahkamah mengenai penyelesaian itu dan apa-apa perintah atau arahan sebagaimana yang perlu untuk memberi

kesan kepadanya atau sebagaimana yang perlu atau suai manfaat di bawah kaedah 12; atau

(b) alternatifnya, arahan tentang penerusan selanjutnya tuntutan itu.

(2) Jika dalam prosiding di bawah kaedah ini suatu tuntutan dibuat di bawah seksyen 7 Akta Undang-Undang Sivil 1956, saman pemula hendaklah memaksukkan butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta.

(3) Dalam kaedah ini "penyelesaian" termasuklah suatu kompromi.

Kawalan wang yang didapatkan kembali oleh orang ketidakupayaan (A. 76, k. 12)

12. (1) Jika dalam mana-mana prosiding—

(a) wang didapatkan kembali oleh atau bagi pihak, atau dihakimkan atau diperintahkan atau dipersetujui dibayar kepada, atau untuk faedah, orang ketidakupayaan; atau

(b) wang yang dibayar ke dalam Mahkamah disetujuterima oleh atau bagi pihak plaintif yang adalah orang ketidakupayaan,

wang itu hendaklah diuruskan mengikut arahan yang diberikan oleh Mahkamah.

(2) Arahan yang diberikan di bawah kaedah ini boleh memperuntukkan bahawa wang itu hendaklah, keseluruhannya atau mana-mana bahagiannya, dibayar ke dalam Mahkamah dan dilaburkan atau selainnya diuruskan.

(3) Tanpa menjejaskan peruntukan yang tersebut di atas dalam kaedah ini, arahan yang diberikan di bawah kaedah ini boleh termasuk apa-apa arahan am atau khas yang Mahkamah fikirkan patut untuk diberikan dan, khususnya, arahan tentang bagaimana wang itu hendak digunakan atau diuruskan dan tentang apa-apa pembayaran yang akan dibuat, sama ada secara langsung atau daripada amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah, kepada plaintif, atau kepada wakil litigasi berkenaan

dengan wang yang dibayar atau perbelanjaan yang dilakukan untuk atau bagi pihak atau untuk faedah orang ketidakupayaan atau untuk nafkahnya atau selainnya untuk faedahnya atau kepada peguam plaintif berkenaan dengan kos.

(4) Jika, menurut arahan yang diberikan di bawah kaedah ini wang dibayar ke dalam Mahkamah untuk dilaburkan atau selainnya diuruskan, wang itu, termasuk apa-apa bunga atasnya, tidak boleh dibayar, dan juga apa-apa sekuriti yang wang itu dilaburkan, atau dividen atasnya, tidak boleh dijual, dipindahkan atau dibayar daripada Mahkamah, kecuali mengikut suatu perintah Mahkamah.

(5) Perenggan (1) hingga (4) hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas oleh atau bagi pihak orang ketidakupayaan, dan tuntutan yang dibuat oleh atau bagi pihak orang yang sedemikian dalam suatu tindakan oleh mana-mana orang untuk relief di bawah seksyen 361 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952, seolah-olah sebutan mengenai plaintif dan wakil litigasi telah masing-masingnya digantikan dengan sebutan mengenai defendan.

Prosiding di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956: Pengumpulan oleh Mahkamah (A. 76, k. 13)

13. (1) Jika wang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah Aturan 76, kaedah 12, sebagai penunaian kausa tindakan yang berbangkit di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 dan jumlah wang itu disetujuterima, wang itu hendaklah diumpukkan antara kausa tindakan yang berlainan oleh Mahkamah sama ada semasa memberi arahan untuk menguruskannya atau semasa membenarkan pembayarannya daripada Mahkamah.

(2) Jika, dalam suatu tindakan dalam mana-mana tuntutan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956 dibuat oleh atau bagi pihak lebih daripada seorang, sejumlah wang berkenaan dengan ganti rugi dihakimkan atau diperintahkan atau dipersetujui dibayar sebagai menunaikan tuntutan itu, atau sejumlah wang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah Aturan 76, kaedah 12, disetujuterima sebagai penunaian kausa tindakan di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956, ia hendaklah diumpukkan antara orang itu oleh Mahkamah. Sebutan dalam perenggan ini kepada sejumlah wang dibayar

ke dalam Mahkamah hendaklah ditafsirkan sebagai termasuk suatu sebutan kepada bahagian jumlah wang yang dibayar sedemikian, menjadi bahagian yang diumpukkan oleh Mahkamah di bawah arahan yang diberikan kepada tindakan kausa di bawah Akta Undang-Undang Sivil 1956.

Penyampaian dokumen tertentu kepada orang ketidakupayaan (A. 76, k. 14)

14. (1) Jika dalam apa-apa prosiding suatu dokumen dikehendaki disampaikan secara kediri kepada mana-mana orang dan orang itu adalah orang ketidakupayaan kaedah ini hendaklah terpakai.

(2) Tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam kaedah ini dan kepada Aturan 24, kaedah 16(3), dan Aturan 26, kaedah 7(3), dokumen itu hendaklah disampaikan—

(a) dalam hal seorang belum dewasa yang bukan juga seorang pesakit kepada bapa atau penjaganya atau, jika dia tidak ada bapa atau penjaga, kepada orang yang dengannya dia tinggal atau yang dalam jagaannya dia berada;

(b) dalam hal seorang pesakit, kepada orang, jika ada, yang diberi kuasa di bawah Akta untuk menjalankan atas nama pesakit itu atau bagi pihaknya prosiding yang berkaitan dengannya dokumen itu hendak disampaikan atau, jika tidak ada orang yang diberi kuasa sedemikian, kepada orang yang dengannya dia tinggal atau yang dalam jagaannya dia berada,

dan hendaklah disampaikan mengikut cara yang dikehendaki oleh kaedah-kaedah ini mengenai dokumen yang berkenaan.

(3) Walau apa pun apa-apa jua dalam perenggan (2), Mahkamah boleh memerintahkan bahawa sesuatu dokumen yang telah, atau yang hendak, disampaikan kepada orang ketidakupayaan atau kepada orang selain orang yang disebutkan dalam

perenggan itu hendaklah disifatkan sabagai disampaikan dengan sempurnanya kepada orang ketidakupayaan itu.

(4) Suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang supaya melakukan, atau menahan diri daripada melakukan, apa-apa perbuatan, suatu notis permohonan atau saman pemula untuk mengkomitkan mana-mana orang, dan suatu sapina terhadap mana-mana orang, hendaklah jika orang itu ialah orang ketidakupayaan, disampaikan secara kediri kepada orang itu melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya. Perenggan ini tidaklah terpakai bagi suatu perintah untuk interogatori atau untuk penzahiran atau pemeriksaan dokumen.

ATURAN 77

PEKONGSI

Tindakan oleh dan terhadap firma dalam bidang kuasa (A. 77, k. 1)

1. Tertakluk kepada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, mana-mana dua orang atau lebih yang menuntut berhak, atau dikatakan bertanggung, sebagai pekongsi berkenaan dengan suatu kausa tindakan dan menjalankan perniagaan dalam bidang kuasa boleh membawa guaman atau dibawa guaman terhadapnya, atas nama firma, sekiranya ada, yang mereka itu adalah pekongsi pada ketikanya kausa tindakan itu terakru.

Pendedahan nama pekongsi (A. 77, k. 2)

2. (1) Mana-mana defendan dalam suatu tindakan yang dibawa oleh pekongsi atas nama firma boleh menyampaikan kepada plaintif atau peguam mereka suatu notis yang menghendaki mereka atau menghendakinya memberikan dengan serta-merta kepada defendan suatu pernyataan bertulis tentang nama dan tempat kediaman kesemua orang yang manjadi pekongsi dalam firma pada ketikanya kausa tindakan itu terakru dan jika notis itu tidak dipatuhi Mahkamah boleh memerintahkan dalam Borang 190 plaintif atau peguam mereka supaya memberikan kepada defendan suatu pernyataan yang sedemikian dan supaya menentusahkannya dengan mengangkat sumpah atau selainnya sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah itu, atau boleh

memerintahkan supaya prosiding selanjutnya dalam tindakan itu digantung mengikut apa-apa terma sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Apabila nama pekongsi telah diisytiharkan sebagai mematuhi notis atau perintah yang diberikan atau dibuat di bawah perenggan (1), prosiding itu hendaklah diteruskan atas nama firma itu tetapi dengan akibat yang sama sebagaimana yang sepatutnya berlaku jika orang yang nama mereka itu telah diisytiharkan sedemikian telah dinamakan sebagai plaintif dalam writ itu.

(3) Perenggan (1) hendaklah berkuat kuasa berhubung dengan suatu tindakan yang dibawa terhadap pekongsi atas nama suatu firma sebagaimana ia berkuat kuasa berhubung dengan suatu tindakan yang dibawa oleh pekongsi atas nama suatu firma tetapi dengan menggantikan sebutan mengenai defendan dan plaintif itu masing-masing dengan sebutan mengenai plaintif dan defendan, dan dengan memotong perkataan "atau boleh memerintahkan" sehingga akhir perenggan itu.

Penyampaian writ (A. 77, k. 3)

3. (1) Jika menurut kuasa kaedah 1 pekongsi dibawa guaman terhadap mereka atas nama suatu firma, writ itu boleh, kecuali dalam hal yang disebutkan dalam perenggan (2), disampaikan—

(a) kepada mana-mana seorang atau lebih pekongsi; atau

(b) di tempat utama perniagaan bagi perkongsian itu dalam bidang kuasa, kepada mana-mana orang yang mempunyai pada masa penyampaian itu kawalan atau pengurusan ke atas perniagaan perkongsian di situ,

dan jika penyampaian writ itu dilaksanakan mengikut perenggan ini, writ itu hendaklah disifatkan telah disampaikan dengan sempurnanya kepada firma itu, sama ada atau tidak mana-mana anggota firma itu berada di luar bidang kuasa.

(2) Jika suatu perkongsian telah, mengikut pengetahuan plaintif, dibubarkan sebelum suatu tindakan terhadap firma itu dimulakan, writ yang menurutnya tindakan itu dimulakan mestilah disampaikan kepada tiap-tiap orang dalam bidang kuasa yang bertujuan dijadikan bertanggung dalam tindakan itu.

(3) Tiap-tiap orang yang kepadanya writ disampaikan di bawah perenggan (1) mestilah pada masa penyampaian, diberikan notis bertulis dalam Borang 191 yang menyatakan sama ada dia disampaikan sebagai seorang pekongsi atau sebagai seorang yang mempunyai kawalan atau pengurusan ke atas perniagaan perkongsian itu atau kedua-duanya sebagai pekongsi dan sebagai orang yang sedemikian, dan mana-mana orang yang kepadanya suatu writ disampaikan sedemikian tetapi yang kepadanya tiada notis sedemikian diberikan hendaklah disifatkan telah disampaikan sebagai seorang pekongsi.

Kemasukan kehadiran dalam suatu tindakan terhadap firma (A. 77, k. 4)

4. (1) Jika orang dibawa guaman terhadapnya sebagai pekongsi atas nama firma mereka, kehadiran mungkin tidak boleh dimasukkan atas nama firma itu tetapi hanya oleh pekongsinya atas nama mereka sendiri, tetapi tindakan itu hendaklah walau bagaimanapun diteruskan atas nama firma itu.

(2) Jika dalam suatu tindakan terhadap suatu firma writ yang melaluinya tindakan itu dimulakan disampaikan kepada seseorang sebagai seorang pekongsi, orang itu, sekiranya dia menafikan bahawa dia telah menjadi pekongsi atau bertanggung sebagai yang sedemikian pada bila-bila masa yang material, boleh memasukkan kehadiran dalam tindakan itu dan menyatakan dalam memorandum kehadiran bahawa dia berbuat demikian sebagai orang yang disampaikan sebagai pekongsi dalam firma defendan tetapi menafikan bahawa dia telah menjadi pekongsi pada suatu masa yang material. Suatu kehadiran yang dimasukkan mengikut perenggan ini hendaklah, melainkan jika dan sehingga ia diketepikan, dianggap sebagai kehadiran untuk firma defendan.

(3) Jika suatu kehadiran telah dimasukkan untuk defendan mengikut perenggan (2)—

- (a) plaintif boleh sama ada memohon kepada Mahkamah untuk mengetepikan penyampaian writ itu atas alasan bahawa defendan adalah seorang pekongsi atau bertanggung sebagai yang sedemikian pada suatu masa yang material atau boleh meninggalkan persoalan itu untuk ditentukan di peringkat terkemudian prosiding itu;
- (b) defendan boleh sama ada memohon kepada Mahkamah untuk mengetepikan penyampaian writ itu kepadanya atas alasan bahawa dia bukan seorang pekongsi atau bertanggung sebagai yang sedemikian pada suatu masa yang material atau boleh pada masa yang sesuai menyampaikan pembelaan kepada plaintif menafikan berkenaan dengan tuntutan plaintif itu sama ada kebertanggungannya sebagai seorang pekongsi atau kebertanggungannya firma defendan itu atau kedua-duanya.

(4) Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding dalam suatu tindakan yang defendan telah memasukkan kehadiran mengikut perenggan (2), atas permohonan plaintif atau defendan itu memerintahkan bahawa apa-apa persoalan tentang kebertanggungannya defendan itu atau tentang kebertanggungannya firma defendan itu dibicarakan mengikut apa-apa cara dan pada bila-bila masa sebagaimana yang Mahkamah arahkan.

(5) Jika dalam tindakan terhadap suatu firma writ yang melaluinya tindakan itu dimulakan disampaikan kepada seseorang sebagai orang yang mempunyai kawalan atau pengurusan dalam perniagaan perkongsian itu, orang itu tidak boleh memasukkan kehadiran dalam tindakan itu melainkan jika dia seorang anggota firma yang dibawa guaman terhadapnya.

Menguatkuasakan penghakiman atau perintah terhadap firma (A. 77, k. 5)

5. (1) Jika penghakiman diberikan atau perintah dibuat terhadap suatu firma, pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu boleh, tertakluk kepada kaedah 6, dikeluarkan terhadap apa-apa harta firma itu dalam bidang kuasa.

(2) Jika penghakiman diberikan atau perintah dibuat terhadap suatu firma, pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah itu boleh, tertakluk kepada kaedah 6 dan kepada perenggan yang berikut, kemudiannya dikeluarkan terhadap mana-mana orang yang—

- (a) memasukkan kehadiran dalam tindakan itu sebagai seorang pekongsi;
- (b) setelah disampaikan sebagai seorang pekongsi dengan writ, gagal memasukkan kehadiran dalam tindakan itu;
- (c) mengaku dalam plidingnya bahawa dia adalah seorang pekongsi; atau
- (d) telah dihakimi menjadi seorang pekongsi.

(3) Pelaksanaan untuk menguatkuasakan suatu penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat terhadap suatu firma tidak boleh dikeluarkan terhadap seorang anggota firma yang berada di luar bidang kuasa semasa writ itu telah dikeluarkan melainkan jika dia—

- (a) memasukkan kehadiran dalam tindakan itu sebagai seorang pekongsi;
- (b) telah disampaikan dalam bidang kuasa akan writ itu sebagai seorang pekongsi; atau
- (c) telah, dengan kebenaran Mahkamah yang diberikan di bawah Aturan 11, disampaikan luar bidang kuasa akan notis writ itu, sebagai seorang pekongsi,

dan, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh perenggan (1) dan oleh peruntukan yang tersebut di atas dalam perenggan ini, suatu penghakiman atau perintah yang

diberikan atau dibuat terhadap suatu firma tidaklah menyebabkan bertanggung, melepaskan atau selainnya menyentuh anggota firma yang berada di luar bidang kuasa semasa writ itu dikeluarkan.

(4) Jika pihak yang telah mendapatkan penghakiman atau perintah terhadap suatu firma mendakwa bahawa seseorang adalah bertanggung untuk menunaikan penghakiman atau perintah itu selaku anggota firma, dan peruntukan yang tersebut di atas dalam kaedah ini tidak terpakai berhubung dengan orang itu, pihak itu boleh memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran mengeluarkan pelaksanaan terhadap orang itu, permohonan itu hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang mestilah disampaikan secara kediri kepada orang itu.

(5) Jika orang yang terhadapnya suatu permohonan di bawah perenggan (4) dibuat tidak mempertikaikan kebertanggungannya, Mahkamah yang mendengar permohonan itu boleh, tertakluk kepada perenggan (3), memberikan kebenaran untuk mengeluarkan pelaksanaan terhadap orang itu dan, jika orang itu mempertikaikan kebertanggungannya, Mahkamah boleh memerintahkan bahawa kebertanggungannya orang itu dibicarakan dan ditentukan mengikut apa-apa cara dalam mana apa-apa isu atau persoalan dalam suatu tindakan boleh dibicarakan dan ditentukan.

Menguatkuasakan penghakiman atau perintah dalam tindakan antara pekongsi (A. 77, k. 6)

6. (1) Pelaksanaan untuk menguatkuasakan penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam—

(a) suatu tindakan oleh atau terhadap suatu firma atas nama firma, terhadap atau oleh seorang anggota firma itu; atau

(b) suatu tindakan oleh firma atas nama firma terhadap suatu firma atas nama firma yang firma itu mempunyai seorang atau lebih anggota sesama,

tidak boleh dikeluarkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Mahkamah yang mendengar permohonan di bawah kaedah ini boleh memberikan apa-apa arahan termasuk arahan tentang pengambilan akaun dan membuat siasatan sebagaimana yang adil.

Penahanan hutang yang terhutang oleh firma (A 77. k. 7)

7. (1) Suatu perintah boleh dibuat di bawah Aturan 49, kaedah 1, berhubung dengan hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar oleh firma yang menjalankan perniagaan dalam bidang kuasa walaupun seorang atau lebih anggota firma itu bermastautin di luar bidang kuasa.

(2) Suatu perintah untuk menunjukkan sebab di bawah kaedah 1 berhubung dengan hutang sebagaimana yang disebut terdahulu mestilah disampaikan kepada seorang anggota firma dalam bidang kuasa atau kepada seorang yang lain yang mempunyai kawalan atau pengurusan ke atas perniagaan perkongsian itu.

(3) Jika suatu perintah dibuat di bawah kaedah 1 menghendaki suatu firma hadir di hadapan Mahkamah, suatu kehadiran oleh seorang anggota firma itu hendaklah ditafsirkan sebagai suatu pematuhan yang cukup akan perintah itu.

Tindakan yang dimulakan melalui saman pemula (A. 77, k. 8)

8. Kaedah 2 hingga 7 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan suatu tindakan oleh atau terhadap pekongsi atas nama firma mereka yang dimulakan melalui saman pemula sebagaimana ia terpakai berhubung dengan suatu tindakan sedemikian yang dimulakan melalui writ.

Pemakaian bagi orang yang menjalankan perniagaan atas suatu nama lain (A. 77, k. 9)

9. Seorang individu yang menjalankan perniagaan dalam bidang kuasa atas nama atau gelaran selain atas namanya sendiri boleh dibawa guaman terhadapnya atas nama atau gelaran itu seolah-olah ia adalah nama suatu firma, dan kaedah 2 hingga 7 hendaklah, setakat yang boleh dipakai, terpakai seolah-olah dia telah menjadi seorang pekongsi dan nama yang dia menjalankan perniagaan itu ialah nama firmanya.

Permohonan untuk mendapatkan perintah menggadaikan kepentingan pekongsi dalam harta pekongsian (A. 77, k. 10)

10. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Mahkamah oleh seorang pemiutang penghakiman seorang pekongsi suatu perintah di bawah seksyen 25 Akta Perkongsian 1961 [*Akta 135*] (yang membenarkan Mahkamah Tinggi atau Hakimnya membuat perintah tertentu atas permohonan seorang pemiutang penghakiman seorang pekongsi termasuk suatu perintah menggadaikan kepentingan pekongsi dalam harta perkongsian itu) dan tiap-tiap permohonan yang dibuat kepada Mahkamah oleh seorang pekongsi bagi penghutang penghakiman boleh berbangkit daripada permohonan yang mula-mula dinyatakan itu mestilah dibuat melalui notis permohonan.

(2) Pendaftar boleh menjalankan kuasa yang diberikan kepada Hakim di bawah seksyen 25 Akta Perkongsian 1961.

(3) Tiap-tiap notis permohonan yang dikeluarkan oleh pemiutang penghakiman di bawah kaedah ini dan tiap-tiap perintah yang dibuat ke atas notis permohonan sedemikian, mestilah disampaikan kepada penghutang penghakiman dan kepada mana-mana pekongsinya yang berada dalam bidang kuasa.

(4) Tiap-tiap notis permohonan yang dikeluarkan oleh pekongsi kepada penghutang penghakiman di bawah kaedah ini dan tiap-tiap perintah yang dibuat ke atas notis permohonan sedemikian, mestilah disampaikan—

(a) kepada pemiutang penghakiman;

(b) kepada penghutang penghakiman; dan

(c) kepada mana-mana pekongsi lain kepada penghutang penghakiman itu yang tidak turut serta dalam permohonan itu dan berada dalam bidang kuasa.

(5) Suatu notis permohonan atau perintah yang disampaikan mengikut kaedah ini kepada beberapa orang sahaja daripada pekongsi dalam sesuatu

perkongsian hendaklah disifatkan telah disampaikan kepada semua pekongsi dalam perkongsian itu.

ATURAN 78
TINDAKAN KERANA FITNAH

Pemakaian (A. 78, k. 1)

1. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi tindakan kerana libel atau slander tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut dalam Aturan ini.

Pengendorsan tuntutan dalam tindakan kerana libel (A. 78, k. 2)

2. *(Tiada kaedah 2)*

Obligasi untuk memberi butir-butir (A. 78, k. 3)

3. (1) Jika dalam sesuatu tindakan kerana libel atau slander plaintif mengatakan bahawa kata-kata atau perkara yang diadukan telah digunakan dengan maksud memfitnahkan selain maksudnya yang biasa, dia mestilah memberikan butir-butir mengenai fakta dan perkara yang padanya dia bersandarkan untuk menyokong maksud itu.

(2) Jika dalam suatu tindakan kerana libel atau slander defendan mengatakan bahawa, setakat yang kata-kata yang diadukan itu terdiri daripada pernyataan fakta, ia adalah benar pada isi dan fakta, dan setakat yang ia terdiri daripada pernyataan pendapat, ia adalah komen berpatutan mengenai suatu perkara kepentingan awam, atau merayu dengan maksud yang serupa, dia mestilah memberikan butir-butir yang menyatakan mana di antara kata-kata yang diadukan itu yang dikatakannya adalah pernyataan fakta dan mana di antara fakta dan perkara yang padanya dia bersandarkan untuk menyokong pengatahan bahawa kata-kata itu adalah benar.

(3) Jika dalam suatu tindakan kerana libel atau slander plaintif mengatakan bahawa defendan telah menyiarkan dengan niat jahat kata-kata atau perkara yang diadukan, dia tidaklah perlu dalam pernyataan tuntutannya itu memberikan butir-butir mengenai fakta yang padanya dia bersandarkan untuk menyokong pengatahan niat jahat itu, tetapi jika defendan merayu bahawa mana-mana di antara kata-kata atau perkara

itu adalah komen berpatutan mengenai suatu perkara untuk kepentingan awam atau telah disiarkan dalam keadaan terlindung dan plaintif bercadang untuk mengatakan bahawa defendan telah didorong oleh niat jahat yang nyata, dia mestilah menyampaikan suatu jawapan yang memberikan butir-butir mengenai fakta dan perkara yang daripadanya niat jahat itu hendak diambil kesimpulan.

(4) Kaedah ini hendaklah terpakai berhubung dengan tuntutan balas kerana libel atau slander seolah-olah pihak yang membuat tuntutan balas itu ialah plaintif dan pihak yang terhadapnya tuntutan balas itu dibuat ialah defendan.

Peruntukan tentang tawaran penyelesaian (A. 78, k. 4)

4. (1) Jika dalam suatu tindakan kerana libel atau slander terhadap beberapa defendan yang dibawa guaman terhadapnya secara bersesama plaintif, mengikut Aturan 22B, menyetujuterima apa-apa tawaran penyelesaian atau tawaran sumbangan, oleh mana-mana defendan sebagai penunaian kausa tindakannya terhadap defendan itu, maka, walau apa pun apa-apa jua dalam kaedah 3 Aturan itu, tindakan itu hendaklah digantung hanya terhadap defendan yang itu sahaja, tetapi—

- (a) jumlah wang yang boleh didapatkan kembali di bawah apa-apa penghakiman yang diberikan dengan memihak kepada plaintif, terhadap mana-mana defendan lain dalam tindakan itu sebagai ganti rugi tidak boleh melebihi amaun, sekiranya ada, yang sebanyak mana amaun ganti rugi itu melebihi amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah oleh defendan yang terhadapnya tindakan itu telah digantung; dan
- (b) plaintif tidaklah berhak mendapat kos bagi tindakannya terhadap defendan yang lain selepas tarikh pembayaran ke dalam Mahkamah melainkan jika sama ada amaun ganti rugi yang diawardkan kepadanya itu lebih besar daripada amaun yang dibayar ke dalam Mahkamah dan disetujuterima olehnya atau Hakim berpendapat bahawa ada alasan yang munasabah baginya untuk meneruskan tindakan itu terhadap defendan yang lain itu.

(2) Jika dalam suatu tindakan kerana libel suatu pihak merayu pembelaan yang diperuntukkan oleh subseksyen 10(2) Akta Fitnah 1957 [*Akta 286*], Aturan 22B, kaedah 5 tidaklah terpakai berhubung dengan pliding itu.

Pernyataan di Mahkamah terbuka (A. 78, k. 5)

5. (1) Jika suatu pihak menyetujui terima suatu tawaran penyelesaian atau tawaran sumbangan sebagai penunaian kausa tindakan kerana libel atau slander, plaintif atau defendan, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memohon melalui notis permohonan untuk mendapatkan kebenaran membuat suatu pernyataan di Mahkamah terbuka mengikut terma sebagaimana yang diluluskan oleh Mahkamah.

(2) Jika suatu pihak dalam tindakan kerana libel atau slander yang diselesaikan sebelum perbicaraan berhasrat untuk membuat suatu pernyataan di Mahkamah terbuka, suatu permohonan hendaklah dibuat kepada Mahkamah untuk suatu perintah bahawa tindakan itu ditetapkan untuk perbicaraan, dan sebelum tarikh yang ditetapkan untuk perbicaraan itu pernyataan itu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Mahkamah yang di hadapannya pernyataan itu hendak dibuat.

Interogatori tidak dibenarkan dalam hal tertentu (A. 78, k. 6)

6. Jika dalam suatu tindakan kerana libel atau slander defendan merayu bahawa kata-kata atau perkara yang diadukan adalah komen yang berpatutan mengenai suatu perkara kepentingan awam atau telah disiarkan dalam keadaan terlindung, tiada interogatori tentang sumber maklumat defendan atau alasan kepercayaannya boleh dibenarkan.

Keterangan untuk mengurangkan ganti rugi (A. 78, k. 7)

7. Dalam suatu tindakan kerana libel atau slander, yang defendan tidak melalui pembelaannya menegaskan kebenaran pernyataan yang diadukan, defendan tidaklah berhak memberi keterangan utama semasa perbicaraan, dengan tujuan untuk mengurangkan ganti rugi, tentang hal keadaan yang menurutnya libel atau slander itu disiarkan, atau tentang kelakuan plaintif, tanpa kebenaran Hakim, melainkan jika sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum perbicaraan dia memberikan butir-butir

kepada plaintif mengenai perkara yang tentangnya dia bercadang untuk memberikan keterangan.

Pemenuhan tawaran penyelesaian di bawah seksyen 7 Akta Fitnah 1957 (A. 78, k. 8)

8. (1) Suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen 7 Akta Fitnah 1957 untuk menentukan apa-apa persoalan tentang langkah-langkah yang kena diambil untuk memenuhi tawaran penyelesaian yang dibuat di bawah seksyen itu hendaklah, melainkan jika permohonan itu dibuat semasa berlangsungnya prosiding kerana libel atau slander berkenaan dengan penyiaran yang tawaran itu berkaitan, dibuat dalam Kamar, tetapi hanya seorang Hakim sahaja yang boleh menentukan persoalan itu.

(2) *(Tiada perenggan (2))*

ATURAN 79

TINDAKAN PEMBERI PINJAM WANG

Pemakaian dan tafsiran (A. 79, k. 1)

1. (1) Kaedah-kaedah ini terpakai bagi suatu tindakan pemberi pinjam wang tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut dalam Aturan ini.

(2) Dalam kaedah-kaedah ini—

"pemberi pinjam wang" mempunyai erti yang diberikan kepadanya oleh seksyen 2 Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [*Akta 400*];

"tindakan pemberi pinjam wang" ertinya suatu tindakan untuk mendapatkan kembali wang yang dipinjamkan oleh pemberi pinjam wang atau tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa perjanjian atau jaminan yang berhubungan dengan wang yang dipinjamkan sedemikian, yang merupakan suatu tindakan yang dibawa oleh pemberi pinjam atau pemegang serahhak.

Pengendorsan writ (A. 79, k. 2)

2. Sebelum suatu writ yang memulakan tindakan pemberi pinjam wang dikeluarkan, ia hendaklah diendorskan dengan suatu pernyataan bahawa pada masa pembuatan pinjaman atau kontrak itu atau pemberian jaminan yang berkenaan pemberi pinjam itu telah dilesenkan sebagai pemberi pinjam wang.

Butir-butir hendaklah dimasukkan ke dalam pernyataan tuntutan (A. 79, k. 3)

3. Tiap-tiap pernyataan tuntutan dalam tindakan pemberi pinjam wang hendaklah menyatakan—

- (a) tarikh pinjaman itu dibuat;
- (b) amaun sebenarnya yang dipinjamkan kepada peminjam;
- (c) kadar peratus setahun bunga yang dikenakan;
- (d) tarikh bila kontrak untuk pembayaran balik dibuat;
- (e) fakta bahawa nota atau memorandum mengenai kontrak itu telah dibuat dan telah ditandatangani oleh peminjam;
- (f) tarikh salinan nota atau memorandum itu telah dihantarserahkan atau dihantar kepada peminjam;
- (g) amaun yang telah dibayar balik;
- (h) amaun yang kena dibayar tetapi belum dibayar;
- (i) tarikh yang padanya jumlah wang atau jumlah-jumlah wang sedemikian yang belum dibayar itu yang menjadi kena dibayar;
- (j) amaun bunga yang terakru yang kena dibayar dan belum dibayar atas setiap wang sedemikian; dan

(k) bentuk yang wang itu diberi pinjam.

Penghakiman ingkar kehadiran atau pembelaan (A. 79, k. 4)

4. (1) Dalam suatu tindakan pemberi pinjam wang, penghakiman ingkar kehadiran atau ingkar pembelaan tidak boleh dimasukkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Suatu permohonan minta diberikan kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan, dan notis permohonan itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 62, kaedah 10, disampaikan kepada defendan.

(3) Sekiranya permohonan itu ialah untuk mendapatkan kebenaran memasukkan penghakiman ingkar kehadiran, notis permohonan itu tidak boleh dikeluarkan sehingga selepas masa yang dihadkan untuk hadir.

(4) Pada pendengaran suatu permohonan sedemikian, sama ada defendan hadir atau tidak, Mahkamah —

(a) boleh menjalankan kuasa Mahkamah di bawah subseksyen 21(2) Akta Pemberi Pinjam Wang 1951;

(b) jika ia enggan memberikan kebenaran di bawah kaedah ini untuk mendapatkan penghakiman atas suatu tuntutan atau mana-mana bahagian suatu tuntutan, boleh membuat atau memberi apa-apa perintah atau arahan sebagaimana yang mungkin telah dibuat atau telah diberikannya kiranya permohonan itu merupakan suatu permohonan di bawah Aturan 14, kaedah 1, untuk mendapatkan penghakiman atas tuntutan itu.

Butir-butir hendaklah dimasukkan ke dalam saman pemula (A. 79, k. 5)

5. (Tiada kaedah 5)

ATURAN 80
TINDAKAN PENTADBIRAN DAN YANG SEUMPAMANYA

Tafsiran (A. 80, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, "tindakan pentadbiran" ertinya suatu tindakan untuk mendapatkan kuasa mentadbir di bawah arahan Mahkamah atau harta pusaka seorang yang mati atau untuk mendapatkan pelaksanaan di bawah arahan Mahkamah akan suatu amanah.

Menentukan persoalan tanpa kuasa mentadbir (A. 80, k. 2)

2. (1) Suatu tindakan boleh dibawa untuk penentuan apa-apa persoalan atau untuk mendapatkan apa-apa relief yang boleh ditentukan atau diberikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam suatu tindakan pentadbiran dan suatu tuntutan tidak perlu dibuat dalam tindakan untuk mendapatkan kuasa mentadbir atau pelaksanaan di bawah arahan Mahkamah akan harta pusaka atau amanah yang berkaitan dengannya persoalan itu berbangkit atau relief itu diminta.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu tindakan boleh dibawa untuk penentuan mana-mana persoalan yang berikut:

- (a) apa-apa persoalan yang berbangkit dalam kuasa mentadbir harta pusaka seorang yang mati atau dalam pelaksanaan sesuatu amanah;
- (b) apa-apa persoalan tentang komposisi mana-mana golongan orang yang mempunyai suatu tuntutan terhadap harta pusaka seorang yang mati atau suatu kepentingan benefisial dalam harta pusaka seseorang yang sedemikian atau dalam apa-apa harta yang tertakluk kepada suatu amanah;
- (c) apa-apa persoalan tentang hak atau kepentingan seseorang yang menuntut sebagai pemiutang bagi harta pusaka seorang yang mati atau menuntut sebagai berhak di bawah wasiat atau atas kematian

tak berwasiat seorang yang mati atau sebagai berhak secara benefisial di bawah suatu amanah.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan perenggan (1), suatu tindakan boleh dibawa untuk mendapatkan mana-mana relief yang berikut:

- (a) suatu perintah yang menghendaki seorang wasi, pentadbir atau pemegang amanah mengemukakan dan, sekiranya perlu, menentusahkan akaun;
- (b) suatu perintah menghendaki pembayaran ke dalam Mahkamah wang yang dipegang oleh seseorang atas sifatnya sebagai wasi, pentadbir atau pemegang amanah;
- (c) suatu perintah yang mengarahkan seseorang melakukan atau menahan diri daripada melakukan sesuatu tindakan tertentu atas sifatnya sebagai wasi, pentadbir atau pemegang amanah;
- (d) suatu perintah yang meluluskan apa-apa jualan, pembelian, kompromi atau transaksi lain oleh seseorang atas sifatnya sebagai wasi, pentadbir atau pemegang amanah;
- (e) suatu perintah yang mengarahkan apa-apa tindakan dilakukan dalam pentadbiran harta pusaka seorang yang mati atau dalam pelaksanaan suatu amanah yang Mahkamah boleh memerintahkan supaya dilakukan sekiranya harta pusaka atau amanah itu ditadbirkan atau dilaksanakan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di bawah arahan Mahkamah.

Pihak-pihak (A. 80, k. 3)

3. (1) Semua wasi atau pentadbir bagi harta pusaka atau pemegang amanah bagi amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang suatu kuasa mentadbir atau tindakan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam kaedah 2 berkaitan

hendaklah menjadi pihak dalam tindakan itu, dan jika tindakan itu dibawa oleh wasi, pentadbir atau pemegang amanah, mana-mana di antara mereka yang tidak bersetuju dicantumkan sebagai plaintif hendaklah dijadikan defendan.

(2) Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 15, kaedah 4(2) dan tanpa menjejaskan kuasa Mahkamah di bawah Aturan itu, semua orang yang mempunyai kepentingan benefisial dalam atau menuntut terhadap harta pusaka itu atau mempunyai kepentingan benefisial di bawah amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang suatu tindakan sedemikian sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (1) berkait tidaklah perlu menjadi pihak dalam tindakan itu; tetapi plaintif boleh menjadikan mana-mana daripada orang itu sama ada kesemuanya atau mana-mana seorang daripada mereka atau lebih, pihak sebagaimana, dengan memberi perhatian berat kepada jenis relief atau remedi yang dituntut dalam tindakan itu, yang difikirkannya patut.

(3) Jika, dalam prosiding di bawah penghakiman atau perintah yang diberikan atau dibuat dalam suatu tindakan bagi kuasa mentadbir di bawah arahan Mahkamah tentang harta pusaka seorang yang mati, suatu tuntutan berkenaan dengan hutang atau liabiliti lain dibuat terhadap harta pusaka itu oleh seseorang yang bukan pihak dalam tindakan itu, tiada pihak selain wasi atau pentadbir bagi harta pusaka itu berhak hadir di mana-mana prosiding yang berhubungan dengan tuntutan itu tanpa kebenaran Mahkamah, dan Mahkamah boleh mengarahkan atau membenarkan mana-mana pihak lain hadir sama ada sebagai tambahan kepada, atau sebagai ganti bagi, wasi atau pentadbir atas apa-apa terma tentang kos atau selainnya sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemberian relief dalam tindakan yang dimulakan melalui saman pemula (A. 80, k. 4)

4. Dalam suatu tindakan pentadbiran atau suatu tindakan yang sedemikian sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah 2, Mahkamah boleh membuat apa-apa perakuan atau perintah dan memberi apa-apa relief yang plaintif mungkin berhak kepadanya atas sebab apa-apa pecah amanah, keingkaran sengaja atau salah laku lain defendan.

Penghakiman atau perintah dalam tindakan pentadbiran (A. 80, k. 5)

5. (1) Suatu penghakiman atau perintah bagi pentadbiran atau pelaksanaan di bawah arahan Mahkamah tentang suatu harta pusaka atau amanah tidak perlu diberikan atau dibuat melainkan jika pada pendapat Mahkamah persoalan yang menjadi isu antara pihak-pihak tidak dapat dibuat penentuan dengan wajar melainkan di bawah penghakiman atau perintah yang sedemikian.

(2) Jika suatu tindakan kuasa mentadbir dibawa oleh pemiutang bagi harta pusaka seorang yang mati atau oleh seseorang yang menuntut sebagai berhak di bawah suatu wasiat atau di atas kematian tak berwasiat seorang yang mati atau sebagai berhak secara benefisial di bawah suatu amanah, dan plaintif mengatakan bahawa tiada akaun atau akaun yang tidak mencukupi telah dikemukakan oleh wasi, pentadbir atau pemegang amanah, mengikut mana-mana yang berkenaan, maka, tanpa menjejaskan kuasanya yang lain, Mahkamah boleh—

- (a) memerintahkan supaya prosiding dalam tindakan itu digantung selama suatu tempoh yang dinyatakan dalam perintah itu dan wasi, pentadbir, atau pemegang amanah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dalam tempoh itu mengemukakan akaun yang wajar kepada plaintif;
- (b) sekiranya perlu untuk mencegah prosiding oleh pemiutang lain atau oleh orang lain yang menuntut sebagai berhak sebagaimana yang disebut terdahulu, memberi penghakiman atau membuat suatu perintah bagi kuasa mentadbir harta pusaka yang tindakan itu berkait dan memasukkan ke dalamnya suatu perintah bahawa tiada prosiding boleh diambil di bawah penghakiman atau perintah itu, atau di bawah mana-mana akaun atau siasatan tertentu yang diarahkan, tanpa kebenaran Hakim sendiri.

Pengelolaan jualan harta amanah (A. 80, k. 6)

6. Jika dalam suatu tindakan kuasa mentadbir suatu perintah dibuat bagi menjual apa-apa harta yang terletak pada wasi, pentadbir atau pemegang amanah, wasi,

pentadbir atau pemegang amanah itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah mengelolakan jualan itu melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya.

ATURAN 81

TINDAKAN BAGI PELAKSANAAN SPESIFIK, PENGHAKIMAN TERUS

Permohonan oleh plaintif bagi penghakiman terus (A. 81, k. 1)

1. (1) Dalam apa-apa tindakan yang dimulakan melalui writ yang diendorskan dengan suatu tuntutan—

(a) untuk mendapatkan pelaksanaan spesifik bagi suatu perjanjian (sama ada secara bertulis atau tidak) untuk jualan, pembelian atau penukaran apa-apa harta, atau untuk mendapatkan pemberian atau penyerahhakan pajakan apa-apa harta, dengan atau tanpa tuntutan alternatif untuk mendapatkan ganti rugi;

(b) untuk membatalkan suatu perjanjian yang sedemikian; atau

(c) untuk pelucuthakkan atau pemulangan apa-apa deposit yang dibuat di bawah sesuatu perjanjian sedemikian,

plaintif boleh, atas alasan bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan dalam tindakan itu, memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan penghakiman.

(2) Suatu permohonan boleh dibuat terhadap defendan di bawah kaedah ini sama ada dia telah memasukkan kehadiran dalam tindakan itu atau tidak.

Cara bagaimana permohonan di bawah kaedah 1 hendaklah dibuat (A. 81, k. 2)

2. (1) Suatu permohonan di bawah kaedah 1 hendaklah dibuat melalui notis permohonan yang disokong oleh affidavit yang dibuat oleh seseorang yang dapat bersumpah secara positif akan fakta yang menentusahkan kausa tindakan itu dan menyatakan bahawa mengikut kepercayaannya tiada pembelaan dalam tindakan itu.

(2) Notis permohonan itu hendaklah menyatakan atau ada dikepilkan kepadanya minit penghakiman yang diminta oleh plaintif.

(3) Notis permohonan itu sesalinan affidavit sokongan dan salinan apa-apa ekshibit yang disebut dalamnya hendaklah disampaikan kepada defendan dalam empat belas hari dari tarikh notis permohonan itu dikeluarkan.

Affidavit (A. 81, k. 2A)

2A. Aturan 32, kaedah 13(2) hendaklah terpakai *mutatis mutandis* bagi semua affidavit berkenaan dengan sesuatu permohonan di bawah Aturan ini.

Penghakiman yang memihak kepada plaintif (A. 81, k. 3)

3. Melainkan jika semasa pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah 1 sama ada Mahkamah menolak permohonan itu atau defendan memuaskan hati Mahkamah bahawa ada isu atau persoalan yang dipertikaikan yang patut dibicarakan atau bahawa adalah patut kerana sesuatu sebab yang lain diadakan perbicaraan bagi tindakan itu, Mahkamah boleh memberi penghakiman yang memihak kepada plaintif dalam tindakan itu.

Kebenaran untuk membela (A. 81, k. 4)

4. (1) Seorang defendan boleh menunjukkan sebab menentang sesuatu permohonan di bawah kaedah 1 melalui affidavit atau selainnya yang memuaskan hati Mahkamah.

(2) Mahkamah boleh memberi defendan yang terhadapnya suatu permohonan yang sedemikian dibuat kebenaran untuk membela dalam tindakan itu sama ada tanpa syarat atau atas apa-apa terma tentang pemberian jaminan atau masa atau cara perbicaraan atau selainnya sebagaimana difikirkannya patut.

(3) Semasa pendengaran suatu permohonan yang sedemikian Mahkamah boleh memerintahkan defendan menunjukkan sebab atau, jika defendan itu suatu pertubuhan perbadanan, mana-mana pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain

yang seumpamanya, atau mana-mana orang yang berupa sebagai bertindak atas apa-apa sifat yang sedemikian—

- (a) supaya mengemukakan apa-apa dokumen;
- (b) sekiranya ternyata kepada Mahkamah bahawa ada hal keadaan khas yang menyebabkan wajar dia berbuat demikian, supaya hadir di Mahkamah dan diperiksa di atas sumpah.

Arahan (A. 81, k. 5)

5. Jika Mahkamah memerintahkan bahawa defendan diberikan kebenaran untuk membela tindakan itu, Mahkamah hendaklah memberikan arahan tentang penjalanan selanjutnya tindakan itu.

Kos (A. 81, k. 6)

6. Sekiranya plaintif membuat permohonan di bawah kaedah 1 yang hal itu tidak termasuk di bawah Aturan ini, atau sekiranya ia ternyata kepada Mahkamah bahawa plaintif mengetahui bahawa defendan bersandar kepada hujah yang boleh menyebabkannya berhak mendapat kebenaran tanpa syarat untuk membela, maka, tanpa menjejaskan Aturan 59, dan, khususnya, kaedah 4(1) Aturan itu, Mahkamah boleh menolak permohonan itu dengan kos dan boleh, sekiranya plaintif itu bukannya seorang yang dibantu, menghendaki kos itu dibayar olehnya dengan serta-merta.

Mengetepikan penghakiman (A. 81, k. 7)

7. Apa-apa penghakiman yang diberikan terhadap defendan yang tidak hadir pada pendengaran suatu permohonan di bawah kaedah 1 boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil.

ATURAN 82

TINDAKAN PEMEGANG DEBENTUR: DAFTAR PENERIMA

Daftar penerima (A. 82, k. 1)

1. Tiap-tiap penerima yang dilantik oleh Mahkamah dalam tindakan untuk menguatkuasakan debentur berdaftar atau saham debentur berdaftar hendaklah, sekiranya diarahkan sedemikian oleh Mahkamah, menyimpan suatu daftar pemindahan mengenai, dan lain-lain pertukaran hakmilik bagi, debentur atau saham sedemikian (yang disebut "daftar penerima" dalam Aturan ini).

Pendaftaran pemindahan (A. 82, k. 2)

2. (1) Jika seseorang penerima dikehendaki oleh kaedah 1 untuk menyimpan suatu daftar penerima, maka, atas permohonan mana-mana orang yang berhak kepada apa-apa debentur atau saham debentur menurut apa-apa pemindahan atau lain-lain pertukaran hakmilik, dan atas pengemukaan apa-apa keterangan pengenalan dan hakmilik yang semunasabahnya dikehendaki oleh penerima, penerima hendaklah, tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam kaedah ini, mendaftarkan pemindahan atau lain-lain pertukaran hakmilik, dan atas pengemukaan apa-apa keterangan pengenalan dan hakmilik yang semunasabahnya dikehendaki oleh penerima, penerima hendaklah, tertakluk kepada peruntukan berikut dalam kaedah ini, mendaftarkan pemindahan atau lain-lain pertukaran hakmilik itu dalam daftar itu.

(2) Sebelum mendaftarkan sesuatu pemindahan penerima hendaklah, melainkan jika pelaksanaan wajar akan pemindahan itu dibuktikan melalui affidavit, menghantar melalui pos kepada pemegang berdaftar debentur atau saham debentur yang dipindahkan itu di alamat berdaftaranya suatu notis yang menyatakan—

- (a) bahawa suatu permohonan bagi pendaftaran pemindahan itu telah dibuat; dan
- (b) bahawa pemindahan itu akan didaftarkan melainkan jika dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis itu pemegang itu memberitahu penerima yang dia membantah pendaftaran itu, dan

tiada pemindahan boleh didaftarkan sehingga luputnya tempoh yang dinyatakan sedemikian.

Tempoh yang hendak dinyatakan dalam notis itu tidak boleh dalam apa-apa hal kurang dari tujuh hari selepas jawapan dari pemegang berdaftar sepatutnya sampai kepada penerima mengikut perjalanan biasa pos sekiranya pemegang telah menjawab notis itu pada hari yang berikutan selepas hari notis itu sepatutnya dihantarserahkan mengikut perjalanan biasa pos ke tempat ia dialamatkan.

(3) Apabila mendaftarkan sesuatu pemindahan atau lain-lain pertukaran hakmilik di bawah kaedah ini penerima hendaklah mengendorskan suatu memorandum mengenainya pada debentur atau perakuan saham debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang dipindahkan atau ditukarkan, yang mengandungi sebutan mengenai tindakan itu dan mengenai perintah yang melantiknya sebagai penerima.

Permohonan untuk membuat pembedahan di daftar penerima (A. 82, k. 3)

3. (1) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau peninggalan yang dibuat oleh seseorang penerima di bawah kaedah 2 boleh memohon kepada Mahkamah untuk membuat pembedahan pada daftar penerima, dan permohonan itu hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam tindakan yang penerima itu telah dilantik.

(2) Notis permohonan itu hendaklah pertamanya disampaikan hanya kepada plaintif atau pihak lain yang mengelolakan tindakan itu tetapi Mahkamah boleh mengarahkan notis permohonan atau notis mengenai permohonan itu disampaikan kepada mana-mana orang lain yang ternyata berkepentingan.

(3) Mahkamah yang mendengar permohonan di bawah kaedah ini boleh menentukan apa-apa persoalan yang berhubungan dengan hakmilik mana-mana orang yang menjadi pihak dalam permohonan itu yang meminta namanya dimasukkan ke dalam atau ditinggalkan daripada daftar penerima dan pada amnya boleh memutuskan apa-apa persoalan yang perlu atau suai manfaat diputuskan untuk membuat pembedahan di daftar itu.

Daftar penerima menjadi keterangan mengenai pemindahan (A. 82, k. 4)

4. Apa-apa kemasukan yang dibuat dalam daftar penerima, sekiranya ditentukan oleh affidavit yang dibuat oleh penerima atau oleh mana-mana orang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, hendaklah dalam semua prosiding dalam tindakan yang penerima itu telah dilantik, menjadi keterangan mengenai pemindahan atau pertukaran hakmilik yang kepadanya kemasukan itu berkaitan dan khususnya, hendaklah disetujuterima sebagai keterangan mengenainya bagi maksud apa-apa pembahagian aset, walaupun pemindahan atau pertukaran itu telah berlaku selepas pembuatan perakuan dalam tindakan itu yang memperakukan pemegang debentur atau perakuan saham debentur.

Bukti hakmilik bagi pemegang debentur pembawa (A. 82, k. 5)

5. (1) Kaedah ini terpakai berhubung dengan suatu tindakan untuk menguatkuasakan debentur pembawa atau untuk menguatkuasakan saham debentur yang berkenaan dengannya syarikat itu telah mengeluarkan perakuan saham debentur pembawa.

(2) Walaupun penghakiman telah diberikan dalam tindakan itu dan perakuan telah dibuat dalamnya yang memperakukan pemegang debentur atau perakuan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1), hakmilik mana-mana orang yang menuntut menjadi pemegang yang sedemikian hendaklah (jika tidak ada permakluman mengenai apa-apa kecacatan dalam hakmilik itu) dibuktikan dengan secukupnya melalui pengemukaan debentur atau perakuan saham debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan, bersama dengan perakuan pengenalan yang ditandatangani oleh orang yang mengemukakan debentur atau perakuan yang mengenal pasti debentur atau perakuan yang dikemukakan dan memperakukan orang yang memberi nama dan alamatnya yang merupakan pemegang debentur atau perakuan itu.

(3) Jika suatu debentur atau perakuan yang sedemikian sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1) dikemukakan dalam kamar Hakim, peguam plaintif dalam tindakan itu hendaklah menyebabkan diendorskan padanya suatu notis yang menyatakan—

- (a) bahawa orang yang nama dan alamatnya dinyatakan dalam notis itu (merupakan orang yang dinamakan sebagai pemegang debentur atau perakuan dalam perakuan pengenalan yang dikemukakan di bawah perenggan (2)) telah direkodkan dalam kamar Hakim sebagai pemegang debentur atau perakuan saham debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) bahawa orang itu akan, dengan mengemukakan debentur atau perakuan saham debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan, berhak menerima pembayaran apa-apa dividen berkenaan dengan debentur atau saham itu melainkan jika sebelum pembayaran seorang pemegang baru membuktikan hakmiliknya mengikut perenggan (2); dan
- (c) bahawa sekiranya seorang pemegang baru cuai membuktikan hakmiliknya seperti yang disebut terdahulu, dia boleh menanggung kelengahan, kesusahan dan perbelanjaan tambahan dalam mendapatkan pembayaran.

(4) Peguam plaintif dalam tindakan itu hendaklah mengekalkan apa-apa perakuan pengenalan yang dikemukakan di bawah perenggan (2) dan hendaklah menyimpan rekod bagi debentur dan perakuan saham debentur yang dikemukakan sedemikian dan nama dan alamat orang yang mengemukakannya dan nama dan alamat pemegangnya, dan, sekiranya Mahkamah menghendaknya, hendaklah menentusahkan rekod itu dengan affidavit.

Kehendak berkaitan dengan pembayaran (A. 82, k. 6)

6. (1) Jika dalam suatu tindakan untuk menguatkuasakan apa-apa debentur atau saham debentur suatu perintah dibuat untuk pembayaran berkenaan dengan debentur atau saham itu, Akauntan Negara tidak boleh membuat pembayaran berkenaan dengan apa-apa debentur atau saham sedemikian melainkan jika sama ada dikemukakan kepadanya perakuan yang diperuntukkan dalam perenggan (2) atau Mahkamah telah dalam hal yang berkenaan untuk tidak memerlukan atas sebab yang

khas keperluan perakuan itu dan telah mengarahkan supaya pembayaran dibuat tanpa perakuan itu.

(2) Bagi maksud mendapatkan apa-apa pembayaran sedemikian, debentur atau perakuan saham debentur hendaklah dikemukakan kepada peguam plaintif dalam tindakan itu atau kepada mana-mana orang lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah dan peguam atau orang itu hendaklah mengendorskan padanya memorandum pembayaran dan hendaklah membuat serta menandatangani suatu perakuan yang memperakukan bahawa pernyataan yang dinyatakan dalam perakuan itu telah diendorskan pada debentur atau perakuan saham debentur, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan menghantar perakuan itu kepada Akauntan Negara.

ATURAN 83 TINDAKAN GADAIAN

Pemakaian dan tafsiran (A. 83, k. 1)

1. (1) Aturan ini terpakai bagi apa-apa tindakan (sama ada dimulakan melalui writ atau saman pemula) oleh pemegang gadaian atau penggadai atau oleh mana-mana orang yang mempunyai hak untuk menghalangtebus atau menebus apa-apa gadaian, yang merupakan suatu tindakan yang di dalamnya terdapat suatu tuntutan untuk mendapatkan mana-mana relief yang berikut:

- (a) pembayaran wang yang dicagarkan oleh gadaian itu;
- (b) jualan harta yang digadai itu;
- (c) halangtebus;
- (d) penyerahan milikan (sama ada sebelum atau selepas halangtebus atau tanpa halangtebus) kepada pemegang gadaian oleh penggadai atau oleh mana-mana orang lain yang ada dalam milikannya, atau yang dikatakan ada dalam milikannya, harta itu;

- (e) penebusan;
- (f) pemindahan-semula harta itu atau pelepasannya daripada cagaran;
- (g) penyerahan milikan oleh pemegang gadaian.

(2) Dalam Aturan ini, "gadaian" termasuklah gadaian di sisi undang-undang dan gadaian ekuiti.

(3) Sesuatu tindakan yang baginya Aturan ini terpakai adalah disebut tindakan gadaian dalam Aturan ini.

(4) Kaedah-kaedah ini terpakai bagi tindakan gadaian tertakluk kepada peruntukan yang berikut dalam Aturan ini.

Tuntutan bagi hantar serah milikan atau pembayaran wang (A. 83, k. 2)

2. (1) Jika dalam tindakan gadaian yang dimulakan melalui saman pemula, yang merupakan suatu tindakan yang plaintif ialah pemegang gadaian dan menuntut penyerahan milikan atau pembayaran daripada wang yang dicagarkan oleh gadaian itu atau kedua-duanya, peruntukan yang berikut dalam kaedah ini hendaklah terpakai.

(2) Tidak kurang dari empat hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi pendengaran pertama saman pemula itu plaintif hendaklah menyampaikan kepada defendan saman pemula dan sesalinan affidavit yang menyokong saman itu.

(3) Jika plaintif menuntut penyerahan milikan maka hendaklah diendorkan pada lipatan sebelah luar salinan affidavit yang disampaikan kepada defendan itu suatu notis yang memberitahu defendan bahawa plaintif berniat untuk memohon di pendengaran itu suatu perintah meminta defendan menyerahkan milikan harta yang digadaikan itu kepada plaintif dan untuk apa-apa relief lain, sekiranya ada, yang dituntut melalui saman pemula itu sebagaimana yang plaintif berniat hendak pohonkan di pendengaran itu.

(4) Jika pendengaran itu ditangguhkan dan defendan tidak hadir ketika pendengaran, maka, tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Mahkamah, plaintif hendaklah menyampaikan suatu notis bertulis tentang pendengaran yang ditangguhkan itu, bersama-sama dengan sesalinan apa-apa affidavit selanjutnya yang diniatkan untuk digunakan di pendengaran itu, kepada defendan tidak kurang dari dua hari genap sebelum hari yang ditetapkan untuk pendengaran itu.

(5) Penyampaian di bawah perenggan (4), dan cara ia dilaksanakan, boleh dibuktikan dengan suatu affidavit penyampaian yang ditandatangani oleh plaintif, sekiranya dia membawa guaman secara sendiri, dan selainnya oleh peguamnya.

(6) Salinan apa-apa ekshibit kepada affidavit tidak perlu disertakan dengan salinan affidavit yang disampaikan di bawah perenggan (2) atau (4).

Tindakan untuk hantar serah milikan atau pembayaran wang (A. 83, k. 3)

3. (1) Affidavit yang menyokong saman pemula yang melaluinya suatu tindakan yang baginya kaedah ini terpakai dimulakan hendaklah mematuhi peruntukan yang berikut dalam kaedah ini. Kaedah ini terpakai bagi tindakan gadaian yang dimulakan melalui saman pemula yang plaintif ialah pemegang gadaian dan menuntut penyerahan milikan atau pembayaran wang yang dicagarkan oleh gadaian itu atau kedua-duanya.

(2) Affidavit itu hendaklah mengekshibitkan salinan benar gadaian itu.

(3) Jika plaintif menuntut penyerahan milikan affidavit itu hendaklah menunjukkan hal keadaan yang menurutnya hak kepada milikan itu berbangkit dan, kecuali jika Mahkamah dalam apa-apa kes atau golongan kes mengarahkan selainnya, butir-butir amaun yang belum dibayar di bawah gadaian sebagai tarikh pendengaran saman pemula itu.

(4) Jika plaintif menuntut penyerahan milikan, affidavit itu hendaklah memberikan butir-butir mengenai tiap-tiap orang yang sepanjang pengetahuan plaintif ada dalam milikannya harta yang digadaikan itu.

(5) Jika gadaian itu mewujudkan penyewaan selain penyewaan ikut ihsan antara penggadaian dengan pemegang gadaian, affidavit itu hendaklah menunjukkan bagaimana dan bila penyewaan itu ditamatkan dan sekiranya penyewaan itu ditamatkan melalui penyampaian notis bila notis itu disampaikan dengan sewajarnya.

(6) Jika plaintif menuntut pembayaran wang yang dicagarkan oleh gadaian itu, affidavit itu hendaklah membuktikan bahawa wang itu adalah genap masanya dibayar dan kena dibayar dan memberi butir-butir yang disebutkan dalam perenggan (3).

Tindakan melalui writ: Penghakiman ingkar (A. 83, k. 4)

4. (1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 13 atau Aturan 19, dalam suatu tindakan gadaian yang dimulakan melalui writ, penghakiman ingkar kehadiran atau ingkar pembelaan tidak boleh dimasukkan kecuali dengan kebenaran Mahkamah.

(2) Permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini hendaklah dibuat melalui notis permohonan dan notis permohonan itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua dalam Aturan 62, kaedah 10, disampaikan kepada defendan.

(3) Jika notis permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini dikeluarkan, kaedah 2 (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai berhubung dengan tindakan itu tertakluk kepada ubah suaian bahawa bagi sebutan di dalamnya mengenai saman pemula itu, maka hendaklah digantikan dengan sebutan mengenai notis permohonan itu.

(4) Jika suatu notis permohonan minta kebenaran di bawah kaedah ini dikeluarkan dalam tindakan yang baginya kaedah 3 akan terpakai kiranya tindakan itu telah dimulakan melalui saman pemula, affidavit yang menyokong notis permohonan itu hendaklah mengandungi maklumat yang dikehendaki oleh kaedah itu.

Halang tebus dalam tindakan penebusan (A. 83, k. 5)

5. Jika halang tebus telah berlaku oleh sebab kegagalan plaintif untuk menebus dalam tindakan gadaian bagi penebusan, defendan yang bagi pihaknya halang tebus itu telah berlaku boleh memohon melalui notis permohonan untuk mendapatkan perintah

supaya diserahkan kepadanya pemilikan harta yang digadaikan itu, dan Mahkamah boleh membuat apa-apa perintah mengenainya sebagaimana yang difikirkannya patut.

ATURAN 84

PROSIDING YANG BERHUBUNGAN DENGAN BUDAK

Permohonan di bawah Akta Penjagaan Budak 1961 (A. 84, k. 1)

1. Jika ada apa-apa tindakan atau prosiding lain yang belum selesai oleh sebab seorang budak adalah anak jagaan Mahkamah, apa-apa permohonan di bawah Akta Penjagaan Budak 1961 [*Akta 351*] (kemudian daripada ini disebut "Akta" dalam Aturan ini), mengenai budak itu boleh dibuat melalui notis permohonan dalam prosiding itu, tetapi kecuali dalam hal itu sahaja apa-apa permohonan lain yang sedemikian mestilah dibuat melalui saman pemula.

Defendan dalam saman (A. 84, k. 2)

2. (1) Jika budak yang mengenainya permohonan di bawah Akta dibuat bukannya plaintif, budak itu tidak boleh, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dijadikan defendan dalam saman itu atau, sekiranya permohonan itu dibuat melalui notis permohonan, disampaikan kepadanya notis permohonan itu, tetapi, tertakluk kepada perenggan (2), mana-mana orang lain yang ternyata sebagai berkepentingan dalam, atau tersentuh oleh, permohonan itu hendaklah dijadikan defendan atau disampaikan kepadanya saman itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mahkamah boleh tidak memerlukan penyampaian saman atau notis permohonan kepada mana-mana orang dan boleh memerintahkannya disampaikan kepada mana-mana orang yang tidak disampaikan pada asalnya.

Permohonan tentang penjagaan, nafkah (A. 84, k. 3)

3. (1) Permohonan tentang penjagaan, nafkah atau pemaajuan budak boleh diselesaikan dalam Kamar.

(2) Akaun seseorang penjaga mestilah ditentusahkan dan diluluskan mengikut cara yang sama seperti yang diperuntukkan oleh Aturan 30 berhubung dengan akaun penerima atau mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang Mahkamah boleh arahkan.

ATURAN 85
AKTA BIL JUALAN 1950

Pembetulan daftar (A. 85, k. 1)

1. (1) Tiap-tiap permohonan kepada Mahkamah di bawah seksyen 15 Akta Bil Jualan 1950 [*Akta 268*], yang disebut "Akta" dalam Aturan ini, minta perintah—

- (a) bahawa apa-apa peninggalan untuk mendaftarkan suatu bil jualan atau suatu affidavit bagi memperbaharui bil jualan dalam masa yang ditetapkan oleh Akta itu hendaklah diperbetulkan dengan melanjutkan masa bagi pendaftaran itu; atau
- (b) bahawa apa-apa peninggalan atau pernyataan silap tentang nama, tempat tinggal atau pekerjaan mana-mana orang hendaklah diperbetulkan dengan memasukkan dalam daftar itu nama, tempat tinggal atau pekerjaan yang sebenar orang itu,

hendaklah dibuat melalui saman pemula secara *ex parte* kepada Pendaftar.

(2) Tiap-tiap permohonan minta perintah yang sedemikian sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan (1) hendaklah disokong oleh affidavit yang membentangkan butir-butir mengenai bil jualan dan mengenai peninggalan atau pernyataan silap yang berkenaan dan menyatakan alasan yang di atasnya permohonan itu dibuat.

Pencatatan penjelasan (A. 85, k. 2)

2. (1) Tiap-tiap permohonan di bawah seksyen 16 Akta kepada Pendaftar minta perintah supaya suatu memorandum penjelasan dituliskan pada salinan berdaftar bil jualan hendaklah—

(a) jika persetujuan kepada penjelasan itu yang ditandatangani oleh orang yang berhak ke atas faedah bil jualan itu boleh didapatkan, dibuat melalui saman pemula *ex parte*;

(b) dalam segala hal lain, dibuat melalui saman pemula *inter partes*.

(2) Suatu permohonan secara *ex parte* di bawah perenggan (1)(a) hendaklah disokong oleh—

(a) butir-butir persetujuan yang disebut dalam perenggan itu; dan

(b) affidavit oleh seorang saksi yang mengaku saksi persetujuan itu yang menentusahkan tandatangan padanya.

(3) Suatu saman pemula di bawah perenggan (1)(b) hendaklah disampaikan kepada orang yang berhak ke atas faedah bil jualan itu, dan hendaklah disokong oleh keterangan bahawa hutang, sekiranya ada, yang baginya bil jualan itu dibuat telah dijelaskan atau dilepaskan.

Menahan pengalihan apabila barang yang disita dijual (A. 85, k. 3)

3. (*Tiada kaedah 3*)

Carian dalam daftar (A. 85, k. 4)

4. Pendaftar hendaklah, apabila dibuat permintaan secara bertulis yang memberikan butir-butir yang cukup, dan atas pembayaran fi yang ditetapkan, menyebabkan carian dibuat dalam daftar bil jualan dan mengeluarkan perakuan mengenai hasil carian itu.

ATURAN 85A

PROSIDING BERBANGKIT DARIPADA PERJANJIAN SEWA BELI

Pemakaian dan tafsiran (A. 85A, k. 1)

1. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi prosiding yang Aturan ini terpakai tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut Aturan ini.

Cara permohonan di bawah Akta Sewa Beli 1967 (A. 85A, k. 2)

2. Suatu permohonan di bawah proviso kepada seksyen 11, 33, 41 atau 42 Akta Sewa Beli 1967 [Akta 212] hendaklah dibuat melalui saman pemula dalam Borang 191A yang disokong oleh affidavit yang menyatakan fakta dan alasan yang permohonan itu dibuat.

Butir-butir hendaklah diberikan (A.85A, k. 3)

3. Jika tuntutan plaintif adalah bagi mendapatkan kembali wang yang berbangkit daripada perjanjian sewa beli, dia hendaklah memulakan tindakan itu melalui writ dan menyatakan butir-butir yang berikut dalam pernyataan tuntutanannya:

- (a) tarikh perjanjian itu dan pihak-pihaknya;
- (b) barang yang disewa di bawah perjanjian itu;
- (c) amaun harga sewa beli;
- (d) amaun yang dibayar oleh atau bagi pihak penyewa;
- (e) amaun, sekiranya ada, yang dituntut sebagai kena dibayar dan tidak dibayar berkenaan dengan apa-apa ansuran harga sewa beli itu;
- (f) amaun apa-apa tuntutan lain dan hal keadaan yang ia berbangkit.

ATURAN 86

AKTA PEWARISAN (PERUNTUKAN KELUARGA) 1971

Tafsiran (A. 86, k. 1)

1. Dalam Aturan ini "Akta" ertinya Akta Pewarisan (Peruntukan Keluarga) 1971 [Akta 39].

Kuasa Mahkamah tentang pihak-pihak (A. 86, k. 2)

2. (1) Tanpa menjejaskan kuasanya di bawah Aturan 15, Mahkamah boleh pada mana-mana peringkat prosiding di bawah Akta melalui perintah mengarahkan supaya mana-mana orang ditambah sebagai pihak dalam prosiding itu atau supaya notis mengenai prosiding itu disampaikan kepada mana-mana orang.

(2) Aturan 15, kaedah 13, hendaklah terpakai bagi prosiding di bawah Akta sebagaimana ia terpakai bagi prosiding yang dinyatakan dalam perenggan (1) kaedah itu.

Afidavit sokongan kena difailkan (A. 86, k. 3)

3. Suatu afidavit sokongan bagi saman pemula yang melaluinya permohonan di bawah seksyen 3 Akta dibuat hendaklah difailkan sebelum pendengaran pertama saman pemula itu. Pemohon dalam suatu saman pemula *ex parte* hendaklah memfailkan suatu afidavit sokongan pada masa pemfailan saman pemula itu.

Penyelesaian permohonan dalam Kamar (A. 86, k. 4)

4. Apa-apa permohonan di bawah Akta yang daripadanya ternyata kepada Mahkamah bahawa kepentingan seseorang budak atau orang lain yang tidak berkeupayaan tersentuh boleh, jika Mahkamah fikirkan patut mengarahkan sedemikian, diselesaikan dalam Kamar, tetapi apa-apa perintah di bawah seksyen 3 atau 6 Akta hendaklah dibuat oleh Hakim sendiri.

Permohonan dalam prosiding di bawah seksyen 3 Akta (A. 86, k. 5)

5. Jika perintah telah dibuat atas suatu permohonan di bawah seksyen 3 Akta, apa-apa permohonan yang berikutan, sama ada dibuat oleh pihak dalam prosiding di mana

perintah sedemikian telah dibuat, atau oleh seseorang yang kepadanya notis mengenai permohonan untuk mendapatkan perintah itu telah disampaikan atau oleh atau bagi pihak mana-mana orang sebagaimana yang disebut dalam subseksyen 6(2) Akta, hendaklah dibuat melalui notis permohonan dalam prosiding itu.

Pengendorsan memorandum pada probet (A. 86, k. 6)

6. (1) Wakil diri si mati yang harta pusakanya yang permohonan di bawah seksyen 3 atau 6 Akta yang berkaitan hendaklah mengemukakan di Mahkamah pada pendengaran permohonan itu probet atau surat kuasa mentadbir yang di bawahnya harta pusaka itu ditadbirkan dan jika Mahkamah membuat suatu perintah di bawah Akta atau suatu perintah menolak permohonan itu probet atau surat kuasa mentadbir itu hendaklah terus berada dalam jagaan Mahkamah sehingga seksyen 5 (3) Akta telah dipatuhi.

(2) Memorandum mengenai perintah yang dikehendaki oleh subseksyen 5(3) Akta supaya diendorskan atau dilampirkan sebagaimana yang disebutkan dalamnya hendaklah menyatakan tajuk prosiding yang berkenaan dan bahagian perintah itu yang boleh dikuatkuasakan dengan sepenuhnya.

ATURAN 86A
AKTA KERJA 1955

Permohonan (A. 86A, k. 1)

1. Kaedah-Kaedah ini terpakai bagi prosiding di bawah Akta Kerja 1955 tertakluk kepada kaedah-kaedah yang berikut Aturan ini.

Perintah Ketua Pengarah Tenaga Kerja (A. 86A, k. 2)

2. Jika Ketua Pengarah Tenaga Kerja (yang disebut sebagai “Ketua Pengarah”) telah membuat suatu perintah di bawah Akta Kerja 1955 dan cuba menguatkuasakan perintah itu dalam Mahkamah Sesyen (yang disebut sebagai “Mahkamah” dalam Aturan ini), dia hendaklah menyerahkan perakuan perintah itu dan permintaan dalam Borang 192 bagi penguatkuasaannya kepada Mahkamah.

Perakuan perintah (A. 86A, k. 3)

3. (1) Perakuan perintah hendaklah menyatakan—

(a) nombor dan tajuk kes yang perintah itu dibuat;

(b) tarikh perintah itu;

(c) nama, pekerjaan dan alamat tiap-tiap orang yang diperintahkan untuk membayar apa-apa jumlah wang;

(d) amaun yang diperintahkan untuk dibayar oleh orang itu;

(e) nama, pekerjaan dan alamat tiap-tiap orang yang kepadanya apa-apa jumlah diperintahkan untuk dibayar dan amaun yang kena dibayar kepada setiap orang itu;

(f) apa-apa terma atau syarat lain yang material perintah itu; dan

(g) takat yang perintah itu telah disempurnakan dan baki yang masih kena dibayar di bawahnya.

(2) Jika banyak orang, butir-butir yang disebut dalam perenggan (1) boleh dinyatakan dalam jadual yang dilampirkan dengan perakuan.

(3) Jika perintah itu ialah amaun hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah untuk diagihkan antara orang itu, adalah memadai untuk menyatakan nama setiap orang dan amaun yang hendaklah dibayar ke atas akaunnya.

(4) Perakuan itu hendaklah dimeterai dengan meterai Ketua Pengarah dan ia hendaklah diberi tarikh dan ditandatangani olehnya.

Pendaftaran perakuan (A.86A, k. 4)

4. (1) Apabila perakuan diterima, Pendaftar hendaklah merekodkannya dalam suatu daftar dalam Borang 193 dan memberikannya nombor siri.

(2) Pendaftar hendaklah membuat memorandum pendaftaran itu pada perakuan itu dan ia hendaklah difailkan.

Perintah yang didaftarkan boleh dikuatkuasakan sebagai penghakiman (A. 86A, k. 5)

5. Apabila perakuan perintah itu telah didaftarkan di bawah kaedah 4, perintah itu boleh dikuatkuasakan oleh Mahkamah seolah-olah ia ialah suatu penghakiman Mahkamah.

Tajuk prosiding (A. 86A, k. 6)

6. Apa-apa prosiding berkenaan dengan perintah Ketua Pengarah yang telah didaftarkan hendaklah ditandakan dengan nombor pendaftaran perakuan perintah itu dan hendaklah diberi tajuk sebagaimana Borang 194.

Pembayaran jumlah yang didapatkan kembali (A. 86A, k. 7)

7. Melainkan jika Ketua Pengarah memerintahkan selainnya, segala jumlah wang yang didapatkan kembali oleh Mahkamah di bawah perintah itu, selepas pembayaran kos, caj dan perbelanjaan menguatkuasakan perintah itu, hendaklah dibayar kepada Ketua Pengarah.

ATURAN 87

AKTA CAP DAGANGAN 1976

Tafsiran (A. 87, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

"Akta" ertinya Akta Cap Dagangan 1976 [*Akta 175*];

"Pendaftar" ertinya Pendaftar Cap Dagangan yang dilantik di bawah seksyen 3 Akta.

Permohonan melalui saman pemula(A. 87, k. 2)

2. Suatu permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta hendaklah dimulakan dengan saman pemula.

Rayuan melalui saman pemula (A. 87, k. 3)

3. Suatu rayuan kepada Mahkamah di bawah Akta hendaklah diberikan dengan saman pemula dalam masa satu bulan kalendar dari tarikh keputusan yang dirayukan.

Penyampaian permohonan kepada pihak-pihak dan Pendaftar (A. 87, k. 4)

4. Semua permohonan kepada Mahkamah di bawah Akta sama ada dengan cara rayuan atau selainnya hendaklah disampaikan kepada pihak-pihak danPendaftar.

Masa untuk membuat permohonan (A. 87, k. 5)

5. Sama ada Pendaftar memutuskan untuk merujukkan sesuatu permohonan atau rayuan kepada Mahkamah, pemohon atau perayu hendaklah memohon kepada Mahkamah dalam masa satu bulan kalendar dari tarikh keputusan untuk merujukkan sedemikian, dan melainkan jika dia memohon sedemikian dia hendaklah disifatkan sebagai telah meninggalkan permohonan atau rayuan itu.

Notis cadangan untuk menarik balik permohonan (A. 87, k. 6)

6. Jika di bawah subseksyen 25(8) atau subseksyen 28(8) Akta, seorang pemohon menjadi berhak dan bercadang untuk menarik balik permohonannya, dia hendaklah memberi notis mengenai cadangan itu secara bertulis kepada Pendaftar dan kepada pihak-pihak lain, sekiranya ada, dalam rayuan itu dalam masa satu bulan selepas kebenaran yang disebut dalam subseksyen itu telah didapati.

Tuntutan balas untuk memperbetulkan daftar (A. 87, k. 7)

7. Seseorang defendan dalam sesuatu tindakan bagi pelanggaran boleh, berkenaan dengan apa-apa cap dagangan berdaftar yang menjadi isu, tuntutan balas bagi memperbetulkan daftar dan hendaklah dalam masa yang dihadkan bagi

penghantarserahan tuntutan balas itu menyampaikan yang sama kepada Pendaftar, dan Pendaftar adalah berhak untuk mengambil apa-apa bahagian dalam tindakan itu sebagaimana yang difikirkannya patut tanpa menghantarserahkan suatu pembelaan atau pliding lain.

Perlanjutan masa (A. 87, k. 8)

8. Masa yang dinyatakan dalam kaedah 3 dan 5 Aturan ini boleh dilanjutkan oleh Mahkamah atau Pendaftar atas permohonan mana-mana pihak yang berkepentingan dan walaupun masa yang dinyatakan sedemikian telah tamat.

Prosiding kerana pelanggaran cap dagangan berdaftar: Kesahan pendaftaran dipertikaikan (A. 87, k. 9)

9. (1) Jika dalam apa-apa prosiding tuntutan dibuat untuk mendapatkan relief kerana pelanggaran hak ke atas penggunaan suatu cap dagangan berdaftar, pihak yang terhadapnya tuntutan dibuat boleh dalam pembelaannya mempersoalkan kesahan pendaftaran cap dagangan itu atau boleh menuntut balas untuk mendapatkan perintah supaya daftar cap dagangan itu diperbetulkan dengan membatalkan atau mengubah catatan yang relevan atau boleh melakukan kedua-duanya.

(2) Suatu pihak dalam mana-mana prosiding sedemikian yang dalam plidingnya (sama ada pembelaan atau tuntutan balas) mempertikaikan kesahan pendaftaran cap dagangan berdaftar hendaklah menyampaikan bersama dengan pliding itu butir-butir bantahan terhadap kesahan pendaftaran yang kepadanya dia bersandar bagi menyokong pengatahan ketidaksahan itu.

(3) Suatu pihak dalam mana-mana prosiding sedemikian yang menuntut balas untuk mendapatkan perintah supaya daftar cap dagangan diperbetulkan hendaklah menyampaikan kepada Pendaftar suatu salinan tuntutan balas itu bersama dengan suatu salinan butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan (2); dan Pendaftar adalah berhak mengambil apa-apa bahagian dalam prosiding itu sebagaimana yang difikirkannya patut tetapi tidak perlu menyampaikan pembelaan atau pliding lain melainkan jika diperintahkan berbuat demikian oleh Mahkamah.

ATURAN 88
AKTA SYARIKAT 1965

Tafsiran (A. 88, k. 1)

1. Dalam Aturan ini, "Akta" ertinya Akta Syarikat 1965 [*Akta 125*].

Prosiding (A. 88, k. 2)

2. Kecuali bagi prosiding yang dinyatakan dalam Lampiran C berhubung dengan penggulungan syarikat dan pengurangan modal di bawah Akta, prosiding di bawah Akta hendaklah dimulakan dengan saman pemula.

Permohonan kena dibuat melalui saman pemula atau usul pemula (A. 88, k. 3)

3. (*Tiada kaedah 3*)

Permohonan hendaklah dibuat melalui usul (A. 88, k. 4)

4. (*Tiada kaedah 4*)

Permohonan kena dibuat melalui petisyen (A. 88, k. 5)

5. (*Tiada kaedah 5*)

Tajuk prosiding (A. 88, k. 6)

6. (*Tiada kaedah 6*)

Saman minta arahan (A. 88, k. 7)

7. (1) (*Tiada perenggan (1)*)

- (2) (*Tiada perenggan (2)*)

- (3) (*Tiada perenggan (3)*)

- (4) Jika suatu permohonan ialah untuk mengesahkan pengurangan modal syer, akaun premium syer, atau kumpulan wang rizab penebusan modal, sesuatu syarikat, Mahkamah boleh memberikan arahan—

- (a) bagi siasatan dibuat tentang hutang, dan tuntutan terhadap, syarikat itu atau tentang mana-mana kelas atau kelas-kelas hutang atau tuntutan sedemikian;
- (b) tentang prosiding yang hendak diambil untuk menetapkan senarai pemiutang yang berhak membantah pengurangan itu dan menetapkan tarikh yang merujuk kepadanya senarai itu hendaklah dibuat,

dan kuasa Mahkamah di bawah subseksyen 64(3) Akta untuk mengarahkan bahawa subseksyen 64(2) Akta tidaklah terpakai berkenaan dengan mana-mana kelas pemiutang bolehlah dijalankan semasa mana-mana pendengaran permohonan itu.

(5) Kaedah 8 hingga 13 hendaklah berkuat kuasa tertakluk kepada apa-apa arahan yang diberikan oleh Mahkamah di bawah kaedah ini.

Siasatan tentang hutang: Syarikat hendaklah membuat senarai pemiutang (A. 88, k. 8)

8. (1) Jika di bawah kaedah 7 Mahkamah memerintahkan suatu siasatan sedemikian sebagaimana yang dinyatakan dalam perenggan (4) kaedah itu, syarikat yang berkenaan hendaklah, dalam tujuh hari selepas membuat perintah itu, memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu affidavit yang dibuat oleh pegawai syarikat yang berkompeten membuatnya yang menentusahkan senarai yang mengandungi—

- (a) nama dan alamat tiap-tiap pemiutang yang berhak ke atas apa-apa hutang atau tuntutan yang diliputi oleh siasatan itu;
- (b) amaun yang kena dibayar kepada setiap pemiutang berkenaan dengan hutang atau tuntutan sedemikian atau, dalam hal hutang atau tuntutan yang tertakluk kepada apa-apa kontingensi atau berupa ganti rugi sahaja atau kerana apa-apa sebab lain tidak mempunyai nilai tertentu, anggaran berpatutan akan nilainya; dan

(c) jumlah bagi amaun dan nilai tersebut.

(2) Deponen hendaklah menyatakan dalam affidavit itu kepercayaannya bahawa pada tarikh yang ditetapkan oleh Mahkamah sebagai tarikh yang merujuk kepadanya senarai itu hendaklah dibuat tiada hutang atau tuntutan yang, sekiranya tarikh itu ialah permulaan penggulungan syarikat itu, boleh diterima sebagai bukti terhadap syarikat itu, selain hutang atau tuntutan yang dinyatakan dalam senarai itu dan apa-apa hutang atau tuntutan yang tidak diliputi oleh siasatan itu, dan hendaklah juga menyatakan sumber pengetahuannya mengenai perkara-perkara yang dideposkan itu.

(3) Senarai itu hendaklah ditinggalkan di Pejabat Pendaftaran tidak lewat daripada satu hari selepas affidavit itu difailkan.

Pemeriksaan senarai pemiutang (A. 88, k. 9)

9. (1) Salinan senarai yang dibuat di bawah kaedah 8 dengan peninggalan, melainkan jika diarahkan selainnya oleh Mahkamah, amaun yang kena dibayar kepada setiap pemiutang dan nilai anggaran apa-apa hutang atau tuntutan yang mana-mana pemiutang adalah berhak ke atasnya, hendaklah disimpan di pejabat berdaftar syarikat itu dan di pejabat peguam syarikat itu.

(2) Mana-mana orang adalah berhak semasa waktu kerja biasa, selepas membayar fi sebanyak lima puluh ringgit, untuk memeriksa senarai tersebut di mana-mana pejabat sedemikian dan untuk mengambil cabutan daripadanya.

Notis kepada pemiutang (A. 88, k. 10)

10. Dalam tujuh hari selepas memfailkan affidavit yang dikehendaki oleh kaedah 8 syarikat hendaklah menghantar melalui pos kepada setiap pemiutang yang dinamakan dalam senarai yang diekshibitkan kepada affidavit, di alamatnya yang akhir diketahui, suatu notis yang menyatakan—

(a) amaun pengurangan yang diminta untuk disahkan;

- (b) kesan perintah yang mengarahkan siasatan tentang hutang dan tuntutan;
- (c) amaun atau nilai yang dinyatakan dalam senarai sebagai kena dibayar atau dianggarkan kena dibayar kepada pemiutang itu; dan
- (d) masa yang ditetapkan oleh Mahkamah dalam mana yang, sekiranya dia menuntut sebagai berhak ke atas amaun yang lebih besar, dia hendaklah menghantar butir-butir mengenai hutang atau tuntutannya dan nama serta alamat peguamnya, sekiranya ada, kepada peguam syarikat.

Pengiklanan petisyen serta senarai pemiutang (A. 88, k. 11)

11. Selepas pemfailan affidavit yang dikehendaki oleh kaedah 8 syarikat hendaklah memasukkan, dalam mana-mana akhbar dan pada bila-bila masa sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah, suatu notis yang menyatakan—

- (a) tarikh pengemukakan petisyen dan amaun pengurangan yang melaluinya diminta untuk disahkan;
- (b) siasatan yang diperintahkan oleh Mahkamah di bawah kaedah 7;
- (c) tempat-tempat di mana senarai pemiutang boleh diperiksa menurut kaedah 9; dan
- (d) masa yang mana-mana pemiutang yang tidak dinamakan dalam senarai yang menuntut sebagai berhak ke atas apa-apa hutang atau tuntutan yang diliputi oleh siasatan itu, mesti menghantar nama dan alamatnya, nama dan alamat penguamnya, sekiranya ada, dan butir-butir mengenai hutang atau tuntutannya kepada peguam syarikat.

Affidavit tentang tuntutan yang dibuat oleh pemiutang (A. 88, k. 12)

12. Dalam apa-apa masa sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah syarikat hendaklah memfailkan di Pejabat Pendaftaran suatu affidavit yang dibuat oleh peguam syarikat dan seorang pegawai syarikat yang berkompeten membuatnya—

- (a) yang membuktikan penyampaian notis yang disebutkan dalam kaedah 10 dan pengiklanan notis yang disebutkan dalam kaedah 11;
- (b) yang menentusahkan senarai yang mengandungi nama dan alamat orang, sekiranya ada, yang menurut notis sedemikian menghantar butir-butir hutang atau tuntutan, dengan menyatakan amaun setiap hutang atau tuntutan;
- (c) yang membezakan dalam senarai sedemikian hutang atau tuntutan yang keseluruhannya, atau tentang mana-mana dan apakah bahagiannya, yang diakui oleh syarikat, yang dipertikaikan oleh syarikat atau yang dikatakan oleh syarikat sebagai berada di luar skop siasatan itu; dan
- (d) yang menyatakan orang yang mana yang dinamakan dalam senarai yang dibuat di bawah kaedah 8, dan orang yang mana yang dinamakan dalam senarai yang dibuat di bawah kaedah ini, yang telah dibayar atau bersetuju dengan pengurangan yang diminta untuk disahkan itu.

Penghukuman tuntutan yang dipertikaikan (A. 88, k. 13)

13. Sekiranya syarikat menghujahkan bahawa seseorang tidak berhak dicatatkan dalam senarai pemiutang berkenaan dengan apa-apa hutang atau tuntutan atau berkenaan dengan amaun penuh yang dituntutnya berkenaan dengan apa-apa hutang atau tuntutan, maka, melainkan jika syarikat itu sanggup menjamin pembayaran hutang atau tuntutan itu dengan menguntukkan amaun penuh bagi hutang atau tuntutan itu, syarikat itu hendaklah, jika Mahkamah mengarahkan sedemikian, menghantar kepada orang itu melalui pos di alamatnya yang akhir diketahui suatu notis yang menghendaknya—

- (a) dalam masa yang dinyatakan dalam notis itu, yang tidak kurang daripada empat hari genap selepas penyampaiannya, memfailkan affidavit yang membuktikan hutang atau tuntutannya atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekian banyak daripada amaun itu yang tidak diakui oleh syarikat; dan

- (b) menghadiri penghukuman hutang atau tuntutan di tempat dan pada masa yang dinyatakan dalam notis itu, yang merupakan masa yang ditetapkan oleh Mahkamah bagi penghukuman hutang dan tuntutan itu.

Memperakukan senarai pemiutang yang berhak membantah terhadap pengurangan (A. 88, k. 14)

14. Senarai pemiutang yang berhak membantah terhadap pengurangan sedemikian sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah 7(4), yang ditetapkan oleh Mahkamah di bawah subseksyen 64(2) Akta, hendaklah diperakui dan difailkan oleh Pendaftar dan perakuannya hendaklah—

- (a) menyatakan hutang atau tuntutan, sekiranya ada, yang tidak dibenarkan oleh Mahkamah;
- (b) membezakan hutang atau tuntutan, sekiranya ada, yang amaun penuhnya diakui oleh syarikat, hutang atau tuntutan, sekiranya ada, yang amaun penuhnya, walaupun tidak diakui oleh syarikat, syarikat itu sanggup menguntukkan baginya, hutang atau tuntutan, sekiranya ada, yang amaunnya telah ditetapkan melalui penghukuman Mahkamah di bawah subseksyen 64(2) Akta dan hutang atau tuntutan lain;
- (c) menyatakan jumlah amaun hutang atau tuntutan yang pembayarannya telah dijamin melalui penguntukan di bawah subseksyen 64(2) Akta;
- (d) menunjukkan pemiutang yang mana yang bersetuju dengan pengurangan itu dan jumlah amaun hutang atau tuntutan mereka; dan
- (e) menyatakan pemiutang yang meminta untuk membuktikan hutang atau tuntutan mereka di bawah kaedah 13 dan menyatakan hutang atau tuntutan yang mana yang telah dibenarkan.

Keterangan tentang persetujuan oleh pemiutang (A. 88, k. 15)

15. Persetujuan pemiutang bagi pengurangan itu sebagaimana yang disebutkan dalam kaedah 7(4) boleh dibuktikan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang difikirkan cukup oleh Mahkamah.

Masa bagi pendengaran permohonan untuk mengesahkan pengurangan (A. 88, k. 16)

16. (1) Permohonan untuk mengesahkan apa-apa pengurangan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah 7(4) tidak boleh, jika Mahkamah telah mengarahkan suatu siasatan menurut kaedah itu, didengar sebelum tamat sekurang-kurangnya lapan hari genap selepas pemfailan perakuan yang disebut dalam kaedah 14.

(2) Sebelum pendengaran suatu permohonan yang sedemikian, suatu notis yang menyatakan hari yang ditetapkan bagi pendengaran itu hendaklah disiarkan pada masa dan dalam mana-mana akhbar sebagaimana diarahkan oleh Mahkamah.

Sekatan penguatkuasaan perintah di bawah seksyen 59 (A. 88, k. 17)

17. Melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, suatu perintah di bawah seksyen 59 Akta yang mengarahkan terbitan syer dengan diskaun hendaklah mengarahkan supaya salinan pejabat perintah itu dihantarserahkan kepada Pendaftar Syarikat dalam masa sepuluh hari selepas perintah itu dibuat atau apa-apa masa lanjutan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah dan bahawa perintah itu tidak boleh berkuat kuasa sehingga salinan itu telah dihantarserahkan sedemikian.

ATURAN 89

PROSIDING TERUS UNTUK MENDAPATKAN PEMILIKAN TANAH

Prosiding hendaklah dibawa melalui saman pemula (A. 89, k. 1)

1. Jika seseorang menuntut milikan ke atas tanah yang dia katakan diduduki semata-mata oleh seorang atau beberapa orang (yang bukannya penyewa atau penyewa-penyewa yang memegang lepas masa selepas tamatnya penyewaan) yang masuk ke dalam atau terus menduduki tanpa izin atau persetujuannya atau tanpa izin

atau persetujuan mana-mana pendulu dalam hakmilik daripadanya, maka prosiding itu boleh dibawa melalui saman pemula mengikut peruntukan Aturan ini.

Borang saman pemula (A. 89, k. 2)

2. (1) Saman pemula hendaklah dibuat dalam Borang 8A dan tiada pengakuterimaan penyampaian dikehendaki. Suatu saman pemula yang difailkan di bawah Aturan ini hendaklah termasuk nota yang berikut di hujungnya:

“Nota: Mana-mana orang yang menghuni premis yang tidak dinamakan sebagai defendan dengan saman pemula ini bolehlah memohon kepada Mahkamah sendiri atau dengan peguam untuk dicantumkan sebagai defendan. Sekiranya seseorang yang menghuni premis itu tidak hadir sendiri atau melalui peguam pada masa dan tempat yang disebut di atas, apa-apa perintah akan dibuat sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil dan suai manfaat.”

Afidavit sokongan (A. 89, k. 3)

3. (1) Plaintiff hendaklah memfailkan sebagai menyokong saman pemula itu suatu affidavit yang menyatakan—

- (a) kepentingannya mengenai tanah itu;
- (b) hal keadaan dalam mana tanah itu telah diduduki tanpa izin atau persetujuan dan dalam mana tuntutan untuk milikan itu berbangkit; dan
- (c) bahawa dia tidak tahu nama mana-mana orang yang menduduki tanah tersebut yang tidak dinamakan dalam saman itu.

(2) Jika plaintiff tidak dapat, selepas mengambil langkah-langkah yang munasabah, untuk mengenal pasti setiap orang yang menghuni tanah bagi maksud menjadikannya seorang defendan, plaintiff hendaklah menyatakan dalam affidavitnya bahawa dia telah mengambil langkah-langkah munasabah (memperihalkan mereka)

untuk mengenal pasti orang yang menghuni tanah yang tidak dinamakan dalam saman itu.

Penyampaian saman pemula (A. 89, k. 4)

4. (1) Jika mana-mana orang yang menduduki tanah itu ada dinamakan dalam saman pemula, saman itu berserta dengan suatu salinan affidavit sokongan hendaklah disampaikan kepadanya—

- (a) kedirinya atau mengikut Aturan 10, kaedah 5;
- (b) dengan meninggalkan suatu salinan saman itu dan juga affidavitnya atau menghantarkannya kepada orang itu, di premis itu; atau
- (c) mengikut apa-apa cara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah.

(2) Saman pemula itu hendaklah, sebagai tambahan disampaikan kepada defendan yang dinamakan, sekiranya ada, mengikut perenggan (1) disampaikan, melainkan jika Mahkamah mengarahkan selainnya, dengan—

- (a) menampalkan suatu salinan saman itu dan suatu salinan affidavitnya pada pintu utama atau pada bahagian lain premis itu yang mudah dilihat; dan
- (b) jika praktik, memasukkan menerusi peti surat di premis itu suatu salinan saman dan suatu salinan affidavit yang dimasukkan dalam sampul surat bermeterai yang dialamatkan kepada "penghuni-penghuni".

(3) Tiap-tiap salinan suatu saman pemula untuk penyampaian di bawah perenggan (1) atau (2) hendaklah dimeterai dengan meterai Mahkamah yang daripadanya saman itu dikeluarkan.

Permohonan oleh penghuni untuk dijadikan suatu pihak (A. 89, k. 5)

5. Tanpa menjejaskan Aturan 15, kaedah 6 dan 10, mana-mana orang yang tidak dinamakan sebagai defendan yang sedang menduduki tanah itu dan ingin didengar mengenai persoalan sama ada suatu perintah milikan patut dibuat boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu memohon untuk dicantumkan sebagai defendan.

Perintah bagi pemilikan (A. 89, k. 6)

6. (1) Suatu perintah muktamad tidak boleh dibuat atas saman pemula kecuali oleh Hakim sendiri dan tidak boleh, kecuali dalam hal kedesakan dan dengan kebenaran Mahkamah, dibuat kurang daripada lima hari genap selepas tarikh penyampaian.

(2) Suatu perintah bagi milikan dalam prosiding di bawah Aturan ini hendaklah dibuat dalam Borang 195.

(3) Tiada apa-apa jua dalam Aturan ini boleh menghalang Mahkamah daripada memerintahkan supaya pemilikan diberikan pada suatu tarikh yang dinamakan, pada menjalankan mana-mana kuasa, yang sepatutnya boleh dijalankan jika milikan telah dituntut dalam suatu tindakan yang dimulakan melalui writ.

Writ milikan (A. 89, k. 7)

7. Aturan 45, kaedah 3(2) tidaklah terpakai berhubung dengan suatu perintah bagi milikan di bawah Aturan ini tetapi tiada writ milikan untuk menguatkuasakan suatu perintah yang sedemikian boleh dikeluarkan selepas tamatnya tiga bulan daripada tarikh perintah itu tanpa kebenaran Mahkamah.

Mengetepikan perintah (A. 89, k. 8)

8. Mahkamah boleh, atas apa-apa terma sebagaimana yang difikirkannya adil, mengetepikan atau mengubah apa-apa perintah yang dibuat dalam prosiding di bawah Aturan ini.

ATURAN 90

PENYERAHSIMPANAN KE DALAM MAHKAMAH DAN PEMBAYARAN KEPADA SYERIF

Tafsiran (A. 90, k. 1)

1. Dalam Aturan ini—

"bank" ertinya suatu bank yang diluluskan oleh Akauntan Negara;

"bawa ke depan", berhubung dengan sesuatu kumpulan wang dalam Mahkamah, ertinya untuk memindahkan kumpulan wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya daripada satu akaun kepada suatu akaun lain dalam buku Akauntan Negara;

"bunga" ertinya dividen dan bunga ke atas semua kumpulan wang yang disebut dalam tajuk kepala kepadanya;

"kumpulan wang" atau "kumpulan wang dalam Mahkamah" ertinya apa-apa wang, sekuriti, atau simpanan lain yang ada atau yang hendak diletakkan ke dalam akaun Akauntan Negara, dan termasuklah wang yang diletakkan sebagai deposit;

"lejar kredit" ertinya tajuk kausa atau perkara dan akaun berasingan yang dibuka atau hendak dibuka di bawah suatu perintah atau selainnya dalam buku Akauntan Negara yang ke dalamnya apa-apa kumpulan wang dikreditkan atau hendak dikreditkan;

"menyerahsimpan ke dalam Mahkamah" ertinya membayar atau memindahkan ke dalam Mahkamah, atau mendeposit dalam Mahkamah;

"perintah" ertinya suatu perintah atau penghakiman Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Persekutuan, sama ada dibuat dalam Mahkamah atau dalam Kamar.

*Penyerahsimpanan ke dalam Mahkamah***Bayaran ke dalam Mahkamah di bawah Akta Pemegang Amanah 1949 (A. 90, k. 2)**

2. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), mana-mana pemegang amanah yang berniat untuk membuat suatu pembayaran ke dalam Mahkamah di bawah seksyen 62 Akta Pemegang Amanah 1949, hendaklah memohon melalui saman yang disokong oleh suatu affidavit yang menyatakan—

- (a) suatu perihalan ringkas mengenai amanah itu dan surat cara yang mewujudkannya atau mengenai hal keadaan yang dalamnya amanah itu berbangkit, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) nama orang yang berkepentingan dalam atau berhak kepada wang atau cagaran yang kena dibayar ke dalam Mahkamah beserta alamat mereka setakat yang diketahui olehnya;
- (c) kesanggupannya untuk menjawab segala pertanyaan berhubung dengan penggunaan apa-apa wang atau cagaran sebagaimana yang boleh dibuat atau diarahkan oleh Mahkamah; dan
- (d) suatu alamat yang dia boleh disampaikan dengan apa-apa saman atau perintah, atau notis apa-apa prosiding, berhubung dengan wang atau cagaran yang dibayar ke dalam Mahkamah.

(2) Jika wang atau sekuriti itu mewakili suatu legasi, atau baki atau mana-mana bahagiannya, yang kepadanya seorang budak atau seseorang yang bermastautin di luar Malaysia adalah berhak secara mutlak, tiada affidavit perlu difailkan di bawah perenggan (1).

Notis penyerahsimpanan (A. 90, k. 3)

3. Mana-mana orang yang menyerahsimpan wang atau sekuriti ke dalam Mahkamah hendaklah dengan serta-merta memberi notis mengenai penyerahsimpanan

itu kepada tiap-tiap orang yang dinyatakan berhak kepadanya, atau yang mempunyai suatu kepentingan dalamnya, wang atau sekuriti yang diserahkan itu.

Kumpulan wang: Bagaimana diserahkan (A. 90, k. 4)

4. (1) Wang yang hendak diserahkan ke dalam Mahkamah hendaklah diserahkan dengan cara suatu arahan kepada Akauntan Negara dalam bentuk (a) dalam Borang 129.

(2) Sekuriti yang dikeluarkan oleh suatu syarikat atau oleh mana-mana pertubuhan perbadanan yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis, yang dibayar sepenuhnya dan bebas daripada liabiliti, boleh dipindahkan kepada Akauntan Negara atas nama rasminya.

(3) Orang yang menyerahkan di bawah perenggan (2) hendaklah menyempurnakan suatu pemindahannya, dan menghantar pemindahan itu beserta dengan kuasa dalam Borang 196 kepada pejabat berdaftar syarikat atau pertubuhan perbadanan yang ke dalam bukunya sekuriti itu hendak dipindahkan.

(4) Syarikat atau pertubuhan perbadanan itu hendaklah, setelah mendaftarkan pemindahan itu, menghantar kuasa itu kepada Akauntan Negara dengan suatu perakuan dalam Borang 196, bahawa sekuriti itu telah dipindahkan sebagaimana yang diberi kuasa di dalamnya.

(5) Sekuriti, selain sekuriti yang diperihalkan dalam perenggan (2), boleh ditempatkan dalam suatu kotak atau bungkusan dan diserahkan dengan suatu arahan yang dibuat mengikut bentuk (a) dalam Borang 129 dengan Akauntan Negara.

(6) Setelah memeriksa kandungan di dalam kotak atau bungkusan itu di hadapan orang yang menyerahsimpankannya, dan memastikan bahawa kotak dan bungkusan itu ditanda dan diikat dengan sempurnanya, Akauntan Negara hendaklah menerimanya dan memberikan suatu resit kepada orang yang menyerahsimpankannya.

(7) Akauntan Negara hendaklah, selepas menerima wang atau sekuriti itu, menghantar kepada Pendaftar suatu pendua resit yang telah dikeluarkan kepada orang yang menyerahsimpankannya itu, untuk difailkan di Pejabat Pendaftaran.

Mengkreditkan penyerahsimpanan dan dividen (A. 90, k. 5)

5. Apa-apa wang pokok atau dividen yang diterima oleh Akauntan Negara berkenaan dengan sekuriti dalam Mahkamah mestilah diletakkan dalam bukunya, dalam hal wang pokok, kepada kredit yang di dalamnya sekuriti yang ke atasnya wang itu berbangkit telah berada pada masa penerimaan wang itu, dan dalam hal dividen, kepada kredit yang di dalamnya sekuriti yang ke atasnya dividen itu terakru telah berada pada masa penutupan buku pemindahan bagi sekuriti itu sebelum dividen itu menjadi kena dibayar.

Bunga ke atas wang yang diserahsimpan ke dalam Mahkamah (A. 90, k. 6)

6. (1) Tertakluk kepada perenggan (3), wang yang diserahsimpan ke dalam Mahkamah kepada kredit mana-mana akaun hendaklah disifatkan diletakkan atas deposit, dan hendaklah dikreditkan dengan bunga pada apa-apa kadar sebagaimana yang ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Menteri Kewangan, yang tidak lebih tinggi daripada kadar bunga tertinggi yang pada masa itu boleh didapati oleh Kerajaan atas akaun semasa daripada mana-mana bank dalam Negeri kecuali—

(a) apabila wang dibayar ke dalam Mahkamah di bawah Aturan 14 atau 23; atau

(b) apabila amaun itu kurang daripada satu ribu ringgit.

(2) Wang atas deposit hendaklah disifatkan dikeluarkan daripada deposit apabila amaunnya dikurangkan ke bawah daripada satu ribu ringgit.

(3) Tiada apa pun dalam Aturan ini yang akan menjejaskan hak pihak kepada tindakan daripada memohon kepada Mahkamah untuk wang yang diserahsimpan dalam Mahkamah untuk didepositkan dalam suatu akaun menghasilkan bunga yang berkaitan dengan mana-mana bank berlesen atau institusi kewangan di Malaysia.

Penghitungan bunga(A. 90, k. 7)

7. (1) Bunga atas wang yang dideposit hendaklah tidak dihitung atas suatu pecahan satu ringgit.

(2) Bunga atas wang yang dideposit terakru mengikut bulan kalendar, dan tidak boleh dihitung mengikut apa-apa tempoh yang kurang lagi.

(3) Bunga sedemikian bermula pada hari pertama bulan kalendar yang berikutnya yang dalam bulan itu wang itu diletakkan atas deposit, dan terhenti daripada hari terakhir bulan kalendar yang mendahuluinya pada hari pengeluaran wang itu daripada deposit.

(4) Bunga yang telah terakru bagi atau semasa setengah tahun yang berakhir pada hari ketiga puluh bulan Jun dan hari ketiga puluh satu bulan Disember pada tiap-tiap tahun, atas wang selain daripada yang didepositkan mestilah, pada atau sebelum lima belas hari dalam bulan berikutnya masing-masing, dimasukkan oleh Akauntan Negara ke dalam kredit yang wang itu telah berada pada tiap-tiap hari setengah tahun yang sedemikian.

(5) Apabila wang yang dideposit dikeluarkan daripada deposit, bunga ke atasnya yang telah terakru dan yang belum dikreditkan hendaklah dimasukkan ke dalam kredit yang wang itu telah berada.

(6) Apabila wang yang dideposit terdiri daripada jumlah wang yang telah diletakkan atas deposit pada masa yang berlainan, dan suatu perintah dibuat yang menguruskan wang itu, dan sebahagian daripada wang itu hendaklah dikeluarkan daripada deposit bagi maksud melaksanakan perintah itu, bahagian atau bahagian-bahagian wang yang diuruskan mengikut perintah itu yang akhir sekali diletakkan atas dan kekal dalam deposit pada masa pengeluaran itu hendaklah, bagi maksud menghitung bunga, dianggap telah dikeluarkan melainkan jika perintah itu mengarahkan selainnya.

(7) Melainkan jika diarahkan selainnya oleh suatu perintah, bunga yang dikreditkan atas wang yang didepositkan hendaklah, apabila atau sebaik sahaja ia berjumlah atau melebihi satu ribu ringgit, diletakkan atas deposit dan, bagi maksud menghitung bunga ke atasnya, hendaklah dianggap telah diletakkan atas deposit pada hari terakhir setengah tahun yang apa-apa bunga sedemikian menjadi genap masa dibayar.

Permohonan mengenai kumpulan wang dalam Mahkamah (A. 90, k. 8)

8. (1) Jika suatu permohonan dibuat kepada Mahkamah Tinggi—

- (a) bagi pembayaran atau pemindahan kepada mana-mana orang apa-apa kumpulan wang dalam Mahkamah yang berada dalam kredit apa-apa kausa atau perkara atau bagi pemindahan apa-apa kumpulan wang itu kepada suatu akaun yang berasingan atau bagi pembayaran kepada mana-mana orang apa-apa dividen daripada atau bunga ke atas apa-apa cagaran atau wang yang terangkum dalam kumpulan wang itu;
- (b) bagi pelaburan, atau menukarkan pelaburan, mana-mana kumpulan wang dalam Mahkamah;
- (c) bagi pembayaran dividen daripada atau bunga ke atas mana-mana kumpulan wang dalam Mahkamah yang mewakili atau merangkumi wang atau cagaran yang diserahkan dalam Mahkamah di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau
- (d) bagi pembayaran atau pemindahan daripada Mahkamah mana-mana kumpulan wang sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (c),

dibuat, permohonan itu bolehlah diselesaikan dalam Kamar, sekiranya terpakai.

(2) Tertakluk kepada perenggan (3), apa-apa permohonan sedemikian mestilah dibuat melalui saman, atau dalam suatu kausa atau perkara yang masih belum selesai, dengan suatu notis permohonan.

(3) Jika suatu permohonan di bawah perenggan (1)(d) dikehendaki dibuat melalui saman pemula, maka, sekiranya kumpulan wang yang permohonan itu berkait tidak melebihi lima puluh ribu ringgit nilainya, dan tertakluk kepada perenggan (4), permohonan itu boleh dibuat kepada Pendaftar.

Pembayaran daripada kumpulan wang dalam Mahkamah (A. 90, k. 9)

9. (1) Wang yang dibayar di bawah Aturan 14 atau 23 hendaklah dibayar keluar atas suatu arahan kepada Akauntan Negara dalam bentuk (b) dalam Borang 129.

(2) Dalam semua hal lain orang yang berhak untuk mengeluarkan kumpulan wang hendaklah menyerahkan dengan Akauntan Negara suatu salinan perintah yang memberi kuasa pengeluaran itu, dan Akauntan Negara hendaklah bertindak mengikut perintah sedemikian.

(3) Apabila suatu perintah mengarahkan supaya apa-apa jumlah wang dipastikan melalui perakuan Pendaftar, kedua-dua perintah dan perakuan yang dalam bentuk (c) dalam Borang 129 hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara.

(4) Apabila suatu perintah mengarahkan pembayaran daripada sesuatu kumpulan wang dalam Mahkamah apa-apa kos yang diarahkan supaya ditetapkan, Pendaftar hendaklah menyatakan dalam perakuannya, nama dan alamat orang yang kepadanya kos itu adalah kena dibayar.

Nama penerima bayaran hendaklah dinyatakan dalam perintah (A. 90, k.10)

10. (1) Tiap-tiap perintah yang mengarahkan supaya kumpulan wang dalam Mahkamah dibayar, dipindahkan, atau dihantarserahkan hendaklah menyatakan dengan penuh nama tiap-tiap orang yang kepadanya pembayaran, pemindahan atau penghantarserahan itu hendak dibuat, melainkan jika nama itu hendak dinyatakan dalam perakuan Pendaftar.

(2) Dalam hal pembayaran kepada suatu firma adalah mencukupi untuk menyatakan nama perniagaan firma itu.

(3) Apabila wang dalam Mahkamah adalah melalui suatu perintah yang diarahkan supaya dibayar kepada mana-mana orang yang diperihalkan dalam perintah itu, atau dalam suatu perakuan Pendaftar, sebagai pekongsi bersama, wang itu bolehlah dibayar kepada mana-mana satu atau lebih daripada pekongsi bersama itu, atau kepada penakat antara mereka.

Pembayaran keluar apabila penerima bayaran mati (A. 90, k. 11)

11. (1) Apabila kumpulan wang dalam Mahkamah adalah, melalui suatu perintah, diarahkan supaya dibayar, dipindahkan atau dihantARSERahkan kepada mana-mana orang yang dinamakan atau diperihalkan dalam suatu perintah, atau dalam suatu perakuan Pendaftar, kecuali kepada seseorang yang dinyatakan di dalamnya sebagai berhak kepada kumpulan wang sedemikian sebagai pemegang amanah, wasi, atau pentadbir, atau melainkan dalam haknya sendiri, atau untuk kegunaannya sendiri, kumpulan wang itu, atau mana-mana bahagian daripadanya yang pada masa itu masih belum dibayar, belum berpindahkan, belum dihantARSERahkan, boleh, melainkan jika perintah itu mengarahkan selainnya, apabila dibuktikan kematian orang itu, sama ada pada atau selepas atau, dalam hal pembayaran yang diarahkan supaya dibuat kepada pemiutang sebagai sedemikian, sebelum tarikh perintah itu, dibayar, dipindahkan, dihantARSERahkan kepada wakil diri di sisi undang-undang bagi orang yang mati itu, atau kepada penakat atau penakat antara mereka.

(2) Sekiranya tiada kuasa tadbir telah diambil bagi harta pusaka seorang yang mati itu yang telah mati tak berwasiat, dan yang nilai asetnya tidak melebihi satu ratus ribu ringgit, termasuk amaun kumpulan wang yang diarahkan supaya dibayar, dipindahkan atau dihantARSERahkan sedemikian kepadanya, kumpulan wang itu boleh dibayar, dipindahkan atau dihantARSERahkan kepada orang yang, yang merupakan duda, balu, anak, bapa, ibu, adik-beradik lelaki atau adik-beradik perempuan kepada si mati, akan berhak untuk mengambil kuasa tadbir harta pusaknya, atas suatu akuan oleh orang sedemikian mengikut Borang 197.

(3) Apabila kumpulan wang dalam Mahkamah adalah melalui suatu perintah, supaya dibayar, dipindahkan atau dihantarserahkan kepada mana-mana orang sebagai wakil diri di sisi undang-undang, kumpulan wang itu atau mana-mana bahagian daripadanya yang pada masa itu masih belum dibayar, belum dipindahkan atau belum dihantarserahkan, boleh, apabila dibuktikan kematian mana-mana wakil itu, sama ada pada atau selepas tarikh perintah itu, dibayar, dipindahkan atau dihantarserahkan kepada penakat atau penakat antara mereka.

(4) Tiada kumpulan wang di bawah kaedah ini boleh dibayar, dipindahkan atau dihantarserahkan dari Mahkamah kepada wakil diri di sisi undang-undang mana-mana orang di bawah mana-mana probet atau surat kuasa pentadbiran yang berupa sebagai memberikan pada bila-bila masa selepas tamatnya dua tahun dari tarikh perintah yang mengarahkan pembayaran, pemindahan, atau penghantarserahan itu atau kiranya kumpulan wang yang sedemikian merangkumi bunga atau dividen, daripada tarikh penerimaan terakhir bunga atau dividen itu atau perintah itu.

Pemindahan atau pelaburan kumpulan wang dalam Mahkamah (A. 90, k. 12)

12. (1) Apabila kumpulan wang dalam Mahkamah adalah melalui suatu perintah, diarahkan supaya dipindahkan atau dibawa ke depan, pihak yang mempunyai kuasa mengenai perintah itu hendaklah menyerahsimpan dengan Akauntan Negara suatu salinan perintah itu, dan Akauntan Negara hendaklah bertindak mengikut perintah itu.

(2) Apabila kumpulan wang dalam Mahkamah adalah melalui suatu perintah diarahkan supaya dilaburkan, pihak yang mempunyai kuasa mengenai perintah itu hendaklah menyerahsimpan dengan Akauntan Negara suatu salinan perintah itu dan Akauntan Negara hendaklah berikutan dengan itu melaburkan kumpulan wang itu mengikut cara yang diarahkan oleh perintah itu.

(3) Mahkamah boleh mengarahkan bahawa apa-apa wang dalam Mahkamah, selain wang di bawah Aturan 14, 22, 23 dan 70, bolehlah dilaburkan dalam mana-mana sekuriti dalam mana pemegang amanah adalah dibenarkan oleh undang-undang untuk melaburkan wang amanah dalam tangan mereka, atau ia boleh memerintahkan supaya wang itu didepositkan dalam Bank Simpanan Pejabat Pos, dengan syarat bahawa ia

melebihi sepuluh ringgit dan tidak melebihi jumlah wang tertinggi yang boleh didepositkan di dalamnya.

Pembuktian kepada Akauntan Negara sebelum pembayaran (A. 90, k. 13)

13. Apabila mana-mana orang berhak di bawah suatu perintah atau arahan untuk menerima apa-apa pembayaran daripada Akauntan Negara, dan Akauntan Negara menghendaki keterangan tentang hidup atau matinya orang itu, atau tentang pemenuhan apa-apa syarat yang menyentuh pembayaran yang sedemikian, keterangan itu boleh diberikan melalui suatu akuan berkanun yang dibuat oleh peguam yang bertindak bagi pihak orang itu, atau oleh orang yang berhak kepada pembayaran itu.

Salinan perintah atau perakuan hendaklah dihantar kepada Ketua Audit Negara (A. 90, k. 14)

14. Suatu salinan pejabat bagi tiap-tiap perintah Mahkamah dan perakuan untuk diambil tindakan oleh Akauntan Negara, dan suatu salinan pejabat bagi tiap-tiap arahan kepada Akauntan Negara, hendaklah dihantarkan oleh Pendaftar kepada Ketua Audit Negara.

Akauntan Negara hendaklah memberi perakuan mengenai kumpulan wang dalam Mahkamah (A. 90, k. 15)

15. (1) Akauntan Negara, atas permintaan yang ditandatangani oleh atau bagi pihak seorang yang menuntut sebagai berkepentingan dalam mana-mana kumpulan wang dalam Mahkamah yang ada dalam kredit suatu akaun yang dinyatakan dalam permintaan sedemikian, hendaklah, melainkan jika terdapat sebab yang baik untuk menolaknya, mengeluarkan suatu perakuan mengenai amaun dan perihalan kumpulan wang itu, dan perakuan tersebut hendaklah mempunyai rujukan mengenai pagi hari perakuan itu ditarik, dan tidaklah termasuk transaksi bagi hari itu.

(2) Akauntan Negara hendaklah mencatatkan pada perakuan sedemikian tarikh mana-mana perintah yang menyekat pemindahan, penjualan, penghantarserahan atau pembayaran atau apa-apa urusan niaga lain berkenaan dengan kumpulan wang dalam Mahkamah itu dalam kredit akaun yang dinyatakan dalam perakuan itu, dan sama ada perintah itu menjejaskan pokok atau bunga, dan apa-apa perintah caj yang

menyentuh kumpulan wang itu, yang mengenai masing-masingnya dia telah menerima notis dan nama orang yang kepadanya notis hendak diberikan, atau yang bagi faedahnya perintah penyekatan atau caj itu telah dibuat.

(3) Akauntan Negara boleh mentarikhkan semula mana-mana perakuan sedemikian, dengan syarat bahawa tiada perubahan dalam amaun atau perihalan kumpulan wang itu telah dibuat semenjak perakuan itu dikeluarkan.

(4) Apabila suatu kausa atau perkara telah dimasukkan ke dalam senarai yang tersebut dalam kaedah 16, maka fakta itu hendaklah dicatatkan dalam perakuan yang berhubungan dengannya itu.

Penyiaran senarai kumpulan wang dalam Mahkamah (A. 90, k. 16)

16. Dalam bulan Januari dalam tiap-tiap tahun Akauntan Negara hendaklah menyebabkan disiarkan dalam *Warta* suatu senarai akaun yang tidak diuruskan selama tempoh sepuluh tahun atau lebih dan hendaklah memberi tajuk dan nombor kausa atau perkara itu dan tajuk lejar kredit yang di dalamnya kumpulan wang itu masih belum dijelaskan, dan baki kumpulan wang itu dalam setiap akaun.

Kumpulan wang yang tak dituntut dalam Mahkamah dengan Akauntan Negara (A. 90, k. 17)

17. (1) Kumpulan wang dalam Mahkamah yang ternyata daripada buku dan akaun yang telah berada dalam jagaan Akauntan Negara bagi tempoh lima belas tahun dan ke atas, tanpa apa-apa tuntutan dibuat dan dibenarkan baginya dalam tempoh itu, hendaklah dipindahkan dan dibayar kepada Kerajaan bagi maksud am Negeri.

(2) Sekiranya apa-apa tuntutan dibuat terhadap mana-mana bahagian daripada kumpulan wang dalam Mahkamah yang telah dipindahkan dan dibayar kepada Kerajaan di bawah perenggan (1), dan jika tuntutan itu dibuktikan hingga memuaskan hati Mahkamah, Kerajaan hendaklah membayar kepada pihak menuntut amaun daripada amaun pokok yang dipindahkan dan dibayar sedemikian sebagaimana yang disebut terdahulu, atau sekian banyak daripadanya yang ternyata kena dibayar kepada pihak menuntut.

(3) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh membenarkan pemindahan mana-mana kumpulan wang yang berada dalam kredit berasingan bagi seorang budak, atau yang dipegang di dalam akaun seorang budak sementara menunggu budak itu cukup umur, sehinggalah budak itu cukup umur atau mati.

Pembayaran kepada Syerif

Syerif mesti menyimpan buku akaun (A. 90, k. 18)

18. (1) Syerif hendaklah menyimpan suatu akaun bagi segala jumlah wang yang dibayar atau didepositkan dengannya dan bagi segala jumlah wang yang dibayar olehnya dalam suatu buku akaun yang dibuat mengikut Borang 197A.

(2) Semua wang yang dibayar atau didepositkan dengan Syerif hendaklah disimpan di dalam bank atau dengan Akauntan Negara.

Bagaimana wang dibayar kepada Syerif (A. 90, k. 19)

19. Wang yang dibayar atau didepositkan dengan Syerif di bawah kaedah-kaedah ini atau mengikut suatu penghakiman atau perintah Mahkamah hendaklah dibayar kepada pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran yang hendaklah memberi suatu resit bagi tiap-tiap jumlah wang yang diterima olehnya.

Pembayaran di bawah penghakiman atau perintah (A. 90, k. 20)

20. Jika apa-apa pembayaran dibuat mengikut suatu penghakiman atau perintah maka orang yang membuat pembayaran itu hendaklah mengemukakan sesalinan penghakiman atau perintah itu dan dia hendaklah memberi notis kepada orang yang berhak kepada wang itu.

Wang yang tidak dikehendaki bagi membuat pembayaran pada hari penerimaan (A. 90, k. 21)

21. Apa-apa wang yang dibayar atau didepositkan dengan Syerif yang tidak dikehendaki bagi membuat pembayaran pada hari itu hendaklah dibayar ke dalam bank atau kepada Akauntan Negara, mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa jika pembayaran ke dalam bank atau kepada Akauntan Negara, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidak dapat dibuat pada hari penerimaan, ia hendaklah dibuat pada pagi hari kerja yang berikutnya.

Akauntan Negara kena memberikan suatu panjar (A. 90, k. 22)

22. (1) Jika wang disimpan oleh Akauntan Negara, dia hendaklah memberi suatu panjar kepada Syerif dan panjar itu hendaklah disimpan oleh Syerif dalam suatu bank.

(2) Semua cek berkenaan dengan akaun bank itu hendaklah ditandatangani oleh Syerif dan seorang pegawai lain yang dilantik oleh Pendaftar.

Buku tunai untuk panjar (A. 90, k. 23)

23. (1) Syerif yang mengendalikan panjar hendaklah menyenggarakan suatu Buku Tunai yang di dalamnya hendaklah dicatatkan semua jumlah wang yang diterima di bawah panjar (termasuk pembayaran ganti daripada Akauntan Negara) dan segala pembayaran yang dibuat daripada panjar itu.

(2) Seorang pegawai penyelia hendaklah bertanggungjawab secara sendiri untuk membuat (sekurang-kurangnya sekali seminggu) pemeriksaan mengejut akan Buku Tunai, untuk membandingkan semua catatan dengan baucar beresit dan dokumen relevan yang lain dan untuk memuaskan bahawa baki wang tunai seimbang dengan baki yang ditunjukkan dalam Buku Tunai, dan pegawai itu hendaklah juga memuaskan hatinya bahawa wang tunai tidak diambil keluar daripada bank dengan melebihi kehendak biasa.

(3) Suatu rekod bagi segala pemeriksaan mengejut hendaklah dibuat dalam Buku Tunai.

Bagaimana pembayaran daripada panjar dibuat (A. 90, k. 24)

24. (1) Semua pembayaran daripada panjar hendaklah dibuat melalui cek dan suatu pengakuteraan diterima atau resit didapatkan daripada orang yang kepadanya cek itu dibayar.

(2) Apabila baki panjar mencapai angka yang mencukupi bagi kehendak yang dijangkakan untuk tujuh hari, Buku Tunai hendaklah diimbangkan dan jumlah wang yang dibayar daripada panjar itu didapatkan kembali daripada Akauntan Negara.

(3) Resit hendaklah dikepilkan kepada bil yang menunjukkan jumlah amaun pembayaran; sekiranya resit itu banyak, resit itu dan suatu senarai mesin mengenai amaun itu sahaja boleh dikepilkan kepada bil itu.

(4) Bil dan kepilkan ini hendaklah dihantar kepada Akauntan Negara sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum wang itu dikehendaki sebenarnya.

Bukti sebelum pembayaran keluar (A. 90, k. 25)

25. Sebelum apa-apa wang dibayar keluar kepada mana-mana orang, Syerif hendaklah berkehendakkan bukti hingga memuaskan hatinya bahawa orang yang memohon untuk pembayaran ialah orang yang berhak atau yang diberi kuasa untuk menerimanya.

Jika wang kena dibayar kepada Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang (A. 90, k. 26)

26. Sebelum apa-apa wang dibayar keluar di bawah mana-mana perintah yang mengarahkan pembayaran keluar daripada apa-apa wang yang dibayar atau didepositkan dengan Syerif, Syerif hendaklah memuaskan hatinya sendiri bahawa apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kerajaan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengenainya dia boleh dimaklumkan telah pun dibayar atau dipotong.

Bila pembayaran mesti dibuat melalui cek (A. 90, k. 27)

27. (1) Semua pembayaran oleh Syerif sebanyak amaun yang melebihi lima puluh ringgit hendaklah dibuat melalui cek yang kena dibayar kepada orang yang berhak menerima pembayaran dan ditanda "boleh dibayar hanya dalam masa tiga puluh hari dari tarikh".

(2) Sekiranya pembayaran hendak dibuat kepada—

- (a) mana-mana jabatan Kerajaan;
- (b) mana-mana pertubuhan perbadanan;
- (c) seorang peguam; atau
- (d) seorang pemberi pinjam wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951,

cek itu hendaklah dipalang untuk bayaran ke dalam akaun penerima dan ditanda "tak boleh diniaga".

(3) Jika suatu cek tidak ditunaikan dalam tiga puluh hari dari tarikhnya, suatu cek baru boleh dikeluarkan untuk menggantikannya.

ATURAN 91
FI MAHKAMAH

Fi Mahkamah (A. 91, k. 1)

1. Fi dan peratusan dalam Lampiran B hendaklah diambil kira dan dibayar dalam segala kausa dan perkara dalam Mahkamah Tinggi, dengan syarat bahawa:

- (a) tiada apa-apa jua di dalamnya yang boleh menjejaskan apa-apa fi yang ditetapkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang tidak dimansuhkan dengan nyata atau tersirat oleh kaedah-kaedah ini; dan
- (b) dalam prosiding oleh atau terhadap Kerajaan atau suatu jabatan Kerajaan, Kerajaan atau jabatan Kerajaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, tidaklah dikehendaki untuk membayar apa-apa fi Mahkamah, tetapi dalam hal apa-apa dekri, perintah atau penghakiman yang memperuntukkan bahawa kos hendaklah dibayar oleh mana-mana pihak kepada prosiding itu kepada Kerajaan atau jabatan Kerajaan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, amaun yang sepatutnya kena dibayar

sebagai fi tetapi disebabkan oleh proviso ini telah tidak dibayar, hendaklah kena dibayar oleh pihak itu, sebagaimana, apabila didapatkan semula, hendaklah dibayar ke Pejabat Pendaftaran Mahkamah yang padanya dekri, perintah atau penghakiman itu telah diberi.

Cara pembayaran fi (A. 91, k. 2)

2. Fi dan peratusan yang kena diambil kira dan dibayar di bawah Aturan ini hendaklah dipungut dalam apa-apa cara sebagaimana yang Hakim Besar boleh arahkan dari semasa ke semasa.

ATURAN 92

PELBAGAI

Bahasa dokuman (A. 92, k. 1)

1. (1) Tertakluk kepada perenggan (2), apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa Inggeris, kecuali terjemahan bagi maksud Aturan 11, kaedah 6(4) dan kaedah 7(1) hendaklah disediakan mengikut kaedah 6(5) Aturan itu:

Dengan syarat bahawa apa-apa dokumen dalam bahasa Inggeris boleh digunakan sebagai suatu ekshibit, dengan atau tanpa suatu terjemahannya dalam bahasa kebangsaan.

(2) Untuk Sabah dan Sarawak, apa-apa dokumen yang dikehendaki untuk kegunaan menurut Kaedah-Kaedah ini hendaklah dalam bahasa Inggeris dan boleh disertakan dengan terjemahannya dalam bahasa kebangsaan kecuali terjemahan bagi maksud Aturan 11, kaedah 6(4) dan kaedah 7(1) hendaklah disediakan mengikut kaedah 6(5) Aturan itu.

(3) Suatu affidavit yang disediakan dalam bahasa asing hendaklah difailkan dengan suatu terjemahan affidavit itu oleh seorang penterjemah yang berkelayakan atau

peguam dengan melampirkan afidavit dan terjemahannya sebagai ekshibit kepada suatu afidavit oleh penterjemah atau peguam yang menentusahkan terjemahan itu.

(4) Dalam hal yang memerlukan tindakan segera, prosiding boleh sebahagiannya dimulakan atau dijalankan dalam bahasa Inggeris atau sepenuhnya bahasa Inggeris dengan syarat bahawa-

- (a) suatu perakuan tindakan segera yang menjelaskan perkara tersebut perlu disegerakan difailkan oleh peguam; dan
- (b) salinan semua dokumen dalam bahasa kebangsaan hendaklah difailkan dalam dua minggu atau dalam tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang dibenarkan oleh Mahkamah:

Dengan syarat bahawa:

- (a) apa-apa dokumen dalam bahasa kebangsaan bolehlah digunakan sebagai suatu eksibit, dengan atau tanpa suatu terjemahan dalam bahasa Inggeris; dan
- (b) apa-apa dokumen dalam bahasa Inggeris bolehlah digunakan sebagai suatu eksibit, dengan atau tanpa suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan.

Meterai Mahkamah (A. 92, k. 2)

2. Tiap-tiap dokumen yang dikeluarkan oleh Pejabat Pendaftaran yang baginya suatu Borang bertanda dengan perkataan "meterai" sebagaimana yang ditetapkan dalam Lampiran A hendaklah mengandungi meterai Mahkamah.

Fi pemfailan yang tidak mencukupi atau lebih fi (A. 92, k. 2A)

2A. Jika apa-apa dokumen difailkan dalam Mahkamah dengan fi yang tidak mencukupi atau lebih, Pendaftar hendaklah menerima dokumen tersebut dan hendaklah memberikan notis kepada peguam atau pihak yang terbabit untuk

membayar baki yang terkurang dalam tujuh hari, tidak membayarnya yang memberikan kebebasan kepada Pendaftar untuk menolak dokumen itu. Jika apa-apa dokumen difailkan dalam Mahkamah dengan lebih fi, lebih fi itu hendaklah dikira sebagai hasil dan tidak perlu digantikan.

Penolakan dokumen yang luar aturan (A. 92, k. 3)

3. *(Tiada kaedah 3)*

Pemindahan prosiding (A. 92, k. 3A)

3A. *(Tiada kaedah 3A)*

Arahan amalan (A. 92, k. 3B)

3B. Hakim Besar selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara boleh mengeluarkan apa-apa arahan amalan sebagaimana yang difikirkan perlu bagi melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini dengan lebih baik.

Kuasa sedia ada Mahkamah (A. 92, k. 4)

4. Bagi menghapuskan keraguan dengan ini diisytiharkan bahawa tiada apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini boleh disifatkan sebagai mengehendkan atau menjejaskan kuasa sedia ada Mahkamah untuk membuat apa-apa perintah sebagaimana yang perlu untuk mencegah ketidakadilan atau untuk mencegah suatu penyalahgunaan proses Mahkamah.

ATURAN 93

TATACARA TUNTUTAN KECIL

Permohonan (A. 93, k. 1)

1. (1) Aturan ini hendaklah terpakai dalam prosiding dalam Mahkamah Majistret antara seorang individu plaintif dan seorang defendan.

(2) Dalam Aturan ini, "plaintif" ertinya seorang individu yang bukan seorang agen atau pemegang serah hak apa-apa hutang orang lain.

Had tuntutan (A. 93, k. 2)

2. Aturan ini hendaklah terpakai kepada tuntutan yang amaun dalam pertikaian atau nilai hal perkara tuntutan tidak melebihi lima ribu ringgit.

Borang tuntutan (A. 93, k. 3)

3. (1) Tiap-tiap tuntutan hendaklah dalam Borang 198.

(2) Plaintiff hendaklah menyatakan dalam Borang 198 amaun dan butir-butir tuntutan.

Tuntutan ditandatangani (A. 93, k. 4)

4. (1) Borang 198 hendaklah ditandatangani atau dicap jari cetak oleh plaintiff sendiri.

(2) *(Tiada perenggan 2)*

Penfailan dan penyampaian (A. 93, k. 5)

5. (1) Borang 198 hendaklah difailkan dalam empat salinan di Pejabat Pendaftaran sebaik fi yang diperihalkan dibayar.

(2) Penyampaian Borang 198 boleh dibuat melalui penyampaian secara kediri atau melalui pos berdaftar pra bayar yang dialamatkan kepada alamat terakhir defendan yang diketahui.

Pembelaan dan tuntutan balas (A. 93, k. 6)

6. (1) Sekiranya defendan yang telah disampaikan secara sepenuhnya dengan Borang 198 mempertikaikan tuntutan, dia bolehlah menyampaikan pembelaannya dalam Borang 199 yang difailkan dalam empat salinan dalam empat belas hari selepas penyampaian tuntutan itu.

(2) Borang 199 hendaklah mengandungi butir-butir tentang mengapa defendan mempertikaikan tuntutan dan sekiranya defendan mempunyai suatu tuntutan

balas, dia hendaklah menyatakan amaun dan butir-butir tuntutan balas dalam borang itu.

(3) Borang 199 hendaklah ditandatangani atau dicap jari cetak oleh defendan sendiri.

(4) Penyampaian Borang 199 hendaklah dibuat dalam cara yang diperihalkan dalam kaedah 5(2).

(5) Jika terdapat suatu tuntutan balas, plaintif boleh memfailkan suatu pembelaan kepada tuntutan balas itu dalam Borang 200.

Tiada representasi undang-undang (A. 93, k. 7)

7. Walau apapun Aturan 4, kaedah 6, suatu pihak kepada mana-mana tindakan dalam Mahkamah hendaklah tidak diwakili oleh seorang peguam, kecuali jika defendan dikehendaki oleh undang-undang untuk diwakili oleh seorang orang yang diberi kuasa.

Penghakiman ingkar (A. 93, k. 8)

8. (1) Sekiranya defendan tidak memfailkan pembelaannya dalam Borang 199 sebagaimana yang dikehendaki dalam kaedah 6(1), Mahkamah boleh memberikan penghakiman dalam Borang 201 untuk plaintif pada tarikh pendengaran atau boleh mengikut budi bicaranya menangguhkan pendengaran bagi membolehkan defendan memfailkan pembelaannya.

(2) Aturan 35, kaedah 1 dan 2 hendaklah terpakai jika kedua-dua pihak tidak hadir pada hari pendengaran atau jika salah satu pihak tidak hadir pada hari pendengaran.

(3) Jika defendan tidak hadir, penghakiman yang dimasukkan hendaklah dalam Borang 202, dan jika plaintif tidak hadir, penghakiman yang dimasukkan hendaklah dalam Borang 203.

Pengakuan tuntutan (A. 93, k. 9)

9. Jika defendan dalam pernyataan pembelaannya mengakui tuntutan, penghakiman yang ingin dimasukkan hendaklah dalam Borang 204.

Permohonan untuk mengetepikan penghakiman (A. 93, k. 10)

10. (1) Apa-apa penghakiman atau perintah yang diperoleh jika satu pihak tidak hadir pada pendengaran atau apa-apa penghakiman yang diperoleh menurut kaedah 8(1), bolehlah diketepikan oleh Mahkamah atas permohonan pihak yang terkilan dalam Borang 205 atas apa-apa terma sebagaimana yang Mahkamah fikirkan adil.

(2) Suatu permohonan di bawah kaedah ini hendaklah dibuat dalam dua puluh satu hari selepas penyampaian penghakiman atau perintah atau apa-apa masa lanjut sebagaimana Mahkamah boleh, mengikut budi bicaranya, membenarkan.

Penyampaian penghakiman atau perintah (A. 93, k. 11)

11. Tiap-tiap penghakiman atau perintah yang dibuat atau diberikan di bawah Aturan ini hendaklah disampaikan kepada orang yang terhadapnya penghakiman atau perintah dibuat melalui pos berdaftar pra bayar oleh Mahkamah.

Prosiding diteruskan apabila tuntutan balas melebihi had (A. 93, k. 12)

12. (1) Walau apa pun apa-apa yang terkandung dalam Aturan, jika suatu tuntutan balas bersama dengan apa-apa kepentingan pada tarikh pemfailan itu melebihi jumlah lima ribu ringgit, Aturan ini hendaklah terhenti terpakai dan Mahkamah hendaklah meneruskan untuk mendengar kes seolah-olah tuntutan dimulakan oleh suatu saman di bawah Aturan 5. Aturan 14 tidaklah terpakai kepada suatu kes di bawah kaedah ini.

(2) Jika suatu penghakiman dimasukkan oleh Mahkamah atas suatu tuntutan balas dalam perenggan (1) tidak melebihi lima ribu ringgit, kaedah 15 Aturan ini hendaklah terpakai berkenaan dengan kos.

Penyelesaian (A. 93, k. 13)

13. (1) Pada pendengaran mana-mana perkara di hadapan Mahkamah, Mahkamah hendaklah jika boleh membantu pihak untuk membuat penyelesaian suatu kes melalui persetujuan.

(2) Mana-mana penghakiman yang diperoleh melalui persetujuan hendaklah dalam Borang 206.

(3) Sekiranya perkara itu tidak selesai, Mahkamah boleh meneruskan untuk mendengar kes dan memberi suatu keputusan atau boleh menanggungkannya kepada tarikh yang lain untuk penyelesaian akhir, dan penghakiman yang akan dimasukkan selepas suatu pendengaran hendaklah dalam Borang 207.

Kuasa Majistret (A. 93, k. 14)

14. (1) Sebelum memutuskan kes, Mahkamah boleh meminta pihak untuk memberi maklumat lanjut dan khususnya suatu perihalan ringkas tuntutan dan pembelaan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sekiranya perihalan tidak diberikan secukupnya sebelum ini.

(2) Mahkamah hendaklah mempertimbangkan keterangan dokumentar atau keterangan lain, termasuk keterangan afidavit, yang diserahkan oleh pihak dan dengan kehadiran mereka hendaklah mendengar apa-apa keterangan lisan dan hujah, termasuk hujah bertulis, sebagaimana yang boleh dikemukakan oleh pihak.

Kos (A. 93, k. 15)

15. (1) Mahkamah boleh dengan budi bicaranya mengawardkan kos tidak melebihi satu ratus ringgit kepada mana-mana pihak.

(2) Kos untuk kepeguaman tidak dibenarkan dalam prosiding di bawah Aturan ini.

Pelaksanaan penghakiman dan perintah (A. 93, k. 16)

16. (1) Jika suatu penghakiman atau perintah disampaikan di bawah kaedah 11, dan orang yang terhadapnya penghakiman atau perintah itu dibuat atau diberikan (yang dirujuk sebagai “penghutang penghakiman”) tidak mematuhi dengan penghakiman atau perintah, pihak yang memperoleh penghakiman atau perintah boleh menfailkan dalam Mahkamah suatu notis untuk tunjuk sebab dalam Borang 208, dan menyampaikannya mengikut kaedah 5(2) suatu salinan ke atas penghutang penghakiman.

- (2) Mahkamah selepas memeriksa penghutang penghakiman boleh-
- (a) memerintahkan suatu writ penyitaan dan penjualan dikeluarkan dalam Borang 84 dengan apa-apa ubah suaian sebagaimana yang diperlukan kepada endorsmen;
 - (b) membenarkan penghutang penghakiman masa untuk menyelesaikan hutang penghakiman, atau membayar hutang secara ansuran; atau
 - (c) memerintahkan penghutang penghakiman dimasukkan ke dalam penjara.

ATURAN 94

PERUNTUKAN PEMANSUHAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

Pemansuhan (A. 94, k. 1)

1. Kaedah-Kaedah berikut adalah dimansuhkan:

- (a) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 [*P.U. (A) 50/1980*]; dan
- (b) Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 [*P.U. (A) 328/1980*].

Pengecualian (A. 94, k. 2)

2. (1) Aturan 5, kaedah 1 adalah tidak terpakai kepada prosiding di bawah undang-undang bertulis yang disenaraikan dalam Lampiran C, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kaedah-Kaedah ini.

(2) Sekiranya terdapat percanggahan, kaedah di bawah undang-undang bertulis dalam Lampiran C hendaklah terpakai mengatasi Kaedah-Kaedah ini.

(3) Apa-apa permohonan yang dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis, selain yang disenaraikan dalam Lampiran C, yang adalah melalui suatu cara selain saman pemula atau writ, hendaklah ditafsirkan sebagai melalui saman pemula mengikut Kaedah-Kaedah ini.

Kecualian dan peralihan (A. 94, k. 3)

3. (1) Walau apapun kaedah 1, Aturan 91 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Aturan 48, kaedah 63 Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 hendaklah masing-masing tidak terjejas oleh pemansuhan Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980, dan terus berkuat kuasa sehingga Aturan 91 Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa.

(2) Mana-mana tindakan dan permohonan yang dimulakan dengan petisyen, usul atau usul pemula yang belum selesai sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Kaedah-Kaedah ini tidaklah terjejas oleh Kaedah-Kaedah ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Kaedah-Kaedah ini tidak diperbuat.

(3) Semua sebutan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dalam mana-mana undang-undang bertulis dan mana-mana dokumen hendaklah, apabila mula berkuat kuasanya Kaedah-Kaedah ini, dianggap sebagai sebutan kepada Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

LAMPIRAN A

SENARAI BORANG-BORANG

No. Borang		Aturan		Kaedah
1.	Perintah untuk Penyatuan	4	...	1
2.	Writ	6	...	1
3.	Notis Pembaharuan Writ	6	...	7
		46	...	6
4.	<i>(Dipotong)</i>			
5.	Saman Pemula (Jika Kehadiran Tidak Dikehendaki)	7	...	2
6.	Saman Pemula <i>Ex Parte</i>	7	...	2
7.	Notis Writ untuk Disampaikan di Luar Bidang Kuasa... ..	11	...	3
8.	Afidavit Minta Kebenaran untuk Menyampaikan Writ di Luar Bidang Kuasa	11	...	4
8A.	Saman Pemula untuk Pemilikan di bawah Aturan 89	89	...	2
9.	Perintah untuk Penyampaian di Luar Bidang Kuasa	11	...	4
10.	Permintaan untuk Penyampaian Dokumen di Luar Negara	11	...	6
11.	Memorandum Kehadiran	12	...	2
12.	Perakuan Ketidakhadiran	13	...	7
13.	Afidavit bagi Permohonan di bawah Aturan 14 kaedah 2, oleh atau bagi pihak Plaintiff	14	...	2
14.	Notis untuk Diendorskan pada Salinan Tuntutan Balas	15	...	3
15.	Memorandum Kehadiran kepada Tuntutan Balas	15	...	3
16.	Memorandum Kehadiran Orang yang Ditambah sebagai Defendan	15	...	8
17.	Notis Tindakan... ..	15	...	13A
18.	Notis Pihak Ketiga Menuntut Sumbangan atau Tanggung Rugi atau Relief lain atau Remedi... ..	16	...	1
19.	Notis Pihak Ketiga Jika Persoalan atau Isu Akan Ditentukan	16	...	1
20.	Notis Minta Kebenaran untuk Mengeluarkan Notis Pihak Ketiga	16	...	2
21.	Memorandum Kehadiran Pihak Ketiga	16	...	4
22.	Notis Minta Arahan Pihak Ketiga	16	...	4
23.	Perintah untuk Arahan Pihak Ketiga	16	...	4
24.	Notis oleh Pihak Menuntut bagi Harta yang Diambil dalam	17	...	2

	Pelaksanaan		
25.	Notis oleh Syerif bagi Harta yang Diambil dalam Pelaksanaan	17	2
26.	Notis oleh Pemiutang Pelaksanaan bagi Harta yang Diambil dalam Pelaksanaan... ..	17	... 2
27.	Permohonan untuk Suatu Notis Interplider: Oleh Syerif ...	17	... 3
28.	Permohonan untuk Interplid oleh Seseorang di bawah Liabiliti	17	... 3
29.	Notis Interplider... ..	17	... 4
30.	Penghakiman (atau Perintah) atas Notis Interplider	17	... 11
31.	Butir-Butir yang Disampaikan menurut Permintaan atau Perintah	18	... 12
32.	Notis Pemberhentian	21	... 2
33.	Notis Permohonan untuk Pembayaran Interim	22A	... 2
34.	Tawaran untuk Selesai... ..	22B	... 1
35.	Notis Menarik Balik Tawaran	22B	... 3
36.	Penerimaan Tawaran... ..	22B	... 6
37.	Tawaran untuk menyumbang... ..	22B	... 11
38.	Senarai Dokumen	24	... 5
39.	Afidavit Menentukan Senarai Dokumen	24	... 5
40.	Notis untuk Memeriksa Dokumen... ..	24	... 9
41.	Notis untuk Mengemukakan Dokumen yang Disebut dalam Pliding atau Afidavit	24	... 10
42.	Notis yang Dokumen boleh Diperiksa	24	... 10
3. Plaintif (atau defendan) pernah ada, tetapi kini tidak ada, dalam milikan, jagaan atau kuasanya dokumen-dokumen yang berhubungan dengan perkara-perkara berkenaan dalam tindakan ini yang disenaraikan dalam Jadual 2 bersama ini.

4. Daripada dokumen-dokumen dalam Jadual 2 tersebut, yang bernombor dalam Jadual adalah yang akhir sekali berada dalam milikan, jagaan atau kuasa plaintif (atau defendan) pada (nyatakan bila) dan yang selebihnya pada (nyatakan bila).

(Nyatakan apa yang telah terjadi kepada dokumen-dokumen tersebut dan kini dokumen-dokumen itu berada dalam milikan siapa).

5. Baik plaintif (atau defendan), mahupun peguamnya ataupun mana-mana orang lain bagi pihaknya, kini ada atau pernah ada, dalam milikan, jagaan atau kuasanya apa-apa dokumen daripada apa-apa perihalan berhubungan dengan apa-apa perkara yang berkenaan dalam tindakan ini, selain daripada dokumen-dokumen yang tersenarai dalam Jadual 1 dan 2 bersama ini.

Jadual 1

BAHAGIAN 1

(Senaraikan mengikut susunan yang sesuai dokumen-dokumen (atau ikatan dokumen, jika dari jenis yang sama, seperti invois) dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak berkenaan yang dia tidak bantah untuk dikemukakan, dengan perihalan ringkas setiap dokumen atau ikatan dokumen itu cukup untuk mengenalpastikannya.)

BAHAGIAN 2

(Senaraikan satu persatu seperti yang disebutkan terdahulu dokumen-dokumen yang berada dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak berkenaan yang dia bantah untuk dikemukakan.)

Jadual 2

(Senaraikan satu persatu seperti yang disebutkan terdahulu dokumen-dokumen yang pernah ada, tetapi pada tarikh penyampaian senarai itu tidak ada, dalam milikan, jagaan atau kuasa pihak berkenaan.)

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Notis untuk memeriksa

Ambil perhatian bahawa dokumen-dokumen dalam senarai di atas, selain daripada dokumen-dokumen yang disenaraikan dalam bahagian 2 Jadual 1 (dan Jadual 2), boleh diperiksa di (pejabat peguam (plaintif) (defendan) yang disebutkan di atas (masukkan alamat) atau sebagaimana yang berkenaan) pada hari haribulan, 20..... antara pukul dan

.....
Peguam bagi.....

Kepada defendan (atau plaintif) dan peguamnya.

No. 39

AFIDAVIT MENENTUSAHKAN SENARAI DOKUMEN (A. 24, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya, plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti berikut:

1. Pernyataan yang saya buat dalam perenggan 1, 3 dan 4 senarai dokumen yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda adalah benar.
2. Pernyataan fakta yang saya buat dalam perenggan 2 senarai tersebut adalah benar.
3. Pernyataan yang saya buat dalam perenggan 5 senarai tersebut adalah benar sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan saya.

Afidavit ini difailkan bagi pihak plaintif (atau defendan).

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 40

NOTIS UNTUK MEMERIKSA DOKUMEN (A. 24, k. 9)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa kamu boleh memeriksa dokumen yang disebutkan dalam notis kamu bertarikh haribulan, 20..... (kecuali surat ikatan bernombor dalam notis itu) di pejabat saya pada hari akan datang pada pukul pagi/petang.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

No. 41

**NOTIS UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN YANG DISEBUT DALAM PLIDING ATAU AFIDAVIT
(A. 24, k. 10)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) menghendaki kamu untuk mengemukakan untuk pemeriksaannya, dokumen-dokumen berikut yang disebutkan dalam pliding (atau afidavit) kamu iaitu:

Perihalkan dokumen-dokumen yang dikehendaki.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

Kepada peguam bagi

No. 42

NOTIS YANG DOKUMEN BOLEH DIPERIKSA (A. 24, k. 10)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa dokumen-dokumen yang disebutkan dalam notis kamu bertarikh
haribulan (kecuali surat ikatan yang bernombor dalam notis itu) boleh diperiksa di
..... (masukkan tempat pemeriksaan) pada hari pada haribulan antara
pukul dan pagi/petang.

(Atau, bahawa plaintif (atau defendan) membantah untuk membenarkan pemeriksaan dokumen-
dokumen yang disebutkan dalam notis kamu pada hari pada haribulan, 20.....,
atas alasan bahawa (nyatakan alasannya).

Betarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

No. 43

PERINTAH UNTUK PENGEMUKAAN DOKUMEN DAN PEMERIKSAAN (A. 24, k. 11)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan dan selepas membaca affidavit yang difailkan pada
haribulan, 20....., dan selepas mendengar

Adalah diperintahkan bahawa hendaklah, apabila notis yang munasabah diberikan,
mengemukakan di (masukkan tempat pemeriksaan), yang terletak di dokumen-
dokumen yang berikut, iaitu dan bahawa adalah bebas untuk
memeriksa dan meneliti dokumen-dokumen yang dikemukakan sedemikian, dan untuk membuat catatan
mengenai kandungannya, dan berhak untuk dibekalkan dengan salinan-salinannya dengan membayar
bayaran yang sepatutnya. Dan adalah diperintahkan bahawa sementara itu segala prosiding selanjutnya
ditangguhkan, dan kos permohonan ini hendaklah

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 44

NOTIS UNTUK INTEROGATORI (A. 26, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar) dalam Kamar pada hari pada haribulan, 20.....; pada pukul pagi/petang mendengarkan permohonan oleh untuk suatu perintah menyatakan bahawa adalah bebas untuk menyampaikan kepada interogatori secara bertulis dan bahawa tersebut hendaklah dalam masa hari menjawab soalan-soalan itu secara bertulis melalui afidavit.

Bertarikh pada pada, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Catatan No..... tahun 20.....

Kerani

Notis ini diambil oleh peguam bagi

Kepada

No. 45

INTEROGATORI (A. 26, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Interogatori

..... bagi pihak (plaintif) atau (defendan AB) yang dinamakan di atas untuk pemeriksaan (defendan AB dan CD) (defendan Syarikat X. Berhad) atau (plaintif) yang dinamakan di atas menurut perintah di dalam ini bertarikh haribulan, 20.....

(Nyatakan di sini interogatori dalam bentuk soalan ringkas, setiap interogatori itu hendaklah dinyatakan dalam perengaan yang berasingan dan dinomborkan berturut-turut).

1. Benarkah kamu?

2. Benar tak kamu?

3. (a) Adakah kamu?

(b) Jika boleh, tidakkah kamu?

(Defendan AB dikehendaki untuk menjawab semua interogatori yang bernombor).

(Defendan CD dikehendaki untuk menjawab interogatori yang bernombor).

(EP, seorang pengarah (atau sebagaimana yang berkenaan) kepada defendan, Syarikat X. Berhad, dikehendaki untuk menjawab interogatori yang bernombor).

Disampaikan pada haribulan, 20....., oleh beralamat di peguam bagi (plaintif) (defendan)

Kepada (defendan AB dan CD) (plaintif) yang dinamakan di atas dan peguamnya (peguam mereka).

No. 46

PERINTAH INTEROGATORI (A. 26, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan dan setelah membaca affidavit yang difailkan pada
haribulan, 20..... dan setelah mendengar

Adalah diperintahkan bahawa adalah bebas untuk menyampaikan kepada
..... interogatori secara bertulis sebagaimana yang ditandatangani ringkas oleh Hakim dan
bahawa yang tersebut hendaklah menjawab interogatori itu dalam masa hari dan
kos bagi permohonan ini hendaklah

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 47

JAWAPAN KEPADA INTEROGATORI (A. 26, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Jawapannya

..... daripada (defendan) atau (defendan AB yang dinamakan di atas) atau (plaintif) kepada interogatori untuk pemeriksaannya (pemeriksaan mereka) oleh (plaintif) atau (defendan) yang dinamakan di atas menurut perintah dalam ini bertarikh haribulan, 20.....

Sebagai menjawab interogatori tersebut (kami, AB dan CD yang tersebut secara berasingan) atau (saya, AB atau plaintif yang dinamakan di atas), mengangkat sumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti yang berikut:

1. Kepada interogatori pertama, iaitu (nyatakan dengan penuh interogatori), iaitu (nyatakan jawapannya).
2. Kepada interogatori kedua, iaitu (nyatakan dengan penuh interogatori), iaitu (nyatakan jawapannya).
3. Kepada interogatori kedua, iaitu (nyatakan dengan penuh interogatori), iaitu saya membantah untuk menjawabnya atas alasan bahawa (nyatakan alasan bantahannya).

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

Afidavit ini difailkan bagi pihak (defendan) (plaintif).

No. 48

NOTIS MENGAKUI FAKTA (A. 27, k. 2)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) dalam tindakan ini menghendaki defendan (atau plaintif) untuk mengakui, bagi maksud-maksud tindakan ini sahaja, beberapa fakta yang masing-masingnya dinyatakan di bawah ini; dan defendan (atau plaintif) itu adalah dengan ini dikehendaki, dalam masa 14 hari daripada penyampaian notis ini, untuk mengakui beberapa fakta yang tersebut, kecuali segala kekecualian yang patut tentang kebolehterimaan fakta-fakta itu sebagai keterangan dalam kausa ini.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

Kepada defendan (atau plaintif)..... dan peguamnya.

Fakta-fakta itu, yang pengakuannya adalah dikehendaki, ialah: (nyatakan pengakuan yang dikehendaki, misalnya:)

1. Bahawa AB mati pada, 20.....
2. Bahawa dia mati tidak berwasiat.
3. Bahawa CD adalah anak lelaki tunggalnya yang sah.
4. Bahawa EF mati pada, 20.....
5. Bahawa EF tidak pernah berkahwin.

No. 49

PENGAKUAN FAKTA, MENURUT NOTIS (A. 27, k. 2)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Defendan (atau plaintif) dalam tindakan ini, bagi maksud-maksud tindakan ini sahaja, dengan ini mengakui bahawa beberapa fakta yang masing-masingnya dinyatakan di bawah ini, tertakluk kepada kelayakan atau batasan, jika ada, yang dinyatakan di bawah ini, kecuali segala kekecualian yang patut tentang kebolehterimaan fakta-fakta itu, atau mana-mana antaranya, sebagai keterangan dalam tindakan ini:

Dengan syarat bahawa pengakuan ini dibuat bagi maksud-maksud tindakan ini sahaja, dan bukannya suatu pengakuan yang akan digunakan terhadap defendan (atau plaintif) pada mana-mana ketika lain, atau oleh mana-mana orang selain daripada plaintif (atau defendan, atau pihak yang berkehendakkan pengakuan ini).

.....
Peguam bagi

Kepada plaintif (atau defendan) dan peguamnya

(contoh)

Fakta-fakta yang diakui	Kelayakan atau batasan jika ada, yang tertakluk kepadanya ia diakui
1. Bahawa AB mati pada, 20.....	1. -
2. Bahawa dia mati tidak berwasiat	2. -
3. Bahawa CD ialah anak lelakinya yang sah	3. Tetapi bukanlah kerana dia adalah anak lelaki tunggalnya yang sah
4. Bahawa EF mati pada, 20.....	4. Tetapi bukanlah kerana dia mati pada, 20.....
5. Bahawa EF tidak pernah berkahwin	5. -

No. 50

NOTIS MENGAKUI DOKUMEN (A. 27, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa plaintif (atau defendan) dalam tindakan ini bercadang untuk mengemukakan sebagai keterangan beberapa dokumen yang dinyatakan di bawah ini, dan bahawa dokumen-dokumen itu boleh diperiksa oleh defendan (atau plaintif), peguam atau ejennya di pada haribulan, 20 antara pukul dan; dan defendan (atau plaintif) itu adalah dengan ini dikehendaki, dalam masa 7 hari untuk mengakui bahawa mana-mana daripada dokumen tersebut sebagaimana yang dinyatakan sebagai asal adalah masing-masingnya dikatakan telah ditulis, ditandatangani atau disempurnakan, bahawa yang sedemikian sebagaimana yang dinyatakan sebagai salinan itu adalah salinan benar; dan mana-mana dokumen yang dinyatakan telah disampaikan, dihantar atau dihantarserah telah masing-masingnya disampaikan dihantar atau dihantarserah sedemikian; kecuali segala kekecualian yang patut tentang kebolehterimaan segala dokumen itu sebagai keterangan dalam tindakan ini.

Dan selanjutnya ambil perhatian bahawa jika kamu tidak memberi dalam masa 7 hari yang dinyatakan di atas notis yang menyatakan bahawa kamu tidak mengaku dokumen-dokumen tersebut (atau mana-mana antaranya) dan bahawa kamu menghendakinya supaya dibuktikan dalam perbicaraan itu kamu hendaklah disifatkan telah mengaku dokumen (atau dokumen-dokumen) tersebut melainkan jika diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

(Perihalkan di sini dokumen-dokumen, cara melakukannya mungkin seperti yang berikut:)

ASAL

Perihal Dokumen-dokumen	Tarikh
1.
2.
3.
4.
5.

SALINAN

Perihal Dokumen	Tarikh	Asal atau Penda yang disampaikan, dihantar, atau dihantarserah, bila, bagaimana, dan oleh siapa
1.
2.
3.

No. 51

NOTIS TIDAK MENGAKU DOKUMEN (A. 27, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa saya tidak mengakui Nombor 1, 2 and 5 daripada dokumen-dokumen (mengikut mana-mana yang berkenaan) dalam Notis Mengaku Dokumen-Dokumen kecuali segala kekecualian yang patut berkenaan dengannya yang diterima sebagai keterangan.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

Kepada plaintif (atau defendan) dan peguamcaranya.

No. 52

NOTIS MENGEMUKAKAN (A. 27, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa kamu adalah dengan ini dikehendaki untuk mengemukakan dan menunjukkan kepada Mahkamah semasa perbicaraan ini segala buku, kertas, surat, salinan surat, dan lain-lain tulisan dan dokumen-dokumen dalam jagaan, milikan, atau kuasa kamu, yang mengandungi apa-apa catatan, memorandum atau minit yang berhubungan dengan perkara-perkara yang berkenaan dalam ini dan khususnya.....

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguamcara bagi

Kepada plaintif (atau defendan) dan peguamcaranya.

No. 53

PERINTAH UNTUK INJUNKSI INTERIM (A. 29, k. 1)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Atas permohonan dan setelah membaca afidavit yang difailkan pada haribulan, 20....., dan setelah mendengar, dan plaintif olehnya yang tersebut mengakujaji untuk mematuhi apa-apa perintah oleh Mahkamah atau Hakim boleh buat tentang ganti rugi kiranya Mahkamah atau Hakim berpendapat selepas itu yang telah ditanggung apa-apa disebabkan perintah ini yang plaintif patut bayar. Adalah diperintahkan dan diarahkan bahawa defendan(-defendan) (a) olehnya (oleh mereka) sendiri, ejen atau pekhidmatnya (ejen atau pekhidmat mereka) atau selainnya ditahan, dan suatu Injunksi adalah dengan ini diberikan menahannya (menahan mereka) daripada

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

(a) Jika injunksi ialah terhadap sebuah syarikat berhad atau suatu pertubuhan perbadanan, maka Borang itu sepatutnya berbunyi: "bahawa defendan-defendan (masukkan nama syarikat atau pertubuhan perbadanan) oleh ejen atau pekhidmat mereka atau selainnya ditahan, dsb."

No. 54

JAMINAN PENERIMA MELALUI AKUJANJI (A. 30, k. 2)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya, beralamat di penerima (dan pengurus) yang dilantik mengikut perintah bertarikh (atau yang dicadangkan untuk dilantik) dalam tindakan ini dengan ini memberi akujanji kepada Mahkamah untuk mengakaunkan dengan sepenuhnya segala duit dan harta yang saya terima sebagai penerima (atau pengurus) tersebut atau yang baginya saya mungkin bertanggungjawab dan untuk membayar baki dari semasa ke semasa yang kena dibayar oleh saya dan untuk menyerahkan apa-apa harta yang diterima oleh saya sebagai penerima (atau pengurus) sedemikian pada bila-bila masa dan mengikut apa-apa cara dalam segala segi sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau Hakim.

Dan kami dengan ini bersesama dan berasingan (dalam hal suatu Gerenti atau Syarikat lain potong "bersesama dan berasingan") memberi akujanji kepada Mahkamah untuk bertanggungjawab atas apa-apa keingkaran oleh yang tersebut sebagai penerima (atau pengurus) dan atas apa-apa keingkaran untuk membayar kepada mana-mana orang atau orang atau selainnya sebagaimana yang diarahkan oleh Mahkamah atau Hakim apa-apa jumlah atau jumlah-jumlah tidak melebihi pada keseluruhannya RM yang boleh dari semasa ke semasa diperakui oleh Pendaftar sebagai kena dibayar oleh penerima tersebut dan kami patuh kepada bidang kuasa Mahkamah dalam tindakan ini untuk memutuskan apa-apa tuntutan yang dibuat di bawah akujanji ini.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Tandatangan Penerima dan penjamin atau penjamin-penjaminnya. Dalam hal penjamin yang menjadi gerenti atau syarikat lain, ia mestilah dimeteraikan atau selainnya disempurnakan dengan sepatutnya).

No. 55

AFIDAVIT MENENTUSAHKAN AKAUN PENERIMA (A. 30, k. 4)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya,, beralamat di, penerima yang dilantik dalam kausa ini, sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti yang berikut:

1. Dokumen yang kini ditunjukkan kepada saya bertanda A adalah, sepertimana yang dikatakan itu, suatu akaun yang penuh dan benar mengenai bagi tempoh yang dinyatakan di dalam ini.

2. dan, penjamin-penjamin saya yang dinamakan dalam (atau akujanji) bertarikh, 20....., kedua-duanya itu masih hidup dan tidak seorang pun daripada mereka itu jatuh bankrap atau jadi tak solven.

(atau)

2. Syarikat Bhd., penjamin saya yang dinamakan dalam gerenti (atau akujanji) bertarikh 20, masih lagi menjalankan perniagaan dan tiada saman pemula atau prosiding lain untuk penggulangannya yang belum selesai).

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 56

PERAKUAN KEPUTUSAN JUALAN (A. 31, k. 3)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Saya,, beralamat di, pelelong, orang yang dilantik untuk menjualkan harta yang termasuk dalam butir-butir yang disebut kemudian daripada ini, dengan ini memperakui seperti yang berikut:

1. Saya pada masa dan di tempat berkenaan, di lot-lot tersebut, dan tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam butir-butir dan syarat-syarat jualan tersebut bersama-sama ini seperti yang dilampirkan dan bertanda A, telah mengemukakan untuk jualan melalui lelongan harta yang diperihalkan dalam butir-butir tersebut.

Keputusan jualan itu dengan sebenarnya dinyatakan dalam kertas tawaran yang dilampirkan bersama-sama ini dan bertanda B.

2. Saya telah menerima jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruang keempat Jadual bersama-sama ini sebagai deposit daripada pembeli masing-masing yang nama mereka ada dinyatakan dalam ruang kedua Jadual tersebut bersementaraan dengan jumlah-jumlah tersebut berkenaan dengan wang belian mereka dengan meninggalkan jumlah-jumlah yang dinyatakan dalam ruang kelima Jadual tersebut yang kena dibayar berkenaan dengannya itu.

JADUAL*(seperti disebut di atas)*

No. Lot	Nama Pembeli	Amaun Wang Belian yang tinggal	Amaun Deposit yang telah diterima	Amaun masih kena dibayar

.....
Pelelong

Tarikh

(Nota-Borang ini boleh disesuaikan untuk memenuhi kehendak-kehendak A. 31 k. 3 (1) (b), apabila Perakuan perlu diberikan oleh Peguam).

No. 57

NOTIS PERMOHONAN (A. 32, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar) dalam Kamar pada hari, pada haribulan, 20.... pukulpagi/petang mendengarkan permohonan di pihak (nyatakan jenis permohonan).

Alasan-alasan permohonan adalah (nyatakan alasan-alasannya)

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Catatan No 20.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

Notis ini diambil oleh plaintif (atau sebagaimana yang berkenaan) beralamat di (nyatakan alamat).

Kepada defendan (atau sebagaimana yang berkenaan).

No. 58

NOTIS NIAT UNTUK MENGGUNAKAN AFIDAVIT (A. 32, k. 13)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

AMBIL PERHATIAN bahawa Plaintiff/Defendan yang dinamakan di atas bercadang untuk menggunakan afidavitsebagai sokongan kepada Notis Permohonan Plaintiff/Defendan bertarikh

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi Plaintiff/Defendan

Kepada Plaintiff/Defendan (atau sebagaimana yang berkenaan)

Notis ini diambil oleh plaintiff/defendan (atau sebagaimana yang berkenaan) beralamat di (nyatakan alamat).

No. 59

NOTIS UNTUK MENGHADIRI PENGURUSAN KES SEBELUM BICARA (A. 34, k. 3)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Mahkamah dalam Kamar pada hari ,
pada haribulan , 20 , pukul pagi/petang bagi pengurusan kes sebelum bicara.

Bertarikh pada haribulan , 20

(Meterai)

.....
(Pendaftar)

Notis ini diambil oleh plaintif (atau sebagaimana yang berkenaan) beralamat di (nyatakan alamat).

Kepada defendan (atau sebagaimana yang berkenaan).

No. 60

NOTIS MINTA ARAHAN (A. 34, k. 9)

Nota: Pemohon hendaklah tunjukkan hanya permohonan yang arahan adalah perlu.

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa yang dinamakan di atas bercadang untuk memohon pada pengendalian kes pertama untuk arahan dalam tindakan ini (masukkan arahan yang diperlukan)

1. Tindakan ini disatukan dengan tindakan (-tindakan) dalam Saman No. tahun..... 20 , dan Saman No..... tahun 20..... .
2. Tindakan ini dirujuk kepada Mahkamah dan kos bagi permohonan ini dijadikan kos dalam kausa itu.
3. Tindakan itu (atau dengan keizinan) dipindahkan ke dan kos permohonan ini adalah atas budi bicara
4. Plaintiff memberi jaminan untuk kos defendan dengan memuaskan hati Mahkamah dengan jumlah RM atas alasan dan bahawa sementara itu segala prosiding selanjutnya ditangguhkan.
5. Melainkan plaintiff dalam masa.....hari memberi jaminan untuk kos defendan dengan memuaskan hati Mahkamah dengan jumlah RM..... , tindakan itu adalah dibuang, dan bahawa kos untuk permohonan ini adalah atas budi bicara (dan bahawa jika jaminan dibayar sebegitu arahan-arahannya adalah seperti yang berikut:)
6. Plaintiff mendapat kebenaran untuk meminda writ melalui.....dan bahawa penyampaian writ itu dan kehadiran defendan dikekalkan, dan bahawa kos yang ditanggung dan kos hangus disebabkan pindaan itu bagaimana jua sekalipun menjadi kos defendan.
7. Plaintiff mendapat kebenaran untuk meminda pernyataan tuntutan seperti yang ditunjukkan dalam dokumen yang disampaikan bersama-sama ini dan untuk menyampaikan semula pernyataan tuntutan yang dipinda itu dalam hari, dengan kebenaran diberi kepada defendan untuk menyampaikan suatu pembelaan yang dipinda (jika dinasihatkan sedemikian) dalam hari selepas itu, (dan dengan kebenaran diberi kepada plaintiff untuk menyampaikan semula suatu jawapan yang dipinda (jika dinasihatkan sedemikian) dalam..... hari selepas itu) dan bahawa kos yang ditanggung dan kos hangus disebabkan pindaan-pindaan itu bagaimana jua sekalipun menjadi kos defendan.
8. Defendan mendapat kebenaran untuk meminda pembelaan seperti yang ditunjukkan dalam (dokumen yang disampaikan dengan) notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini dan untuk menyampaikan semula pembelaan yang dipinda itu dalam.....hari (dan dengan kebenaran diberi kepada plaintiff untuk menyampaikan semula suatu jawapan yang dipinda (jika dinasihatkan sedemikian) dalam.....hari selepas itu) dan bahawa kos yang ditanggung dan kos hangus disebabkan pindaan-pindaan itu bagaimana jua sekalipun menjadi kos plaintiff.
9. Plaintiff menyampaikan kepada defendan dalam masa.....hari butir-butir lanjut dan jelas mengenai pernyataan tuntutan yang dinyatakan dalam (dokumen yang disampaikan dengan) notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini.
10. Defendan menyampaikan kepada plaintiff dalam masa.....hari butir-butir lanjut dan jelas mengenai pembelaan yang dinyatakan dalam dokumen yang disampaikan bersama-sama ini.

11. Plaintiff menyampaikan kepada defendan dalam masa.....hari butir-butir lanjut dan jelas mengenai jawapan yang dinyatakan dalam (dokumen yang disampaikan dengan) notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini.
12. Plaintiff dalam masa.....hari menyampaikan kepada defendan suatu senarai dokumen (dan memfailkan suatu affidavit yang menentusahkan senarai itu) (yang terhad kepada dokumen-dokumen yang berhubungan dengan—
(ganti rugi khas yang dituntut)
(kecederaan perindustrian, hilang upaya perindustrian atau hak-hak faedah sakit plaintiff)
(tempoh dari.....hingga.....)
(isu-isu yang dibangkitkan dalam perenggan pernyataan tuntutan dan perenggan.....pembelaan)
(isu-isu mengenai.....)).
13. Defendan dalam masa.....hari menyampaikan kepada plaintiff suatu senarai dokumen (dan memfailkan suatu affidavit bagi menentusahkan senarai itu) yang terhad kepada dokumen-dokumen yang berhubungan dengan—
(tempoh dari.....hingga.....)
(isu-isu yang dibangkitkan dalam perenggan pernyataan tuntutan dan perengganpembelaan)
(isu-isu mengenai.....)).
14. Hendaklah diadakan pemeriksaan dokumen-dokumen dalam masahari selepas penyampaian senarai-senarai itu (pemfailan affidavit-afidavit itu).
15. Plaintiff mendapat kebenaran untuk menyampaikan kepada defendan interogatori-interogatori yang ditunjukkan dalam dokumen yang disampaikan bersama-sama ini, dan bahawa defendan menjawab interogatori-interogatori itu dengan membuat affidavit dalam masa..... hari.
16. Defendan mendapat kebenaran untuk menyampaikan kepada plaintiff interogatori-interogatori yang ditunjukkan dalam dokumen yang disampaikan bersama-sama dengan notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini, dan bahawa defendan menjawab interogatori-interogatori itu dengan membuat affidavit dalam masa.....hari.
17. Plaintiff (atau defendan) (menggantikan dan memelihara sementara menunggu perbicaraan tindakan itu) (setelah memberihari notis membenarkan pemeriksaan akan) (hal perkara tindakan itu, kepada defendan (atau plaintiff) dan kepada penasihat-penasihat undang-undangnya (dan pakar-pakarnya)).
18. Pernyataan-pernyataan dalam..... diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan itu tanpa memanggil pembuat pernyataan-pernyataan itu sebagai saksi (dan, jika sesalinan dokumen yang diperakui oleh..... sebagai suatu salinan benar adalah dikemukakan, tanpa mengemukakan dokumen asal).
19. Suatu affidavit oleh.....(dalam bentuk draf affidavit (yang disampaikan bersama-sama ini) (dengan notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini)) (untuk disampaikan dalam masa.....hari) diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan itu.

20. Keterangan mengenai fakta(-fakta) yang berikut, iaitu.....diterima dalam perbicaraan melalui pernyataan atas sumpah akan maklumat dan kepercayaan (dengan mengemukakan dokumen-dokumen atau catatan-catatan yang berikut dalam buku-buku atau salinan dokumen-dokumen atau catatan-catatan dalam buku, iaitu,.....).
21. Hendaklah direkodkan bahawa pihak-pihak ((plaintif) (defendan) enggan untuk) mengakui bagi maksud-maksud tindakan ini bahawa.....(kebenaran pernyataan-pernyataan dalam dokumen yang disampaikan (bersama-sama ini) (dengan notis defendan di bawah Notis untuk Arahan ini.)).
22. Keterangan utama bagi semua saksi hendaklah dihadkan kepada satu pernyataan saksi untuk setiap saksi untuk ditukarkan dalam masa....bulan dan bantahan kepada kandungan pernyataan hendaklah diambil dalam masa satu bulan selepas pertukaran pernyataan saksi.
23. Keterangan utama atau isi dalamnya bagi semua saksi pakar hendaklah dalam bentuk suatu pernyataan saksi dan hendaklah ditukarkan/didedahkan dalam masa.....bulan.
24. seorang saksi bagi pihak plaintif (atau defendan) bolehlah, selepashari notis, diperiksa di hadapan (atau seorang pemeriksa khas yang akan dipersetujui oleh pihak-pihak atau dilantik oleh Mahkamah) dan bahawa saksi tersebut tidak perlu hadir di perbicaraan itu.
25. Hendaklah diadakan suatu perbincangan antara pakar-pakar tidak lewat dari..... hari sebelum pertukaran pernyataan-pernyataan saksi bagi maksud menghendaki pakar-pakar untuk mengenalpasti isu-isu dalam prosiding dan di mana mungkin mencapai persetujuan atas suatu isu, dan isu-isu yang akan dibincangkan oleh pakar-pakar hendaklah dihadkan kepada yang berikut:
26. Dalam masahari perbincangan, saksi-saksi pakar hendaklah menyediakan dan memberikan kepada pihak-pihak suatu pernyataan bertulis bersama menunjukkan isu-isu yang dipersetujui, isu-isu di mana mereka tidak persetujui dan satu rumusan sebab-sebab tidak setuju.
27. Bahawa (nama) daripada (organisasi) dilantik sebagai pengapit(-pengapit) dalam tindakan ini.
28. Suatu pelan *locus in quo* selain daripada pelan lakar boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraan itu.
29. Fotograf-fotograf dan pelan *locus in quo* hendaklah dipersetujui, jika mungkin.
30. Dengan persetujuan, (hak untuk merayu dikecualikan) (apa-apa rayuan dihadkan kepada Mahkamah Rayuan) (apa-apa rayuan dihadkan kepada soal undang-undang sahaja).
31. Perbicaraan. (Anggaran lamanya dan bilangan) Untuk ditetapkan dalam masa..... hari (dan untuk dibicarakan selepas sahaja tindakan dalam Saman No. ..tahun 20....).
- *32. Saksi-saksi yang Plaintif bercadang untuk panggil jika perlu hendaklah dihadkan kepada yang berikut:
Saksi-saksi fakta:
Saksi-saksi pakar:
- *33. Saksi-saksi yang Defendan bercadang untuk panggil jika perlu hendaklah dihadkan kepada yang berikut:

Saksi-saksi fakta:

Saksi-saksi pakar:

34. Kos bagi permohonan ini hendaklah menjadi kos dalam kausa itu.

Bertarikh pada.....haribulan20.... .

Catatan No.....20.....

Kerani.

(Meterai)

.....
Pendaftar.

Kepadadan kepada peguam-peguamnya.

Notis ini diambil oleh.....beralamat di, peguam-peguam bagi

**Nota:* Semua saksi mestilah dinamakan di sini atau dalam perintah mahkamah yang akan diambil atas Notis untuk Arahan ini dan saksi-saksi yang tidak dinamakan hendaklah tidak dibenarkan untuk memberi keterangan di perbicaraan tanpa kebenaran mahkamah.

No. 61

PERAKUAN PEGAWAI SELEPAS PERBICARAAN (A. 35, k. 7)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya memperakui bahawa tindakan ini telah didengar di hadapan Yang Arif Tuan Hakim pada haribulan, 20..... (dan pada haribulan, 20.....) dan mengambil masa Mahkamah seperti yang berikut:

Pada haribulan, 20....., dari..... hingga

Jumlah masa yang diambil ialah jam minit.

Hakim mengarahkan bahawa (nyatakan dengan tepatnya syarat-syarat penghakiman atau perintah atau arahan-arahan yang diberikan).

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Kerani Mahkamah

No. 62

SENARAI EKSHIBIT (A. 35, k. 8)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Didengarkan pada haribulan, 20....., di hadapan Yang Arif, Tuan Hakim

Bilangan Ekshibit	Perihal Ekshibit	Pihak yang mengemukakan Ekshibit	Saksi yang membuktikan Ekshibit	Catatan

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Kerani Mahkamah

No. 62A

NOTIS JANJI TEMU PENTAKSIRAN GANTI RUGI (A. 37, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa anda adalah perlu hadir di hadapan Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar bagi Mahkamah di pada haribulan, 20..... pada pukul pagi/petang untuk pendengaran taksiran ganti rugi.

Bertarikh haribulan 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Kepada plaintif atau defendan

No. 63

SEPINA UNTUK MEMBERI KETERANGAN (A. 38, k. 14)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

YANG ARIF TUAN HAKIM HAKIM BESAR, ATAS NAMA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kepada

Kami perintahkan kamu supaya hadir di hadapan di pada hari pada
haribulan, 20....., pada pukul pagi/petang dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamat
prosiding di atas, untuk memberi keterangan bagi pihak dalam prosiding tersebut.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Catatan No..... 20.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 64

SEPINA UNTUK MENGEMUKAKAN DOKUMEN (A. 38, k. 14)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

(Seperti dalam Borang 63) Kami perintahkan kamu supaya hadir sama ada sendiri atau melalui ejen di pada hari pada haribulan, 20..... pada pukul pagi/petang dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamatnya prosiding di atas untuk mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

bagi pihak dalam prosiding tersebut

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Catatan No tahun 20.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 65

SEPINA UNTUK MEMBERI KETERANGAN DAN MENGEMUKAKAN DOKUMEN (A 38, k. 14)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

(Seperti dalam Borang 63) Kami perintahkan kamu supaya hadir di pada hari pada haribulan, 20..... pada pukul pagi/petang dan begitulah dari sehari ke sehari sehinggalah tamatnya prosiding di atas untuk memberi keterangan dan mengemukakan dokumen-dokumen yang berikut:

bagi pihak dalam prosiding tersebut

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Catatan No tahun 20.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 66

PRAECIPE UNTUK SEPINA (A. 38, k. 14)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Meterai sepina, bagi pihak ditujukan kepada yang boleh dikembalikan pada haribulan, 20.....

Nama saksi dengan penuh

Alamat atau tempat perniagaannya

Pekerjaannya

Jika dokumen atau buku adalah dikehendaki dikemukakan nyatakan di sini dokumen dan buku itu. Jika saksi tidak dikehendaki memberi keterangan tetapi hanya dikehendaki mengemukakan dokumen sahaja, nyatakan

Bertarikh pada haribulan tahun 20.....

.....
Peguam bagi

No. 67

AFIDAVIT MINTA PERINTAH UNTUK PENGEMUKAAN ORANG DALAM PENJARA (A. 38, k. 21)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Sayaberalamat disesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan:

1. Bahawa tindakan di atas ditetapkan untuk pendengaran pada hari pada haribulan, 20..... dan bahawa sekarang ini seorang banduan yang ditahan di penjara, akan menjadi saksi penting kepada saya di pendengaran itu (atau adalah satu pihak dalam tindakan itu).
2. Bahawa saya dinasihatkan dan sesungguhnya mempercayai bahawa saya tidak dapat meneruskan dengan selamat pendengaran tindakan ini tanpa keteranganyang terebut (atau keterangan saya).
3. Saya dengan ini memohon suatu perintah di bawah seksyen 30 Akta Penjara 1995 bahawa yang tersebut boleh dibawa ke hadapan Mahkamah.
4. Saya dengan ini mengakujaji akan membayar kos membawa yang tersebut dalam jagaan selamat pergi balik Mahkamah dari penjara dan kos saraan bagi dirinya dan pegawai-pegawai yang menjaganya semasa menghadiri Mahkamah.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 68

PERINTAH UNTUK MENGEMUKAKAN ORANG DALAM PENJARA (A. 38, k. 21)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Kepada Pegawai Penjaga

Kamu adalah dengan ini dikehendaki, setelah kamu tawarkan sejumlah wang yang munasabah, untuk membawa dan saraan pegawai yang berkenaan dan juga yang sekarang ini seorang banduan di semasa pergi ke, berada di dan kembali dari Mahkamah di , membawa yang tersebut pada haribulan 20.... pada pukul pagi/petang untuk memberi testimoni kepada bagi pihak dan selepas yang tersebut telah memberikan testimoninya di hadapan Mahkamah atau Mahkamah itu telah mengetepikan kehadiran seterusnya orang itu, kamu adalah dikehendaki supaya menyebabkan orang itu dibawa dengan selamat dan terjamin balik ke tersebut itu.

Bertarikh pada haribulan, 20

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 69

PERINTAH UNTUK PEMERIKSAAN SEBELUM PERBICARAAN (A. 39, k. 1)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Atas permohonan dan setelah membaca afidavit difailkan pada haribulan , dan setelah mendengar, dan bahawa Mahkamah berhasrat hendak mendapatkan testimoni (nama orang).

Adalah diperintahkan bahawa hendaklah hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar dalam Kamar pada , haribulan, 20 ... pada pukul ... pagi/petang atau pada mana-mana hari dan waktu lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Hakim/Majistret (atau Pendaftar) boleh melantik dan di situ hendaklah kemukakan untuk diperiksa atas sumpah atau ikrar yang menyentuh testimoni yang dikehendaki sedemikian seperti yang disebut terdahulu dan di situ juga hendaklah mengemukakan (perihalkan dokumen, jika ada, yang dikehendaki dikemukakan).

Adalah diperintahkan selanjutnya bahawa Hakim/Majistret (atau Pendaftar) hendaklah menuliskan keterangan saksi tersebut mengikut amalan Mahkamah mengenai pemeriksaan dan pemeriksaan balas saksi-saksi (atau sebagaimana yang diarahkan selainnya) dan hendaklah menyebabkan saksi itu menandatangani deposisinya di hadapannya, di hadapan Hakim/Majistret (atau Pendaftar); dan hendaklah menandatangani deposisi yang diambil menurut perintah ini dan apabila telah selesai sedemikian, hendaklah menghantarkannya kepada Mahkamah.

Bertarikh pada haribulan, 20....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 70

**PERINTAH UNTUK MENGELUARKAN SURAT PERMINTAAN KEPADA PIHAK BERKUASA
KEHAKIMAN DI LUAR BIDANG KUASA (A. 39, k. 2)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan (seperti dalam Borang 69).

Adalah diperintahkan bahawa suatu surat permintaan ada dikeluarkan yang mengarahkan pihak berkuasa kehakiman yang berkenaan memeriksa saksi-saksi yang berikut, iaitu:
..... beralamat di
..... beralamat di

Dan adalah dengan ini diperintahkan bahawa deposisi yang diambil menurutnya itu, apabila diterima hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran Mahkamah di dan bahawa salinan-salinan pejabat deposisi itu boleh dibaca dan diberikan sebagai keterangan dalam perbicaraan tindakan ini, kecuali segala kekecualian yang patut, tanpa apa-apa bukti selanjutnya tentang ketidakhadiran saksi tersebut, maka affidavit peguam pihak itu yang menggunakannya adalah menurut kepercayaannya.

Dan adalah diperintahkan bahawa (perbicaraan tindakan ini ditangguhkan sehingga deposisi tersebut telah difailkan dan bahawa) kos bagi permohonan dan yang bersampingan dengan permohonan minta perintah ini dan surat permintaan dan pemeriksaan tersebut menjadi (kos dalam kausa itu).

Bertarikh pada haribulan 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 71

**PERINTAH UNTUK PELANTIKAN PEMERIKSA UNTUK MENGAMBIL KETERANGAN SAKSI DI LUAR
 BIDANG KUASA (A. 39, k. 2)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan dan setelah membaca afidavit yang difailkan pada
 haribulan, 20..... dan setelah mendengar

Adalah diperintahkan bahawa Konsular Malaysia (atau Britain) atau timbalannya di (atau
 TYT) dilantik sebagai pemeriksa khas bagi maksud menjalankan pemeriksaan,
 pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula secara *viva voce* dengan bersumpah atau berikrar, bagi
 saksi-saksi di pihak di di (nama negara). Pemeriksa
 hendaklah bebas mempelawa kehadiran saksi-saksi dan minta dikemukakan dokumen-dokumen, tetapi
 tidaklah boleh menjalankan apa-apa kuasa wajib. Jika tidak pelaksanaan itu hendaklah diambil mengikut
 prosedur Malaysia. Peguam hendaklah memberi kepada peguam hari notis
 bertulis tentang tarikh mereka bercadang hendak mengeluarkan perintah ini kepada untuk
 pelaksanaan, dan bahawa hari selepas penyampaian notis itu peguam bagi plaintif dan defendan
 masing-masing menukar nama ejen-ejen mereka di yang kepadanya notis yang berhubungan
 dengan pemeriksaan saksi-saksi yang tersebut boleh dihantar. Dan bahawa hari (tidak termasuk hari
 Ahad) sebelum pemeriksaan mana-mana saksi di bawah ini notis mengenai pemeriksaan tersebut
 hendaklah diberikan oleh ejen kepada pihak yang bagi pihaknya saksi itu hendak diperiksa kepada ejen
 pihak yang satu lagi, melainkan jika notis itu tidak dikehendaki. Dan bahawa deposisi itu apabila diambil,
 bersama dengan apa-apa dokumen yang disebut di dalamnya, atau salinan-salinan yang diperakui bagi
 dokumen itu atau bagi cabutan daripadanya dihantar oleh pemeriksa, di bawah meterai, kepada
 Pendaftar Mahkamah (masukkan alamat) pada atau sebelum haribulan yang
 akan datang, atau hari lanjutan atau hari-hari lain sebagaimana yang diperintahkan untuk difailkan di
 Pejabat Pendaftaran. Dan bahawa salah satu pihak adalah bebas untuk membaca dan memberi apa-apa
 deposisi sebagai keterangan dalam perbicaraan tindakan ini, kecuali segala kekecualian yang patut. Dan
 bahawa perbicaraan tindakan ini, ditangguhkan sehingga pemfailan deposisi itu. Dan bahawa kos bagi
 permohonan dan kos yang bersampingan dengan permohonan minta perintah ini dan pemeriksaan itu
 menjadi kos dalam kausa itu.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 72

SURAT PERMINTAAN UNTUK PEMERIKSAAN SAKSI DI LUAR BIDANG KUASA (A. 39, k. 3)

Kepada Pihak Berkuasa Kehakiman yang Kompeten di dalam bagi.....

Bahawasanya suatu tindakan masih belum selesai di Mahkamah Malaya/Sabah & Sarawak di mana ialah plaintif dan ialah defendan dan dalam mana plaintif menuntut

Dan bahawasanya telah dipersembahkan kepada Mahkamah tersebut bahawa adalah perlu bagi maksud-maksud keadilan dan bagi memutuskan perkara-perkara yang dipertikaikan antara pihak-pihak itu yang orang yang berikut patut diperiksa sebagai saksi dengan mengangkat sumpah menyentuhi perkara-perkara itu, iaitu beralamat di, dan beralamat di dan didapati bahawa saksi-saksi itu tinggal di dalam bidang kuasa kamu.

Saya,..... Pendaftar Mahkamah Malaya/Sabah & Sarawak dengan ini meminta bahawa kerana sebab-sebab yang disebutkan di atas dan atas bantuan Mahkamah tersebut kamu akan memanggil saksi-saksi tersebut (dan mana-mana saksi lain sebagai ejen kepada plaintif tersebut dan defendan hendaklah dengan rendah diri meminta kamu secara bertulis supaya disaman sedemikian) untuk hadir pada waktu dan di tempat yang ditetapkan itu di hadapan kamu, atau mana-mana orang lain yang mengikut prosedur kamu adalah untuk menjalankan pemeriksaan terhadap saksi-saksi itu, dan bahawa kamu akan menyebabkan saksi-saksi itu diperiksa secara *viva voce* (atau atas interogatori yang menyertai surat permintaan ini) menyentuh perkara-perkara tersebut yang dipersoalkan di hadapan ejen-ejen plaintif dan defendan atau mana-mana antara mereka yang hadir di pemeriksaan itu setelah diberikan notis yang wajar.

Dan saya selanjutnya meminta kamu membenarkan ejen-ejen kedua-dua plaintif dan defendan atau mana-mana antara mereka yang hadir memeriksa (atas interogatori dan *viva voce* mengenai hal perkaranya atau berbangkit dari jawapan kepadanya) mana-mana saksi yang, selepas diberikan notis bertulis yang sewajarnya, dikemukakan bagi pihak mereka dan pihak yang satu lagi untuk memeriksa balas saksi-saksi tersebut (atas interogatori balas dan *viva voce*) dan pihak yang mengemukakan saksi itu bagi pemeriksaan untuk memeriksa semula mereka itu secara *viva voce*.

Dan saya selanjutnya meminta kamu supaya menyebabkan keterangan saksi-saksi tersebut (atau jawapan saksi-saksi tersebut dan semua soalan *viva voce* tambahan, sama ada semasa pemeriksaan, pemeriksaan balas atau pemeriksaan semula) diubahkan ke dalam bentuk bertulis dan segala buku, surat, kertas dan dokumen yang dikemukakan dalam pemeriksaan itu ditanda untuk pengenalpastian, dan bahawa kamu hendaklah selanjutnya menentusahkan pemeriksaan itu dengan mengecapkan meterai tribunal kamu atau dengan apa-apa cara lain yang selaras dengan prosedur kamu dan mengembalikannya bersama dengan (interogatori dan interogatori balas dan) suatu catatan mengenai bayaran dan perbelanjaan yang kena dibayar berkenaan dengan pelaksanaan permintaan ini melalui Konsul Malaysia (atau Britain) yang daripadanya ia telah diterima (atau Menteri Luar Negeri) untuk dihantarkan kepada Mahkamah Malaya/Sabah & Sarawak di

Dan saya selanjutnya meminta bahawa kamu akan menyebabkan saya, atau ejen pihak-pihak itu jika dilantik, untuk diberitahu tentang tarikh dan tempat di mana pemeriksaan itu hendak dijalankan.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 73

AKUJANJI PEGUAM TENTANG PERBELANJAAN (A. 39, k. 3)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya (Kami) dengan ini mengakujaji untuk bertanggungjawab atas segala perbelanjaan yang dilakukan oleh Menteri Luar Negeri berkenaan dengan surat permintaan yang dikeluarkan dalam ini pada, dan setelah menerima pemberitahuan sewajarnya tentang amaun perbelanjaan itu mengakujaji membayarnya sebagaimana yang diarahkan oleh Pendafar Mahkamah, di

Yang berikut ini telah dilantik sebagai ejen bagi pihak-pihak itu berkaitan dengan pelaksanaan surat permintaan di atas.

Ejen Plaintif:

.....
bagi

Ejen Defendan:

.....
bagi

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Peguam bagi

No. 74

BORANG JURAT (A. 41, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

(a) Berkenaan dengan affidavit oleh seorang deponen bernama Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada.....haribulan20.....,di.....(Melalui terjemahan oleh).

Di hadapan saya

.....
Pesuruhjaya Sumpah

b) Berkenaan dengan affidavit oleh dua orang deponen atau lebih Diangkat sumpah (atau diikrarkan) oleh deponen dan (atau oleh kedua-duanya (atau kesemuanya) deponen yang dinamakan di atas) pada haribulan, 20..... di (Melalui terjemahan oleh).

Di hadapan saya

.....
Pesuruhjaya Sumpah

(c) Berkenaan dengan affidavit oleh orang yang buta huruf atau buta mata bernama Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada haribulan, 20....., di

Saya, setelah dengan sebenarnya, dengan nyatanya dan dengan dapat didengar membaca isi kandungan affidavit di atas (tambah jika ekshibit adalah dinyatakan dalam affidavit dan “jelaskan jenis dan kesan ekshibit yang disebut di dalam affidavit”) kepada deponen tersebut yang nampaknya cukup faham dengannya dan yang membubuhkan tandanya kepada affidavit itu di hadapan saya (Melalui terjemahan oleh).

Di hadapan saya

.....
Pesuruhjaya Sumpah

(d) Berkenaan dengan affidavit oleh seseorang yang tidak memahami Bahasa Inggeris. Diangkat sumpah (atau diikrarkan) pada haribulan, 20..... di melalui terjemahan oleh (jika jurubahasa bukannya seorang Jurubahasa Mahkamah tambah yang berikut:

"..... yang tersebut setelah mula-mula sekali bersumpah bahawa dia telah dengan sebenarnya, dengan nyatanya dan dengan dapat didengar menterjemahkan isi kandungan afidavitnya kepada deponen dan bahawa dia akan sebenarnya dan jujurnya menterjemahkan sumpah (atau ikrar) yang sedang hendak dikendalikan ke atas dirinya yang tersebut itu”).

Di hadapan saya

.....
Pesuruhjaya Sumpah

No. 75

PENGHAKIMAN (A. 42, k. 5)*(Tajuk seperti dalam tindakan)**(a) Penghakiman ingkar dalam tindakan untuk tuntutan jumlah tertentu (A. 13, k. 1; A. 19, k. 2; A. 42, k. 5)*

Tiada kehadiran telah dimasukkan (atau tiada pembelaan telah disampaikan) oleh defendan dalam tindakan ini. Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan RM..... kos (atau kos yang akan ditetapkan). (Kos di atas telah ditetapkan dan dibenarkan sebanyak RM..... sebagaimana terzahir melalui perakuan Pendaftar bertarikh haribulan 20.....)

Betarikh pada haribulan , 20....

(Meterai)

.....
Pendaftar

(b) Penghakiman ingkar dalam tindakan untuk ganti rugi jumlah tak tentu (A. 13, k. 2; A. 19, k. 3; A. 42, k. 5)

Tiada kehadiran telah dimasukkan (atau tiada pembelaan telah disampaikan) oleh defendan dalam tindakan ini. Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif ganti rugi yang akan ditaksirkan.

Amaun yang didapati kena dibayar kepada plaintif di bawah penghakiman ini telah diperakukan sebanyak RM..... sebagaimana terzahir melalui perakuan Pendaftar yang difailkan pada haribulan , 20.....

Adalah dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos yang akan ditetapkan.

Kos dsb., (seperti dalam *(a)* di atas).

(Nota-Borang ini adalah borang yang disatukan dari penghakiman interlokutori dan penghakiman muktamad. Plaintif boleh menurut pilihannya memasukkan penghakiman interlokutori dengan meninggalkan perkataan-perkataan yang bergaris dalam borang itu dan memasukkan penghakiman muktamad yang berasingan dalam *(f)* di bawah ini).

(c) Penghakiman ingkar dalam tindakan yang berhubungan dengan tahanan harta alih (A. 13, k. 3; A. 19, k. 4; A. 42, k. 5)

Tiada kehadiran telah dimasukkan (atau tiada pembelaan telah disampaikan) oleh defendan dalam tindakan ini.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah menyerahkan kepada plaintif harta alih diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) sebagai (perihalkan harta alih itu) atau membayar kepada plaintif nilai harta tersebut yang akan ditaksirkan (dan juga ganti rugi untuk penahanannya yang akan ditaksirkan).

atau

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif nilai harta alih tersebut yang diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) yang akan ditaksirkan (dan juga ganti rugi untuk penahanannya yang akan ditaksirkan).

Nilai harta alih tersebut yang telah ditaksirkan ialah sebanyak RM..... (dan ganti rugi sebanyak RM.....) sebagaimana terzhahir melalui perakuan Pendaftar yang difailkan pada haribulan, 20.....

Adalah dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos yang akan ditetapkan.

Kos yang di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(Nota-Lihat nota kepada (b) di atas).

(d) Penghakiman ingkar dalam tindakan kerana pemilikan harta tak alih (A. 13, k. 4; A. 19, k. 5; A. 42, k. 5)

Tiada kehadiran telah dimasukkan (atau tiada pembelaan telah disampaikan) oleh defendan dalam ini. Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah memberikan kepada plaintif pemilikan harta tak alih yang diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) sebagai dan membayar kepada plaintif RM kos (atau kos yang akan ditetapkan).

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(e) Penghakiman ingkar dalam tindakan kerana pemilikan harta tak alih, ganti rugi dan kos (A. 13, k. 4)

Tiada kehadiran telah dimasukkan (atau tiada pembelaan telah disampaikan) oleh defendan dalam ini. Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah memberikan kepada plaintif pemilikan harta tak alih yang diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) sebagai

Dan adalah selanjutnya dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif (hasil perantaraan) (ganti rugi) yang akan ditaksirkan.

Amaun yang didapati kena dibayar kepada plaintif di bawah penghakiman ini setelah diperakui sejumlah RM..... sebagaimana terzhahir melalui keputusan Pendaftar yang difailkan pada haribulan, 20.....

Adalah dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(Nota-Lihat nota untuk (b) di atas).

(f) Penghakiman muktamad selepas taksiran ganti rugi, dsb. (A. 42 k. 5)

..... haribulan, 20.....

Plaintif setelah mendapatkan pada haribulan, 20..... penghakiman interlokutori dalam ini terhadap defendan untuk ganti rugi (atau sebagaimana yang berkenaan) yang akan ditaksirkan, dan amaun yang didapati kena dibayar kepada plaintif setelah diperakui sebanyak RM..... sebagaimana terzhahir melalui perakuan Pendaftar yang difailkan pada haribulan, 20.....

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos, yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(g) Penghakiman di bawah Aturan 14 (A. 14, k. 3 ; A. 42, k. 5)

..... haribulan, 20.....

Defendan setelah memasukkan kehadiran dalam tindakan ini dan Mahkamah setelah memerintahkan di bawah Aturan 14, kaedah 3, bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dicatatkan menyebelahi plaintif terhadap defendan.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan RM..... kos (atau kos yang akan ditetapkan).

atau

membayar kepada plaintif ganti rugi yang akan ditaksirkan dan kos yang akan ditetapkan.

atau

menyerahkan kepada plaintif harta alih yang diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) sebagai (atau membayar kepada plaintif nilai harta alih tersebut yang akan ditaksirkan) (dan juga ganti rugi untuk penahanannya yang akan ditaksirkan) dan kos yang akan ditetapkan.

atau

memberi kepada plaintif milikan harta tak alih yang diperihalkan dalam writ (atau pernyataan tuntutan) sebagai dan kos yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(h) Penghakiman untuk Defendan di bawah Aturan 14 (A. 14, k. 5 ; A. 42, k. 5)

..... haribulan, 20.....

Mahkamah telah di bawah Aturan 14 kaedah 5 memerintahkan bahawa penghakiman dimasukkan untuk defendan terhadap plaintif mengenai tuntutan balas untuk RM..... dan kos tuntutan balas itu.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa plaintif hendaklah membayar kepada defendan RM..... dan kos tuntutan balas yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(i) Penghakiman selepas perbicaraan di hadapan Hakim (A. 42, k. 5)

..... haribulan, 20.....

Tindakan ini telah dibicarakan di hadapan Yang Arif Tuan Hakim pada haribulan, 20.....

Adalah dengan ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos tindakannya yang akan ditetapkan (atau bahawa tindakan ini ditolak dan bahawa plaintif hendaklah

membayar kepada defendan kosnya yang akan ditetapkan) (atau sebagaimana yang berkenaan mengikut perintah Hakim).

(Adalah selanjutnya dihakimkan bahawa pelaksanaan ditangguhkan selamahari) (dan jika dalam masa tersebut memberi notis rayuan, pelaksanaan boleh ditangguhkan lagi sehingga pemutusan rayuan itu atau sebagaimana yang berkenaan mengikut perintah Hakim).

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(j) Penghakiman atas Usul untuk Penghakiman (A. 42, k. 5)

..... haribulan, 20..... (tarikh Perintah Mahkamah).

Tindakan ini yang telah dibawa ke hadapan Mahkamah pada haribulan , 20..... atas usul untuk penghakiman bagi pihak (pihak yang mengusulkan kepada Mahkamah) dan Mahkamah setelah mendengar peguam bagi pihak (plaintif dan defendan, atau sebagaimana yang berkenaan) setelah memerintahkan bahawa (sebutkan arahan untuk penghakiman).

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa hendaklah membayar RM..... dan kos yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(k) Penghakiman Menolak Tindakan (A. 13, k. 1(1); A. 42, k. 5)

Bertarikh dan dicatatkan pada haribulan , 20.....

Tindakan ini yang telah dipanggil untuk didengar pada haribulan , 20.... di hadapan Yang Arif Hakim dan plaintif yang telah gagal untuk hadir, dan defendan yang telah dengan itu berhak di bawah Aturan 35, kaedah 1 (2), mendapat penghakiman menolak tindakan itu dan yang tersebut setelah penghakiman dicatatkan dengan sewajarnya.

Oleh yang demikian, adalah dihakimkan bahawa tindakan ini hendaklah ditolak di luar Mahkamah ini dengan kos.

Dan adalah selanjutnya dihakimkan bahawa plaintif hendaklah membayar kepada defendan kosnya yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(l) Penghakiman menurut Perintah (A. 42, k. 5)

Menurut Perintah bertarikh pada, 20..... di mana adalah diperintahkan dan keingkaran telah dibuat.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos, yang akan ditetapkan.

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(m) Penghakiman selepas perbicaraan di hadapan Pendaftar (A. 42, k. 5)

Bertarikh dan dicatatkan pada haribulan , 20.....

Tindakan ini melalui suatu perintah bertarikh haribulan , 20..... setelah diperintahkan supaya dibicarakan di hadapan, Pendaftar Mahkamah dan Pendaftar tersebut setelah membicarakan tindakan tersebut dan setelah melalui perakuannya bertarikh haribulan20.... mengarahkan

bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dicatatkan menyebelahi plaintif (atau defendan).

Adalah dihakimkan bahawa seperti dalam (i) di atas mengikut perakuan Pendaftar.

(n) *Penghakiman selepas keputusan isu permulaan* (A. 33, k. 5; A. 42, k. 5)

Bertarikh dan dicatatkan pada haribulan ,20..... Isu (atau persoalan) yang berbangkit dalam kausa ini (atau perkara) oleh perintah bertarikh haribulan , 20..... yang diperintah supaya dibicarakan di hadapan Yang Arif Tuan Hakim telah pada haribulan , 20..... dibicarakan di hadapan yang tersebut dan yang tersebut telah didapati dan telah diperintahkan bahawa penghakiman sebagaimana yang diperuntukkan kemudian daripada ini dicatatkan menyebelahi (atau telah menolak kausa atau perkara itu). Adalah dihakimkan bahawa (defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos tindakannya yang akan ditetapkan) (plaintif hendaklah membayar kepada defendan kos pembelaannya yang akan ditetapkan) (atau sebagaimana yang berkenaan mengikut perintah yang dibuat).

Bertarikh pada haribulan , 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

(o) *Penghakiman untuk jumlah wang jumlah tertentu terhadap wakil diri* (A. 42, k. 5)

Bertarikh dan dicatatkan pada haribulan , 20.....

(Sebutan permulaan seperti dalam (a) atau (f) hingga (n) mengikut hal keadaan dalam mana penghakiman telah diperolehi).

Adalah dihakimkan bahawa defendan sebagai wasi (atau pentadbir) si mati yang dinamakan di atas hendaklah membayar kepada plaintif RM..... dan kos, yang akan ditetapkan, jumlah dan kos tersebut yang akan dilevikan daripada harta tanah dan harta diri mengikut pengertian Akta Probet dan Pentadbiran 1959 kepunyaan si mati pada masa kematiannya sampai ke tangan defendan sebagai wasi (atau pentadbir) yang sedemikian yang akan ditadbirkan, jika dia ada atau selepas ini mempunyai sekian banyak daripadanya dalam tangannya yang hendak ditadbirkan, dan jika dia tidak mempunyai sekian banyak daripadanya, dalam tangannya yang hendak ditadbirkan, maka, mengenai kos yang disebut terdahulu, yang akan dilevikan daripada harta alih kepunyaan defendan yang dibenarkan oleh undang-undang yang akan disita sebagai pelaksanaan (atau sebagaimana yang berkenaan mengikut perintah yang dibuat itu).

Kos di atas dsb., (seperti dalam (a) di atas).

(p) *Penghakiman untuk kos defendan apabila diberhentikan* (A. 59, k. 10(i))

..... haribulan , 20.....

Plaintif telah melalui suatu notis bertulis bertarikh haribulan , 20..... , memberhentikan tindakan ini (atau menarik balik tuntutannya dalam tindakan ini untuk) dan kos defendan bagi tindakan itu (atau tuntutan yang ditarik balik) setelah ditetapkan dan dibenarkan sebanyak RM..... sebagaimana yang terzhahir melalui perakuan Pendaftar bertarikh haribulan , 20..... , dan plaintif telah tidak membayarkan jumlah wang itu dalam masa 4 hari selepas penetapan itu.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa plaintif hendaklah membayar kepada defendan RM.....
..... kos yang ditetapkan tersebut.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

(q) Penghakiman untuk kos selepas penerimaan wang yang dibayar kepada Mahkamah (A. 59, k. 10 (2)(3))

..... haribulan, 20.....

Defendan telah membayar kepada Mahkamah dalam tindakan ini jumlah sebanyak RM..... sebagai menjelaskan kausa(-kausa) tindakan plaintif (atau sebagai menjelaskan kausa tindakan plaintif untuk), dan plaintif telah melalui notis ini bertarikh haribulan 20....., menerima jumlah wang tersebut sebagai penjelasan kausa(-kausa) tindakan plaintif atau sebagai penjelasan kausa tindakannya untuk dan meninggalkan kausa(-kausa) tindakannya yang lain), dan kos plaintif dalam tindakan ini telah ditetapkan dan dibenarkan sebanyak RM..... sebagaimana yang terzahir melalui perakuan Pendaftar bertarikh haribulan, 20..... dan defendan telah tidak membayar jumlah wang tersebut dalam tempoh 48 jam selepas penetapan itu.

Adalah pada hari ini dihakimkan bahawa defendan hendaklah membayar kepada plaintif RM..... kos yang ditetapkan tersebut itu.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 76

PERINTAH BAGI AKAUN DAN SIASATAN (A. 43, k. 2)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Atas permohonan plaintif (atau defendan) dalam tindakan ini dan selepas membaca affidavit yang difailkan pada haribulan , 20..... dan setelah mendengar

Adalah diperintahkan bahawa akaun dan siasatan yang berikut dibuat dan dijalankan; iaitu,

1. Suatu akaun tentang harta alih yang tidak diwarisi dengan khususnya kepunyaan , si mati, pewasiat dalam pliding yang dinamakan, sampai ke tangan, dll.
2. Suatu akaun tentang hutang pewasiat, (atau jika si mati mati lebih daripada enam tahun sebelum penghakiman, (suatu siasatan menentukan sama ada ada apa-apa hutang si mati yang masih ada dan belum dibayar)).
3. Suatu akaun tentang perbelanjaan pengurusan mayat pewasiat.
4. Suatu akaun tentang legasi dan anuiti (jika ada), yang diberikan menurut wasiat pewasiat.
5. Suatu siasatan tentang apakah bahagian (jika ada) daripada harta alih pewasiat tersebut yang masih belum dijelaskan atau dilupuskan.

Dan adalah diperintahkan bahawa harta pusaka diri yang tidak diwasiatkan dengan khususnya digunakan untuk membayar hutang-hutangnya dan perbelanjaan pengurusan mayatnya dalam masa pentadbiran yang wajar, dan kemudiannya untuk membayar legasi dan anuiti (jika ada) yang diberikan menurut wasiatnya.

(jika diperintahkan)

Dan adalah diperintahkan bahawa siasatan dan akaun lanjutan berikut dibuat dan dijalankan; iaitu,

6. Suatu siasatan tentang apakah harta tak alih pewasiat yang disita atau berhak dapat pada masa kematiannya.
7. Suatu akaun tentang sewa dan keuntungan harta tak alih pewasiat yang diterima oleh, dll.
8. Suatu siasatan tentang apakah bebanan (jika ada) yang menyentuh harta tak alih pewasiat, atau mana-mana atau apakah bahagiannya.

(Jika jualan diperintahkan)

9. Suatu akaun tentang apakah yang kena dibayar kepada mana-mana daripada bebanan itu yang mempersetujui tentang penjualan yang diarahkan kemudian daripada ini berkenaan dengan bebanan mereka itu.

10. Suatu siasatan, tentang apakah keutamaan bagi bebanan yang disebutkan akhir sekali.

Dan adalah diperintahkan bahawa harta tak alih pewasiat dijualkan dengan keizinan Hakim, dsb., dsb.

Dan adalah diperintahkan bahawa pertimbangan seterusnya tentang kausa ini ditangguhkan, dan mana-mana daripada pihak-pihak itu bebas memohon sebagaimana mereka dinasihatkan.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 76A

NOTIS JANJI TEMU BAGI PENGAMBILAN AKAUN (A. 43, k. 3)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa anda adalah perlu hadir di hadapan Timbalan Pendaftar/Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah di pada hari pada haribulan, 20..... pukul pagi/petang untuk pengambilan akaun.

Bertarikh pada haribulan 2012

(Meterai)

.....
Pendaftar

Kepada Plaintiff dan Defendan

No. 77

NOTIS PENGHAKIMAN ATAU PERINTAH (A. 44, k. 3)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa suatu penghakiman (atau perintah) Mahkamah ini telah diberi (atau dibuat) pada haribulan, 20 yang menurutnya telah (nyatakan isi penghakiman atau perintah).

Dan juga ambil perhatian bahawa dari masa penyampaian notis ini kamu (atau budak atau pesakit mengikut mana yang berkenaan) akan terikat dengan penghakiman (atau perintah) tersebut kepada takat yang sama seperti kamu (atau dia) telah pada mula-mulanya dijadikan satu pihak.

Dan juga ambil perhatian bahawa tanpa memasukkan kehadiran kamu (atau budak atau pesakit tersebut) boleh dalam masa satu bulan selepas penyampaian notis ini memohon kepada Mahkamah untuk melepaskan, mengubah atau menambah kepada penghakiman (atau perintah) tersebut dan bahawa selepas memasukkan kehadiran di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di, kamu (atau budak atau pesakit tersebut) boleh menghadiri prosiding di bawah penghakiman (atau perintah) tersebut.

Bertarikh pada haribulan, 20

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 78

BENTUK IKLAN UNTUK PEMIUTANG (A. 44, k. 10)

AB SI MATI, Dengan penghakiman (atau perintah) Mahkamah Tinggi bertarikh pada haribulan, 20....., dan dibuat dalam suatu tindakan dalam perkara harta pusaka AB si mati, S menentang P..... 20...., B....., pemiutang AB mendiang, beralamat di, yang mati pada haribulan, 20..... adalah dikehendaki menghantar melalui pos berbayar dahulu kepada, supaya sampai di alamat itu pada atau sebelum, 20..... nama penuh, alamat dan perihalan mereka, butir-butir penuh mengenai tuntutan mereka, penyata akaun mereka dan jenis sekuriti (jika ada) yang dipegang oleh mereka, atau jika mengingkarinya ia tidak dimasukkan dalam faedah penghakiman (atau perintah) tersebut melainkan jika atas permohonan diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Betarikh pada haribulan, 20....

(Tandatangan dan alamat peguam bagi pihak yang mendakwa mengenai penghakiman atau perintah dengan menyatakan bagi pihak siapakah dia bertindak).

No. 79

BENTUK IKLAN UNTUK PIHAK MENUNTUT SELAIN PEMIUTANG (A. 44, k. 10)

AB SI MATI, Dengan penghakiman (atau perintah) Mahkamah Tinggi bertarikh pada haribulan, 20, dan dibuat dalam suatu tindakan dalam perkara harta pusaka AB si mati (mending beralamat di yang mati pada haribulan, 20.....).

S menentang U....., 20...., B siasatan (atau siasatan-siasatan) yang berikut telah diarahkan, iaitu:

(Nyatakan siasatan atau siasatan-siasatan)

Notis adalah dengan ini diberi bahawa semua orang yang menuntut sebagai berhak di bawah siasatan (atau siasatan-siasatan) tersebut adalah dikehendaki menghantar melalui pos berbayar dahulu kepada beralamat di supaya sampai di alamat itu pada atau sebelum, 20....., nama penuh, alamat dan perihalan mereka, dan butir-butir penuh mengenai tuntutan mereka atau jika mengingkarinya ia tidak dimasukkan dalam faedah penghakiman (atau perintah) tersebut melainkan jika atas permohonan diperintahkan selainnya oleh Mahkamah.

Betarikh pada haribulan, 20.....

(Tambahkan nama dan alamat peguam pihak yang mendakwa penghakiman atau perintah itu dan nyatakan bagi pihak siapakah dia bertindak).

No. 80

AFIDAVIT MENENTUSAHKAN SENARAI TUNTUTAN PEMIUTANG (A. 44, k. 12)*(Tajuk seperti dalam tindakan)*

Kami, CD beralamat di dan EF beralamat di Plaintiff (atau defendan sebagaimana yang berkenaan) yang dinamakan di atas pewasi (atau pentadbir) bagi AB, si mati yang dinamakan di atas, dan GH beralamat di(orang yang kepadanya tuntutan dikehendaki oleh iklan supaya dihantarkan), masing-masing sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti berikut:

Saya, GH yang tersebut bagi pihak saya menyatakan seperti yang berikut:

1. Saya ada dalam tulisan kertas yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya bertanda A yang membentangkan suatu senarai mengandungi segala tuntutan dan butir-butirnya telah dihantar kepada saya oleh orang yang menuntut sebagai pemiutang kepada AB tersebut, si mati, menurut iklan yang dikeluarkan bagi maksud itu, bertarikh pada haribulan , 20.....

Dan kami, CD dan EF yang tersebut itu bagi pihak diri kami sendiri menyatakan seperti yang berikut:

2. Kami telah dalam tulisan kertas yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada kami bertanda B yang membentangkan suatu senarai mengandungi segala tuntutan oleh orang yang menuntut sebagai pemiutang bagi AB, si mati, yang tersebut, yang telah diterima oleh kami atau sama ada antara kami selain daripada tuntutan yang terkandung dalam kertas tulisan tersebut bertanda A.

3. Kami telah dalam tulisan kertas yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada kami bertanda C yang membentangkan suatu senarai mengandungi segala jumlah wang yang kena dibayar dan terhutang atau mungkin kena dibayar dan terhutang oleh AB tersebut, pada masa kematiannya, dan masih lagi atau mungkin masih lagi kena dibayar dan terhutang, dan yang telah sampai kepada pengetahuan kami atau kepada pengetahuan salah seorang antara kami tetapi yang berkenaan dengannya tiada tuntutan telah diterima oleh kami atau salah seorang antara kami telah dihantar menurut iklan bagi maksud itu.

Dan kami, CD, EF dan GH yang tersebut itu bagi pihak diri kami sendiri menyatakan seperti berikut:

4. Kami telah meneliti butir-butir beberapa tuntutan dan jumlah wang yang terkandung dalam tulisan kertas tersebut bertanda A, B dan C dan kami telah membandinginya dengan buku, akaun dan dokumen kepunyaan AB tersebut (atau sebagaimana yang berkenaan dan nyatakan apa-apa siasatan atau penyiasatan lain yang dijalankan) untuk menentukan, setakat mana yang dapat kami lakukan, manakah daripada tuntutan dan jumlah wang itu yang estet AB yang tersebut adalah bertanggung dengan seadilnya.

5. Dari penelitian itu (dan nyatakan apa-apa jua sebab lain) kami berpendapat dan sesungguhnya mempercayai bahawa estet AB tersebut adalah bertanggung seadilnya setakat amaun yang dibentangkan, dalam ruang keenam dalam bahagian pertama masing-masing dalam tulisan kertas tersebut bertanda A dan B, dan dalam ruang kelima dalam bahagian pertama dalam tulisan kertas tersebut bertanda C, dan sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami beberapa amaun itu adalah kena dibayar dengan seadilnya dari harta pusaka AB tersebut dan patutlah dibenarkan bagi orang yang dinamakan masing-masing dalam tulisan kertas tersebut.

6. Kami berpendapat bahawa harta pusaka AB tersebut tidaklah bertanggung seadilnya sebanyak amaun yang dibentangkan dalam bahagian kedua masing-masing dalam tulisan kertas tersebut A, B dan C, dan bahawa ianya tidaklah patut dibenarkan tanpa bukti oleh pihak yang menuntut masing-masing

(atau kami tidak dapat menyatakan sama ada harta pusaka AB tersebut adalah bertanggung seadilnya sebanyak amaun yang dibentangkan dalam bahagian kedua masing-masing bertanda A, B dan C, atau sama ada amaun atau mana-mana bahagiannya masing-masing adalah patut dibenarkan tanpa bukti selanjutnya).

7. Kecuali sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, sepanjang pengetahuan makluman dan kepercayaan kami, apa-apa tuntutan daripada pemiutang terhadap harta pusaka AB tersebut, atau apa-apa jumlah wang yang kena dibayar dan terhutang oleh AB tersebut pada masa kematiannya dan masih lagi kena dibayar dan terhutang.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

A

Senarai tuntutan yang butir-butirnya telah dihantar kepada GH oleh orang yang mendakwa menjadi pemiutang bagi AB, si mati, menurut iklan yang dikeluarkan bagi maksud itu, bertarikh pada haribulan, 20.....

Kertas tulisan ini bertanda A telah dikemukakan dan ditunjukkan, dsb.

BAHAGIAN I

TUNTUTAN TULEN YANG DIBENARKAN TANPA BUKTI/KETERANGAN SELANJUTNYA

Nombor Siri	Nama Pihak Menuntut mengikut susunan abjad	Alamat dan perihalan	Butir-butir tuntutan	Amaun dituntut	Amaun betul yang dituntut
				RM	RM

BAHAGIAN II

TUNTUTAN YANG PATUT DIBUKTIKAN OLEH PIHAK MENUNTUT

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam bahagian pertama)	Nama Pihak Menuntut (mengikut susunan abjad)	Alamat dan perihal	Butir-butir tuntutan	Amaun dituntut
				RM

B

Senarai tuntutan oleh orang yang mendakwa menjadi pemiutang bagi AB si mati selain daripada tuntutan yang dihantar menurut iklan bertarikh pada haribulan, 20.....

Tulisan kertas ini bertanda B telah dikemukakan dan ditunjukkan, dsb.

BAHAGIAN I**TUNTUTAN TULEN YANG AKAN DIBENARKAN TANPA BUKTI SELANJUTNYA**

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam Senarai A)	Nama Pihak Menuntut (mengikut susunan abjad)	Alamat dan perihal	Butir-butir tuntutan	Amaun dituntut	Amaun betul yang dituntut
					RM

BAHAGIAN II**TUNTUTAN YANG PATUT DIBUKTIKAN**

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam bahagian pertama)	Nama Pihak Menuntut (mengikut susunan abjad)	Alamat dan perihal	Butir-butir tuntutan	Amaun dituntut
				RM

C

Senarai jumlah wang yang kena dibayar tetapi tuntutan yang berkenaan dengannya tiada diterima.

Tulisan kertas ini bertanda C telah dikemukakan dan ditunjukkan, dsb.

BAHAGIAN I**JUMLAH WANG YANG DIAKUI SEBAGAI KENA DIBAYAR**

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam Senarai B)	Nama Pemiutang (mengikut susunan abjad)	Alamat dan perihal	Butir-butir hutang	Amaun hutang
				RM

BAHAGIAN II**JUMLAH WANG YANG MUNGKIN KENA DIBAYAR TETAPI JUMLAH WANG YANG TANGGUNGANNYA
PATUT DIBUKTIKAN**

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam bahagian pertama)	Nama orang yang kepadanya jumlah wang yang kena dibayar (mengikut susunan abjad)	Alamat dan perihal	Butir-butir jumlah wang yang mungkin kena dibayar	Amaun yang berkenaan dengannya bukti dikehendaki

No. 81**AFIDAVIT MENENTUSAHKAN SENARAI TUNTUTAN SELAIN TUNTUTAN PEMIUTANG (A. 44 k. 12)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Kami, CD beralamat di dan EF beralamat di Plaintiff (atau Defendan, atau sebagaimana yang berkenaan) yang dinamakan di atas, pewasi (atau pentadbir) bagi AB si mati yang dinamakan di atas, (atau pemegang amanah bagi Penyelesaian, dsb.), dan GH beralamat di (orang yang kepadanya tuntutan adalah dikehendaki oleh iklan itu supaya dihantarkan), masing-masing sesungguhnya mengangkat sumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti berikut:

Saya, GH yang tersebut bagi pihak diri saya menyatakan seperti berikut:

1. Saya telah dalam tulisan kertas yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan bertanda D yang membentangkan suatu senarai mengandungi segala tuntutan yang butir-butirnya telah dihantar kepada saya oleh orang yang mendakwa di bawah siasatan (atau siasatan-siasatan, bernombor dan) yang diarahkan mengikut penghakiman (atau perintah) dalam tindakan ini, bertarikh pada haribulan 20....., menurut iklan yang dikeluarkan bagi maksud itu, bertarikh pada haribulan 20..... Dan kami, CD dan EF yang tersebut bagi pihak diri kami menyatakan seperti berikut:

2. Kami telah dalam tulisan kertas yang kini dikemukakan dan ditunjukkan kepada kami dan bertanda E yang membentangkan suatu senarai mengandungi semua tuntutan oleh orang yang mendakwa sebagai berkepentingan dalam hal perkara siasatan (atau siasatan-siasatan) tersebut yang telah sampai kepada pengetahuan kami atau pengetahuan salah seorang antara kami selain daripada tuntutan yang tekandung dalam tulisan kertas tersebut bertanda D. Dan kami, CD, EF, dan GH tersebut, bagi pihak diri kami menyatakan seperti yang berikut:

3. Kecuali sebagaimana yang disebutkan sebelum ini, tidak ada, sepanjang pada pengetahuan, makluman dan kepercayaan kami, apa-apa tuntutan di bawah siasatan (atau siasatan-siasatan) tersebut.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

D

Senarai tuntutan yang butir-butirnya telah dihantar kepada GH oleh orang yang menuntut di bawah siasatan (atau siasatan-siasatan dan) dan yang diarahkan oleh penghakiman (atau perintah) dalam tindakan ini, bertarikh, dsb., menurut iklan yang dikeluarkan bagi maksud itu, bertarikh pada haribulan 20.....

TULISAN KERTAS INI BERTANDA D TELAH DIKEMUKAKAN DAN DITUNJUKKAN, DSB.

Nombor Siri	Nama Pihak-pihak Menuntut (mengikut susunan abjad)	Alamat-alamat dan perihalan	Butir-butir tuntutan

E

Senarai tuntutan oleh orang yang menuntut sebagai berkepentingan dalam perkara bagi siasatan (atau siasatan-siasatan dan) yang diarahkan oleh penghakiman (atau perintah) dalam tindakan ini, bertarikh, dsb., selain daripada tuntutan yang dihantar menurut iklan itu, bertarikh pada haribulan, 20

TULISAN KERTAS INI BERTANDA E TELAH DIKEMUKAKAN DAN DITUNJUKKAN, DSB.

Nombor Siri (sebagai sambungan kepada nombor dalam Senarai D)	Nama Pihak Menuntut (mengikut susunan abjad)	Alamat-alamat dan perihalan	Butir-butir tuntutan

No. 82

PERAKUAN PENDAFTAR (A. 44, k. 21)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya dengan ini memperakui bahawa keputusan akaun dan siasatan yang telah dijalankan dan dibuat menurut penghakiman (atau perintah) dalam tindakan ini bertarikh haribulan 20..... ialah seperti yang berikut:

1. Defendan-defendan wasi-wasi bagi pewasiat, telah menerima harta alih berjumlah RM dan mereka telah membayar, atau adalah berhak mendapatnya yang dibenarkan atas akaunnya, sejumlah RM , dengan meninggalkan baki yang kena dibayar oleh (atau, kepada) mereka sebanyak RM..... atas akaun itu.

Butir-butir mengenai terimaan dan pembayaran di atas terzhahir dalam akaun bertanda yang ditentukan oleh affidavit yang difailkan pada haribulan , dan yang akaunnya hendak difailkan bersama perakuan ini, kecuali bahawa selain daripada jumlah wang yang terzhahir pada akaun itu telah diterima, defendan-defendan tersebut dicajkan dengan jumlah-jumlah wang yang berikut (nyatakan jumlah-jumlah wang itu di sini atau dalam suatu jadual), dan kecuali bahawa saya telah tidak membenarkan butiran-butiran pembelanjaan dalam akaun tersebut bernombor , dan

2. Hutang-hutang pewasiat yang telah dibenarkan, adalah dibentangkan dalam Jadual bersama ini, dan dengan bunga atasnya serta kos yang disebutkan dalam Jadual itu adalah dibayar kepada orang yang dinamakan dalam Jadual tersebut, dan amaun kesemuanya berjumlah sebanyak RM.....

3. Perbelanjaan pengurusan mayat pewasiat berjumlah sebanyak RM..... , yang saya telah benarkan kepada wasi-wasi tersebut dalam akaun harta alih tersebut.

4. Legasi yang diberikan oleh pewasiat ada dibentangkan dalam Jadual bersama ini, dan dengan bunga yang disebutkan dalamnya yang masih kena dibayar kepada orang yang dinamakan dalamnya itu, dan amaun berjumlah kesemuanya sebanyak RM.....

5. Harta alih belum selesai kepunyaan pewasiat mengandungi butir-butir yang dibentangkan dalam Jadual bersama ini.

6. Harta tak alih yang pewasiat adalah berhak mendapatnya mengandungi butir-butir yang dibentangkan dalam Jadual bersama ini.

7. Defendan-defendan telah menerima sewa dan keuntungan dari harta tak alih dll. pewasiat (dalam suatu borang yang serupa dengan borang yang disediakan berkenaan dengan harta alih itu).

8. Bebanan yang menyentuh harta tak alih pewasiat tersebut ada dinyatakan dalam Jadual bersama ini.

9. Harta tak alih kepunyaan pewasiat yang diarahkan supaya dijual, telah dijual dan wang belian berjumlah kesemuanya sebanyak RM..... telah dibayar ke dalam mahkamah.

Betarikh pada haribulan , 20

(Meterai)

.....
Pendaftar

Ambil ingatan-Nombor-nombor di atas hendaklah bersamaan dengan nombor-nombor di dalam perintah selepas setiap pernyataan; keterangan yang dikemukakan hendaklah dinyatakan seperti berikut:

Keterangan yang dikemukakan pada akaun ini (atau siasatan) mengandungi probet wasiat pewasiat, afidavit AB yang difailkan pada, dan perenggan bernombor dalam afidavit CD, yang difailkan.

No. 83

NOTIS MENGENAI PENGHAKIMAN TERTENTU (A. 45, k. 7)

Pengendorsan hendaklah dalam perkataan-perkataan yang berikut atau perkataan-perkataan yang bermaksud seperti berikut:

(a) Dalam hal penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang atau pertubuhan perbadanan melakukan suatu perbuatan dalam masa yang tertentu –

"Jika kamu, yang dinamakan dalam ini, abai mematuhi penghakiman (atau perintah) ini mengikut masa yang dihadkan dalamnya itu, kamu boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi maksud memaksa kamu mematuhinya."

(b) Dalam hal penghakiman atau perintah yang menghendaki seseorang menahan diri daripada melakukan sesuatu perbuatan –

"Jika kamu, (atau) yang dinamakan dalam ini, tidak mematuhi penghakiman (atau perintah) ini mengikut masa yang dihadkan dalamnya itu, kamu boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi maksud memaksa kamu mematuhinya."

(c) Dalam hal suatu penghakiman atau perintah yang menghendaki suatu pertubuhan perbadanan supaya melakukan atau menahan diri dari melakukan perbuatan itu, tetapi dikehendaki supaya diambil prosiding pelaksanaan terhadap seseorang pengarah atau lain-lain pegawai mengikut susunan itu.

"Jika abai mematuhi penghakiman (atau perintah) ini mengikut masa yang dihadkan dalamnya itu, (atau dalam hal suatu perintah supaya menahan diri daripada melakukan suatu perbuatan, mengingkari penghakiman ini (atau perintah), kamu (seorang pengarah atau pegawai yang tersebut) boleh dikenakan proses pelaksanaan bagi maksud memaksa yang tersebut itu supaya mematuhinya."

No. 84

WRIT PENYITAAN DAN PENJUALAN (HARTA ALIH)(A. 45, k. 12)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

YANG ARIF TUAN HAKIM HAKIM MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA YANG
DI-PERTUAN AGONG

Kepada Syerif,

Kami memerintahkan kamu supaya kamu menyebabkan dilevikan dan dibuat daripada harta yang kena disita di bawah suatu writ penyitaan dan penjualan yang hendaklah dikenalpastikan oleh atau bagi pihak (nama pemiutang pelaksanaan) sebagai kepunyaan (nama penghutang pelaksanaan) yang kini atau dahulunya (alamat penghutang pelaksanaan) dengan cara penyitaan dan jika perlu dengan cara jualannya RM..... yang (nama pemiutang pelaksanaan) tersebut baru-baru ini di Mahkamah Kami mendapatkannya daripada (nama penghutang pelaksanaan) tersebut melalui suatu penghakiman (atau perintah atau sebagaimana yang berkenaan) bertarikh haribulan, 20 Dan dengan cara apakah kamu melaksanakan writ Kami ini kenalah beritahu kami dalam Mahkamah ini dengan segera selepas pelaksanaannya. Dan pada masa itu bawa bersama writ ini.

Bertarikh pada haribulan, 20

Catatan No tahun 20.....

Kerani.

(Meterai)

.....
Pendaftar

Memorandum yang hendak diturunkan pada Writ

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada dua belas bulan selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui dengan perintah Mahkamah.

Pengendorsan yang hendak dibuat pada Writ sebelum pengeluaran

WRIT INI dikeluarkan oleh beralamat di Peguam bagi pemiutang pelaksanaan
..... yang tinggal di
Penghutang pelaksanaan tinggal di

RM

Sen

Amaun penghakiman dan kos

Kos kemudiannya (jika ada)
Dibayar kepada akaun penghakiman
Masih terhutang
Kos writ ini
Bunga atas RM..... pada
kadar % setahun dari
..... hingga

Harta disita pada.....

Amaun dilevi berbayar pada

Harta dijual pada ... oleh sebanyak
.....

Perbelanjaan Pelaksanaan

Penglotan dan pengiklanan
Komisen pelelong
Komisen Mahkamah
Lain-lain fi Mahkamah
Upah jaga

Lain-lain perbelanjaan undang-
undang (nyatakannya)
Dibayar ke dalam Mahkamah
Dibayar kepada kredit tuan tanah di
bawah
Dibayar kepada kredit Writ Distress
Dibayar kepada pemiutang
pelaksanaan
Dibayar kepada penghutang
pelaksanaan

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Syerif

No. 85

WRIT PENYITAAAN DAN PENJUALAN (HARTA TAK ALIH)
(A. 45, k. 12)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan dan selepas membaca affidavit yang difailkan pada
20....., dan selepas mendengar

Adalah diperintahkan bahawa bunga sebanyak dalam harta tak alih yang dinyatakan dalam
Jadual bersama ini dilampirkan dan diambil dalam pelaksanaan untuk menjelaskan penghakiman
..... yang dinamakan di atas bertarikh..... .

Bertarikh pada haribulan 20

(Meterai)

.....
Pendaftar

Nota: Perintah ini hendaklah, melainkan jika didaftarkan di bawah apa-apa undang-undang lain yang
berhubungan dengan harta tak alih tersebut, kekal berkuat kuasa selama 6 bulan dari tarikh ini.

No. 86

WRIT HANTAR SERAH (A. 45, k. 12)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

YANG ARIF TUAN HAKIM
HAKIM BESAR MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA
YANG DI-PERTUAN AGONG

Kepada Syerif,

Kami perintahkan kamu supaya, tanpa lengah-lengah, kamu menyita dan menghantarserahkan kepada (nama pemiutang pelaksanaan) yang dinamakan di atas harta alih yang berikut, iaitu (perihalkan harta penyerahannya yang telah dihakimkan atau diperintahkan) (dan ganti rugi RM dan kos RM) yang (namakan pemiutang pelaksanaan) tersebut yang baru-baru ini di Mahkamah kami didapatkannya daripada (namakan penghutang pelaksanaan) tersebut melalui suatu penghakiman (atau perintah sebagaimana yang berkenaan) bertarikh haribulan, 20.....

(Dan kami selanjutnya memerintahkan kamu bahawa jika harta alih tersebut tidak dapat dijumpai dalam Malaya/Sabah & Sarawak kamu menyebabkan dilevikan dan dibuat bayaran terhadap harta yang kena disita di bawah writ penyitaan dan penjualan kepunyaan (namakan penghutang pelaksanaan) tersebut dan jika perlu melalui penjualannya sebanyak RM..... yang merupakan nilai yang ditaksirkan bagi harta tersebut).

Dan dengan apa cara sekalipun kamu telah laksanakan writ kami ini kamu hendaklah hadir di Mahkamah kami selepas sahaja pelaksanaannya. Dan bawa bersama writ ini.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

Catatan No tahun 20.....

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

Memorandum pada Writ (seperti dalam Borang 85).

Pengendorsan pada Writ (seperti dalam Borang 85 atau sebagaimana yang dikehendaki).

No. 87

WRIT MILIKAN (A. 45, k. 12)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

YANG ARIF TUAN HAKIM HAKIM BESAR MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA
YANG DI-PERTUAN
AGONG

Kepada Syerif,

Bahawasanya baharu-baharu ini, mengikut penghakiman Mahkamah kami tersebut bertarikh
haribulan , 20 , telah dihakimkan (atau diperintahkan) bahawa defendan (nama
defendan) hendaklah memberi plaintif (nama plaintif) pemilikan (perihalkan harta tak alih yang
penyerahannya telah dihakimkan atau diperintahkan) dan hendaklah membayar kepadanya RM
..... dan kos RM.....).

Kami perintahkan bahawa kamu memasuki harta tak alih tersebut dan menyebabkan (nama plaintif)
mendapat pemilikan ke atasnya.

Dan kami selanjutnya memerintahkan kamu sebab diletakkan dan dibuat bayaran daripada harta yang
kena disita di bawah writ penyitaan dan penjualan kepunyaan (nama defendan) tersebut dan jika perlu
melalui penjualannya RM..... Dan dengan cara apakah kamu telah laksanakan writ kami ini
membuat kehadiran kepada kami di Mahkamah kami ini tersebut selepas sahaja pelaksanaannya. Dan
pada masa itu bawa bersama writ ini.

Betarikh pada haribulan , 20

Catatan No..... tahun 20.....

Kerani.

(Meterai)

.....
Pendaftar

Memorandum pada Writ (seperti dalam Borang 85).

Pengendorsan pada Writ (seperti dalam Borang 85 atau sebagaimana dikehendaki).

No. 88

NOTIS MINTA KEBENARAN UNTUK MENGELUARKAN PELAKSANAAN (A. 46, k. 3)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Benarkan semua pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar) dalam Kamar pada hari pada haribulan 20..... , pada pukul pagi/petang untuk pendengaran permohonan di pihak bahawa mungkin bebas mengeluarkan pelaksanaan..... (atau writ penyitaan dan penjualan, atau sebagaimana yang berkenaan) terhadap defendan (atau sebagaimana yang berkenaan) atas penghakiman bertarikh pada haribulan 20..... (walaupun 6 tahun telah luput sejak penghakiman itu, atau sebagaimana yang berkenaan) dan bahawa defendan (atau sebagaimana yang berkenaan)) hendaklah membayar kos bagi permohonan ini dan disebabkan oleh permohonan ini.

Bertarikh pada haribulan , 20

Catatan No tahun 20

Kerani.

(Meterai)

.....
Pendaftar

Notis ini diambil oleh plaintif (atau sebagaimana yang berkenaan) beralamat di (nyatakan alamat) kepada defendan (atau sebagaimana yang berkenaan).

No. 89

PRAECIPE UNTUK WRIT PELAKSANAAN (A. 46, k. 4)*(Tajuk seperti dalam tindakan)**(a) Praecipe untuk writ penyitaan dan penjualan*

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan writ penyitaan dan penjualan terhadap (nama penghutang pelaksanaan) beralamat di (alamat penghutang pelaksanaan) untuk melewikan jumlah RM..... (dan RM untuk bunga atasnya pada kadar sebanyak 8 peratus setahun dari haribulan, 20 hingga haribulan , 20) yang kena dibayar di bawah penghakiman (atau perintah) dalam ini bertarikh haribulan, 20 yang masih belum dijelaskan setakat sebanyak RM

RM**Sen**

Amaun dihakimkan

Kos

Bunga seperti hitungan terlampir

Kos kemudiannya

Dibayar ke dalam akaun

Baki yang masih kena dibayar

Salinan penghakiman yang bermeterai adalah dilampirkan.

Tarikh perintah memberikan kebenaran untuk melaksanakan

Nama dan alamat pemiutang pelaksanaan

Peguamnya

Alamat untuk penyampaian

Bertarikh pada haribulan, 20

.....
Pemiutang Pelaksanaan (atau oleh atau)
bagi pihak peguam kepada

(b) Praecipe untuk writ penghantarserahan

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan writ penghantarserahan terhadap (nama penghutang pelaksanaan) beralamat di (alamat penghutang pelaksanaan) untuk menghantarserahkan (perihalkan harta alih) di bawah penghakiman bertarikh haribulan, 20 yang belum dihantarserahkan kepada saya oleh penghutang pelaksanaan mengikut penghakiman tersebut.

(Dan jika harta alih tersebut tidak dapat dijumpai, untuk melevikan RM..... nilainya sebagaimana ditaksirkan oleh Mahkamah dalam penghakiman tersebut (atau dalam suatu perintah bertarikh haribulan 20.....)).

(Dan selanjutnya "untuk melevikan....." (seperti dalam (a) di atas)).

(c) Praecipe untuk writ pemilikan

Kepada Pendaftar,

Sila keluarkan writ pemilikan terhadap (nama defendan) beralamat di (alamat defendan) untuk menyerahkan pemilikan (perihalkan harta) di bawah penghakiman dalam ini bertarikh haribulan, 20

(Dan selanjutnya "untuk melevikan" (seperti dalam (a) di atas)).

No. 90

PERSETUJUAN UNTUK MENCATATKAN PENUNAIAN (A. 46, k. 9)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya,..... beralamat di sebagai plaintif (atau sebagaimana yang berkenaan) yang dinamakan dan orang tunggal berhak mendapat faedah penghakiman di dalam ini, dengan ini bersetuju dengan memorandum penjelasan bagi penghakiman tersebut dicatatkan ke dalam Buku Kausa.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Plaintif (atau sebagaimana yang berkenaan)

.....
Peguam bela dan Peguam cara atau Pesuruhjaya Sumpah

No. 91

NOTIS PENYITAAN DAN INVENTORI (A. 46, k. 16) (A. 75, k. 4)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Ambil perhatian bahawa saya telah pada hari ini menyita harta tak alih yang dijumpai di, atau di atas premis No menurut Writ Penyitaan dan Penjualan/Writ Distres No tahun 20 untuk jumlah RM dan bahawa saya nilaikan harta yang disita itu lebih kurang sebanyak RM

Melainkan jika kamu membayar amaun yang tersebut di atas bersama dengan kos bagi pelaksanaan ini dalam tempoh 7 hari dari tarikh notis ini atau mendapatkan suatu perintah Mahkamah yang sebaliknya maka harta itu akan dijual dengan cara lelongan awam pada haribulan , 20.....

Amaun yang kena dibayar di bawah writ	RM.....
(Sewa kena dibayar selama bulan dari haribulan , 20..... hingga haribulan , 20..... sebanyak RM..... sebulan)	RM.....
Kos writ	RM.....
Komisen Mahkamah	RM.....
Penglotan dan pengiklanan	RM.....
Komisen pelelong	RM.....
Lain-lain fee Mahkamah	RM.....
Upah jaga sebanyak RM..... sehari	RM.....
Lain-lain perbelanjaan di sisi undang-undang	RM.....

Bertarikh pada haribulan , 20.....

.....
Syerif

(Inventorinya lihat di sebelah)

Kepada
dan semua mereka yang lain yang berkenaan.

No. 92

NOTIS JUALAN (A. 46, k. 23)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Notis adalah dengan ini diberi bahawa harta yang disita di pada haribulan, 20.... , di bawah writ Distres/Penyitaan dan Penjualan No, tahun 20..., akan dijual dengan cara lelongan awam pada haribulan, 20....., pada pukul pagi/petang melainkan jika amaun yang dilevikan itu dan fi serta perbelanjaan pelaksanaan dibayar terlebih dahulu.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Syerif

No. 93

**PERINTAH MENGGANTUNG PENGHAKIMAN ATAU PERINTAH BAGI PEMBAYARAN SECARA
ANSURAN, PELAKSANAAN (A. 46, k. 26A)**

(Tajuk Am)

Atas permohonan..... dan setelah membaca afidavit yang difailkan pada
haribulan, 20... dan setelah mendengar

Maka diperintahkan bahawa penghakiman (atau perintah) tersebut hendaklah digantung (atau bahawa
pelaksanaan yang dikeluarkan dalam tindakan ini hendaklah digantung) selama (nyatakan masanya) atas
terma-terma yang berikut (nyatakan terma-terma):

Bertarikh pada haribulan, 20...

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 94

NOTIS SYERIF/BAILIF MENYITA SEKURITI (A. 47, k. 8)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Adalah dengan writ penyitaan dan penjualan bertarikh haribulan 20....., sesalinannya yang, saya telah diarahkan untuk menyebabkan dilevikan dan dibuat daripada harta yang bertanggung untuk disita di bawah writ penyitaan dan penjualan milik. jumlah sebanyak RM.....

Sekarang saya memberi notis kepada kamu bahawa saya dengan ini menyita sekuriti yang dinyatakan dalam Jadual bersama ini di mana penghutang penghakiman adalah berhak secara benefisial untuk menjelaskan penghakimanyang dinamakan di atas bertarikh

Bertarikh pada haribulan 20.....

.....
Syerif/Bailif

JADUAL

No. 95

**AFIDAVIT YANG MENYOKONG PERMOHONAN MINTA PERINTAH BAGI PEMERIKSAAN
PENGHUTANG PENGHAKIMAN (A. 48, k. 1)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya,..... beralamat di sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan seperti berikut:

1. Saya adalah seorang yang bekerja dengan Peguam bagi plaintif dan diberikuasa dengan sepenuhnya untuk membuat afidavit ini bagi pihak
2. Pada haribulan, 20....., penghakiman telah dicatatkan bagi plaintif sebanyak RM..... dan kos RM..... (atau sebagaimana yang berkenaan). Penghakiman tersebut masih belum dijelaskan sepenuhnya (atau tidak dijelaskan berkenaan dengan jumlah wang kesemuanya sebanyak RM....., atau sebagaimana yang berkenaan).
3. Untuk membolehkan plaintif memutuskan cara-cara yang hendak digunakan untuk melaksanakan penghakiman tersebut, adalah dikehendaki untuk memeriksa penghutang (atau, seorang pegawai dalam syarikat penghutang penghakiman) atas soalan sama ada apa-apa dan jika ada apakah hutang yang terhutang kepadanya (atau syarikat penghutang penghakiman) dan atau cara menjelaskan hutang penghakiman.
4. Dalam hal-hal keadaan ini, saya dengan segala hormatnya memohon suatu perintah menyatakan bahawa penghutang penghakiman tersebut (atau) supaya hadir di hadapan Pendaftar untuk diperiksa atas soalan-soalan tersebut, dan supaya mengemukakan selepas pemeriksaan itu segala buku atau dokumen yang ada dalam milikannya yang relevan dengan soalan-soalan tersebut pada masa dan di tempat yang ditetapkan untuk pemeriksaannya

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 96

PERINTAH UNTUK PEMERIKSAAN PENGHUTANG PENGHAKIMAN (A. 48, k. 1)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Atas permohonan dan setelah membaca afidavit yang difailkan pada haribulan 20 dan setelah mendengar.....

Adalah diperintahkan bahawa penghutang penghakiman yang dinamakan di atas hadir dan diperiksa secara lisan untuk menentukan sama ada apa-apa hutang dan apakah hutang yang terhutang kepadanya, dan sama ada penghutang penghakiman tersebut ada apa-apa dan apakah harta lain atau keupayaan untuk menjelaskan penghakiman yang ditandatangani di dalam perintah ini, pada haribulan, 20....., di hadapan Pendaftar, dan bahawa penghutang penghakiman tersebut mengemukakan apa-apa buku atau dokumen yang ada dalam milikan atau kuasanya berhubungan dengannya itu di hadapan Pendaftar pada masa pemeriksaan itu dan bahawa kos permohonan ini dan pemeriksaan di bawahnya itu hendaklah menurut budi bicara Pendaftar yang membuat perintah itu.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Nota-Perintah ini memerlukan penyampaian ke diri, dan salinan yang disampaikan itu mestilah mengandungi sesalinan penetapan tarikh untuk pemeriksaan itu, dan diendorskan sebagaimana yang ditetapkan oleh A. 45, k. 7 (4), apabila ia boleh dilaksanakan melalui pengkomitan.

No. 97

PERINTAH ORANG DIGARNIS UNTUK MENUNJUKKAN SEBAB (A. 49, k. 1)

DALAM MAHKAMAH MALAYA/ SABAH & SARAWAK DI

Guaman No..... tahun 20.....

Antara

.....*Pemiutang Penghakiman,*
 dan
*Penghutang Penghakiman.*
 dan
 *Orang yang digarnis.*

Atas permohonan dan setelah membaca affidavit yang diangkat sumpah (atau dikrarkan) dan difailkan pada haribulan, 20.... dan setelah mendengar

Adalah diperintahkan oleh Hakim (atau Pendaftar) bahawa segala hutang yang kena dibayar atau terakru kena dibayar daripada orang yang digarnis yang disebutkan di atas kepada penghutang penghakiman yang disebutkan di atas (dengan jumlah wang sebanyak RM.....) ditahan sebagai menjawab penghakiman yang didapatkan terhadap penghutang penghakiman tersebut oleh pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas di Mahkamah pada haribulan, 20... untuk jumlah wang (atau untuk menjawab perintah yang dibuat di Mahkamah pada haribulan, 20..... yang memerintahkan pembayaran oleh penghutang penghakiman tersebut kepada pemiutang penghakiman yang dinamakan di atas akan jumlah wang) sebanyak RM (hutang dan kos RM) (berserta dengan kos prosiding orang yang digarnis) yang mengikut penghakiman (atau perintah) itu jumlah sebanyak RM masih lagi terhutang dan belum dibayar.

Diperintahkan bahawa.....yang tersebut berhenti menjadi peguam yang bertindak bagi (nama pihak yang dahulunya diwakili oleh peguam) yang tersebut dalam tindakan (atau perkara) ini,

Bertarikh haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 140

NOTIS PERMOHONAN UNTUK PEGUAM MENARIK DIRI (A. 64, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Benarkan semua pihak-pihak yang berkenaan hadir di hadapan Hakim (atau Pendaftar) dalam Kamar padaharibulan.....20.....pukul.....pagi/petang di pendengaran permohonan di pihak (nama peguam yang menarik diri), peguam bagi (nama pihak yang diwakili oleh peguam) tersebut plaintif (atau defendan) yang dinamakan di atas untuk mendapatkan suatu perintah mengisytiharkan bahawa (nama peguam yang menarik diri) tersebut telah berhenti daripada menjadi peguam yang bertindak bagi pihak plaintif (atau defendan) yang tersebut dalam tindakan (atau perkara) di atas dan bahawa kos bagi permohonan ini hendaklah.....

Bertarikh pada haribulan, 20.....

No tahun 20

Kerani

(Meterai)

.....
Pendaftar

Notis ini diambil oleh beralamat di peguam bagi

Kepada.....

No. 141

PERINTAH PEGUAM MENARIK DIRI (A. 64, k. 5)

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Tuan/Puan.....peguam bagi seorang plaintif (atau defendan) dalam tindakan (atau perkara) ini telah menyampaikan dengan sempurna notis mengenai permohonan itu kepada.....yang tersebut.

Atas permohonan.....dan setelah membaca affidavit.....yang difailkan pada.....haribulan.....20.....dan setelah mendengar.....

Diperintahkan bahawa setelah mematuhi kehendak Aturan 64, kaedah 5(1) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012,yang tersebut telah berhenti menjadi peguamcara yang bertindak bagi.....yang tersebut dalam tindakan (atau perkara ini).

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 142

PERAKUAN PENYAMPAIAN PROSES NEGARA ASING (A. 65, k. 2)

Saya,, Pendaftar Mahkamah Malaya/Sabah & Sarawak dengan ini memperakukan bahawa dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama-sama ini adalah seperti berikut:

- (1) Proses yang diterima dengan Permintaan untuk Penyampaian; dan
- (2) Sesalinan keterangan penyampaian kepada orang yang dinamakan dalam proses itu.

Dan saya memperakukan bahawa penyampaian itu yang dibuktikan sedemikian, dan buktinya adalah sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang dan amalan Mahkamah yang mengawalselia penyampaian proses undang-undang di Malaya/Sabah & Sarawak, dan bukti baginya.

Dan saya memperakukan bahawa kos bagi melaksanakan penyampaian itu, sebagaimana yang diperakui dengan sewajarnya oleh saya, berjumlah sebanyak RM.....

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 143

PERINTAH UNTUK PENDAFTARAN PENGHAKIMAN NEGARA ASING (A. 67, k. 5)

DALAM MAHKAMAH MALAYA/SABAH & SARAWAK DI.....

S.P. No tahun 20.....

Antara

..... *Pemiutang Penghakiman*

dan

..... *Penhutang Penghakiman*

Dalam perkara (nyatakan Akta yang relevan) .

Dan mengenai suatu penghakiman oleh (perihalkan Mahkamah) yang didapati di (perihalkan prosiding) dan bertarikh pada.....haribulan.....

Atas permohonanpemiutang penghakiman dalam tindakan ini dan setelah membaca afidavit.....yang difailkan pada.....haribulan.....20.....(dan setelah pemiutang penghakiman memberi jaminan dengan jumlah wang sebanyak RM.....dengan membayar ke dalam Mahkamah, atau bon hingga memuaskan hati Pendaftar).

Diperintahkan bahawa penghakiman yang bertarikh.....haribulan.....20.....oleh (perihalkan Mahkamah luar negeri) yang menurutnya telah dihakimi bahawa (namakan pemiutang penghakiman) yang dinamakan di atas beralamat di.....boleh mendapatkan kembali daripada (nama penghutang penghakiman) yang dinamakan di atas beralamat di.....(amaun yang kena dibayar di bawah penghakiman itu) yang senilai dalam matawang ringgit RM.....sebagai hutang dan RM.....sebagai kos (atau sebagaimana yang berkenaan) untuk didaftarkan sebagai penghakiman Mahkamah Tinggi menurut Akta itu.

Diperintahkan selanjutnya bahawa (namakan penghutang penghakiman) yang dinamakan di atas adalah bebas memohon untuk mengetepikan pendaftaran tersebut dalam masa.....hari selepas penyampaian kepadanya (dalam bidang kuasa itu)(atau nama negara luar negeri sekiranya hendak disampaikan ke seberang laut) akan notis mengenai pendaftaran itu menurut kaedah 7 Aturan 67 sekiranya dia ada alasan-alasan untuk berbuat sedemikian, dan pelaksanaan bagi penghakiman tersebut tidak akan dikeluarkan sehingga selepas tamat tempoh itu atau apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Mahkamah; atau sekiranya suatu permohonan dibuat untuk mengetepikan pendaftaran itu sehinggalah permohonan itu telah diselesaikan.

Diperintahkan bahawa kos bagi permohonan ini hendaklah

Bertarikh pada haribulan....., 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 144

**PERAKUAN DI BAWAH AKTA PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN BERSALING 1958
(A. 67, k. 13)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya.....,Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah & Sarawak dengan ini memperakukan bahawa penghakiman yang didapati oleh.....plaintif (atau defendan) terhadap.....defendan (atau plaintif) dalam tindakan ini pada.....haribulan.....20.....untuk pembayaran jumlah sebanyak RM.....dan RM.....kos membawa bunga pada kadar sebanyak.....peratus setahun yang dihitung mengikut jumlah RM.....dan RM.....yang tersebut itu dari tarikh penghakiman tersebut hinggalahpembayarandibuat.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 145

**PERAKUAN DI BAWAH AKTA PENGUATKUASAAN PENGHAKIMAN BERSALING 1958
(A. 67, k. 13)**

(Tajuk seperti dalam tindakan)

Saya,....., Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya/Sabah & Sarawak dengan ini memperakukan bahawa writ (atau sebagaimana yang berkenaan), sesalinannya ada dilampirkan bersama-sama ini, telah dikeluarkan dari Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi pada.....haribulan.....20.....olehplaintif yang dinamakan di atas terhadap.....defendan yang dinamakan di atas, bagi pembayaran sejumlah RM.....berkenaan dengan (nyatakan dengan ringkas jenis tuntutan atau alasan tindakan).

Bahawa writ yang tersebut telah disampaikan dengan sewajarnya pada.....haribulan.....20.....kepada defendan yang tersebut (nyatakan cara penyampaian)(bahawa defendan tersebut telah hadir dengan sewajarnya dalam writ yang tersebut pada.....haribulan.....20.....)

Bahawa plaintif yang tersebut mendapatkan penghakiman terhadap defendan yang tersebut bagi pembayaran sejumlah RM berkenaan dengan (nyatakan dengan ringkas jenis tuntutan atau terma penghakiman), bersama dengan sejumlah RM.....sebagai kos, yang mengenainya penghakiman telah didapati (nyatakan alasan-alasan yang kepadanya penghakiman itu diasaskan).

Bahawa (tiada) bantahan telah dibuat kepada bidang kuasa Mahkamah (atas alasan bahawa.....).

Bahawa pliding yang berikutnya dalam tindakan ini terdiri daripada:

Bertarikh padaharibulan....., 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

No. 146

WRIT DALAM TINDAKAN *IN REM* (A. 70, k. 2)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA/SABAH & SARAWAK DI.....

Admiralti *in rem* No tahun 20.....

Tindakan admiralti *in rem* terhadap:

(Kapal..... atau sebagaimana yang berkenaan dengan memperihalkan res)

Antara

(Pemunya kapal..... atau sebagaiman yang berkenaan)

..... *Plaintif*,

dan

(Pemunya kapal.....atau sebagaimana yang berkenaan)

..... *Defendan*

YANG ARIF TUAN HAKIM BESAR MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kepada: (Pemunya dan lain-lain) orang yang berkepentingan dalam kapal di pelabuhan.....(atau kargo, dsb., sebagaimana yang berkenaan).

Kami memerintahkan kamu dalam masa empat belas hari selepas penyampaian writ ini, termasuk hari penyampaian itu, hendaklah menyebabkan suatu kehadiran dimasukkan untuk diri kamu dalam tindakan bagi guaman.....; dan ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar berbuat demikian maka plaintif boleh meneruskan dengannya, dan penghakiman boleh diberikan dalam masa ketiadaan kamu, dan sekiranya res yang diperihalkan dalam writ ini kemudiannya diletakkan di bawah tahanan Mahkamah, maka ia boleh dijualkan melalui perintah Mahkamah itu.

SAKSIPendaftar Mahkamah Tinggi di.....pada.....haribulan....., 20.....

.....
Peguam Plaintif

.....
Pendaftar Mahkamah Tinggi,.....

Memorandum yang hendak diturunkan pada writ

Writ ini tidak boleh disampaikan lebih daripada enam bulan kalendar selepas tarikh di atas melainkan jika diperbaharui melalui perintah Mahkamah.

Defendan-Defendan boleh hadir dalam Mahkamah dengan memasukkan kehadiran-kehadiran sama ada dengan sendiri atau melalui peguam di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi di.....
Defendan-Defendan yang hadir secara sendiri boleh, jika mereka berhasrat, memasukkan kehadiran mereka melalui pos, dan borang-borang yang berkenaan boleh didapati dengan menghantar Wang Kiriman Pos RM.....dengan disertakan sampul surat beralamat sendiri kepada Pendaftar, Mahkamah Tinggi.....

Pengendorsan hendaklah dibuat pada writ sebelum pengeluaran Pengendorsan tuntutan

Tuntutan plaintif ialah untuk

(Jika Plaintif membawa guaman, defendan dibawa guaman ke atasnya, atas kapasiti wakil, ini mestilah dinyatakan dalam pengendorsan tuntutan itu).

Pengendorsan tentang peguam dan alamat

Writ ini dikeluarkan oleh.....beralamat di.....peguam bagi plaintif yang tersebut yang alamatnya ialah di.....(atau jika plaintif membawa guaman secara sendiri). Writ ini telah dikeluarkan oleh plaintif tersebut yang tinggal di.....dan adalah seorang (nyatakan pekerjaan) dan (jika plaintif tidak tinggal dalam bidang kuasa) yang alamatnya untuk penyampaian ialah.....).

Pengendorsan tentang penyampaian

Writ ini telah disampaikan oleh..... (nyatakan cara penyampaian bagaimana penyampaian itu dibuat dalam kapal, kargo atau tambang muatan, mengikut mana-mana yang berkenaan) di.....(tempat) pada.....haribulan.....20.....pukul.....pagi/petang.

Diendorskan pada.....haribulan.....20.....

.....
Penghantar saman

No. 147

WARAN PENAHANAN (A. 70, k. 4)

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

YANG ARIF
HAKIM BESAR MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kepada Syerif,

Kami dengan ini memerintahkan kamu supaya menahan kapal.....di pelabuhan..... atau (kargonya yang kini atau baru-baru ini dimuatkan di dalamnya, berserta dengan tambang muatan yang kena dibayar untuk pengangkutannya) atau (tambang muatan yang kena dibayar untuk pengangkutan kargo yang ada atau baru-baru ini dimuatkan di dalamnya) dan meletakkannya di bawah tahanan selamat sehingga kamu menerima perintah selanjutnya daripada kami.

Bertarikh pada haribulan....., 20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tuntutan plaintif ialah untuk (salinkan pengendorsan daripada writ).

Diambil olehpeguam bagi.....

Pengendorsan Syerif tentang penyampaian.

Notis penahanan oleh Syerif

Kepada: Pemilik, Nahkoda, ejen, pekhidmat, anak kapal dan semua orang yang berkepentingan dalam harta di bawah tahanan:

- (a) Kapal, kargo atau tambang muatan (mana-mana yang berkenaan) yang di atas yang berada dalam jagaan Syerif Mahkamah Tinggi dan semua orang adalah dengan ini diberi amaran untuk tidak cuba mengalihkannya atau menganggunya, tanpa kuasa bertulis Syerif atau penggantinya;
- (b) Jika kamu ingin untuk mendapatkan pelepasan bagi harta daripada penahanan, kamu boleh berbuat demikian dengan memberi sekuriti yang memuaskan untuk amaun yang dituntut itu atau nilai harta yang ditahan, mana-mana yang lebih sedikit. Dalam hal pertikaian mengenai sekuriti, kamu boleh memohon kepada Mahkamah bagi penyelesaian pertikaian itu.

Arahan-arahan standard kepada Syerif

Syerif, dengan kebenaran pihak yang menahan atau peguamnya, boleh pada bila-bila masa:

- (a) mengambil semua langkah yang sesuai untuk memegang milik jagaan dan memelihara kapal, jentera dan peralatan atau hartanya;
- (b) menggerakkan kapal itu dalam jarak sehingga 5 batu nautika dalam had pelabuhan di mana kapal itu di bawah tahanan, sama ada untuk keselamatannya atau untuk mematuhi kehendak Jabatan Marin atau Pihak Berkuasa Pelabuhan;

- (c) membekalkan bekalan makan minum, bahan api domestik dan air bersih yang minimum yang perlu untuk maksimum 5 hari bagi mengelakkan kesukaran serta-merta kepada anak kapal, sementara menanti permohonan kepada Mahkamah untuk arahan.

Pengendorsan Syerif mengenai penyampaian

Pada haribulan 20....., dalam kapal, kargo atau tambang muatan yang dinamakan (mana-mana yang berkenaan), terletak di (tempat) telah ditahan (dengan melekatkan Waran untuk suatu tempoh yang singkat pada tiang kapal atau vesel) (nyatakan pada bahagian luar mana superstruktur kapal itu, mana-mana yang berkenaan) (atau jika kargo itu mendarat atau dipindahkan dengan meletakkan Waran itu dalam masa yang singkat pada kargo itu) dan semasa meninggalkan proses itu, dengan meninggalkan sesalinan tetap pada tempatnya.

Diendors pada haribulan 20.....

.....

Penghantar Saman

No. 148

PRAECIPE UNTUK WARAN PENAHANAN (A. 70, k. 4)

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi plaintif meminta suatu waran untuk menahan (perihal harta dengan memberikan nama, sekiranya kapal).

Bertarikh pada..... haribulan....., 20.....

.....
Pegum bagi plaintif

No. 149

PRAECIPE UNTUK KAVEAT TERHADAP PENAHANAN (A. 70, k. 5)

(Perihal harta dengan memberikan nama, sekiranya kapal)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi.....beralamat di.....meminta suatu kaveat terhadap penahanan (perihal harta dengan memberikan nama, sekiranya kapal) dan dengan ini mengaku janji untuk memasukkan kehadiran dalam mana-mana tindakan yang boleh dimulakan di Mahkamah Tinggi terhadap..... tersebut dan, dalam masa tiga hari selepas menerima notis yang menyatakan bahawa suatu tindakan yang sedemikian telah dimulakan, memberi jaminan dalam tindakan itu sejumlah tidak melebihi RM..... atau membayarkan jumlah wang itu ke Mahkamah. Kami izinkan yang writ itu dan apa-apa dokumen lain dalam tindakan itu bolehlah ditinggalkan untuk kami di

Bertarikh pada haribulan....., 20.....

.....
Peguam bagi.....

No. 150

***PRAECIPE* UNTUK PENYAMPAIAN WRIT *IN REM* OLEH SYERIF (A. 70, k. 7)**

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi plaintif meminta supaya writ yang ditinggalkan di sini disampaikan dengan sewajarnya kepada.....

Bertarikh pada..... haribulan....., 20.....

.....
Peguam bagi plaintiff

No. 151

PELEPASAN (A. 70, k. 12

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

YANG ARIF

HAKIM BESAR MALAYA/SABAH & SARAWAK, ATAS NAMA YANG DI-PERTUAN AGONG

Kepada Syerif,

Bahawasanya dalam tindakan ini kami telah memerintahkan kamu supaya menahan.....dan meletakkan di bawah tahanan selamat sehingga kamu menerima perintah selanjutnya daripada kami. Sekarang kami dengan ini memerintahkan kamu supaya melepaskan.....yang tersebut daripada penahanan yang dilaksanakan menurut kuasa waran kami dalam tindakan ini.

Bertarikh pada haribulan....., 20.....

Diambil oleh peguam bagi.....

Pengendorsan Syerif

Pada hari.....pada.....haribulan.....20.....telah dilepaskan daripada tahanan menurut Surat Cara ini.

.....
Syerif

No. 152

***PRAECIPE* UNTUK MENGELUARKAN PELEPASAN (A. 70, k. 12)**

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi plaintif (atau defendan) dalam tindakan ini terhadap (perihal harta dengan memberikan nama, sekiranya sebuah kapal), yang kini berada di bawah penahanan menurut kuasa suatu waran yang dikeluarkan dari Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, meminta dikeluarkan pelepasan berkenaan dengan.....yang tersebut.

Bertarikh pada haribulan....., 20.....

.....
Peguam bagi.....

No. 153

PRAECIPE UNTUK KAVEAT TERHADAP PELEPASAN DAN PEMBAYARAN (A. 70, k. 13)

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi.....beralamat di.....meminta suatu kaveat terhadap pengeluaran pelepasan berkenaan dengan (perihal harta dengan memberikan nama, jika sebuah kapal) yang kini berada di bawah penahanan dan, sekiranya harta tersebut dijual melalui perintah Mahkamah, suatu kaveat terhadap pembayaran di luar Mahkamah dari hasil jualan itu.

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Pegum bagi.....

No. 154

***PRAECIPE* UNTUK MENARIK BALIK KAVEAT (A. 70, k. 14)**

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi.....beralamat di.....meminta
supaya kaveat (nyatakan jenis kaveat) yang dimasukkan
pada.....haribulan.....20.....bagi pihak.....ditarik balik,

Bertarikh pada.....haribulan....., 20.....

.....
Peguam bagi.....

No. 155

BON JAMINAN (A. 70, k. 15)

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Bahawasanya tindakan Admiralti *in rem* ini terhadap harta yang tersebut di atas masih belum selesai di Mahkamah Tinggi dan pihak-pihak kepada tindakan tersebut adalah plaintif dan defendan yang tersebut di atas:

Maka, oleh yang demikian, kami beralamat di dan dengan ini bersesama dan berasingan menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah tersebut dan bersetuju bahawa jika mereka, defendan yang tersebut di atas, (atau plaintif, dalam hal tuntutan balas) tidak membayar apa yang boleh dihakimi terhadap mereka dalam tindakan ini, bersama kos, atau tidak membayar apa-apa jumlah yang kena dibayar oleh mereka akibat apa-apa pengakuan mengenai liabiliti di dalamnya atau di bawah apa-apa perjanjian yang menurutnya tindakan ini diselesaikan sebelum penghakiman dan yang difailkan dalam Mahkamah tersebut, pelaksanaan boleh dikeluarkan terhadap kami, wasi atau pentadbir kami, harta alih, untuk amaun yang belum dibayar atau sekian amaun ringgit, mengikut mana yang kurang.

.....
Peguam bagi.....

Bon jaminan ini telah ditandatangani oleh.....yang tersebut dan.....penjamin-penjamin, pada.....haribulan....., 20.....

Di hadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

No. 156

PRAECIPE UNTUK TAULIAH BAGI PENTAKSIRAN DAN JUALAN (A. 70, k. 22)

(Tajuk seperti dalam Borang 146)

Kami.....beralamat di.....peguam bagi plaintif (atau defendan) meminta suatu tauliah untuk pentaksiran dan jualan (perihal harta dengan memberikan nama, jika sebuah kapal) yang telah diperintahkan oleh Mahkamah.....pada.....haribulan.....20.....

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
Pegum bagi.....

No. 158

**NOTIS MEMFAILKAN PERMOHONAN UNTUK PROBET ATAU KUASA MENTADBIR
(ATAU KAVEAT), DSB. (A. 71, k. 4); (A 71, k. 37)**

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

Pendaftar,

Pejabat Pendaftaran Utama, Kuala Lumpur/Kuching.

Satu petisyen untuk Probet (atau Surat Kuasa Mentadbir) (atau Kaveat) telah difailkan oleh.....pada.....haribulan.....20.....

Bertarikh pada haribulan, 20.....

.....
*Pendaftar,
Mahkamah Tinggi*

Pendaftar,
Mahkamah Rendah.

Surat Kuasa Mentadbir telah diberikan pada.....haribulan.....20.....

Bertarikh padaharibulan, 20.....

.....
*Pendaftar,
Mahkamah Tinggi*

Pendaftar,
Mahkamah Tinggi.

Dimaklumi.

.....
*Pendaftar,
Mahkamah Rendah*

No. 159

**AFIDAVIT MENURUT AKTA PROBET DAN PENTADBIRAN 1959
(A. 71, k. 5)**

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

(a) Untuk Probet

1. ("si mati tersebut") yang bermastautin di.....mati pada.....haribulan.....20..... di..... mempunyai pada masa kematiannya harta yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah ini. Sesalinan benar Sijil Kematian si mati tersebut adalah dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit "....." dan dilampirkan bersama ini.

2. Keseluruhan harta pusaka dan harta benda si mati boleh alih dan tak boleh alih yang berada dalam bidang kuasa tidak termasuk apa yang si mati memiliki atau berhak mendapat sebagai pemegang amanah bagi mana-mana orang atau orang lain dan tidak secara benefisial, tetapi tanpa menolak apa-apa jua yang disebabkan oleh apa-apa hutang yang kena dibayar atau yang terhutang oleh si mati, melebihi sepuluh ribu ringgit nilainya sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan Pemohon. Sesalinan senarai aset dan liabiliti si mati tersebut dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit "....." dan dilampirkan bersama ini.

3. Pemohon percaya tulisan atas kertas yang bersama ini ada diekshibitkan dan salinan benar yang dilampirkan bersama ini yang bertanda "....." adalah salinan benar dan asal Wasiat (dengan Kodisilnya) bagi.....si mati yang tersebut.

4. Pemohon ialah wasi tunggal (atau salah seorang daripada wasi-wasi) yang dinamakan dalam Wasiat tersebut (.....beralamat di.....wasi yang seorang lagi yang dinamakan dalamnya telah mati pada.....haribulanatau pada hari.....melalui suratcara yang ditandatangani sewajarnya telah menolak probet dan pelaksanaan Wasiat tersebut).

5. Sesalinan senarai Benefisiari yang dinamakan dalam Wasiat tersebut si mati tersebut adalah dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit "....." dan dilampirkan bersama ini.

6. Pemohon memohon bahawa probet bagi Wasiat (dan Kodisil) tersebut boleh diberikan kepadanya (kebenaran yang dirizabkan untuk.....dikehendaki datang dan membuktikannya atau sebagaimana yang berkenaan).

Alamat untuk penyampaian bagi Pemohon ialah.....

Saya,, Pemohon sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan mengatakan bahawa isi kandungan Saman Pemula yang tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dalam semua segi adalah benar.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

(b) Untuk Kuasa Mentadbir

1. yang bermastautin di mati pada haribulan 20..... mempunyai, pada masa kematiannya, harta yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah ini. Sesalinan benar Sijil Kematian si mati tersebut adalah dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit ".....".

2. Keseluruhan harta pusaka dan harta benda si mati, boleh alih dan tak boleh alih, yang berada dalam bidang kuasa tidak termasuk apa yang si mati memiliki atau berhak mendapat sebagai Pemegang Amanah bagi mana-mana orang atau orang lain dan tidak secara benefisial, tetapi tanpa menolak apa-apa jua yang

disebabkan oleh apa-apa hutang yang kena dibayar atau yang terhutang oleh si mati, melebihi sepuluh ribu ringgit nilainya sepanjang pengetahuan, maklumat dan kepercayaan Pemohon. Sesalinan senarai aset dan liabiliti si mati dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan dilampirkan bersama ini.

3.si mati tersebut, yang telah menjadi warganegara (1)dan seorang (2)telah mati tak berwasiat (3) dengan meninggalkan penakat (4) Sesalinan senarai Benefisiari yang dinamakan dalam Wasiat si mati tersebut dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan dilampirkan bersama ini.

4. Pemohon ialah (5)

5.beralamat di.....dan.....beralamat di.....mempunyai hak terdahulu daripada Pemohon sebagai (6)dan.....beralamat di.....mempunyai hak yang sama dengan Saman Pemula selaku (6) tetapi dia pada.....haribulan.....20..... telah secara bertulis ditandatangani oleh menolakkan hak itu.

6.terdapat kepentingan minoriti (atau seumur hidup) dalam harta pusaka (7) tersebut.

7. (Pemohon berhasrat bahawa.....beralamat di (8) dilantik menjadi pentadbir bersama dengannya akan harta pusaka si mati yang tersebut. Persetujuan secara bertulis daripada.....yang tersebut untuk dilantik sedemikian ada dilampirkan bersama ini).

8. Pemohon memohon bahawa Surat Kuasa Mentadbir bagi Harta Pusaka dan Harta Benda kepunyaan boleh diberikan kepadanya sebagai (9).....

Alamat untuk penyampaian bagi Pemohon ialah.....

Saya, , Pemohon sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan mengatakan bahawa isi kandungan Saman Pemula yang tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dalam segala segi benar.

Diangkat sumpah (atau dikrarkan) seperti dalam Borang 74.

(c) Kuasa mentadbir dengan Wasiat

Sebagai ganti perenggan 4 dalam Borang 159(a) teruskan:

Pewasiat tidak ada dalam Wasiatnya yang tersebut menamakan mana-mana wasi (atau...(nama)....) wasi yang dinamakan dalam Wasiat tersebut mati pada.....haribulan.....20.....atau telah menolakkan probet dan pelaksanaannya), dan Pemohon ialah (nyatakan perhubungan jika ada) bagi si mati yang tersebut, dan penerima legasi bakian atau salah seorang daripada penerima legasi bakian yang dinamakan dalam Wasiat tersebut.....atau Pewasiat itu (yang mati sebagai duda atau orang bujang (sekiranya begitu) dan) tidak ada dalam Wasiatnya yang tersebut menamakan mana-mana wasi atau penerima legasi bakian dan Pempetisyen ialah (seperti dalam Aturan 71 kaedah 5(5)).

(d) Untuk Kuasa Mentadbir – De Bonis Non

Seperti dalam (b) di atas masukkan perenggan yang berikut selepas perenggan 3:

Pada.....haribulan.....20....., Surat Kuasa Mentadbir bagi harta pusaka si mati yang tersebut telah diberikan kepada..... sebagai.....yang sah di sisi undang-undang kepada si mati: tetapi dia telah mati pada.....haribulan.....20.....dengan meninggalkan (sebahagian daripada) harta pusaka tak ditadbirkan. (dan dimasukkan “*de bonis non*” selepas “kuasa mentadbir” dalam permohonan).

(e) Kuasa Mentadbir oleh syarikah amanah

Permohonan.....suatu Syarikat Amanah yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 atau Ordinan Syarikat Amanah (Sabah Bab 146), mengikut mana-mana yang berkenaan, dan mempunyai pejabat berdaftar di.....

Teruskan seperti dalam (b) di atas hingga ke perenggan 3 termasuk kedua-duanya; kemudian teruskan:

4. Syarikat yang memohon telah secara bertulis memfailkan bersama di sini setelah dibenarkan oleh.....sebagai (5) untuk memohon Surat Kuasa Mentadbir bagi harta pusaka.....yang tersebut.

5. beralamat dimempunyai hak terdahulu dan (atau).....beralamat di.....mempunyai hak yang sama banyak kepada.....yang tersebut kepada surat kuasa mentadbir selaku (nyatakan perhubungan) tetapi dia pada.....haribulan.....20.....secara bertulis yang ditandatangani olehnya telah menolakan hak itu.

6. Ada (atau tidak) terdapat kepentingan minoriti dan (atau) seumur hidup dalam harta pusaka.....yang tersebut iaitu (nyatakan kepentingan minoriti dan seumur hidup, dengan memberikan nama, umur dan kepentingan setiap orang belum dewasa yang berhak).

7. Syarikat yang memohon melalui suatu ketetapan oleh lembaga pengarah mereka, sesalinannya di bawah Meterai syarikat yang memohon difailkan bersama ini, telah memberi kuasa kepada.....seorang pegawai dalam syarikat yang memohon itu untuk membuat, mengangkat sumpah dan menandatangani saman pemula itu bagi pihak mereka.

8. Syarikat yang memohon supaya Surat Kuasa Mentadbir bagi Harta Pusaka dan Harta Benda kepunyaan.....yang tersebut bolehlah diberikan kepadanya.

Alamat untuk penyampaian syarikat yang mempetisyen ialah

Saya, seorang pegawai dalam syarikat yang memohon yang diberi kuasa dengan sempurnanya oleh syarikat yang memohon bagi maksud ini sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan mengatakan bahawa isi kandungan Saman Pemula yang tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, dalam segala segi benar.

Diangkat sumpah (dan diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

Nota – Dalam suatu Saman Pemula untuk probet di mana terdapat hanya seorang wasi lelaki atau wasi perempuan yang dinamakan dalam wasiat itu, dia hendaklah diperihalkan sebagai wasi lelaki tunggal atau wasi perempuan tunggal dan dalam suatu saman pemula untuk Surat Kuasa Mentadbir semua orang yang berhak ke atas apa-apa bahagian daripada harta pusaka itu patutlah didedahkan.

Di-

(1) Nyatakan negara misalnya Malaysia, Singapura.

(2) Agama misalnya Kristian, Buddha, Hindu, Islam (jika negara Islam, nyatakan Mazhabnya).

(3) Duda, balu, perempuan belum kahwin atau bujang

(4) Seorang saja balunya yang sah di sisi undang-undang atau salah seorang daripada balunya yang sah di sisi undang-undang (atau suaminya yang sah di sisi undang-undang) dan nyatakan waris kadim (dalam hal kanak-kanak nyatakan nama, jantina, dan umur atau tarikh lahir).

(5) Perihal yang hendak digunakan jika orang yang memohon Surat Kuasa Mentadbir ialah:

(a) seorang balu “balu yang sah di sisi undang-undang”, atau sekiranya si mati menganut agama yang membenarkan poligami, sebagai “seorang saja balunya yang sah di sisi undang-undang” atau “salah seorang daripada balunya yang sah di sisi undang-undang”, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(b) seorang suami sebagai “suami yang sah di sisi undang-undang”;

- (c) seorang bapa “bapa yang sah di sisi undang-undang dan waris kadim”;
- (d) seorang ibu “seorang ibu yang sah di sisi undang-undang dan waris kadim” atau “seorang ibu yang sah di sisi undang-undang dan satu-satunya waris kadim”;
- (e) seorang kanak-kanak “anak tunggal yang sah di sisi undang-undang dan waris kadim yang tunggal” atau “salah seorang daripada anak yang sah di sisi undang-undang dan waris kadim”;
- (f) abang atau adik lelaki “abang atau adik lelaki yang sah di sisi undang-undang”;
- (g) kakak “kakak yang sah di sisi undang-undang”; abang atau kakak hendaklah diperjelaskan dengan lebih lanjut sebagai “salah seorang waris kadim” atau “waris kadim yang tunggal”
- (h) anak saudara lelaki “anak saudara lelaki yang sah di sisi undang-undang” dan “salah seorang daripada” atau “waris kadim yang tunggal”
- (i) anak saudara perempuan “anak saudara perempuan yang sah di sisi undang-undang” dan “salah seorang daripada” atau “waris kadim yang tunggal”; sekiranya abang atau adik lelaki atau kakak atau adik perempuan masih hidup dan anak saudara perempuan itu sebagai anak kepada abang atau adik lelaki atau kakak atau adik perempuan bagi si mati tak berwasiat itu mati dan semasa hayatnya memohon untuk mendapatkan kuasa mentadbir maka dia hendaklah diperihalkan sebagai “salah seorang daripada orang yang berhak dalam pengagihan kepada harta pusaka dan harta benda si mati itu”;
- (j) datuk atau nenek, cucu, sepupu, dsb., hendaklah diperihalkan sebagai “sah di sisi undang-undang” dan “salah seorang daripada waris kadim” atau “waris kadim yang tunggal”.
- (6) Nyatakan perhubungan.
- (7) Terangkan kepentingan minoriti atau seumur hidup dengan menyatakan nama, umur dan kepentingan setiap orang belum dewasa yang berhak.
- (8) Nyatakan perhubungan, jika ada, dengan si mati.
- (9) Terangkan kapasiti pemohon mengikut (5) di atas atau sebagaimana yang berkenaan,

(f) *Untuk Pemeteraian Semula*

1. Mendiang.....beralamat di.....si mati yang mati pada.....haribulan.....20.....dan mempunyai pada masa kematiannya sebagai domisilnya yang biasa atau utama di.....(atau tanpa apa-apa domisil yang diketahui atau tanpa apa-apa domisil yang tetap atau sebagaimana yang berkenaan) Sesalinan benar Sijil Kematian si mati dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan dilampirkan bersama ini.

2.si mati yang tersebut telah mati tak berwasiat dan Surat Kuasa Mentadbir harta pusaka dan hartanya yang mana salinan benarnya ada dilampirkan bersama ini telah diberikan dengan sempurnanya kepada Pemohon kamu (atau kepada.....beralamat di.....) oleh (nama Mahkamah).

(Atau 2. Si mati yang tersebut telah menyempurnakan dengan wajarnya Wasiat dan Testamennya yang terakhir bertarikh.....haribulan.....20.....dan Probetnya, yang mana sesalinannya yang benar ada dilampirkan bersama ini, telah diberikan dengan wajar kepada Pemohon kamu sebagai wasinya (atau kepada.....beralamat di.....sebagai wasinya) oleh (nama Mahkamah).

(Atau 2. Si mati yang tersebut telah menyempurnakan dengan wajarnya Wasiat dan Testamennya yang terakhir bertarikh.....haribulan.....20....., dan Surat Kuasa Mentadbir dengan Wasiat dan Testamen berkenaan terlampir kepadanya, yang mana sesalinan yang benar bagi Surat Kuasa Mentadbir dan Wasiat itu ada dilampirkan bersama ini, telah diberikan dengan wajar kepada Pemohon kamu (atau kepada.....beralamat di.....oleh (nama Mahkamah))

3. Si mati itu tinggal atau menjalankan (atau tidak tinggal atau tidak menjalankan) perniagaan di Semenanjung Malaysia/ Sabah & Sarawak pada bila-bila masa dalam masa dua belas bulan sebelum kematiannya.

4. Setakat mana yang Pemohon kamu sedar ada (atau tidak ada) hutang yang kena dibayar daripada harta pusaka si mati itu kepada pemiutang-pemiutang yang tinggal di Semenanjung Malaysia/Sabah & Sarawak.

5. Si mati itu mati dengan memiliki harta tertentu di Semenanjung Malaysia/Sabah & Sarawak iaitu: Sesalinan senarai aset dan liabiliti si mati bersama ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan dilampirkan bersama ini.

6. Pemohon kamu telah diberi kuasa dengan sempurnanya oleh.....yang tersebut menurut surat kuasa wakil bertarikh.....haribulan.....20.....yang telah didepositkan di Mahkamah Tinggi di.....untuk membuat permohonan ini bagi pihaknya. Sesalinan senarai benefisiari yang dinamakan dalam Wasiat si mati itu adalah dengan ini dikemukakan dan ditunjukkan kepada saya dan ditandakan sebagai ekshibit “.....” dan dilampirkan bersama ini.

7. Alamat untuk penyampaian kepada pemohon ialah.....

8. Pemohon kamu memohon supaya Probet (atau Surat Kuasa Mentadbir) bolehlah dimeterai dengan meterai Mahkamah ini.

Saya.....sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan bahawa pernyataan-pernyataan yang terkandung dalam saman pemula yang tersebut di atas adalah sepanjang pengetahuan, makluman dan kepercayaan saya dalam segala segi benar.

Diangkat sumpah (atau dikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 160

PENOLAKAN (A. 71, k. 31)

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

(a) Mengenai Pentadbiran

Bahawasanya.....si mati yang dinamakan di atas beralamat di.....yang pada masa kematiannya mempunyai harta yang terletak di Semenanjung Malaysia/Sabah & Sarawak telah mati pada.....haribulan.....20.....di....., tidak berwasiat dengan meninggalkan kepada saya (masukkan nama)..... iaitudan waris kadimnya:

Sekarang, saya....., sesungguhnya menolak segala hak dan hak milik saya kepada surat kuasa mentadbir bagi harta pusaka si mati itu.

Ditandatangani oleh.....yang tersebut pada.....haribulan.....20.....

Dihadapan saya,

.....
Peguan
(atau Pesuruhjaya Sumpah)

(b) Mengenai Probet

Bahawasanya.....si mati yang dinamakan di atas beralamat di.....yang pada masa kematiannya mempunyai harta yang terletak di **Malaya**/Sabah & Sarawak telah mati pada.....haribulan.....20.....di....., telah membuat dan menyempurnakan dengan wajar wasiat dan testamennya yang terakhir dengan bertarikhharibulan.....20..... (dengan kodisil kepadanya bertarikh.....haribulan.....20.....) dan berikutan dengan itu telah melantik saya sebagai wasi tunggal atau salah seorang wasi:

Sekarang, saya....., dengan sesungguhnya mengisytiharkan bahawa saya telah tidak campur tangan dalam harta pusaka si mati yang tersebut dan tidak akan selepas ini campur tangan di dalamnya dengan niat untuk memfraudkan pemiutang-pemiutang; dan saya sesungguhnya dengan ini menolak segala hak dan hakmilik saya kepada Probet dan pelaksanaan wasiat tersebut.

Ditandatangani oleh.....yang tersebut pada.....haribulan.....20.....

Dihadapan saya,

.....
Peguan
(atau Pesuruhjaya Sumpah)

No. 161

SUMPAH KUASA MENTADBIR (A. 71, k. 33)

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

Saya (Kami)..... sesungguhnya bersumpah (atau berikrar) dan menyatakan bahawa saya (kami) akan mentadbirkan dengan jujurnya harta pusaka dan harta benda si mati dengan membayar hutang-hutangnya setakat mana yang harta pusaka dan harta bendanya meliputi dan dikehendaki oleh undang-undang, dan mengagihkan baki harta pusaka dan harta bendanya mengikut undang-undang, dan bahawa saya (kami) akan memberi keterangan yang adil dan benar tentang pentadbiran saya (kami) jika saya (kami) dikehendaki berbuat demikian oleh undang-undang.

Diangkat sumpah (atau diikrarkan) seperti dalam Borang 74.

No. 162

BON KUASA MENTADBIR (A. 71, k. 34)

KETAHUILAH SEMUA ORANG MENGIKUT BON INI BAHAWA KAMI (SAYA)
beralamat di
beralamat di
beralamat di dan
beralamat di adalah
bersesama dan berasingan terikat dengan Pendaftar Mahkamah Tinggi, dengan jumlah sebanyak ringgit
..... (RM.....) yang akan dibayar kepada Pendaftar yang tersebut buat
masa ini sebagai pembayaran yang dikehendaki dibuat dengan sempurna dan benar kami (saya)
mengikat diri kami (saya) dan setiap seorang daripada kami, waris, wasi, dan pentadbiran kami
(saya) mengikut bon ini yang dimeteraikan dengan Meterai kami (saya) pada.....
haribulan 20

SYARAT bagi obligasi ini ialah jika terikat sebagaimana yang tersebut di atas iaitu
Pentadbir Harta Pusaka dan Harta Benda mendiang..... si mati yang mati pada
..... haribulan.....20....., sesungguhnya dengan sempurna dan benar
mentadbirkan mengikut undang-undang harta alih dan tak alih kepunyaan si mati tersebut yang
telah sampai atau akan sampai ke milikan atau pengetahuan atau sampai ke tangan dan
milikan mana-mana orang lain untuk..... maka obligasi ini menjadi tidak sah dan tidak
mempunyai kuatkuasa tetapi kalau tidak kerana itu akan terus berkuatkuasa dan berkesan
sepenuhnya.

Diterjemahkan dengan sebenarnya kepada.....iaitu
Obligator.....

Melalui penterjemahan oleh.....

(Meterai)

(Meterai)

(Meterai)

(Meterai)

Dihadapan saya,

.....
Pesuruhjaya Sumpah

No. 163

PEMBERIAN (A. 71, k. 35)

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

(a) Mengenai Probet

KETAHUILAH bahawa pada tarikh yang tertulis di bawah ini Wasiat dan Testamen Terakhir (dengan kodisil jika demikianlah halnya) (suatu salinannya ada dilampirkan bersama ini) beralamat di mendiang si mati yang mati pada haribulanpukul dengan meninggalkan harta yang terletak dalam bidang kuasa Mahkamah ini, telah dibuktikan di hadapan Mahkamah ini, dan bahawa Pentadbiran bagi semua dan tiap-tiap satu harta alih dan tak alih si mati yang terletak dalam bidang kuasa itu telah diberikan oleh Mahkamah ini kepada sebagai wasi tunggal (atau salah seorang daripada wasi atau mengikut mana-mana yang berkenaan) yang dinamakan dalam Wasiat tersebut dia (atau mereka) setelah mengangkat sumpah untuk mentadbirkannya dengan sempurna dan jujur dengan membayar hutang-hutang si mati yang patut dan legasi-legasi yang terkandung dalam Wasiatnya (atau wasiat dan kodisil-kodisil) dan memberi keterangan yang adil dan benar tentangnya pada bila-bila masa dikehendaki mengikut undang-undang.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tarikh keluaran:..... haribulan.....20.....

.....
Pendaftar

(b) Mengenai Surat Kuasa Mentadbir

KETAHUILAH bahawa pada tarikh yang tertulis di bawah ini Surat Mentadbir Kuasa bagi semua dan tiap-tiap satu harta alih dan tak alih yang terletak dalam bidang kuasa kepunyaan mendiang beralamat di si mati yang mati pada haribulan 20 dengan meninggalkan harta yang terletak dalam bidang kuasa Mahkamah telah diberikan kepada (masukkan nama dan atas sifat apa Pemberian itu diambil) dan dia yang telah mula-mula sekali mengangkat sumpah dengan sempurna dan jujur untuk mentadbirkannya, dengan membayar hutang-hutang si mati yang patut dan mengagihkan baki daripada hartanya mengikut undang-undang dan memberi keterangan yang adil dan benar tentangnya pada bila-bila masa dikehendaki mengikut undang-undang.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tarikh keluaran:..... haribulan.....20.....

.....
Pendaftar

(c) Mengenai Surat Kuasa Mentadbir De bonis non

KETAHUILAH bahawa mendiang beralamat di si mati yang mati tak berwasiat pada haribulan 20 Surat Kuasa Mentadbir mengenai semua dan tiap-tiap harta alih dan tak alihnya yang terletak dalam bidang kuasa telah diberikan oleh Mahkamah Tinggi kepada (masukkan nama dan atas sifat apa pemberian itu diambil) yang setelah mengambil kuasa mentadbir itu campur tangan dalam harta si mati tersebut dan selepas itu mati pada haribulan 20 Surat Kuasa Mentadbir bagi harta tersebut yang ditinggalkan tak ditadbirkan sedemikian telah diberikan oleh Mahkamah ini kepada (masukkan nama dan atas sifat apa pemberian itu diambil) dengan dia setelah mengangkat sumpah dengan sempurna untuk mentadbirkannya dengan jujurnya dengan membayar hutang- hutang yang patut bagi harta si mati tak berwasiat yang tersebut dan mengagihkan baki bagi hartanya mengikut undang-undang dan memberi keterangan yang adil dan benar tentangnya pada bila-bila masa dikehendaki mengikut undang-undang.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tarikh keluaran:..... haribulan.....20.....

.....
Pendaftar

(d) Mengenai Surat Kuasa Mentadbir De bonis non dengan wasiat terlampir

KETAHUILAH bahawa Wasiat dan Testamen terakhir (suatu salinannya ada dilampirkan bersama ini) oleh mendiang si mati, telah pada haribulan 20 dibuktikan dalam Mahkamah Tinggi dan Probetnya telah diberikan kepada Wasi (atau salah seorang daripada wasi) yang dinamakan di dalamnya yang selepas mengambil Probet itu mati dengan meninggalkan pentadbiran harta pusaka si mati tak selesai dan tanpa melantik dalam wasiatnya wasi bagi harta pusaka itu dan ketahuilah selanjutnya bahawa pada haribulan 20 surat kuasa mentadbir dengan wasiat mengenai semua dan tiap-tiap harta alih dan harta tak alih si mati yang terletak dalam bidang kuasa dan ditinggalkan tak ditadbirkan seperti tersebut tadi telah diberikan oleh Mahkamah ini kepada (masukkan nama dan atas sifat apa pemberian itu diambil) dia setelah mengangkat sumpah dengan sempurna untuk mentadbirkannya dengan jujurnya dengan membayar hutang- hutang yang patut bagi harta si mati tak berwasiat yang tersebut dan mengagihkan baki bagi hartanya mengikut undang-undang dan memberi keterangan yang adil dan benar tentangnya pada bila-bila masa dikehendaki mengikut undang-undang.

Bertarikh pada.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Tarikh keluaran:..... haribulan.....20.....

.....
Pendaftar

(e) Kepada Peguam

Seperti dalam (b) di atas dengan memasukkan selepas diberikan kepada, peguam yang dilantik dengan sempurnanya bagi (salah seorang daripada anak atau waris kadim yang sah di sisi undang-undang kepada si mati yang tersebut atau sebagaimana yang berkenaan) untuk kegunaan dan faedah..... yang tersebut sehingga dia telah mendapat pemberian surat kuasa mentadbir itu untuk diri sendiri.

(f) Kepada Penjaga

Seperti dalam (b) di atas dengan memasukkan selepas diberikan kepada, sebagai penjaga di sisi undang-undang bagi budak, kanak-kanak dan waris kadim yang sah di sisi undang-undang kepada si mati yang tersebut dihadkan sehingga salah seorang daripada budak tersebut mendapat pemberian untuk diri sendiri.

No. 164

KAVEAT (A. 71, k. 37)

(Tajuk seperti dalam Borang 168 atau sebagaimana yang berkenaan)

Tidak dibenarkan pemberian dimeteraikan dalam harta pusaka mendiang si mati yang mati pada haribulan 20 pukul tanpa diketahui oleh beralamat di yang mempunyai kepentingan sebagai (perihalkan di sini jenis kepentingan itu).

Bertarikh.....haribulan.....20.....
Catatan No.haribulan.....20.....

Kerani

.....
*Pengkaveat
atau Peguam bagi*

Alamat untuk penyampaian kepada saya ialah

No. 165

AMARAN KEPADA PENGKAVEAT (A. 71, k. 37)

(Tajuk seperti dalam Borang 6 atau sebagaimana yang berkenaan)

Kepada..... yang beralamat di, satu pihak yang memasukkan kaveat dalam harta pusaka si mati.

Kamu adalah dengan ini diberi amaran, dalam masa 14 hari selepas penyampaian ini ke atas kamu, termasuk hari penyampaian:

(1) untuk memfailkan suatu notis kehadiran dalam Borang 188 sama ada secara sendiri atau melalui peguam kamu di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, dengan membentangkan apakah kepentingan yang kamu ada dalam harta pusaka si mati yang dinamakan di atas, yang bertentangan dengan kepentingan pihak yang atas permintaannya amaran ini dikeluarkan; atau

(2) jika kamu tidak mempunyai kepentingan yang bertentangan tetapi ingin menunjukkan sebab terhadap pemeteraian pemberian kepada pihak itu, untuk mengeluarkan dan menyampaikan notis meminta arahan daripada Pendaftar.

Dan ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar berbuat demikian, mahkamah boleh bertindak untuk mengeluarkan suatu pemberian probet atau kuasa mentadbir bagi harta pusaka tersebut tanpa mengambil kira kaveat kamu.

Bertarikh.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

Dikeluarkan atas permintaan (di sini nyatakan nama dan kepentingan termasuk tarikh wasiat itu, jika ada, yang menurutnya kepentingan itu berbangkit) pihak yang memberi amaran, nama peguamnya, dan alamat untuk penyampaian. (Jika pihak yang memberi amaran itu bertindak secara sendiri, maka ini mestilah dinyatakan).

No. 166

KEHADIRAN DALAM AMARAN ATAU SITASI (A. 71, k. 37)

(Tajuk seperti dalam Borang 6)

Kaveat No..... bertarikh haribulan 20 (atau Sitasi bertarikh
..... haribulan 20)

Nama dan alamat penuh si mati

Nama dan alamat penuh orang yang memberi amaran (atau pensitasi).....

Nama dan alamat penuh pengkaveat (atau orang yang disitasi)

Masukkan kehadiran untuk pengkaveat (atau orang yang disitasikan) yang dinamkan di atas dalam perkara ini.

Bertarikh.....haribulan.....20.....

.....
Peguam bagi

Alamat untu penyampaian ialah

No. 167

SITASI (A. 71, k. 41)

(Tajuk seperti dalam Borang 6 atau sebagaimana yang berkenaan)

(a) Sitasi oleh Abang atau Adik Lelaki kepada Bapa untuk Menerima atau Menolak Kuasa Mentadbir.

Kepada..... yang beralamat di

Bahawasanya ternyata mengikut suatu affidavit oleh yang difailkan pada haribulan 20 bahawa beralamat di mati pada haribulan 20 sebagai seorang bujang tanpa seorang ibu dan tidak berwasiat, dengan meninggalkan kepada kamu bapanya yang sebenar dan sah di sisi undang-undang dan waris kadimnya;

Dan bahawasanya juga ternyata bahawa ialah abang atau adik lelakinya yang sebenar dan sah di sisi undang-undang si mati yang tersebut dan anak kamu yang sebenar dan sah di sisi undang-undang.

Maka dengan ini kamu yang tersebut adalah dikehendaki bahawa, dalam masa 14 hari selepas penyampaiannya, termasuk hari penyampaian, kamu hendaklah menyebabkan kehadiran dimasukkan oleh kamu di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Tinggi, dan menerima atau menolak surat kuasa mentadbir harta si mati yang tersebut atau menunjukkan sebab mengapa ia tidak patut diberikan kepada yang tersebut.

Dan ambil perhatian bahawa jika kamu ingkar membuat kehadiran dan menerima dan mencabut surat kuasa mentadbir tersebut maka Mahkamah akan meneruskan tindakan mengikut undang-undang, walaupun dengan ketiadaan kamu.

Bertarikh.....haribulan.....20.....

(Meterai)

.....
Pendaftar

(b) Sitasi untuk Menerima a atau Menolak Probet

Kepada..... yang beralamat di

